PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA	**KHAMIS, 07 MEI 2015**	**BIL. 8 TAHUN 13**

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Marsan bin Kassim, DMIJ., SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 7 Mei 2015 jam 9:30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Yang Ketiga Belas.

Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmaanirrahim. (Berselawat). Saya dan Ahli-Ahli Dewan Negeri merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah berlangsung pada 23 Mac 2015 yang lalu dengan penuh istiadat dan disaksikan oleh Raja-Raja Melayu dan seluruh rakyat Malaysia. Dan, ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah yang telah dimahkotakan sebagai Permaisuri Johor.

Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor yang diadakan dengan gilang-gemilang, penuh tradisi dan mengikut adat istiadat Kesultanan Johor itu sudah pasti akan menjadi kebanggaan seluruh rakyat khususnya rakyat di Negeri Johor. Semoga Allah SWT merahmati Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang kita kasihi. Daulat Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9:35 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10:30 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sukacita saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ahli-Ahli Yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

DYMM Tuanku Sultan Johor : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmaanirrahim. Dengan nama Allah yang maha pemurah, lagi maha mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam, selawat dan salam kepada junjungan besar kita nabi Muhammad, semulia-mulia rasul, serta para sahabat-sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada pagi yang berbahagia ini.

Saudara saudari sekalian, setinggi-tinggi kesyukuran saya zahirkan di Dewan yang mulia ini, di atas sempurnanya Istiadat Kemahkotaan yang telah berlangsung pada 23 Mac yang lalu. Detik bersejarah tersebut haruslah diingati dan dihayati maksudnya oleh setiap rakyat Johor kerana mahkota itulah lambang kedaulatan negeri kita sejak 130 tahun yang lalu. Kedaulatan negeri Johor mestilah dipertahankan dan sejarah kemasyhuran negeri Johor harus dikembalikan sebagai sebuah negeri yang paling maju dan makmur di Semenanjung Tanah Melayu.

Oleh yang demikian, semua rakyat hendaklah bersatu padu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan negeri Johor terus maju sehingga menjadi contoh dan disegani oleh negeri-negeri lain.

Almarhum nenda saya Sultan Ibrahim, telah menghimpunkan semua rakyat yang lahir dan tinggal di negeri Johor sebagai satu bangsa Johor yang hidup bersatu padu, walaupun berlainan keturunan, agama, dan budaya. Dengan semangat satu bangsa Johor, kita mesti bersatu hati dalam membina sebuah kehidupan yang aman sejahtera untuk generasi muda masa kini dan anak-anak cucu kita yang akan datang.

Suka saya ingatkan kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri dan pemimpin-pemimpin kerajaan supaya jangan sekali-kali mencuba untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat di negeri Johor ini. Saya sedar Ahli-Ahli di Dewan ini, mewakili parti politik yang berbeza, tetapi saya yakin dan percaya semuanya berpegang kepada satu asas yang sama iaitu memperjuangkan kepentingan rakyat. Adalah amat sukar untuk kita memenuhi semua tuntutan yang disuarakan oleh setiap rakyat, tetapi di Dewan inilah kehendak rakyat harus dibahaskan dalam suasana yang harmoni, dan segala keputusan yang telah dicapai secara majoriti hendaklah diterima dan dihormati. Gunakanlah kesempatan yang ada pada sidang kali ini untuk berbincang dengan hemah yang tinggi, bersesuaian dengan Peraturan Dewan dan adab sopan selaku bangsa Johor.

Saudara saudari sekalian, tahniah saya ucapkan kepada Menteri Besar Johor dan barisan kepimpinannya kerana telah berjaya mentadbir negeri Johor dengan baik dan cemerlang. Berdasarkan kepada Laporan Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2014, kerajaan negeri mempunyai rizab tunai sebanyak RM2.3 bilion berbanding hanya RM1.7 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi yang baik ini mestilah dikekalkan kerana dengan kedudukan kewangan yang kukuh, barulah kerajaan berupaya untuk melaksanakan program pembangunan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan rakyat. Walaupun kedudukan kewangan kerajaan yang baik, kita tidak boleh berbelanja sesuka hati kerana kita harus bersedia untuk berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa akan datang.

Kerajaan harus merancang dengan teliti dengan menyediakan satu pelan induk pembangunan yang menyeluruh dan sentiasa dipantau dan dikaji kesesuaiannya agar selaras dengan perubahan ekonomi dan kehendak masyarakat. Kita seharusnya telah belajar daripada sejarah dulu yang mana *"recession"* akan berlaku setiap 10 tahun. Oleh itu, apabila ia berlaku lagi kita telah bersedia.

Lihatlah sahaja di dalam bandar Johor Bahru, masih terdapat beberapa bangunan tinggi yang terbiar seperti Pacific Mall, Lot 1 dan Kemayan City, akibat daripada perancangan yang lemah dan kesan daripada krisis kewangan tahun 1997-1998.

Saya tahu Menteri Besar mempunyai visi yang besar untuk menjadikan Johor "*The New Economic Powerhouse*" bagi Malaysia, dan saya menyokong visi beliau supaya sejarah kemasyhuran Johor lebih seratus tahun yang lalu, berjaya dikembalikan. Semasa pemerintahan nenda saya, Almarhum Sultan Ibrahim, kerajaan British telah cuba untuk mencampuri urusan pentadbiran kerajaan Johor, tetapi Almarhum telah bertindak tegas atas prinsip "Johor mesti jadi Johor".

Semasa pemerintahan saya sekarang, saya mahu prinsip ini ditekankan dan menjadi asas kepada dasar kerajaan dan pembangunan negeri. Hanya orang Johor yang tahu tentang keadaan dan keperluan rakyat Johor. Jangan biarkan orang luar mencampuri urusan negeri kita. Sebagai contoh, saya tidak bersetuju dengan Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri pada hari Persidangan yang lalu. Ini kerana ianya telah dipinda mengikut desakan orang luar, yang cetek akal yang tidak faham mengenai kuasa Raja di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri.

Sekiranya rang undang-undang tersebut saya luluskan, maka ia tidak selaras dengan beberapa enakmen lain yang telah diguna pakai sebelum ini tanpa ada masalah, seperti Enakmen Perbadanan Johor 1968. Oleh yang demikian, saya harap Ahli-Ahli Dewan mengkaji semula rang undang-undang tersebut dan membuat pindaan yang sepatutnya supaya selaras dengan enakmen lain yang berkuat kuasa di negeri Johor.

Suka juga saya nasihatkan kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat yang mewakili rakyat negeri Johor di Parlimen supaya memikirkan dan memperjuangkan kepentingan rakyat Johor apabila berbahas dan memutuskan sesuatu dasar atau undang-undang di peringkat Persekutuan. Dengan penguasaan parti memerintah yang sama di peringkat Persekutuan dan negeri Johor, adalah wajar jika suara dan kehendak rakyat negeri Johor diberi perhatian oleh kerajaan Persekutuan.

Apa yang diperjuangkan, janganlah bersifat politik semata-mata atau atas kepentingan peribadi, tetapi dasar yang dibuat haruslah seimbang dengan kedudukan negeri dan rakyat Johor. Sebagai negeri yang menyumbangkan hasil yang besar kepada pendapatan negara, kerajaan Persekutuan seharusnya memberikan peruntukan yang lebih banyak untuk pembangunan negeri Johor dan bukan hanya tertumpu kepada pembangunan di Wilayah Persekutuan sahaja.

Baru-baru ini, kerajaan Persekutuan telah mula melaksanakan satu sistem percukaian yang baru iaitu GST. Saya percaya, kajian yang mendalam telah dibuat sebelum perkara ini diluluskan demi kepentingan kerajaan dan rakyat. Namun begitu, dasar perlaksanaannya harus sentiasa diteliti dan dikaji mengikut kesesuaian keadaan. Saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan juga turut diarah mengenakan GST terhadap perkhidmatan yang diberikan. Perkara ini adalah tidak masuk akal kerana perkhidmatan kerajaan adalah tanggungjawab asas kepada rakyat, dan tidak wajar untuk ditambah lagi dengan beban bayaran GST oleh rakyat. Oleh itu, saya minta kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya tidak mengenakan GST terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan seharusnya meminta pengecualian daripada kerajaan Persekutuan.

Saudara saudari sekalian, negeri Johor mempunyai kedudukan geografi yang strategik kerana berjiran dengan sebuah negara maju iaitu Singapura. Hubungan rapat antara Johor dan Singapura telah terjalin sejak dahulu lagi. Dan, kita saling membantu antara satu sama lain. Oleh yang demikian, apa juga dasar kerajaan yang melibatkan kepentingan jiran kita dan hubungan dua hala, haruslah dibincangkan dahulu dan mengambil kira pendapat mereka sebelum diputuskan.

Kerajaan Persekutuan juga diminta menghormati sentimen negeri Johor sebelum memutuskan sebarang persetujuan dengan Singapura. Ini kerana, segala dasar yang dibuat dirasai secara langsung oleh rakyat dan negeri Johor. Saya juga berharap supaya kerajaan negeri mengambil peranan yang aktif dalam hubungan kerjasama dengan Singapura dan tidak mengikut sahaja apa yang ditetapkan oleh kerajaan Persekutuan. Hakikatnya Singapura adalah jiran terdekat kita yang harus kita contohi. Walaupun Johor dan Singapura berkongsi banyak persamaan, tetapi kemajuan yang dicapai oleh Singapura jauh lebih pantas.

Satu perkara yang menarik yang boleh kita contohi daripada Singapura adalah perpaduan rakyat yang telah dibentuk daripada sistem pendidikan asas satu aliran dan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ia telah terbukti berkesan dalam pembangunan negara dan penyatuan masyarakat yang berbilang bangsa di Singapura. Oleh itu, saya menggesa rakyat Johor supaya berfikiran terbuka terhadap sistem pendidikan negara dan sanggup untuk berubah demi kemakmuran masyarakat dan pembangunan jangka panjang.

Pendidikan adalah asas kepada pembentukan generasi akan datang. Sekiranya di peringkat kanak-kanak lagi pendidikan telah dibuat secara berasingan, berasaskan kaum dan bahasa, maka sampai bila-bila pun akan wujud ruang perbezaan dalam masyarakat yang berbilang kaum dan bahasa di Malaysia. Saya yakin sistem pendidikan sekolah satu aliran akan mewujudkan integrasi kaum di peringkat kanak-kanak dan seterusnya menghasilkan sebuah masyarakat yang lebih harmoni dan bersatu-padu serta berdaya saing untuk menempuh cabaran yang akan datang.

Saudara saudari sekalian, isu pembangunan perumahan adalah satu perkara utama yang sering dibahaskan kerana rumah atau tempat tinggal adalah satu keperluan asas manusia. Oleh itu, kerajaan haruslah bijak dalam menguruskan sektor pembangunan hartanah untuk mengimbangi permintaan dan penawaran. Pelabur atau pemaju hartanah pastinya akan menjalankan kajian yang mendalam sebelum merancang sesuatu pembangunan dan mereka amat sensitif dengan dasar atau prosedur kerajaan yang sering berubah-ubah dan tidak konsisten. Oleh itu, suka saya ingatkan kerajaan supaya lebih berhati-hati sebelum menetapkan sesuatu dasar atau peraturan dan setiap keputusan yang telah dibuat mestilah di maklumkan kepada umum dengan segera supaya tidak timbul kekeliruan atau salah faham yang akan merosakkan pasaran hartanah.

Kerajaan juga haruslah berbincang dan mendapatkan pandangan daripada persatuan pemaju hartanah yang terlibat dengan dasar yang akan dikuatkuasakan supaya kepentingan semua pihak akan dijaga. Negeri Johor merupakan tempat pelaburan hartanah yang utama di Malaysia kerana kedudukan yang strategik. Oleh itu, kita memerlukan dasar pelaburan dan pembangunan yang konsisten dan mesra pelabur untuk mengekalkan kepercayaan pelaburan.

Kerajaan juga harus memberikan penekanan terhadap pelaksanaan projek-projek infrastruktur asas yang menjadi pemangkin kepada pelaburan hartanah di negeri Johor seperti projek kereta api laju Johor Bahru-Kuala Lumpur dan "*rapid transit*

system" ke Singapura. Rujuklah dahulu pandangan kerajaan Johor sebelum membuat keputusan mengenai projek tersebut.

Jika 3 tahun kebelakangan ini, pasaran hartanah di negeri Johor telah melonjak secara mendadak, kini pasaran hartanah dirasai seakan semakin lemah. Namun saya yakin, permintaan terhadap pembangunan hartanah di Johor masih cerah dan akan kekal bertahan.

Apa yang saya perhatikan, permintaan terhadap pembelian hartanah masih melebihi penawaran, tetapi terdapat faktor lain yang menghalang pembeli dan pelabur, iaitu kesukaran untuk mendapatkan kemudahan pinjaman bank. Sekiranya pihak bank tidak memberi peluang kepada golongan muda berpendapatan rendah untuk membuat pinjaman, maka sampai tua lah mereka tidak akan memiliki rumah sendiri. Saya berharap pihak bank memberi kelonggaran pinjaman bagi mengatasi masalah ini.

Saya juga mencadangkan kerajaan agar memperbanyakkan lagi skim rumah sewa-beli untuk membantu golongan pendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Di samping permintaan daripada pembeli tempatan, kita juga mengharapkan permintaan daripada pembeli warga asing untuk membantu pertumbuhan sektor hartanah negeri kita. Oleh itu, kerajaan harus segera mewujudkan dasar bagi zon antarabangsa untuk merancakkan pelaburan asing dan bagi mengimbangi harga rumah untuk penduduk tempatan. Pasaran hartanah amat sensitif kepada laporan media. Dan, saya perhatikan ada pihak media yang sengaja memberikan laporan negatif pasaran di Johor. Oleh itu, saya minta pihak kerajaan untuk sentiasa memberikan maklumat yang tepat kepada umum mengenai setiap dasar yang dibuat.

Saudara saudari sekalian, untuk mencapai tahap kesejahteraan hidup yang selesa, kita mestilah mengamalkan budaya hidup yang bersih dan sihat di dalam diri masing-masing dan bersama-sama menjaga kebersihan. Saya perhatikan masih ada segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab, membuang sampah merata-rata dan mencampakkan sampah keluar dari kenderaan tanpa ada rasa segan silu. Dalam mendisiplinkan, saya harap pihak kerajaan bersikap lebih tegas dalam mendisiplinkan manusia yang tidak berakal ini.

Saya selalu memberi penekanan kepada tahap kebersihan dan keceriaan bandar, terutama di Johor Bahru kerana saya sukakan bandar yang bersih dan tersusun. Pihak Majlis tidak perlu membazir untuk pergi keluar negara jauh-jauh untuk belajar mengenai kebersihan bandar kerana contoh yang terbaik adalah negara jiran kita. Saya harap pihak Majlis dapat belajar daripada Singapura cara menjaga kebersihan bandar dan sama-sama dapat bekerjasama mewujudkan suasana kehidupan bandar yang tersusun, bersih dan selesa.

Saya juga mahukan semua Pihak Berkuasa Tempatan menyusun semula pemasangan papan iklan di bangunan kedai supaya seragam dan tidak menutup tingkap atau fasad kedai tersebut. Tindakan juga perlu diambil terhadap *billboard* yang dipasang di jejantas dan di tepi-tepi jalan yang mempunyai saiz dan ketinggian yang berbeza-beza yang sangat merbahaya dan mencacatkan pemandangan sekitar bandar. Janganlah bandar Johor Bahru ini esok jadi bandar *billboard*.

Saya juga merasa marah dan dukacita apabila melihat iklan pinjaman wang atau "ah-long" ditampal merata-rata tempat dan mengotorkan bandar kita. Ambillah

tindakan dengan tegas dan jika dapat ditangkap, suruh mereka bersihkan kotoran yang telah di buat sebagai hukuman.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mewujudkan beberapa mercu tanda dan taman peringatan di semua daerah bersempena Kemahkotaan saya baru-baru ini. Saya harap kawasan tersebut dijaga dengan baik dan akan menjadi daya tarikan kepada pelancong. Masyarakat juga dinasihatkan supaya bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran taman tersebut. Janganlah merosakkan rumput, harta benda, jagalah kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dengan baik dan cermat.

Saya perhatikan ramai orang berehat di tepi kawasan pantai Lido dan Stulang pada waktu malam dan apabila hari siang esoknya banyak sampah dan bekas-bekas minuman keras bersepah bertaburan. Saya harap pihak penguat kuasa menjalankan rondaan dengan lebih kerap pada waktu malam minggu dan mengambil tindakan serta-merta kepada orang yang pengotor ini dan sesiapa yang meminum arak secara terbuka di tempat awam perlu ditegur.

Saudara saudari sekalian, dalam dunia yang berteraskan teknologi Internet dan penggunaan media sosial tanpa batasan, pelbagai ancaman dan penyebaran maklumat yang palsu amat mudah untuk sampai kepada semua masyarakat. Ini termasuklah penyebaran dakwah agama Islam yang bersifat pelampau atau ekstremis. Suka saya nasihatkan kepada semua umat Islam supaya tidak terikut-ikut dengan fahaman pelampau ini. Kita mestilah bersikap sederhana dan sentiasa berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bagi membendung gejala ini, saya mahu Jabatan Agama Johor meningkatkan pemantauan melalui Ketua-ketua Kampung dan guru-guru agama di setiap daerah. Tindakan penguatkuasaan bersama pihak Polis juga mesti diambil dengan segera supaya ancaman ini dapat dihapuskan sebelum menjadi lebih parah.

Saudara saudari sekalian, bagi menyokong pembangunan negeri, kita memerlukan jentera perkhidmatan kerajaan yang efisien dan berkesan. Segala permohonan hendaklah diproses dengan segera mengikut prosedur yang ditetapkan. Semestinya banyak jabatan dan agensi kerajaan akan terlibat dalam memproses sesuatu permohonan. Oleh itu adalah penting adanya koordinasi yang tersusun antara jabatan negeri dan Persekutuan, bukannya mengambil tindakan secara berasingan dan bercanggah antara satu sama lain.

Sistem kerajaan yang efisien juga akan memberikan hasil kerajaan yang lebih baik. Kerajaan juga mestilah menekankan kepada tindakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menghalang kecurian dan kehilangan hasil kerajaan. Contohnya pencerobohan tanah secara besar-besaran, pembalakan hutan secara haram dan pencurian hasil perlombongan tidak dapat dikawal kerana kekurangan anggota penguat kuasa dan pencerobohan berlaku jauh di dalam hutan. Sudah tiba masanya kerajaan menggunakan kaedah baru yang lebih efisien seperti menggunakan helikopter bagi menjalankan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan dari udara.

Saudara saudari sekalian, kemakmuran dan keamanan yang kita kecapi hari ini adalah hasil usaha kerajaan dan segenap lapisan masyarakat yang memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk memajukan negeri Johor. Keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat tidak akan diperolehi sekiranya rakyat hidup berpecah-belah. Oleh itu, saya ingatkan kepada semua rakyat di negeri Johor ini supaya terus hidup bersatu padu dan menjaga keamanan serta kemakmuran negeri kita.

Amalkan budaya hidup bangsa Johor yang sederhana dalam semua perkara, beradab sopan dan bertolak ansur antara satu sama lain tanpa mengira agama, keturunan atau warganegara. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga negeri Johor akan terus maju dan makmur dan rakyatnya hidup dengan aman sentosa, bersatu padu dan bermuafakat.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Penggal Ketiga Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.
Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA.
(Mufti Negeri Johor membaca doa).

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga Ahad, 10 Mei 2015, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA	AHAD, 10 MEI 2015	BIL. 8 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN., SSAP., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Marsan bin Kassim, DMIJ., SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan sesi Persidangan kali ini, sukacita saya merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah merasmikan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada 7 Mei 2015 yang lalu.

Sukacita juga saya dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor merafak sembah ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas pengurniaan Pingat Kemahkotaan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Sesungguhnya pengurniaan pingat ini amatlah dihargai yang mencerminkan kepercayaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas peranan dan sumbangan Ahli-Ahli Dewan Negeri ke arah kemakmuran Negeri Johor demi kepentingan rakyat Johor dengan prinsip "Johor mesti jadi Johor".

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa Allahyarham Yang Berhormat Encik Mohamadon bin Abu Bakar yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Johor Kawasan Sedili mulai 21 Oktober 1990 hingga 10 November 1999 telah meninggal dunia pada 9 April 2015.

Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh beliau ditempatkan di kalangan orang-orang soleh dan bagi yang beragama Islam membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur. Al-Fatihah. (Berdiri).

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 8 hingga 12 Tahun 2015.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Senai jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Sila nyatakan jumlah hartanah yang dimiliki warga asing pada tahun 2014 mengikut jenis hartanah serta kategori pemberi dan penerima pindah milik.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat daripada Senai telah membangkitkan persoalan mengenai hartanah yang dimiliki oleh warga asing pada tahun 2014, mengikut jenis hartanah serta kategori pemberi dan penerima pindah milik.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, sektor hartanah di Johor meliputi subsektor perumahan, komersial, industri, pertanian, tanah pembangunan dan lain-lain lagi.

Sepanjang 2014, bilangan transaksi pindah milik harta bagi negeri Johor direkodkan sebanyak 58,547 transaksi. Jumlah itu berdasarkan kepada Laporan Tahunan Pasaran Hartanah 2014, yang telah dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara ataupun NAPIC.

Bagi tempoh yang sama, kerajaan negeri hanya meluluskan sebanyak 7,830 permohonan kebenaran perolehan bagi kepentingan asing dan daripada jumlah itu, sebanyak 6,315 permohonan yang diluluskan, adalah bagi kategori bangunan dan rumah kediaman.

Manakala selebihnya pula adalah bagi kategori turun milik kuasa melalui pusaka iaitu sebanyak 140 permohonan dan pembelian tanah secara pajakan, sebanyak 1,375 permohonan.

YB Speaker : Yang Berhormat Senai jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Minta Menteri Besar sila nyatakan proses zon antarabangsa untuk kepentingan warga asing dan juga bila zon antarabangsa akan dijadikan dan yang paling penting itu, syarat-syarat untuk pemaju-pemaju melancarkan projek di zon antarabangsa. Adakah pemaju-pemaju yang menerima dana atau memberi dana, membeli dana di zon antarabangsa dan memajukan projek perumahan di kawasan tersebut diminta dibina 40% itu kuota untuk rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah untuk warga Malaysia juga? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih, terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Senai.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa kini sedang dalam proses untuk mewujudkan zon antarabangsa. Dan, antara yang perlu dilakukan ialah melalui proses ini mengenal pasti kawasan tumpuan yang dijadikan sebagai zon antarabangsa. Dan, pada masa yang sama, syarat-syarat yang akan terpakai bila wujudnya zon antarabangsa.

Secara umumnya yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan ialah kewujudan zon antarabangsa itu nanti akan dapat mengehadkan dan mengawal pemilikan hartanah warga asing dalam negeri Johor. Ini secara langsung apabila apa yang hendak dilakukan akan dapat memastikan warga asing tidak memiliki pegangan hartanah yang sepatutnya dimiliki oleh rakyat tempatan.

Selain daripada itu, apabila diwujudkan pasaran hartanah di zon antarabangsa, ia sudah tentulah akan menjadi lebih berdaya saing di antara projek-projek yang terdapat dalam zon tersebut, tanpa menjejaskan harga pasaran hartanah yang dimiliki rakyat tempatan yang terletak di luar zon itu. Jadi, kita mewujudkan, bercadang mewujudkan zon antarabangsa bagi tujuan untuk melindungi kepentingan rakyat tempatan yang terdapat di luar zon tersebut.

Dan seperti yang telah saya katakan, kita masih lagi sedang melalui proses, kita mengharapkan supaya dapat kita selesaikan perkara ini sebelum akhir tahun.

YB Speaker : YB Semarang?

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan.

Hari ini kita berhadapan dengan persepsi kononnya negeri Johor terutama Johor Bahru sedang mengalami lambakan pemilikan hartanah oleh warga asing. Persepsi ini telah menyebabkan ada rakyat Johor yang bimbang malahan ada juga yang panik kerana mereka terpaksa bersaing dengan warga asing untuk memiliki hartanah di dalam negeri mereka sendiri.

Soalan saya, apakah benar pemilikan warga asing di negeri ini berada dalam tahap luar kawalan seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat daripada Semarang.

Saya ingin ambil kesempatan ini untuk menegaskan sekali lagi bahawa persepsi pemilikan hartanah asing berada di tahap luar kawalan di Johor adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang sistematik dan bersepadu demi mengawal jumlah pemilikan hartanah asing di Johor. Memang kita tidak nafikan ada pihak-pihak yang cuba menakut-nakutkan rakyat dengan memberi persepsi yang salah ini.

Dan untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, negeri Johor ini masih lagi milik mutlak rakyat Johor. Dan, apa yang boleh kita nyatakan ialah kalau kita lihat kepada hak milik berdaftar yang terdapat di negeri Johor, jumlah keseluruhan hak milik sehingga 31 Disember 2014 adalah 1,304,975 hak milik. Daripada jumlah itu, hak milik berdaftar atas nama warga asing hanya 9,459 hak milik iaitu 0.72%. Dan kalau kita lihat hak milik strata, terdapat 93,411 petak. Dan daripada jumlah itu, yang berdaftar atas warga asing hanya 1,088 hak milik iaitu 1.16%. Jadi, adalah tidak benar bahawa soal pemilikan hartanah berada di luar kawalan dalam negeri Johor. Selagi Kerajaan yang ada kerajaan Barisan Nasional, kita pasti akan mempertahankan perkara ini. (Dewan bertepuk).

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan.

Dalam Persidangan Dewan yang lepas, Yang Amat Berhormat MB ada membangkitkan menyatakan mengenai kesungguhan komitmen kerajaan negeri untuk menambah jumlah peratusan tanah rizab Melayu di negeri ini. Untuk itu, adakah dengan meningkatnya peratusan tanah rizab Melayu di negeri ini mampu menyekat pertambahan pemilikan harta tanah di kalangan warga asing di negeri Johor? Ini kerana memandangkan bahawa warga asing tidak dibenarkan membeli atau memiliki harta tanah di kawasan rizab Melayu. Mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat MB.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Rengit. Ada beberapa pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk menyekat dan menghalang warga asing daripada memiliki hartanah di negeri Johor selain daripada soal, tanah-tanah rizab Melayu memang tak boleh dibeli oleh orang asing. Antaranya ialah pertama, kita mengguna pakai garis panduan perolehan hartanah yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan. Yang mana warga asing hanya boleh membeli rumah yang berharga minimum RM1 juta. Itu yang pertama.

Kedua, melalui usaha kerajaan negeri, melalui Pejabat Tanah dan Galian, kita memperkenalkan dasar baru perolehan hartanah oleh kepentingan asing iaitu di mana bukan sahaja kerajaan negeri menggunakan garis panduan perolehan yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan. Tetapi kerajaan negeri juga mengehadkan pemilikan warga asing di dalam satu-satu projek hartanah dengan mengenakan kuota kepada sesuatu projek tersebut. Dan, juga, kerajaan negeri menetapkan bahawa mana-mana warga asing yang menetapkan di negeri ini terhalang daripada memiliki rumah kediaman, kedai yang dikategorikan sebagai kos rendah dan kos sederhana rendah. Dan orang asing juga tidak dibenarkan untuk memiliki rumah kediaman jenis teres setingkat ataupun satu setengah tingkat. Yang itu, orang asing memang tidak boleh beli.

Dan, sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Rengit memang benar, sesuatu tanah yang di rizab Melayukan memang tak boleh dibeli oleh orang asing. Dan kalau pada tahun yang lepas, saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, jumlah keluasan tanah-tanah rizab Melayu adalah seluas 432,157 hektar atau 22.8% daripada keluasan negeri Johor, saya ingin dengan sukacita memaklumkan bahawa sehingga 30 April 2015, keluasan tanah rizab Melayu adalah seluas 554,924 hektar ataupun 29.2% iaitu meningkat 6.4% dalam negeri Johor. Jadi, satu jumlah yang membanggakan. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Yang Berhormat Semerah jemput.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Apakah langkah-langkah pencegahan awal yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pelajaran dalam menangani kes-kes buli yang masih lagi berlaku di sekolah berasrama penuh termasuk aliran Agama yang sering di *viral* kan di media sosial?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa memandang serius terhadap masalah buli yang berlaku di kalangan murid-murid sekolah termasuk mereka yang menjadi penghuni asrama di semua sekolah di bawah kawalannya di Negeri Johor ini.

Antara langkah-langkah pencegahan yang dilakukan, yang pertama pada tahun 2005, pihak Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah, yang mana telah diedarkan di sekolah-sekolah dan kemudian pada tahun 2014, buku ini telah dicetak semula dengan memasukkan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan menangani masalah buli di sekolah.

Kemudian pada tahun 2006, Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengeluarkan buku khas yang disebut sebagai Program Integrasi Tangani Anti Sosial ataupun singkatannya PINTAS, yang mana dalam program ini menitikberatkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah disiplin sekolah, di mana dalam perkara Awas 6 dan juga 8, menyebutkan tentang bagaimana untuk menangani masalah buli ini.

Selain daripada itu, pihak Kementerian dari semasa ke semasa sentiasa mengeluarkan pekeliling-pekeliling tertentu untuk meningkatkan usaha-usaha bagi menangani masalah buli dan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah mengadakan program-program dan juga langkah-langkah antaranya

mengadakan Permuafakatan antara Jabatan Pendidikan dengan pihak Polis. Permuafakatan ini merupakan mesyuarat berkala antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor dengan pihak Polis dan juga melihatkan Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah seluruh Negeri Johor.

Yang kedua, pihak Jabatan Pendidikan juga telah menubuhkan Majlis Permuafakatan Pejabat Pelajaran Daerah yang mana dianggotai oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah sendiri bersama-sama dengan Rela, Polis, Ketua-ketua Masyarakat, PIBG dan juga Jabatan-jabatan yang berkaitan termasuk juga pihak-pihak swasta.

Yang ketiga, pihak Jabatan Pendidikan juga dari semasa ke semasa mengadakan program-program, kem jati diri, motivasi dan juga program bina insan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai risiko ataupun rekod disiplin ini. Selain daripada itu, pihak Polis juga telah melantik pegawai perhubungan sekolah di semua sekolah. Kalau di peringkat sekolah menengah kebangsaan, mereka yang bertaraf sekurang-kurang Assistance Supt. Polis. Kalau di sekolah kebangsaan, pangkat sekurang-kurangnya Ketua Polis Balai.

Jabatan Pendidikan juga menjalankan pemantauan yang mengejut ke sekolah-sekolah yang mempunyai kes-kes tertentu dan di samping mengadakan program-program khas di sekolah-sekolah yang berkaitan.

YB Speaker : Jemput Semerah.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan supaya paparan yang telah di *viral* kan di media sosial ini yang sentiasa berulang-ulang. Jadi, yang pastinya kesannya ialah ia menjadi kebimbangan kepada masyarakat. Jadi, apakah tindakan Kerajaan supaya tidak di *viral* kan setiap tahun kadang-kadang peristiwa itu berlaku 3, 4 tahun tetapi masih sehingga sekarang masih ada lagi. Terima kasih Tan Sri.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peristiwa buli yang di *viral* kan di media sosial itu sebenarnya berlaku pada tahun 2012 di Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Agama Bugisiah di Benut, Pontian, yang disebut sebagai Peristiwa Singlet Hitam. Dan pada ketika itu, sekolah ini masih belum masuk dalam sekolah agama bantuan kerajaan. Sekolah ini masuk dalam skim sekolah agama bantuan Kerajaan pada tahun 2013. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri tidak ada kuasa yang tertentu untuk menghalang pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini untuk... supaya tidak mem *viral* kan. Itu tanggungjawab di peringkat Kementerian Komunikasi Multimedia.

YB Speaker : Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya adalah berapa kerap lawatan atau rondaan dibuat oleh pihak Polis di persekitaran sekolah-sekolah untuk mencegah masalah gengster, samseng dan juga buli? Sebab banyak kongsi gelap mula merekrut ahli mereka dari masa waktu sekolah. Mereka yang ponteng sekolah dan juga mereka kalau yang melepak di persekitaran sekolah, banyak anasir kongsi gelap yang cuba merekrut mereka dari umur yang agak muda. Apakah usaha dilakukan oleh Jabatan Pendidikan dan juga Polis untuk menangani masalah ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya katakan tadi di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri, memang kita ada yang disebut sebagai Permuafakatan oleh Jabatan Pendidikan dan Polis. Dan pihak PDRM sendiri ada meletakkan pegawai-pegawai perhubungan sekolah daripada pihak Polis yang sentiasa dari semasa ke semasa, dia memantau apa yang berlaku di sekolah. Isunya ialah kalau perkara itu berlaku di dalam kawasan sekolah, maka pihak sekolah pihak Jabatan bertanggungjawab. Tetapi kalau perkara itu berlaku di luar sekolah, pihak Jabatan tak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, ada kes-kes tertentu yang pihak Polis dapat makluman tentang pergerakan pelajar-pelajar yang terlibat dalam perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Skudai tadi, pihak Polis akan menghubungi pihak sekolah dan mengambil tindakan-tindakan. Termasuklah tadi mengadakan program-program khas di sekolah tersebut.

YB Speaker : Yang Berhormat Jorak, jemput.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Berapakah jumlah kampung Orang Asli mengikut Parlimen di negeri Johor dan keperluan perumahan yang masih diperlukan bagi keluarga yang memerlukan. Berapakah jumlah rumah yang dibina bagi tahun 2015?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat ADUN Jorak yang telah memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli. Untuk makluman, tumpuan kerajaan dalam membangunkan masyarakat Orang Asli khasnya di negeri Johor akan berterusan dari masa ke semasa.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, hanya 19 Parlimen sahaja yang terdapat perkampungan Orang Asli dalam negeri Johor antaranya Segamat, 1; Labis ada 8; Parit Sulong, 3; Batu Pahat, 3; Pulai, 2; Pasir Gudang, 3; Tebrau, 2; Gelang Patah, 1; Sembrong, 10; Simpang Renggam, Kluang hanya 1; Tenggara, 3; Kota Tinggi dan Pengerang setiap Parlimen 1; Mersing, 9; Pontian, 2; Ledang, 3; Pagoh, 6.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi keperluan perumahan (PBR) bina baru bagi keseluruhan negeri Johor adalah sebanyak 360 unit yang masih diperlukan jumlah ini telah pun di muktamadkan sejajar dengan garis panduan PBR SPKR RMK-10, KKLW Bil.1/2012 yang dikeluarkan oleh KKLW. Walau bagaimanapun, ianya juga tertakluk kepada peruntukan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Dan, bagi tahun 2015 kerajaan telah pun membina 65 unit PBR bina baru yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,6 juta dan kerajaan juga telah membaik pulih rumah masyarakat Orang Asli 53 unit melibatkan peruntukan sebanyak RM583,000. 00.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini kerajaan terus membantu dan menyalurkan pembangunan berbentuk infrastruktur, ekonomi, sosial dan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli khasnya negeri Johor.

YB Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 4.

Senaraikan semua produk baru pelancongan di Johor yang telah diusahakan pada tahun 2014 serta 2015 di mana ia boleh diselenggarakan atau dipromosikan secara kekal dan berterusan untuk kemajuan industri pelancongan Johor.

YB Speaker : Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Adakah produk pelancongan baru di Johor sebagai membantu menarik kehadiran pelancongan ke Johor?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab soalan 4 dan soalan 5 secara serentak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa produk pelancongan terbaru di negeri Johor yang menarik lebih kenal dibuka sepanjang tahun 2014 dan 2015. Antara produk-produk tersebut adalah seperti Pusat Membeli Belah JBCC atau lebih dikenali sebagai KOMTAR, Taman Tema Keluarga Angry Bird Activity Park yang diusahakan oleh pihak Johor Corporation dan dalam Agro Tourism yang dikenali sebagai PPNJ Agro Park yang diusahakan oleh pihak Persatuan Peladang Negeri Johor di daerah Kota Tinggi.

Produk-produk ini memenuhi kluster pelancongan atau dengan izin, *Tourism Development Cluster* yang dikenal pasti oleh Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor tahun 2014 hingga 2023, iaitu bagi TDC *Leisure Shopping, Family Fun* dan sektor *Agro Tourism*. *Cluster Family Fu*n akan diperkuatkan lagi dengan sebuah Taman Tema Air di Mount Austin Johor Bahru yang sedang dalam peringkat akhir pembinaannya.

Seperti yang semua sedia maklum bahawa Istiadat Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah disempurnakan dengan jayanya pada bulan Mac yang lalu, juga mempunyai daya tarikannya tersendiri dan banyak produk pelancongan sampingan yang telah siap dibina bersempena dengan Istiadat Kemahkotaan tersebut.

Produk-produk seperti Taman Merdeka Johor Bahru, yang mempunyai tarikan baharu iaitu pancutan air berirama setiap malam, Gerbang Mahkota di Istana Bukit Serene Johor Bahru, paparan skrin LED besar di hadapan bangunan MBJB, landskap dan pencahayaan bandar raya yang kreatif telah meningkatkan daya tarikan Bandaraya Johor Bahru. Kesemua produk percuma ini dapat menambahkan aktiviti atau pengisian pakej *City Tour* bagi para pelancongan dan pelancongan peka atau *fit*, dengan izin. Pelancong domestik khususnya pengunjung tempatan turut mendapat manfaat kepada, dapat mendapat, kerana melapangkan masa mereka bersama ahli keluarganya pada hujung minggu untuk melawati produk-produk percuma ini.

Selain itu, gerbang-gerbang mahkota baru yang terdapat di daerah-daerah seluruh negeri Johor juga adalah daya tarikan pelancongan yang terbaharu, yang berkemampuan untuk dijadikan sebagai mercu tanda baharu bagi menarik lebih ramai pelancong merasai dan melihat gambaran yang lebih jelas berkenaan Istiadat Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor serta mengetahui makna dan nilai istiadat tersebut kepada negeri Johor.

Di samping itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah melepaskan Tekun Jata Kerajaan Negeri di Taman Dasar Laut Sultan Iskandar pada 28 April 2015 yang lalu. Ini adalah sebagai langkah pemuliharaan, bantuan pembiakan hidupan laut dan daya tarikan kepada para pelancong terutamanya yang meminati aktiviti menyelam atau *scuba diving* dengan izin, untuk melihat sendiri Taman Dasar Laut Sultan Iskandar ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara sedunia ini telah cuba sedaya upaya untuk melindungi khazanah atau budaya Orang Asli daripada pupus di dunia ini. Dan apa yang berlaku sekarang ialah banyak pembangunan seperti Forest City, Country Garden dan sebagainya telah mempengaruhi sara hidup dan kehidupan Orang Asli. Dan, apa yang saya nak tekankan di sini adalah, adakah kerajaan, ramai yang, banyak-banyak kerajaan telah pun menggunakan khazanah Orang Asli ini sebagai satu produk pelancongan. Contohnya di New Zealand, mereka telah memperkembangkan kesenian dan kebudayaan Mouri untuk tatapan sedunia dan mereka juga ada, orang cakap apa? Mouri Market dengan izin, yang untuk menjadi, menjual barangan tradisi orang Mouri, dan di negara Kanada juga, mereka cuba sedaya upaya untuk melindungi budaya INIUIT, yang dengan membina rumah tradisi, pertunjukan daya dan teknik kemahiran kehidupan, perfileman dan sebagainya. Program-program pelancongan dan sebagainya. Ini akan meningkatkan daya saing hidup mereka dari segi pelancongan supaya kita membina satu produk pelancongan yang mempunyai kesan berpanjangan yang lestari.

Jadi soalan saya adalah, adakah kerajaan berhasrat meletakkan agenda untuk membangunkan pelancongan persisiran *show line tourism* dan juga kawasan-kawasan di mana adanya penempatan Orang Asli dengan memajukan khazanah Orang Asli sebagai produk pelancongan baru di samping menolong mereka dalam arus pembangunan ini.

YB Speaker : Ok.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Kemudian, tahniah diucapkan juga kepada Jabatan Pelancongan Johor di mana telah mengambil bahagian dalam Ekspo Pelancongan di *Singapore* yang masih berlangsung hari ini, tetapi saya rasa ada sedikit perkembangan, kemajuan yang boleh kita lakukan ya. Sebagaimana kita sedia maklum, kalau kita tengok JBCC punya Angry Bird Theme Park di luar, dia ada buat satu aktiviti berbentuk demo ya. Saya rasa ini sangat *interesting,* sangat, sangat baguslah.

YB Speaker : OK.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Jadi saya menyarankan adalah kalau...

YB Speaker : Yang Berhormat, itu dah berucap, ini bertanya.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Sikit, sikit, satu dua ayat lagilah. (Dewan ketawa). Kalau pada masa depan, kalau kita membuat pameran pelancongan yang bertaraf antarabangsa. Pada pendapat saya adalah, kita perlu menyediakan banyak aktiviti berbentuk demo di depan ya, kaunter kita, di depan pondok kita supaya nampak lebih bertaraf antarabangsa sedikit. Kita tak boleh hanya kita buat...

YB Speaker : Ok

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Buat pameran dengan duduk sahaja. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Stulang kerana memberi cadangan dan pandangan, dan puji kepada Jabatan Pelancongan. Memang industri pelancongan, memang kena sama-sama berusaha dan kita mempunyai Pelan Induk Pelancongan di mana kita sama-sama mengadakan aktiviti untuk memperkasakan lagi dan promosi atau pun produk berada di negeri Johor ini. Memang kita sentiasa bekerjasama semua pihak termasuklah Yayasan Warisan. Kita mengadakan segala produk-produk Orang Asli juga. Kalau Yang Berhormat senang, kita boleh jemput Yang Berhormat ke Endau–Rompin, kita mengadakan taman yang begitu tua juga Kampung Orang Asli di sana. Kita ada aktiviti juga dengan produk-produk diusahakan oleh Orang Asli dan itu juga sedikit sebanyak kita mewujudkan produk berbagai di negeri Johor.

Negeri Johor ini rasa bertuah kerana kita mempunyai produk-produk orang tua sampai orang muda boleh datang ke negeri Johor. Ada orang muda suka punya, budak kecil yang suka punya, Angry Bird, semua orang tua juga. Kalau mereka suka alam semula jadi juga boleh datang ke Johor. Itulah satu kelebihan dan keistimewaan negeri Johor.

YB Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tahniah di atas kesungguhan pihak Pelancongan untuk memajukan industri pelancongan negeri Johor ini. Saya dari Maharani ingin mengucapkan terima kasih jugalah di atas *tag line* Bandar Muar yang dikatakan Bandar Pelancongan Unik tetapi saya ingin bertanya, adakah ini memberi kesan yang positif atau yang nampak oleh rakyat tentang *tag line* ini sedangkan saya tak nampak kehadiran pelancong asing di Bandar Muar yang sudah menjadi Bandar DiRaja sekarang. Tetapi hari ini hari minggu, kalau Yang Berhormat datang ke Bandar Maharani Bandar DiRaja, bukan pelancong tetapi kebanjiran warga asing. Jadi apakah tindakan pihak Pelancongan bagi memastikan bahawa yang hadir adalah pelancong asing bukan warga asing membanjiri bandar ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga kepada ADUN Maharani. Memang saya, produk di daerah Muar memang ditarafkan Bandar DiRaja dan memang kita banyak aktiviti atau satu galakan yang kita telah, disampaikan kepada agensi-agensi industri pelancongan di mana kita boleh bekerjasama dengan negeri Melaka, mana wujudkan satu pakej bersama-sama pelancong sama ada mereka mengunjungi negeri Melaka dan juga melancong ke daerah Muar. Dan sebanyak, sedikit sebanyak juga kita promosikan daerah Muar juga adalah satu bandar bersejarah dan itu juga telah diterima oleh banyak pelancong mahupun domestik atau antarabangsa. Kalau YB, macam mana saya pun tak faham YB, macam mana beza itu pekerja asing atau pelancong dari

antarabangsa. Saya, ini satu, ini saya tak tahu tapi kita faham juga kerana mereka dibanjiri oleh pekerja asing pun pelancong dari antarabangsa pun juga mereka berbelanja di kedai-kedai di Bandar DiRaja Muar ini .

YB Speaker : Jemput, Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Tadi YB EXCO telah sebut banyak punyai produk baru. Soalan tambahan saya, dalam berusaha dalam produk baru bagaimanakah perancangan pihak kerajaan terhadap tempat rekreasi atau tempat pelancongan yang telah dibiar seperti Wet World di Batu Pahat, tambahan pula untuk makluman YB EXCO, saya belum dapat tiket percuma bagi Legoland saya. Terima kasih. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih kepada ADUN Johor Jaya. Saya nak, kalau di Dewan yang mulia ini kita berjanji akan tunai. Kalau ADUN Johor Jaya, bila-bila masa saya sambut dan saya juga berani, pasal kita tak boleh kahwin lebih tapi *girl friend* (Dewan ketawa*).* Dan juga ini orang anak Pontian. Ini Johor Jaya sampai Batu Pahat pun jaga juga tapi produk, kalau pelancongan berada di Batu Pahat dia ini dimiliki oleh *private sector* atau dengan izin, persendirian memang dia kena usaha oleh syarikat-syarikat yang tersendiri. Kerajaan setakat, tahap kita boleh mempromosikan produk-produk yang telah diusahakan manakala mereka mempunyai masalah dan juga kena diusahakan oleh syarikat dia sendiri.

YB Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Adakah kerajaan bercadang melantik syarikat konsesi untuk menyenggara jalan-jalan negeri?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tanjung Surat telah bertanyakan adakah kerajaan bercadang untuk melantik syarikat konsesi untuk menyelenggara jalan-jalan negeri. Kerajaan telah bersetuju pada dasar untuk melaksanakan pengurusan dan penyelenggaraan rangkaian jalan raya negeri berasaskan prestasi secara konsesi. Pada waktu ini terdapat dua kaedah yang biasanya iaitu kaedah secara konvensional dan kaedah yang berasaskan prestasi.

Perkembangan dan pembangunan teknologi jalan raya memberi satu dimensi baru kepada skop penyelenggaraan jalan raya di negara ini. Dengan sistem pengurusan jalan yang perlu lebih holistik dan efektif. Kontrak berasaskan prestasi Yang Berhormat Tan Sri, untuk pengurusan dan penyelenggaraan rangkaian jalan raya adalah satu konsep yang direka untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi penyelenggaraan jalan. Ia bagi memastikan keadaan fizikal jalan raya di bawah kontrak adalah memuaskan untuk keperluan pengguna jalan raya sepanjang tempoh kontrak yang biasanya beberapa tahun.

Kontrak jenis ini memperluaskan peranan sektor swasta dari aspek perlaksanaan kerja yang mudah kepada pengurusan dan pemuliharaan aset-aset jalan. Buat masa sekarang kontrak secara konvensional yang diamalkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan, kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas perlaksanaan

kerja-kerja yang biasanya ditakrifkan oleh Jabatan Kerja Raya dan kontraktor, dibayar atas dasar harga unit bagi kerja-kerja yang berbeza iaitu kontrak berdasarkan amalan penyelenggaraan. Keputusan yang dalam banyak kes masih kurang daripada yang diharapkan. Masalahnya ialah kontraktor mempunyai insentif yang salah iaitu melaksanakan jumlah kerja yang maksimum, untuk memaksimumkan perolehan dan keuntungan.

Di bawah cara konvensional ini, ia telah diperhatikan bahawa walau pun banyak kerja dilakukan dan banyak wang dibelanjakan oleh kerajaan, kualiti perkhidmatan keseluruhan untuk pengguna jalan raya bergantung kepada kualiti reka bentuk yang diberikan kepada kontraktor, yang diberikan kepada kontraktor yang tidak bertanggungjawab ke atas reka bentuk itu dan keputusan kadang-kadang adalah tidak memuaskan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, maka atas dasar itu pengurusan dan penyelenggaraan berasaskan prestasi secara konsesi akan menangani isu insentif. Kontraktor tidak dibayar terus untuk *input* dengan izin, atau kerja-kerja fizikal yang dilaksanakan tetapi untuk *output*, iaitu pemulihan awal jalan mengikut piawaian yang ditetapkan. Perkhidmatan penyelenggaraan untuk memastikan supaya tahap kualiti tertentu tercapai di jalan raya merangkumi semua perkhidmatan, penyelenggaraan fizikal dan juga bukan fizikal yang berasingan. Kerja-kerja pemulihan awal yang telah dinyatakan dengan jelas oleh majikan sebagai contoh Jabatan Kerja Raya, dalam kontrak akan disebut harga berdasarkan kuantiti *output* yang boleh diukur dan dibayar sebagaimana dilaksanakan. Konsep ini juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dijangka bukan saja membawa pada peningkatan kecekapan yang ketara seperti yang dinyatakan, tetapi juga ianya merupakan satu inovasi dalam teknologi. Terima kasih.

YB Dato Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan.

YB Speaker : Nak saya...

YB Dato Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Bagaimanakah kontraktor-kontraktor kecil dapat terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri ini setelah syarikat konsesi mula beroperasi.

YB Speaker : Ya lah. Dia sepatutnya sesiapa yang diseru oleh Speaker, baru boleh bercakap. Jadi ini semua dah mendahulukan Speaker. Oklah pagi ini Speaker baik hatilah. Ok. Yang Berhormat EXCO jemput jawab.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Surat. Apabila kerajaan bercadang untuk melaksanakan penyelenggaraan jalan-jalan negeri secara konsesi ini, pihak kerajaan juga mengambil kira bahawa syarikat-syarikat yang dilantik nanti perlulah membina atau membangunkan program-program bagi tujuan untuk melahirkan lebih banyak kontraktor-kontraktor yang mempunyai kemahiran dalam bidang pembinaan jalan. Jadi ini bererti bahawa syarikat-syarikat konsesi yang akan dilantik oleh kerajaan nanti akan mengemukakan KPI masing-masing dan melalui KPI-KPI tersebut, kerajaan akan berpeluang untuk membuat penilaian terhadap keupayaan dan kemampuan serta peluang-peluang yang boleh disediakan kepada kontraktor-kontraktor kecil, kontraktor-kontraktor yang boleh dibangunkan melalui program ini. Terima kasih.

YB Speaker : Tiram, jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara faktor kemalangan berlaku ialah kerana ada juga jalan-jalan yang tidak di selenggara dengan baik, berlubang dan sebagainya. Jadi saya nak tahu, bagaimana kaedah pemantauan apabila syarikat konsesi ini dibeli, diberi sebuah kawasan, di mana kadang-kadang kita dapati bahawa jalan-jalan yang berlubang ini atau pun jalan-jalan yang tidak di selenggara dengan baik, yang menyebabkan kemalangan ini kadang-kadang lewat apa itu nak diturap semula atau pun diperbaiki termasuklah prestasi kontraktor yang mungkin melaksanakan kerja-kerja kemudahan lain seperti TNB, apa tu Telekom dan sebagainya, di mana bila mereka menggali jalan-jalan tersebut, kadang-kadang dia lewat untuk, untuk memperbaiki atau pun menurap kembali. Sebagai contoh semalam di Sungai Tiram sampai ke pagi ini ada masalah. Kontraktor gali tengah-tengah jalan, melintang jalan tapi dia tak *stand by* dengan *crasher run*, dengan batu. Jadi, sedangkan lori lalu dekat situ satu hari beratus. Jadi sampai pagi tadi saya menerima panggilan, banyak panggilan, empat, lima panggilan sampai dua, tiga kilometer *jammed* kerana mungkin kecuaian daripada kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja di jalan negeri ini.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kiranya kita tidak menafikan akan kenyataan Yang Berhormat Tiram bahawa cabaran kepada penyelenggaraan jalan-jalan, sama ada jalan negeri atau pun jalan *federal* yang untuk sekian lama masih merupakan cabaran yang belum lagi dapat kita carikan penyelesaian yang terbaik ialah apabila jalan-jalan yang dah disiapkan itu perlu dikorek semula oleh syarikat-syarikat utiliti dan malangnya kerja-kerja membaik pulih pengorekan tersebut tidak kadang kala dibuat dengan sempurna dan menimbulkan pelbagai *contractual issue,* dengan izin.

Jadi itu merupakan cabaran Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang kerajaan mengambil maklum perkara ini dan amat berharap melalui penyelenggaraan secara *performance based* ini, secara prestasi ini, di mana antara pengisian kepada perlaksanaan kerja-kerja tersebut ialah:

i. Mewujudkan Unit Inspektorat di bawah Jabatan Kerja Raya bagi tujuan pemantauan penyelenggaraan di seluruh rangkaian jalan-jalan di negeri Johor.

Selain daripada itu,

ii. Perlaksanaan penyelenggaraan secara konsesi juga akan membantu kerajaan negeri membuat perancangan peruntukan penyelenggaraan secara *preventive* untuk jangka masa panjang.

iii. Mengoptimumkan bajet penyelenggaraan jalan-jalan negeri di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

iv. Memudahkan penyesuaian dibuat antara peruntukan yang dipohon dan kerosakan sebenar yang ada di tapak.

v. Kaedah penilaian kerosakan dan keutamaan yang seragam akan diguna pakai oleh Juru Perunding dan syarikat konsesi bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri.

Maka Juru Perunding yang dilantik akan membantu kerajaan dalam menyediakan program-program kerja penyelenggaraan dan kos yang terlibat serta memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi terpilih untuk kesempurnaan kerja-kerja tersebut termasuklah menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tiram sebentar tadi. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 7.

Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh SRS dan KRT dalam membantu mewujudkan suasana selamat di kawasan-kawasan perumahan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, KRT sebenarnya berperanan untuk menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan dan juga program-program yang melibatkan kesihatan, kesejahteraan rakyat, ekonomi di kalangan anggota masyarakat. Dan KRT dan SRS juga sebenarnya berperanan menjadi agen penyampai dan penerima maklumat, menyiasat dan juga memerhati semua isu-isu dan juga berkaitan dengan konflik-konflik yang di, melibatkan masyarakat setempat di dalam kawasan Rukun Tetangga, dan di mana hasil dari pemerhatian ini KRT boleh menyampaikan isu tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan.

KRT juga mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu dan wajar untuk membolehkan penduduk dilindungi daripada apa-apa aktiviti jenayah, sosial dan juga ketika berlakunya bencana. Dan kalau kita lihat, terdapat 12 bidang aktiviti yang boleh dianjurkan menerusi KRT dan SRS. Dan di antaranya adalah seperti program-program Sosial, Program Sukan dan Kesihatan Dan Alam Sekitar, Program Rekreasi, Program Keselamatan, Program-program Kebajikan, Program Agama, Pendidikan, Program Ekonomi, Kesenian dan Kebudayaan, program-program bersifat patriotik dan juga Program Pendampingan Sosial.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekiranya kita melihat kepada perlaksanaan Program SRS di bawah KRT. Skim Rondaan Sukarela merupakan kunci dalam menangani jenayah di kawasan Rukun Tetangga, selain mempertingkatkan semangat kejiranan dalam kalangan penduduk dan juga menambah kesedaran masyarakat tentang keselamatan dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan masyarakat setempat. Dalam memperkasakan Skim Rondaan Sukarela anjuran Jabatan Perpaduan Negara, kerajaan telah memperkenalkan pelaksanaan rondaan secara bersama dengan agensi-agensi yang lain selaras dengan slogan dengan izin, *united against crime,* di mana dalam Program Rondaan ini ianya dilaksanakan bersama dengan agensi-agensi keselamatan selain dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta.

Kaedah pelaksanaan ini mampu mewujudkan hubungan yang rapat antara agensi keselamatan, PBT dan juga masyarakat setempat selaras dengan *emboss* dengan izin, *National Blue Ocean Strategy*. PBT yang dilaksanakan ialah antaranya selain daripada rondaan-rondaan di kawasan komuniti setempat, mereka juga mengedarkan risalah dan *flyers* dengan izin, yang berkaitan dengan keselamatan komuniti. Selain itu, tinjauan berkala seperti yang saya katakan tadi juga, sering dilaksanakan terutamanya di kawasan-kawasan *hot spot* di kawasan perumahan-perumahan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Nyatakan keberkesanan peranan yang dimainkan oleh SRS dan KRT dalam membantu mewujudkan suasana selamat di kawasan-kawasan perumahan. Contohnya, adakah dengan adanya SRS dan KRT ini dapat membantu mengurangkan kadar jenayah atau pun pecah rumah di kawasan perumahan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekiranya kita lihat kita di negeri Johor pada setakat tahun 2014, kita mempunyai sebanyak 732 KRT dan 525 SRS di seluruh negeri Johor. Dan sebenarnya kebanyakan KRT dan SRS menjalankan aktiviti mereka secara aktif dan kita dapat lihat kepada keberkesanan dalam setiap program yang mereka anjurkan khususnya di kawasan-kawasan perumahan masing-masing.

Walau bagaimanapun, di peringkat jabatan kita sedar bahawa terdapat juga beberapa kelemahan terutamanya di mana kelemahan ini adalah hasil daripada sikap kepimpinan di peringkat KRT-KRT tertentu. Dan, antara faktor yang menyebabkan kepada kelemahan dan juga menyebabkan KRT-KRT itu tersebut tidak dapat bergerak secara aktif, mungkin mereka yang menjadi pemimpin. Antara faktornya ialah mungkin faktor kerja, mungkin pemimpin sudah kurang sihat ataupun faktor usia dan sebagainya. Jadi, di peringkat jabatan kita mengambil kaedah diplomasi di mana pegawai-pegawai Jabatan Perpaduan khususnya di peringkat daerah akan berjumpa dengan kepimpinan KRT-KRT tersebut, berbincang dengan mereka untuk mengetahui apakah sebabnya aktiviti-aktiviti di peringkat KRT tersebut mungkin prestasinya semakin menurun ataupun kurang aktif. Mungkin sekiranya adanya faktor seperti yang saya katakan tadi faktor kerja, faktor usia dan sebagainya. Kita akan menggalakkan terdapat kepimpinan itu ditukar mungkin dengan orang yang seterusnya ataupun membawa pemimpin-pemimpin di kalangan belia-belia untuk mengambil alih kepimpinan KRT tersebut. Dan, dengan cara ini kita percaya bahawa KRT-KRT tersebut terutamanya SRS juga dapat diaktifkan semula untuk menjalankan aktiviti yang telah pun diputuskan oleh peringkat KRT. Dan, dengan cara ini, kita percaya bahawa KRT tersebut akan terus berperanan untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan di kawasan mereka.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa di peringkat jabatan juga kita membuat kajian, di mana Kajian Rasa Selamat di setiap kawasan-kawasan yang mempunyai KRT dan SRS. Di mana pihak jabatan akan mengedarkan borang analisa keberkesanan Rukun Tetangga dan Rondaan SRS yang akan diedarkan kepada lapisan masyarakat khususnya di kawasan KRT tersebut. Di mana kita akan membuat *survey* dengan izin, *survey* daripada penduduk setempat mengenai keberkesanan KRT dan juga SRS di kawasan mereka. Dan saya ingin menyatakan di sini bahawa kebanyakan KRT hampir 95% KRT-KRT di Negeri Johor berada di dalam keadaan yang positif hasil maklumat daripada penduduk setempat. Mereka berpuas hati dengan kepimpinan dan juga aktiviti-aktiviti KRT yang dijalankan. Dan, juga kita kena sedar bahawa kesukarelawan ataupun SRS yang dilaksanakan di peringkat KRT tersebut, anggota SRS sebenarnya tidak dibayar sebarang gaji ataupun imbuhan. Ia adalah kerja-kerja kesukarelawan dan dapat dilihat dari hasil keberkesanan iaitu keselamatan komuniti mereka adalah terjamin di samping mereka juga membantu pihak keselamatan mencegah dan memerangi jenayah. Dan, dengan keberkesanan SRS-SRS khususnya di kawasan perumahan kita juga

telah membantu pihak PDRM untuk mengurangkan jenayah khususnya di kawasan *hot spot* di kawasan-kawasan perumahan. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah soalan-soalan yang dapat kita jelaskan, kita jalankan pada hari ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan ataupun dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa Jurutulis telah menerima Rundingan daripada Yang Berhormat Pekan Nenas di bawah Peraturan Tetap Bilangan 30(2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor mengenai ketidakyakinan terhadap Perdana Menteri Malaysia. Setelah disemak dan diteliti dalam menimbangkan Rundingan tersebut dibenarkan untuk dibahaskan atau tidak, saya merujuk Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bilangan 45(xvi) di mana perangai atau tingkah laku Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ataupun sesiapa jua di antara Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja Negeri Melayu atau Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang atau Melaka atau sesiapa jua di antara Pemangku-Pemangku Raja atau Ahli Pangkuan Raja bagi sesebuah negeri atau Ahli-Ahli Parlimen atau Ahli-Ahli Dewan Negeri atau Hakim-Hakim atau lain-lain orang yang bertanggungjawab pada menjalankan keadilan atau Ahli-Ahli bagi sebarang Suruhanjaya Perkhidmatan yang ditubuhkan menurut Bahagian 10 dalam Perlembagaan Persekutuan atau Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri atau Ahli-Ahli Suruhanjaya Pilihan raya tidak boleh dibangkit dikecualikan atas sesuatu Rundingan yang tertentu dan dalam pindaan atau soalan kepada seseorang ahli atau kenyataan-kenyataan dalam perbahasan atau sesuatu Rundingan yang mengenai sebarang perkara lain maka sebutan tentang perangai atau tingkah laku seorang daripada yang tersebut di atas ini menyalahi peraturan mesyuarat.

Berdasarkan sekatan tersebut, Ahli Dewan tidak boleh menjadikan Dewan Negeri ini satu ruang bagi membincangkan perkara yang bukan di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah undang-undang yang sedia ada. Oleh yang demikian, Rundingan yang dibawa oleh Ahli Pekan Nenas adalah ditolak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga pukul 11:00 pagi.

Persidangan di tangguhkan pada jam 10:25 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:00 pagi.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita sambung semula. Rundingan untuk Menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, saya persilakan Yang Berhormat Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Sed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan bahawa suatu ucapan menjunjung kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut:

Ampun Tuanku. Adalah patik, Speaker, dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Tan Sri Speaker, saya ingin juga menjunjung setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku Sultan sempena kemahkotaan Baginda pada 23 Mac yang lalu dalam satu istiadat gilang gemilang yang penuh sejarah. Saya mendoakan agar Tuanku sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat hendaknya. Titah ucapan Tuanku Sultan selama 35 minit merangkumi banyak perkara yang dekat dengan hati Baginda. Baginda seorang Raja yang prihatin terhadap nasib rakyat Johor yang Baginda panggil sebagai Bangsa Johor.

Saya ingin juga mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin kerana dapat meningkatkan rizab tunai negeri ini kepada RM2.3 bilion pada tahun 2014 berbanding RM1.7 bilion pada tahun sebelumnya. Maka, tidak hairanlah Tuanku Sultan juga telah mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan kepimpinan kerajaan kerana telah berjaya mentadbir negeri Johor dengan baik dan cemerlang. Syabas Dato' Menteri Besar.

Saya yakin Tan Sri Speaker, semua ADUN-ADUN khususnya ADUN dari parti saya khususnya ataupun BN sentiasa berazam untuk memberi perkhidmatan terbaik pada rakyat negeri Johor dan membantu kerajaan negeri untuk mencapai matlamat pembangunan negeri ini. Apatah lagi dengan kenaikan elaun-elaun ADUN-ADUN yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2015, tidak ada sebab bagi kami berkhidmat sambil lewa di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab kami. Negeri Johor adalah sebuah negeri dalam kedudukan yang strategik dari segi geografi dan mempunyai infrastruktur yang baik seperti rangkaian jalan raya, sistem bekalan air, pelabuhan-pelabuhan, lapangan terbang dan lain-lainnya. Tetapi ini semua tidak mencukupi dan memerlukan peningkatan pembesaran dan keupayaan untuk menampung pembangunan ekonomi negeri Johor yang makin pesat ketika ini. Baginda Sultan ada menyentuh tentang GST, di mana Baginda meminta kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya tidak mengenakan GST terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan meminta pengecualian daripada kerajaan persekutuan dalam hal GST ini. Pada hemat Baginda, perkhidmatan kerajaan adalah tanggungjawab asas kepada rakyat.

Dalam hal ini, saya ingin menyarankan kepada Jabatan Kastam agar membuat kajian semula ke atas perkhidmatan kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenakan GST. Syabas kepada kerajaan negeri Johor yang telah mengambil tindakan proaktif menanggung lebih daripada RM3 juta cukai GST yang dikenakan ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh 16 Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri Johor. Ini sebagaimana yang diumumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan semalam. Ini adalah langkah awal kerajaan sementara menunggu pengecualian GST daripada Jabatan Kastam.

Tan Sri Speaker, apa yang mengecewakan saya apabila titah ucapan Baginda mengenai GST ini diputarbelitkan atau dengan izin, di *spin* kononnya Baginda bertitah sistem pencukaian GST ini tidak masuk akal. Sedangkan apa yang Baginda maksudkan dengan perkhidmatan kerajaan dan Kerajaan Tempatan. Dan GST ini, saya anggapkan boleh saya katakan sebagai seorang wanita yang cantik. GST ini memang cantik, sistem percukaian yang baik, cekap dan telus. Bila cantik, ada juga di kalangan mereka yang tidak suka dengan orang yang cantik. Kalau orang

perempuan cantik, orang lelaki ada yang suka, ada tak suka. Yang perempuan pun begitu.

YB Speaker : Betul ya, betul ya?

YB Dato' Ir. Sed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Ya. Yang lelaki kenapa tak suka? Dengan izin, dia tak dapat *tackle* perempuan itu, jadi dia cerita yang buruk tentang perempuan itu. Begitu juga yang perempuan, pasal dia tak secantik perempuan yang cantik itu, dia pun mengutuk perempuan itu. Contoh perempuan yang cantik itu dikatakan kalau pada pandangan ramai adalah cantik tapi ada lelaki ini kata, kurang tinggi, tak cukup tinggi. Yang ini kata pula hidung kurang mancung, ada yang kata mata besar, mata galak, tahu Kukup mata galak, bukan mata gelak. Mata galak ini pada ada lelaki kata seksi tetapi ada lelaki yang memandang mata galak ini seksa. Jadi oleh yang mengata seksa tu, *the noisy minority* perempuan yang cantik itu, dipandang tidak begitu cantik itulah GST, Tan Sri Speaker, lebih hampir 170 negara menggunakan sistem percukaian ini, dalam dunia ini. Hanya 20 hingga 25 aje belum menggunakan sistem ini. Dalam Negara ASEAN, kita ni nombor 8. Yang kelapan baru buat GST, yang masih belum buat Myanmar dan Brunei. Brunei tak payah sebutlah ya, dia tak ada cukai.

Jadi, Tan Sri Speaker, saya harap GST ini, satu hari akan membuktikan bahawa dia adalah sistem yang baik apabila kerajaan dapat banyak hasil dari sistem GST, pungutan GST hasil ini nanti akan di pulang balik kepada rakyat, rakyat akan merasa nikmatnya sama ada secara langsung dan tak langsung, BRIM mungkin berlipat ganda pada masa itu rakyat akan lupa kecacatan kononnya yang ada pada GST. Masalah GST sekarang ia baru dan mengalami macam-macam kekeliruan ada yang tak layak mengenakan GST tak sampai RM500,000.00 pun *turnover* dengan izin, pun mengenakan GST. Ada yang tak faham ataupun buat-buat tak faham, kelirukan rakyat. Contoh, keluar wang dari mesin ATM. Ada di tempat saya, Dato' betul ke kalau saya keluar RM1,000.00 kena potong RM60.00 daripada akaun saya, kalau saya pergi bukan bank saya untuk mengeluarkan wang. Dia jumpa saya, saya boleh terangkan, betulkan. Yang GST itu, yang dia pergi bank lain yang dia kena RM1.00.00 tu sekarang RM1.06 bukan dia kena 6%. Jadi, benda macam ini bagi orang yang tak tahu ataupun yang keliru, dia kelirukan lagi orang, jadi GST ini dilihat kejam kepada rakyat. Bila GST kejam, kerajaan zalim. Jadilah, saya harap GST ini akan membukti satu hari atau masa terdekat ini memanglah ia satu sistem yang baik.

Selain daripada itu, Tuanku juga menyentuh tentang perumahan rakyat. Perumahan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah setakat ini difahamkan 85,000 pemohon-pemohon Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ). Sasaran kerajaan untuk membina 42,000 unit RMMJ menjelang 2018, diharap akan tercapai dengan kerjasama semua pihak. Seperti di kawasan saya, lebih 6,000 pemohon memerlukan Rumah Mampu Milik. Alhamdulillah, tahun lepas telah dilancarkan satu skim rumah di Bandar Penawar, Rumah Mampu Milik yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang berjalan sekarang dan banyak lagi dalam perancangan di kawasan saya dibina yang akan dibina oleh KEJORA, SPNB, KPKT, KPRJ dan pihak swasta. Masalah yang dihadapi oleh rakyat yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah ini seperti disebut oleh, dititah oleh Tuanku, masalah mendapatkan pinjaman bank. Malah perkara ini telah pun juga ditimbulkan ataupun di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuat gesaan pada Kerajaan Malaysia dan Bank Negara supaya mencari jalan bagaimana orang-orang kampung atau orang yang berpendapatan rendah ini yang tidak ada *pay slip,* ada yang tidak ada akaun pun, untuk membolehkan mereka mendapat

pinjaman sedangkan ramai daripada mereka yang berkemampuan tetapi bukti pendapatan mereka tiada.

Akhirnya, kalau kita tidak mengatasi masalah ini rumah-rumah yang kita rancangkan untuk sasaran kita untuk orang-orang yang berpendapatan rendah atau rumah-rumah mampu milik akan akhirnya dibeli oleh orang yang bukan sasaran maknanya orang yang berpendapatan lebih, yang cukup dengan *pay slip* dan sebagainya. Jadi, masalah perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah, masalahnya akan berterusan.

Saya ingin membuat contoh, di tempat saya ramai nelayan. Nelayan-nelayan ini memanglah, tak ada *pay slip,* bank akaun pun ada yang tak ada, tapi kalau hari yang baik dia pergi ke laut dia balik dia boleh dapat 3, 4 kilo udang kara, udang kara, dengan izin, *lobster*. Dia naik, dia bawa, katakan, 3 kilo, dibeli oleh peraih RM80.00 sekilo, RM240.00 pada hari yang, pada hari tersebut pendapatannya, sedangkan untuk bayar Rumah Mampu Milik mungkin RM150.00 ataupun paling tinggi pun RM200.00. Memang mereka mampu, kalau mereka menangkap atau dapat udang dengan izin, Udang *Tu Wha Tau* He, dalam Bahasa China, Udang Kepala Besar, RM30.00 lebih kurang sekilo dia dapat 4, 5 kilo sudah RM150.00. Jadi, pada saya masalah pinjaman ini untuk rakyat pendapatan rendah, masalah pinjaman ini mesti diatasi kalau tak sia-sia saja perancangan perumahan kerajaan ini tidak dapat kita memberi kepada sasaran kita. Sasaran kita mahu mereka mempunyai rumah sendiri.

Dari Suara Hati Johor keperluan rakyat yang dikaji oleh UTM Negeri Johor keperluan pertama mereka adalah perumahan. Jadi, kita kena cari jalan macam mana kita boleh membantu mereka ini mendapat pinjaman supaya dapat mereka memiliki rumah sendiri. Dalam bab perumahan juga, saya ingin menyentuh, ini rumah, perumahan RMR ini SPNB. Saya berharap SPNB ini mengkaji semula proses perlaksanaan Rumah RMR ini. Prosesnya memakan masa dan apabila diluluskan perlaksanaannya pun lewat. Lepas itu, kalau ada yang dimulakan, dapat dimulakan kerjanya selalu sangat kontraktor-kontraktor yang dilantik tidak berkemampuan, meninggalkan projek itu setengah jalan atau meratakan tanah, cabut, mungkin harga rendah itu pun, itu pun saya tidak tahu harap pihak SPNB dapat mengatasi masalah. Bila dibuat dapat terus disiapkan ikut jadual. Ada juga kes perjanjian jual beli telah ditandatangani, geran telah diambil dalam tempat saya, di kampung saya, ada bekas Ketua Kampung hampir 3 tahun tak dibina, belum dibina oleh SPNB, gerannya dipegang oleh SPNB setelah menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli. Jadi, ini rasa saya, SPNB kena ambil tindakan memperbaiki keadaan dengan secepat mungkin. Orang kampung dah letih, letih menunggu rumah mereka bila boleh siap, bila boleh dimulakan, bila boleh ditandatangani Surat Perjanjian Jual Beli.

Selain dari itu, menyentuh mengenai FELDA, Perumahan Generasi Kedua FELDA ini, saya mengalu-alukan rumah yang diturunkan harga dari RM125,000.00 kepada RM90,000.00 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pastinya ianya dapat membantu generasi baru FELDA memiliki rumah sendiri.

Tan Sri Speaker, Tuanku Sultan juga bertitah, menyarankan agar kerajaan memberi penekanan terhadap pelaksanaan projek-projek infrastruktur untuk merancakkan pembangunan negeri selain daripada projek yang Baginda sebut, titah seperti Kereta api Laju dan RAPID Transit Sistem ke Singapura, saya yakin, pastinya infrastruktur-infrastruktur lain seperti jalan raya hendaklah diberi perhatian oleh kerajaan. Dalam konteks pembangunan industri minyak dan gas dan pelancongan di mana di bawah Parlimen Pengerang di mana bertempat industri minyak dan gas

di DUN saya, Tanjung Surat dan DUN YB Hamimah, projek pelancongan yang besar di Desaru, mestilah kita meningkatkan sistem infrastruktur yang ada untuk menampung perkembangan bukan sahaja kawasan macam tempat di Pengerang malah di IRDA, kawasan IRDA mahupun di seluruh Negeri Johor. Saya mencadangkan supaya Lebuh raya Senai – Desaru yang bahagian, yang masih 2 lorong hendaklah dilebarkan kepada 4 lorong secepat mungkin. Kerja-kerja menaikkan taraf jalan FT92 dari penamat Lebuh raya Senai-Desaru di Bandar Penawar hingga ke Sungai Rengit hendaklah dilaksanakan segera untuk menampung tambahan trafik ke kawasan pertumbuhan Pengerang.

Bekalan air bersih mestilah mencukupi untuk digunakan seluruh Negeri Johor sama ada untuk domestik mahupun keperluan industri. Saya difahamkan kerajaan negeri Johor telah memohon peruntukan sebanyak RM890 juta daripada Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Selain dari meningkatkan sistem yang ada, kerja-kerja penyelenggaraan juga hendaklah dijalankan dengan baik untuk mengurangkan kebocoran paip air. Dengan tindakan demikian, dapat mengurangkan lagi peratusan NRW dengan izin, *Non Revenue Water* , yang kini sekitar 25.7%. Walaupun ini, saya diberitahu salah satu terendah di dalam Malaysia tapi kita harus menyahut cabaran untuk mengurangkan lagi NRW ini ke tahap yang lebih rendah. Selain daripada itu, berkaitan dengan bekalan air ini juga, kawasan-kawasan tadahan air hendaklah dipelihara dan dikawal dari pencerobohan mana-mana pihak. Johor memerlukan lebih 1,300 juta liter air sehari buat masa ini dan pastinya keperluan meningkat untuk menampung keperluan daripada pembangunan-pembangunan pesat khususnya kawasan pertumbuhan IRDA di Pengerang.

Tuanku juga menyentuh mengenai fahaman pelampau dan Baginda menyeru agar rakyat Johor tidak terikut-ikut dengan fahaman pelampau dan sentiasa berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sederhana. Mungkin, Kerajaan Negeri boleh mengisytiharkan Negeri Johor sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah dan dengan demikian semua bentuk ajaran sesat selain darinya, selain daripada pelampau ajaran sesat yang lain, Syiah dan sebagainya mendapat, mereka akan mendapati bahawa negeri Johor bukan negeri yang mereka boleh menyebarkan ajaran mereka.

Fahaman IS misalnya, hendaklah disekat dari menular kerana telah ramai rakyat Malaysia terlibat tanpa mengetahui perjuangan IS sebenarnya. Remaja belasan tahun pun hendak direkrut untuk bersama berjuang dengan pejuang-pejuang IS. Saya pun tak faham kalau budak umur 15, 16 tahun pun hendak direkrut, pegang senapang pun tak terdaya nak berjuang apa. Saya, kita ada dengar bukan sahaja remaja, orang dewasa pun telah terlibat, lelaki, perempuan ada dah sampai ke Syria dan Iraq. Mengikut satu ajaran ataupun puak IS ini yang bagi mereka membunuh orang Islam tidak menjadi masalah. Kalau betul-betul rakyat khususnya rakyat Johor yang ingin sangat nak berjuang, nak berjihad dan sebagainya, nak pegang senapang, pergilah sertai tentera Palestin. Supaya diberi latihan dan berjuang melawan kekejaman Israel. Itu baru betul, kalau betul-betul hendak memperjuangkan nasib orang Islam dan agama Islam.

Tan Sri Speaker, Tuanku menyentuh juga tentang pencerobohan tanah, pembalakan haram dan kecurian hasil lombong yang berlaku di negeri ini. Aktiviti-aktiviti ini boleh menyebabkan banjir, sama ada banjir air atau banjir lumpur serta tanah runtuh. Jika berlaku boleh membahayakan manusia dan kerosakan kepada harta benda. Kita tidak mahu apa yang berlaku di Cameron Highland berlaku di negeri Johor. Sehubung dengan ini, saya kadang-kadang di kawasan kita, kita nampak tanah telah di ceroboh, dibuka sama ada secara ceroboh atau cara

betul, tapi kita tidak tahu, kita tidak diberitahu oleh Pihak Berkuasa atau pihak yang berkaitan kalau pembalakan itu Jabatan Hutan pun tak bagi tahu. Tapi rakyat tanya, tanya Penghulu, tanya Wakil Rakyat dia nampak pembalakan di kawasan ini dia kata siapa, betul ke, di lulus oleh kerajaan? Tapi kita tak dapat apa-apa maklumatkan. Jadi, saya mencadangkan supaya akan datang maklumat ini diberi kepada pemimpin-pemimpin tempatan sama ada Pejabat PTG ataupun Pejabat Tanah dan juga kalau kes balak ini Jabatan Hutan, memaklumkan kepada kita supaya kita dapat sama-sama membantu memantau kegiatan pencerobohan ini jika ada. Dan untuk memantau dan menguatkuasakan undang-undang yang ada pastilah perlu diramaikan anggota-anggota penguat kuasa. Banyak aktiviti yang dijalankan seluruh negeri Johor, saya yakin apa berjumlah yang ada di pejabat-pejabat kerajaan, anggota-anggota penguat kuasa yang berkaitan, saya yakin memang tidak mencukupi. Kalau tidak, tidak berlakulah pencerobohan haram, pembalakan haram, pencerobohan tanah dan kecurian hasil perlombongan.

Tan Sri Speaker, sebagai ADUN yang datang dari kawasan yang dengan izin PIPC; *Pengerang Integrated Petroleum Complex* iaitu mempunyai dua pelaburan besar, pertamanya *Pengerang Integrated Complex* atau lebih dikenali dengan Petronas RAPID. Projek ini mempunyai nilai pelaburan RM89 bilion. Projek ini sangat besar. Tidak pernah ada di dalam negara kita begini besar. Nak tahu berapa besar? Kawasan untuk Petronas RAPID ini 6,242 ekar. Bandingan? Nak tahu bandingan? 3,500 saiz padang bola. 3,500 saiz padang bola. Tujuh kali lebih besar daripada kawasan loji penapis minyak Melaka, tujuh kali. Tiga kali lebih besar daripada kawasan loji penapis minyak Kerteh. Besar, dengan izin, besar gila. Tiga kali ganda Kerteh, tujuh kali ganda Melaka. Besi keluli yang perlu digunakan 150,000 metrik tan. Kalau nak bayangkan payah ya. Jadi saya beritahu, dua kali besi-besi keluli yang digunakan untuk membina jambatan Pulau Pinang, jambatan yang pertama dulu. Dua kali jumlah metrik tannya dua kali, 150,000 ini adalah dua kali jambatan Pulau Pinang, 15 kali Eiffel Tower. Kan Eiffer Tower tu besi sahaja, besi keluli, 15 kali itu. Dan 4 kali penggunaan besi kelulinya Petronas Twin Tower, dua-dua Tower tu besi yang digunakan tu, di Pengerang nanti RAPID tu 4 kali banyaknya besi keluli yang digunakan. Dari segi konkrit, 1,200,000 meter padu. Banyak mana tu? KLCC Twin Towers tu buat 6 kali. Begitulah banyak konkrit yang akan digunakan dalam Projek RAPID ini.

Loji Penapis Minyak Petronas ini dijangka siap menjelang 2019 dengan kapasiti mengeluarkan, menghasilkan 300,000 tong minyak sehari. Selain daripada itu, kompleks RAPID ini mempunyai 24 loji *petrochemical* berhampiran dengan loji penapis minyak ini. Selain daripada itu, ada lagi satu projek yang diberi nama *Pengerang Deepwater Terminal*, Petroleum Terminal nilai pelaburan RM5 bilion. Bermula beroperasi pada 12 April 2014 melibatkan tanah tebus guna seluas 500 ekar oleh Dialog Berhad, SSI dan Vopark Holland. Fasa pertama kapasiti simpanan minyak 1,300,000 meter padu. Pada fasa kedua kapasiti simpanan 3,700,000 meter padu akan bermula beroperasi dijangka Oktober 2017. Setakat ini saya diberitahu lebih 160 kapal tangki telah menggunakan terminal ini setakat ini.

Selain daripada itu, ada LNG Terminal, dengan izin, *Liquified Natural Gas* pelaburan lebih kurang RM4 bilion yang akan dilaksanakan berhampiran dengan projek Petroleum Terminal Dialog itu. Pembukaan tanah yang begitu luas untuk projek-projek di atas ada membuka kawasan-kawasan hutan yang telah memusnahkan habitat hidupan liar khususnya monyet dan babi hutan. Sekarang monyet dan babi hutan berkeliaran di keliling rumah orang kampung yang tidak terlibat dengan perpindahan. Justeru itu, saya menyeru khususnya Jabatan PERHILITAN untuk menyelamatkan binatang-binatang ini, pindahkan binatang-binatang ini ke kawasan yang lebih kondusif untuk hidupan liar untuk monyet-monyet dan babi-

babi hutan ini. Begini besar punya pembangunan yang telah saya sebut tadi, tapi kalau kita datang dari Kuala Lumpur mahupun dari Selatan melalui Highway PLUS, orang yang tidak pernah tahu Pengerang di mana, tidak tahu nak pergi ke sana. Yang ada di persimpangan Senai Utara tulis Desaru. Orang tak tahu tempat minyak ini atau pun pelaburan hab minyak ini berada di Pengerang itu dekat dengan Desaru, khususnya orang luar. Mereka tidak tahu. Sehubungan dengan itu, saya minta JPDC, Johor Petroleum Development Corporation bekerjasama dengan pihak PLUS supaya memasang papan tanda di persimpangan yang strategik untuk memaklumkan jalan di mana persimpangan yang harus keluar untuk pergi ke PIPC, Pengerang Integrated Petroleum Complex.

Selain daripada itu, dengan berprojek yang begitu besar sudah tentulah memerlukan banyak pekerja. Daripada yang serendah-rendahnya hingga setinggi-tingginya. Saya sebagai ADUN di sana, saya kalau boleh hendak orang Pengerang memegang ataupun mendapat pekerjaan seramai mungkin tapi Tan Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, orang Pengerang tak begitu ramai. Jadi kalau nak yang boleh bekerjalah, yang dah ada kerja itu dia tak hendaklah tukar kerja. Jadi, untuk mendapatkan, saya lebih suka bercakap tentang keutamaan diberi kepada masyarakat di Pengerang, khususnya amnya seluruh negeri Johor hendaklah mengambil kesempatan baik dari segi mendapatkan pekerjaan mahupun peluang perniagaan. Saya menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat datanglah ke kawasan saya dan siapa-siapa daripada anak buah daripada kawasan ADUN-ADUN ini boleh beri profil kepada saya, saya akan membantu untuk menempatkan mereka bersama-sama dengan Petronas dan Dialog sesuai dengan kebolehan ataupun kemahiran mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Buat masa ini hampir dekat 10,000 pekerja. Ini adalah pakej Petronas. Petronas ini ada lebih kurang sekitar 45 *package*s yang akan diberi kepada kontraktor yang berjaya untuk menyudahkan projek ini. Setakat ini telah lebih daripada 25 rasa saya telah diserahkan kepada kontraktor dan peluang kepada untuk mendapat pekerja-pekerja kecil ataupun subkontrak, peluang untuk meniaga, meniaga makanan, *catering*, meniaga buruh asing atau meniaga apa tu dobi, dan sebagainya memang banyak. Datanglah ke Pengerang supaya saya mahu bila Petronas siap tahun 2019 nanti mereka memerlukan hampir 5,000 pekerja tetap yang akan menjalankan operasi loji penapis minyak ini dan industri *petrochemical* di kompleks itu. Jadi, saya harap kita dapat kalau tidak kata orang 30% ke, 20% ke, 25% dapat rakyat Johor kalau tidak lebih daripada itu sangat baiklah.

Jadi saya harap satu usaha untuk melatih anak-anak kita ini yang berminat di merata-rata pusat latihan yang banyak dibuat sekarang ataupun diadakan kursus kemahiran di IKBN, Institut Kemahiran Belia Negara Bandar Penawar, Kolej Komuniti, ILP, Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, INSTEP, Batu Rakit, Terengganu, Institut Teknologi Petronas dan lain-lain institusi-institusi latihan kemahiran. Beberapa anak-anak Pengerang sedang berada di setiap kolej ini ataupun institusi ini sedang berkursus, apabila mereka tamat, ada yang dah tamat tapi kemahiran mereka ada yang belum diperlukan di loji Pengerang kerana belum siap. Tapi mereka dapat cari kerja di tempat lain, mungkin di loji Melaka ataupun di luar daripada negeri Johor, Sabah, Sarawak. Saya ada seorang dari kampung saya sekarang di Myanmar, di Dubai pun ada. Jadi, ini semua memang kita galakkan.

Untuk makluman, kami ADUN-ADUN dari kawasan KEJORA, 3 Parlimen, ADUN-ADUN ada 6, kita diberi peruntukan RM200,000.00 untuk melatih, memberi latihan dan pendedahan kursus motivasi kepada mereka-mereka yang berminat untuk mencebur diri dalam bidang yang ada di Pengerang iaitu minyak dan gas dan pelancongan. Jadi, peruntukan itu amatlah dialu-alukan dan kami mengguna,

akan mengguna dengan sepenuhnya untuk mendapat sebanyak, seramai mungkin orang-orang Pengerang khususnya untuk pergi berkursus kemahiran.

Yang saya minta sekarang mengenai latihan kemahiran untuk industri minyak dan gas ini mahupun pelancongan, saya nampak *ad hoc*, dengan izin, tidak tersusun. Saya suka mencadangkan supaya ada satu unit dalam JPDC atau kalau ada lebih cadangan yang lebih baik, saya boleh pertimbangkan supaya pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pelatih-pelatih ini, bukan sahaja kita kursus kan dia, beri kemahiran kepada dia, kita hendaklah menempatkan kerja untuk mereka. Kita hendaklah bekerja rapat dengan Petronas, dengan Dialog dan semua pemain industri ini supaya kita dapat bila dilatih kita dapat tempatkan mereka bekerja. Kalau tidak kita sia-sia sahaja melatih mereka, mereka tidak tahu ke mana nak pergi ataupun tidak dapat disediakan tempat pekerjaan untuk mereka.

Jadi saya harap peranan ini dapat diambil oleh agensi rasa saya lebih baik melalui JPDC daripada UPEN untuk memastikan usaha kita ini mesti, dengan izin, *concerted effort* tidak boleh buat suam-suam kuku, sambil lewa, tidak boleh. Kita kena buat bersepadu supaya usaha kita untuk meramaikan para pekerja, para pegawai yang mahir dalam bidang minyak dan gas, pelancongan ini semua dapat diberikan pekerjaan. Selain daripada itu, saya ada melihat *trend* kontraktor yang sedang bekerja sekarang, yang dapat projek ini kalau ada pakai *welder*, mereka kalau boleh nak kasi *welder* daripada luar negara, Myanmar ke, Bangladesh ke, sedangkan ada juga *welder* kita tapi tak diterima bekerja mungkin kerana mereka ini lebih mahal gajinya ataupun susah nak dikawal. Walau bagaimanapun, saya mahu Jabatan Imigresen ini supaya mengawal pekerja-pekerja mahir ini supaya dapat betul-betul memenuhi kalau ada kekosongan kita, tidak mengenepikan rakyat tempatan. Saya harap Petronas dan Dialog janganlah berlepas tangan dalam perkara ini. Kalau panggil tender tu, *specify* ataupun jelaskan memerlukan pekerja-pekerja tempatan yang berkelayakan perlu diutamakan. Jangan lepas tangan, biar sahaja, siapa-siapa mereka boleh ambil bekerja janji pada Petronas kepada Dialog janji projek dia, tender dia dapat disiapkan mengikut spesifikasi dan dalam masa yang ditetapkan. Jadi saya harap, *player* ataupun pemain industri minyak dan gas khususnya di Pengerang nanti akan mengambil berat tentang kedudukan pekerja-pekerja tempatan supaya diberi keutamaan melebihi daripada pekerja-pekerja dari luar negara.

Selain daripada itu, saya ingin membawa kepada projek penempatan semula penduduk-penduduk dari 6 kampung ke Taman Bayu Damai. Projek ini ialah membina rumah-rumah untuk mereka yang dipindahkan penempatan mereka. Ada enam kampung telah diambil alih ataupun diambil tanah mereka dengan dibayar pampasan ke atas rumah dan tanah. Selain daripada itu mereka diberi 2 ekar setiap orang. Jadi, mereka berpindah dengan kerajaan membuat rumah mengikut nilai rumah masing-masing, ada empat jenis rumah. Kerajaan memberi subsidi rumah-rumah itu. Mereka tidak perlu membayar penuh maknanya harga jualan, yang RM245,000.00 mereka membayar RM105,000.00 sahaja. Inilah tawaran ataupun yang diberi, tawaran-tawaran yang diberi oleh kerajaan yang membuat rakyat di kawasan yang terpaksa pindah ini menerima untuk berpindah demi memajukan industri minyak dan gas negara. Satu *economic transformation program* ya dengan izin.

Tapi yang menyedihkan setelah rumah mereka dibuat, rumah ini sebanyak yang telah siap 949 rumah yang telah dibina. Lebih 100 buah rosak teruk dan berkemungkinan besar tidak boleh diselamatkan lagi, sama ada retak yang serius atau mendap. Terdapat 724 buah mengalami kerosakan kecil dan sederhana. Syarikat pembinaan Tebrau Teguh Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor *turn-*

key untuk membina rumah-rumah dan prasarana yang berkaitan. Apakah punca pembinaan begitu teruk? Berbagai andaian dibuat tapi pihak TTSB mestilah bertanggungjawab. Seolah-olah saya lihat kompeni ini bukan syarikat pemborong tetapi syarikat pembohong kerana telah mengecewakan orang kampung yang berpindah ke rumah, di mana banyak juga yang menghadapi kerosakan yang kurang teruk, yang sederhana, yang sangat teruk dan saya nampak ini adalah satu kalau kita pernah dengar skandal seks, skandal kewangan, bagi saya ini skandal pembinaan, dengan izin, *construction scandal*. Saya pula ada diberitahu syarikat yang membuat ujian tanah telah tersilap. Bayangkanlah tuan-tuan dan puan-puan, kalau dah tanah dikaji didapati silap, jadi apa sistem cerucuk atau *piling* dengan izin, yang digunakan memang tidak menepati keadaan tanah. Jadi, inilah yang memburukkan keadaan di sana.

Tan Sri Speaker, saya tidak nampak syarikat yang ada ini dapat boleh menyudahkan kerja-kerja pembaikan ini dalam masa yang terdekat. Jadi, saya menyeru kepada kerajaan negeri supaya menimbang semula masihkah perlu Tebrau Teguh ini terus di situ atau mengambil satu tindakan yang drastik supaya orang boleh pindah segera. Ada kampung yang rumah yang dekat 100 tu belum pindah lagi. Sedangkan mereka dah menerima pampasan dan sebagainya, *bulldozer* dah keliling rumah dia nak tolak. Tapi mereka tak boleh pergi, rumah tak siap, rumah tak selamat diduduki. Begitu teruknya keadaan di sana. Saya sangat harap dapat diselesaikan perkara ini secepat mungkin dan saya tidak nampak kontraktor yang ada ini boleh menyelesaikan masalah ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin membawa kepada lebih kurang cerita macam ini juga cerita pembinaan yang tidak senonoh, Mysisnet Development Sdn. Bhd. Syarikat ini dilantik oleh kerajaan Johor untuk membina asalnya 121 buah sekolah agama. Oleh kerana ada masalah tanah, 95 buah sahaja diteruskan, dulu, dengan kos melebihi RM300 juta. Setakat ini 18 buah sudah siap, 26 belum dimulakan dan baki dalam 51 buah sekolah dalam pembinaan. Yang dalam pembinaan ni sebahagian besar terbengkalai. Ada satu di kawasan saya di kawasan Sekolah Agama Tanjung Serindit, dah sampai *beam* lantai pertama dah tiga tahun tinggalkan. Dahlah berlumut, dengan dililit oleh tumbuhan, lalang, pokok pun tumbuh dalam tu, sangat menyedihkan.

Ini semua kita dulu berlaku, sekitar 20 tahun dulu, ketika Kementerian Pendidikan memberi projek, memberi, mengenalkan komputer di sekolah-sekolah. Kementerian telah melantik kontraktor untuk membuat makmal komputer tapi diberi kepada pembekal makmal tu. Janganlah, orang yang tak tahu pembinaan diberi, sebab itu terbengkalai banyak makmal ketika itu. Ini berlaku di Taman Bayu Indah, tempat saya sebutkan tadi. Ini sekolah agama, begini tinggi harga, nilai kerja. Kenapa ini semua berlaku? Bagi saya senang sahaja. Kita telah memberi kerja kepada orang yang tidak berkemampuan, baik dari segi kewangan, dari segi teknikal, orang yang tidak boleh, tidak sesuai ataupun memang dia tak bolehlah. Yang Mysysnet ni saya dengar tidak ada *background construction* langsung. Kita, jangan lupa Rasulullah SAW bersabda : " Jika amanah telah disia-siakan, tunggu sahaja kehancuran terjadi". Ada seorang sahabat bertanya, "bagaimana maksud amanah disia-siakan Rasulullah?" Nabi menjawab, "jika urusan diserahkan kepada bukan ahli, maka tunggulah kehancuran itu".

Apa yang saya timbulkan di sini ialah kerana saya tidak mahu perkara macam ini berlaku, kerana ini melibatkan bukan sahaja masa bertambah, perbelanjaan pun bertambah. Kerajaan pun akan terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih tinggi. Saya harap ini semua jadi pengajaran kepada kita supaya dapat kita pastikan hanya kontraktor yang berkemampuan diberi tugas yang sebegini besar. Lepas itu

ini *turn key* projek ni, saya tahulah, saya dulu dekat sebuah bekerja di sebuah jabatan teknikal terbesar kerajaan, tuan-tuan pun tahulah. Jadi, saya tengok macam cerita-cerita yang sebut tadi, pembinaannya, yang pada saya tidak menepati itu, menepati kehendak asal pembinaannya, saya juga suka mencadangkan di masa akan datang, projek *turn key* seperti ini, pihak UPEN hendaklah, UPEN yang mewakili kerajaan, melantik perunding pengurusan projek ataupun pasukan pemantau projek, *project monitoring team* dengan izin, yang terdiri daripada ahli-ahli profesional berkaitan, untuk memantau pelaksanaan projek-projek besar ini.

UPEN boleh memilih untuk mendapatkan daripada pihak swasta, perunding ataupun profesional-profesional swasta boleh juga, saya rasa pihak JKR boleh memikul tugas ini. Dan saya yakin sekiranya projek macam Bayu Damai, Taman Bayu Damai dan projek Mysys Net ni, pihak JKR yang memantau, pasukan pemantaunya daripada JKR apa yang berlaku tidak akan berlaku, saya yakin. Saya yakin YAB Berhormat Menteri Besar pun setuju dengan saya, kerana beliau pun dah jadi Timbalan Menteri Kerja Raya. Jadi selain daripada itu, Pengerang ini kawasan pertumbuhan baru, tidak ada Jabatan Tenaga Rakyat, sedangkan pekerja-pekerja makin bertambah dari hari ke hari. Dan saya berharap Jabatan Tenaga Rakyat mengorak langkah untuk membuka, kalau dapat Jabatan Tenaga Rakyat daerah Kota Tinggi pun ok. Tetapi sebaik-baiknya, ditempatkan di Bandar Penawar. Kat situlah, ataupun berhampiran situlah aktiviti-aktiviti banyak berjalan ya.

YB Speaker : Yang Berhormat, 3 minit je lagi.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : 3 minit. Selain itu, kesihatan pun pasal apa ni, isu kesihatan pun harus ditengok, diambil kira di kawasan Pengerang. Dengan penambahan penduduk, sebuah, walaupun banyak klinik-klinik desa di kawasan Pengerang, sebuah hospital hendaklah dirancang dan dibina segera. *Reserve* untuk tapak hospital, pun telah ada di Bandar Penawar. Dengan penduduk bertambah dengan cepatnya maka penjagaan kesihatan perlu ditingkatkan. Selain daripada itu, pastilah dengan pembangunan yang begini pesat masalah keselamatan pun meningkat. Jadi, saya menyeru supaya tindakan diambil agar anggota-anggota Polis ditambah di Pengerang, dari masa ke semasa. Dan saya berharap dengan dalam masa yang tidak begitu lama, daerah kecil Pengerang perlu mempunyai IPD sendiri.

Saya juga mengalu-alukan Lembaga Perbandaran Pengerang atau Pihak Berkuasa Pengerang yang insya-Allah akan ditubuhkan pada tahun depan, yang dapat menjadi satu Pihak Berkuasa Tempatan yang dapat mengawal pembangunan dan merancakkan pembangunan, menyusun aturkan pembangunan di Pengerang dengan lebih berkesan lagi. Saya difahamkan lembaga ini akan diterajui oleh JCorp, kerana kerajaan telah mengikuti model Pasir Gudang yang dulunya bermula dengan Pihak Berkuasa Pasir Gudang, kerana lebih cepat dari segi mengurangkan birokrasi, insya-Allah, apa yang nak dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan nanti akan lebih mudah dilaksanakan.

Tan Sri Speaker, saya menutup penghujung ini, saya ingin meminta maaf kalau ada siapa-siapa yang dapat tersentuh daripada ucapan saya ini, niat saya tiada lain untuk membaiki, mencadangkan yang baik untuk negeri Johor dan untuk kita tidak mengulang kesilapan yang lalu supaya Johor ini dapat terus kembang seperti apa, titah Tuanku, *economic power house* untuk Malaysia insya-Allah, Johor akan berjaya untuk menjadi sebuah *economic power house*. Kalau ada sumur di ladang, boleh saya menumpang mandi, kalau ada umur yang panjang, boleh saya berucap lagi.

Tan Sri Speaker, saya dengan ini mencadang rundingan menjunjung kasih ini untuk terus dibahaskan. Sekian, wabbillahi taufik walhidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Surat, yang membawa rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas titah ucapan waktu Perasmian Dewan pada 7 Mei 2015 yang lalu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan rundingan menjunjung kasih ini kita jalankan pada hari sehingga 13 Mei 2015, maknanya 4 hari dan pihak kerajaan akan menjawab pada 17 dan 18 Mei 2015. Jadi, saya berharap Yang Berhormat menggunakan kesempatan 4 hari untuk membuat ucapan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kempas.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminnurashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Bismillahirahmanirrahim, assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

YB Speaker : Tak lebih 45 minit.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminnurashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Salam muafakat, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Pertama-tamanya mewakili rakyat Kempas, kami merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas kemahkotaan ke bawah Duli Tuanku sebagai Sultan dan Yang DiPertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim. Setinggi-tinggi tahniah juga Kempas ucapkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofia Sultan Idris Shah di atas kemahkotaan sebagai Permaisuri Johor. Kempas mendoakan semoga ke bawah Duli Tuanku Sultan serta Permaisuri Johor dan rakyat jelata negeri Johor Darul Ta'zim sentiasa di dalam peliharaan Allah SWT. Dan, bersempena dengan bulan Rejab ini Kempas juga ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menambahkan gaji saraan dan pendapatan Ahli Wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini. Sudah tentunya Wakil-Wakil Rakyat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini akan berkhidmat dengan lebih gigih untuk membuktikan bahawa pencapaian kita untuk berbakti kepada rakyat dengan penuh integriti menjangkaui berlipat ganda lebih dari nilai tambahan gaji yang telah dikurniakan kepada kami, insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini adalah kali kedua Kempas mengambil bahagian di dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan di dalam Dewan yang mulia ini. Setelah kita menghalusi, titah ucapan ke bawah Duli Tuanku, kita bertambah yakin bahawa baginda bukan sahaja peka dengan apa yang berlaku di bumi Johor tetapi juga prihatin di atas apa yang dihadapi oleh rakyat Johor ketika ini. Titah ke bawah Duli Tuanku mencerminkan sebenar-benarnya apa yang terpendam di naluri dan di sanubari rakyat negeri Johor. Kempas bersukacita melihat ada titah baginda yang dijunjung perintah oleh pihak-pihak terbabit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menjunjung titah ke bawah Duli Tuanku, di atas bagaimana negara jiran kita mendidik rakyatnya, Kempas ingin menyentuh bagaimana kita menangani satu gejala sosial yang melanda anak-anak muda ketika ini iaitu dadah. Satu laman *facebook* yang menggunakan nama *Malaysian Medical Marijuana* telah dikesan sedang bergiat mempromosikan *marijuana* atau

ganja kononnya sebagai herba perubatan. Pihak yang mengendalikan laman *facebook* ini sedang berusaha untuk menyebarkan informasi kepada masyarakat bahawa *marijuana* bukannya dadah yang merbahaya tetapi mempunyai nilai-nilai perubatan yang tinggi dan pengharamannya oleh kerajaan harus ditarik balik. Perbuatan ini adalah bercanggah dan bertentangan dengan dasar dadah negara di mana *marijuana* atau ganja termaktub di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952. Laman *facebook* di dalam bahasa Melayu menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak secara global agar *marijuana* atau ganja tidak diharamkan dan meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghormati negara-negara yang telah menghalalkan *marijuana* ini. Hujah-hujah yang dimuat naik di laman ini boleh mempengaruhi orang ramai untuk bertindak bertentangan dengan undang-undang negara.

Kempas memohon Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bertindak tegas dengan menyekat secepat mungkin laman *facebook* ini kerana fakta-fakta yang dicanangkan dalam facebook ini belum terbukti pun dan berkemungkinan besar akan memudaratkan lagi pesakit di kalangan rakyat. Laman *facebook* ini sudah pun melarat hingga lebih dari 4,600 *likes,* dengan izin. Dan Kempas risau angka ini akan meningkat ke tahap yang sukar untuk dibendung. Jika dibiarkan mereka yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat yang bercanggah dan bertentangan dengan undang-undang negara dikhuatiri belia-belia akan terpengaruh dan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan selama ini melalui pendidikan pencegahan di sekolah-sekolah akan menjadi gagal.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyentuh tentang dadah, Kempas ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Polis Diraja Malaysia di atas kejayaan mereka melumpuhkan pengedaran dadah secara besar-besaran baru-baru ini. Akhbar New Straits Times bertarikh 7 Mei 2015, melaporkan bahawa sebanyak 7,966.88 kilo ketum, ganja, heroin dan syabu telah dirampas antara bulan Januari hingga April tahun ini sahaja. Ini bersamaan dengan 7 tan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Seramai 2,010 suspek juga telah ditahan dalam tempoh yang sama. Persoalannya ialah adakah dadah ini masih dalam simpanan pihak Polis atau telah dilupuskan? Adakah mereka yang telah ditahan telah didakwa? Dan berapa lama kah masa yang diambil oleh Pejabat Peguam Negara untuk mendakwa mereka? Persoalan yang seterusnya, berapa ramai kah yang telah dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 39B iaitu mandatori gantung sampai mati, di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952? Di tahun 70an dan 80an kami kerap mendengar pesalah-pesalah yang mengedar dadah dijatuhkan hukuman gantung. Tetapi yang menjadi kemusykilan kepada Kempas pada hari ini, pesalah-pesalah yang mengubahsuaikan rumahnya kepada makmal untuk membancuh dadah pun boleh dilepaskan setelah dibicarakan di mahkamah. Di sini Kempas ingin mencadangkan dengan tulus ikhlas supaya mereka yang menjadi Hakim dan mereka-mereka yang terlibat di dalam proses pendakwaan, dikenakan ujian air kencing juga sebelum dibenarkan dan mengendalikan sebarang kes yang melibatkan dadah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berbilion ringgit Malaysia telah dibelanjakan untuk membanteras gejala dadah namun demikian, semakin banyak kes-kes dadah yang timbul termasuk rampasan yang kerap berlaku menggambarkan adanya penyeludupan. Kalau kita lihat di *check point* Malaysia berbanding dengan Singapura, di sini tiada langsung pengawasan Kastam yang rapi seolah-olah orang Singapura tiada berniat langsung untuk menyeludup apa-apa ke negeri Johor, itu baru satu contoh. Dan kami percaya perkara yang sama juga berlaku di sempadan-sempadan di utara juga.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat banyak kes-kes kehilangan dadah di dalam simpanan, sebagai bukti dalam masa 10 tahun yang lepas. Adakah tempat-tempat ini di pasang CCTV agar tidak berlaku sebarang kehilangan dan adakah pegawai-pegawai yang tertentu sahaja yang mempunyai akses kepada tempat ini ataupun ianya terbuka kepada semua pegawai-pegawai yang ada di balai-balai tersebut? Pihak Polis perlu menjelaskan adakah dadah yang dirampas setiap kali berada di tempat yang selamat sehingga ianya diarah untuk dilupuskan. Kita tidak mahu dengan kehilangan dadah dan bahan bukti mahkamah dari tempat simpanan pihak Polis, ianya akan di edar semula atau di *redistribute dengan izin,* ke dalam pasaran dalam negara ini oleh pengedar-pengedar yang beruniform pula sekali gus mengambil alih tugasan sindiket dari luar. Perlu diingatkan bahawa dadah yang dirampas bernilai jutaan ringgit ini wajib dikemukakan sebagai bahan bukti semasa pendakwaan. Dadah rampasan harus berada di bilik-bilik kebal yang dikawal selia dengan rapi, diawas sepanjang masa dan bukan macam menyimpan sekeping belacan di dalam bilik dapur.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pejabat Peguam Negara perlu segerakan pendakwaan tanpa lengah kerana jumlah rampasan yang didedahkan menunjukkan bahawa aktiviti pengedaran amat serius dan perlu tindakan serta merta. Ketegasan kita akan membuktikan bahawa Malaysia tidak boleh dijadikan negara transit untuk pengedaran dadah lagi oleh rakyat asing.

Tan Sri Speaker, Kempas menyanjung titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan tentang tindakan yang keras diambil terhadap peminum-peminum arak di khalayak ramai. Di negara barat pun ada di tempat-tempat tertentu sahaja yang diberi lesen untuk menjual minuman keras dan juga dihadkan waktu perniagaannya. Di samping itu, orang muda yang membelinya harus mengeluarkan kad pengenalannya untuk memastikan umurnya cukup mengikut undang-undang. Di negara barat, di Amerika Syarikat yang khususnya di kawasan di mana saya diberi pendidikan. Adalah lebih kurang 900 daerah atau *dry counties,* dengan izin*,* yang mengharamkan sama sekali penjualan dan meminum minuman keras di khalayak ramai, bukan kerana agama tetapi kerana takutkan keruntuhan moral di kalangan masyarakatnya.

YB Speaker : YB belajar kat mana?

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminnurashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Arkansas City, President Bill Clinton dan bakal presiden yang datang juga dari situ.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di negara barat itu, negara kafir tapi mereka boleh menentukan bahawa minuman arak di luar. Sebab itu kalau kita tengok di dalam cerita-cerita Hollywood, cerita Hollywood kalau kita tengok bila kat New York ada orang mabuk di tepi jalan, kalau tengok tak pernah botol dia *expose* ataupun boleh nampak nama, *scotch*, *wiski* ke *black label* ke ataupun *beer.* Selalunya dia mesti dibungkus dengan bungkusan coklat, kenapa? Kalau kita perhatikan, lain kalau tengok TV kalau ada orang mabuk di cerita Hollywood, Bollywood saya tak tahulah. Tapi Hollywood kalau ada yang mabuk ia sentiasa di dalam kertas. Itu sebab apa Tan Sri Speaker, itu adalah perundangan mereka tidak boleh tepi jalan, botol-botol. Kalau di sini saya mohon ampunlah. Saya tengok di kawasan Johor Bahru ni, negeri Islam ni katakan. Banyak kita tengok di restoran-restoran yang terdapat botol *beer Tiger, Tiger Beer* apa, malah di 7-Eleven pun kita boleh dapat, boleh beli dengan senang. Itu saya akan sentuh kemudian nanti, Tan Sri Speaker. Di sini kita dah cuba berbagai eksperimen. Saya sendiri dah cuba 15 tahun lepas

yang mana saya telah menghantarkan memorandum ke pihak atasan sebab masa itu Pengerusi Biro Pendidikan. Saya ambil seorang Melayu, budak yang bawah umur dan pakai tudung, ini 3. Kalau orang putih kata *triple whamy*, 3. Salah satu dah boleh kena tangkap ni. Tapi ni tiga-tiga kasi dia, kau pergi masuk ini kedai, terus terang saya sebut, 7- Eleven lah kan. Masuk ke kedai ni ko beli bir, budak tu pergi beli, bayar. Yang sedap tu, yang tukang jaga kaunter tu pun orang Melayu. Saya rasa orang Islamlah kan, orang Melayu kat sini orang Islamlah. Dia siap bungkus kan lagi. Jadi inilah, ini 15 tahun yang lepas saya dah hantar memorandum ni. Tapi, jadi hari ini saya Kempas sukacita kerana perkara telah pun disentuh oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan harap dengan beratnya titah Tuanku tu, dapatlah satu tindakan diambil oleh pihak berkuasa. Kalau kita sahaja di negeri Johor dah tunjuk langkah yang baik, yang mana GST kita boleh tanggung ataupun tak dikenakan kepada ni, kita ajar pula ke negeri-negeri lain, bahawa di negeri Johor kedai-kedai seperti 7-Eleven ya, boleh diharamkan untuk menjual arak (Dewan bertepuk).

Jadi Tan Sri Speaker, usaha kita untuk menangani situasi ini seharusnya lebih mulia dari negara-negara barat, kerana bukan sahaja kita takut akan keruntuhan moral, tetapi kita juga adalah salah tetapi meminum arak itu adalah salah dan haram di sisi agama Islam. Itu agama rasmi negara kita. Lebih-lebih di bumi Johor yang telah mendaulatkan hari Jumaat sebagai penghulu segala hari pada 1 Januari 2014 yang lepas. Saya harap dapat perhatian daripada pihak YB Layang-Layang, yang perkara ini di bawah EXCO dia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita berlumba-lumba untuk membangun seperti negara-negara barat yang sudah maju. Dan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang ini, insya-Allah kita akan dapat menyaksikan kejayaannya di dalam jangka hayat kita juga, yang ini, insya-Allah.

Dalam pada itu, di dalam kita menyaksikan pembangunan yang pesat, sudah tentunya pusat-pusat hiburan yang menyediakan minuman keras akan bercendawan di banda raya kita ini. Kita berharap kaedah mengenakan pegawai-pegawai yang digajikan oleh premis hiburan itu untuk menjaga di pintu semata-mata menengok kad pengenalan setiap yang masuk, menentukan had umur mereka menepati undang-undang diwajibkan seperti di negara-negara barat yang sudah maju.

Tan Sri Pengerusi, saya beri pencerahan, semasa saya bersekolah di sana, ini 30 tahun lepas, bukan tahun lepas, 30 tahun lepas pun sudah ada macam ini di negara barat. Di negara yang dikenali sebagai negara-negara mabuk, negara yang berakhlak yang tak murni, tetapi dia pun tahu di setiap premis-premis yang apa nama hiburan, dia ditetapkan ada seorang yang jaga kat pintu tu khusus, al-khususan untuk menjaga, baca, tengok ID ataupun IC, tengok umur. Kalau tak 21, tak boleh masuk, waimah apa pun. Di sini...

YB Speaker : Yang Berhormat sila duduk dulu.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminnurashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Ya?

YB Speaker : Sila duduk dulu. Dewan Negeri berasa bangga kita menyambut rombongan para pelajar, pra-universiti Sekolah Menengah Aminuddin Baki Johor Bahru ke Dewan ini (Dewan bertepuk). Ini jenis yang dibenarkan masuk, sila Yang Berhormat, sambung. Yang tak dibenarkan masuk dia tu.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminnurashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Saya minta maaf Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau boleh Tan Sri Speaker ingatkan di mana saya tertinggal tadi. Saya ni gemuruh sikit bila dah kena tahan macam tu.

YB Speaker : Yang saya tahan tadi, yang tak dibenarkan masuk.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminnurashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Ha, ini dekat negara asing, negara maju yang kita nak ikut ni. Kita nak apa ni, nak jadi macam mereka, berlumba-lumba Johor sekarang nak jadi negara yang maju. Tapi kita juga kena ikut kaedah bagaimana mereka mengendalikan apa nama ni, masalah-masalah, apa nama ni, sosial mereka dalam pada menjadi maju. Jadi setiap premis tu, diwajibkan ada orang menjaga pintu depan, dia bukan boleh masuk keluar gitu aja, dia orang kena beratur. Dan setiap satu yang masuk ditentukan masa. Kalau umur dia 21, baru boleh masuk kerana dia boleh berhibur dan dia boleh minum arak. Di sini, tak ada. Hari Jumaat telah dijadikan hari cuti umum kerana ia adalah penghulu pada hari-hari yang lain tetapi sesiapa sahaja boleh masuk 7-Eleven beli arak, sesiapa sahaja boleh masuk tempat pusat hiburan, tanpa kalau tak cukup umur pun boleh masuk juga. Ini yang saya nak masukkan. Itu diwajibkan di negara asing. Saya nak cadangkan supaya perkara ini juga, pasal kita dalam pada kita tengok bangunan yang cantik, indah kita pun turut bangga kerana kita nak jadi *economic power house*, dengan izin, kita pun nak tahu dan tentukan bahawa akhlak orang-orang muda, anak-anak kita tidak dicabuli.

Jadi inilah Tan Sri Speaker, saya harap, Kempas harap kita dapat mengambil iktibar dari apa negara-negara maju ini. Sebab mereka tahu macam nak maju, mereka juga tahu macam mana nak jaga apa nama ni, tatasusila mereka berbanding dengan kita. Jadi kita dalam erti kata lain, Tan Sri Speaker, kalau kita tak mengikut maju seperti negeri orang lain, kita juga harus ikut ciri-ciri atau kaedah mereka yang boleh membendung masalah sosial yang akan merebak jika kita abaikannya. Di dalam titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada 7 Mei 2015 lepas, baginda telah menasihatkan bahawa kita tak perlu nak belayar jauh untuk belajar kaedah-kaedah yang boleh menambahbaikkan keadaan di negara kita ini ataupun di negeri Johor ini. Kita hanya perlu ke seberang Selat Johor, ke Singapura untuk perkara ini. Saya harap Pegawai-Pegawai Kerajaan dapatlah mengambil nasihat daripada titah baginda tu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kempas turut menyanjung titah ke bawah Duli Tuanku mengenai sekolah satu aliran dan juga penekanan dalam bahasa Inggeris ianya adalah untuk penambahbaikan rakyat negeri Johor dan warga Malaysia keseluruhannya. Dalam masa kita mendaulat bahasa Malaysia seharusnya rakyat digalakkan untuk turut sama memperkasakan bahasa Inggeris. Mahu tidak mahu, menguasai bahasa Inggeris ini adalah wajib di hari ini. Kita lihat bagaimana beribu-ribu graduan di negara ini yang sudah keluar universiti dengan berijazah, tetapi susah untuk mereka...

YB Speaker : Yang Berhormat Kempas, saya suka membuat pembetulan.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Ya.

YB Speaker : Titah ucapan Tuanku tu, dia berkata sekolah satu aliran tapi dia tidak menekankan Bahasa Inggeris, dia cuma beri contoh di Singapura Bahasa Inggeris, jadi jangan kita salah fahamlah. Contoh dibuat di Singapura tu bahasanya satu

aliran, Bahasa Inggeris itu. Dia tidak, Duli Yang Maha Mulia tidak bertitah, tekankan bahawa kita gunakan Bahasa Inggeris, itu tidak ya. Jangan kita salah ertikan titah ucapan Tuanku.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya bagi pihak Kempas memohon ampun kerana mungkin tersilap, jadi biarlah saya, Kempas mengatakan ini. Bahawa Kempas yang menekankan bahawa Inggeris, Bahasa Inggeris harus diwajibkan kerana kalau kita tengok dari statistik yang ada, beribu-ribu graduan di negara ini yang sudah keluar universiti dengan berijazah tetapi susah untuk mereka diserapkan di sektor swasta kerana kelemahan mereka bertutur di dalam bahasa antarabangsa ini dengan sempurna. Akhirnya mereka akan diserapkan ke dalam sektor kerajaan juga, kerana itu mungkin satu kaedah untuk menyelamatkan mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sistem satu aliran juga boleh mendorong kepada integrasi di antara kauman. Kerajaan boleh memupuk *national intergration* dengan izin, awal anak-anak menjejakkan kaki ke alam sekolah lagi. Jika kita mahu anak-anak kita memiliki sifat-sifat yang kita kagumi, kita perlu mengajar mereka di peringkat awal lagi. Tetapi pada hari ini, rakyat telah dipisahkan mengikut kepada kaum masing-masing dari seawal tadika lagi. Apabila kaki melangkah ke alam persekolahan rendah dan menengah, terdapat pula sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan mengikut bangsa masing-masing. Kesudahannya apabila sudah tua nanti adalah liat untuk kaum yang berbilang bangsa ini untuk berintegrasi. Kempas sedar bahawa merombakkan sesuatu sistem atau polisi kerajaan pada hari ini adalah amat sukar. Tetapi perhatian kepada satu jenis Sekolah Kebangsaan dan mengkategorikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil sebagai sekolah-sekolah swasta sebagaimana Sekolah Jepun atau Sekolah Antarabangsa yang lain terdapat di Malaysia perlu diberi perhatian. Kerajaan seharusnya tidak bertanggungjawab untuk memberikan kemudahan serta bantuan kewangan daripada dana negara atau negeri kepada SJKC dan SJKT. Kerajaan seharusnya dibolehkan memberi bantuan kewangan hanya dengan tujuan untuk memelihara penggunaan dan pengajian bahasa kaum lain, tetapi bukannya untuk belajar dan mengajar bahasa-bahasa kaum lain. Dengan adanya satu aliran sekolah sahaja maka jika kerajaan curahkan peruntukan yang berbilion-bilion pun ia tidak akan menimbulkan perasaan iri hati di antara kaum kerana sekolah tersebut akan dinikmati oleh kesemuanya sekali berbanding dengan peruntukan yang banyak bagi sekolah Melayu, sederhana bagi sekolah Cina dan peruntukan yang kecil bagi sekolah kebangsaan India. Dan ini juga, boleh memupuk ketaatan setiaan kepada raja, negeri dan negara yang semakin tiris ketika ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kempas ingin membawa perhatian Tan Sri Speaker kepada tarikh 26 April yang lalu di Santapan di Raja bersama masyarakat Tionghoa sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Di Pertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Dengan dukacitanya kami yang hadir mendapati Lagu Bangsa Johor yang kita banggakan tidak berkumandang di awal majlis setelah keberangkatan tiba Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Ini menjadi kemusykilan kepada Kempas, kerana ianya adalah majlis rasmi. Sedangkan di majlis-majlis tidak rasmi pun, di perhimpunan-perhimpunan di sekolah-sekolah atau di mesyuarat-mesyuarat kecil di kampung-kampung kita digalakkan untuk mengumandangkan dan menghormati Lagu Bangsa Johor untuk memupuk ketaatsetiaan kita kepada Raja kita. Lebih-lebih lagi untuk bumi Johor yang kita pijak dan langit Darul Ta'zim yang kita junjung.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kemungkinan besar pihak penganjur tersebut tidak boleh disalahkan dan sudah tentunya mereka tidak berani untuk membuat keputusan sebegitu rupa. Namun demikian, Kempas mahu kepada semua peringkat yang berkenaan supaya di masa-masa akan datang perkara ini tidak lagi berlaku kerana kita tidak mahu wujudkan satu peraturan bagi satu kaum dan satu peraturan yang berbeza untuk kaum-kaum yang lain. Kita mahukan semua kaum di bumi Johor yang dengan bangganya dikenali sebagai Bangsa Johor ini belajar untuk mengenali dan menghormati Lagu Bangsa Johor serta menunjukkan ketaatsetiaanya kepada Raja dan negeri ini. Kita tidak mahu, apa yang telah berlaku di peringkat Pusat berlaku juga di bumi Johor iaitu lagu Kebangsaan kita Negaraku telah dilacuri oleh seorang warganegara kita sendiri. Tindakan lemah pula yang diambil oleh kerajaan Pusat menyebabkan lebih ramai lagi warganegara yang merasakan mereka tidak perlu mengendahkan lagu itu seolah-olah lagu itu hanya untuk dinyanyikan oleh orang-orang Melayu sahaja.

Tan Sri Speaker yang saya muliakan, di hari kemahkotaan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri, terdapat syarikat-syarikat yang sudah berani secara terang-terang mengingkari warta yang dikeluarkan kerajaan negeri Johor. Ada juga terdapat kedai-kedai yang masih dibuka walaupun kedai-kedai tersebut berdepan dengan laluan rombongan di Raja, sehingga Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa mengarahkan mereka ditutup sebagai penghormatan sebelum rombongan ke bawah Duli Yang Maha Tuanku berangkat lalu. Kempas berharap teguran ini diambil maklum dengan serius untuk mengelakkan kemudaratan dan kehakisan ketaatsetiaan kita semua kepada Raja dan Negeri Johor Darul Ta'zim di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan harapan yang menggunung itu, mewakili seluruh rakyat di bumi Kempas, kami berdoa agar Allah sentiasa memberkati negeri Johor. Kempas mohon menyokong usul yang dibawa Tanjung Surat, Allah selamatkan Sultan. Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warrahmatullahhi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kempas. Yang membawa rundingan menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di Dewan Negeri waktu Pembukaan Dewan pada 7 hari bulan yang lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya bukakan rundingan ini untuk dibahaskan. Jemput. Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat

YB Speaker : Skudai, tidak lebih 30 minit. Sila, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Selamat pagi dan salam sejahtera dan juga Selamat Hari Ibu kepada Ahli-Ahli Dewan dan Penjawat Awam yang ada di sini. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga Dewan Negeri Johor Ke-13, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 7 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada usaha kerajaan negeri memperkukuhkan prestasi kewangan kerajaan daripada defisit sebanyak RM1.3 bilion dahulu kepada rizab wang tunai sebanyak RM2.3 bilion pada

tahun 2014. Akan tetapi Pakatan Rakyat sepatutnya diberikan kepujian juga kerana sentiasa memberi ingatan kerajaan negeri supaya menguruskan kewangan kerajaan negeri secara lebih berhemah untuk mengatasi defisit kerajaan yang semakin meningkat sebelum itu.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rizab kewangan kerajaan seharusnya disalurkan dengan lebih berhemah khasnya untuk tujuan pembangunan. Pada tahun 2013 jumlah perbelanjaan pembangunan adalah RM318 juta berbanding dengan perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM821 juta ataupun 28% daripada perbelanjaan kerajaan pada keseluruhan. Kerajaan negeri seharusnya mengawal perbelanjaan mengurus apabila mempertingkatkan amaun dan peratusan perbelanjaan pembangunan di mana pada tahun bajet untuk tahun 2015, peruntukan pembangunan menurun kepada RM260 juta.

Selain daripada itu, peruntukan pembangunan infrastruktur dipertambahkan secara berhemah supaya memberangsangkan pertumbuhan ekonomi khasnya di antara perusahaan sederhana dan kecil. Peruntukan untuk tujuan pembangunan, keperimanusiaan dan tenaga kerja juga amat mendesak. PBT dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa sewajarnya mewajibkan tanah rizab di kawasan perumahan untuk tujuan taska, tadika, rumah orang tua dan pusat aktiviti komuniti sebagai inisiatif membangun keperimanusiaan. Pada tahun 2013 kadar penyertaan tenaga buruh di negeri Johor pada keseluruhan adalah 67.5% lelaki, 82.2% tetapi wanita cuma berada di peringkat 50.7%. Perancangan pembinaan taska dan tadika di kawasan perumahan akan memudahkan kaum wanita untuk menyertai pasaran pekerjaan. Pembangunan keperimanusian adalah rancangan pembangunan yang lebih mendesak khasnya mempertingkatkan pendapatan keluarga dengan membenarkan kaum wanita bekerja tanpa menjejaskan pengasuhan kanak-kanak. Sempena Hari Ibu pada hari ini, justeru saya menegaskan bahawa penglibatan kaum wanita dalam pasaran pekerjaan akan mengurangkan bergantungan masyarakat kita kepada pekerja asing.

Penggunaan tenaga kerja dengan efektif dan efisien akan menjana ekonomi Johor dan Iskandar Malaysia sebagai *The Economi Power House* dengan izinnya, saya ingin mencadangkan supaya kepada Dewan yang mulia ini supaya satu rombongan wakil Ahli-Ahli Dewan dihantar ke Shenzhen, China negeri China untuk meninjau secara serius bagaimana Shenzhen berjaya menjadi *The Economic Power House* untuk Wilayah Selatan Negeri China dalam tempoh yang begitu singkat sebaik sahaja Negeri China meliberalisasikan, resasikan ekonomi pada tahun 80-an, 1980-an.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong usaha memulihkan semula bangunan dan kompleks perniagaan terbengkalai di persekitaran Iskandar Malaysia termasuk Pacific Mall, Kemayan City di kawasan MBJB dan Skudai Plaza, Kondominium Taman Sri Puteri di Skudai. Malahan pemulihan flat merbahaya di Taman Jaya, Skudai masih tiada sebarang kemajuan yang menggalakkan walaupun dikatakan telah di bawah Rancangan Pemulihan Semula oleh UDA. Kerajaan negeri seharusnya mengerakkan agensi kerajaan negeri untuk bekerjasama dengan agensi persekutuan untuk menjayakan projek-projek pemulihan semula, projek terbengkalai dan bangunan terbiar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengharap Dewan yang mulia ini supaya menubuhkan satu jawatankuasa terpilih untuk menambah baik Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan dan Hartanah yang telah diluluskan. Maka enakmen berkenaan amat penting bagi menunaikan keperluan rakyat untuk Rumah Mampu Milik. Menurut laporan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan

Hartanah Suku Tahun Ketiga Tahun 2014, 81% transaksi pembelian sebanyak 8,773 unit rumah adalah di bawah harga RM40,000.00. 70% di bawah harga RM300,000.00; 37% di antara RM100,000.00 dan RM250,000.00; 24% bawah harga RM100,000.00. Statistik menunjukkan permintaan bagi rumah kos rendah dan sederhana amat mendesak. Transaksi bagi rumah RM100,000.00 ke bawah adalah 24%, semasa suku tahun ketiga tahun 2014. Tetapi permintaan bagi rumah kos rendah dan sederhana mungkin adalah lebih tinggi lagi daripada transaksi sebenarnya berlaku. Seramai 47,367 permohonan telah di daftar untuk Rumah Mampu Milik. Sasaran pembinaan Rumah Mampu Milik Johor meningkat 37,000 unit daripada 28,000 unit dengan harga RM150,000.00 ke bawah dan bergantung kepada usaha sektor swasta. GLC sepatutnya melibatkan diri dalam usaha membina rumah mampu milik. Walaupun Johor Corp memberi komitmen untuk membina sebanyak 8,000 unit Rumah Mampu Milik, Johor Corp dan GLC kerajaan lain sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha membina rumah mampu milik kos sederhana dan kos rendah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mencadangkan supaya portal menegakkan kerajaan rumah kos rendah dan sederhana, rumah mampu milik sewajarnya dibatalkan dan diperuntukkan menurut keperluan rakyat dan ketelusan pentadbiran. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penubuhan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Johor adalah amat mendesak untuk menangani permintaan rumah kos rendah dan sederhana dan mampu milik. Oleh itu, saya mencadangkan suatu jawatankuasa terpilih ditubuhkan oleh Dewan yang mulia ini untuk mengkaji semula Rang Undang-Undang Perumahan dan Hartanah dengan secepat mungkin serta memastikan mentadbir Lembaga berkenaan adalah diizinkan oleh konsep demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, elaun-elaun Ahli Dewan ini baru dinaikkan. Saya berpandangan bahawa wang cukai rakyat sepatutnya diguna secara efisien dan berbaloi dengan tugasan Ahli-Ahli Dewan ini termasuk mengkaji sesuatu Rang Undang-Undang melalui penubuhan jawatankuasa terpilih.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setakat ini sejak saya menjadi Ahli Dewan yang mulia ini dari tahun 2008, belum adanya sesuatu jawatankuasa terpilih ditubuhkan untuk tujuan ataupun mengkaji Rang Undang-Undang. Oleh itu, saya berharap buat kali pertama dalam sejarah Dewan yang mulia ini jawatankuasa terpilih terhadap Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan dan Hartanah akan di tubuh dengan kadar segera kerana ini adalah satu enakmen yang dinanti-nantikan oleh semua pihak. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk melaksana skim sewa beli untuk membantu golongan miskin untuk memiliki rumah mampu milik yang dicadangkan oleh Pakatan Rakyat sebelum ini. Skim ini akan membolehkan mereka yang miskin akhirnya memiliki rumah dengan sewa yang dibayar.

Disebabkan pertumbuhan bilangan penduduk yang besar, kekurangan tanah bagi pelbagai kegunaan termasuk perumahan dan pertanian, akan semakin berkurangan. Perumahan bertingkat atau hak milik strata akan menjadi semakin popular. Maka pengurusan hartanah bertingkat perlu diselaraskan dengan keadaan terbaru. Saya mengharapkan kerajaan akan menyeragamkan pengurusan hartanah bertingkat di bawah PBT seperti yang dilakukan di Singapura. Kutipan, penilaian dan juga yuran pengurusan perlu diseragamkan di bawah PBT dan bukannya kuasa pengurusan dibahagikan di antara PBT dan badan pengurusan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Negeri Johor mempunyai tarif air yang paling tinggi di seluruh Malaysia dengan tarif air domestik pada purata RM1.05 satu meter padu

iaitu 159% lebih tinggi daripada RM0.66 satu meter padu sebagai purata nasional. Bagi pengguna sektor industri, tarif air 500 satu meter padu pertama adalah RM2.93 iaitu 215% lebih tinggi daripada tarif purata nasional pada RM1.36. Kerajaan negeri seharusnya memberikan maklumat kepada Dewan yang mulia ini apa sebabnya, khasnya dari segi permasalahan pengurusan dan kewangan, rakyat Johor terpaksa membayar tarif air yang tinggi. Johor mempunyai sumber-sumber air yang memadai, bahkan mengeskport bekalan air mentah ke Melaka dan Singapura.

Oleh itu, pengurusan dan pemantauan sumber bekalan air adalah amat mustahak. Yang Berhormat Tan Sri Speaker juga, untuk memastikan bekalan air diuruskan dengan efektif. Maka untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri dimohon memberi tahu manakah empangan atau sungai telah diwartakan sebagai kawasan tadahan air di bawah Enakmen Air 2014 yang terbaru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk mengurangkan beban rakyat perkhidmatan PBT dan kerajaan negeri sepatutnya dikategorikan sebagai pelepasan GST pada kadar sifar atau *zero rated* di mana GST tidak sepatutnya dikenakan ke atas perkhidmatan sektor awam. Buat masa ini PBT dan kerajaan negeri terpaksa menyerap kos GST yang dikenakan ke atas khidmat kerajaan. Kerajaan Persekutuan seharusnya lebih prihatin kepada kesan inflasi GST kepada rakyat jelata dengan menghapuskan GST kepada perkhidmatan kerajaan tempatan, negeri atau persekutuan. Sistem percukaian Malaysia terlalu tertumpu kepada bidang kuasa kerajaan persekutuan. Maka pindaan perlembagaan persekutuan boleh dipertimbangkan supaya GST boleh dikutip oleh PBT dan kerajaan negeri di sebaliknya. Untuk tujuan kebajikan komuniti setempat termasuk menguruskan taska, tadika dan pusat komuniti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kenaikan gaji kepada peringkat 100% dari tahap sekarang dalam tempoh 5 tahun perlu berlaku untuk menyerap kesan inflasi ekoran perlaksanaan GST. Untuk negara-negara maju yang melaksanakan GST sebenarnya, GMP dengan izinnya sebanyak 50% atau 60% adalah digunakan untuk membayar gaji pekerja. Tetapi di Malaysia cuma 30% GMP dengan izinnya digunakan untuk membayar gaji kita. Maknanya kalau gaji kita pada waktu ini adalah dua kali ganda termasuk penjawat awam dan juga pekerja-pekerja di bidang swasta ada dua kali ganda, kita boleh mempertingkatkan perlaksanaan GST walau pun itu adalah satu cukai yang regresif dan dikenakan kepada orang miskin juga. Itu bukan wanita yang cantik dan untuk memaksakan orang miskin pun kena bayar cukai, kalau wanita macam ini lebih baik kita jangan kahwin. (Dewan ketawa).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sesetengah PBT telah membekukan kelulusan lesen kedai dan kedai makan serta mendatangkan permasalahan kepada peniaga. Saya difahamkan permohonan lesen kedai makan dibekukan sebab ada yang berniaga di tempat *parking* dan tanah lapang dengan melanggar syarat-syarat lesen dan juga disebabkan keadaan kebersihan yang kurang memuaskan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengharapkan PBT, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Kesihatan mendrafkan garis panduan yang lebih jelas di mana tanah lapang yang sesuai boleh diperbaiki dan diubah syarat untuk tujuan berniaga di bawah Kanun Tanah Negara, Akta Kerajaan Tempatan, Akta Jalan Parit dan Bangunan, Akta Perancangan Bandar dan Desa, seumpama konsep kafe atas pejalan kaki di Paris.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walau pun ini merupakan satu idea yang baru, saya nampak ada permintaan nak buat orang Malaysia sebagai sebahagian budaya kita, kita suka duduk atas kaki lima untuk minum kopi, berbual-bual. Tetapi tempat *parking* yang merbahaya itu kita boleh halangkan. Tetapi konsep seperti di bandar Paris, di mana penjalan kaki diubahsuai dengan cantik, dengan bersih, menjadi satu budaya yang menarik dan juga penarikan kepada pelancong. Saya rasa konsep ini kita boleh mungkin pertimbangkan, bukan semua tempat kita boleh izinkan berniaga di tanah lapang tetapi kalau satu konsep kalau kita hendak meningkatkan Iskandar Malaysia sebagai satu bandar raya antarabangsa saya rasa Paris adalah satu contoh yang terbaik. Usaha-usaha untuk meningkatkan e*cstatic* Iskandar Malaysia amat dihargai tetapi PBT belum mencari idea-idea yang inovatif untuk memperbaiki keadaan berniaga ke atas pejalan kaki dan tanah lapang kerajaan. Di sesetengah tempat yang sesuai saya mencadangkan tanah lapang kerajaan boleh diubah syarat untuk di sewa bagi tujuan kafe, bistro terbuka. Malahan PBT boleh mempertambahkan hasil pendapatan melalui sewaan tanah lapang yang terbiar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Terminal Bas Taman Universiti telah diubahsuai untuk tujuan penjual tiket bas ekspres berpindah dari Taman Sri Puteri ke sana. Akan tetapi bas-bas ekspres masih enggan memasuki Terminal Bas di Taman Universiti dan berhenti di Jalan Senai, Taman Sri Puteri, Skudai yang mengakibatkan permasalah kesesakan trafik. PBT dan SPAD perlu menguatkuasakan peraturan supaya bas-bas ekspres akan berhenti di Terminal Bas Taman Universiti untuk memudahkan para pelajar dan penduduk di persekitaran yang memerlukan khidmat bas ekspres. Di samping itu saya memohon supaya SPAD akan menyiasat aduan penduduk Taman Desa, Skudai bahawa ketiadaan bas berhenti di perhentian bas di Taman Desa yang menyusahkan para penduduk kerana mereka terpaksa berjalan kaki sejauh 1 kilometer ke perhentian bas yang terdekat di Jalan Ronggeng, Taman Skudai Baru. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lapangan Terbang Senai belum ada kemudahan yang lengkap untuk mengasingkan para penumpang domestik dan antarabangsa. Keadaan ini dijangka akan menimbulkan masalah keselamatan. Oleh itu, saya mengharap pihak pengurusan Lapangan Terbang Senai dan Jabatan Penerbangan Awam akan memperbaiki keadaan ini dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menjunjung kasih kepada titah Tuanku bahawa kita sepatutnya kena bekerjasama erat dengan Singapura. Singapura pada suatu ketika adalah sebahagian negeri Johor dan apa berlaku dalam politik dan sejarah kita kena memandang ke depan. Kerjasama di antara Malaysia dan Singapura perlu dieratkan lagi untuk pembangunan Iskandar Malaysia. Beberapa projek pengangkutan awam yang memerlukan kerjasama di antara dua negara termasuk *Rapid Transit System* dengan izinnya, *Gemas- Johor Bahru Double Tracking and Electrification Rail* dan *Kuala Lumpur – Singapore High Speed Rail* dengan izinnya, RTS iaitu *Rapid Transit System* yang dijangka menelan kos pembinaan lebih kurang RM1.2 bilion sepatutnya diutamakan di antara tiga-tiga projek pengangkutan awam ini, tersebut sebab dijangka lebih kurang 300,000 penumpang akan menggunakan RTS antara JB Central dan Woodlands, Singapura. Walau pun *cost effectiveness* dengan izinnya dipersoalkan, saya rasa kalau RTS telah berjaya dibina, bukan sahaja pekerja di Singapura, Malaysia dan pekerja di Singapura akan menggunakan sistem ini, saya rasa ada pelancong dan juga pelawat dari Singapura dan negeri lain akan menggunakan sistem ini untuk memajukan lagi *business* di persekitaran Johor Bahru. *Gemas – Johor Bahru Double Tracking and Electrification Rail* dan *Kuala Lumpur - Singapore High Speed Rail* menelankan kos RM8.0 bilion masing-masing. Sepatutnya memberikan laluan kepada RTS dahulu

yang sebenarnya lebih mendesak untuk mengurangkan kesesakan para pengguna di Tambak Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya membahaskan satu isu yang penting di bawa oleh Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu sama ada sistem satu aliran lebih baik untuk perpaduan nasional atau tidak. Saya pernah baca buku *The Malay Dilemma,* saya rasa itu satu isu kalau kita menggunakan satu aliran, sistem satu aliran. *The Malay Dilemma* itu akan berkekalan, apa sebabnya? Sebab kita rasa contoh yang dibagi oleh buku *The Malay Dilemma* iaitu Amerika Syarikat adalah satu negeri, satu negara yang menggunakan satu aliran iaitu satu Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Itu merupakan maklumat yang salah sebab perlembagaan Amerika Syarikat tidak menetapkan Bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi, itu salah. Yang kedua, banyak sekolah-sekolah di Amerika Syarikat sekarang bukan sahaja menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar tunggal, di banyak negeri seperti Minnesota, Utah, Oklahoma. Apa mereka panggil adalah *Emersion School* dengan izinnya itu sekolah *bilingual* di mana bahasa Sepanyol, Bahasa Korea, Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun, Bahasa Indonesia pun boleh digunakan sebagai bahasa penghantar untuk orang putih. Maknanya orang putih kena gunakan Bahasa Indonesia di sekolah *emersion* sebagai bahasa penghantar dari masa kecil tadika sampai sekolah menengah sebelum masuk ke universiti. Itu kenapa Amerika Syarikat sebagai satu negara yang dulu dikatakan oleh Dr. Mahathir dan *The Malay Dilemma* dengan maklumat yang salah dan juga maklumat yang sesat kepada bangsa kita bahawa itu satu bahasa, sebab itu perpaduan di Amerika Syarikat begitu kukuh sebab dia gunakan satu aliran.

Kita kena berubah fikiran Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebab banyak maklumat yang berubah. Saya baru ada rombongan dari Universiti Amerika berjumpa dengan saya, mereka katakan, mereka akan menggunakan Malaysia sebagai satu tapak untuk menghantar pelajar-pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin. Apa, kenapa Iskandar Malaysia atau Johor Bahru menjadi satu tempat yang baru. Sebab kita ada sekolah walaupun Bahasa Mandarin, mereka boleh belajar Bahasa Mandarin tetapi Bahasa Inggeris merupakan suatu bahasa kedua yang amat *standard* yang boleh dikatakan amat kuat di Malaysia lagi. *A strong second language* sebagai Bahasa Inggeris dan kita hantar ke sekolah kebangsaan pun, pelajar Melayu berbahasa Inggeris lebih baik dari orang Jepun, orang Korea atau orang Taiwan. Itulah menjadi satu kebanggaan untuk Malaysia, kekuatan untuk Malaysia.

Kita jangan hidup dalam kejahilan terhadap apa gelombang yang berlaku di dunia ini. Kita yang sedia ada, sistem yang sedia ada ini walau pun secara *accident*, *inaccident* kita mengekalkan sekolah-sekolah jika ada ... tapi usaha ini kita pertahankan sekolah Mandarin yang membuka pintu terhadap orang bukan, bukan bangsa Cina. Mereka mendapatkan bukan belajar Bahasa Mandarin. Saya ada kawan satu kelas, kawan baik saya orang Melayu juga. Habis sekolah sampai Sekolah Foon Yew, bahasa Cina sekolah Cina sudah sampai tingkatan 6. Dia pun masuk Universiti Putra, jika berbahasa dia fasih. Kita berjumpa lagi masa kita berbahasa Mandarin, kalau kita bertutur dalam Bahasa Mandarin. Itu tidak mengubahkan diri beliau sebagai seorang Muslim dan sebagai seorang Melayu. Kebanggaannya adalah dia boleh berbahasa Inggeris, dia pergi dapat PhD dekat Perancis, dia boleh berbahasa Perancis. Pergi Holand, balik dia Netherlands dia boleh berbahasa Belanda. Itulah menjadi kita itu ada kekuatan kita.

Saya bagi contoh lagi, Switzerland ada 4 bahasa rasmi. Lagi kaya daripada Singapura dan Malaysia. Kanada menggunakan Bahasa Inggeris dan juga di sebabkan masalah Quebec dia sekarang ada 2 bahasa rasmi iaitu Bahasa Perancis

dan Bahasa Inggeris. Afrika Selatan dulu Apartheid dua bahasa rasmi. Bahasa Inggeris dan Bahasa *African*. Sekarang mereka mengguna 11 bahasa rasmi. Amerika Syarikat saya sudah bagi contoh tadi. Saya rasa kita kena, memandang ke depan. Bukan saja, berhubung di antara Singapura, gunakan utamakan Bahasa Inggeris, kita mengutama Bahasa Malaysia tetapi kita memandang ke lebih jauh daripada Malaysia berhubung di antara Malaysia dan Singapura. Lee Kuan Yew sudah meninggal dunia. Lagipun, kalau kita berhubung kita antara Malaysia dan Singapura akan berubah secara satu dua pemimpin tak ada lagi di Malaysia kita lebih boleh berbahas dengan *without* dengan izin *without the historical back age* dan kita memandang ke depan seperti kata Perdana Menteri itu hari, masa Mesyuarat Agung ASEAN, dia kata, ASEAN kita ada penduduk bilangan sebanyak 500 juta, 600 juta, maaf. *European Union* ada 500 juta. Kita mempunyai bilangan yang lebih kurang sama, kita ada negara yang berbangsa yang berasaskan bangsa kita dan bahasa, perbezaan bahasa kecuali Indonesia dan Malaysia dikirakan Nusantara tapi itu kita memandang ke depan, *European Union* terpaksa bersaing dengan Amerika Syarikat, Negeri China dan Jepun dari segi ekonomi dahulu. Presiden Perancis, bekas Presiden Perancis, Mithrand yang mencadangkan gabungan *European Union* bukan dari segi ekonomi dan juga politik melalui proses demokrasi dan kita khasnya Singapura dan Malaysia mempunyai demokrasi berparlimen yang agak sama dan juga kita mempunyai bahasa budaya yang agak sama.

Oleh itu, saya rasa kita memandang ke depan kepada semangat ASEAN kalau Malaysia dan menjadi pemimpin, Singapura hendak menjadi pemimpin di konteks ASEAN dan membesarkan atau mengukuhkan lagi konsep ASEAN untuk supaya kita boleh bersaing dengan negara seperti Amerika Syarikat, Rusia, Negeri China dan India. Saya rasa itu merupakan satu gelombang perubahan yang mungkin kita kena terpaksa mengharungi.

Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara lagi, sebenarnya kita Pakatan Rakyat pihak kita akan bawa isu MDB dan juga ada berita terbaru bahawa wang Tabung Haji telah disalurkan untuk *bail out* dengan izinnya MDB. Ini merupakan bukan saja satu krisis seMalaysia, kita negeri Johor ada yang pergi haji, lain kali ada wang tak. Kita sebagai MDB, wang disalurkan sampai satu pulau, nama dia Cayman Island. Dulu saya belajar dekat Jamaica. Orang tak tahu ramai orang-orang hitam, Cayman Island itu adalah *famous* untuk apa itu untuk pengedar dadah dari Amerika Selatan untuk melaburkan wang mereka di Cayman Island. Itu merupakan satu perkara yang memalukan Malaysia. Wang hitam kita, *black money* kita sudah sampai Cayman Island bersama-sama dengan *block barron* dengan izinnya Amerika Selatan. Itulah *standard* Malaysia, kita satu hari akan jadi, Malaysia sebab kita akan apa ni, *Banana Republic*. Wang tak ada nilai. Kita terpaksa mengeksport dadah dan juga pekerja-pekerja asing secara haram untuk mempertahankan standard ekonomi kita lagi. Dengan saya amat apa itu, amat sedih, sebab kita adalah semua warga Malaysia dan anak Johor, dan masalah MDB Tabung Haji ini akan dibawa sekali lagi oleh rakan-rakan seDewan saya, saya harap, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, boleh membenarkan perbahasan yang lebih mendalam sebab negara kita menghadapi satu krisis yang kita kata dalam Bahasa Inggeris dengan izinnya, *do or die*. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Skudai. Tak ada yang nak bercakap, nak bercakap lagi? Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan di sambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita masih lagi dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sekarang saya jemput untuk giliran Yang Berhormat Parit Yaani. Tak lebih 30 minit.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Doa dan selawat). Terima kasih kepada Tan Sri Speaker. Parit Yaani menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini. Parit Yaani juga merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah berlangsung pada 23 Mac 2015 yang lalu dengan penuh istiadat dan disaksikan oleh Raja-Raja Melayu seluruh Malaysia. Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga kepada Duli Yang Maha Mulia, Raja Zarith Sofia binti Almarhum Sultan Idris Shah yang dimahkotakan sebagai Permaisuri Johor.

Tan Sri Speaker, kita telah mendengar pandangan dan juga titah Baginda Sultan, maka pada petang ini, Parit Yaani ingin memberikan beberapa pandangan dan juga saranan supaya kita yang berada di sini mengambil keputusan yang baik demi kepentingan rakyat, agama dan bangsa Johor itu sendiri.

Pertamanya, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan golongan muda yang baru berumah tangga. Seperti yang kita sedia maklum tentang program perumahan mampu milik yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat, Dato Mohd Khaled Nordin, Menteri Besar dengan sasaran 40 ribu buah rumah memang perlu disokong dan oleh semua pihak. Parit Yaani ingin memberi sedikit pandangan dan cadangan penambahbaikan, sekiranya sesuai, iaitu berdasarkan kata-kata dari golongan yang tidak mampu memiliki rumah tersebut, mereka menyatakan, rumah ini bukan mampu milik tetapi hanya mampu melihat rumah tersebut. Kerana rumah ini bukan rumah mampu yang mereka beli, tetapi hanya mampu dilihat. Bersandarkan kepada titah Baginda Sultan, pembeli dan pelabur sukar untuk mendapat kemudahan pinjaman bank, maka Parit Yaani bersetuju dengan pendekatan konsep sewa beli, seperti yang dicadangkan yang juga disarankan oleh Yang Amat Berhormat tahun lepas iaitu MB Johor dan merupakan salah satu cadangan yang dikemukakan manifesto dalam Pakatan Rakyat Johor dalam Pilihan Raya ke-13 yang lalu.

Persoalannya adalah bagaimanakah mekanisme bagi pelaksanaan konsep sewa beli ini? Di sini Parit Yaani ingin mencadangkan, kerajaan membuat usaha sama pembinaan perumahan mampu milik dengan Malaysia Building Society Berhad dengan izin, anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, KWSP di mana MBSB kemudiannya akan bertindak sebagai bank perumahan dengan menjualkan perumahan mampu milik kepada golongan sasaran dengan menggunakan konsep sewa beli, khususnya kepada mereka yang layak serta belum memiliki rumah sendiri. Dan di sinilah, Parit Yaani juga mengharapkan supaya, kuota pembelian rumah mampu milik ini, benar-benar kepada mereka yang tidak memiliki sebarang rumah dan telah berumah tangga sebab isunya yang dah berumah tangga ini lah yang kadang-kadang kesempitan kewangan. Lebih-lebih lagi dalam suasana GST yang ada pada hari ini.

Yang kedua, sebagaimana yang diketahui pihak pemaju perumahan, tidak berminat membina perumahan mampu milik, kerana ianya tidak menguntungkan. Parit Yaani ingin mencadangkan supaya pihak pemaju perumahan membina sendiri perumahan mampu milik atau menyerahkan tapak tanah untuk perumahan

mampu milik kepada pihak kerajaan. Agensi kerajaan seperti Johor Land dan KPRJ boleh diamanahkan bagi melaksanakan pembinaannya dengan hanya menanggung kos binaan bangunan sahaja dengan kerjasama MBSB maka sekali lagi, konsep sewa beli boleh dilaksanakan bagi memudahkan golongan sasaran memiliki rumah sendiri.

Seperti yang sedia diketahui, pemaju-pemaju taman perumahan perlu membina sebilangan rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk menyediakan perumahan kepada rakyat berpendapatan rendah akan tetapi mutakhir ini saya difahamkan kerajaan telah membenarkan pemaju-pemaju terutama di beberapa kawasan di kawasan elit untuk tidak membina rumah-rumah untuk mereka yang berpendapatan rendah ini dengan syarat mereka membayar sebanyak RM40 ribu hingga RM45 ribu kepada kerajaan negeri. Sebagai ganti kerajaan negeri membina rumah-rumah murah di kawasan-kawasan lain yang kebanyakannya berada di pinggir bandar Johor Bahru ataupun di luar daripada bandar Johor Bahru seperti di Masai ataupun di tempat-tempat yang lain. Apabila ini berlaku, maka wujud pengasingan geografi ketara antara golongan elit di kawasan-kawasan elit seperti Senibong Cove, Horizon Hills dan Setia Eco Garden. Dan, rakyat bawahan pula dikumpulkan di kawasan-kawasan pinggiran seperti yang saya nyatakan tadi.

Jika ini benar, ia menambahkan beban sebenarnya kepada golongan yang berkenaan kerana kita yakin dan percaya kawasan-kawasan elit ini juga memerlukan tenaga kerja buruh kasar seperti pembersihan dan sebagainya. Maka Parit Yaani ingin menggesa supaya satu kajian kesan jangka panjang kepada pengasingan seperti ini dibuat. Apakah langkah-langkah yang dibuat supaya rakyat bawahan ini dapat sama-sama menikmati kemudahan infrastruktur yang serupa dengan golongan elit tadi. Atau adakah mereka akan terus dipinggirkan menjadi rakyat kelas kedua dalam arus perdana pembangunan negeri Johor.

Tan Sri Speaker, perkara yang kedua tentang pengangkutan awam di negeri Johor. Draf Rancangan kawasan khas pusat pengangkutan telah dilancarkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada Februari 2012. Antara janji di dalam draf berkenaan ialah untuk memastikan operasi pengangkutan awam lebih efisien. Dengan mengujudkan pengangkutan multi modal yang akan dilaksanakan di Iskandar Malaysia dan sekitar Johor Bahru, dalam tempoh 10 hingga15 tahun.

Sistem ini melibatkan pelbagai jenis pengangkutan seperti *Mes Rapid Transit (MRT)* atau *Light Rel Transit (LRT)* selain bas dan teksi. Ini ialah janji sebelum Pilihan raya 13. Dalam pelan suara hati Johor yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada Jun 2014 khasnya dalam konteks penyediaan kemudahan awam, Parit Yaani mencadangkan agar projek *Rapid Transit System (RTS)* dan projek kereta api laju Johor Bahru - Kuala Lumpur, *High Speed Rail (HSR)* dengan izin, seperti yang di titah oleh Baginda Sultan mestilah disokong, tetapi perlulah kita menyediakan satu terminal yang sistematik, yang terbaik.

Contohnya, seperti mana terminal bas TBS di Selangor, selain efisien dan cekap dia juga dapat mengelakkan ulat tiket daripada berleluasa. Dan, kalau anak-anak kita ada yang belajar di Kuala Lumpur, menggunakan TBS tadi mereka rasa selamat. Dan ibu bapa yang pernah ke sana, sebab saya pun ada 3 orang yang belajar di sana, bila kita dapat tengok tempat tu, memang kita rasa selamat, cantik. Dan kita cadangkan supaya Johor pun ambil contoh yang demikian, TBS – Terminal Bersatu Selatan.

Parit Yaani juga mencadangkan supaya kerajaan Johor mestilah membina *master plan* pengangkutan seluruh negeri Johor, supaya perjalanan dengan pengangkutan awam, inter lokaliti atau entra lokaliti lebih cepat dan lancar. Maksudnya kalau kita ada kereta api laju yang akan berhenti di Batu Pahat, tempatnya di Parlimen Sri Gading, tempat kita Tan Sri Speaker. Kalau dia berhenti situ laju ramai orang nak datang Batu Pahat, tapi pengangkutan awamnya tak sempurna. Mungkin kali pertama sahaja pelancong datang lepas tu dia akan membawa berita yang tidak manis untuk pengangkutan ke tempat-tempat yang akan dituju, destinasi pelancongan seterusnya.

Jadi, ini yang pada saya Parit Yaani menyatakan bahawa perlulah inter dan entra lokaliti ini berjalan dengan lebih baik dan kemas, iaitu servis yang baik dan lancar dan kekerapan bas pengangkutan awam ini akan memberikan kepada kebaikan, bukan sahaja kepada pelancong bahkan kepada rakyat kita sendiri. Maka, kita akan tidak dapat ataupun kita tidak akan merasakan kesesakan, sehinggakan Parit Yaani kalau Hari Raya pun *jammed,* Parit Yaani, Parit Raja lagi teruk, sampai ke Ayer Hitam. Jadi, ini benda disebabkan oleh kerana sistem pengangkutan awam yang kurang efesien.

Perkara ketiga yang saya Parit Yaani ingin sentuh tentang ekonomi Melayu dan rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi GST. Walau pun Tanjung Surat menyatakan GST umpama wanita cantik, Parit Yaani mengumpamakan GST ini macam lelaki cantik bina badan, bina badan cantik. Saya rasa tak ramai yang berminat dengan ...

YB Speaker : Mana yang betul, bina badan cantik ke jantan dah cantik tu... mana satu yang betul tu.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Bina badan cantik, yang macam *Superman* pakai di luar, seluar di dalam *underwear* nya di luar, minta maaf. Tentu orang takut. Jadi, dalam hal ini kita boleh lihat tentang kenaikan di mana berlaku kenaikan sewa rumah kalau di bandar-bandar, sebab sebahagian daripada DUN Parit Yaani berada di pinggir bandar Batu Pahat. Kenaikan disebabkan oleh pembangunan yang pesat itu di Batu Pahat, di Johor Bahru lagilah.

Kesan pengangkutan awam yang kurang memuaskan menambahkan penderitaan rakyat bawahan untuk ke tempat kerja. Menggunakan kereta lama tinggi kos, kos saraannya, manakala menggunakan motosikal berisiko tinggi kerana amat terdedah kepada kemalangan dalam perjalanan kerja. Begitu juga dengan kenaikan harga barang selepas GST yang sebelum ini dinyatakan bahawa barang akan turun bila ada GST. Tapi semua maklum dengan GST barang-barang naik, sebelum kena GST lagi. Jadi kepada mereka yang berpendapatan rendah, rakyat terpaksa mengurangkan kuantiti pembelian keperluan sehinggakan makanan mereka pun dicatu. Kalau kuantiti tak dikurangkan, dikurangkan kualiti makanan yang dibeli.

Kalau sebelum GST rakyat mampu membeli ikan kembung atau ikan caru dari Pontian, atau dari Mersing, tetapi selepas ada GST rakyat terpaksa berjimat cermat membeli ikan caru ikan kembung dari seberang yang telah pecah mata, yang mata merah, yang pecah mata pulak, yang pecah perut dan mata merah, walau pun ikan mentah tidak termasuk dalam barang GST. Sebab, keperluan kepada benda-benda lain, di mana rakyat menggunakan keperluan tadi. Makanan dikurangkan kerana mereka ada anak-anak, pendidikan anak-anak turut terjejas kerana GST apabila penjaga terpaksa mencari rezeki seawal matahari terbit dan

pulang ke rumah selepas anak masuk tidur, sebelum tu pun dah ada, apatah lagi sekarang.

Tiada masa untuk penjaga melihat anak-anak ini belajar, bahkan lebih mendukacitakan lagi ada di kalangan penjaga iaitu ibu bapa yang terpaksa membiarkan anak-anak ini yang masih bersekolah melakukan kerja sambilan, kerana membantu keluarga untuk membeli keperluan persekolahan mereka sendiri yang dahulu tidak kena GST tetapi mulai 1 April 2015, kerajaan Barisan Nasional telah mengenakan GST.

Maka lahirlah generasi yang ingin melupakan kesusahan keluarganya dan kekecewaan hidupnya. Apabila ke sekolah di kalangan pelajar-pelajar yang sedemikian, golongan yang sedemikian di marah guru kerana tidak siap kerja rumah atau tugasan yang sepatutnya kerana bekerja sambilan sehingga malam. Manakala di rumah tiada makanan atau kegembiraan dalam rumah tangga, maka jalan pintas yang mereka ambil adalah dadah. Mereka ada penasihat tanpa elaun dan pendorong membawa parah yang tidak disedari oleh remaja.

Akhirnya remaja ini terlibat dengan jenayah seperti pecah rumah, ragut dan sebagainya. Seperti yang saya Parit Yaani jelaskan dalam sidang yang lepas bahawa ada orang yang kena GST sampai sama ada ia terlentang ataupun dia meniarap, iaitu yang sakit terlentang yang tak boleh bergerak, yang meniarap bayi yang baru lahir.

Saya ingin menyatakan di sini, Parit Yaani ingin menyatakan di sini satu kes ragut sebelum GST. Seorang ibu yang menunggang motosikal, yang membonceng motosikal yang dipandu oleh anaknya, nak pergi beli barang keperluan orang susah. Puan Faridah ini seorang Muslimah yang dermawan walau pun dia bukan orang kaya tetapi ia suka memberi kepada orang lain, tetapi dia suka memberi kepada orang lain.

Dalam masa dia keluarkan duit dia bawak nak pergi beli barang ditunda oleh peragut direntap begnya. Biasalah orang perempuan bila beg ditarik walau pun suaminya tarik daripada belakang, dia akan tarik balik, sebab spontan. Dia pun bertahan, bila bertahan peragut tadi tendang motor yang di bonceng. Puan Faridah jatuh terduduk dan tersembam, patah pinggang dan patah tulang rusuk. Lumpuh sampai pada hari ini dan suaminya terpaksa menanggung anak-anak 5 orang yang masih bersekolah dan isterinya yang sebelum ini boleh membantu terpaksa beli *pampers* yang kena GST.

Tan Sri Speaker, satu kes lagi berlaku di taman perumahan tempat saya tinggal. Saya sebut tentang kes jenayah yang baru sahaja kesan daripada GST di mana sebuah rumah telah di masuki oleh pencuri pecah rumah. Seluruh barang-barangnya diambil, barang yang berharga termasuk komputer anak yang masih belajar. Jadi anak ini perlukan komputer, dia terpaksa pergi beli ke kedai dan bila beli harganya lebih daripada sebelum GST, kena lagi GST.

Jadi, inilah apa yang Parit Yaani nak kemukakan bahawa rintihan rakyat yang terbeban dengan GST amat wajar kita menyokong titah Baginda Sultan supaya Majlis, PBT dan bangunan ataupun kemudahan kerajaan negeri amat wajar dikeluarkan daripada bayaran GST, sekurang-kurangnya dapat membantu rakyat dan terima kasih atas apa yang telah dinyatakan kerana kerajaan telah mendahulukan RM3 juta untuk rakyat Johor. Tahniah kepada kerajaan.

Begitu juga perkara yang keempat yang ingin saya nyatakan iaitu tentang isu pengurusan dana awam. Sedia maklum isu berkaitan dengan SEDAR. Kita tahu bahawa kerajaan negeri Johor telah mengambil satu langkah yang bijak. Tahniah dan terima kasih dengan meletakkan tanah-tanah FELDA sebagai Tanah Rizab Melayu. Cuma persoalannya di sini, apabila FELDA disenaraikan dalam Bursa Saham Malaysia, saham FGV, masa pelancarannya RM4.45, yang sekarang ini hanya tinggal RM2.07. Siapakah yang mengaut keuntungan dalam urus niaga penyenaraian saham dan kepentingan peneroka FELDA atas nama FELDA *Global Ventures* ini.

Walaupun kerajaan negeri Johor sebagaimana saya sebut dah ambil tindakan awal, adakah tanah ini masih dimiliki oleh peneroka? Sebab itu kita dapat lihat, Tan Sri Speaker, kebangkitan masyarakat FELDA yang tertipu dengan program saham FGV ini telah menunjukkan peningkatan undi dalam Pilihan raya Kecil Rompin kepada calon PAS, Ustaz Nazri Ahmad. Penglibatan bekas atau mantan pegawai tinggi FELDA yang telah bersara seperti Datuk Sartu Syawal bekas CEO Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad, anak peneroka...

YB Speaker : Yang Berhormat tak payah sebut nama.

YB Tuan haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Oh minta maaf, terima kasih, saya tak akan sebut yang lain. Anak peneroka negeri Johor begitu juga dengan beberapa orang pegawai tinggi yang bersara daripada FELDA, mantan timbalan pengarah presiden FGV sendiri, mantan pengarah eksekutif *FELDA Plantation,* mereka bersama bangun menyatakan kesedihan kehilangan kewangan yang begitu besar yang telah mereka kumpul hasil daripada titik peluh orang Melayu yang teramai dalam FELDA. Lebih daripada 100,000 yang telah meneroka tanah perancangan ini dengan rumah yang dulunya begitu kecil tetapi keuntungan yang telah dibina oleh beberapa individu di kalangan anak-anak peneroka itu sendiri hari ni saham itu tinggal RM2.07. Sebelum penyenaraian saya difahamkan FELDA telah mengumpul wang sebanyak RM4 bilion dan inilah yang saya ingin nyatakan kepada kita semua yang berada di dalam Dewan, sama ada ahli politik ataupun pegawai tinggi kerajaan, kita kena ingat, jika kita menyelewengkan hak rakyat dan harta kerajaan, kita akan dihina di dunia oleh rakyat dan akan diseksa dan diazab di hari akhirat oleh Allah SWT, ini peringatan kepada diri saya dan kepada semua.

Isu 1MDB yang juga melibatkan kepentingan umat Islam secara khusus, iaitu tentang pembelian tanah *Tun Razak Exchange* yang mana pada peringkat awal 1MDB telah mendapat peruntukan ataupun kemudahan daripada kerajaan dengan pengurniaan 70 ekar tanah dengan harga premium yang dibayar RM194.1 *million*. Persoalannya, mengapa digunakan kewangan rakyat yang berdikit-dikit, orang kampung yang miskin, orang kampung yang berhasrat menunaikan haji, menunaikan tanggungjawab rukun Islam yang kelima, berpuluh tahun menyimpan sikit-sikit terkumpul duit ini, tetapi seolah-olahnya mereka yang berada di beri tanggungjawab di atas bahu mereka, mereka melaburkan kepada satu tempat yang tanahnya hanya seluas 1½ ekar dengan bayaran RM188.5 *million*.

Walaupun pada peringkat awal, Pengerusi Tabung Haji menafikan dana umat Islam yang digunakan daripada Tabung Haji ini. Tetapi pada hari ni, saya difahamkan orang yang sama telah menyatakan hasil daripada pembelian tersebut untung RM5 juta kerana dah dijual balik. Andai kata tekanan ini tidak didedahkan, tak ada maklumat kepada rakyat, kita bimbang sebab itu saya nyatakan jelas dengan jelas tadi kita sebagai pemimpin, kita ada tanggungjawab dan tanggungjawab ini kita kena letakkan bukan sahaja di hadapan manusia yang kita pimpin tetapi depan Allah SWT khususnya bagi orang-orang Islam. Mengapa pula dalam keadaan yang

katanya untuk pembangunan kediaman, menara tiba-tiba terus terjual. Ha, ini satu persoalan juga tentu disebabkan oleh tekanan dan saya mengharapkan kepada semua yang terlibat supaya kerajaan mengambil tindakan segera kerana ini adalah amanah dan ini memberikan gambaran bahawa ketidakpercayaan rakyat khususnya orang-orang kampung kepada Tabung Haji sedangkan mereka tidak boleh pergi ke Mekah melainkan melalui Tabung Haji. Dulu ada orang kata rukun haji macam tambah satu lagi. Tapi saya tak nak cakap macam tu lah, jadi di sini saya mengingatkan walaupun saya faham, saya tahu Tan Sri Speaker sebahagian daripadanya insya-Allah mudah-mudahan Tan Sri Speaker tidak terlibat. Alhamdulillah, insya-Allah saya kenal beliau orang yang baik (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Tapi masa macam dah nak cukup. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Tapi ada lagi sikit Tan Sri kalau saya tak habis nanti sayang pulak, tak banyak tinggal 2 *point* sahaja.

Perkara yang kelima kebajikan kakitangan sokongan kerajaan berpendapatan rendah. Hari ini saya lebih mengutarakan dengan mereka yang berpendapatan rendah sebab mereka begitu terbeban. Orang kampung terus tak ada pendapatan kadang-kadang. Kalau tadi Tanjung Surat, Tanjung Surat ke yang menyatakan bahawa kalau pergi ke laut dapat udang karang, saya percaya cari udang karang ni tak kena GST kalau tak silap. Tapi orang kampung yang bekerja menoreh, kadang-kadang hujan kalau musim hujan, musim kemarau daun turun jatuh, kalau buah kelapa sawit pulak, kelapa sawit pulak masa tulah apa ni, apa dia panggil? Lawas, tak banyak buahnya. Jadi, mereka merupakan golongan yang berpendapatan rendah.

Saya nak bincangkan di sini, satu kelompok guru-guru al-Quran, di mana guru-guru al-Quran ini mereka komited dengan tugas dan tanggungjawab, saya difahamkan di DUN Parit Yaani sahaja mereka bukan mengajar kanak-kanak bahkan mereka juga mengajar orang dewasa di mana orang dewasa yang mereka ajar ini hampir 2,000 orang. Ini satu, satu apa nak sebut, perkembangan. Bukan Satu Malaysia. Satu perkembangan yang baik di mana kesedaran untuk menghayati al-Quran, membaca al-Quran dan insya-Allah mengamalkannya. Cuma rintihan mereka, ini yang saya dapat daripada guru al-Quran sendiri kerana sebahagian daripada mereka bertemu saya dia kata YB, elaun tak banyak sikit aja, saya tanya berapa, segan nak cakap, jadi insya-Allah saya harap EXCO agama, dia lebih maklum kalau boleh naikkan. Dahlah sikit, bayarannya tiga bulan sekali, dapat sikit tiga bulan sekali pulak mereka nak bergerak pergi ke kampung jumpa orang yang nak belajar, dan saya mengharapkanlah supaya maklumat ini dipanjangkan dan disegerakan tindakan supaya mereka terus berusaha sebab guru-guru al-Quran ini dia berpandukan kepada ayat Allah SWT yang bermaksud mereka mengajar bukan kerana minta upah. Insya-Allah.

Akhir sekali Tan Sri Speaker, sebelum saya berhenti berbicara saya ingin menyampaikan jutaan terima kasih kepada rakyat DUN Parit Yaani atas pembangunan oleh agensi kerajaan dan sewaktu dengannya yang telah memberikan banyak manfaat kepada mereka seperti penurapan jalan yang telah disebut yang telah di buat contohnya dari Seri Bengkal ke Parit Yaani yang begitu cantik dan baik, Jalan Parit Jalil, Tongkang Pechah, Jalan Beroleh dan sekitarnya. Begitu juga kepada JPS yang telah mendalamkan dan membersihkan beberapa parit yang dahulunya kalau musim banjir memang banjir kilat. Alhamdulillah, terima kasih juga kepada JKM yang sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat termasuk kepada pejabat daerah dan Majlis Perbandaran Batu Pahat yang telah

memberikan komitmen dan amat positif di atas usaha walaupun kadang-kadang lewat sedikit mungkin disebabkan faktor masa.

Walau macam mana pun, masih ada lagi permintaan rakyat di DUN Parit Yaani antaranya kemudahan keselesaan jalan Kampung Parit Imam dan Parit Sidek kerana jalan tu dah ada jalan, Parit Sidek tu ada sekolah ada dua buah sekolah, sekolah agama dan sekolah rendah yang perlu disegerakan turap, besarkan. Begitu juga dengan pembesaran Jalan Bindu yang sempit dan banyak kenderaan lalu di situ kerana ia jalan pintas daripada tongkang ke belah Parit Raja, nak menuju ke UTHM dan kilang di sebelah Parit Raja, jambatan ada dua jambatan yang sempit yang selalu berlaku kemalangan di atas jambatan tu. Begitu juga dengan lampu isyarat di Jalan Bindu, Tongkang Pechah dan Taman Puteri Indah yang sering berlaku kemalangan. Akhir sekali Parit Yaani menyokong ucapan menjunjung kasih titah Baginda Sultan Johor yang dibawa oleh Tanjung Surat. Wallahualam, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Gambir. Tak lebih 20 minit.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salam sejahtera, selamat petang dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu Gambir ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim Sempena Perasmian Pembukaan Penggal Yang Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada hari Khamis yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir ingin mengambil kesempatan untuk menzahirkan ucapan sembah takzim kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas sempurnanya menjalani istiadat kemahkotaan yang telah berlangsung pada 23 Mac yang lalu. Seterusnya keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke daerah Ledang telah bersemadi di sanubari rakyat Ledang di mana kami dapat bersama-sama mengingati dan menghayati istiadat kemahkotaan yang menjadi lambang kedaulatan negeri yang terus menjadi kebanggaan rakyat Johor sejak 130 tahun yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir serta masyarakat India umumnya menyokong penuh saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memastikan pembinaan dan pengukuhan perpaduan bangsa Johor. Kami berjanji akan bersama-sama dengan kepimpinan negeri bagi memastikan negeri Johor terus maju membangun dan dicontohi oleh negeri-negeri lain di Malaysia. Walau bagaimanapun adalah menjadi harapan agar pihak kerajaan dapat menterjemahkan titah Tuanku tersebut dalam usaha-usahanya menyelesaikan dan memenuhi tuntutan-tuntutan asas yang mempunyai kepentingan kepada masyarakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin membangkitkan isu mengenai tapak khairat kematian masyarakat India di Johor Bahru. Isu tapak khairat kematian masyarakat India di sekitar kawasan Johor Bahru telah dibangkitkan puluhan tahun kepada kerajaan ngeri. Beberapa lokasi telah pun dikenal pasti dan dibawa kepada perhatian kerajaan negeri. Di antaranya, di Pantai Lido, di Tanjung Puteri, di Permas Jaya dan yang terakhir di kawasan sekitar Masai dan yang bersempadankan daerah Kota Tinggi.

Walau bagaimanapun, agak menyedihkan bahawa sehingga kini perkara ini masih belum diselesaikan. Pada ketika ini, urusan khairat kematian, untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri, ini merupakan salah satu daripada upacara yang dilangsungkan oleh masyarakat Hindu di mana mereka akan bawa abu mayat ini, dia akan campurkan ke laut. Ia kena ada satu tempat untuk tujuan tersebut. Jadi sekarang ini mereka melaksanakan upacara itu secara tersembunyi di kawasan-kawasan pesisir pantai dan sungai sekitar kawasan Johor Bahru.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan negeri khususnya Pentadbir Tanah Johor Bahru ataupun Pentadbir Tanah Kota Tinggi untuk membantu menyelesaikan isu tapak khairat kematian yang tertunggak ini. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekarang kalau kita nak cari kawasan pesisir pantai di Johor Bahru sudah tiada lagi, itu sebab kita cadangkan kawasan yang jauh sedikit daripada kawasan Bandaraya Johor Bahru tetapi di kawasan Sungai Johor. Jadi saya, mengharapkan bahawa mungkin kawasan sempadan Sungai Johor yang agak terasing, dan jauh dari pemandangan awam boleh dijadikan untuk tujuan tapak berkenaan. Lagipun pada kebiasaannya majlis ini akan dilaksanakan pada awal pagi. Lebih kurang jam 5 ke 4 pagi macam itu kan, jadi ia tidak akan memudaratkan masyarakat lain. Diharapkan pihak kerajaan negeri dapat menyelesaikan perkara ini dengan kadar yang segera.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin membangkitkan berkaitan dengan isu jalan alternatif Projek Lebuh raya Segamat-Tangkak. Kita maklum bahawa jalan 4 lorong telah dirancang di antara Segamat dan Tangkak dan difahamkan sebelum ini RM700 juta telah diperuntukkan bagi tujuan berkenaan oleh pihak lEPU kepada pihak JKR. Walau bagaimanapun, kini difahamkan projek itu terlaksana untuk fasa 2 dan 3 sahaja. Tetapi fasa-fasa lain masih belum dilaksanakan. Tetapi Gambir ingin mendapatkan maklum balas daripada pihak JKR berkaitan dengan fasa 4 di antara Jementah Sagil dan fasa 5 yang melibatkan pintasan Tangkak. Saya ingin tahu bilakah projek ini akan dimulakan?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan perkara tersebut, Gambir juga ingin mendapatkan penjelasan berkaitan adakah jalan di fasa 4 Jementah Sagil itu, sama ada melalui Pekan Sagil atau tidak? Sebagai memenuhi permintaan masyarakat Sagil, Gambir ingin mencadangkan supaya fasa tersebut itu tidak melalui Pekan Sagil. Ini adalah kerana jika jalan 4 lorong itu melalui Pekan Sagil, maka Pekan Sagil yang namanya pekan, jadi ia akan terbelah 2 dan timbul pula masalah baru lagi. Jadi sehubungan dengan itu, gambir minta supaya pihak EPU memastikan bahawa jalan itu tidak melalui Pekan Sagil.

Sehubungan dengan perkara ini juga, Gambir difahamkan berdasarkan bengkel VA yang dilaksanakan projek Jalan Tangkak-Segamat pakej 4 Jementah-Sagil itu tidak akan dikekalkan untuk 4 lorong. Ianya akan dikekalkan dengan 2 lorong yang sedia ada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir ingin menekankan bahawa jajaran Segamat Tangkak sebenarnya daripada awal lagi semasa saya duduk dalam MMK saya ingat lagi, ianya telah ditetapkan untuk tetap 4 lorong dari Segamat ke Tangkak. Tetapi daripada VA ini difahamkan bahawa pakej Jementah Sagil ini akan dikekalkan 2 lorong. Jadi saya rasa, kami masyarakat Gambir dan Sagil tidak setuju sama sekali jika cadangan sebahagian jajaran tersebut ada 4 lorong dan lagi 2 lorong. Maka ianya tidak adil untuk masyarakat daripada Sagil di mana kami ini macam seolah-olah dianaktirikan, bagi 2 lorong sahaja. Jadi, saya harap pihak JKR memastikan permintaan daripada Gambir ini dan harapkan ianya dapat dipanjangkan kepada pihak EPU Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya mengenai jawatan Ketua Masyarakat. Saya ingin bangkitkan mengenai Ketua Masyarakat Cina yang merupakan satu jawatan yang khusus diwujudkan di kawasan-kawasan perkampungan baru masyarakat cina. Jadi di DUN Gambir terdapat satu kampung baru Cina di satu lokasi yang dinamakan Belemang, Belemang ini walaupun duduknya di Serom, tetapi bukan DUN Serom, bawah DUN Bukit Gambir juga. Jadi di sini terdapat 120 buah keluarga yang bermastautin tetap di pekan berkenaan. Untuk memastikan kelicinan pentadbiran dan pengurusan kepentingan dan keperluan masyarakat kampung baru Belemang, Gambir ingin mencadangkan untuk mewujudkan Ketua Masyarakat Cina untuk Kampung Belemang, Serom.

Sebagai tambahan juga, Gambir juga yang mewakili daerah Ledang ingin membangkitkan mengenai keperluan yang sama oleh masyarakat Tionghoa di kawasan Tangkak iaitu di lokasi-lokasi Kampung Baru Batu 10 Jalan Tangkak-Muar, Kampung Baru Relau, Asahan dan Kampung Baru Kesang, di mana ketiga-tiga tempat ini juga memerlukan kepada Ketua Masyarakat Cina. Seterusnya gambir juga tidak ketinggalan juga untuk bangkitkan tentang perwujudan Ketua Masyarakat India di kawasan Sagil. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya Wakil Rakyat daripada DUN Gambir, di sinilah terdapatnya ramai pengundi-pengundi India. Maka saya ingin memohon kepada pihak SUK Kerajaan Johor untuk menimbangkan perwujudan jawatan Ketua Masyarakat India di Sagil. Di sini terdapat lebih daripada 140 buah keluarga yang sedang menetap.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya mengenai usaha promosi pelancongan oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor. Atas sebab kedudukan geografi yang strategik serta berjiran dengan sebuah negara maju iaitu Singapura, kita seharusnya mampu meningkatkan kerajaan negeri melalui sektor pelancongan. Saya maklum tentang promosi pelancongan yang dibuat oleh Jabatan Pelancongan Negeri ke lokasi-lokasi tertentu juga negara-negara lain luar daripada Malaysia. Sehubungan dengan itu, Gambir ingin tahu apakah strategi yang digunakan untuk mempromosi negeri Johor khususnya ini telah membuahkan hasil sehingga pelancong-pelancong dari negara-negara berkenaan bertambah kunjungannya ke negeri Johor. Saya berpendapat, cara dan juga mekanisme yang digunakan untuk mempromosi pelancongan ini perlu dikaji semula supaya ianya selaras dengan keadaan semasa. Contohnya, dengan kita promosi menggunakan brosur-brosur sahaja tidak cukup. Seharusnya penggunaan media elektrik, elektronik, *website*, suntingan video serta rancangan-rancangan iklan khas, *billboard* bolehlah difikirkan oleh pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor.

Oleh yang demikian, saya ingin tahu adakah perubahan-perubahan ini dalam perancangan Jabatan Pelancongan Negeri untuk mempromosi negeri Johor yang kini sepertimana yang disebutkan oleh Pengerusi pelancongan tadi mempunyai pelbagai ikon-ikon baharu pelancongan yang menarik dan juga boleh menarik pelancong-pelancong dari luar negara.

Seterusnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengenai GST. Berhubung dengan perkara GST yang dilaksanakan baru-baru ini sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sebenarnya kajian yang mendalam telah dibuat sebelum perkara ini diluluskan oleh kerajaan persekutuan di mana ia juga demi kepentingan negara dan juga rakyat. Saya setuju dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat, tidak seharusnya membebankan rakyat. Sebab GST adalah untuk dikenakan kepada barangan dan perkhidmatan yang saya rasa lebih bersifat komersial. Sebaliknya perkhidmatan

yang diberikan melalui kerajaan, sebagai contoh, melalui Pihak Berkuasa Tempatan seharusnya adalah menjadi tanggungjawab kerajaan kepada rakyat.

Jadi dalam perkara ini sambil Gambir memuji tindakan drastik dan segera yang diambil oleh kerajaan negeri, Gambir berpandangan pengenaan GST kepada perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang seumpamanya di peringkat persekutuan perlulah dikecualikan dengan GST juga. Jadi ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban bayaran GST oleh rakyat dan juga mengurangkan keluhan-keluhan yang disuarakan oleh pelbagai pihak di luar sana.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya Gambir ingin menyentuh tentang pemilikan rumah sendiri sepertimana yang diberi penekanan juga oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terutamanya cadangan agar skim rumah sewa beli untuk membantu golongan berpendapatan rendah menjadi pemilik rumah sendiri dapat diperbanyakkan. Jadi, cadangan ini yang sebelum ini dilaksanakan untuk rumah jenis kos rendah, iaitu jenis konsep sewa beli Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perlulah dikembangkan kepada perumahan Komuniti Johor (PKJ) serta juga sehingga peringkat rumah mampu milik Johor yang harganya di bawah RM200,000.00. Sekarang ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, konsep sewa beli ini ada, dibayar RM124.00. Jadi, dalam tempoh tertentu sewa dibayar kepada kerajaan, rumah ini akan menjadi milik dia. Jadi konsep yang sama boleh difikirkan sehingga peringkat 200,000 rumah mampu milik Johor. Ia sejajar dengan dasar pemberian BR1M. Sebagai contoh, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekarang kerajaan sanggup beri BR1M, Bantuan Rakyat 1 Malaysia, kepada mereka yang sampai pendapatannya RM4,000.00, satu amaun yang agak tinggi. Jadi ertinya secara tidak langsung kerajaan mengiktiraf pendapatan RM4,000.00 ini dalam kategori miskin juga. Jadi saya berpandangan bahawa cadangan sewa beli saya tadi rasional dan sesuai boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada kerajaan negeri bagi memperhalusi perkara ini demi memberi peluang kepada golongan muda berpendapatan rendah yang sukar mendapat peluang membuat pinjaman melalui bank-bank dan institusi kewangan sepertimana juga yang telah ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dalam perkara 50 muka surat 13, Titah Ucapan Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jika ianya tidak diberi perhatian sepertimana kata Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sampai bila-bila pun golongan berpendapatan rendah khususnya yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, tidak boleh memiliki rumah kerana bila pergi bank, bank tolak pinjaman. Ini juga melibatkan juga sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Surat tadi, perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada nelayan-nelayan tetapi juga kepada mereka-mereka yang menjalankan perusahaan-perusahaan yang kecil, berniaga sendiri, bercucuk tanam, petani peladang, kerana Yang Berhormat Tan Sri Speaker mereka-mereka ini tidak mempunyai bukti pendapatan.

Mereka tidak mempunyai slip gaji, bila pergi bank mereka minta slip gaji, maka dia tidak dapat memperolehi pinjaman. Jadi, sebab perkara ini pihak bank sentiasa menolak seperti mana yang saya sebutkan tadi. Atas sebab tersebut rasional pembelian rumah secara sewa beli perlulah difikirkan semasak-masaknya oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya Gambir ada membangkitkan tentang bilangan kenderaan yang bertambah di laluan ke bandar Bukit Gambir apabila siapnya Plaza Tol Bukit Gambir. Perkara ini saya bangkitkan lebih kurang 2 tahun dahulu. Kini sudah lebih setahun Plaza Tol Bukit Gambir telah siap dan adalah

didapati bilangan pengguna jalan raya tersebut telah bertambah. Tapi namun pelebaran jalan sejauh 4 kilometer yang menyambungkan Simpang Plaza Tol dengan Bandar Baru Bukit Gambir belum di naik taraf keempat lorong, seperti mana yang telah saya mohon sebelum ini.

Jawapan yang saya terima daripada pihak JKR Daerah menyatakan jalan itu belum cukup kenderaan yang melaluinya, tapi bagi pandangan kita sebaliknya. Jadi, saya mohonlah kepada pihak JKR Negeri untuk melihat kepada pelebaran jalan tersebut bagi memudahkan pengguna-pengguna jalan raya khususnya daripada Simpang Plaza Tol Bukit Gambir ke Bandar Baru Bukit Gambir.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri khususnya Pejabat Tanah dan Galian atas usaha mempromosi Johor *e-Payment Portal* sebagai usaha menggalakkan pembayaran cukai tanah atas talian. Sebentar tadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya pun bayar dapat satu payung. Jadi tahniahlah kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian Johor.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sistem ini difahamkan tidak mengeluarkan notis peringatan seperti mana yang dilakukan oleh agensi-agensi lain yang seumpamanya di negeri lain termasuk juga Pihak Berkuasa Tempatan, yang mana mereka sebenarnya dia akan keluarkan notis peringatan. Bila tak bayar dia keluar lagi notis yang lain. Jadi, saya mencadangkan supaya sistem Johor *e-Payment Portal* khususnya pembayaran cukai tanah atas talian ini diintegrasikan dengan sistem pembayaran cukai harta oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sistem integrasi ini nanti bolehlah dapat memberi peluang kepada pembayar cukai harta ini, bayar juga sekali gus cukai tanah mereka, apabila mereka bayar cukai harta ini.

Jadi, apabila cukai harta dan cukai tanah di sekalikan maka pembayar tanah sahaja yang tidak melibatkan kawasan PBT itu akan menjadi dalam bilangan yang kurang dan bolehlah pihak Pejabat Tanah hantar surat notis kepada mereka. Diharap pihak kerajaan dapat meneliti pelaksanaan cadangan ini demi meningkatkan pendapatan negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir kata Gambir ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan yang sentiasa mendengar rintihan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi perkara-perkara yang diajukan oleh Gambir. Semoga kerjasama tersebut dapat diteruskan khususnya berkaitan perkara-perkara yang Gambir bangkitkan sebentar tadi, kerana ada perkara-perkara yang telah saya bangkitkan 2, 3 kali tapi tidak mendapat jawapan yang sewajarnya. Jadi perkara-perkara yang Gambir bangkitkan tadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah merupakan amanah yang dituntut dan disuarakan oleh rakyat dan Gambir mewakili mereka mengetengahkan kepada perhatian Pihak-pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya Gambir juga turut menyokong usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh ADUN Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jorak. Tak lebih 20 minit.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumusalam.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Tan Sri Speaker, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana mengizinkan saya berucap dan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ketiga kali ini.

Izinkan saya memulakan ucapan perbahasan kali ini dengan mengatakan suatu subjek atau perkara yang mudah, yang ringan, iaitu sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan kita tadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang sistem percukaian GST. Satu sistem percukaian yang baik yang telah dilaksanakan di kebanyakan negara yang telah membawa faedah yang besar kepada negara dan rakyat yang telus, yang efisien di mana terutamanya para peniaga dikatakan tidak boleh lagi mengelak untuk membayar cukai.

Tetapi apa yang kita lihat setelah dilaksanakan GST baru-baru ini timbul beberapa masalah. Kalau mengikut kepada pengalaman negara-negara yang sudah pun melaksanakan GST ini, negara-negara berkenaan mengambil masa katanya hampir 3 tahun, barulah GST itu dapat berjalan dengan licin dan sempurna. Di antara perkara-perkara yang mungkin menjadi perbualan dan keluhan daripada rakyat sebagai contoh.

Daripada perlaksanaan GST ini saya hanya memberikan contoh yang mudah sahaja iaitu tentang cukai perkhidmatan atau dipanggilkan sebagai bukan cukai perkhidmatan tetapi *service charge* ataupun cukai perkhidmatan. Bukan cukai perkhidmatan, caj perkhidmatan. Apa caj ya. Kalau kita pergi ke contohnya, pergi ke stesen minyak dan hendak menambah nilai kepada kad prabayar *Touch & Go*. Sebagai contoh stesen minyak Petronas.

Ada yang mengenakan cukai, bukan cukai, caj perkhidmatan RM0.50, ada yang tidak mengenakan cukai, caj perkhidmatan RM0.50. Contohnya kalau kita nak *top up*, nak buat tambah nilai RM100.00, ada yang penuh bagi RM100.00 ada yang bagi kepada kita hanya RM99.50 sahaja. RM0.50 diambil oleh syarikat perniagaan berkenaan. Itu sahaja sudah menunjukkan betapa ada peniaga yang mengambil untung yang lebih. Kenapa satu syarikat boleh ambil, tidak ambil sedikit pun RM0.50, satu lagi kenakan caj.

Yang saya nak timbulkan ini ialah sudahlah dia mengenakan caj perkhidmatan RM0.50. Kemudian dia mengambil lagi satu iaitu mengambil cukai GST kepada RM0.50 iaitu kita kena bayar, maknanya RM0.53. Saya bangkitkan perkara ini ialah sikap tamak peniaga. Tidak bolehkah mereka yang RM0.03 tadi contohnya, diambillah untung RM0.47 *absorb* ataupun serap ajelah RM0.03 itu. Berapa persen sangat RM0.03 nak dibandingkan dengan RM0.47 sedangkan ada rakan mereka yang sama juga, yang tidak mengambil pun caj perkhidmatan ini.

Mereka masih boleh *survive,* boleh hidup boleh berniaga, tetapi oleh kerana sikap yang tamak ini sudah menimbulkan satu keadaan yang tidak selesa di kalangan rakyat. Balik kepada peniaga, kalau kita lihatkan begitu juga dengan tempat-tempat di mana penyediaan kedai-kedai restoran sebenarnya. Dulu tak timbul langsung soal caj perkhidmatan ini. Mereka sudah pun menyerapnya dalam bayaran makanan mereka yang berikan, sekarang ni timbul. Sebagai contoh juga lagi kalau kita lihat bagaimana bank-bank sendiri, transaksi di antara bank dengan bank yang mengenakan *charge* RM1.06, RM0.06 pun dia tak boleh *absorb* tak boleh serapkan RM0.06 ini. Untung berbilion ringgit tapi RM0.06 pun dia nak ambil. Inilah sikap tamak haloba pada dunia yang tak akan habis ataupun padam.

Tapi apa yang saya ingin nyatakan juga di sini insya-Allah perlaksanaan GST ini akan berjalan baik dan sempurna mengambil masanya, tetapi dalam keadaan masa

terdekat ini kita harapkan Pihak Berkuasa yang telah pun diberikan tanggungjawab supaya dapat memantau perkara ini dari semasa ke semasa.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan di sini juga ialah kita tahu bahawa berlaku beberapa polemik tentang penggunaan bahasa. Dalam akhbar baru-baru ini disebutkan bahawa seorang Wakil Rakyat itu harus mesti, wajib fasih berbahasa Melayu, untuk menjadi Wakil Rakyat. Mesti lulus kredit katanya Bahasa Melayu untuk melayakkan mereka untuk menjadi Wakil Rakyat kerana dengan itu perbahasan dalam Dewan akan lebih mudah difahami yang disalah ertikan. Sebagaimana contohnya saya pernah menyuarakan beberapa perkara yang sudah dianggap ataupun yang sudah disalahertikan.

Ada jenaka yang baru-baru ini dikeluarkan dalam media sosial bagaimana dua orang yang jiran yang berbaik-baik berakhir dengan pergaduhan yang besar, hanya salah menyebut perkataan *Wifi* dengan *wife.* Kerana katanya bahawa dia minta maaf kerana telah menggunakan *wife-wife* nya. Padahal yang dimaksudkan, minta maaf kerana menggunakan *Wifi* tanpa izinnya. Jadi oleh itu, sebab itu pentingnya bahasa, apatah lagi bahasa yang digunakan dalam Dewan ini adalah Bahasa Melayu yang kita tahu bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan kita Perkara 152 ini.

Oleh itu saya amat bersetuju sekali supaya Ahli-Ahli Dewan juga mempunyai syarat-syarat tertentu, mempunyai satu kelayakan tertentu untuk mereka layak untuk menjadi Wakil Rakyat, sebagai salah satu menghormati kepada Perlembagaan Negara ini, merupakan undang-undang tertinggi dalam negara. Kalau nak masuk universiti pun mesti ada kelulusan Bahasa Inggeris *MUET (Malaysian University English Test)* apatah lagi nak masuk Dewan yang mulia ini. Sekurang-kurangnya kita ada juga satu MUET ataupun MUBTlah *Bahasa Test* walaupun belum ada diwujudkan lagi. Cumanya saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian Pelajaran ataupun Pendidikan mengapa tidak dijalankan suatu ujian khas sebagaimana MUET kepada semua pelajar untuk ujian Bahasa iaitu *Malaysia University Bahasa Test* kepada semua pelajar-pelajar sama ada mereka daripada universiti kerajaan ataupun universiti bukan kerajaan. Sebagai mendukung kepada peruntukan Perlembagaan Negara kita yang meletakkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara yang ketiga yang saya nak bawakan dalam Dewan ini ialah dalam Jadual 9 Perlembagaan Malaysia. Sudah dibahagikan kuasa kuasa kepada *legislative,* eksekutif dan *judiciary.* Maka kita dalam Dewan ini adalah sebagai penggubal undang-undang dan di situlah letaknya sebenarnya fungsi utama kita walaupun sering disebutkan bahawa wakil rakyat adalah untuk melihat kebajikan rakyat, melayan kerenah rakyat, selalu turun padang dan sebagainya, tetapi barang diingat tugas utama wakil rakyat adalah untuk bertugas di Dewan dalam menggubal dalam undang–undang dan dasar-dasar bagi memberikan, dengan itu memberikan kesejahteraan dan keadilan kepada rakyat. Tetapi apa yang berlaku kadang-kadang wakil rakyat ini telah mengambil tugas penjawat awam. Sebagai contoh, wakil rakyat bertugas menjaga parit, dipanggil oleh rakyat untuk lihat sampah ataupun perkara-perkara yang lain jadi itu dengan saya mengucapkan terima kasih kepada penjawat awam yang dapat melaksanakan tugas dengan baik di mana segala perkara-perkara yang ada kaitan dengan kebajikan rakyat itu telah pun dilaksanakan.

Dan berkaitan dengan perkara ini, tugas wakil rakyat yang hakikinya ialah untuk kita sama-sama merangka undang-undang dan meluluskan dalam Dewan. Rang undang-undang negeri bahawa yang telah kita luluskan ataupun rang undang-undang tentang perbelanjaan. Cumanya kadang-kadang apa yang saya lihat

kebanyakan rang undang-undang itu diberikan kepada kita seminggu sebelum persidangan dewan. Jadi saya ingin mencadangkan pihak kerajaan negeri, supaya apa juga sebarang undang-undang yang nak dibawa ke Dewan itu seharusnya melibatkan sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan daripada mula lagi daripada *inception* permulaan lagi dibawa sehinggalah *draft* berperingkat-peringkat supaya rang undang-undang itu dapat dibahaskan tanpa ada lagi kemudiannya nanti seperti rumah sudah siap, pahat masih berbunyi.

Satu perkara lain yang saya ingin sebutkan juga di sini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau saya perhati secara umum Perlembagaan Malaysia, dan juga Undang-Undang Tubuh Negeri, kita mendapati bahawa kuasa yang sangat besar diberikan kepada Perlembagaan Malaysia sehingga seolah-olah kerajaan negeri tidak ada ruang untuk nak kata menolak, untuk tidak bersetuju kepada apa-apa perkara yang telah diputuskan oleh Parlimen. Itu apa yang saya fahamkan kerana dalam penghakiman yang dibuat pada tahun 1963, kalau saya boleh bacakan di sini iaitu di antara kes kerajaan negeri Kelantan dengan kerajaan Malaysia, kerajaan Malaya pada masa itu Kesatuan Malaya dan Tunku Abdul Rahman tahun 1963, penghakiman yang telah dibuat oleh hakim pada masa itu bahawa, saya ikut kata-kata beliau '*there is nothing whatsoever in the constitution requiring consultation with any state government or the ruler of any state'.* Tak ada langsung, tidak ada suatu rundingan yang boleh dibawa untuk bukan *concern, consultation* pun tak ada pada kerajaan negeri jadi saya ingin bawakan perkara ini kepada kerajaan negeri untuk setidak-tidaknya dimulakan satu perbincangan di mana satu *consultation,* perkataan perkara *consultation* dimasukkan dalam perlembagaan negara kita. Banyak perkara-perkara besar yang diputuskan oleh *federal* sebenarnya yang memboleh bawa implikasi yang besar kepada negeri.

Sebagai contoh keputusan penghakiman ICJ, tuntutan bertindih Pulau Batu Putih. Kalau mengikutkan sejarah Kesultanan Johor memang Pulau Batu Putih negeri Johor mempunyai kedaulatan dan kekuasaan kepada pulau tersebut. Kalau nak ikutkan sikap berbaik dengan Singapura seperti yang dibangkit oleh YB Skudai, Singapura pergi aje ikut sejarah. Tapi apabila di bawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) keputusan sebaliknya berlaku. Cuma saya nak mengatakan bahawa isu yang besar begini yang melibatkan kerajaan negeri, bagaimanakah soal penglibatan kerajaan negeri dalam perkara yang besar sebegini rupa? Saya ingin juga menyatakan bahawa Titah Baginda Tuanku dalam pembukaan sidang Dewan yang lalu ada menyebutkan soal untuk Baginda Tuanku menitahkan untuk membuat rayuan semula kepada penghakiman soal pertindihan Batu Putih ini. Tetapi sampai hari ini mungkin saya silap, saya tidak kedengaran apa-apa daripada kerajaan pusat tentang rayuan ini yang telah dititahkan oleh Baginda Tuanku seolah-olah suara kita di Johor ini tak penting dan tak perlu didengar oleh kerajaan pusat. Kerajaan pusat boleh buat apa sahaja keputusan walaupun sesuatu itu benda yang sangat penting bagi kita di negeri Johor ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin bawakan, bagaimana kerajaan pusat contohnya pentadbiran kerajaan pusat hanya seolah-olah tidak mempedulikan perasaan kita orang Johor. Walaupun isu ini berbangkit semula baru-baru ini dan menjadi bahan jenaka iaitu soal Jambatan Bengkok ini. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah pada masa hendak membina Jambatan Bengkok ini, kita di negeri Johor menyambutnya dengan baik memang kerajaan pusat nak bina tegak ke bengkok ke jambatan adalah pokoknya kerana ada sebab-sebab yang tertentu. Pertamanya dari segi soal alam sekitar, pengaliran air dari timur ke barat dan barat ke timur supaya keadaannya lebih bersih kita boleh mandi macam mana kita kecil-kecil dulu, pada hari ini siapa yang berani mandi di situ? Tiada orang. Mungkin masih ada yang masih berani. Tapi apa yang saya nak sebutkan ialah keputusan

untuk tidak membina ini. Bila nak, kerajaan pusat tak mahu membina jambatan ini hanya disiarkan melalui media di Kuala Lumpur. Masa meminang dulu datang ke rumah, hari-hari datang, kita pun masaklah, bakal menantu. Tapi bila nak putus tunang, hantar SMS putus, satu perkataan aje, tanpa mengatakan sebab, tanpa berunding dan sebagainya. Orang lain dah dapat dua jambatan kita berada masih di takuk yang lama. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Jorak sila gulung.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Sebab itulah saya ingin mengatakan di sini bahawa bagaimana kerajaan negeri dan kerajaan pusat boleh menilai semula Perlembagaan kita ini memasukkan perkara-perkara penting yang ada kaitannya dengan soal *consultation* ini. Hubungan baik di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dan ada kaitannya dengan itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ialah hubungan kita dengan kerajaan pusat yang ada kaitannya dengan bidang kewangan. Kita tahu bahawa hasil kerajaan negeri hanya kepada kebanyakannya hasil daripada hasil tanah, lombong, hutan, cukai-cukai kerajaan tempatan, mungkin *collection* ataupun pungutan daripada *parking*, pusat hiburan, zakat, zakat fitrah, *toddy shop* pun ada jugak disebutkan di situ daripada senarai bidang kuasa kerajaan negeri tentang percukaian. Tetapi saya ingin penjelasan daripada kerajaan negeri, kita kerajaan negeri adalah penyumbang yang besar kepada GDP. Cuma saya nak tahu berapa banyak sumbangan kerajaan pusat kepada negeri Johor, nak dibandingkan negeri-negeri yang lain. Cukai semua kerajaan pusat ambil, *Income Tax*, pungutan tol dan sebagainya dia lalu daripada utara ke selatan daripada sempadan Muar, Tangkak sampailah ke Johor Bahru *highway* jalan seluas-luasnya dia *collect toll,* tapi berapa kerajaan negeri dapat? Tak ada mungkin. Cumanya saya ingin penjelasan sebab itu hubungan seperti ini juga bagaimana sumbangan kerajaan pusat kepada kerajaan negeri? Kalau Program RAPID di Pengerang juga berjumlah berbilion-bilion ringgit membawa hasil kepada kerajaan pusat bagaimana pula dengan kerajaan negeri? Yang mana kita mungkin kata kita hanya tengok sahaja...

YB Speaker : Yang Berhormat, masa cukup.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Saya menimbulkan membawa perkara ini sebagai suatu perkara yang untuk kita sama-sama fikirkan supaya ada satu hubungan yang baik di antara kerajaan pusat dan negeri. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jorak menyokong usul yang dibawakan oleh Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jorak. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan kita ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:50 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4:10 petang.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Buloh Kasap, 20 minit.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirahmanirrahim. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Ahli-Ahli Dewan Mesyuarat Kerajaan Negeri, para Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor dan salam Segamat Selamat. Buloh Kasap mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk

menyertai perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena sidang Dewan pada kali ini. Atas junjungan itu marilah kita sekalian, yang berada di dalam Dewan yang mulia ini bersama-sama bermuhasabah diri terhadap titah Baginda untuk menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negeri serta memelihara , melindung dan mempertahankan raja perintah negeri dalam kita mengatur gerak kaki menghayun langkah perjalanan untuk terus maju ke hadapan.

Jauh dari itu, semestinya kita yang diangkat oleh rakyat ke tempat ini supaya melaksanakan tugas dengan jujur, amanah, penuh dedikasi dan bertanggungjawab. Izinkan saya bermula dengan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas keberhasilan peningkatan pendapatan negeri malah lebihan juga meningkat. Sepanjang di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, makin makmur negeri makin berkembang ekonomi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pelbagai perkara di hurai dalam titah ucapan Di Raja menjadi pedoman kita menyuluh perjalanan. Dari isu kecil jalanan di perdesaan hingga kepada dasar kerajaan semuanya di perinci tanpa sembunyi, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada 07 April yang lalu, merupakan ucapan yang sangat memahami nadi rakyat. Baginda sebagai Raja pemerintah begitu menyelami susah perit rakyat ketika ini. Antara yang dinyatakan oleh Baginda adalah mengenai pelaksanaan GST oleh kerajaan persekutuan pada 01 April yang lalu.

Saya mengerti dan saya tahu, bahawa isu GST ini merupakan isu nasional. Namun terdapat beberapa perkara yang saya kira di bawah kuasa kerajaan negeri. Maka, urusan ini biarlah ditentukan oleh pihak kerajaan negeri sendiri. Melihat pelaksanaan GST ini, jika tidak diawasi dengan ketat, akan diperalatkan dan di manipulasikan oleh pengeluar, pengedar dan peruncit untuk menipu.

Walau bagaimanapun, ketika ini diwar-warkan oleh pihak kerajaan, bahawa kes-kes penipuan seperti menaikkan harga terlampau tinggi adalah rendah berdasarkan statistik laporan kepada KPDNKK, namun saya kira itu bukanlah kayu ukur yang benar-benar baik untuk kita simpulkan segalanya dalam keadaan yang baik-baik sahaja. Hal ini sewaktu saya sendiri turun padang bersama dengan pegawai KPDNKK di kawasan saya, saya dapati terdapat banyak pasar raya besar yang menaikkan harga yang tinggi berbanding sebelum ini.

Malah, saya juga perolehi aduan daripada pakcik dan makcik di kampung, bahawa harga barang dinaikkan dengan tinggi di kedai runcit kampung-kampung berdekatan di situ. Mungkin jawapan mudah yang diberikan oleh pihak KPDNKK bahawa adukan sahaja perkara ini kepada mereka. Mereka akan mengambil tindakan. Tetapi persoalan saya adalah, berapa lama yang perlu mereka tunggu untuk pihak KPDNKK mengambil tindakan? Kerana adakah setelah aduan,harga barang ini akan diturunkan secepatnya? Dan adakah harga yang telah mereka bayar itu akan dapat dipulangkan kembali? Kerana mungkin dengan jumlah lebihan tersebut boleh digunakan untuk belanja sekolah anak-anak mereka. Mungkin jawapan *cliché* yang diterima, jangan beli di kedai tersebut. Tetapi, jika di kedai itulah menjadi tumpuan di kampung tersebut mendapatkan barang keperluan, apakah pilihan mereka yang ada?

Maka saya amat berharap, pantauan dapat dilakukan sekerap mungkin oleh pihak yang berwajib dan bukan hanya di pasar raya di bandar dan di pekan sahaja,

tetapi di kedai-kedai runcit di ceruk-ceruk kampung. Selain itu, tindakan juga harus segera kerana ia melibatkan hal kebajikan rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengetengahkan isu cadangan pembinaan rumah mampu milik di tanah perumahan rakyat Paya Lebar, Segamat. Tanah tersebut berkeluasan 10 hektar, yang mana boleh memuatkan sebanyak 150 unit rumah yang berukuran 20' x 60'. Pembinaan rumah ini di kawasan Segamat amatlah penting untuk generasi muda. Oleh itu, saya amat-amat memohon dan jasa baik pihak yang berkaitan agar mempercepatkan, menyegerakan pembinaan rumah ini kerana ia merupakan keperluan generasi muda di kawasan Segamat. Menyentuh isu perumahan dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Baginda turut menyuarakan kebimbangan tentang syarat pinjaman perumahan yang sangat ketat oleh institusi perbankan. Saya kira perkara ini menjadi kekangan yang sangat besar untuk anak-anak muda memiliki rumah. Saya mohon agar pihak berkaitan juga melakukan sesuatu untuk isu ini. Untuk kita bantu mereka, nasib mereka perlu kita bela kerana inilah yang akan mengundi kita pada masa akan datang. Jangan nanti di masa akan datang, saat mereka membenci kita, kita mengata mereka tidak mengenang budi, sedangkan keperluan mereka kita tidak mampu penuhi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti kita maklum, pertanian merupakan salah satu bidang keutamaan yang mendatangkan pendapatan yang lumayan. Di daerah Segamat sendiri, kegiatan pertanian menjadi salah satu sumber pendapatan warganya. Oleh itu, saya melihatkan usaha memperkasakan sektor pertanian di negeri Johor khususnya di daerah Segamat perlu diperkasa dan di perhebatkan. Saya maklum, pihak Johor Corporation dan JBiotech melakukan penyelidikan dan pembangunan di kawasan yang berskala tinggi. Namun begitu, saya melihat usaha ini belum mencukupi. Apa yang perlu kita lakukan adalah mewartakan sesebuah kawasan yang mempunyai kawasan pertanian yang luas, ada potensi besar sebagai kawasan pertanian. Dengan cara itu, kita akan membantu penduduk tempatan terutamanya anak-anak muda untuk bergiat secara serius dalam sektor pertanian.

Kawasan tersebut juga boleh dibuat dalam padang ragut ternakan yang pastinya menghasilkan pendapatan yang baik. Seperkara dengan itu kita teliti dan peka dalam membangunkan pertanian di sesebuah kawasan ialah soal penglibatan penduduk tempatan. Hal ini saya lihat apabila sebuah agensi besar hadir membangun sesebuah kawasan dalam apa-apa sektor sekalipun, akan ada isu bahawa tenaga kerja yang berkhidmat tidak terdiri daripada orang tempatan. Maka sekiranya ini berlaku, warga tempatan akan menjadi seperti katak dalam cawan kaca kerana mereka hanya mampu melihat tetapi tidak mampu menikmati.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya pernah menyuarakan isu pembangunan sektor pertanian di Dewan yang mulia pada sidang yang lalu. Saya pernah mencadangkan agar dibangunkan sebuah kilang untuk mengumpulkan hasil pertanian secara bersepadu, yang mana pada peringkat awal kilang ini dikendalikan oleh pihak kerajaan ataupun FELDA. Selepas itu, secara perlahan-lahan diserahkan kepada pengusaha. Saya melihat usaha ini dapat membantu golongan rakyat Segamat yang menjalankan kegiatan pertanian lebih tersusun dan terjamin pendapatan mereka. Selain itu juga, saya pernah mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk jangka masa yang panjang, daerah Segamat ini dibangunkan sebuah kawasan pertanian sebagai suatu daerah yang khusus. Malah hasil pertanian mereka ini dipasarkan melalui 2 cara iaitu melalui usaha sama syarikat besar yang mempunyai cawangan di seluruh daerah ataupun secara kerjasama. Hal ini bermakna hasil atau produk pertanian mereka terjamin untuk dijual ataupun dipasarkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam negara maju yang berpendapatan tinggi masih ramai pekerja kontrak ibarat dipinggirkan. Salah satunya ialah penyelia dan petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di bawah Kebajikan Masyarakat. Tugas mereka mendidik dan melatih anak-anak kurang upaya yang terdiri daripada kanak-kanak sindrom *down*, autisme, *cerebral paralyzed* dan sebagainya untuk berdikari tidak dihargai. Hal ini beza dengan guru pendidikan khas yang diberi banyak kemudahan oleh kerajaan. Mereka diberikan taraf sukarelawan kontrak yang diberikan elaun RM800.00 untuk petugas dan sebanyak RM1,200.00 untuk penyelia. Ini sukar diterima akal dengan beban kerja dan keadaan ekonomi sekarang. Mereka yang dipilih untuk bekerja dan bukan sahaja berkelulusan UPSR, tetapi ada juga memiliki SPM, Diploma dan ramai juga terdiri daripada mereka yang berijazah. Ada juga mereka ini telah berkhidmat selama belasan tahun tetapi tidak mendapat pembelaan sewajarnya.

Mereka tidak diberi pengkhususan seperti perkhidmatan di Tadika KEMAS yang diberi kursus pendidikan awal kanak-kanak. Dengan tidak diberi kursus ini mereka mudah dinafikan untuk kenaikan gaji dan pelbagai kemudahan itu. Oleh yang demikian, ada di antara sudah berkhidmat 2 atau 3 tahun berhenti, apabila mendapat tawaran kerja lain. Sedangkan anak-anak OKU di PDK memerlukan kepakaran mereka untuk membentuk pelatih OKU untuk berdikari bukan semata-mata menjaga makan minum mereka. Jika petugas dan guru bersilih ganti, di mana mereka mahu mencari kepakaran mereka. Sedangkan mereka ini sudah tahu selok-belok OKU berhenti untuk mencari kerja yang lain. Jika keadaan ini berlaku, sampai bila-bila pun nasib OKU di Malaysia tidak akan terbela, sedangkan mereka ini terdiri daripada pekerja dan OKU memerlukan pembelaan sebaik-baiknya. Hal ini berbeza seperti di negara maju seperti di negara Jepun dan Amerika Syarikat yang mana negara ini memberi banyak kemudahan kepada mereka yang bekerja dengan OKU. Oleh itu, saya berharap agar penyelia dan petugas PDK di negeri Johor dapat diberikan perhatian khusus oleh pihak kerajaan negeri. Jangan nanti diberi jawapan kepada persoalan ini, bahawa perkara ini di bawah kuasa kementerian. Hal ini saya amat yakin kerana kerajaan negeri pasti mempunyai kaedah yang terbaik untuk membela nasib mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di kesempatan ini juga, saya ingin memberi teguran kepada segelintir pegawai kerajaan yang memberi perkhidmatan yang sambil lewa dan lambat bertindak terhadap aduan rakyat terutama berkaitan kepentingan awam. Hal ini kerana masih terdapat masalah kecil seperti isu-isu perumahan dan kemudahan-kemudahan asas, di kawasan taman perumahan, atau kampung yang sepatutnya boleh diselesaikan segera tetapi tiada tindakan diambil oleh pihak berkaitan, biarpun masalah yang dihadapi rakyat, khususnya penduduk ini dilihat terlalu kecil dan tidak penting. Namun ia memberi impak yang besar kepada mereka yang menghadapinya saban hari.

Saya mohon kepada semua pegawai kerajaan bertindak secara proaktif khususnya yang melibatkan kepentingan awam, rancang pelan tindakan berusaha gigih dan tidak hanya menunggu dan memberi arahan sahaja. Malah, tidak akan selesai sekiranya semua pihak asyik memberikan arahan dan saling tuding jari antara satu sama lain. Di kawasan saya sendiri terdapat banyak rungutan dan aduan penduduk berhubung dengan masalah berkaitan kemudahan awam yang dihadapi sejak sekian lama walaupun telah dimaklumkan kepada pihak berkaitan. Malah, ada juga aduan dan rungutan berkaitan permohonan yang diajukan oleh mereka memakan masa berbulan-bulan tetapi bertahun-tahun untuk diselesaikan.

Saya faham, saya akur, terdapat sesetengah prosedur memerlukan penelitian besar dan mengambil masa yang lama. Saya amat berharap pegawai-pegawai kerajaan ini dapat menjalankan tugas secara efektif dan cepat. Tolong jangan sambil lewa terhadap permohonan mereka, aduan dan isu keluh rakyat ini kerana sememangnya telah menjadi tanggungjawab kita bersama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sesungguhnya kita semua di sini baik kepada pasukan kerajaan mahupun pembangkang sama ada Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan barisan EXCO kerajaan negeri bertanggungjawab melaksanakan amanah disandarkan pada tiap seseorang daripada kita mengikut pelbagai fungsi dan peranan masing-masing. Semoga dengan rantaian kerjasama dalam kamar keinsafan dan kesedaran yang sedemikian, kita dapat mengangkat Darul Takzim ke mercu jaya yang diharapkan bersama.

Mewakili rakyat Buloh Kasap kami tidaklah meminta lebih-lebih tapi janganlah pula diberi kurang-kurang. Dengarlah setiap suara kami kerana itulah harapan kami. Kami tidak mahu rakyat dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian Yang Berhormat Tan Sri Speaker wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumusalam, Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Batu. Jangan lebih 30 minit.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Selamat petang dan salam sejahtera. Bukit Batu ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana menyampaikan titah Baginda kepada Dewan Yang Mulia ini pada 7 Mei. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana diberi peluang petang ini untuk mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Tan Sri Speaker, isu pembangunan Johor, saya menjunjung dan mematuhi titah Tuanku, dalam ucapan titah Tuanku agar negeri Johor terus maju, membangun. Malah, saya sebagai anak Johor juga mengongsi inspirasi dan harapan bahawa Johor akan terus maju dan makmur. Pembangunan bukan sekadar dari aspek ekonomi sahaja tetapi juga pembangunan dari segi kesejahteraan dan sivik.

Tan Sri Speaker, yang salah kita tegur, yang betul kita puji yang beban rakyat kita bantah yang baik kita sokong pertama, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada YB MB kerana berjaya meningkatkan terhadap rizab tunai kerajaan dari RM1.7 bilion kepada RM2.3 bilion. Diharap kerajaan akan berkhidmat menggunakan pendapatan negeri untuk membangunkan negeri Johor tidak kira sama ada di kawasan parti pemerintah menang ataupun di kawasan parti pembangkang yang menang. Walaupun dengan prestasi kewangan yang menggalakkan dan juga pembangunan pelaburan yang pesat di Wilayah Iskandar, di mana telah mencatat pelaburan sebanyak RM166 bilion.

Tetapi, daripada pemantauan saya pembangunan ekonomi Johor masih boleh lagi diperbaiki di mana pembangunan di Johor ini bagi saya masih tidak seimbang dari 2 aspek iaitu dari aspek geografi dan aspek pengagihan di kalangan rakyat Johor. Aspek geografi Tan Sri Speaker, Johor keluasannya hampir 19,000 km persegi. Kami mempunyai populasi jumlah penduduk hampir sudah mencatat 4 juta angka Johor. Keluasan wilayah Iskandar ini hanya 2,217 km persegi ataupun 11.9% saiz Johor

sahaja tetapi pada 2 tahun ini kita asyik dengar sahaja pembangunan di Iskandar pelaburan di Iskandar bagi pendapat saya di Johor ini kita terlalu tumpuan terlalu banyak di Wilayah Iskandar seandainya macam Johor ini di Wilayah Iskandar sahaja. Ini masalah di mana saya ingin menyatakan kita terlalu *Iskandar eccentric* Tan Sri Speaker pembangunan dan kekayaan bertumpu di kawasan ini bermakna kerajaan tidak mengambil perhatian sepenuhnya kepada pembangunan di kawasan lain di Johor boleh di utara ada si Muar ke di Segamat, di Mersing banyak tempat lagi di mana pembangunan itu tidak begitu pesat. Saya bukan kata Wilayah Iskandar tidak penting, tetapi boleh tidak kerajaan juga merangka pelan yang lebih komprehensif pembangunan di seluruh Johor dan bukannya hanya di Wilayah Iskandar sahaja.

Pembangunan tidak seimbang Tan Sri Speaker akan menukar struktur *fabric* masyarakat penghijrahan dari tempat utara ke selatan ke Wilayah Iskandar setidak-tidaknya agar membawa sedikit masalah keluarga kita pun tidak mahu satu hari nanti satu kampung menjadi kawasan rumah orang tua sahaja.

Tan Sri Speaker semua belia-belia pergi datang Johor Bahru, siapa yang nak tinggal di bahagian utara? Pembangunan dalam maksud saya juga tidak bermakna kita patut membina kilang yang besar ataupun *shopping center* yang besar ataupun apartmen yang tinggi, kita boleh membangun segi industri lain. Apa salah kalau pembangunan di sebelah utara atau bertumpu kepada sektor pertanian. Ataupun di sebelah timur ke barat dalam perikanan ataupun sektor pendidikan. Lebih banyak universiti boleh didirikan. Oleh itu saya haraplah EXCO berkenaan dan YB MB boleh mengambil pendapat saya agar kita dapat membangun Johor keseluruhan dan bukan sahaja di Wilayah Iskandar.

Dan, dalam Wilayah Iskandar juga saya ingin menambah di sini Tan Sri Speaker pembangunan di dalam Wilayah Iskandar juga tidak seimbang mengapa saya berkata demikian kerana di bawah DUN Bukit Batu kita terletak di kawasan daerah utara kulai kita juga masuk dalam Wilayah Iskandar tetapi saya cemburu sebab semua pelaburan hanya bertumpu di kawasan jiran DUN Senai. (Dewan ketawa). Katalah dalam *paper* memang kita dalam sana tetapi kalau dalam pelaburan semua di bawah sahaja sampai Bukit Batu dia *stop*. Itu saya rasa tidak adil untuk kita sebab kita pun dalam Wilayah Iskandar bagi saya Tan Sri Speaker, pembangunan di kawasan utara Kulai terlalu lambat di utara Kulai juga kita banyak berpotensi saya masih ingat beberapa 2 tahun terdahulu kita pernah dijemput semua ahli-ahli dari kedua-dua pihak pernah dijemput ke 1 taklimat di pejabat Iskandar di Danga Bay masa itu dia bawa *Blueprint* Wilayah Iskandar, saya nampak atas sikit di DUN Bukit Batu di sana tulis kita nak bina Sedenak Halal Food katanya, nak kasi kawasan Sedenak Utara Kulai kita nak kasi tumpuan kepada pertanian kita nak buat halal *food* hab.

Saya cukup setuju Tan Sri Speaker sebab kita memang kurang dan ada market yang berpotensi Middle East Asia Timur tu memang perlu banyak makanan halal dan juga di Malaysia dan juga Singapura tetapi sampai hari ini benda tu masih ada di kertas sahaja saya tidak nampak apa-apa usaha daripada Wilayah Iskandar ataupun kerajaan negeri untuk membangunkan rancangan Sedenak Halal Food Hab ni ataupun apa-apa dalam sektor pertanian Kulai Utara nasib baik di DUN saya ada 1 kawasan yang dipanggil Sedenak Industrial Park.

Taman Perindustrian Sedenak selepas hampir 10 tahun akhirnya tahun lepas ada satu kilang tekstil besar dari negara China yang telah melabur di Sedenak Industrial Park. Di sini saya ingin merakamkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan Johor dan EXCO berkenaan berjaya menarik pelabur ini untuk membuka kilang di

Sedenak Industrial Park. Dan, saya hanya harap lebih lagi kilang akan dibuka di Sedenak Industrial Park kerana dia akan membangunkan ekonomi tempatan dan mewujudkan banyak kerja untuk banyak belia di kawasan sana bukan sahaja di tempat saya FELDA Bukit Batu akan mendapat manfaat malah 2 EXCO kawasan 2 EXCO dan Pulai juga sebelah lagi juga 3 lain-lain juga maka saya haraplah membangunkan Sedenak yang boleh membawa manfaat untuk peluang kerja kepada semua anak Johor. Tan Sri Speaker, aspek pengagihan kekayaan tidak seimbang.

Tan Sri Speaker, pada November 2014 Khazanah Malaysia telah membuat satu laporan yang dipanggil dengan izin, the *state of house hold* Malaysia di dalam Khazanah Research Institute di bawah laporan ini telah dinyatakan bahawa Johor dari tahun 2013 telah menyumbang RM84.5 bilion kepada GDP Malaysia, kita merupakan penyumbang keempat di Malaysia Tan Sri Speaker GDP ataupun keluaran dalam negeri kasar ini Malaysia puratanya adalah setiap orang adalah 32 984 maknanya setiap individu di Malaysia pendapatan tahunannya adalah 32,944 tetapi Johor walaupun penyumbang ke4 GDP Johor hanya 25 302 iaitu 24% lebih rendah daripada purata kebangsaan . Ini adalah rangking nombor 8 kita di belakang Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang Tan Sri Speaker yang lebih merisaukan Tan Sri kalaulah kita tengok GDP isi rumah jabatan perangkaan menyenaraikan setiap isi di rumah di Malaysia mempunyai 4.3 orang ahli.

Berdasarkan kepada angka ini GDP isi rumah setiap bulan bagi isi rumah di Johor adalah 9,092 kita rangking nombor 9 daripada 14 negeri di Malaysia Tan Sri Speaker. Jumlah purata kebangsaan isi rumah 12,369 Johor lebih rendah 26.5%. Tan Sri Speaker, apa ini makna Tan Sri Speaker kalau kita boleh buat sedikit analisis maknanya Johor mungkin kaya banyak keluaran tetapi rakyat Johor bukan 100% mendapat manfaat daripada GDP kita ini bermakna terdapat pengagihan kekayaan di Johor yang tidak seimbang. Rakyat Johor tidak mendapat manfaat penuh daripada pembangunan negeri Johor kemungkinan ramai anak Johor terutamanya orang muda dan mahasiswa tidak mendapat apa-apa pekerjaan ataupun tidak mendapat pekerjaan yang berpotensi atau bergaji tinggi.

Saya bukan kata kerja setakat McDonald atau KFC sahaja mengapa di Wilayah Iskandar. Kita ada buka kilang besar ada kilang dari Amerika dari Jepun dari Singapura tetapi kilang-kilang besar ini tidak diisi pekerjaan dengan anak Johor. Apakah masalah ini adalah ini masalah akademik anak Johor tidak layak saya harap EXCO boleh memantau isu ini dan juga harap kerajaan boleh menambah usaha mewujudkan lagi lebih pekerjaan untuk golongan ini. Kita tidak, tidak mahu ada pengangguran kita tidak mahu anak kita kerja kat McDonald sahaja gaji RM900.00. Macam pelawat asing kita mahu anak kita kerja di tempat di mana boleh mereka mendapat gaji dan mereka ada potensi dan dalam karier mereka. Tan Sri Speaker, apa guna kalau negara kaya tetapi rakyat miskin lebih lagi. Tan Sri Speaker kena faham sekarang kerajaan BN telah melaksanakan GST di mana GST ini telah diluluskan sepenuh Ahli Parlimen Johor juga.

Tan Sri Speaker, Tuanku dalam kebijaksanaannya telah menyentuh dalam ucapan titah Tuanku, bahawa pelaksanaan GST oleh pihak kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan terhadap perkhidmatan yang diberikan pada rakyat adalah tidak masuk akal. Saya dan kesemua rakan ahli dari sebelah sini, dan juga saya juga percaya rakyat jelata anak Johor turut 100% sokong titah Tuanku dan berterima kasih dan bersyukur kepada Tuanku kerana Tuanku peka dan memahami kesusahan rakyat akibat pelaksanaan GST. Pelaksanaan GST di peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan, amat memberikan satu beban yang cukup berat pada rakyat, Tan Sri Speaker.

Misalnya, kasi beberapa contoh Tan Sri Speaker. Ada di bawah DUN saya di Ayer Bemban, ada gerai-gerai yang disediakan oleh pihak Majlis. Sekarang bila mereka bayar sewa, mereka kena bayar bersama dengan GST, Tan Sri Speaker. Rumah yang disewa, sewa rumah pihak-pihak yang sewa rumah daripada pihak negeri juga kena bayar GST, Tan Sri Speaker. Dan sampai tahap begini Tan Sri Speaker, bila saya sendiri isi borang I untuk tukar nama Cukai Harta, saya yang dulunya RM50.00, sekarang saya buat saya pun kena GST juga. Dulu bayar RM50, sekarang bayar RM53.00.

Tan Sri Speaker, 6% bukannya satu jumlah kecil. Kalau RM100.00 bertambah jadi RM106.00. Bagi rakyat biasa, RM6 tu mungkin bajet dia makan malam, Tan Sri Speaker. Pendirian Pakatan Rakyat selama ini, kami membantah kerana kita faham GST akan membebankan rakyat. GST adalah satu sistem cukai yang *regressive* Tan Sri Speaker. Di mana Perdana Menteri kita sendiri mengumumkan, dijangka dalam sembilan bulan yang akan datang mulai 1 April, kerajaan dijangka akan mengutip RM23 bilion, tapi selepas tolak cukai jualan yang telah dibubarkan, dan pemberian BRIM, kerajaan hanya mendapat *nett* balik RM690 juta sahaja. Hanya untuk RM609 juta, rakyat yang susah.

Tan Sri Speaker, GST juga mempunyai kesan rantaian, barang-barang bukan naik 6% sahaja. GST juga mewujudkan kekeliruan di antara rakyat. Misalnya isu *Top up* Kad, tiba-tiba 1 hari kata, boleh, tak boleh, boleh, tak boleh, ada, tak ada, tak ada, ada. Pusing dan pusing sahaja. Rakyat sangat keliru dengan sistem pelaksanaan GST ini. Begitu juga dengan isu *service charge*, Caj Perkhidmatan. Bila GST diumumkan dikatakan restoran tidak boleh caj lagi *service charge*, dengan izin, biasanya 10%. Lepas tu kata kalau ada *collective agreement,* boleh. Sekarang kata kalau awak letak di luar, awak ada caj, awak boleh caj. Ini semua membuatkan rakyat keliru Tan Sri Speaker. Rakyat juga tidak faham apakah sistem yang diguna untuk memastikan satu benda itu kena GST, satu itu tidak. Rakyat tidak faham mengapa udang galah, lobster tak kena GST tapi susu dan *dyper* bayi kena GST?. Bila saya beli buah-buahan baru ini Tan Sri Speaker, bila saya beli buah-buahan, dia kata tak kena GST tapi buah-buahan jadi jus, saya kena GST.

Yang lagi pelik lagi Tan Sri Speaker, bila debit kad dan kredit kad, ini saya nak hujah sikit Tan Sri Speaker, kerajaan Malaysia mengalami satu masalah di mana banyak orang terutama golongan muda, dia perbelanjaan dia di luar daripada pendapatan dia. *That's why*, itulah mengapa Tan Sri Speaker, kita ada banyak masalah di mana orang muda menjadi muflis, bankrap. Kerajaan memang tidak menggalakkan kad kredit, kredit kad di isu dengan semudah dan telah banyak insentif dan banyak halangan telah dibuat oleh kerajaan untuk memastikan kad kredit tidak di isu, dikeluarkan semudah oleh pihak-pihak bank. Salah satu cara ialah dengan kad debit, atau *debit card*, di mana awak hanya guna duit yang ada dalam akaun, itu dipanggil *debit card*, tapi masalahnya Tan Sri Speaker, di Malaysia bila awak guna kad kredit awak tak kena GST, tapi bila guna debit kad, sekarang awak kena GST. Adakah ini bermakna kerajaan sekarang menggalak orang guna kad kredit dan tidak mengguna kad debit? Saya rasa itu memang tidak masuk akal, Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, saya juga menyatakan GST, pelaksanaan GST ini kalau orang putih kata *timing* dia tidak betul, *timing* dia salah, Tan Sri Speaker. Mengapa? Tahun ini adalah tahun yang paling teruk untuk Ringgit Malaysia. Untuk tahun 2014, tidak ada satu mata wang, tidak ada satu mata wang di seluruh Asia Pasifik yang mempunyai prestasi yang lebih teruk daripada Ringgit Malaysia. Disebabkan isu-isu seperti skandal 1MDB ke, harga minyak yang jatuh ke, memang banyak tekanan ke atas

Ringgit Malaysia. Pelabur tidak yakin dan mereka semua tunggu, tunggu, tunggu kerajaan macam mana mereka nak mengatasi masalah minyak dan juga masalah 1MDB skandal, yang sampai RM42 bilion itu. Oleh demikian, ringgit dia sekarang jatuh dengan teruk. Masa ini bukan masa yang sesuai untuk kita laksanakan GST. Bila ekonomi sekarang kita belum, ekonomi kita masih tenat, ekonomi kita masih belum dalam satu keadaan yang sihat, penambahan GST sekarang hanya akan membebankan rakyat sahaja.

Tan Sri Speaker, saya ingin pindah ke isu air, sikit aje Tan Sri Speaker. Baru-baru ini, ada laporan di satu surat khabar, media Inggeris yang menyatakan tarif air patut dinaikkan. Ini kenyataan sebelum Malaysia di mana SPAN juga keluar menyatakan sudah sampai masanya mungkin tarif air patut dinaikkan. Saya membantah sekerasnya sekiranya ada apa-apa tindakan SPAN atau SAJ untuk menaikkan tarif di Johor, Tan Sri Speaker. Seperti sedia maklum oleh Dewan yang mulia ini, kali terakhir tarif air naik di Johor adalah pada tahun 2010, tidak sampai 5 tahun sahaja. Air Johor seperti yang dibawa oleh YB Skudai tadi, adalah paling mahal di Malaysia. Untuk 35,000 liter setiap 1000 liter, di Johor harganya RM1.05. Kalau berbanding dengan Pulau Pinang yang paling murah hanya RM0.32 sahaja.

Dan dengan segala kehormatan, *we all respect* dengan izin, walaupun Exco pernah cuba mempertahankan harga tinggi air di Johor pada sidang-sidang terdahulu, tetapi saya masih tidak boleh menerima jawapan Exco semudah itu kerana bila Exco menyatakan harga air di Johor ada kena dengan kepadatan dan juga geografi, tetapi kalaulah itu adalah cabaran kita, Sabah dan Sarawak lebih cabar dari segi geografi dan kepadatan, tetapi harga air di Sabah, hanya RM0.90 dan di Sarawak hanya RM0.62. Kalaulah katakan Sungai Johor tercemar, Selangor dia lebih industri lagi. Selangor, sungai di Selangor dia lebih tercemar tetapi harga air di Selangor hanya RM0.77. Malah saya harap kerajaan Johor dapat memastikan SAJ tidak naik taraf air dalam masa yang terdekat. Marilah kita jangan lagi membebankan lagi rakyat dengan GST yang sudah sedia ada ni. Kalau tambah lagi tarif air, habislah rakyat di Johor ni. *So*, saya harap Exco boleh beri kerajaan negeri Johor, kerajaan Johor boleh beri jaminan di Dewan yang mulia ini agar tarif air di Johor tidak akan naik pada masa yang terdekat.

Tan Sri Speaker, sedikit isu tempatan. Kalaulah pergi isu tempatan, ini macam *repeat* sahaja, Tan Sri Speaker. Sudah dua tiga kali saya membawa isu ni, tapi sehingga hari ini masih belum ada penyelesaian. Isu jalan selekoh "S" di Batu 23, Jalan Ayer Hitam-Johor Bahru, Tan Sri Speaker, pihak JKR dan Majlis di Kulai sendiri mengakui ini adalah zon maut dan banyak kali ada kemalangan maut yang terjadi di kawasan tersebut. Saya faham pihak Majlis, JKR dia ada letak banyak papan tanda, tetapi ini tidak mencukupi. Saya telah memberi cadangan apa kata kita luruskan "S" itu saja. Kalau benda itu macam "S" kita luruskan saja. Bukan saja kita boleh jimatkan masa perjalanan, malah kita boleh selamatkan nyawa. Apa yang halangannya ialah sekarang hanya kalau kita nak luluskan mungkin kita nak ambil tanah sawit sebuah syarikat swasta. Saya mencadangkan kalaulah kerajaan boleh menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil tanah di Pengerang dan di Pontian, apa salah kalau kita guna akta yang sama untuk mengambil tanah sedikit sahaja untuk luruskan dan jalan di Batu 23?

Begitu juga dengan isu di FELDA Bukit Batu, saya dari 2013 telah membuat permohonan kepada pihak JKR untuk memasang satu sistem jejantas atau lampu isyarat di hadapan Sekolah Kebangsaan LKGP Bukit Batu agar murid-murid dan masjid di sebelah tu yang selepas sekolah, dia boleh melintas jalan dengan selamat. Sebab jalan tu semakin sibuk Tan Sri Speaker. Sebab sekarang dengan perkembangan terbaru Sedenak Industrial Park, banyak kenderaan lori berat yang bawa batu mengguna jalan tu. Dan memang sudah banyak kemalangan yang

telah dialami oleh penduduk tempatan. Ada kanak-kanak, ada pakcik, ada makcik. Saya haraplah kali ini kerajaan boleh mengambil prihatin kepada isu ini. Dan saya juga telah dimaklumkan Tan Sri Speaker, saya balik kepada selekoh "S" itu, bahawa JKR pernah memaklumkan kepada saya, ada rancangan untuk membetulkan jalan tu di dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan memandangkan Rancangan Malaysia ke-10 pun sudah nak habis, dia akan membawa kepada Rancangan Malaysia ke-11. Saya harap janganlah kita tunggu sampai di Rancangan Malaysia ke-12, Tan Sri Speaker.

Isu banjir kilat Tan Sri Speaker, di kawasan saya, di kawasan saya bulan lepas di Taman Sri Muhibah di Kulai, telah dilanda dengan banjir kilat. Tidak sampai 15 minit Tan Sri Speaker, rumah sudah banjir. Puncanya adalah di sebelah Jalan Bunga Kertas 8 ada satu parit besar, di bawah jagaan Majlis dan dia tidak dibersihkan dalam masa yang tertentu. Saya sudah cadang kepada Majlis untuk bersihkannya sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Tapi malangnya tahun ini sampai sekarang masih belum ada apa-apa pembersihan. Sebab juga air dari taman-taman lain seperti dari Taman Sentul dan Taman Sentosa juga bergantung kepada saluran parit yang sama untuk *discharge* air keluar, memang parit itu tidak ada kemampuan lagi kalau dia diselenggarakan Tan Sri Speaker. Justeru saya pernah membuat cadangan kepada Majlis untuk membina satu lagi saluran bawah tanah atau *underground* di bawah parit itu yang terus boleh mengalirkan air *discharge* air dari Taman Seri Muhibah ke saluran luar, malangnya sampai sekarang masih tidak ada apa-apa maklum balas. Saya harap Majlis mengambil perhatian kederitaan rakyat di kawasan ini kerana setiap kali hujan, mereka bimbang sahaja.

Tan Sri Speaker, saya juga ingin membuat satu isu yang ringan. Setiap kali kadang-kadang bila kita pergi kedai ke mana-mana, kita akan nampak banyak kedai-kedai, kita tak dapat cari tempat *parking*. Bila nampak banyak kedai-kedai, dia suka letak kon atau kerusi di luar kedai. Semacam tu kedai *parking* tu milik dia. Itu hanya menyusahkan orang awam, Tan Sri Speaker. Saya harap pihak PBT boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Tempat *parking* adalah untuk kereta atau untuk orang awam bukan tempat peniaga. Kalaulah di katakan tak ada orang, tak ada kereta, ha itu hal lain. Tapi bila masa pagi ke petang, janganlah awak monopoli satu *carpark* dengan kerusi dan kon-kon, anggap itu macam bapak punya tempat kereta. Itu salah Tan Sri Speaker. Sebab bila kita nak cari *parking* memang susah. Kita kena *round-round* tapi *parking* tu diletak kon sahaja, saya rasa itu tidak adil.

Akhir sekali Tan Sri Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah, tadi saya kata kalau betul saya sokong. Saya sokong usaha kerajaan Johor mulai bulan September ini kita mula asingkan sampah atau pengasingan sisa pepejal isi rumah yang kita kata sudah *long overdue.* Diharap usaha dan inisiatif ini boleh dipercepatkan lagi dan ditambahkan. Saya harap, tanggungjawab kita menjaga bumi kita, kitar semula ini adalah tanggungjawab semua orang dan bukan sahaja kerajaan. Saya memberi sokongan sepenuh usaha ini agar kesejahteraan negeri ini kita boleh membersihkan lagi dan melindungnya. Dengan itu, saya akhiri ucapan saya, sekian terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puteri Wangsa.

YB Encik Abdullah Bin Husin (Puteri Wangsa) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bismillahirahmanirrahim (berselawat) Puteri Wangsa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang memberi peluang kepada Puteri Wangsa untuk turut serta menjunjung kasih di atas titah ucapan baginda Sultan Johor ketika merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga

Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Sesungguhnya, titah ucapan Baginda menggambarkan keprihatinan baginda terhadap nasib rakyat jelata dan memastikan *survival economy* dan sosial negara yang mantap dan kukuh.

Di antara lain Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya merujuk kepada bilangan 42 hingga 51 dalam titah ucapan mengingatkan kepada kita kepada peringatan yang terdapat di dalam al-Quran yang menjadi asas dalam mentadbir sebuah negeri dengan memberikan perhatian kepada sudut duniawi yakni urusan dunia dan ukhrawi perkara akhirat begitu juga keseimbangan di antara aspek rohani dan jasmani.

Firman Allah SWT, surah Al Haj yang bermaksud, "orang-orang yang apabila kami berikan kuasa memerintah di bumi mereka mendirikan solat dan mereka mengeluarkan zakat dan mereka menyuruh kepada makruf yakni menyuruh kepada yang baik dan mencegah daripada kemungkaran daripada perkara yang buruk dan bagi Allah lah kembalinya segala urusan akibat itu".

Tan Sri Speaker dan Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, maka kita bermuhasabah sebagai merasakan akauntabiliti ataupun al-masuliyah dengan izin, yang mana Allah SWT mengingatkan kepada kita, orang yang diberikan amanah dalam mengurus tadbir negara, menyantuni rakyat dan memastikan kesejahteraan hidup rakyat yang mana mengingatkan dengan firmannya (bacaan potongan surah) "kamu adalah sebaik-baik umat yang diketengahkan, yang dikeluarkan di kalangan manusia kamu menyuruh manusia kepada yang makruf dan kamu mencegah kemungkaran dan kamu beriman dengan Allah", surah Al-Imran.

Di dalam hadis yang selalu kita baca, selalu kita dengar, hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, hadis yang sahih yang menerangkan 7 golongan (bacaan hadis) 7 golongan yang mendapat golongan yang mendapat perlindungan istimewa di Padang Mahsyar di hari yang tiada perlindungan melainkan perlindungan Allah. Salah satu daripada 7 golongan itu iaitulah imamun adilun yakni pemerintah yang adil.

YB Speaker : Yang Berhormat Puteri Wangsa, sila duduk. Kita sambung pada esok hari YB Puteri Wangsa. Boleh sambung 7 golongan yang dapat perlindungan Allah itu sambung pada esok hari.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 9:30 pagi, 11 Mei 2015.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETIGA	ISNIN, 11 MEI 2015	BIL. 8 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN., SSAP., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Marsan bin Kassim, DMIJ., SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismilahirahmanirrahim (Doa). Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan Persidangan kita pada pagi yang mulia ini, suka saya nak memohon kerjasama dari ketua-ketua jabatan peringkat negeri dan persekutuan. Saya mengharapkan kehadiran untuk bersama-sama berada dalam Dewan ini semasa Persidangan ini berlangsung.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat memberikan ucapan, pandangan dan berbagai-bagai perkara yang dibangkitkan oleh rakyat mereka. Mereka ialah Wakil Rakyat di dalam Dewan ini, maka itu saya mengharapkan dan sebelum ini saya nak ucapkan terima kasih setingginya kepada ketua-ketua jabatan, baik peringkat negeri mahupun Persekutuan supaya hadir dan mengikuti perbahasan di Dewan ini, kerana ketua-ketua jabatan bagi pihak jabatan masing-masing akan mengambil tindakan atas segala yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan selaku Wakil Rakyat.

Jadi, kehadiran ketua-ketua jabatan atau wakilnya di dalam Persidangan ini amat penting dan dialu-alukan sangat, dan kita ucapkan terima kasih di atas keprihatinan itu supaya apa yang dibangkitkan walau pun akan dijawab oleh EXCO-EXCO ataupun Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah lebih baik secara jelas didengar oleh ketua-ketua jabatan. Jadi tindakan-tindakan susulan yang boleh diambil akan lebih mudah kerana kita memahami hasrat yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jadi, saya berharap kerjasama yang telah diberikan selama ini dapat diteruskan. Dan, kalau saya tengok waktu petang banyak ketua-ketua jabatan dah tak dapat hadir kerana mungkin ada tugas-tugas penting yang mereka akan lakukan di pejabat masing-masing. Tetapi jangan sekali-kali tidak ada wakil jabatan masing-masing untuk memberikan rasa tanggungjawab bersama dalam menjayakan pemerintahan kerajaan, supaya kerajaan lebih berkesan dalam menyempurnakan kehendak rakyat yang diwakili oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Wakil-Wakil Rakyat di peringkat negeri Johor ini.

Jadi, saya harap kerjasama itu akan dapat kita teruskan dan tingkatkan dan saya ucapkan terima kasih selama ini. Segala kerjasama dan perhatian daripada semua jabatan-jabatan baik negeri mahu pun Persekutuan yang ada di negeri Johor ini. Saya berharap titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Johor jadi Johor itu akan dapat laksanakan bersama-sama. Kerjasama inilah yang boleh memberikan kemajuan dan kejayaan kepada rakyat dan negeri Johor.

JURUTULIS : SOALAN LISAN

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita sambung semula perbahasan untuk menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Sekarang saya jemput Puteri Wangsa untuk menyambung ucapan. Minta maaf. Soalan lisan. Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Permohonan rumah mesra rakyat telah pun di pohon oleh mereka-mereka yang layak. Mengapakah proses pelaksanaan rumah mesra rakyat itu mengambil masa yang lama untuk pelaksanaan.

YB Speaker : Dan Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Berapa jumlah Rumah Mesra Rakyat, SPNB yang gagal disiapkan oleh pemaju yang dilantik bagi tahun 2014? Apakah punca kegagalan ini dan tindakan ke atas pemaju ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismilahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya untuk menjawab jawapan soalan dalam bentuk sekali. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Syarikat Perumahan Nasional Berhad atau dikenali sebagai SPNB, merupakan sebuah syarikat Kementerian Kewangan di perbadankan yang dipertanggung jawabkan oleh kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, yang mana program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang yakni daif, tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Sehubungan itu juga, perlaksanaan program RMR 1Malaysia atau Rumah Mesra Rakyat ini, sebahagiannya dibiayai oleh subsidi oleh kerajaan iaitu pada kadar satu pertiga daripada kos pembinaan.

Walau bagaimanapun, bermula tahun 2012, subsidi yang diperuntukkan kepada pihak SPNB hanyalah sebanyak RM20,000.00 seunit berkonsepkan rumah sebuah berkeluasan di antara 1,000 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan dua bilik air. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang, Program RMR1M mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat seluruh negara dengan sambutan yang diterima menyebabkan jumlah permohonan melebihi peruntukan tahunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Permohonan ini tidak secara langsung telah menyebabkan terdapatnya permohonan memenuhi syarat-syarat kelayakan tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, di dalam ucapan Bajet 2015 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, SPNB telah dipertanggungjawabkan untuk membina 12,000 unit rumah Mesra Rakyat untuk Program RMR1M 2014/2015 yang melibatkan subsidi yang diperuntukkan Kerajaan Pusat berjumlah RM240 juta. Sebahagian daripada subsidi ini, Kementerian Kewangan telah pun menyalurkan peruntukan awal yang berjumlah RM160 juta kepada pihak SPNB pada 16 April 2015 untuk membina 8,000 unit RMR1M bagi peringkat pertama. Untuk makluman, harga rumah SPNB adalah RM65,000.00, bermakna subsidinya RM20,000.00 dan pihak pembeli cuma membayar RM45,000.00. Oleh yang demikian, pihak SPNB akan melaksanakan pembinaan RMR1M untuk tahun 2014/2015 dengan memberi keutamaan kepada permohonan

yang terdahulu. Melalui peruntukan ini, SPNB mensasarkan untuk mulakan perlaksanaan program ini sebelum akhir suku kedua tahun 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman sidang Dewan, mengikut statistik yang diperolehi oleh pihak SPNB yang berakhir pada 30 April 2015 jumlah keseluruhan bagi permohonan RMR1M yang telah diluluskan bagi negeri Johor semenjak 2012 adalah sebanyak 5,141 daripada keseluruhan 18,263 pemohon seluruh Malaysia yang masih di dalam senarai menunggu untuk diluluskan. Dan, jumlah ini mewakili sebanyak 28% daripada jumlah keseluruhan permohonan di Malaysia. Sebanyak 4,482 unit ataupun 13.5% yang telah berjaya dibina daripada keseluruhan daripada 33,180 untuk RMR1M di seluruh Malaysia dari tahun 2002 sehingga kini. Manakala terdapat 659 unit RMR1M masih lagi di dalam peringkat pembinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang, mengikut rekod bagi Parlimen Muar, SPNB telah berjaya menyiapkan pembinaan 270 unit RMR1M dan 18 unit RMR1M lagi masih lagi dalam peringkat pembinaan. Manakala terdapat 74 permohonan masih lagi dalam senarai menunggu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk soalan kepada Yang Berhormat Machap, pada tahun 2014 sahaja sebanyak 1,280 unit RMR1M telah dibina oleh SPNB di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 827 unit RMR berjaya disiapkan manakala baki 453 unit RMR1M sedang dalam peringkat pembinaan. Berdasarkan kepada surat perjanjian pembinaan dan pembiayaan yang telah ditandatangani oleh pemohon pihak SPNB, SPNB pula menyiapkan unit-unit RMR tersebut dalam tempoh 18 bulan daripada tarikh penyerahan tapak kosong oleh pemohon. Oleh yang demikian, SPNB akan berusaha memastikan unit-unit tersebut dapat diserahkan dalam tempoh masa yang diberikan. Namun begitu difahamkan pihak SPNB akur akan masalah-masalah kelewatan dan kegagalan pembinaan RMR ini. Di antara punca kelewatan adalah disebabkan kegagalan pemohon untuk menyediakan tapak, bekalan air, bekalan elektrik dan kemudahan jalan masuk yang sesuai untuk pembinaan RMR. Oleh kerana itu kelewatan pembinaan ini juga disebabkan oleh kesesuaian lokasi pembinaan yang dicadangkan oleh pemohon.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan saya adakah Jabatan Perumahan sedar bahawa sebab saya menerima panggilan daripada rakyat bahawa berkenaan dengan kuota KMK. Mereka memberitahu saya bahawa mereka diminta yang diberikan kepada orang-orang politik itu kuota KMK dan mereka memaklumkan saya bahawa mereka diminta untuk membayar sejumlah wang kepada orang-orang politik itu untuk membantu mereka membuat permohonan perumahan kepada kerajaan negeri.

YB Speaker : Ini tuduhan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Adakah apa, soalan saya adakah Jabatan Perumahan atau Yang Berhormat EXCO sedar bahawa ada perkara yang berlaku sekarang di negeri Johor ini? Saya meminta satu penjelasan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mungkin apa ni, sahabat kita daripada Jementah ni dia kurang faham perbincangan kita ni dalam Dewan. Kita sekarang membincangkan Rumah Mesra Rakyat. Jadi isunya sekarang ini ok, saya ambil sedikitlah makluman Yang Berhormat tadi. Sepatutnya mereka-mereka yang dikatakan ada orang tertentu

ambil duit ke apa ke ataupun ada berlaku perkara yang menyalahi peraturan ini, laporkan terus kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Kenapa perlu benda ini dijadikan satu isu yang diputar belitkan sehinggakan satu peringkat menafikan apa yang kerajaan buat. Itu saja bagi saya, jadi sekarang ni, isunya sekarang ini, kita nak melaksanakan Rumah Mesra Rakyat, keperluan kepada mereka-mereka yang ada rumah, ada tanah tetapi tak ada duit.

Jadi, sekarang ni bagaimana kita nak membina. Kalau kita nak membina sekurang-kurang tapak tu kita kena pastikan orang yang kurang berkemampuan, di luar bandar ni yang kita lihat mereka ni adalah orang yang perlu dibantu, bahkan mereka ini penyokong-penyokong yang menguatkan lagi kerajaan. Jadi, tidak salah bagi kita membantu mereka yang dalam keadaan yang memerlukan keperluan yang kita tahu rumah merupakan satu kewajipan dan perkara yang penting dalam kehidupan itu sendiri.

YB Speaker : Ok, Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada membangunkan rumah-rumah Mesra Rakyat apakah lagi peranan ataupun projek ataupun juga aktiviti yang dijalankan oleh SPNB juga mohon dinyatakan anak-anak syarikat berada di bawah SPNB, terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Tan Sri Speaker, ini baru persoalan dia betul soalan kepada SPNB. Pasal tadi lari sikit, jadi saya jawab kepada apa ni, ADUN Machap. SPNB sebelum ini kebanyakannya menumpukan isu-isu Rumah Mesra Rakyat di kawasan-kawasan luar bandar untuk membangunkan tanah-tanah untuk memastikan mereka ini memiliki rumah di tanah-tanah mereka tetapi apabila berlaku masalah dari segi dana SPNB terpaksa menyusun balik. Saya kebetulan ADUN Endau, jadi Ahli Parlimen tu namanya sama juga, cuma Latif A, saya Latif Bandi. Jadi bukan A atau B, jadi kita adalah satu senada untuk memastikan kebajikan rakyat terutamanya soal rumah ini. Jadi SPNB, dia telah menubuhkan beberapa syarikat, jadi saya tahu serba sedikit walaupun ini peringkat *federal*, kita sentiasa saling memahami antara peranan *federal* dengan kerajaan negeri. SPNB yang ditubuhkan ada lima syarikat, SPNB Mesra Sdn. Bhd. Yang mana SPNB Mesra Sdn. Bhd ini adalah memfokuskan tentang pembinaan Rumah Mesra Rakyat. SPNB Idaman Sdn. Bhd. Adalah syarikat yang membangunkan tanah untuk Rumah Mampu Milik di bawah RM250,000.00 tetapi untuk di negeri Johor ini kita telah tetapkan supaya SPNB Idaman membina mengikut syarat yang kita tetapkan, membina sebanyak, harga di bawah RM150,000.00.

Dan, SPNB Aspirasi Sdn. Bhd adalah projek-projek swasta untuk dijual lebih pada RM250,000.00. Dan, ini bermakna dalam 40% adalah mengikut dasar kerajaan negeri Johor tetapi 60% mereka boleh menjana keuntungan untuk membantu subsidi kepada aset SPNB Idaman. Dan, SPNB Edar Sdn. Bhd adalah kutipan hasil jualan pembiayaan untuk mengurus tanah dana pembinaan. Dan, akhirnya SPNB Edar Sdn. Bhd adalah diwujudkan untuk *supply* barang-barang untuk projek-projek SPNB. Dengan ini ia dapat menyusun semua projek-projek Rumah Mesra Rakyat untuk mendapat kadar harga yang rendah membantu kontraktor-kontraktor.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta penjelasan kerajaan negeri telah melancarkan *Blueprint* Lembangan Sungai Skudai. Nyatakan prestasi dan halangan dalam menjayakan projek ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat menyambut hari UMNO. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sungai Skudai *Water Blueprint* telah dilancarkan pada 15 Disember 2012 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Johor. Sungai Skudai *Water Blueprint* berhasrat mencapai dua objektif utama iaitu :-

1. Air yang bersih iaitu mencapai kelas dua indeks kualiti air.
2. Pemuliharaan alam sekitar di Lembangan Sungai Skudai.

Sungai Skudai Water Blueprint telah menggariskan 15 strategi yang merangkumi 170 tindakan yang perlu diambil oleh setiap jabatan dan agensi bagi merealisasikan pencapaian kedua-dua objektif seperti di atas. Sehingga kini sebanyak 58 tindakan telah berjaya dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi. Dari segi peratusan pencapaian Sungai Skudai *Water Blueprint* sebanyak 34% kemajuan telah pun diperolehi. Antara halangan yang dihadapi dalam melaksanakan tindakan-tindakan Sungai Skudai *Water Blueprint* ialah yang pertama peruntukan yang amat terhad bagi melaksanakan tindakan. Contoh kos menaik taraf loji-loji kumbahan. Kedua kurangnya komitmen daripada pelbagai pihak sama ada jabatan mahupun *stake holders.* Ketiga tindakan penguatkuasaan yang amat lemah dan tidak berkesan. Keempat Lembangan sungai yang pesat membangun telah menyumbang kepada pertambahan beban pencemaran.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk telah bermesyuarat pada 1 Mac 2015 dan telah menstruktur semula Sungai Skudai *Water Blueprint* yang sebelum ini pengerusinya adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita telah pun menstruktur semua dan pengerusi bagi Jawatankuasa Sungai Skudai *Water Blueprint* ini di pegang oleh EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar dan urus setianya adalah JPS.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa kita telah pun mengecilkan jawatankuasa daripada lima kepada tiga, dan kita mengucapkan terima kasih di atas kesudian beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang saya yakin bahawa mereka ini cukup berwibawa untuk menjadi pengerusi bagi beberapa jawatankuasa yang telah pun kita lantik.

1. Jawatankuasa Pengindahan dan Keceriaan Sungai. Pengerusinya adalah Yang Berhormat ADUN Rengit dan sekretariatnya adalah Jabatan Pengairan dan Saliran.

2. Jawatankuasa Pencemaran Sungai. Pengerusinya adalah Yang Berhormat ADUN Bukit Permai dan sekretariatnya Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ).

3. Jawatankuasa Pendidikan dan Kesedaran Awam. Pengerusinya adalah Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap dan sekretariatnya adalah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Lawatan ke Pusat Informasi Sungai Skudai telah dilakukan oleh kami dan pada 19 Mac 2015 bersama dengan jawatankuasa-jawatankuasa ini dan telah menyusuri muara Sungai Skudai dan membuat tiga rumusan:-

1. Sampah sarap terlalu banyak di Sungai Skudai.
2. Terdapat kerosakan pada tebing sungai.
3. Masih terdapat setinggan di pinggir sungai tersebut.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit, saya nak ingatkan. Soalan ini soalan khusus, soalan *Blueprint* Lembangan Sungai Skudai. Jadi, jangan lari daripada soalan itu. Ini soal pokok. Jadi, kena tumpukan kepada pertanyaan asal itu. Jangan, jangan soal sungai-sungai lain pula. Jadi ini tidak menyentuh tentang soalan asal. Sila Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Insya -Allah Tan Sri tak lari. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker pepatah Melayu ada menyebut, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Pepatah ini saya tak tujukan kepada Yang Berhormat EXCO. Saya tujukan kepada agensi utama yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Sungai Skudai *Blueprint* ini. Sungai Skudai *Blueprint* ini telah lama dah dilancarkan tapi hasil lawatan yang dibawa oleh Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar ini baru-baru ini, saya nampak tidak ada usaha di pihak lapangan dibuat. Dalam lawatan tersebut Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tengok Sungai Skudai tempat buang sampah. Botol air, *polystyrene* makanan dan dengan bau yang cukup menjijikkan. Saya katakana, saya nak tujukan ini hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih ini kepada agensi utama, kepada JPS. Apa yang JPS buat. Dah lebih daripada lima tahun. Pepatah Melayu juga ada sebut, sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Sehari selembar benang, lama-lama jadi kain. Takkan sampah itu tidak boleh dikutip.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tak boleh dibuat ke. JPS ada jurutera, ada bot, ada kakitangan, masa kita melawat hari itu, dia nak tunjuk depan EXCO, semua datang kerja. Bot pergi Danga Bay, balik semula tak ada orang kerja balik. Saya minta maaf, saya kena cakap terus terang. Ini tidak boleh simpan-simpan. Ini lembangan Sungai Tebrau, itu sebab kegagalan kita kerana agensi tidak buat. Takkan tak boleh kutip sampah, pungut sampah. Cari sampah itu daripada hari ke hari. Lima tahun tak boleh selesai masalah. *Solid waste* sahaja. *Polystyrene* sahaja, tidak boleh buat ke. Sebab itu saya katakan, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Jangan cakap soal peruntukan, jangan cakap soal tenaga kerja, semua ada. Bot pun ada.

YB Speaker : Ok.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya sebutkan ini Yang Berhormat, kalau tidak, tidak dibuat daripada sekarang kesannya kepada Lembangan Sungai Skudai. *Do or die.* Sungai Skudai. *Do or die.* Boleh buat kalau susun betul-betul kerja. Sebab kita nak buat yang *discharge* ke sungai ini susah. Tapi kalau buat, buang dulu *solid waste*, lepas itu kita perindahkan kawasan. Insya-Allah benda ini boleh selesai. Saya yakinlah kepada Yang Berhormat EXCO jangan susah hati. Ke gunung sama di daki, ke lurah sama dituruni. Hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicicah. Jangan pergi luar negara tak ajak pulak kan. Soalan saya,

YB Speaker : Nyambil juga dia.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Apakah langkah drastik, langkah drastik yang praktikal tanpa kira kos. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang boleh disusun dan boleh merealisasikan Sungai Skudai *Blueprint* ini. Itu soalan saya.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan terima kasihlah di atas kesedaran yang cukup tinggi yang ada di, dan juga di minda ADUN Rengit, lebih-lebih lagi apabila saya lantik dia sebagai pengerusi berkaitan dan saya pun tengah tunggu laporan daripada dia, apakah tindakan daripada jawatankuasa-jawatankuasa ini yang telah pun kita lantik. Apakah cadangan dan sebagainya kerana Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi, kita dah ada 170 tindakan dan strategi daripada 2012 tetapi pencapaian yang kita dapat hanya 34% dan kita merasakan bahawa ianya tidak mencapai sasaran kerana Sungai Skudai *Blueprint* ini akan tamat dari segi tempoh *Blueprint* pada akhir tahun 2015. Tinggal beberapa bulan aje lagi. Maka oleh sebab itu, kita melakukan penstrukturan semula seperti saya katakan tadi dan salah satu daripada jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh ADUN Rengit. Maka kita harapkan ada cadangan-cadangan konkrit, drastik daripada jawatankuasa ini untuk memastikan bahawa kita dapat menyelesaikan masalah.

Tetapi pokoknya yang saya lihat ialah kita perlu memastikan bahawa *solid waste* itu diatasi terlebih dahulu. Kerana kita lihat di Sungai Skudai, kalau kita pergi ke sana, kita boleh mengatakan bahawa beribu tan sampah berada di dalam sungai tersebut. Saya pun hairan. Di kawasan Iskandar Malaysia yang kita banggakan dengan pembangunan yang cukup hebat, tetapi kita terlupa berkaitan tentang keperluan untuk menjaga sungai terutamanya Sungai Skudai. Kita jangan menuding jari kepada mana-mana pihak yang lebih penting adalah kesedaran diri kita sendiri. Wakil rakyat, agensi kerajaan, peranan kita bersama masyarakat, kilang-kilang dan sebagainya. Kerana ini semua adalah merupakan penyumbang kepada kegagalan Sungai Skudai *Blueprint* ini. Dan saya yakin dan percaya dalam tempoh 6 bulan ini, dengan jawatankuasa-jawatankuasa yang kita lantik, kita akan cuba yang terbaik untuk menyelesaikan secara cepatnya yang berkaitan tentang *solid waste* ini. Kerana itu adalah merupakan tujuan dan itu adalah sebenarnya masalah kita. Itulah sebabnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker,banyak dekat situ ada tilam, ada katil, ada *polystyrene* dan di bawah Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar kita hendak mencadangkan, saya telah bercakap di Kulai, bahawa kita kena ubah dari segi penggunaan *polystyrene* dan sebagainya yang tidak terurai. Kita harus menggunakan bahan-bahan lain yang terurai dan mudah dan ianya tidak akan memberi kesan kepada alam sekitar. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas penjelasan yang begitu terperinci.

YB Speaker : Ini *Blueprint* Sungai Skudai, jangan lari. Pasal ini Mengkibol, Kluang.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya banyak laporan atau *blueprint* telah dijalankan sepanjang Sungai Skudai ini, di mana Mengkibol sendiri ini pun dimaklumkan bahawa hampir setiap inci Sungai Skudai itu telah dijalankan kajian oleh IPT, oleh institut-institut bebas. Masalah yang sentiasa timbul adalah pelaksanaan dan pelaksanaan dengan pemantauan. Adakah kerajaan sudi untuk melibatkan pihak awam, orang awam dan juga dari pihak pembangkang atau NGO supaya sama-sama kita menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan *blueprint, blueprint* ataupun laporan-laporan ini. Saya, Mengkibol amat terharu apabila Yang Berhormat EXCO tadi sebut ada tiga jawatankuasa telah ditubuhkan untuk melaksanakan *blueprint* ini. Apa salahnya melibatkan wakil-wakil daripada NGO dan juga daripada parti pembangkang

supaya sama-sama kita menyumbang tenaga untuk melaksanakan dan memastikan bahawa Sungai Skudai ini dia pulih seperti mana yang, seperti mana yang ada 50 tahun lalu, supaya memastikan pembekalan air yang bersih dan selamat kepada penduduk, sebab ini Sungai Skudai ini merupakan salah satu sumber air yang penting di negeri kita. Jadi soalan saya, adakah?

YB Speaker : Tadi belum soal lagi? Tadi belum soal lagi?

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Mukaddimah. Adakah kerajaan sudi untuk mengumumkan *detail-detail blueprint* ini kepada orang awam dan membekalkan satu salinan kepada setiap Ahli-Ahli Dewan dan juga melibatkan khasnya Ahli-Ahli dari pembangkang dan juga wakil-wakil NGO dalam pelaksanaan *blueprint* ini.

YB Speaker : Ok, ok. Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti saya maklumkan tadi bahawa *Blueprint* Sungai Skudai ini akan amat pada akhir tahun 2015. Dan, insya-Allah kita akan melihat dari segi laporan dan kita tak ada masalah untuk bagi kepada semua masyarakat atau pun kepada Wakil Rakyat tentang apakah pencapaian dan sebagainya. Sebelum saya bagi pun, saya dah umumkan bahawa pencapaian kita 34% dan sebenarnya kita alu-alukan yang buat sampah ini pun masyarakat. Dan, jadi, memang masyarakat terlibat dari dulu sampai sekarang dari segi membuang sampah. Maka, itu penglibatan utamalah yang dilakukan oleh masyarakat. Kemudian yang tentang Wakil Rakyat pembangkang, tak semestinya kita nak terlibat dalam jawatankuasa bahawa kita nak melakukannya. Kalau kita nak tengok dekat kawasan sini nama pun Skudai. Maka kita tengoklah, kena faham-fahamlah kan, mungkin ianya pun terlibat sama dan kita memang mengalu-alukan peranan daripada semua pihak untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas soalan yang diberikan oleh ADUN Buloh Kasap. Salah satu perkara yang ditekankan dalam pembangunan belia Johor adalah berkenaan pembangunan modal insan dalam usaha menangani masalah belia menganggur dalam pembangunan pesat yang berlaku di dalam negeri Johor akhir-akhir ini. Kerajaan Johor tidak mengabaikan sumber tenaga kerja tempatan. Kerajaan negeri giat menjalankan aktiviti *job matching* dan *job out reach* dengan izin, iaitu menjadi penghubung dan pemudah cara antara pencari pekerjaan iaitu *job seek*er dan syarikat yang menyediakan peluang pekerjaan iaitu *job creator* dengan izin.

Untuk tujuan ini, Program Karnival Kerjaya dan Kembara Kerjaya yang dilaksanakan di setiap daerah, saya mohon izin jugalah dengan Yang Berhormat EXCO Perpaduan kerana ini program daripada jabatan yang di bawah tanggungjawab beliau, iaitu antara lain untuk memudahkan belia-belia melihatkan peluang-peluang kerjaya yang ada di negeri Johor. Di sinilah *job matching* berlaku antara pihak *job seeker* dan juga *job creator.* Melihat peluang dan memberi peluang, *offer and demand* dengan izin, antara kedua-dua pihak.

Untuk tahun 2014, seramai 17,175 orang telah hadir di Program Kembara Kerjaya dengan 1,486 orang mendapat pekerjaan secara terus semasa program ini dilaksanakan. Kita juga sedar bahawa bagi menangani masalah pengangguran

bukan sekadar mendedahkan belia kepada pekerjaan sahaja, sebaliknya usaha yang lebih perlu dilaksanakan dalam menyediakan sumber modal insan yang memenuhi kriteria kepada pihak industri dengan memantapkan belia dengan kemahiran khusus sebagai nilai tambah. Manakala di peringkat sekolah mahu pun universiti, belia lebih didedahkan dengan konsep dan teori semata dan kurang mendapat pendedahan dari segi praktikal yang memberi pengalaman kepada mereka berada di dalam persekitaran kerja yang sebenar. Untuk tujuan itu, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap, Kementerian Belia dan Sukan serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah mengadakan kursus yang berbentuk kemahiran dan latihan kepada belia melalui pelbagai pendekatan untuk melahirkan tenaga mahir dan bagi memenuhi keperluan negara.

Bagi pekerja mahir yang telah dilatih daripada 8,150 pengunjung yang menyertai Karnival Johor Mahir tahun 2014 dan seramai 1,625 orang telah mendapat penempatan sebagai pekerja mahir. Oleh itu, usaha dalam membangunkan belia mahir ini akan terus dipergiat dengan penglibatan lebih banyak agensi seperti Yayasan Pelajaran Johor, Kolej Kemahiran Belia Negara, Kolej-kolej Komuniti serta Jabatan Belia dan Sukan sendiri. Diharap usaha ini dapat menampung keperluan pekerja mahir bagi projek-projek pembangunan di Johor terutamanya projek RAPID Pengerang.

YB Speaker : Jemput, Buloh Kasap.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh YB EXCO. Pengangguran golongan belia dari tahun saban ke tahun meningkat dan kita melihatkan ia menjadi satu isu yang besar, yang mana khususnya dalam daerah-daerah. Jadi, apakah kita lihat atau pun apakah perancangan dalam pendekatan dalam mempergiatkan usaha rancangan ini berjaya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap. Untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia tidak tertakluk hanya kepada kita member peluang pekerjaan sahaja, malah usaha lain yang boleh dilaksanakan iaitu dengan mewujudkan peluang perniagaan dan juga bantuan perniagaan kepada belia. Ia bukan sahaja dapat memberi peluang kepada diri sendiri malahan untuk jangka masa yang panjang. Perniagaan yang diusahakan dijangka akan terus berkembang maju dan ia mampu untuk menjana peluang kepada belia-belia yang lain.

Untuk itu, di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor di bawah EDC, MARA, TEKUN dan juga TNB telah melaksanakan pelbagai program bagi merangsang pembangunan keusahawanan muda di Johor. Ini adalah di antara inisiatif kita iaitu antaranya memberi keutamaan kepada Kursus Asas Perniagaan sebagai pengenalan kepada dunia perniagaan seperti Program Projek Keusahawanan Belia Negeri Johor. Belia-belia ini akan diberikan keutamaan untuk berniaga melalui program. Antaranya seperti yang telah kita laksanakan iaitu Program *Use Collective* dengan izin, serta yang telah dianjurkan di karnival-karnival dianjurkan agensi kerajaan negeri. Malah pembangunan *Southern Tiger Hub* di setiap Parlimen yang telah diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan juga telah menyediakan peluang pekerjaan baru kepada belia-belia baru untuk berniaga.

Selain daripada itu, Jabatan Belia dan Sukan dan juga melalui agensi-agensi yang berkaitan di bawah kerajaan negeri Johor, selain daripada mereka diberi peluang untuk menjalankan perniagaan, mereka juga diberi bantuan sokongan dari segi kewangan seperti daripada TEKUN, MARA, PUNB serta Program Bantuan Belia Islam Johor yang mana telah diperkenalkan pada tahun lalu tahun 2014, yang mana antara lain tujuan untuk kita memberi bantuan kepada belia-belia, yang mana terdapat 4 program yang telah kita perkenalkan melalui Perbadanan Islam Johor, kerana kita akui bahawa setiap belia yang ingin menjalankan perniagaan, antara lain faktor utama untuk mereka memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan adalah faktor kewangan. Jadi 4 program yang telah diwujudkan itu bagi memperkasakan peniaga dan juga usahawan kecil Islam iaitu yang pertama Program Bantuan Usahawan Belia, yang kedua Program Bantuan Pekerja Kecil, yang ketiga Program Bantuan *Use Collective* termasuk juga yang keempat Program Menaja NGO Belia Islam untuk mengadakan program-program yang memberi kebaikan kepada semua pihak dalam negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Sebagaimana yang kita sedia maklum, golongan belia yang menganggur atau pun yang dekat menganggur, mereka kadang-kadang telah pun akan hilang hala tuju. Selain program yang dikatakan program kerjaya dan *job seeker* dan sebagainya, saya rasa seminar-seminar yang berbentuk motivasi dan pembinaan jati diri pun sangat penting juga. Jadi, soalan saya adalah adakah Kerajaan Johor bersedia untuk meningkatkan subsidi atau pun memperuntukkan subsidi untuk bahagian motivasi dan pembinaan jati diri serta bekerjasama dengan NGO untuk memberi bimbingan kepada golongan belia, agar mereka akan lebih bersemangat untuk terus berjuang dalam kerjaya hidup mereka, kerana usaha kerajaan sendiri mungkin tidak cukup. Kalau boleh bekerjasama dengan NGO atau pun memberi subsidi terus yang lebih, saya rasa pembinaan jati diri untuk golongan belia untuk menghadapi keadaan menganggur akan diperbaiki. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Stulang. Minta maaf Yang Berhormat. Saya amat bersetujulah pandangan daripada Yang Berhormat ADUN Stulang dalam kita menangani isu pengangguran di kalangan belia. Sebenarnya faktor utama pada hari ini sebenarnya bukan faktor peluang pekerjaan atau mungkin daripada peluang-peluang yang ada untuk dilibatkan kepada belia. Sebenarnya masalah yang kita hadapi sekarang adalah merupakan iaitu belia-belia menghadapi masalah dari segi mentaliti mereka, kerana apa? Walaupun peluang itu ada dalam keadaan belia faktor umur yang masih muda, mereka terdedah dalam keadaan mereka masih terlalu, mereka mahu dalam keadaan mungkin hanya dengan titik-titik yang tidak berfaedah.

Jadi menyedari keadaan ini, Jabatan Belia dan Sukan melalui agensi-agensi yang lain dan juga kerajaan negeri Johor telah melaksanakan beberapa program, iaitu selain daripada kita menyediakan peluang-peluang pekerjaan melalui EXCO yang berkaitan iaitu EXCO Yang Berhormat Vidyananthan, kita juga menyediakan daripada segi asas-asas iaitu memberi kesedaran. Contoh-contoh Kursus Motivasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan dan juga dengan program-program melalui Pembangunan Usahawan Negeri Johor Berhad (EDC). Dan ini selain daripada kita memberi pendedahan di peringkat awal, mereka sebelum

menceburi satu bidang contoh keusahawanan, mereka telah memahami cara asas bagaimana untuk menjalankan bidang-bidang perniagaan.

Dan untuk kerajaan negeri Johor pada hari ini, sebenarnya kita lihat bahawa program-program untuk memberi kesedaran kepada belia adalah satu perkara yang amat penting dan kita, insya-Allah, dengan izin, kita akan cuba melihat bahawa kita akan memperbanyakkan melalui peruntukan yang ada dan jika ada keperluan untuk menambahkan program-program berbentuk motivasi dan juga kesedaran kepada mereka, akan kita cuba bincang dengan kerajaan negeri Johor. Dan, kita tahu bahawa program-program ini bukan hanya melibatkan belia-belia di kalangan belia-belia Melayu tetapi belia Cina dan India juga sebenarnya menghadapi masalah yang sama dan sebagai EXCO yang bertanggungjawab untuk kita menjaga belia dan kita akan memberi tumpuan kepada semua golongan kerana kita mahu bahawa memperkasakan belia itu amat penting untuk pembangunan negeri Johor pada masa yang akan datang. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Apa langkah dan berapa banyak kerajaan negeri belanja bagi membantu usahawan asas tani bagi tahun 2014 dan anggaran 2015?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tiram bertanyakan apakah langkah dan berapa banyak kerajaan negeri belanja bagi membantu usahawan asas tani bagi tahun 2014 dan anggaran 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi membantu usahawan asas tani khususnya dalam bidang pemprosesan makanan, kerajaan negeri telah pun membelanjakan sejumlah RM1.4 juta pada tahun 2014. Antara bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk pemberian mesin, peralatan atau menaik taraf membina bengkel baru bagi meningkatkan pengeluaran atau pun bagi mendapatkan persijilan yakni halal ataupun mesti.

Selain itu, untuk meningkatkan kualiti produk, langkah-langkah yang dijalankan adalah penambahbaikan dari segi pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan, analisa nutrisi, analisa proksimax, ujian sensori juga diberikan. Usahawan juga dibantu untuk mempromosikan produk mereka dengan menyertai karnival jualan, Program *Business Matching* dengan izin, serta mengedarkan produk mereka di majlis-majlis rasmi dalam dan di luar jabatan.

Sebagai contoh, Program Mini Agro Johor dan Ekspo Agro Johor yang telah diadakan setiap tahun, sejak tahun 2013 turut memberi ruang kepada usahawan-usahawan IT untuk mempromosikan dan membuat jualan terus produk-produk keluaran mereka kepada orang ramai. Bimbingan kepada usahawan juga diberikan dengan mengadakan sesi latihan secara *hands-on*, lawatan belajar, kursus serta seminar. Pada tahun 2015, kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM1.6 juta untuk disalurkan kepada usahawan bimbingan Jabatan Pertanian.

YB Speaker : Jemput, Tiram.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara masalah usahawan asas tani ini yang saya lihat ialah, mengenai dengan sumber asas produk itu sendiri seperti ubi kayu, pisang, keledek dan sebagainya. Jadi, untuk pastikan bahawa mereka ini boleh *sustain* ataupun mereka ni boleh bertahan dalam tempoh jangka masa panjang, *supply* produk-produk asas ini merupakan satu perkara yang begitu penting bagi mereka, jadi saya nak sedikit penjelasan, adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang langkah yang proaktif untuk memastikan bahawa sumber-sumber ini berterusan supaya industri asas tani ini dapat kita perkukuhkan dan pastikan bahawa ianya bertahan dalam tempoh yang lama.

YB Speaker : Sumber bahan mentah. Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita faham dari segi mengenai sumber bahan mentah untuk kita terus memperkasakan IAT ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Pertanian bersama dengan pihak FAMA kita sentiasa mengadakan program ladang kontrak, yang mana kita memastikan pihak pengusaha-pengusaha ini mengetahui di mana mereka boleh mencari sumber untuk mereka dapat meneruskan pengeluaran produk IAT mereka ini. Kita juga terus memperkasakan TKPM-TKPM yang telah kita bina sebelum ini dan juga kita menggalakkan program tanah terbiar, yang mana tahun lepas telah dimulakan dan juga untuk kita memastikan program ladang kontrak ini dapat kita uruskan dan juga pihak IAT ini tahu sumber mana mereka boleh dapat perolehi. Begitu juga pada tahun lepas juga kita telah memperkasakan program fertigasi teknologi tanaman yang mana cara ini untuk kita pastikan pengeluaran makanan dapat berterusan walau keadaan apa jua cuaca. Kita faham tanaman yang berkaitan dengan fertigasi ini tidak menyeluruh, tapi kita cara peringkat demi peringkat, kita akan kenal pasti produk-produk yang bersesuaian untuk program teknologi ini, yang mana dengan harapan kita akan pastikan keluaran makanan khususnya bahan mentah sentiasa berada di pasaran.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Walaupun kerajaan negeri memberi banyak bantuan kepada usahawan asas tani, apa yang kita mahu lihat apabila kerajaan memberi bantuan kita mahu usahawan asas tani betul-betul berkembang, baik dari segi inovasi pertanian atau perniagaan. Soalannya berapakah peratus petani yang telah berkembang dari asas tani kepada perniagaan tani yang membawa keuntungan lebih atau mereka masih berada di tahap asas tani dan tidak berkembang? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tentunya apabila kita memberi bantuan kepada usahawan asas tani ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran. Kita tahu mereka mempunyai potensi, malangnya mereka mempunyai kekurangan dari segi modal dan juga dari segi teknologi yang boleh memperluaskan lagi produk mereka. Setiap tahun kita memberi peluang hampir 200 lebih pengusaha-pengusaha IAT ini untuk terlibat sama untuk kita meningkatkan pengeluaran. Bantuan yang kita bagi ini adalah bukanlah lebih kepada kata orang subsidi untuk memanjakan usahawan, bukan, tetapi untuk kita bantu mereka meningkatkan pengeluaran. Kita tahu mereka berpotensi dan produk mereka ini memang dicari di pasaran. Itu sebab kita bagi

bentuk mesin, penambah baikkan lagi pembungkusan supaya mereka ini boleh terus kembang keluar bukan sekadar dalam negara tapi keluar negara sebab FAMA mempunyai apa ni, *outlet-outlet* di luar negara yang boleh dipasarkan. Jadi setiap pengusaha yang kita bagi ini mereka akan terus diaudit setiap 3 bulan. Jadi, kita akan pastikan ada penambah baikkan pengeluaran mereka dapat ditingkatkan. Itu sebab untuk mengatakan mereka terus merudum itu adalah lebih kepada sikap, kalau berlaku pun. Tapi kebanyakan penuh yakin kita beri bantuan, kita penuh yakin mereka akan meningkatkan lagi pengeluaran.

Saya beri contoh ada berapa tempat khususnya usahawan OKU kerana mereka tidak mampu untuk bekerja di tempat lain, mereka mengusahakan program ataupun jadi usahawan IAT ini. Bila kita bagi mereka mesin, mereka boleh mewujudkan peluang pekerjaan, sehingga orang yang sihat sendiri di kampung-kampung, makcik-makcik ya, pakcik-pakcik sendiri boleh bekerja dengan mereka. Ini apabila saya turun ke bawah memang betul itu yang berlaku. Jadi kita penuh yakin pihak usahawan IAT ini adalah usahawan yang boleh kita terus kembangkan. Kita tidak sangka buruk kepada mereka dan kita penuh yakin mereka adalah salah satu pihak yang mewujudkan peluang pekerjaan seperti macam EXCO Belia tadi maklumkan, sekurang-kurangnya peluang pekerjaan itu boleh diwujudkan di kampung-kampung.

Jadi, saya penuh yakin program ini adalah program yang sangat baik, itu sebab pada tahun ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri menambahkan peruntukan di bawah Program Galakan Usahawan sebanyak RM4.0 juta untuk pengusaha-pengusaha IAT dan juga petani-petani, nelayan dan juga penternak dapat manfaat kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri pernah menjadi Menteri Pembangunan Usahawan dan memahami tentang program ini untuk meningkatkan lagi pendapatan.

Satu lagi program yang insya-Allah yang akan dapat sokongan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah Program Pembangunan Usahawan Agro Tourism, Agro pelancongan. Ini adalah satu program baru yang akan kita perkenalkan. Ini kita rasa boleh meningkatkan lagi pendapatan selain daripada mereka menjadi pengusaha IAT, mereka boleh menjual produk mereka kepada pelancong-pelancong yang datang sendiri ke lapangan, ke pusat-pusat IKS mereka. Ini adalah satu lagi apa ni, perkara yang kita akan meningkatkan lagi pendapatan usahawan IAT.

YB Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Berapakah anggaran pengikut-pengikut fahaman Wahabi, Syiah dan golongan anti hadis di negeri Johor dan apakah usaha yang dilakukan oleh Jabatan Islam Negeri Johor untuk membanteras fahaman-fahaman ini dari merebak di kalangan umat Islam?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat iaitu berapakah anggaran pengikut-pengikut fahaman Wahabi, Syiah dan golongan anti hadis di negeri Johor dan apakah usaha yang dilakukan oleh Jabatan Islam Negeri Johor untuk membanteras fahaman-fahaman ini dari merebak di kalangan umat Islam?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, anggaran pengikut-pengikut golongan yang berfahaman Wahabi, Syiah dan golongan anti hadis di negeri Johor tidak mempunyai angka yang tepat kerana mereka yang mengikut fahaman ini, mengikut penelitian kerajaan negeri Johor iaitu Syiah sekitar 100,000 orang, manakala fahaman Wahabi dan golongan anti hadis tidak mempunyai jumlah yang tepat kerana pengikut fahaman Wahabi bergerak secara rahsia manakala pengikut golongan anti hadis tiada aduan di terima di dalam negeri Johor. Namun demikian, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui kerajaan negeri Johor sentiasa meneruskan pemantauan dari masa ke semasa dan meneliti setiap aduan yang dilaporkan. Selain daripada itu, di antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor untuk membanteras fahaman-fahaman ini dari berleluasa adalah dengan melaksanakan Program Amal Makruf seperti mengadakan seminar dan penerangan di peringkat negeri dan daerah.

Jabatan juga mengedarkan poster, pamflet dan buku-buku yang berkaitan dengan bahaya fahaman Wahabi, Syiah dan golongan anti hadis manakala Program Nahi Munkar diadakan bagi membuat risikan, tangkapan, penyiasatan, pendakwaan, pemulihan dan kaunseling serta pemantauan yang berterusan. Begitu juga *roadshow* akidah mengenai bahaya Syiah juga diadakan, di mana ianya dikendalikan oleh Pejabat Kadi Daerah-daerah. Begitu juga Seminar Pengukuhan Akidah Peringkat Pegawai Kanan Kerajaan juga diadakan dengan usaha sama Yayasan Dakwah Islamiayah (YADIM), begitu juga Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Dalam Negeri.

Selain daripada itu juga, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor dengan kerjasama Bahagian Keselamatan mengesan penceramah-penceramah yang mengadakan ceramah yang difahami mereka ini mempunyai fahaman yang tidak sealiran dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Seterusnya iaitu tindakan undang-undang akan diambil dan sedang diambil ke atas mereka mana peruntukan undang-undang di bawah Fasal 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 memperuntukkan, sekiranya mereka disabitkan kesalahan mereka didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, bagi mereka-mereka yang menyampai pengajaran agama di dalam negeri Johor tanpa tauliah.

Seterusnya juga pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengadakan kerjasama dengan NGOs-NGOs Islam untuk mengadakan kursus, kelas-kelas tafakur dan kelas-kelas talaqi dan juga seminar dengan melalui Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Selain daripada itu juga, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah yang ditempatkan di Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah pun membuat persetujuan ataupun MOA dengan pihak Mahdratul Ulama Indonesia bagi mengembangkan ataupun menyebar luaskan lagi, ataupun mengukuhkan lagi fahaman akidah Ahlul Sunnah Wal Jamaah di kalangan masyarakat Islam di negeri Johor.

Selain daripada itu juga, perbincangan akan diaturkan dengan pihak keselamatan iaitu pasukan Polis bagi membanteras penyebaran fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahlul Sunnah Wal Jamaah yang mana mungkin kalau kita lihat pemantauan yang akan diadakan dengan kerjasama Bahagian Keselamatan iaitu ada tak keterlibatan mereka ataupun tidak keterlibatan mereka. Ada ataupun tidak keterlibatan golongan-golongan mereka ini kepada pelampau ataupun *terrorist*. Selain daripada itu juga pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor dengan kerjasama Institut Ahlul Sunnah Wal Jamaah akan menyediakan jawapan kepada isu-isu dibangkitkan. Terutamanya pada ketika iaitu golongan-golongan yang berfahaman Wahabi tentang perkara-perkara yang sering menimbulkan kerisauan di dalam masyarakat-masyarakat Islam pada hari ini.

Selain daripada menyediakan jawapan-jawaban dan juga hujah-hujah bagi pihak Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita juga menyediakan buku-buku rujukan dan juga buku-buku bacaan kepada orang-orang awam. Selain daripada itu pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga mengadakan kursus pengkhadiran kepada guru-guru dan juga pegawai-pegawai di Jabatan Islam Negeri Johor, Jabatan Mufti Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan juga Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor yang mana pada kali ini telah pun memasuki 2 siri, di mana kita akan meneruskan program ini supaya memantapkan lagi persediaan bagi menangkis segala hujah-hujah yang didatangkan ataupun yang di bawa yang cuba memesongkan akidah umat Islam di negeri Johor daripada fahaman-fahaman Wahabi, Syiah dan golongan anti hadis. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat, ringkas dan padat.

YB Dato' Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Setakat ini ada atau tidak setakat 2 tahun terakhir ini Jabatan Agama mendakwa pengikut-pengikut ajaran sesat ini?

YB Speaker : Dijemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker dan terima kasih juga kepada Tanjung Surat yang telah mengajukan soalan tambahan. Sehingga kini, sebab dari segi peraturan ataupun Enakmen yang sedia ada pada kita pada hari ini, dari segi penyebaran ataupun penyampaian fahaman-fahaman ini yang selalunya disampaikan melalui ceramah-ceramah, maka pada hari ini kita ada satu kes ya, yang telah, yang sedang kita bawa ke mahkamah untuk tindakan dan masih lagi dalam tindakan di peringkat Mahkamah. Dan selain daripada itu, ada juga beberapa kes yang kita ambil melalui tindakan kaunseling dan selain daripada itu juga, ada kes-kes yang kita ambil dengan mengemukakan mereka supaya tampil hadir untuk memberi keterangan di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan kita untuk ucapan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya jemput Puteri Wangsa menyambung ucapan. Saya nak minta sambung Zillillah, golongan yang mendapat naungan Allah di akhirat esok, insya-Allah. 15 minit.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. (Bacaan selawat). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana diberi peluang berucap selama dua hari bagi menyokong usul menjunjung kasih terhadap titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Surat. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada hari semalam saya telah sebutkan sedikit mantan hadis yang sahih berhubung dengan tujuh golongan yang mendapat perlindungan yang istimewa di padang mahsyar di hari akhirat nanti. Salah satu daripada golongan tersebut bahkan yang diletakkan sebagai

ranking yang pertama sekali ialah Imamun Adilun iaitu pemimpin yang adil. Jadi enam lagi yang berikut itu kena kuliah di luarlah Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi, penekanannya untuk mengingatkan diri saya sendiri dan kita semua sebagai kepimpinan di semua peringkat khususnya di dalam menyantuni rakyat dan mengurus tadbir negara dan negeri. Maka al mas'uliyah ataupun akauntabiliti yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat bahkan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT menjadi suatu peluang kepada kita untuk meraih keredaan Allah SWT dengan tindak tanduk, dengan kesungguhan, dengan usaha yang semaksimum mungkin untuk memberikan keadilan kepada rakyat memberikan hak-hak rakyat dengan sebaik mungkin. Itulah menjadi amal soleh, menjadi amal jariah untuk kita membawanya sebagai bekalan di negeri akhirat yang kekal abadi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya suka menarik perhatian berhubung isu pembinaan sekolah-sekolah agama yang terbengkalai. Perkara ini melibatkan hampir semua daerah negeri Johor. Ini adalah satu permasalahan yang amat mendukacitakan. Saya kira ianya juga boleh menjejaskan maruah umat Islam, khasnya bahkan rakyat Negeri Johor, amnya. Di kawasan DUN Puteri Wangsa sendiri terdapat beberapa buah sekolah agama yang terbengkalai pembinaannya. Sebagai contoh, pembinaan Sekolah Agama Setia Indah yang terbengkalai sekian lama. Sekolah yang terbengkalai di Setia Indah ini menimbulkan pemandangan ataupun suasana yang tidak manis yang tidak elok kepada suasana sekitar yang mana kebanyakan penduduk di sini adalah golongan elit termasuk rakan-rakan saya beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ada aduan-aduan tempat tersebut jadi tempat pembiakan nyamuk yang menjadi punca penyakit denggi dan sebagainya. Bahkan ada aduan ia menjadi tempat sebahagian pemuda pemudi melakukan maksiat dan orang yang. Dan, ada yang menjadikannya tempat penyalahgunaan dadah. Perkara ini adalah amat menyedihkan. Oleh itu, Puteri Wangsa amat mengharapkan tindakan segera dan serius dari pihak kerajaan dalam menangani isu sekolah agama terbengkalai ini demi maruah umat Islam khasnya dan rakyat Johor, amnya di seluruh negeri ataupun di semua tempat yang berlaku keadaan yang demikian.

Selain dari itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menyentuh tentang kes perumahan tak siap, kes perumahan tak siap dibina mengikut tarikh atau jadual yang telah ditetapkan juga rumah terbengkalai. Terdapat, yang mana untuk maklumat Dewan yang mulia. Terdapat banyak projek rumah terbengkalai di negeri Johor ini terutama di kawasan Puteri Wangsa seperti di Taman Mount Austin yang terbengkalai seolah-olah tiada jalan penyelesaian. Setelah berbagai usaha telah dilakukan oleh pihak ADUN dan pembeli begitu juga projek Perumahan Rakyat di Setia Indah yang mana rumah telah siap dibina tetapi masih belum diduduki oleh pembeli. Puteri Wangsa mohon pencerahan dari pihak Kerajaan Negeri, apakah sebab tidak boleh diduduki oleh pembeli sedangkan semua kerja-kerja pembinaan telah siap mengikut arahan kerja yang telah ditetapkan melalui pemantauan dan lawatan saya sendiri ke lokasi tersebut beberapa kali. Terdapat banyak peralatan-peralatan seperti kabel elektrik telah pun hilang ataupun telah dicuri. Maklumat kehilangan atau kecurian tersebut dari pengawal yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga aset-aset di lokasi tersebut.

Berkenaan projek perumahan yang masih tidak siap, berkenaan projek perumahan yang masih tidak siap dibina mengikut tarikh ditetapkan seperti di lokasi di Setia Indah 4, Taman Setia Indah, Johor Bahru. Rumah jenis kos sederhana teres dua tingkat, harga satu unit RM110,000.00. Nama pemaju OMG. Tarikh kerja-kerja dimulakan bulan Mei 2011. Tarikh anggaran siap, April 2014. Persoalannya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kenapakah kontraktor yang dipilih dahulu adalah tak

berpengalaman kenapa tidak dibuat secara tender terbuka dalam projek-projek yang terbengkalai ini. Apakah jaminan bahawa baki sekolah agama yang belum siap dapat disiapkan oleh KPRJ kerana projek KPRJ juga banyak yang terbengkalai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada itu, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan permintaan sebahagian guru-guru agama yang mempunyai kelulusan, guru-guru agama Sekolah Agama Johor yang mempunyai kelulusan diploma atau ijazah yang sepatutnya diberikan gaji yang sesuai dengan kelulusan mereka yang mana perkara ini menyebabkan sebahagian daripada mereka yang mempunyai kebolehan dan berkaliber dalam mendidik anak-anak kita meninggalkan bidang tersebut kerana gaji yang rendah sedangkan mereka mempunyai kelulusan yang lebih tinggi. Jadi untuk prestasi meningkatkan prestasi sekolah agama, sewajarnya perkara ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Begitu juga ada pengaduan tentang SMART J yang mana dinyatakan dari segi pentadbirannya. Wallahualam di mana disebut pengetua tidak ada dalam masa enam bulan. Jadi mohon pencerahan untuk kita memastikan SMART J menjadi suatu yang selama ini kebanggaan bagi umat Islam di negeri Johor.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan bantuan zakat kepada pelajar, jadi antara lain di kalangan pelajar yang mengambil *medic* di Mesir yang memerlukan bantuan, yang mana pembayaran satu semester sebanyak RM30,000.00. Sebahagian daripada mereka ini memang mengharapkan bantuan zakat. Jadi, oleh kerana prosesnya lambat dan sebagainya menjadikan terganggu pembelajaran mereka di Mesir. Ada yang berhenti dan sebagainya. Jadi, kita harap bukan sahaja dalam soal kepada pelajar bahkan kepada semua asnaf-asnaf fakir miskin dan semua yang berhak supaya sebagaimana kaedah pungutan zakat begitu canggih maka pengagihan zakat juga hendaklah canggih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kita dengar dalam radio IKIM, keluar iklan yang mana daripada Jabatan Agama Wilayah Persekutuan dan Selangor yang menyatakan supaya pihak orang-orang miskin, orang yang berhajat asnaf zakat mengambil borang, mengisi borang untuk memohon. Jadi maknanya sehingga diwar-warkan begitu. Maknanya begitu *concern,* begitu prihatin kepada pengagihan zakat. Jadi, kita harap perkara ini jangan diabaikan untuk memastikan mereka yang berhak mendapat hak mereka dengan secepat mungkin ataupun dengan cara yang sebaik-baiknya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Habis.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Jadi, penekanan saya terakhir sekali, itulah oleh kerana, sebagaimana disebutkan tentang memperteguh akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, saya sendiri hadir dalam seminar yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Jadi maknanya, kesedaran yang menyeluruh kita harap dapat digembleng bersama dengan program-program yang dapat memberikan pencerahan kesedaran dan sebagainya kepada masyarakat supaya mereka berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Jadi, begitu jugalah oleh kerana sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW (ayat al-Quran), menuntut ilmu itu menjadi satu fardu bagi setiap Muslim. Maknanya terutamanya ilmu fardu ain, ilmu asas, ilmu yang *basic* kepada seorang Muslim itu. Jadi, inilah yang menjadi ukuran kepada masa depan penghayatan agama kepada belia-belia kita, kepada pemuda-pemuda, pemudi-pemudi kita, yang mana sekalian Profesor dari Barat juga menyatakan dengan izin, *the foundation of every state is the education of its youth*. Asas bagi sesebuah negara ialah pendidikan pemudanya, jadi pemuda-pemuda kita, belia-belia kita perlulah diisi dengan pendidikan agama, dengan pendidikan moral yang sebaik mungkin.

Maka, sebab itulah kita mahukan sekolah-sekolah agama dan juga program-program agama dapat dijalankan dengan keselesaannya, dengan penuh keselesaan, melengkapi prasarana, sekolah-sekolah dan sebagainya, Kalau sekolah tak sempurna maka proses pendidikan juga berjalan dengan tidak sempurna.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, oleh kerana saya dah diberi peluang dua hari cukuplah. Sekadar itu yang dapat saya sampaikan, menjadi peringatan untuk diri saya sendiri dan untuk kita semua. Jadi saya mohon menyokong. Wabilllahi taufikwalhidayah, wassaslamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Untuk makluman, selepas sini saya akan tangguhkan sementara Persidangan kita. Yang Berhormat Yong Peng akan menyambung apabila kita naik selepas berehat nanti. Jadi saya berharap Yang Berhormat Yong Peng dapat bersedia untuk meneruskan Perbahasan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditangguhkan sehingga pukul 11:00 pagi.

Persidangan ditangguhkan sehingga pukul 10:25 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:00 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput, YB Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian untuk membahas Usul Menjunjung Kasih Ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng ingin menyentuh isu cukai pintu yang dikenakan oleh Majlis Daerah Yong Peng ke atas rumah-rumah penduduk di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng. Kadar yang dikenakan adalah tinggi dan menyebabkan rakyat di kawasan Yong Peng, Kangkar Baru, Lam Lee, Taman Bahagia, Taman Seri Lalang, Ayer Hitam, Parit Yaani, Seri Medan dan Parit Sulong merungut. Mereka telah membuat aduan berkenaan masalah ini. Pada bulan Mac yang lepas, satu memorandum dengan tandatangan pembayar cukai telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya pembayaran cukai Penggal Pertama ditangguhkan dan kadar cukai diturunkan.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang meluluskan penangguhan itu kepada 30 April 2015, walaupun permintaan asal penduduk adalah penangguhan sehingga 31 Mei 2015. Penangguhan itu diminta untuk memberi masa kepada pendengaran awam oleh para pemegang harta yang ingin membuat bantahan. Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan kira-kira 80% pemegang harta yang membuat bantahan gagal menurunkan kadar cukai yang dikenakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk makluman, kadar cukai pintu untuk perumahan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat adalah 0.17% berbanding gagal 0.23% yang dikenakan oleh Majlis Daerah Yong Peng. Yong Peng tidak faham mengapa bandar Batu Pahat yang jarak perjalanannya hanya

setengah jam dari Yong Peng tetapi dengan kadar cukai pintu yang jurangnya begitu jauh beza. Saya tegaskan dan merayu agar kadar cukai pintu di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng diturunkan supaya beban para penduduk dapat dikecilkan. Sudahlah harga komoditi kelapa sawit dan getah yang rendah.

Pengenalan GST dan cukai pintu yang terpaksa dibayar oleh rakyat tentunya menjadi beban, lebih-lebih lagi kepada mereka yang berpendapatan rendah. Sekali lagi saya merayu kepada pihak kerajaan dan Majlis Daerah Yong Peng supaya melihat isu ini dengan lebih dekat dan menurunkan kadar cukai yang dikenakan. Menurut Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1976, Seksyen 137 perenggan 3, bahawa penilaian semula nilai hartanah harus dibuat setiap 5 tahun malahan penilaian kali ini adalah lebih 10 tahun dan tentulah nilainya melambung tinggi sehingga cukai yang perlu dibayar dengan penurunan kadar yang kecil iaitu dari 0.25 ke 0.23 untuk perumahan dan tiada penurunan kadar untuk hartanah selain dari perumahan.

Sebagai contoh, seunit rumah yang nilainya RM10,000.00, RM100,000.00 pada tahun 2002. Dengan bayaran cukai pintu sebanyak RM250.00 dengan kadar 0.25, manakala pada tahun 2015, nilai hartanah tersebut telah dinilai RM200,000.00 maka cukai yang perlu dibayar melambung tinggi iaitu RM460.00 dengan kadar 0.23. Dengan data ini, Yong Peng menyeru kerajaan negeri mengkaji semula kadar cukai dengan cukai harta yang perlu dibayar. Hanya dengan kenaikan bermula dari 10-20% untuk semua hartanah di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin membangkitkan semula berkenaan pembinaan sekolah agama di Taman Kota yang masih belum menjelma. Perkara ini telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini, melalui soalan lisan pada Mesyuarat Keempat Penggal Pertama dan dijawab oleh EXCO berkenaan, menyatakan bahawa Sekolah Agama Taman Kota Yong Peng merupakan salah sebuah sekolah yang dibangunkan di bawah Projek Pembangunan 121 Sekolah Agama Negeri Johor.

Mengikut perancangan, Sekolah Agama Taman Kota, Yong Peng akan disiapkan pada bulan Mac 2015 dengan kos pembangunan RM4,060,232.00. Namun janji masih tinggal janji dan masih tidak ditepati. Ibu bapa menghadapi masalah yang serius untuk menghantar anak-anak ke sekolah. Ramai murid terpaksa bersekolah di Sekolah Agama Seri Bulan yang jauh dari pekan Yong Peng. Keadaan itu amat menyusahkan ibu bapa jika kedua-duanya bekerja. Tambahan pula faktor jarak sekolah yang jauh memungkinkan masalah-masalah sampingan seperti kelewatan murid-murid ke sekolah. Kemungkinan berlakunya kemalangan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Yong Peng sekali lagi merayu kepada pihak kerajaan supaya menyegerakan pembinaan sekolah agama ini.

Selain itu, saya juga hendak menyentuh berkenaan Sekolah Menengah Cina Yong Peng. Bolehkah pihak kerajaan memberikan sebidang tanah agar dapat pihak sekolah membangunkan tanah tersebut. Sehubungan dengan itu, tanah yang dikurniakan dapat dijana untuk mendapat dana yang boleh digunakan untuk menampung keperluan sekolah tersebut. Saban tahun sekolah memerlukan dana sebanyak lebih kurang RM1 juta dan pihak sekolah terpaksa membuat pelbagai aktiviti dan merayu sumbangan-sumbangan daripada individu dan syarikat-syarikat korporat agar dapat tabung sekolah itu dipenuhi. Kalau tanah tidak dapat dikurniakan, maka peruntukan tahunan tetap harus diadakan sebab ibu bapa pelajar sekolah tersebut juga adalah pembayar cukai. Sebagai satu kerajaan yang prihatin, peruntukan disalurkan sepatutnya mengikut keperluan masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan bahasa.

Seterusnya saya ingin membawa isu berkenaan Sekolah Tamil Yong Peng Ladang B yang masih belum siap. Murid-murid ketika ini terpaksa bersekolah ke sekolah yang jaraknya menjangkau 20 kilometer. Kos untuk pergi dan balik ke sekolah mencecah RM60.00 sebulan bagi setiap murid. Keadaan itu tentu menjadi beban kepada ibu bapa yang berpendapatan rendah. Adakah kerajaan negeri berhasrat menampung RM60.00 itu supaya beban rakyat di kawasan tersebut dapat diringankan.

Sekali lagi Yong Peng ingin menyeru pihak kerajaan negeri memantau proses pembinaan Sekolah Tamil ini supaya keselesaan dan pendidikan murid dapat dijaga.

YB Timbalan Speaker : Berapa ramai murid tu? YB Yong Peng, ramai ke?

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Seratus murid. Yang Berhormat Dato' Speaker. Seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, berkaitan banjir kilat yang sering berlaku di kawasan perumahan khususnya di kawasan Yong Peng. Melalui pemerhatian dan maklumat yang diterima oleh orang awam, apa yang sebenarnya berlaku adalah selepas satu projek perumahan yang baru telah siap dan kedudukannya lebih tinggi daripada kawasan perumahan sedia ada. Maka apabila berlaku hujan, sistem perparitan tidak dapat menampung air yang mengalir daripada kawasan yang tinggi. Bagi mengelakkan masalah tersebut, saya menyeru supaya agensi berkaitan dapat membuat kajian dan pertimbangan sebelum sesuatu projek perumahan diluluskan. Ini adalah tanggungjawab pihak Kerajaan Tempatan untuk merancang dan mengatasi masalah-masalah seperti itu daripada berlaku di masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan Yong Peng terdapat dua kawasan perumahan yang sering dilanda banjir kilat dan disyaki masalah ini adalah berpunca daripada sistem perparitan yang kurang sempurna di kawasan perumahan yang baru, yang parasnya lebih tinggi daripada tempat yang mereka duduki. Kawasan perumahan yang Yong Peng sebut tadi adalah Jalan Keembung, Taman Selatan dan Taman Jelita. Yong Peng mewakili penduduk di kawasan ini meminta Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Yong Peng memberi tempoh masa bila masalah dapat diselesaikan supaya harta benda rakyat dapat diselamatkan dan kesejahteraan hidup rakyat dapat dijamin. Kalau penyelesaian memerlukan peruntukan daripada kerajaan negeri, maka Yong Peng di sini menyeru pihak kerajaan negeri memberi peruntukan yang sewajarnya demi masalah yang tersebut di atas dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa membuat lawatan ke Kangkar Baru, yang terletak di DUN Yong Peng, saya telah mendapat aduan daripada penduduk Kampung Sin Lik. Kampung Sin Lik ini telah wujud lebih 50 tahun dan dididuki lebih daripada 90 buah rumah dan penduduk di Kampung Sin Lik mengadu kerana kampung mereka seolah-olah dipinggirkan. Sebagai contoh, papan tanda jalan pun dikatakan tiada peruntukan untuk diperbaharukan. Tanpa tanda nama jalan yang sempurna pihak pos tidak dapat menyampaikan surat-surat ke destinasi yang betul.

Selain itu, sebahagian daripada lampu-lampu jalan juga bilnya dibiayai oleh penduduk kampung itu sendiri. Begitu juga halnya dengan pengurusan sampah, penduduk yang menguruskan sampah sendiri. Yong Peng berharap pihak kerajaan negeri dapat mengambil berat keadaan kampung yang terpinggir ini supaya kesejahteraan setiap rakyat Johor dapat dijaga dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng juga terima aduan daripada penduduk tempatan di kawasan Yong Peng bahawa longkang yang runtuh mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan oleh Majlis Daerah Yong Peng. Longkang runtuh telah menyebabkan aliran air yang tidak sempurna dan mencetuskan pencemaran alam sekitar. Oleh yang demikian, Yong Peng mencadangkan Majlis Daerah Yong Peng merancangkan satu SOP, *Standard Operation Procedure* minta izin, untuk menyelesaikan semua aduan yang diterima dengan lebih berkesan dan diselesaikan dengan secepat mungkin. Saya juga meminta pihak kerajaan negeri, berilah peruntukan kepada Majlis Daerah Yong Peng untuk menyelesaikan masalah yang tersebut di atas dan senarainya ada di dalam simpanan fail Majlis Daerah Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya ingin menyentuh isu yang berkaitan dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST yang diperkenalkan oleh kerajaan persekutuan baru-baru ini. Pelaksanaan GST ini lelah mengganggu pelan simpanan masa tua rakyat dan telah mengakibatkan perbelanjaan isi rumah meningkat. Cukai baru yang diperkenalkan itu adalah amat membebankan. Sebagai contoh, gerai-gerai milik Majlis Daerah Yong Peng di kawasan Yong Peng, juga mengenakan cukai 6% terhadap bayaran sewa. Para peniaga di situ hanya bertaraf peniaga kecil sahaja dan hasil jualan harian hanya sekitar RM100.00 sahaja. Keadaan itu tentunya membebankan para peniaga kecil tersebut.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri telah memaklumkan cukai GST 6% itu akan ditanggung oleh kerajaan negeri. Tetapi Yong Peng soal, kenapa kerajaan negeri atau Kerajaan Tempatan tidak memohon dengan kerajaan persekutuan agar mengecualikan cukai GST dikenakan terhadap mereka. Soal Yong Peng ini adalah disebabkan cukai GST 6% yang ditanggung oleh Kerajaan Tempatan atau kerajaan negeri juga dari wang rakyat sendiri. Maka, apa maknanya tanggung GST 6% oleh Kerajaan Tempatan atau kerajaan negeri sendiri. Kerajaan Tempatan atau kerajaan negeri sebagai satu agensi kerajaan yang hanya bagi perkhidmatan kepada rakyat dan bukannya agensi yang memungut keuntungan dari rakyat. Ia sepatutnya dikecuali dari bayar cukai GST kepada kerajaan persekutuan. Wang ringgit tersebut harus digunakan sebaik-baiknya demi menjaga kesejahteraan rakyat jelata dan pembayar cukai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota kerajaan seperti Pejabat Jurutulis, Speaker, pihak Polis Yong Peng, Bomba Yong Peng, SAJ, TNB, JKR, Pejabat Tanah Batu Pahat, MPOB Parit Raja, Alam Sekitar Batu Pahat, SWM, Klinik Kesihatan Yong Peng, Hospital Batu Pahat, Pejabat Daerah Batu Pahat, RISDA Batu Pahat, Jabatan Pertanian Batu Pahat, JPS Batu Pahat.

YB Timbalan Speaker : YB kalau nak *mention* semua tak habis...

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Sudah habis dan akhir sekali Majlis Daerah Yong Peng yang sudi memberikan kerja sama dan bantuan sepanjang Yong Peng berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri dalam 2 penggal yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Ini dah dua penggal eh... (Dewan ketawa).

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Sekali lagi Yong Peng menyeru pihak kerajaan mengambil perhatian dan tindakan segera untuk menyelesaikan masalah

dan isu Yong Peng bangkitkan. Tidak kira di sebelah pembangkang atau kerajaan, memberi khidmat yang terbaik untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat adalah tanggungjawab bersama. Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Kita teruskan, jemput Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih kepada Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat pagi dan selamat sejahtera kepada semua Ahli-Ahli. Penggaram ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena perasmian pembukaan Mesyuarat Penggal Persidangan ke-3 Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujukkan kepada perkara 31 dan 32 di mana Baginda Sultan bertitah bahawa perkhidmatan kerajaan adalah tanggungjawab asas kepada rakyat dan tidak wajar untuk ditambah lagi dengan beban bayaran GST oleh rakyat. Penggaram berterima kasih dan sokong dengan titah Baginda bahawa kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya tidak mengenakan GST terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan meminta pengecualian dari kerajaan persekutuan dan bukan ditanggung oleh kerajaan negeri Johor. Perbuatan ini akan membebankan kedudukan kewangan kerajaan negeri Johor.

Penggaram juga ingin membawa perhatian kepada kerajaan negeri, bahawa Majlis Perbandaran Batu Pahat telah menjalankan penilaian semula nilai harta di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat. Cukai taksiran baharu tidak sesuai buat masa ini. Kerana rakyat telah dibebani dengan GST dan kenaikan harga barang. Sepatutnya penilaian taksiran cukai berkenaan dilakukan pada setiap 5 tahun. Tetapi kali terakhir pihak MPBP melakukannya pada 1993, iaitu 21 tahun yang lalu. Sekiranya PBT membuat penilaian setiap 5 tahun sekali sudah tentu masyarakat tidak akan terbeban sekarang kerana boleh membayar dengan kenaikan secara sedikit-sedikit. Akibat kelemahan tidak melakukan penilaian selepas berpuluh tahun, masyarakat sengsara. Oleh sebab itu, memandangkan pelaksanaan GST telah membebankan rakyat, Penggaram ingin menyeru kerajaan negeri mengkaji semula kadar cukai yang ditentukan supaya cukai harta yang dikenakan selepas penilaian semula tidak melambung tinggi dan membebankan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penggaram juga ingin menyentuh perkara mengenai projek pembinaan sekolah agama yang terbengkalai di dalam Dewan yang mulia ini. Pendidikan agama Islam di kalangan pelajar sangat dititikberatkan oleh kerajaan negeri sejak tahun 1895. Setakat ini 389 buah sekolah agama mempunyai bangunan sendiri, manakala 175 buah sekolah agama menumpang di sekolah kebangsaan, balai raya atau menyewa bangunan rumah kedai. Untuk mengatasi masalah ini, negeri Johor telah membuat keputusan untuk membina 96 buah sekolah agama melalui kaedah bayaran tertangguh dengan kos berjumlah RM319 juta dalam tempoh 2 tahun bermula dari bulan Oktober hingga September 2012.

Perjanjian projek telah ditandatangani antara kerajaan negeri Johor, MAINJ dan Mysys Net Development Sdn. Bhd. selaku pemaju projek. Menurut laporan Ketua

Audit Negara Tahun 2014 Siri 1, pengurusan pembinaan sekolah agama tidak diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat dengan sebab yang dibentangkan oleh YB Tanjung Surat pada semalam. Antara masih ada, bekalan perabot telah dihantar kepada 4 buah sekolah yang belum siap sepenuhnya. Terdapat pemasangan yang tidak sempurna dan pembinaan tidak mengikut spesifikasi. Pemaju projek yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan bangunan berskala besar. Denda ganti rugi tertentu dan ditetapkan tidak dikenakan. Kualiti pembinaan tidak memuaskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Laporan Ketua Audit muka surat 6, mengatakan bahawa MAINJ gagal melunaskan pembayaran bulanan berjumlah RM0.31 juta sejak bulan Mei 2012 hingga bulan Julai 2014. Seperti yang termaktub dalam perjanjian projek ini, menyebabkan kerja pembinaan terhenti kerana MDSB ketiadaan dana untuk membuat bayaran selanjutnya kepada kontraktor pembinaan. Selain itu, kelewatan pembayaran juga telah menjejaskan struktur bayaran balik kepada pihak bank.

UPEN Johor sebagai pengurusan pembinaan juga gagal mengeluarkan perakuan kerja tidak siap menyebabkan LAD berjumlah RM2.35 juta tidak dapat dikenakan dan dikutip daripada MDSB. Dalam Laporan Ketua Audit Negara juga memaklumkan bahawa pelantikan pemaju dijalankan secara rundingan terus melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor iaitu MMK untuk membina 96 unit bangunan sekolah agama maknanya tiada tender terbuka.

Pembinaan sekolah agama yang tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan terbengkalai juga menjejaskan hasrat kerajaan negeri menambah bilangan sekolah bagi membolehkan sekolah agama beroperasi di bangunan sendiri untuk memberi lebih keselesaan kepada pelajar serta guru dan juga menjejaskan imej kerajaan negeri Johor. Kerana gagal membekalkan keselesaan pendidik agama Islam.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengatakan kepada pemberita bahawa kerajaan dalam proses untuk menamatkan kontrak Mysys Net Development. Projek itu akan diambil alih oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. selepas merasmikan kilang Heraues Materials Malaysia Sdn. Bhd. di kawasan perindustrian i-Park pada 9 April.

Penggaram berharap kerajaan negeri mengambil berat tentang projek pembinaan sekolah agama yang terbengkalai ini. Dalam projek yang terbengkalai ini, adakah kerajaan akan mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang terlibat iaitu pemaju projek MBSB, UPEN Johor, MMK dan MAINJ. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap pihak yang menyebabkan projek pembinaan sekolah agama dengan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan.

Berapakah pertambahan kos bagi membaiki kerosakan dan kerja menyiapkan projek tersebut dan adakah projek yang diambil alih ini dijalankan dengan secara tender terbuka. Pihak kerajaan haruslah memantau dan memastikan projek-projek pembinaan siap dalam tempoh yang telah ditetapkan dan kualiti kontraktor harus dikenal pasti. Pembinaan tersebut harus dijalankan dengan tender terbuka dan tindakan denda harus dikenakan bagi kontraktor yang tidak dapat memenuhi syarat atau siapkan sesuatu projek dalam masa yang ditentukan demi memastikan berkesan setiap kontraktor.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, mengenai jawapan yang dibalas oleh YB EXCO Pelancongan tentang *Wet World* di Batu Pahat. Mengikut pemerhatian saya Batu

Pahat terdapat sejumlah orang luar khasnya, warga dari Singapura melawat ke Batu Pahat pada hari Sabtu dan hari Ahad untuk beribadat. Golongan ini merupakan pelancong yang sedia ada. Apakah langkah-langkah yang kerajaan negeri untuk membantu supaya menarik minat mereka melawat tempat-tempat infrastruktur pelancongan yang sedia ada, misalnya ke *Wet World,* Taman Botani, Pantai Minyak Beku, Pantai Punggor, Hutan Lipur Gunung Soga dan lain-lain.

Kerajaan negeri atau PBT sebenarnya kena menyediakan satu pelan yang komprehensif untuk menolong mempromosikan lokasi-lokasi pelancongan ini dan juga pelan untuk menarik pelabur untuk melabur di tempat-tempat pelancongan ini. Dengan langkah-langkah ini boleh membantu orang tempatan terutama orang Asli yang tinggal di tepi pantai memperkembangkan sara hidup mereka. Saya berharap kerajaan negeri yang proaktif dapat memberi dorongan dan bantuan terhadap industri pelancongan di daerah Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tanah lapang di Taman Emas dalam kawasan Batu Pahat, telah dipajak kepada pihak pengusaha untuk mendirikan pencawang telekomunikasi dan di Taman Bukit Perdana pula telah diberi peluang kepada pemaju untuk mengemukakan pelan, kebenaran merancang terhad dan pelan permit bangunan sementara oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat. Rizab-rizab tanah lapang awam sedia ada perlu dikekalkan dan tidak boleh dibangunkan untuk tujuan kemudahan awam lain untuk kegunaan pembangunan komersial disebabkan penyediaan tanah lapang dan rekreasi kepada umum masih tidak mencukupi berbanding dengan keperluan penduduk.

Tanah lapang bukan sahaja hanya digunakan untuk tujuan rekreasi aktif atau pasif. Ia juga mampu berfungsi sebagai zon pemisah atau kawasan mitigasi bencana semula jadi sebagai kolam bagi pengawalan banjir dan zon penampang bagi kejadian tanah runtuh. Penggaram berharap untuk mengujudkan suasana kehijauan dan keindahan, mengujudkan masyarakat yang harmoni dan penyayang serta menggalakkan interaksi antara penduduk. Penyediaan tanah lapang bagi skim perumahan perlu dikekalkan dan dipertahankan. Selain daripada tempat-tempat beriadah, PBT juga diminta mempertimbangkan masukkan rancangan untuk mendirikan Pusat Asuhan Tabika dan Pusat Warga Emas di setiap kawasan perumahan untuk masyarakat setempat.

YB Timbalan Speaker : Penggaram sila gulung.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Ah, sila gulung ia, banyak lagi lo.

YB Timbalan Speaker : *You* pasal Agama Islam *you* panjang sangat.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Ok. Ok. Mengenai 9 buah tandas awam di kawasan Batu Pahat yang baru-baru di naik taraf di daerah Batu Pahat. Setelah di naik taraf wang caj kepada setiap pengguna juga dinaikkan daripada RM0.30 hingga RM0.40 atau RM0.50. Caj untuk penggunaan mandi dinaikkan kepada RM1.00 dan RM2.00, RM1.50 dan RM2.00. saya setuju dengan caj masuk untuk mengelakkan perbuatan merosak dan menconteng serta menjaga kebersihan tandas awam tapi bukan dengan kadar yang begitu tinggi.

Akan tetapi, adakah kemudahan awam ini sesuai diswastakan kepada suatu pihak dan dijadikan sebagai sesuatu perniagaan sendiri dan menjalankan kerja ini dengan ikut suka hati sendiri. Ini disebabkan saya telah banyak kali mendapat aduan mengatakan bahawa tandas awam dalam kawasan Batu Pahat, kadang-kadang terkunci dan dibuka tidak mengikut jadual yang ditetapkan dan

mengakibatkan kesulitan orang awam. Untuk kepentingan orang ramai saya bercadang PBT mengupah warga yang bersara tapi masih berkemampuan dan ingin bekerja menjalankan tugas ini.

Penggaram juga ingin mengetahui apa syarat dan tema digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan semasa memastikan lokasi peniaga kecil itu sesuai atau tidak untuk menjalankan perniagaan. Penggaram telah mendapat aduan daripada penduduk-penduduk Taman Soga Batu Pahat mengatakan bahawa gerai setara di tempat tersebut telah diizinkan untuk menjalankan perniagaan nyanyian karaoke. Dan ini telah menjejaskan kesejahteraan kehidupan mereka disebabkan perniagaan nyanyian karaoke bermula dari 3.00 petang hingga larut malam.

Penggaram juga menerima aduan daripada beberapa pengadu yang berminat menjalan perniagaan mereka di gerai setara Taman Soga bahawa permohonan mereka telah diluluskan tetapi dengan alasan kerja-kerja pendawaian ke atas gerai yang dipohon tidak dilaksanakan dengan sempurna. Di sini saya ingin meminta penjelasan daripada PBT atas perkara ini.

Penggaram juga ingin membawa masalah-masalah yang dihadapi oleh Jalan Abdul Latif Kampung Petani, Kampung Minyak Beku bahawa jalan kampung mereka sudah lama berlubang dan pecah. Keadaan ini bertambah teruk terutama pada hari hujan. Permintaan menurap semula telah dihantar kepada PBT Batu Pahat juga dituju kepada Infra Desa Johor tetapi tiada tindakan yang diambil. Keadaan ini berlaku di Jalan Parit Amat dan Parit Ayer Hitam juga kerana banyak projek pembangunan perumahan sedang dijalankan. Berharap PBT jangan selalu memberi alasan dengan projek perumahan belum disiap atau jalan-jalan akan diturap semasa projek perumahan disiapkan.

Pada pendapat saya keselamatan pengguna jalan raya harus diutamakan. Jika tidak diturap semula sekurang-kurangnya tindakan pembaikan jalan kena diambilkan. Bak kata pantun Melayu, Dari Mana Punai Melayang, Dari Sawah Turun Ke Padi. Dari Mana Datangnya Sayang, Dari Mata Turun Ke Hati. Hanya kerajaan yang berorientasikan rakyat, dicintakan oleh rakyat. Sekian terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Kita teruskan. Sila Sungai Balang.

YB Puan Zaiton bin Ismail (Sungai Balang) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana Sungai Balang diberi peluang sekali lagi dalam sesi Dewan kali ini. Sungai Balang ingin Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Ke Tiga Dewan Negeri Johor pada 7 Mei yang lalu. Sungai Balang juga ingin menjunjung kasih ke atas pengurniaan Pingat Kemahkotaan kepada semua ADUN-ADUN dalam negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Balang ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas kejayaan mengatur program sambutan sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sama ada di peringkat negeri ataupun daerah, yang mendapat sambutan terbaik dari seluruh rakyat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama, Sistem e-Kasih ialah satu sistem pengkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu, merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan. E-kasih diwujudkan susulan dari keputusan mesyuarat Jemaah Menteri

pada 31 Oktober 2007 dan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pula pada 1 November 2007.

Bertitik tolak dari keputusan itu, ia mula dibangunkan secara *in house* dengan izin oleh ICU JPM dan mula digunakan pada Jun 2008. Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem e-Kasih disahkan mengikut kategori Parlimen, DUN dan mukim sehingga April 2015 bagi daerah Muar. Alhamdulillah miskin tegar dan mudah miskin tidak ada di daerah Muar mahupun di Sungai Balang. Yang ada, adalah jumlah miskin. Bagi daerah Muar miskin seramai 177 orang, manakala Sungai Balang miskin 35 orang.

Penerima-penerima bantuan dividen bulanan FELCRA bagi daerah Muar 138 orang, manakala Sungai Balang 49 orang. Dan bantuan dari JKM dari pelbagai kategori, daerah Muar seramai 5,529 orang, manakala penerima dari Sungai Balang seramai 812 orang. Ini tidak termasuk bantuan-bantuan dari Azam Tani, MAIJ ataupun Majlis Perbandaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan kepada data-data di atas kita harus memikirkan sesuatu terhadap mereka ini bagi mereka belajar hidup berdikari tanpa memikirkan bantuan atau subsidi yang telah diberikan kepada mereka-mereka ini sama ada bantuan daripada Pejabat Daerah, JKM ataupun Majlis Agama Islam Johor. Salah satu program yang Sungai Balang ingin cadangkan ialah dengan mengadakan program pengupayaan potensi satu komuniti iaitu 3P1K. Empat objektif program ini ialah:

1. Menambahkan mutu kehidupan komuniti e-Kasih di kawasan luar bandar melalui pembahagian kekayaan hasil sumber pertanian yang dilaksanakan oleh mereka sendiri.

2. Meningkatkan kualiti hidup golongan e-Kasih ini melalui peningkatan pendapatan meningkat seiring dengan pembangunan kampung dan kemudahan yang lebih baik.

3. Membentuk kerjasama dan kesefahaman masyarakat yang berorientasikan pembangunan.

4. Membina persekitaran sosio dan politik negara yang positif.

Manakala strategi program ini ialah:

1. Melibatkan peserta e-Kasih secara aktif dalam merancang dan melaksanakan projek komuniti bermula dengan keutamaan mereka dan memberi sokongan dengan sumber yang mereka perlukan.

2. Mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada komuniti yang berjaya menghasilkan pengeluaran dan hasil kutipan ataupun jualan yang tinggi.

3. Strategi program ialah mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada ketua komuniti dan mereka yang terlibat secara langsung dalam khidmat nasihat, bimbingan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyediaan rumah yang selesa dan dilengkapi dengan kemudahan asas serta disokong dengan pelbagai aktiviti pertanian bernilai tinggi dan berteknologi moden harus diberikan kepada peserta e-Kasih. Program 3P1K ini memerlukan kerjasama strategik di antara sektor awam yang melibatkan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dengan agensi swasta yang bertujuan

untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat e-Kasih ini. Mengimbangkan pertumbuhan ekonomi di antara kawasan luar bandar dan bandar di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Program 3P1K ini adalah sebuah modul komuniti yang melibatkan pembinaan rumah dan pertanian bersepadu menggunakan kaedah *integrated farming* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Balang ingin mencadangkan supaya program 3P1K ini dapat dilaksanakan di DUN Sungai Balang di atas, sebahagian daripada kawasan tanah kerajaan di Sungai Pulai Laut seluas 3 ekar di peringkat awal. Keutamaan peserta yang terlibat ialah terdiri daripada peserta-peserta yang berdaftar di bawah e-Kasih. Selain daripada penyediaan rumah dan pertanian, kemudahan-kemudahan awam seperti dewan serba guna, surau, gerai dan tapak permainan juga perlu dibina bagi memberi kemudahan kepada peserta-peserta yang dipilih untuk mengikuti program 3P1K ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jangkaan hasil program ini nanti ialah:

1. Pembentukan kehidupan masyarakat yang lebih harmoni. Peningkatan tahap ekonomi peserta e-Kasih. Peningkatan daya kepimpinan dalam kalangan penduduk setempat. Peningkatan kualiti perhubungan kerajaan dan rakyat dan akhirnya kita akan dapat mengurangkan bantuan-bantuan yang diberikan kepada mereka-mereka ini setiap bulan sama ada melalui Baitulmal, JKM, FELCRA, Pertanian dan lain-lain agensi yang membantu golongan e-Kasih ini.

Seterusnya perkara kedua Sungai Balang ingin bawa ialah:

2. Rancangan Pemulihan Hakisan Pantai. Pertama ialah projek membina struktur hakisan pantai Seri Menanti. Benteng pantai adalah merupakan benteng yang dibina bagi tujuan tebus guna tanah pertanian. Ia telah dibina sejak penghujung tahun 1970 yang lalu. Keadaan tanahnya pada masa ini sudah stabil namun arasnya sudah tidak sama direka bentuk kerana telah mendap. Ia juga tidak dapat dilalui oleh kenderaan selain motosikal kerana tiada jalan ladang dan semak samun. Sebahagian besar kawasan benteng pantai adalah terdiri terdedah kepada masalah hakisan pantai yang menyebabkan terhakis dan pecah. Keadaan ini menyebabkan air masin boleh memasuki kawasan pantai serta memusnahkan hasil pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah dicadangkan supaya di kawasan pantai Seri Menanti ini dapat dibina benteng pantai untuk mencegah hakisan pantai, menggali semula parit keliling di sepanjang benteng dan yang ketiga membina jalan ladang selebar empat meter di sepanjang benteng pantai. Projek ini akan mendatangkan manfaat kepada penduduk setempat dalam menyediakan infrastruktur bagi tujuan pengeluaran hasil-hasil pertanian dan memudahkan pihak jabatan menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan dan pemantauan ke atas benteng pantai dan sungai.

Yang kedua ialah projek menggali kuala sungai. Banjir boleh berlaku disebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar berpunca dari keadaan kuala-kuala parit dan sungai yang tohor dan semak. Selain daripada aspek saliran, kuala sungai juga digunakan sebagai laluan utama kepada bot seperti nelayan di dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Selain daripada menerima rungutan penduduk, masalah banjir yang telah merosakkan tanaman mereka, rungutan terhadap nelayan juga diterima masalah bot nelayan tidak dapat lalu dengan mudah disebabkan kuala yang sangat tohor. Ini boleh menjejaskan pendapatan nelayan-nelayan berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun jabatan menjalankan kerja-kerja pembersihan parit dan sungai ianya kurang berkesan sekiranya penggalian bahagian kualanya tidak dibuat kerana air tidak dapat mengalir dengan lancar. Keadaan ini boleh melibatkan banjir di bahagian Ulu. Kuala-kuala yang memainkan peranan sebagai laluan kepada pengguna-pengguna bot nelayan adalah seperti berikut :-

Pertama ialah kuala Parit Jawa dan yang kedua adalah kuala Sarang Buaya. Objektif projek ini adalah untuk menggali semula kuala-kuala sungai dan parit tersebut supaya pengaliran air dari kawasan pertanian di pendalaman dapat berjalan lancar dengan harapan kegiatan-kegiatan dapat dijalankan tanpa gangguan dari banjir. Begitu juga nelayan-nelayan dapat menjalankan aktiviti penangkapan ikan sepanjang masa tanpa khuatir tentang masalah laluan-laluan bot mereka disebabkan ketohoran kuala-kuala sungai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengurangkan masalah banjir ini dan sebagai laluan yang berkesan kepada pengguna-pengguna bot nelayan maka kerja-kerja menggali semula kuala-kuala parit dan sungai yang terlibat adalah perlu dilaksanakan. Pembinaan benteng batu penghalang mendapan lupa juga perlu dilaksanakan bagi memastikan kuala-kuala sentiasa dalam dan berfungsi dengan baik dan berkesan sepanjang masa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, anggaran kos projek ini ialah pantai Seri Menanti memerlukan peruntukan RM18 juta manakala projek menggali kuala sungai RM7.8 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Balang juga menyokong isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Buluh Kasap berkaitan dengan penyelia dan petugas PDK supaya diambil perhatian khusus oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Balang juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Exco Pertanian atas kemurahan memberikan dua pasar nelayan di Sungai Balang. Cuma apa yang saya mohon ialah mohon kerjasama supaya pasar nelayan ini dibuat pemantauan supaya pasar nelayan ini dapat menepati sasaran yang telah ditetapkan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar, kepada Pegawai Daerah dan juga kepada JPS. Mereka-mereka ini sentiasa membantu dan menjalinkan hubungan yang erat dengan kepimpinan DUN Sungai Balang dan sentiasa bertindak pantas dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Yang Berhormat Tan Sri, Dato' Speaker, di akhir ucapan sekali lagi saya merayu agar dua perkara yang Sungai Balang bawa tadi iaitu program pengupayaan potensi Satu Komuniti, 3P1K dan juga rancangan pemulihan hakisan pantai dapat diberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di akhirnya marilah kita berdoa kepada Allah semoga Negeri Johor dan rakyat Johor sentiasa akan hidup dengan aman, bersatu-padu dan muafakat. Akhirnya Sungai Balang menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Surat. Sekian, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Sila Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Yang

Berhormat Dato' Speaker, pertamanya Machap mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahas usul menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pembukaan rasmi Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor yang ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap menjunjung kasih atas titah ucapan Tuanku yang menyentuh agar berlakunya kematangan politik, kemajuan ekonomi, kemantapan perpaduan dalam kalangan rakyat, saranan usaha meningkatkan kesihatan dan kebersihan, kelicinan pentadbiran kerajaan, pembelaan nasib golongan yang kurang berkemampuan dan sebagainya. Machap ingin menarik perhatian tentang titah Sultan Johor yang menggesa rakyat Johor berfikiran terbuka terhadap sistem pendidikan negara dan sanggup untuk berubah demi kemakmuran masyarakat dan pembangunan negara. Sebagai rakyat Malaysia yang ada cita-cita ingin membentuk satu bangsa Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum dan agama tentunya menjadi hasrat kita bersama melihat kaum Melayu, Cina Dan India dapat hidup bersama dengan berkongsi kebudayaan, bahasa, sistem pendidikan, menjunjung tinggi perlembagaan negara supaya keharmonian dan kesejahteraan negara dapat di kecapi bersama-sama.

Kesedaran ke arah penyatuan dan perpaduan kaum perlu digerakkan dengan fikiran yang tidak emosional kepada kepentingan sesuatu kaum sebaliknya lebih kepada kemaslahatan umum negara yang lebih besar. Kita bercakap tentang perpaduan kaum yang telah cuba dibentuk dari sejak merdeka sehingga sekarang yang menampakkan ruang-ruang kegagalan penyatuan bangsa Malaysia kerana sistem pendidikan yang ada. Kita bercakap perlunya satu aliran sekolah seperti sekolah kebangsaan di mana di dalamnya terdiri daripada kanak-kanak Melayu, Cina dan India yang bercampur gaul di dalamnya untuk kenal-mengenali sesama mereka sejak di bangku sekolah rendah lagi.

Sebab itu Laporan Razak telah diperkenalkan April 1956 bertujuan mewujudkan sistem pelajaran yang sama bagi semua kaum. Laporan Razak yang dianggap sebagai batu asas bagi perkembangan sistem pendidikan kebangsaan yang menyatakan tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud untuk menyatupadukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantara yang besar. Walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah dibuat dengan beransur-ansur.

Penyata Rahman Talib 1960 telah mentafsirkannya sebagai menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi. Ini bermaksud hasrat untuk melihat kanak-kanak pelbagai kaum bersekolah di bawah satu bumbung yang sama menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, mengikuti kurikulum yang sama dan sebagainya telah lama dirancang dari semasa ke semasa perlu ada peningkatan dalam mencapai matlamat yang dihajati. Kita menyedari bahawa dalam Akta Pelajaran 1991 dan juga perakuan 1 dalam laporan kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran 1979. Peruntukan untuk mengekalkan SRJKC dan SRK Tamil telah ditegaskan Tun Abdullah Ahmad Badawi sewaktu menjadi Menteri Pendidikan pernah menegaskan SRJK diwujudkan untuk membolehkan rakyat Malaysia keturunan Cina dan India belajar dan menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah. Di Malaysia terdapat lebih kurang 5,466 buah sekolah kebangsaan dan 1,285 sekolah SRJKC. Di Johor lebih kurang SRJK Tamil sebanyak 72 buah sekolah dan SRJKC sebanyak 190 buah dan Sekolah Tinggi Persendirian Cina sebanyak 9 buah.

Justeru jelas menunjukkan kewujudan SRJKC dan SRJK Tamil dalam memastikan kepentingan pendidikan di SRJK Cina dan SRJK Tamil terpelihara dan semacam merupakan pengkhianatan bagi pemimpin kaum Cina dan kaum India sekiranya tidak membela dan memperjuangkan hal tersebut. Tetapi atas dasar ingin membentuk satu bangsa Malaysia yang lebih bersatu padu yang dipupuk pada peringkat kanak-kanak kelangsungan bahasa Malaysia, maka pengorbanan yang lebih besar perlu dilakukan iaitu dengan pengorbanan persetujuan melaksanakan sekolah 1 aliran iaitu sekolah kebangsaan di mana di dalamnya ada Melayu, Cina dan India dengan aspirasi bersama ingin menuju ke arah Malaysia yang lebih harmoni dan bersatu padu.

Pada hari ini realiti pendidikan di Malaysia berperingkat sekolah rendah, murid-murid Melayu terpisah dengan murid-murid Cina dan India kerana sistem pendidikan pelbagai aliran. Mereka tidak berhubung rapat antara kaum dan hanya bercampur gaul dengan rakan sesama kaum mereka. Apabila mereka masuk ke sekolah menengah barulah mereka mula bercampur dan kadang kala terikut-ikut dengan budaya percampuran sesama kaum semasa di sekolah rendah. Semasa di kelas peralihan atau tingkatan satu, kawalan disiplin perlu dititikberatkan oleh guru kerana khuatir mudah tercetusnya pergaduhan sesama pelajar yang berbilang kaum sehinggalah mereka masuk ke tingkatan empat baru masalah ini berkurangan kerana mereka semakin matang dan semakin mengenali rakan-rakan mereka daripada pelbagai kaum.

Bagi pelajar yang tidak bersekolah menengah kebangsaan sebaliknya memasuki sekolah tinggi persendirian tentunya semakin wujudkan jurang perbezaan antara kaum kerana sistem di sekolah tersebut yang hanya terdiri daripada satu kaum. Keadaan ini tentunya membantutkan usaha penyatuan kaum yang sebaik-baiknya dilakukan di peringkat sekolah di Malaysia. Ini kerana sekolah merupakan wad terbaik bagi penerapan nilai-nilai memupuk perpaduan kaum. Di sekolah murid-murid di ajar oleh guru supaya menghormati adat resam budaya, agama dan menggalakkan sesama murid bergaul dengan murid pelbagai kaum. Kita lihat di Indonesia sistem pendidikan berorientasikan pancasila terus menjadikan kaum-kaum minoriti sebagai bangsa Indonesia dengan nama Indonesia dan kebolehan pertuturan bahasa Indonesia dengan lancar. Justeru atas dasar kepentingan generasi akan datang, atas dasar kepentingan bangsa Malaysia para pemimpin perlu berkorban, perlu berjiwa besar dengan mengetepikan kepentingan satu-satu kaum sebaliknya lebih kepada penekanan kepentingan semua kaum untuk menjadi satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu dan hebat di mata dunia.

Cadangan supaya sekolah kebangsaan menyediakan pembelajaran dan pengajaran bahasa Mandarin dan Tamil tentunya merupakan satu langkah awal menggalakkan semua murid tanpa mengira kaum mendapat pendidikan dalam sekolah satu aliran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tuanku Sultan bertitah untuk mencapai tahap kesejahteraan hidup yang selesa kita mestilah mengamalkan budaya hidup yang bersih dan sihat dalam diri masing-masing. Justeru, Machap suka mengaitkannya dengan keperluan penyediaan kawasan lapang dan ruang bagi kemudahan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Kebimbangan penduduk di kawasan perumahan selalunya berkisar tentang keperluan kawasan yang dapat mengurangkan tekanan seharian bekerja. Kawasan untuk anak-anak bermain melakukan aktiviti mengeluarkan peluh dan melarikan suasana daripada penggunaan *gadget* yang berterusan.

Kawasan yang dimaksudkan ialah kawasan lapang ruang-ruang hijau seperti padang awam, taman-taman awam, taman komuniti, taman kejiranan dan taman-

taman poket di kawasan perumahan yang dapat menghindarkan suasana sempit dan sesak kepada persekitaran luas dan nyaman. Dinding batu yang keras kepada tabir hijau alam semula jadi yang mampu melembutkan emosi dan mengurangkan tekanan fizikal. Pembinaan padang awam dan taman-taman awam sebagai wadah gaya hidup sihat amat membantu kerajaan dalam merealisasikan kempen kesedaran kesihatan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan amalan dan cara hidup berasaskan kesihatan termasuklah senaman dan kecergasan fizikal.

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah kempen cara hidup sihat, berjalan 10,000 langkah, satu murid satu sukan, membudayakan amalan bersukan serta melakukan aktiviti fizikal sebagai rutin harian dalam kalangan rakyat. Usaha kerajaan ini adalah berdasarkan kajian semasa yang mendapati kadar obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia semakin serius dan perlu diatasi. Berdasarkan tinjauan kajian kesihatan dan mobiliti kebangsaan 2011, hampir 50% rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas mempunyai berat badan berlebihan dan obes iaitu 2.6 juta adalah obes dan 4.8 juta mempunyai berat badan berlebihan.

Di antara gaya hidup yang tidak aktif secara fizikal adalah faktor utama bagi peningkatan obesiti yang merupakan salah satu risiko penyakit tidak berjangkit yang mengancam nyawa seperti diabetes, tekanan darah tinggi dan penyakit jantung. Justeru, pembinaan taman-taman awam ini tentunya dapat menggalakkan penduduk melakukan aktiviti-aktiviti luar yang digemari seperti bersukan dan beriadah yang secara tidak langsung dapat membantu mereka menjaga kesihatan.

Kepelbagaian aktiviti dan tujuan penggunaan sesebuah taman amat membantu dalam menarik masyarakat yang mengunjungi taman-taman awam di seluruh negara. Kekurangan kawasan lapang terutama di kawasan penduduk berkepadatan tinggi juga menyebabkan masyarakat memerlukan medium yang lebih besar dan terbuka melaksanakan aktiviti gaya hidup sihat yang lebih optimum.

Taman awam yang lengkap komponennya adalah penanda aras kepada corak hidup sihat yang berterusan dan semestinya usaha semua pihak amat diperlukan bagi menjamin masyarakat yang sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha mengembalikan kegemilangan sukan bola sepak di negeri Johor di bawah kepimpinan TMJ yang sekarang ini sudah semakin menampakkan sambutan rakyat Johor yang cukup luar biasa. Setiap kali ada pertandingan yang melibatkan pasukan bola sepak Johor sama ada di negeri Johor mahupun di luar Johor, maka stadium akan penuh sesak. Di kebanyakan tempat terdapat kelab-kelab bola sepak yang tumbuh bagai cendawan dengan tujuan untuk melatih dan mencungkil bakat-bakat muda yang boleh bermain bola sepak untuk mewakili Johor satu masa kelak. Pelbagai kategori peringkat umur di pertandingan supaya pertandingan bola sepak ini sentiasa hidup subur sepanjang masa demi kelangsungan bola sepak negeri Johor supaya satu masa nanti kita tidak lagi perlu bergantung kepada pemain import untuk memantapkan pasukan bola sepak negeri Johor.

Justeru, sewajarnya di setiap Majlis Daerah perlu menyediakan kemudahan padang awam untuk tujuan pelbagai kegunaan untuk acara-acara rasmi, sukan, tempat remaja bermain bola sepak dan sebagainya. Ketiadaan kemudahan padang awam untuk tujuan itu, menyukarkan para belia atau pelajar lepasan sekolah untuk bermain bola sepak pada waktu petang ataupun sebagainya. Sekiranya mereka hendak bermain bola sebahagiannya terpaksa menumpang bermain di padang

bola sepak di sekolah rendah mahupun sekolah menengah yang penggunaannya terpaksa mematuhi peraturan sekolah dan ini membantutkan minat dan kemahiran anak-anak muda untuk bermain bola.

Kesukaran ini menyebabkan para belia lebih suka menghabiskan masa petang atau masa senggang mereka bersama rakan-rakan sebaya tanpa melakukan perkara yang berfaedah. Sewajarnya Pihak Berkuasa Tempatan terutama di majlis-majlis daerah membina padang awam untuk kegunaan para belia melakukan pelbagai aktiviti-aktiviti yang mereka minati seperti bermain bola sepak atau sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tuanku Sultan menitahkan supaya sikap tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat yang suka membuang sampah sesuka hati perlu diambil tindakan yang lebih tegas oleh pihak kerajaan. Justeru, langkah kerajaan negeri Johor melancarkan Program Johor Bersih dan Lestari yang merupakan cetusan idea Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin akan menjadikan negeri Johor muncul sebagai sebuah negeri contoh dalam aspek kebersihan dan kelestarian.

Difahamkan Program Johor Bersih dan Lestari merupakan program yang bertujuan mendidik masyarakat tentang peri pentingnya menjaga kebersihan dan kehidupan seharian di rumah, pejabat, sekolah dan di tempat-tempat awam. Seterusnya, kebersihan menjadi amalan dan budaya rakyat negeri Johor. Bagi memastikan keberkesanan program, Pihak Berkuasa Tempatan difahamkan turut mengenakan denda maksimum sehingga RM250.00 bagi mereka yang membuang sampah di tempat awam sebagai kaedah mendidik masyarakat khususnya untuk merealisasikan hasrat menjadikan Johor Bersih dan Lestari.

Penjelasan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor menjelaskan langkah mendenda akan dikuatkuasakan tidak lama lagi oleh Bahagian Penguatkuasaan PBT terlibat di mana peruntukan mengenakan denda ke atas mereka yang membuang sampah merata-rata di tempat awam adalah berdasarkan Akta 132 di bawah Akta Parit, Jalan dan Bangunan yang melibatkan pengotoran dan pembuangan sampah di jalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Machap suatu masa dahulu terdapat kaki-kaki pancing yang menghabiskan masa mereka dengan memancing ikan terutama pada hari cuti, mereka memancing berseorangan mahupun berkumpulan. Aktiviti ini dilakukan di Empangan Machap sama ada untuk tujuan untuk berseronok-seronok menangkap ikan untuk dijadikan lauk di samping kadang kala boleh menambah pendapatan hasil ikan yang dijual. Tapi sejak Empangan Tasik Machap dijadikan kawasan larangan untuk menangkap ikan, golongan ini sudah tidak ada tempat untuk memancing ikan secara percuma yang kadang kala mereka terpaksa mencuri-curi masuk memancing di Empangan Machap dan mencari-cari kawasan batu untuk memancing memenuhi minat mereka.

Mereka memerhati dan mencadangkan...

YB Timbalan Speaker : Machap, sila gulung.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : ...sebuah kawasan di lot 1826 untuk keluasan seluas lebih kurang 3 ekar daripada keseluruhan 99.03 ekar berhampiran dengan IKS di Simpang Renggam di mana kawasan ini dikatakan kepunyaan Johor Land. Diharapkan pihak Johor Land dapat menyalurkan sedikit keuntungan dalam

perniagaan dan pelaburan dijalankan dalam bentuk kebajikan atau khidmat sosial kepada penduduk di Machap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, aduan bau busuk oleh penduduk di FELDA Air Hitam, ekoran daripada ternakan lembu di kawasan pertanian moden Air Hitam perlu diberikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya daripada pihak-pihak yang berkaitan. Yang paling menyedihkan, bau busuk ini hampir 3 tahun berlaku dan kesan yang paling teruk ialah apabila baunya sepanjang masa menyelubungi guru-guru dan murid-murid di Sekolah Kebangsaan FELDA Air Hitam.

Bayangkan, pelajar dan guru sepanjang masa menghidu bau busuk semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, aduan telah dibuat kepada Jabatan Veterinar Kluang tetapi jawapan yang diberi kawasan tersebut terletak di bawah penguasaan pertanian moden, bukan di bawah jagaan mereka menyukarkan untuk mereka bertindak. Akhirnya, Machap menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Persidangan diteruskan, sila Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta ketua-ketua jabatan yang sudi hadir bersama sekalian.

Dalam titah pembukaan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, baginda menzahirkan rasa sokongan terhadap misi Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjadikan Johor sebagai *The New Economic Power House* supaya sejarah kegemilangan Johor dapat dikembalikan. Menjadi sebuah kuasa dan empayar ekonomi di rantau ini adalah hasrat dan cita-cita yang kita sedia kongsi bersama dan sama-sama berusaha menggembleng tenaga dan minda bagi mencapai hasrat ini.

Aset terpenting dalam sesebuah negara atau negeri berdaulat adalah rakyatnya sumber manusia. Sebuah negeri seharusnya mempunyai rakyat yang memiliki kepelbagaian ilmu, kemahiran, potensi dan bakat yang boleh digunakan bagi tujuan pembangunan negeri. Faktor manusia ini hendaklah sentiasa hendaklah diletakkan di hadapan sebagai agenda utama. Perancangan khas perlu diambil bagi mengenal pasti kedudukan semasa sumber manusia yang ada di dalam negeri kita. Dengan data yang kita ada ini, ia membolehkan kita merancang apakah keperluan yang seharusnya kita, untuk mencapai maksud dan cita-cita kita. Kita harus mengenal pasti kedudukan semasa rakyat kita yang mempunyai ilmu kemahiran, bakat dan potensi. Mengkaji kelebihan dan kekurangan yang ada pada sumber tenaga manusia negeri Johor kita ini. Dan bagaimanakah kita hendak menyesuaikan dengan cita-cita dan hasrat kita yang ternyata di atas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemajuan dalam mencapai dan menjadikan Johor sebagai penjana kuasa ekonomi hendaklah sentiasa dipantau dengan rapi untuk semua sektor ekonomi. UPEN perlu disokong dengan lebih sumber dan suntikan kepakaran dan wujudkan satu *think tank* ekonomi dan pada masa yang sama Pemanis cadangkan supaya untuk mengaktifkan agenda ekonomi supaya satu jawatankuasa ekonomi pada peringkat daerah diadakan. Dalam usaha ini ada 3 aspek. Yang Pemanis suka pertengahkan, pertama kita harus menerap semula nilai dan fokus produktiviti dan kualiti dalam sistem pentadbiran kerajaan dan agensi.

Penjawat awam boleh dijadikan tauladan dalam pendidikan pada peringkat masyarakat dan pastikan projek program serta sama ada pada peringkat infra atau berjenis sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan, kontraktor atau NGO sentiasa dalam keadaan yang berkesan dan produktif. Banyak juga yang kita boleh belajar daripada sektor swasta khususnya daripada syarikat antarabangsa. Pengukuran produktiviti untuk semua aktiviti perlu harus kita usahakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang kedua, menyediakan pelan inovasi untuk *positioning* minta maaf dan persediaan masa depan. Kita tahu bahawa inovasi sama ada ia berteraskan inovasi sains atau pun inovasi sosial merupakan faktor yang mampu menjadikan sesebuah negeri berdaya saing dan maju. Justeru saya mencadangkan agar kerajaan negeri Johor mewujudkan satu indeks inovasi khas untuk negeri Johor yang boleh dibandingkan dengan indeks inovasi pada tahap kebangsaan di mana Malaysia berada pada kedudukan nombor 33 ikut *Global Innovation Index* dan pada masa yang sama kita boleh bandingkan kemajuan negeri Johor dengan daerah-daerah di negara kita atau pun pada peringkat antarabangsa.

Indeks inovasi ini pada awalnya akan memberitahu kita di manakah kedudukan kita sekarang, khasnya jurang di antara realiti dan aspirasi. Pelaksanaan indeks inovasi dari tahun ke tahun akan dapat memberitahu kita pula bagaimanakah pencapaian dan tahap sumber manusia kita ada di negeri ini. Sejauh manakah kita kreatif, produktif, inovatif dan responsif terhadap masalah yang perlukan penyelesaian inovatif dan apakah kedudukan kita jika dibandingkan dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa.

Ketiga, menyediakan pelan pembangunan belia yang komprehensif menerusi kecemerlangan akademik, kemahiran dan pengupayaan komuniti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara cabaran utama yang kita hadapi sekarang adalah perebutan sumber manusia yang tentunya di kalangan belia dan generasi muda kerana Johor perlu bersaing bukan sahaja dengan Singapura juga dengan Lembah Klang, kawasan Kuala Lumpur untuk mendapatkan bakat yang diperlukan. Sedia maklum, Singapura dan Lembah Klang maklum telah sedia banyak sediakan iklim yang kondusif untuk tenaga kerja. Jadi kita tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa belia atau generasi muda jika kita hendak merangka pelan bagi membangunkan negeri kerana kumpulan ini merupakan penaruh faedah terbesar dalam komuniti di mana kita hendak sediakan pelan pembangunannya. Apa yang kita lakukan sekarang akan memberi impak kepada generasi akan datang. Tenaga generasi muda belia ini kita perlukan sebagai sumber bagi mendayakan inovasi yang hendak kita laksanakan. Mereka mempunyai idea, strategi, bakat, potensi, dan ilmu semasa yang terkini mengenai pelbagai bidang yang boleh kita gunakan sepenuhnya. Yang penting kita harus menghalusi dan serap aspirasi dan mimpi mereka.

Satu tanda aras atau ukuran hendak kita cipta atau kita letakkan dalam menyediakan Pelan Pembangunan Belia yang komprehensif ini. Ukuran ini hendaklah disesuaikan dengan piawaian antarabangsa dan tanda aras ini tentunya berbeza dengan pelbagai inisiatif yang disediakan oleh kerajaan sebelum dan semasa ini. Pertubuhan Pendidikan Sains Dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO menyediakan banyak model atau contoh bagaimana pengupayaan belia terutamanya untuk komuniti dan negara-negara terpencil dilaksanakan. UNESCO juga mengadakan forum belia sebagai salah satu pengisian di dalam Seminar Agung UNESCO. Menerusi forum sebegini percambahan dan pertukaran idea banyak berlaku. Idea adalah sumber asas untuk menggerakkan

sesuatu perkara. Kita akan bertemu dengan kepelbagaian idea daripada generasi muda jika kita kerapkan interaksi sebegitu.

Justeru usaha gigih diperlukan untuk kita mendapatkan bakat, membangunkan bakat, menarik dan mengekalkan mereka supaya dapat bekerja untuk pembangunan negeri Johor. Salah satu usaha yang boleh kita lakukan adalah dengan mengikat pelajar yang cemerlang atau berpotensi tinggi menerusi pemberian skim biasiswa. Saya difahamkan bahawa JCorp bagi pihak kerajaan negeri Johor buat pertama kali tahun lepas telah menyediakan insentif biasiswa untuk tujuan itu. Ia satu langkah murni yang harus diberikan pujian. Kita berharap program ini akan dapat diperkembangkan oleh lebih agensi lebih bilangan biasiswa yang ditawarkan dan lebih bidang pengajian yang boleh diterima demi melahirkan bakal-bakal profesional dan bakat berkemahiran tinggi untuk pembangunan negeri Johor dan saya cadangkan 1 Johor *Scholarship* untuk merangkumi semua tujuan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, satu bangsa Johor yang dihormati akan muncul melalui pencapaian dari segi keagungan ilmu, kecemerlangan bakat dan kekuatan ekonominya. Ini kita akan lalukan tanpa mengira sudut mana fahaman kita. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Eh pendek sangat.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Kalau diberi peluang boleh sambung lagi. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Bukit Naning.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan mentadbir seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad semulia-mulia rasul serta keluarga dan para sahabat sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah.

YB Timbalan Speaker : Semangat sikit Yang Berhormat, mengantuk. (Dewan ketawa).

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Alhamdulillah, kita dapat hadir dalam Sidang ke-3 Dewan Negeri Johor yang ke-13 kali ini. insya-Allah kita niatkanlah ini sebagai ibadah dan insya-Allah sama-sama kitalah bermaafan sesama kita dan insya-Allah kita mohon keampunan kepada Allah di atas kesalahan kita sama ada dosa besar kecil sengaja.

YB Timbalan Speaker : Macam banyak sangat dosa ni. (Dewan ketawa).

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Ataupun sebelum ini hari ini dan ke hadapan insya-Allah dan keampunan yang diberikan oleh Allah kepada kita semua Ahli Dewan insya-Allah perjalanan persidangan kita akan mendapat taufik dan hidayah. Insya-Allah.

YB Timbalan Speaker : ...tolong aminkan kuat-kuat sikit.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Alhamdulillah terima kasih kerana diberi ruang untuk menyertai sesi perbahasan usul menyembah ucapan

terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena sidang Dewan pada kali ini. Saya mewakili warga DUN Bukit Naning mengucapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim atas sempurnanya istiadat Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang berlangsung pada 23 Mac 2015 yang lalu. Ucapan tahniah juga saya kalungkan untuk kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang berjaya menyempurnakan istiadat tersebut dengan cemerlang dan gemilang. Harapan saya semoga istiadat kemahkotaan tersebut akan jadi mercu kedaulatan bangsa Johor untuk kita terus menggembleng tenaga dengan penuh iltizam memacu strategi ke arah mencapai visi dan misi yang dirancang dengan berkesan.

Amanah dan harapan Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya Negeri Johor menjadi sebagai sebuah negeri yang aman, makmur dan paling maju di Malaysia wajar sentiasa digalas bersama dalam tanggungjawab kita dengan penuh dedikasi. Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahukan bangsa Johor mesti bersatu hati, hidup bersatu padu masa kini dan hadapan walaupun dalam suasana kepelbagaian agama dan budaya adalah satu ingatan kepada kita bahawa sebagai ahli politik yang berbeza agar memperjuangkan sesuatu perjuangan atas kepentingan rakyat. Bukan untuk kepentingan segelintir pemimpin. Kita sebagai pemimpin kena bertanggungjawab dengan amanah dan jujur. Kita kena mengelakkan tindakan seperti kata pepatah Melayu, jari lurus, kelingking berkait.

Saya dan Yang Berhormat barisan Ahli Dewan sekalian amat berbangga dan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri dengan Laporan Kewangan Kerajaan Negeri pada Tahun 2014 yang mencatat rizab tunai sebanyak RM2.3 bilion berbanding RM1.7 bilion pada tahun sebelumnya. Saya mengingatkan diri saya dan seluruh Ahli Dewan supaya nikmat ini dapat dirasai oleh seluruh rakyat negeri ini khasnya kepada perkara-perkara tersurat. Kelazimannya seorang individu akan membuat penilaian berdasarkan kepada yang wujud ataupun nampak. Walau bagaimanapun, semuanya berdasarkan kepada kekuatan yang sedia ada seterusnya melakukan penyediaan perancangan strategik dan berkesan. Bukit Naning mencadangkan kajian perlu dilakukan oleh kerajaan negeri. Berapakah rizab tunai yang diperlukan untuk bertahan di dalam dan sewaktu kegawatan ekonomi supaya rizab itu dikekalkan dan selebihnya bolehlah digunakan untuk perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri demi kepentingan rakyat supaya ianya dapat dirasai dalam apa jua situasi.

Berhubung dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang slogan prinsip Johor Mesti Jadi Johor wajar ditekankan dan menjadi asas kepada kerajaan dan pembangunan negeri Johor. Saya berpandangan bahawa kita Ahli Dewan hendaklah sentiasa sensitif dengan perkara ini dan mengambil perhatian serius dan tindakan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu kepentingan dan kehendak rakyat Johor diberi perhatian. Selari dengan pendekatan Muafakat Johor, berdasarkan konsep kerjasama dan permuafakatan antara semua kaum yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi dalam masyarakat berbilang kaum di negeri Johor.

Pelaksanaan GST yang telah di laksana oleh kerajaan persekutuan telah mendapat teguran membina Duli Yang Maha Mulia Tuanku khasnya tentang kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan yang diarah mengenakan GST terhadap perkhidmatannya yang diberikan. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar

dan EXCO kerana telah mengambil tindakan segera di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya rakyat mendapat pembelaan dan keadilan. Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang dasar kerajaan negeri yang melibatkan hubungan dua hala dengan negara jiran terdekat yakni Singapura terlebih dahulu dibincangkan oleh negeri terlibat sebelum dilaksanakan wajar diterima agar hubungan kita sentiasa harmoni dan menguntungkan negeri kita dalam pelbagai sudut kerana Johor dan Singapura merupakan negara yang berjiran, bersempadanan tidak dinafikan kebergantungan Singapura kepada Malaysia termasuklah dari segi bekalan air, bahan mentah, petroleum, buruh murah Malaysia, pasaran produk dan lain-lain. Begitu juga terdapat ramai rakyat Johor yang mencari rezeki di Kota Singa ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan juga amat sensitif dengan kebersihan persekitaran kerana kebersihan adalah amalan hidup sihat. Pihak berwajib wajar melipatgandakan ataupun meningkatkan kempen kebersihan dan kesedaran di tempat-tempat rekreasi, jalan raya dengan meningkat tahap penguatkuasaan di kawasan tersebut. Saya menganggap adalah suatu kegagalan apabila waktu siang hari satu kawasan itu bersih tapi pada waktu pagi esoknya penuh dengan sampah kerana waktu malam orang ramai membuang sampah sesuka hati. Semoga masyarakat kita dapat sama-sama berubah sikap kepada sikap yang lebih bertanggungjawab.

Pihak Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Majlis Tempatan perlu berfikiran terbuka serta peka dengan satu lagi titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu penyusunan pemasangan iklan di bangunan kedai dari segi pengisian dan pemasangan perlu seragam dipantau supaya kita sendiri pun faham apa iklan itu. Begitu juga dengan pemasangan *billboard* di atas jejantas dan tepi-tepi jalan harus mempunyai saiz yang ditetapkan supaya dapat menceriakan pemandangan sekitar bandar.

Tabiat buruk pemberi pinjaman wang ataupun Ah Long mengiklankan perkhidmatannya dengan menampal *sticker* iklan pinjaman di merata-rata tempat wajar diambil tindakan segera oleh Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Ini seolah-olah aktiviti Ah Long yang menindas peminjam khususnya rakyat bagaikan lintah darat mendapat galakan oleh pihak yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung kait dengan DUN Bukit Naning, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua kakitangan kerajaan negeri mahupun di Daerah Muar kerana telah bertungkus lumus melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan jayanya khususnya dalam menyelesaikan pelbagai masalah dan pembangunan di dalam DUN Bukit Naning. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peruntukan pembinaan Masjid Ar-Ridwan Kampung Sri Dalam yang masih dalam pembinaan dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana memberi peruntukkan menaik taraf sistem perparitan sepanjang jalan Ayer Hitam dan telah siap dilaksanakan oleh pihak JPS.

Begitu juga dengan Masjid Al-Qayyum yang telah siap dan telah digunakan dan yang ketiganya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga kerana memberi peruntukkan dewan orang ramai di Kampung Parit Tengah yang masih dalam proses, insya-Allah. Terima kasih juga kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga EXCO JKR Negeri kerana telah meluluskan peruntukan pembinaan tangki air di DUN Naning untuk kesejahteraan rakyat di DUN Naning supaya bekalan air mencukupi di masa-masa memuncak dan agen

pelaksana adalah SAJ sebagaimana Yang Berhormat Dato' Speaker tanyakan tempoh hari dalam Dewan sebelum ini. Terima kasih juga kepada JKM dan juga EXCO kerana bangunan Baitulmal telah siap dan telah pun digunakan, terima kasih. Dan, terima kasih kepada JKM dan juga Baitulmal dalam memberi bantuan segera kepada mangsa-mangsa ribut di DUN Bukit Naning dalam bulan April yang lalu.

Namun demikian, DUN Naning ingin memohon beberapa peruntukan daripada kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah-masalah yang masih tertunda dan kali ini kali ketiga permohonan ini saya pohon di Dewan yang mulia ini. Pertama, Surau Parit Haji Karim perlu dirobohkan segera dan perlu dibina baru kerana strukturnya yang terbenam, bumbungnya yang lari dan saya takut nanti keluar berita, jemaah surau itu akan terhempap oleh bumbung yang keadaannya amat membahayakan. Jadi mohon dapat pertimbangan segera. Kedua, projek menaik taraf sistem perparitan serta kerja-kerja berkaitan di Mukim Ayer Hitam, DUN Bukit Naning sepanjang jalan simpang Batu 18 hingga ke Kampung Parit Baru, Sungai Sarang Buaya.

Ketiga, menaik taraf atau menurap semula sepanjang 10 kilometer dari Simpang Batu 18 Parit Karim hingga Parit Nombor 3, Jalan Yusof. Yang keempat, menyelesaikan pembinaan jalan Kampung Kelantan ke Kampung Tanah Merah sejauh 1 kilometer yang terbengkalai. Semenjak perjuangan ini diperjuangkan oleh 5 ADUN di DUN Bukit Naning tak selesai- selesai. Jaraknya hanya 1 kilometer untuk memudahkan perjalanan rakyat di Bukit Naning ke Pagoh di mana sejauh 1 kilometer tidak dapat dibangunkan. Mohon jasa baik yang berkaitan supaya dapat mengambil tindakan ini membantu DUN Naning supaya rakyat dapat menerima kesejahteraan penggunaan jalan yang terputus itu.

Selain daripada itu juga, kita mohon supaya Majlis Perbandaran Muar menaik taraf gerai Majlis di batu 15 Bukit Naning yang keadaannya dalam keadaan uzur. Dan juga, yang keenam saya mohon supaya pasar kering, Pekan Bukit Bakri perlu di segera pembinaannya dan menaik taraf pasar basah sedia ada juga perlu dilaksanakan kerana ini adalah janji pilihan raya yang lepas yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Berkaitan dengan isu monyet dan juga babi yang mengganggu pertanian khususnya peladang dan penternak di kawasan DUN Naning sebelum ini menjadi masalah kepada kita dan hari ini telah pun selesai. Namun demikian, masalah hari ini yang berlaku kecurian hasil-hasil pertanian, penternakan yang berleluasa bukan di kawasan DUN Naning sahaja malah di kawasan EXCO Pertanian sendiri.

Ha, dia hilang kecurian, buah sawit hilang, buah jambu hilang, ternakan hilang, jadi saya minta supaya satu langkah perlu di ambil supaya masalah yang membebankan, merugikan rakyat khususnya peladang, penternak dan juga nelayan ini dapat dibendung supaya kesejahteraan rakyat dapat kita laksanakan untuk masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnyalah pasal sebelum Yang Berhormat bagi masa ataupun untuk gulung saya akhirnya, Enakmen kemakmuran.

YB Timbalan Speaker : Kita belum bagi, dia dah nak gulung sendiri.

YB Dato' Haji Saipolbahri bin Haji Suib (Bukit Naning) : Pasal saya tengok Yang Berhormat macam tengok nak bagi lebih, tak nak bagi lebih, jadi saya tak nak tutup sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, nikmat kemakmuran dan kesejahteraan negeri ini adalah berkat nilai keharmonian rakyat yang dapat hidup saling bertolak ansur, tidak berpecah-belah di antara satu sama lain tanpa mengira agama dan keturunan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Justeru, iklim inilah yang harus dipelihara dan seterusnya akan berkekalan. Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. DUN Bukit Naning menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Surat.

YB Timbalan Speaker : Sila Nusajaya.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada Nusajaya.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, tak ada Tan Sri.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat, minta maaf. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada Nusajaya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Dengan rasa rendah diri Nusajaya dengan penuh takzimnya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor di atas kemahkotaan yang telah dimasyhurkan dengan penuh Istiadat Kesultanan dengan penuh bersejarah pada 23 Mac 2015 di Istana Besar Johor Bahru yang lalu. Nusajaya juga ingin menzahirkan merafak kesyukuran, menjunjung kasih titah Tuanku merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor ke-13 yang berkeprihatinan dengan masalah rakyat dan berjiwa rakyat pada 7 Mei 2015 dengan berprinsipkan Johor Mesti Jadi Johor.

Nusajaya ingin merakamkan juga setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang dikasihi yang telah mentadbir kerajaan Johor dengan cukup cemerlang, memacu dan melaksanakan pembangunan serta mengeratkan hubungan rakyat Johor dengan dasar muafakat Johor dan diiringi dengan visi yang amat besar iaitu menjadikan Johor *The New Economic Power House*, dengan izin. Dengan rahmat serta barakah dari Allah SWT kepada bumi Johor yang berdaulat ini saya memanjatkan seribu kesyukuran Yang Berhormat Dato' Speaker, sidang-sidang pemimpin yang membanting tulang demi pembangunan rohani dan intelek rakyat. Di sini saya menjunjung beberapa usul yang perlu di ambil perhatian dan tindakan.

Pertama, rakyat Malaysia secara amnya dan khususnya rakyat negeri Johor digemparkan dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan isu pelaksanaan GST di mana baginda Sultan amat tidak bersetuju terhadap pelaksanaan ini di Negeri Johor. Baginda Sultan melihat perkara ini sebagai satu bebanan terhadap rakyat di Negeri Johor dan mengharapkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk bertanggungjawab memberikan khidmat kepada rakyat dan bukan sepatutnya mengaut keuntungan. Nusajaya bersyukur dan mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada kerajaan negeri Johor kerana telah mengambil langkah yang segera untuk mengecualikan GST kepada rakyat negeri Johor oleh jabatan-jabatan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin mengambil perhatian iaitu dua minggu sebelum implementasinya GST, kami Yang Berhormat-Yang Berhormat telah di beri taklimat oleh tiga jabatan iaitu Jabatan KPDNKK, Jabatan Kastam dan Kementerian Kewangan. Pihak Kementerian Kewangan mengatakan bahawa ini

adalah dasar kerajaan yang hampir lebih 160 lebih Negara telah melaksanakan GST. Yang sebelumnya, yang belum lagi dia kata adalah salah satu negara Myanmar. Bagi Jabatan Kastam pula dia mengatakan pelaksanaan GST adalah di bawah Jabatan Kastam. Bagi pegawai-pegawai daripada KPDNKK iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang telah mengatakan bahawa harga barang-barang ini adalah di bawah KPDNKK. Yang kedua dia mengatakan bahawa pelaksanaan GST tidak ada kena-mengena dengan harga barang-barang, kenaikan barang. Yang ketiga dia mengatakan bahawa barang-barang ni terletak kepada dengan izin, *demand* dan *supply*, kalau *supply* dia, *demand* dia banyak, *supply* dia sikit, harga mungkin naik. Tapi jika *supply* dia banyak, *demand* dia sikit, mungkin harga turun.

Cuma Nusajaya memperhatikan barang-barangnya sebelum 6 bulan implementasi GST, barang-barang telah dinaikkan oleh peniaga. Yang kedua, yang agak melucukan pula, 2 minggu selepas GST dilaksanakan, pihak KPDNKK mengatakan bahawa dia tak cukup kakitangan untuk mengawal harga dan memohon untuk bantuan Tok-Tok Penghulu. Jadi maksudnya, kawalan tu baru nak jaga selepas 2 minggu GST melaksanakan.

Cuma saya, Nusajaya berpendapat seharusnya pihak KPDNKK setahun sebelum itu sepatutnya mengawal harga yang mana dia mengatakan bahawa harga kawalan barang ini terletak kepada pihak KPDNKK.

Kita Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil contoh buah durian. Pada peringkat musim durian tadi, harga durian, durian masih belum banyak, harganya cukup tinggi. Tapi bila durian runtuh banyak sangat, harga durian kadang boleh kira 1 guni pun murah. Ha, itu yang dimaksudkan *supply*, dengan izin *supply* dan *demand*. Jadi, Nusajaya berharap, pihak KPDNKK seharusnya memastikan barang-barang yang memerlukan *demand* dan *supply* tadi seharusnya dibanyakkan, dilambakkan. Sebagai contoh, mungkin ada keperluan barang-barang sebagai contoh tentang bawang merah, bawang putih, ayam dan sebagainya jika dirasakan kekurangan *supply* tadi meningkatkan harga, seharus jika terpaksa memberi lesen-lesen AP dan sebagainya kepada syarikat-syarikat untuk mengimport barang-barang tadi supaya bila barang keperluan asas tadi banyak di pasaran, harganya turun. Jadi, itu yang seharusnya salah satu langkah yang perlu di ambil untuk menangani masalah harga barang-barang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya pemberian wang ringgit melalui BR1M sedikit sebanyak telah membantu rakyat bagi menangani masalah kehidupan yang tinggi. Apa yang mungkin lebih relevan, adalah bagaimana kerajaan membantu rakyat untuk menjana pendapatan mereka sendiri dalam melibatkan diri dalam bidang keusahawanan yang pepatah ada menyatakan berikan seorang itu seekor ikan, dia akan makan pada hari tersebut. Tetapi jika diajar memancing, dia akan makan seumur hidup. Jadi, saya mencadangkan kerajaan negeri banyak menganjurkan program-program keusahawanan berkenaan dengan undang-undang, peraturan, etika, perakaunan dan peluang-peluang perniagaan. Sebab apa yang penting Nusajaya percaya sekarang ni bantuan-bantuan modal kewangan memang cukup banyak disediakan baik peringkat kerajaan, bank-bank dan koperasi-koperasi. Tapi, namun demikian, perjalanan perniagaan tadi, sampai dia stabil tadi yang tidak ada pemantauan, tak ada khidmat nasihat dan sebagainya. Yang penting adalah ilmu keusahawanan yang perlu dilazimkan kepada usahawan-usahawan bagi melaksanakan program yang bidang perniagaan mereka.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan ekonomi rakyat Johor yang kita sedia maklum kini pun berada pada tahap yang, yang agak membimbangkan juga. Hal ini tidak lain datangnya daripada kos harga yang naik tadi, kenaikan harga barang petrol dan macam-macam kenaikan lagi. Jadi, kita buka laman sosial, *facebook*, *twitter* dan sebagainya untuk melihat, mendengar, memahami keluhan dan realiti rakyat Malaysia amnya dan rakyat Johor khususnya. Saya mencadang, Nusajaya mencadangkan supaya kerajaan Johor menubuhkan, membanyakkan rumah kedai mampu milik sebab apa kita kena fokus adalah untuk rumah mampu milik, tapi rumah kedai mampu milik kurang difokuskan. Dan kita lihat banyak peniaga-peniaga di tepi-tepi jalan itu cukup banyak macam cendawan. Dan itu yang kadang-kadang serba salah yang mana peniaga tadi dia mula nak berniaga tapi lepas tu dia berniaga di gerai-gerai, di warung-warung tadi sampai 10 tahun lebih.

Jadi, kita bagaimana nak menganjakkan supaya apabila peniaga tadi dah sampai satu tahap yang agak stabil dia mampu untuk berniaga di keadaan premis yang lebih menarik. Itu yang Nusajaya mencadangkan supaya rumah kedai mampu milik dapat diperbanyakkan bagi peniaga-peniaga.

Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin menyentuh juga kepada titah Baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berkenaan kebersihan negeri dan disiplin rakyat Johor, dalam mengekalkan kebersihan. Ini bukan perkara yang baru, namun sudah berbagai kempen telah dilaksanakan. Apa yang dapat diperhatikan masih berlaku lagi pembuangan sampah sarap merata-rata, vandalisme, pemecahan telefon, barang-barang awam dan sebagainya di kawasan bandar, pekan khususnya.

Nusajaya melihat ini isunya bukan tahu menjaga kebersihan tapi dia tidak mahu menjaga kebersihan atau secara ringkasnya adalah sambil lewa masyarakat terhadap kebersihan dan disiplin. Nusajaya ingin mencadangkan pihak MBJB atau Pihak Kerajaan Tempatan memperketatkan denda yang sedia ada di dalam undang-undang kecil Pihak Kerajaan Tempatan. Jadi kita memfokuskan perhatian kepada kawasan-kawasan penting dari segi pelancongan, maksud dia restoran-restoran, gerai-gerai, tapak rekreasi tumpuan, kawasan pasar malam dan sekitar bandar.

Nusajaya juga difahamkan bahawa kadang-kadang kebersihan satu premis itu diukur pada tandasnya. Jadi, mungkin ada cadangan salah satu *indicator* memastikan supaya tandas-tandas awam atau tandas-tandas yang disediakan seharusnya bersih. Dia mencerminkan keselesaan tuan dia, tuan punya premis tadi.

Yang kedua, Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, perkara ini agak biasa dilihat tapi perlu diperhatikan bahawa di bandar-bandar ini , kedai-kedai yang 24 jam banyak kerusi dan meja di atas jalan raya, yang disediakan TV besar, yang untuk senang sikit, mudah budak-budak belia dan sebagainya untuk menonton tv, masalahnya kerusi dan meja di atas jalan raya. Cuma implikasinya takut satu keselamatan, pasal beberapa tahun yang agak lama dulu ada sebuah kereta kenderaan terbabas terus melanggar yang pelanggan makan tadi dan meninggal.

Yang kedua, takut kesesakan lalu lintas. Cuma dilemanya adalah dibiarkan atau diambil kompaun atau kesalahan kekerapan itu. Cuma saya ingin mencadangkan, Nusajaya ingin mencadangkan apa kiranya kalau dia bersalah, dia tidak dilarang, dibenarkan, tapi dengan bersyarat. Bersyaratnya mungkin didendakan mengikut meja dan kerusi. Kalau satu meja RM10.00 kerusinya 4 - RM30.00. Kalau dia buat 10 set RM300.00 semalam. Kalau 20 set mungkin RM600.00 .

Yang kedua, disediakan pegawai Rela dan sebagainya untuk mengawal, mengawal keselamatan, mengawal lalu lintas dan dibayar gaji. Jadi duit tadi akan dibayar oleh pendapatan tadi. Jadi ini memudahkan aduan-aduan sebab apa aduan ini kerap dibuat oleh masyarakat. Jadi secara tak langsung kawalan dapat dijaga, keselamatan dapat dijaga, kebersihan dapat dijaga dan pendapatan pihak Kerajaan Tempatan pun akan bertambah.

Juga Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya juga ingin menyentuh kepada kerajaan negeri Johor iaitu jutaan terima kasih dan tahniah di atas usaha murni di dalam inisiatif program rumah mampu milik Johor. Cuma secara ringkasnya Nusajaya ingin mencadangkan supaya syarat-syarat itu diutamakan juga. Syarat yang sedia ada cukup baik, cuma ditambahkan iaitu kepada golongan belia-belia yang baru berumah tangga sebab merekalah yang dalam yang memerlukan rumah untuk, maklumlah baru berumah tangga, banyak dia punya beban tanggungan, jadi mereka memerlukan rumah.

Yang kedua, kepada golongan ibu-ibu tunggal yang berpendapatan yang bekerja sendiri mereka memerlukan rumah, sebab apa tak ada tempat nak bergantung. Jadi kalau diutamakan ibu-ibu tunggal tadi kita dapat menjaga kebajikan ibu tunggal untuk menjaga anak-anak mereka sambil mereka bekerja.

Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin menyentuh sistem keselamatan hospital secara menyeluruh yang mana perlu diperketatkan. Difahamkan akhir-akhir ini banyak kes-kes kehilangan barang pesakit yang menetap di dalam wad biasa di hospital-hospital kerajaan. Hal ini perlu dilihat dan ditangani dengan segera, sebab apa pesakit yang tidak bermaya mungkin diambil kesempatan oleh golongan yang tak bertanggungjawab untuk mengambil barang-barang yang di bawak oleh pesakit tadi.

Sebab apa, sebagai contoh Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, saya baru ini melawat ziarah rakan saya, cikgu, cikgu. Cikgu selalu cakap benar Dato'. Dia masuk petang di hospital,

YB Timbalan Speaker : Cikgu aje ke yang cakap benar. YB tak cakap benar.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Benar Dato'. Jadi cikgu ni rakan saya sakit dada. Sakit dada di sekolah, jadi dia bawak masuk hospital. Jadi di hospital sebelah petang, malam dia diberi ubat. Bila sakit jantung kita kasi ubat untuk dia mamai-mamai, biar dia berehat gitu. Jadi boleh tertidur. Jadi dia ada taruk telefon di meja sebelah katil. Dia rasa dalam pukul 3:00 pagi, sebab dia dah mamai tidur tadi, dia terdengar ada orang tarik, pukul 3:00 pagi.

Jadi bila pukul 6.00 dia lihat, dia 2 telefon, Dato' Speaker. *Phone* yang mahal yang RM2,000.00 *phone* yang murah yang RM200.00 RM300.00 tak hilang, ha itu. Jadi dia buat laporan polis. Saya melawat dia pukul 12.00 tengah hari belum sampai juga polis ke hospital. Jadi, dan difahamkan jiran-jiran kata memang kerap juga. Walaupun ini masalah khusus di hospital tapi hospital ini awamnya ramai pesakit dan dia mencerminkan juga kerajaan kita untuk Kementerian Kesihatan untuk memastikan, pasal peristiwa ini memang jelas waktu tengah malam yang pelawatnya pun tak ada. Jadi ini mungkin perhatian yang mana Nusajaya sentiasa mendapat aduan daripada pesakit-pesakit dan keluarga pesakit.

Seterusnya Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan sekolah iaitu sekolah ini memang sekolah bantuan kerajaan secara penuh dan ada juga ada

skim pinjaman buku teks dan sebagainya yang mana membantu pelajar-pelajar kita di sekolah. Cuma akhir-akhir ini ada juga di sekolah-sekolah yang di bandar ada juga sebahagian dalam 10% yang keluarga yang kurang mampu juga, tapi hantar anak sekolah di bandar-bandar, di taman-taman.

Jadi masalahnya dalam satu hal pihak sekolah berusaha untuk anak-anak berjaya dalam UPSR, di mana dijemput pakar-pakar motivasi supaya anak-anak dia berjaya dalam UPSR. Masalahnya yurannya tadi, yurannya dikenakan mungkin tinggi sampai RM150.00 dan sebagainya di sekolah tu buat. Tapi anaknya pelajar tu nak kata wajib tak wajib. Tapi kalau semua dah hadir anak-anak yang kurang kemampuan, itu yang emak bapak tertekan, sebab apa semua nak berjaya, semua macam diwajibkan. Jadi anak itu, emaknya yang bersedih tu. Ayah dan emaknya kata, alamak macam mana salah satu hal anak dia nak berjaya. Tapi satu hal duit tu kena keluar, jadi bila kumpul-kumpul habis RM150.00 yuran nak berjaya, kem motivasi, bayaran kelas tambahan pun ada.

YB Timbalan Speaker : YB Nusajaya sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini hingga 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan kita disambung semula. Jemput Nusajaya. Gulung ya. Ada panjang lagi.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan sedikit lagi kesempatan untuk Nusajaya berucap di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin membawa kembali iaitu yuran-yuran tambahan di sekolah-sekolah iaitu difahamkan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan yang aktivitinya ke arah program kecemerlangan UPSR dan sebagainya dan banyak program yang telah dilakukan seperti bayaran kelas tambahan, bayaran program motivasi dan majlis graduasi jamuan yang hampir, yurannya RM300.00 hingga RM400.00.

Cuma difahamkan ada sedikit keluhan kepada ibu bapa yang mana kalau kita lihat di mana-mana kumpulan biasanya 10% golongan yang agak pendapatan rendah. Itu yang kadang-kadang ibu bapa agak, pasal anaknya terpaksa melibatkan diri, kalau tidak takut terpinggir dengan rakan-rakannya. Cuma cadangan Nusajaya Yang Berhormat Dato' Speaker, satu kalau boleh pihak sekolah cuba mendapatkan tabung khas daripada Jabatan Pendidikan Daerah yang mana khusus untuk anak-anak pelajar-pelajar yang keluarga berpendapatan rendah atau satu lagi pihak sekolah kaji betul syarikat ini, kadang syarikat ini dia punya profil cantik, tapi takut isi kandungan motivasinya takut tak berapa perlu tu.

Yang kedua**,** pihak PIBG juga kalau boleh diseru supaya menyediakan tabung juga untuk pelajar-pelajar dan akhir sekali pihak kerajaan kalau boleh anak-anak sekolah-sekolah kebangsaan ini diadakan usaha dipanggil konsep anak angkat. Saya di sini nak ucapkan syabas dan tahniah kepada di Nusajaya ini ada satu syarikat yang perlu saya maklumkan iaitu Syarikat UEM Sunrise yang telah mengangkat anak angkat 18 sekolah di Gelang Patah. 1 Sekolah Jenis Kebangsaan

Cina, 1 Sekolah Jenis Kebangsaan India, 12 Sekolah Kebangsaan dan 3 Sekolah Menengah Kebangsaan.

Jadi kalau boleh suruh sekolah-sekolah di negeri Johor ini dia ada skim yang mana digalakkan syarikat-syarikat besar tadi menjadikan anak angkat sekolah-sekolah. Jadi sekurang-kurang membantu beban kepada anak-anak yang di sekolah tadi. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin memaklumkan bahawa dari segi konsep sekolah, guru dan disiplin iaitu disiplin ini merupakan peranan penting bagi membentuk sahsiah para pelajar dan peraturan secara langsung bagi mengawal tingkah laku murid-murid melalui hukuman atau ganjaran disiplin, sebagai membentuk latihan bagi perkembangan mental atau sikap seseorang.

Konsep guru penyayang menolong pelajar berminat untuk datang ke sekolah setiap hari tanpa berasa sebarang tekanan serta mempunyai hubung akrab dengan guru dan pihak sekolah. Oleh yang demikian Nusajaya ingin mencadang iaitu dikaji semula penggunaan rotan bagi mengatasi masalah disiplin yang semakin membimbangkan. Sebab apa rotan ini ada dua Yang Berhormat Dato' Speaker. Satu rotan untuk mendera, satu lagi merotan untuk mendidik dan tujuan kasih sayang kepada anak. Jadi sebab itu, saya rasa, Nusajaya rasa memang perlu disiplin kepada anak-anak kita. Jika kurang latihan disiplin kat sekolah sukar mereka nak menerima peraturan nanti anak jadi kurang ajar, manja, belajar dan sebagainya. Jadi semua pihak seharusnya tidak sewenang-wenangnya setiap, diharapkan guru pun tidak menggunakan rotan untuk, menggunakan sewenang-wenangnya untuk menjatuhkan denda atau tanpa sebab dan sebagainya.

Jadi, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2015 seharusnya juga mementingkan juga disiplin untuk pelajar-pelajar di sekolah supaya mengurangkan masalah-masalah disiplin dan sosial baik di sekolah dan di luar sekolah. Sebab apa negara kita Malaysia untuk mencapai 2020 dah tentu dia memerlukan pelajar-pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik tapi aktif dalam kokurikulum, satu sukan satu pelajar, mendalami minat dalam seni, menceburkan diri dalam skil kemahiran dan akhir sekali spiritual dan emosional serta aspek agama untuk meningkatkan sahsiah diri serta menjadi modal insan yang berguna.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya memohon bagi pihak penduduk Taman Nusantara, Gelang Patah yang mana penduduknya hampir 7,000 orang Islam, yang mana tahun lepas mendapat tanah yang diwakafkan seluas 3.5 ekar yang melibatkan masjidnya peruntukan tidak besar hanya RM5 juta, jadi ini sekurang-kurang untuk memudahkan penduduk-penduduk masyarakat Taman Nusantara untuk mengamalkan ibadat dan sembahyang Jumaat dan sebagainya.

Jadi, sekian Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya mohon menyokong usul yang telah dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang berbahas dalam Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan sembah takzim kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas sempurnanya Istiadat Kemahkotaan yang telah berlangsung pada 23 Mac yang lalu. Istiadat Kemahkotaan ini menjadi lambang kedaulatan negeri yang terus menjadi kebanggaan rakyat Johor sejak 130 tahun yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita hendak melihat sesebuah syarikat itu kukuh dari segi ekonomi, kita akan merujuk kepada penyata *balance sheet,* dengan izin sesebuah syarikat tersebut. Penyata akaun yang positif menunjukkan kekukuhan syarikat tersebut. Begitu juga, apabila kita menilai kekukuhan pentadbiran sesebuah negeri. Salah satu perkara yang akan diperhatikan ialah laporan kewangan negeri tersebut. Oleh yang demikian, berdasarkan Laporan Kewangan Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2014 yang menunjukkan kerajaan negeri Johor mempunyai rizab tunai sebanyak RM2.3 bilion berbanding hanya RM1.7 bilion pada tahun 2013. Ini jelas menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.6 bilion. Ini menunjukkan pentadbiran yang sangat efisien dan berwibawa yang ditunjukkan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin dan barisan kepimpinannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Baginda telah menyarankan agar pihak kerajaan bersikap lebih tegas dalam mendisiplinkan rakyat untuk mengamalkan budaya hidup yang bersih dan sihat di dalam diri masing-masing dan bersama-sama menjaga kebersihan sekitar. Antara tempat yang Pihak Berkuasa Tempatan perlu bertindak dengan lebih tegas untuk menangani masalah kebersihan adalah di tempat di mana kerja-kerja pembinaan atau pun *construction*, dengan izin dijalankan. Di negara lain, contohnya Singapura, apabila berlakunya sebarang kerja-kerja pembinaan hanya tempat tersebut berada dalam keadaan kurang bersih tetapi tempat mengelilingi kawasan pembinaan tersebut akan dijaga kebersihannya oleh syarikat yang melakukan kerja-kerja pembinaan tersebut.

Tetapi di Malaysia, lain ceritanya. Jika ada kerja-kerja pembinaan bukan hanya tempat pembinaan berada dalam keadaan yang kotor, tetapi keadaan di sekelilingnya turut dikotorkan. Sebagai contoh, lori-lori yang keluar masuk dari tempat pembinaan turut mengotorkan jalan-jalan utama dengan membawa lumpur dari kawasan pembinaan dan kesan-kesan itu dapat dilihat di jalan raya mengelilingi kawasan pembinaan. Sepatutnya, lori-lori ini perlu dibersihkan sebelum keluar dari tapak pembinaan supaya kesan-kesan kotorannya tidak dibawa keluar dan turut mengotorkan kawasan atau jalan sekelilingnya. Kerja-kerja membersihkan lori sebelum keluar bukanlah sesuatu yang baru malah apabila pemilik lori menghantar lori mereka ke Singapura, mereka memastikan lori tersebut berada dalam keadaan yang bersih kerana takut dikenakan denda di Singapura. Tetapi apabila di Malaysia, mereka mengamalkan sikap tidak kisah. Perbuatan ini berlaku di Malaysia kerana perkataan denda yang berat hanya digunakan di dalam kertas tetapi tidak dikuatkuasakan. Oleh yang demikian, saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan harus bertindak dengan tegas dengan menguatkuasakan undang-undang yang ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Tuanku Sultan juga telah bertitah agar tindakan diambil terhadap *billboard* yang dipasang di jejantas dan di tepi-tepi jalan yang mempunyai saiz dan ketinggian yang berbeza-beza yang sangat

merbahaya dan mencacatkan pemandangan sekitar bandar. Oleh yang demikian, saya berharap sangat Pihak Berkuasa Tempatan dapat mempercepatkan usaha-usaha mereka untuk menurut Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan .

Selain daripada *billboard*, Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh memastikan agar pemilik-pemilik kedai khususnya di sekitar bandar tidak mewarnakan kedai mereka sesuka hati mereka tetapi mengikut satu *standard* warna yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bila kita cakap pasal warna, dekat bandar , jangan kedai dia satu warna merah, hijau, kuning, kalau boleh *standard* saja lagi baik, nampak mata pun cantik, Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak boleh dinafikan bahawa Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia adalah Bahasa Rasmi di Malaysia. Ia memang wajib untuk seluruh rakyat Malaysia untuk fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Namun demikian, kepentingan Bahasa Inggeris juga tidak boleh dinafikan. Ini adalah kerana, Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi antarabangsa antara satu negara dengan negara yang lain. Malah dalam seminar atau konvensyen antarabangsa, Bahasa Inggeris menjadi bahasa perantaraan. Tambahan pula, kebanyakan buku-buku untuk pengajian tinggi adalah dalam Bahasa Inggeris.

Sebagai contoh, apabila saya tamat pendidikan sekolah tinggi dan meneruskan pelajaran di peringkat ijazah, pada mulanya saya mengalami kesukaran untuk belajar kerana kebanyakan buku-buku yang ada adalah dalam Bahasa Inggeris. Dan semasa saya belajar di sekolah kebangsaan saya lebih kerap menggunakan Bahasa Melayu. Malah apabila seorang rakyat Malaysia yang menyertai seminar antarabangsa, beliau akan kurang mengambil bahagian dalam diskusi-diskusi dalam seminar tersebut, bukan kerana beliau tidak mahir dalam bidang tersebut, malah ia sebab beliau berasa segan kerana tidak fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan negeri mahu pun pusat merancangkan lebih banyak program untuk meningkat penggunaan Bahasa Inggeris khususnya di kalangan para pelajar sekolah. Antara program yang boleh dilancarkan sebagai contoh adalah memilih satu hari dalam seminggu di mana program bertema *English Day,* dengan izin dijalankan di sekolah-sekolah di mana guru-guru dan pelajar-pelajar harus bertutur dalam Bahasa Inggeris sepanjang waktu pembelajaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam pembentangan Bajet yang lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah meluluskan RM4 juta untuk kaum India. Sekali lagi, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk keprihatinan beliau terhadap kaum India. Keprihatinan terhadap kaum India juga dapat dilihat di pentadbiran kerajaan Pusat yang apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan sebanyak RM100 juta setahun selama tiga tahun berturut-turut untuk menambah baik atau membina baru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Walau bagaimanapun, satu lagi isu yang patut diberi perhatian ialah dengan memberikan subsidi untuk bil-bil elektrik dan air kepada kuil-kuil dan juga rumah beribadat. Kuil-kuil bukan satu tempat yang mempunyai pendapatan, tetapi ianya beroperasi melalui derma-derma yang diterima daripada penganut-penganut kuil. Pada masa ini, duit-duit derma yang diterima oleh kuil-kuil ini hanya cukup untuk penyelenggaraan kuil tersebut. Oleh yang demikian, saya dengan rendah diri berharap agar satu jenis subsidi khususnya untuk bil elektrik dan air boleh dipertimbangkan untuk meringankan beban operasi kuil-kuil tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perkara 50, muka surat 13 dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, penekanan diberikan dalam Skim Perumahan Rakyat di Johor terutama kesukaran untuk mendapatkan kemudahan pinjaman bank. Apabila kita buat permohonan untuk membeli rumah, antara dokumen yang pertama yang perlu disertakan ialah *payslip,* dengan izin. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, nelayan-nelayan, petani, peladang dan juga peniaga-peniaga kecil yang berniaga bersendirian tidak mempunyai *payslip,* dengan izin. Manakala gaji *basic* untuk graduan-graduan yang baru keluar daripada universiti adalah antara RM2,000.00 hingga RM3,000.00 Dengan gaji *basic* ini, sukar untuk graduan-graduan memiliki rumah, khususnya rumah mampu milik Johor di bawah RM200,000.00 kerana *loan* rumah tidak boleh diluluskan oleh pihak bank kerana komitmen graduan-graduan ini. Komitmen-komitmen ialah sebagai contohnya, *loan* PTPTN, *loan* kereta, ini adalah antara contoh-contoh komitmen yang graduan ada sekarang.

Oleh yang demikian, pihak bank selalunya sukar untuk meluluskan *loan* perumahan mereka. Oleh yang demikian, jika perkara ini tidak diberi perhatian sepertimana dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, sampai bila-bila pun golongan muda berpendapatan rendah tidak akan memiliki rumah sendiri. Moga-moga satu jenis mekanisme dapat diwujudkan oleh pihak bank agar golongan muda berpendapatan rendah dapat memiliki rumah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seramai 200,000 orang akan berkunjung ke Mersing setiap tahun tetapi malangnya kebanyakan daripada orang yang mengunjungi Mersing hanya menggunakan Mersing sebagai satu tempat transit sebelum ke Pulau Tioman. Walaupun Kepulauan di Taman Laut Sultan Iskandar adalah lebih cantik dan unik akan tetapi ramai orang masih tidak tahu akan kecantikan dan keunikan kepulauan di Taman Laut Sultan Iskandar. Salah satu sebab kekurangan orang ramai pergi ke Kepulauan Taman Laut Sultan Iskandar ialah ketidakaktifan promosi yang dijalankan oleh Jabatan Pelancongan Negeri. Saya setuju dengan Yang Berhormat ADUN Gambir iaitu cara mempromosi menggunakan brosur-brosur sahaja tidak cukup dan seharusnya penggunaan media elektrik, elektronik, *website,* suntingan video serta rancangan-rancangan iklan khas boleh difikirkan oleh pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita melalui perjalanan dari Johor Bahru ke Mersing dan seterusnya ke Kuantan, antara R&R yang pertama yang akan dilalui adalah R&R di Simpang Tenggaroh. Di R&R inilah seseorang boleh berhenti untuk makan, sembahyang, menggunakan tandas dan juga beristirahat sementara. Walau bagaimanapun, tempat seseorang beristirahat yang sepatutnya menenangkan pemikiran selepas keletihan memandu berada dalam keadaan yang uzur dan juga kotor khususnya tandas yang selalu diguna pakai. Malah tempat sembahyang di sana pun berada dalam keadaan yang uzur dan membuatkan seseorang itu kurang selesa untuk sembahyang di situ. Tambahan pula, bilik sembahyang tersebut sekarang lebih digunakan oleh pemandu lori untuk tidur lebih-lebih lagi lori-lori yang berhenti di situ terpaksa memberhentikan kenderaan mereka di tepi jalan kerana tiada tempat khusus untuk lori. Ini membahayakan keadaan lalu lintas di sana kerana pemandu lori meletakkan kenderaan di tepi jalan dan ini menyempitkan jalan utama Johor Bahru-Mersing. Justeru itu, saya mencadangkan agar R&R di Simpang Tenggaroh dinaiktarafkan dan di selenggara dengan baik khususnya bilik sembahyang, tandas, bilik mandi dan tempat letak lori.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Balai Polis yang paling terdekat di Gugusan FELDA Tenggaroh ialah Balai Polis di Sungai Ambat. Jarak di antara kedua-dua tempat ini

adalah lebih kurang 20km dan jika dibandingkan dengan Tanjung Leman, jaraknya boleh mencecah 40km. Di simpang itu, jumlah penduduk, *sorry*, minta maaf. Di samping itu jumlah penduduk di Gugusan FELDA Tenggaroh adalah lebih kurang 15,000 orang dan di Sungai Ambat pula hanya beberapa ratus orang sahaja. Dengan keadaan yang tidak begitu ramai orang di Sungai Ambat, boleh dikatakan kakitangan di Balai Polis tersebut, bekerja dengan keadaan yang sunyi dan terbiar dan juga tidak dapat bergaul rapat dengan masyarakat kerana kekurangan penduduk. Perkara ini tidak akan berlaku jika Balai Polis tersebut berada di Gugusan FELDA Tenggaroh. Tambahan pula, jika terdapat sebarang kecemasan di Gugusan FELDA Tenggaroh, ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya 30 minit bagi pihak Polis untuk tiba di tempat kejadian kecemasan tersebut. Oleh yang demikian, ingin saya menyarankan agar Balai Polis di Sungai Ambat, dipindahkan ke Gugusan FELDA Tenggaroh untuk, ataupun sekurang-kurangnya di simpang Tenggaroh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada beberapa jabatan kerajaan di Mersing khususnya Pejabat Daerah, Majlis Daerah, JKR, JPS, JKM dan Polis yang sentiasa mendengar rintihan saya, dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi aduan-aduan yang diajukan oleh saya. Saya juga mengambil kesempatan ini pada sidang Dewan yang pertama, saya telah mengesyorkan agar gaji ADUN untuk ditingkatkan dan pada masa ini gaji ADUN telah pun ditingkatkan. (bertepuk). Masa tu saya belum kahwin tapi sekarang Dato' Speaker, saya dah kahwin dah Dato'.(dewan ketawa). Gaji dah naik, dah boleh kahwin.

YB Timbalan Speaker : Dah dapat anak?

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Belum lagi. Tunggu gaji naik lagi baru boleh (Dewan ketawa).

YB Timbalan Speaker : Kembar...

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya juga turut menyokong usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh ADUN Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Perbahasan diteruskan. Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera, salam muafakat Johor dan Salam 1Malaysia. Paloh mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, segala teguran, cadangan dan juga nasihat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan menjadi satu iktibar kepada kita semua supaya kita terus bekerja bagi memastikan limpahan pembangunan negeri Johor sentiasa berkembang dan meningkat untuk manfaat kerajaan serta rakyat jelata. Kita juga sebagai rakyat Johor lebih peka dan prihatin kepada perkembangan-perkembangan mutakhir yang berlaku dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan kepimpinannya kerana telah berjaya mentadbir Negeri Johor dengan baik dan cemerlang. Berdasarkan kepada laporan kewangan kerajaan negeri pada tahun 2014, kerajaan telah berjaya mempunyai rizab tunai sebagai RM2.3 bilion berbanding hanya RM1.7 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi yang baik ini mestilah dikekalkan kerana dengan kedudukan kewangan yang kukuh, barulah kerajaan berupaya untuk melaksanakan program pembangunan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri kerana telah menaikkan elaun Ahli-Ahli Dewan Negeri mulai 1 Januari 2015.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 26 April, 2015 di dalam satu majlis Santapan DiRaja bersama masyarakat Tionghoa sempena Kemahkotaan Yang Mulia Sultan Johor, Tuanku telah mengumumkan penubuhan satu dana untuk membantu golongan masyarakat Tionghoa yang kurang bernasib baik seperti anak yatim, ibu tunggal, pesakit kronik dan warga emas. Dana ini dinamakan sebagai Yayasan Sultanah Fatimah untuk memperingati Almarhumah Sultanah Fatimah, isteri kepada Almarhum Sultan Abu Bakar yang berketurunan Tionghoa. Duli Yang Maha Mulia Tuanku menderma RM1 juta untuk dana tersebut. Kerabat DiRaja termasuk Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor serta putera-putera juga memberikan derma.

Ini menunjukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah seorang pemerintah yang berjiwa rakyat. Baginda begitu prihatin terhadap anak buah. Untuk menyahut kepada pengumuman Tuanku, kerajaan negeri Johor, pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dengan izin dan syarikat-syarikat korporat yang hadir turut menghulurkan derma. Dalam masa 2 jam, derma yang dikutip telah mencecah RM2.68 juta. Ini menunjukkan bahawa negeri Johor ada ramai dermawan yang bermurah hati dan sentiasa bersedia untuk menolong yang kurang bernasib baik. Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendak semua rakyat bersatu padu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan negeri Johor terus maju membangun sehingga menjadi contoh dan disegani oleh negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh ingin membawa isu pembinaan Sekolah Agama Bandar Paloh 2. Sekolah ini tiada bangunan sendiri. Murid-muridnya menumpang di Sekolah Kebangsaan Bandar Paloh 2 sejak tahun 2002. Pada masa ini, Sekolah Agama Bandar Paloh 2 mempunyai murid seramai 100 orang. Pada tahun 2002, sekolah ini telah memohon tanah untuk pembinaan Sekolah Agama Bandar Paloh 2 di lot PTD 4046 seluas 2.2 ekar di Taman Kota Paloh. Tapak untuk pembinaan Sekolah Agama Bandar Paloh 2 di lot tersebut, telah diluluskan pada 19 April 2006. Ibu bapa, guru dan murid Sekolah Agama Bandar Paloh 2 sekalian penuh dengan harapan bahawa mereka akan dapat mengguna sendiri dalam masa yang terdekat. Malangnya, hingga hari ini pembinaan sekolah masih tidak kelihatan. Walau bagaimanapun, mereka masih berharapan penuh bahawa pembinaan Sekolah Agama Bandar Paloh 2 dapat direalisasikan dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan Sekolah Agama Bukit Paloh juga menghadapi masalah. Walaupun kerja-kerja pembinaan telah bermula 2 tahun yang lepas, tetapi hingga hari ini projek ini masih belum dibina, masih belum siap dibina. Ini telah merugikan semua pihak terutamanya murid-murid dan mereka terpaksa menumpang lagi di Sekolah Kebangsaan Bukit Paloh sehingga bangunan baru Sekolah Agama Bukit Paloh siap dibina. Harap Majlis Agama Islam Johor mengambil berat dan pantau projek ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 26 Februari 2015, seramai 94 orang penduduk di Kampung Chamek DUN Paloh telah menerima Borang 5A untuk hak milik lot rumah kediaman yang sudah lama mereka mohon. Ada yang sudah melebihi 30 tahun menunggu. Mereka berasa gembira kerana permohonan mereka akhirnya telah diluluskan oleh kerajaan negeri. Tetapi pada masa yang sama, ada yang berasa keberatan kerana premium yang mereka kena bayar adalah sangat tinggi. Amaunnya adalah dari beberapa ribu ringgit hingga ke hampir RM30,000.00. Oleh kerana kebanyakan mereka adalah petani yang berpendapatan rendah dan ada juga yang sudah bersara, maka mereka ingin merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar premium tersebut dapat dikurangkan, dan tempoh bayaran juga dapat dilambatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Menengah Seri Kota di Paloh adalah sebuah sekolah menengah baru yang dibina pada tahun 2010. Bangunan sekolah adalah jauh dari pintu *gate* besar, itu lebih kurang 2 hingga 300 meter. Dari bangunan sekolah ke pintu *gate* besar, tidak ada susur gajah. Maka, pada waktu balik bila panas terik, pelajar kena berjemur dan bila hujan mereka basah kuyup. Pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, sangat-sangat berharap agar satu susur gajah dapat dibina dari bangunan sekolah hingga ke pintu *gate*, untuk bermanfaat kepada semua warga semua warga sekolah terutamanya para pelajar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara seterusnya Paloh ingin sampaikan adalah berkaitan dengan pembinaan sebatang jalan baru dari Paloh ke Bekok. Lebih kurang 20km bagi tujuan memendekkan perjalanan serta mendekatkan penduduk di Paloh dan Bekok. Perkara ini telah pernah saya bawa dalam Dewan Yang Mulia ini pada Persidangan Penggal yang lalu. Dengan terbinanya jalan baru ini adalah diharapkan ianya akan merancakkan sosial ekonomi kedua-dua tempat ini dan menolong mengembangkan industri pelancongan Bekok yang satu masa terdekat dengan Air Terjun, sudah tentu dapat menarik minat pelancong. Pada tahun 70 dan 80an, Air Terjun Bekok menjadi satu pilihan pemuda-pemudi pergi mandi-manda dan berkelah pada hujung minggu dan cuti sekolah. Sekiranya infrastruktur asas seperti jalan, bilik mandi dan tempat rehat yang sempurna dapat dinaikkan taraf, sudah tentu ia akan menjadikan satu destinasi pelancongan. Kampung-kampung Orang Asli juga merupakan satu tarikan pelancongan jika pemimpin-pemimpin masyarakat dan penduduk-penduduk tempatan dapat bekerjasama dan mempromosikan kedua-dua kekuatan ini, saya percaya Bekok yang selama ini dianggap sebagai Pekan Orang Tua akan hidup semula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh membuat promosi untuk Bekok sebab apabila jalan baru dari Paloh ke Bekok siap dibina, orang dari Kluang hendak ke Bekok boleh singgah di Paloh. Dan orang Bekok hendak ke Kluang, juga boleh singgah di Paloh. Jadi, ini Paloh juga ada satu destinasi pelancongan yang terkenal iaitu *Garden Café*, yang menghidangkan sejenis kopi unggul yang dinamakan Kopi Musang dengan harga RM68.00 secawan. Ini adalah...

YB Timbalan Speaker : Kena GST ke apa? Kena GST.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Tak kena. Ini adalah satu keadaan *win win situation*, dengan izin. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hujung minggu atau hari cuti awam, ramai pelancong mengunjungi *Garden Café.* Mereka datang dari jauh, seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Singapura.

YB Timbalan Speaker : Apa khasiat dia tu?

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Istimewa.

YB Timbalan Speaker : Apa istimewa dia?

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Belum cuba belum tahu, Dato'. Kalau sudah cuba, ingin lagi. Pelancong dari German dan Negeri Cina pun pernah mengunjungi *Garden Café* dan bermalam di sini sebab *Garden Café* juga menyediakan *homestay*. Dengan ini, saya menyokong usul yang di bawa oleh Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Perbahasan disambung. Dijemput, Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabakatuh. Salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Yang berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana Senggarang diberi peluang untuk menjunjung Kasih Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan mengambil bahagian dalam perbahasan di Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak mutakhir ini berbagai isu melanda negara tetapi yang kerap ditekankan berpaksikan persepsi yang negatif. GST bukan satu yang terasing mahupun baru dalam sistem pencukaian ekonomi dunia demi mendapatkan hasil kerajaan. Sudah tentu sebelum melaksanakannya kerajaan telah membuat kajian yang rapi, dengan andaian *variables* yang berbagai apatah lagi sebahagian daripada 162 negara yang telah mengenakan GST dijadikan contoh menilai kejayaan dan kekurangan semasa pelaksanaannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, meskipun begitu penerangan yang diberikan sebelum pelaksanaan GST ada kalanya lebih menimbulkan kekeliruan. Kini ianya menjadi kenyataan, pelaksanaan GST jika tanpa penilaian yang kukuh telah menimbulkan permasalahan yang mengundangkan kemarahan rakyat. Tanpa ketelitian dalam merangka pelaksanaan GST, pelbagai kelemahan telah berlaku sejak ia dilaksanakan pada 1 April yang lalu. Ini termasuklah:

1. Caj perkhidmatan di restoran dan hotel masih dikenakan walhal dicanangkan sebelum ini ianya akan dimansuhkan apabila GST dilaksanakan.

2. Peniaga yang mengambil kesempatan dalam kecelaruan GST dengan mengambil untung yang berlebihan, menaikkan harga barang dengan *profit margin* yang tinggi.

3. Keadaan yang tidak menentu sama ada kad prabayar patut dikenakan GST ataupun sebaliknya.

Oleh yang demikian, Senggarang mencadangkan agar:

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan terus memantau dan mengambil tindakan terhadap para peniaga yang tamak dan yang tidak mengutip GST seperti yang diwajibkan.

2. Risalah seperti senarai barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST perlu terus disebarkan untuk makluman orang ramai.

3. Jumlah hasil kutipan yang dikenakan GST perlu dinyatakan amaun dan kegunaannya dan dikembalikan sebahagian besarnya untuk pembangunan dan kebajikan rakyat.

4. Senggarang menyokong penuh Titah Baginda Sultan agar kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan di Johor tidak mengenakan GST terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang juga ingin menjunjung kasih keprihatinan Baginda Sultan kerana inginkan Johor dalam keadaan yang sentiasa bersih. Sehubungan dengan itu, Senggarang ingin mengucapkan syabas dan tahniah jua kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah melancarkan Program Bersih Dan Lestari Johor. Kebersihan yang ditekankan bukan setakat dihubungkaitkan dengan kesihatan tetapi ianya perlu dikaitkan juga dengan keselamatan. Ini termasuklah perkara-perkara berikut:

1. Pihak berkuasa perlulah memastikan taburan simen yang dibawa oleh lori konkrit di jalan raya dibersihkan dalam kadar yang segera sebelum ia mengeras dan dibiarkan sahaja tanpa dibersihkan. Malah di dalam kawasan Batu Pahat, fenomena tumpahan simen yang sudah menjadi konkrit masih lagi boleh dilihat di jalan-jalan utama dan jalan-jalan rangkaian termasuk di taman-taman perumahan. Sehinggakan jalan-jalan yang baru diturap tidak terlepas dari masalah ini. Senggarang sarankan agar pihak-pihak berkuasa seperti PBT, JKR dan syarikat selia selenggara perlu sentiasa peka dengan gejala ini.

2. Selain itu, rumah-rumah atau kuarters lama yang ditinggalkan serta bangunan-bangunan yang terbengkalai perlu dibersihkan kawasan persekitarannya daripada pokok-pokok yang menjalar mahupun menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes dan binatang berbisa, di samping menjadi tempat lepak para penagih dadah. Ini tidak terkecuali di Batu Pahat malah di daerah-daerah lain pun mengalami perkara yang sama.

3. Di jalan-jalan utama, penyelenggaraan dan pembersihan parit perlu dilakukan secara bijaksana. Perkara ini sering Senggarang timbulkan jua di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah agar tanah atau pasir yang telah digali dari parit-parit yang cetek umpamanya seperti di jalan persekutuan iaitu di Jalan Tanjung Labuh, Batu Pahat perlu diangkat ke tempat lain dan bukan hanya dibiarkan di pinggir parit sama ada yang landai mahupun yang curam kerana apabila

hujan, tanah atau pasir tersebut akan turun semula ke parit, selain mencacatkan pemandangan apabila tanah dan pasir berkenaan dibiarkan begitu sahaja. Namun tiada tindakan pun dibuat. Tanggungjawab ini perlu diambil tindakan oleh pihak selia selenggara dengan dipantau oleh pihak JKR.

4. Pengaliran minyak hitam kenderaan ke parit-parit khususnya oleh premis-premis yang menyelenggara dan membaik pulih kenderaan turut menimbulkan pencemaran parit tersebut yang kadang kala menghasilkan bau busuk manakala kaki lima jalan di premis tersebut selain licin ianya menjadi hitam akibat dibiarkan sahaja tanpa pembersihan yang rapi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketika ini rakyat beranggapan bahawa ADUN mereka kini telah tiga tahun bertugas sebagai wakil rakyat. Sebenarnya hanya baru dua tahun sejak PRU 13 pada bulan Mei 2013. Namun yang demikian, harapan rakyat amat tinggi khasnya di kawasan Senggarang kerana kemajuan di DUN-DUN lain yang berhampiran amat ketara dijadikan asas perbandingan. Kawasan DUN Senggarang meliputi kawasan yang di diami oleh mereka yang berpendapatan tinggi seperti di kawasan Evergreen Heights sehingga mereka yang berpendapatan rendah sama ada petani ataupun menjadi nelayan. Ini selain daripada golongan menengah yang bekerja sebagai pegawai kerajaan, guru-guru ataupun para profesional di kilang-kilang. Anak-anak muda khasnya inginkan kemajuan seolah-olah menyamai Bandar Penggaram, iaitu salah satu bandar terbesar di Johor ataupun seperti di Parit Raja yang mempunyai kawasan perindustrian yang telah lama dibangunkan terutamanya di kawasan perindustrian Parit Raja dan kawasan perindustrian Seri Gading. Tidak ketinggalan Parit Raja juga amat beruntung kerana mempunyai sebuah kampus iaitu UTHM di situ.

Kawasan Rengit pula disebut-sebut sebagai contoh terdekat di Senggarang kerana perubahan infrastrukturnya semakin mendapat perhatian khasnya dari aspek landskap dan infrastruktur lain. Tumpuan Senggarang kini lebih kepada pembangunan infrastruktur asas seperti memastikan jalan-jalan kampung diturap dan di dalam kondisi yang memuaskan serta selamat untuk penduduk kampung. Parit-parit perlu kerap diselenggarakan dan lampu-lampu jalan kampung ditambah. Semua ini bergantung kepada keprihatinan jabatan dan agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah, Infra Desa, JPS dan agensi-agensi lainnya di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Walaupun, mereka telah membantu sebaik mungkin tetapi Senggarang percaya masih ada ruang untuk jabatan-jabatan dan agensi-agensi tersebut berperanan secara lebih efektif dan proaktif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam jangka masa setengah tahun lagi genaplah dua tahun setengah kerajaan Barisan Nasional memerintah negara dan negeri Johor Darul Takzim. Maknanya, kita hanya ada dua setengah, kita ada hanya setengah tahun lagi untuk genap dua setengah tahun pemerintahan kerajaan. Makna kita ada dua setengah tahun lagi untuk menghadapi PRU yang ke-14. Maka, Senggarang mohon kerajaan negeri dan kerajaan pusat menunaikan janji-janji yang telah dibuat khasnya di PRU yang lepas supaya kita tidak tergesa-gesa melunaskan janji menjelang PRU ke-14 kelak mahupun isu-isu yang kerap, minta maaf dia suruh saya *pronounce* isu-isu bukan *issue-issue*. Isu-isu yang kerap dibangkitkan oleh rakyat setempat, ini termasuklah:

1. Pembangunan semula sistem perparitan yang sistematik dan berkesan bagi mengelakkan berlakunya banjir di kawasan lembah di Sungai Suluh seperti mana yang telah dijanjikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Keperluan projek keseluruhannya adalah sebanyak RM12.6 juta termasuk pengambilan

balik tanah sebanyak RM4 juta. Difahamkan tahun ini, kerja ukur dan penyediaan pelan PBT akan dijalankan dan peruntukan kerja ukur akan datang dari kerajaan negeri.

2. Selain itu, pihak kerajaan negeri melalui JPS perlu memastikan kawasan-kawasan yang mudah dilanda banjir seperit kawasan Sungai Ayam, Kores dan Parit Botak tidak terus menerus menghadapi gejala ini.

3. JPS perlu serius membendung hakisan pantai yang masih berlaku di sepanjang kawasan Senggarang antara Minyak Beku dan Parit Botak. Tambatan benteng seperti di Tanjung Labuh boleh diguna pakai di kawasan-kawasan tersebut.

4. Jalan Tanjung Labuh ke Pontian merupakan jalan di bawah kelolaan JKR Pusat. Oleh yang demikian, rakyat berharap jalan tersebut dapat dilimpahi dengan lampu jalan daripada Kawasan Perindustrian Wawasan sehingga ke Pekan Senggarang, khususnya di kawasan-kawasan yang berbukit bukau dan berselekoh. Manakala jalan-jalan di bawah seliaan JKR Negeri pun perlu ditambah dengan lampu jalan khasnya Parit Karjo, Parit Botak dan Parit Hamid.

5. Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat perlu lebih prihatin dalam membangunkan landskap di Pekan Senggarang dan sepanjang Jalan Tanjung Labuh tanpa perlu menunggu Rancangan Pembangunan Tempatan dimulakan. Selain itu, Senggarang menghargai bantuan daripada pihak Jabatan Landskap Negeri Johor dan berharap terus mendapat bantuan dalam menceriakan Senggarang.

6. Pihak MAIJ perlu pula diharap dapat meneruskan pembinaan sekolah agama yang terbengkalai pembinaannya iaitu Sekolah Agama Banang di Sungai Ayam. Manakala sebuah sekolah agama yang tapaknya telah sedia ada tetapi belum dibina lagi iaitu Sekolah Agama Minyak Beku. Seterusnya, Senggarang juga mengharapkan supaya ladang babi di Sungai Suluh Tanjung Labuh Banang Jaya dan Minyak Beku dapat dipindahkan kerana pencemaran baunya masih dapat dirasai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut undang-undang yang tertakluk di bawah Enakmen Pemeliharaan Babi Dan Kaedah-kaedah Melesen 1977, kandang babi tidak boleh didirikan dalam kawasan dua rantai, hanya dua rantai daripada kawasan rumah kediaman atau kawasan bangunan untuk kegunaan orang Islam atau di sebarang tempat yang dianggapkan boleh menyebabkan kekotoran kepada perigi, sungai, parit dan sebarang punca air.

Justeru itu Senggarang sarankan agar akta ini perlu dipinda kerana ia sudah tidak bersesuaian, lagi dengan keadaan semasa. Jarak dua rantai atau 40 meter bersamaan dengan 132 kaki adalah amat tidak munasabah. Seterusnya Senggarang mengesyorkan supaya pihak MAIJ dapat memagar kawasan-kawasan wakaf sama ada kawasan masjid, surau, mahupun perkuburan agar tidak didatangi binatang-binatang liar seperti babi hutan dan anjing liar. Pekan Senggarang juga perlukan masjid baru bagi keselesaan qariahnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang pun seorang pendeposit di Lembaga Tabung Haji, Senggarang percaya jika tanah yang dibeli oleh Lembaga Tabung Haji adalah bukan milik 1MDB sudah pasti ianya bukan menjadi satu isu. Apa pun, tanah-tanah di kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur memang amat tinggi harganya untuk dibeli walau dalam keluasan yang kecil sekalipun. Malang sekali lah, dah jadi polemik kita terpaksa *for go* tanah itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali Senggarang ingin memetik titah Baginda Sultan di perenggan 9 iaitu *quote* "adalah amat sukar untuk memenuhi semua tuntutan yang disuarakan oleh setiap rakyat tetapi di Dewan ini lah kehendak rakyat tersebut harus dibahaskan dalam suasana yang harmoni dan segala keputusan yang telah dicapai secara majoriti hendaklah diterima dan dihormati". Maka Senggarang amat menyokong titah tersebut dan percaya pihak pembangkang pun akur dengan titah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, Senggarang menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Saya sudahi dengan Wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Jemput Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Auzubillahiminasyaitonirrojim, Bismillahirrohmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Tenang merakamkan ucapan terima kasih kerana turut diberi peluang dan ruang untuk menyertai perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi bagi Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-13 baru-baru ini.

Bagi pihak rakyat di Dewan Undangan Tenang, saya merafak sembah ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di atas pemasyhuran dan pemahkotaan baginda pada 23 Mac 2015 yang lepas. Dengan rendah diri juga, rakyat DUN Tenang mendoakan agar tuanku baginda sentiasa beroleh kemuliaan dan rahmat daripada Allah, dipanjangkan usia, dan memudahkan tadbir negeri yang dicintai ini. Bagi pihak rakyat di DUN Tenang berjanji akan sentiasa mengekalkan keharmonian dan memperkukuhkan perpaduan demi kelangsungan, keharmonian negeri sejak dahulu lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemakmuran dan keharmonian negeri Johor yang didasari melalui toleransi antara kaum negeri Johor yang boleh dikatakan memiliki ikatan antara kaum terbesar di Malaysia serta menjadi pintu masuk pada rakyat dari negara jiran, berjaya mencipta keharmoniannya sejak berzaman. *Indicator* inilah yang menjadi pemangkin pada perkembangan negeri yang lebih makmur pada masa akan datang, bahkan didasari dengan pentadbiran yang cekap, pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, tidak mustahil negeri Johor mampu menjadi *The New Economic Power House* dengan izin, bagi Malaysia, malah ia merupakan impian Duli Yang Maha Mulia Baginda untuk melihat Johor bukan sekadar menjadi transit negara jiran bahkan sebagai hab ekonomi utama negara. Negeri yang suatu masa nanti menjadi tunggak utama dan perancang kepada pembangunan dan keharmonian negara.

Apa yang dimaksudkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bukan sekadar impian, tapi hari ini kita dihidangkan dengan pembangunan ekonomi Johor yang pesat dan membiak di setiap inci tanah di negeri ini. Di mana-mana sahaja kita dapat lihat tanah Johor telah dibangunkan bukan sahaja suatu yang disifatkan sebagai pembangunan ekonomi bahkan pembangunan insaniah melalui pembinaan rumah-rumah dan pembangunan taman perumahan untuk memenuhi keperluan anak-anak Johor. Sama ada kita yakin atau tidak, kemakmuran negeri Johor hari ini didasari dengan ikatan perpaduan dan toleransi antara pemimpin dengan rakyat serta rakyat sesama rakyat iaitu bangsa Johor. Seharusnya kita meyakini bahawa tanpa ikatan perpaduan dan toleransi ini, kemakmuran negeri

terlalu sukar untuk digapai. Justeru itu sebagai rakyat yang bertanggungjawab dan mempunyai jati diri yang kukuh perpaduan dan toleransi ini sewajarnya dipertahankan dan diperkukuhkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kesempatan ini juga Tenang merakamkan ucapan penghargaan kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya melakar kestabilan ekonomi negeri. Saya mengambil imlak Laporan Kewangan Kerajaan Negeri pada Tahun 2014 yang menunjukkan peningkatan rizab tunai sebanyak RM2.3 bilion berbanding RM1.7 bilion tahun sebelumnya. Bahkan kemampuan kerajaan negeri dalam mengurus tadbir ekonomi negeri hingga berjaya membawa keluar negeri Johor dalam beban hutang. Justeru itu, kita harus meyakini bahawa kemakmuran negeri bermula daripada kemakmuran ekonomi dan perpaduan rakyat. Oleh itu kita tidak perlu dibelenggu dengan isu-isu remeh sampai saat dan masanya kita melihat kepentingan rakyat dalam negeri melebihi kepentingan segala-galanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengambil imlak apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan berkaitan perlunya Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor dipinda, Baginda bertitah bahawa Rang Undang-undang yang digazetkan pada 14 Jun 2014 yang lalu merupakan desakan orang luar dan cetek akal. Kelompok yang diklasifikasikan sebagai orang yang tidak faham tentang kuasa Sultan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor, Baginda Tuanku memberi maklum balas bahawa rang undang-undang tersebut tidak selari dan bercanggah dengan enakmen lain yang sebelum ini telah termaktub, contohnya Perbadanan Johor 1968, mengambil maklum balas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda, Tenang mencadangkan agar rang undang-undang tersebut wajar diperhalusi dan didalami dengan mengambil kira denyut nadi orang-orang Johor, bahkan penilaian tersebut amat wajar agar rang undang-undang yang disepakati tidak bertindih dan tidak bercanggah dengan Rang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang menyambut baik Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini. Kita perlu memahami bahawa akta ini bertujuan untuk mengekang aktiviti militan secara berkesan. Akta ini digubal selaras dengan isu semasa hari ini berkaitan aktiviti keganasan dan militan. Mengambil impak aktiviti militan seperti *Islamic State* dengan izin, yang berpangkalan di Timur Tengah. Kerajaan melihat bahawa wujud aktiviti menyokong dan mendukung perjuangan IS yang jelas sekali bertentangan dengan kehendak agama dan undang-undang dunia moden hari ini. Bahkan kerajaan berjaya mengesan terdapat rakyat negara ini yang turut serta menyokong dan turut menyertai perjuangan IS. Kerajaan tidak mahu fahaman ekstremis dan keterlaluan ini mengganggu gugat kestabilan dan keharmonian negara.

Justeru itu, Menteri Dalam Negeri dengan jelas mengatakan kuota ini tidak harus dibandingkan dengan Akta Pencegahan Jenayah 1959. Ini disebabkan POTA lebih bersifat pencegahan daripada tindakan perundangan. Ertinya POTA digubal untuk mengekang pengaruh fahaman dan aktiviti militan dan keganasan sebelum aktiviti ini menular dalam negara kita. Situasi ini bukan sekadar andaian sahaja kerana pihak berkuasa berjaya mengekang aktiviti keganasan dengan penahanan beberapa individu yang disyaki menjadi dalang serangan, bahkan kejayaan pasukan keselamatan berjaya menahan beberapa individu bersama bahan letupan di kawasan Gunung Nuang Selangor memberi gambaran bahawa isu militan dan keganasan-keganasan ini bukan sekadar retorik kerana situasinya sama kerajaan berjaya mengesan gerakan yang didalangi oleh rakyat negara ini dan

rakyat luar negara dalam aktiviti mengumpul dana, membentuk sokongan dan latihan kepada pejuang IS dari negara kita. Bahkan penahanan seorang remaja baru-baru ini yang berhajat keluar negara untuk member sokongan kepada aktiviti militan tidak boleh kita anggap sebagai kes terpencil. Secara sedar atau tidak kita harus melihat kedudukan negara kita yang dikatakan sebagai tempat melatih pengganas dan negara transit pengganas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seharusnya isu keselamatan ini tidak boleh di kompromi, justeru itu kepentingan POTA dan Akta Hasutan seharusnya disebar seluasnya kepada masyarakat supaya masyarakat mendapat maklumat yang betul dan sahih. Kita tidak mahu timbul terlalu banyak persepsi liar berkaitan kedua-dua akta yang dinyatakan tadi. Perlu diadakan satu kaedah penyampai maklumat atau jalan tuntas agar benar-benar faham tentang peranan dan bidang kuasa akta yang dinyatakan tadi bahkan yang terlebih utama kita tak mahu melihat kepentingan akta ini dimanipulasikan oleh setengah pihak yang lebih mementingkan kuasa politik daripada melihat nilai keselamatan negara. Kelompok ini memberi tanggapan salah dan mencerminkan bahawa kedua-dua akta tersebut sebagai undang-undang rimba dan penyalahgunaan kuasa pihak kerajaan dalam mengekang aktiviti politik demokrasi yang sihat. Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Timbalan Speaker : Tenang, sila duduk. Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini ke jam 4:00 petang.

Persidangan di tangguhkan pada jam 3:45 petang.

Persidangan di sambung semula pada jam 4:00 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita sambung semula. Jemput, Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini juga negara kita seolah-olah berada dalam kecelaruan. Semuanya ekoran kekeliruan dalam unsur manipulasi sesetengah pihak dalam sistem percukaian *Good and Services Tax*, dengan izin GST. Saya ingin menyentuh sedikit tentang kedudukan GST dan sistem ekonomi negara di dunia. Secara ringkas, GST ini telah diamalkan oleh lebih 160 negara di dunia, sudah tentu di negara tersebut telah mengamalkan sistem ini lebih awal dari negara kita. Bahkan negara jiran kita telah lebih dahulu mengenakan GST sebagai satu mekanisme pungutan cukai di negara mereka. Persoalannya, apabila sistem ini diperkenalkan di negara kita, timbul terlalu banyak persepsi. Seharusnya kita melihat kepentingan sistem ini terhadap perkembangan negara yang mengamalkannya. Kita boleh mengambil contoh negara jiran dan di antara negara pengamalnya untuk melihat keberkesanannya. Secara peribadi, Tenang melihat wujudnya kekeliruan ini adalah disebabkan:

i. Maklumat yang sepatutnya tidak sampai kepada akar umbi,

ii. Wujudnya manipulasi setengah pihak dengan lagu, persepsi salah menyebabkan kekeliruan ini semakin membarah.

Justeru itu, selain penerangan yang berterusan sesuatu yang dilihat sebagai faktor mencegah kekeliruan ini adalah melalui penguatkuasaan undang-undang. Apa yang Tenang maksudkan sebagai penguatkuasaan undang-undang adalah :-

i. Peranan pihak berkuasa iaitu Kastam dan KPDNKK sendiri, seharusnya mengambil langkah drastik melalui peruntukan undang-undang secara keras terhadap peniaga dan peruncit yang memanipulasikan undang-undang GST ini. Saya percaya dan penuh yakin melalui kuat kuasa undang-undang ini sebagai faktor mencegah, memberi amaran kepada peniaga dan peruncit daripada mengambil kesempatan terhadap kekusutan ini.

ii. Melalui Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) yang bertindak keras terhadap spekulasi salah berkaitan GST ini melalui media maya untuk mengetahui kekuatan dan keberkesanan media maya ini memberi impak besar terhadap kefahaman rakyat. Apa yang ingin kita tonjolkan adalah bukanlah hukuman membebankan tapi yang lebih utama adalah menguatkan nilai tanggungjawab pengamal media maya terhadap persepsi atau hasil tulisan mereka. Suka saya mengulang tentang apa yang dikatakan sebagai peranan dan keberkesanan undang-undang sebagai faktor mencegah dalam menangani isu GST ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dalam Dewan yang mulia ini merupakan pemimpin yang dipilih oleh rakyat di bawah bertepatan dengan nilai demokrasi *Government of People by People for People* dengan izin, memberi justifikasi kepada kita perlu menjadi medan kepada suara rakyat yang mempercayai kita. Dalam masa yang sama, kita menjadi ikon dan idola mereka. Justeru itu, sama ada suka atau tidak kita perlu menunjukkan satu contoh tauladan yang baik. Sifat menghormati dan merendah diri di hadapan tonggak negara dan negeri menjadi perhatian umum. Namun sekiranya kita tidak menunjukkan sikap menghormati tonggak negara dan negeri, di manakah kedudukan kita sebagai rakyat negara dan negeri ini?

Baru-baru ini, kita dipamerkan dengan sikap setengah-setengah Ahli Dewan Undangan Negeri di Perak sewaktu Pembukaan Rasmi Mesyuarat DUN. Mereka tidak menghormati Dewan dan sudah tentunya Duli Yang Maha Mulia Sultan, apabila tidak mengenakan pakaian istiadat bahkan mereka dengan bersahaja mengenakan pakaian berwarna hitam kononnya satu tindakan protes mereka terhadap hukuman Mahkamah yang dijatuhkan kepada seorang individu. Situasi ini memberi beberapa justifikasi, iaitu :-

i. Sikap mereka yang jelas tidak menghormati Dewan dan Duli Yang Maha Mulia Sultan,
ii. Mengenakan pakaian yang berwarna hitam yang membawa signifikan dalam erti berkabung,
iii. Situasi ini memberi makna bahawa kepentingan individu melebihi kepentingan negeri dan Sultan,
iv. Memberi gambaran bahawa Ahli Dewan yang dipilih rakyat wajar memiliki kefahaman tentang undang-undang dan Perlembagaan Negara. Mereka seharusnya sedar, bidang Kehakiman dan bidang kuasa Eksekutif adalah dua bidang kuasa yang berbeza. Apa yang diputuskan oleh Mahkamah adalah satu yang bersifat bebas.
v. Mungkin mereka sedar bahawa tingkah laku mereka menjadi perhatian rakyat yang memilih mereka saat masyarakat memandang sinis tingkah laku mereka sudah tentu boleh menjadi bahan gurauan dan ejekan masyarakat.

Sama ada kita sedar atau tidak, sebagai seorang rakyat sebuah negara yang berdaulat kita tertakluk kepada dasar perlembagaan dan undang-undang sama ada kita suka atau tidak kita diikat untuk mematuhi dasar tersebut kerana

pematuhan dasar tersebut menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Sebarang cubaan untuk melanggar dasar tersebut menjadikan keharmonian dan kestabilan negara tercemar. Apatah lagi, melibatkan golongan yang dipercayai dan diberi mandat untuk mempertahankan dan membina dasar untuk keharmonian rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membawa beberapa perkara berkaitan isu dalam DUN Tenang. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan rakyat DUN Tenang terhadap keprihatinan kerajaan negeri dan pihak bertanggungjawab menaik taraf dan melebarkan jalan raya dari bandar Labis hingga ke Kampung Tenang adalah satu usaha yang memberi impak besar terhadap rakyat dan pengguna jalan raya tersebut. Sewajarnya jalan raya yang menghubungkan bandar Labis ke Kampung Tenang merupakan laluan utama kepada masyarakat di beberapa buah kampung. Penduduk FELDA Tenang dan rakyat sekitarnya, jalan penghubung yang sentiasa sibuk dengan pengguna dan membantu meningkatkan taraf ekonomi dan keselamatan penduduk.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian tentang SPNB, Syarikat Perumahan Negara Berhad, berkaitan pembinaan Rumah Mampu Milik di kawasan Labis. Untuk pengetahuan Sidang yang dimuliakan, pihak SPNB telah menjalankan satu Majlis Pecah Tanah yang turut dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dan juga pemimpin tempatan dan rakyat setempat. Kawasan telah tersedia untuk projek kesejahteraan rakyat ini masih kosong tanpa sebarang aktiviti pembangunan, bahkan saya dihujani dengan berbagai persoalan, tahap pembinaan dan masa perumahan tersebut, bila boleh dilaksanakan? Dan juga sejauh mana gerak kerja dan perlaksanaan projek perumahan tersebut? Dan yang lebih utama, kita tidak mahu dilihat gah pada cerita, tetapi kosong pada hasilnya.

Justeru itu, Tenang mencadangkan perlu ada satu mekanisme yang melibatkan pemimpin tempatan dalam menentukan hala tuju dan keberkesanan projek tersebut. Secara langsung projek tersebut menjadi buah mulut masyarakat di Labis dan umumnya kerana kepesatan penduduk menjadikan permintaan terhadap rumah mampu milik menjadi keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ruang yang ada ini juga saya ingin menarik perhatian sidang Dewan yang mulia ini berkaitan satu isu yang sentiasa saya bawa dalam ucapan saya, iaitu tentang menaik taraf dan pemulihan kuarters Kesihatan yang terbiar. Saya melihat isu ini sebagai satu isu utama kerana kuarters berkenaan sudah lama dibiarkan hingga memberi perspektif negatif kepada masyarakat. Sudah tentu bangunan yang terbiar, mendorong wujudnya masalah lain seperti kehadiran haiwan liar yang berbisa yang menghuni bangunan tersebut selain kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral. Bahkan menjadikan gejala sosial seperti dadah dan juga sebagainya.

Yang keduanya, kita bangunkan kawasan terbiar ini lebih berfaedah, saya mencadangkan bangunan kuarters Kesihatan yang terbiar ini dijadikan satu tempat riadah dan mengharapkan agar pihak berkenaan dapat membawa dan menyuarakan pandangan ini supaya dapat membaik pulih kuarters tersebut ataupun menaik taraf.

Seterusnya dari segi Kompleks Belia dan Sukan yang sudah tentu menjadi impian anak muda dalam kawasan DUN Tenang ini dapat direalisasikan. Pembangunan belia yang lebih tersusun dan pengaturan aktiviti belia yang berfokus membantu perkembangan belia, sudah tentu saya menyuarakan pendapat dan pandangan

ini kerana dalam DUN Tenang masih belum terdapat sebuah bangunan yang boleh di isytihar sebagai pusat tumpuan belia untuk beraktiviti dan berpersatuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu juga saya ingin menarik perhatian pihak berkenaan berkaitan tapak lama Masjid Jamek Labis. Umum mengetahui bahawa Masjid Jamek Labis yang baru telah dibina dan siap pada 2011, tapi masjid lama telah pun kita mengambil inisiatif untuk dirobohkan baru-baru ini, dan apakah perancangan Jabatan Agama Islam Johor tentang usaha-usaha untuk membangunkan bekas tapak tersebut dalam erti kata tapak yang telah kosong wajar dibangunkan untuk kepentingan masyarakat setempat. Justeru itu, saya ingin menarik perhatian kepada pihak Jabatan Agama Johor untuk menilai dan membuat perancangan untuk membangunkan tapak bekas masjid lama itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berikutnya yang hendak diketengahkan adalah cadangan membangunkan Gunung Tenang yang merupakan sempadan negeri Johor dan negeri Pahang yang mempunyai nilai dalam aspek keindahan alam dan sejarahnya. Sebelum ini saya mencadangkan menaik taraf kawasan Takar Melur, Kampung Tenang dan Kolam Air Panas sebagai hab ekopelancongan. Gunung Tenang yang menjadi mercu kepada ketiga-tiga kawasan tersebut, saya nyatakan tadi menjanjikan nilai tersendiri dari aspek keindahan semula jadi. Sejak dahulu lagi gunung tersebut sering dikunjungi oleh penggemar aktiviti lasak dan difahamkan bahawa gunung tersebut sering dikunjungi untuk aktiviti *jungle tracking*, dengan izin, penggemar kenderaan pacuan empat roda dan juga pencinta flora dan fauna. Justeru itu, bagi melengkapkan ekopelancongan dalam kawasan Gunung Tenang boleh dimasukkan sebagai pakej untuk menawarkan keistimewaan tersendiri.

Dan juga saya ingin mengesyorkan iaitu di kawasan Pusat Rekreasi Kolam Air Panas yang sedia ada ini hendaklah di naik taraf ataupun dimajukan kerana yang sedia ada sekarang, walaupun masih digunakan menarik perhatian daripada pelancong-pelancong tempatan dan luar tetapi perlu satu kaedah kita untuk menaikkan taraf di kawasan Pusat Rekreasi Kolam Air Panas kerana tempat yang sedia ada ini saya rasa tidak cukup dan agak sempit apabila dah beramai-ramai terjun dalam tu, di kawasan air panas itu dah menjadi, dah macam tak sesuai pulak lah. Jadi saya cadangkan diwujudkan tempat-tempat yang baru agar menambah keselesaan kepada pengunjung-pengunjung di kawasan tersebut.

Jadi, sikit lagi, beberapa perkara di sini dari segi PGBF, Perumahan Generasi Baru FELDA yang baru-baru ini telah pun diumumkan dalam Projek Perlaksanaan PGBF diumumkan dalam PRK di Rompin agar konsep PGBF diperluaskan di kawasan FELDA-FELDA di negeri Johor. Tidak ketinggalan juga di kawasan Tenang yang ada tiga gugusan FELDA ini untuk membina rumah kediaman yang lebih selesa dengan harga yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri sebanyak RM90,000.00 melalui sewa beli diharap diperluaskan juga di FELDA-FELDA di negeri Johor dan juga di kawasan Dewan Undangan Negeri di Tenang ini untuk memberi peluang dan ruang kepada penduduk-penduduk generasi kedua menikmati kemudahan-kemudahan tersebut.

Dan di samping itu juga, isu pencerobohan keperluan tanah juga perlu diambil perhatian kerana ia menjejaskan dari segi hutan, *catchment area*, dengan izin, tempat tadahan air hujan dan macam-macam lagi. Dalam konteks di Tenang sendiri, di kawasan Ulu Segamat Kechil telah di ceroboh oleh mereka-mereka tidak bertanggungjawab dan juga masyarakat orang-orang asal, Orang Asli juga ada menceroboh dan juga di Bukit Lanjut juga. Diharap pihak-pihak berkenaan dapat mengambil tindakan yang pantas untuk mengatasi masalah pencerobohan-pencerobohan tanah, rizab hutan ataupun di kawasan takungan air.

Jadi akhir sekali, di Dewan Undangan Negeri Tenang juga, saya menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat daripada Nusajaya berkenaan pembinaan kedai mampu milik jugalah perlu diperluaskan juga. Dari segi pinjaman, kerana pinjaman yang kita lihat dalam sektor kerajaan banyak memberi fokus kepada kediaman apatah apa salah kalau dibuka ruang untuk pembelian kedai-kedai mampu milik untuk dinikmati rakyat-rakyat yang berkemampuan di negeri Johor khususnya. Jadi, saya rasa itu sahajalah isu-isu yang ada di dalam Dewan Undangan Negeri Tenang. Maka dengan ini, Tenang mohon menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Penawar.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim. (Doa). Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor, salam sejahtera. Terima kasih Dato' Speaker. Penawar merakamkan terima kasih kerana diberi ruang untuk turut serta dalam Perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-13.

Setinggi-tinggi tahniah Penawar sembahkan kepada Tuanku di atas kemahkotaan yang penuh dengan sejarah dan gilang gemilang. Dan menjadi sejarah kepada anak bangsa Johor yang menyaksikannya pada hari ini dan untuk diceritakan kepada anak cucu cicit pada masa yang akan datang. Dapat dilihat bagaimana prihatinnya Baginda Tuanku menjemput kumpulan rakyat jelata untuk hadir dan melihat suasana istana, dan kehidupan Tuanku. Dan tanpa rasa penat dan jemu melayan rakyat yang berkunjung ke istana. Menjunjung kasih, Daulat Tuanku, Negeri Aman dalam naungan. Titah disambut, rakyat bersatu, kekal sentosa sepanjang zaman. Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar juga merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana mendapat ucapan tahniah daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sendiri memperakui Laporan Kewangan Negeri bagi tahun 2014 dengan peningkatan rizab tunai daripada RM1.7 bilion kepada RM2.3 bilion dan mengingatkan kita supaya terus meneliti, melaksana dan memantau pembangunan negeri agar selaras dengan perubahan ekonomi dan kehendak masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan penuh hemah dan bertanggungjawab titah Tuanku yang semestinya kita beri perhatian untuk difikirkan, diambil kira serta dibuat tindakan. Pertamanya soal mempertahankan kedaulatan negeri Johor. Memahami asas negeri Johor, bagaimana dengan keluhuran 5 Daing yang bersungguh-sungguh membentuk pemerintahan Johor dan kebijaksanaan Almarhum Sultan terdahulu sehingga wujudnya Enakmen Tubuh Kerajaan Negeri Johor pada 1895 dan diguna pakai sehingga ke hari ini setelah 120 tahun berlalu. Dan masih kukuh serta relevan dan mudah-mudahan sehingga bila-bila, dan difahami oleh rakyat negeri Johor. Adalah mustahil untuk kita berada di tahap ini tanpa satu garis panduan yang baik dalam mengurus tadbir kerajaan dan dengan bangganya ia diikuti oleh negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya soal perpaduan yang menjadi perkara pokok kepada kekuatan sebuah negeri. Marilah sama-sama kita berbincang akan

cadangan-cadangan yang baik dalam menambah baik cadangan yang kurang baik untuk kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan peribadi dan politik semata-mata. Jangan dihuru-harakan rakyat dengan berita dan fitnah dan membuat rakyat gelisah. Jangan diajak rakyat memberontak kerana tak dapat bagai kehendak. Dan jangan berdemo jalanan semata-mata untuk kepuasan. Ia memberikan gambaran tidak berapa sihat kepada anak cucu cicit kita. Elok kita berbincang untuk memperbaiki keadaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar mohon penjelasan tentang kewujudan Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apakah peranannya, bagaimanakah peruntukan pengurusannya. Mudah-mudahan dengan kefahaman yang diberi akan dapat membantu kami Wakil-Wakil Rakyat dalam menangani permasalahan di peringkat kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah kita lihat FELDA setelah 59 tahun diwujudkan. Hari ini perumahan generasi kedua terus dan mesti diberi perhatian oleh pihak FELDA. Di mana-mana perumahan generasi kedua yang tertangguh, eloklah diselesaikan segera. Jangan Lembaga Pengarah silih berganti tetapi masalah tidak selesai juga. Dan akhirnya dikhuatiri menjadi perumahan yang terbengkalai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah ambil tindakan atas titah Tuanku perkara ke-51. Di mana Baginda juga mencadangkan kerajaan agar memperbanyakkan lagi Skim Rumah Sewa Beli untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan memiliki rumah sendiri. Ambillah tindakan, bukan memberi alasan sebagai jawapan kerana rakyat hari ini bijaksana dan tahu apa yang berlaku. Oleh sebab itu, mereka ingin melihat apakah tindakan yang diambil, sampai di mana, dan adakah ia boleh menyelesaikan masalah sehingga rumah boleh terus diduduki atau pun disewa beli? Jadi mengharapkan FELDA memberi perhatian kepada perkara ini dan mencontohi kalau hari ini kita difahamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak ada fail-fail yang tertunggak, jadi kita mengharapkan FELDA melihat perkara yang telah berjalan hampir siap ini supaya ianya tidak sampai kepada pilihan raya yang Ke-14.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar juga mengharapkan agar PBT di kawasan Pengerang haruslah diteliti dan disegerakan pewujudannya dan dijelaskan supaya ia tidak dimanipulasikan oleh orang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar juga mengharapkan Khazanah menyiapkan segera *water park* di Desaru selain daripada padang-padang golf yang telah disiapkan terlebih dahulu. Yakinlah golongan marhaen yang akan membantu mengembangkan ekonomi dengan datang ke kawasan ini. Impak paling besar yang diharapkan adalah peluang pekerjaan, keutamaannya adalah rakyat tempatan yang ada. Jangan nanti yang bekerja, hanyalah pendatang-pendatang asing dan rakyat yang ada hanya sekadar melihat sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada JPDC dan KEJORA kerana setakat hari ini telah melatih dan membentuk usahawan-usahawan yang ada di kawasan Pengerang. Penawar mengharapkan inkubator yang usahawan yang telah pun diperjelaskan kepada

rakyat pada minggu yang lalu, bersama dengan kedatangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Pulai dan juga kotak-kotak niaga yang disediakan dapat diberikan perhatian kepada rakyat tempat.

Saya melihat kebanyakan daripada mereka begitu teruja dengan bimbingan yang diberikan oleh pihak JPDC dan juga kursus-kursus yang disediakan oleh pihak KEJORA, untuk melatih mereka bagi bersiap sedia untuk menjadi usahawan. Kena ingat bahawa mereka-mereka ini adalah rakyat kampung, orang-orang desa yang benar-benar memerlukan bimbingan untuk mereka memulakan perniagaan dan bagaimanakah untuk mereka menjadi usahawan yang berjaya. Jadi saya mengharapkan pihak-pihak yang terlibat terutamanya PIJ sendiri di dalam usaha untuk membentuk usahawan ini agar dapat menghasilkan usahawan yang benar-benar berjaya, supaya mereka yang telah mengikuti kursus dan peluang yang ada dapat mereka rebut.

Selain daripada itu, saya juga mengharapkan semua borang-borang usahawan yang telah dihantar kepada Pejabat Usahawan, PIJ dapat diteliti supaya hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai seorang yang kaya dalam bidang keusahawanan ini ingin melihat rakyat di bawah benar-benar dapat menjadi seorang usahawan, diteliti dan saya difahamkan tarikh tutupnya pada 31 Mei ini dan Majlis Penyerahan Bantuan untuk mereka ini dapat direalisasikan supaya rakyat mengetahui bahawa apa yang dikatakan oleh pihak kerajaan, benar-benar dilaksanakan.

YB Timbalan Speaker : Dah habis?

YB Puan Hamimah binti Haji Mansor (Penawar) : Belum lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, dia tak tersusun. Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar juga ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang telah turun ke Penawar daripada EXCO Usahawannya, kepada EXCO Belianya, kepada EXCO Agamanya, kepada EXCO Kesihatannya, dan kepada EXCO Pertaniannya dan sehingga akhir bulan 4 itulah jumlah EXCO-EXCO yang turun ke dalam DUN Penawar dan Penawar mengharapkan apa sahaja yang telah diperjelaskan ataupun yang telah dijanjikan kepada rakyat dalam kawasan Penawar, tidak dilupakan. Dan mudah-mudahan akan turun lagi EXCO-EXCO yang lain supaya rakyat Penawar yang benar-benar memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini, merasakan bahawa mereka sebenarnya juga diberi perhatian oleh pihak barisan EXCO kerajaan negeri Johor selain daripada kepimpinan-kepimpinan yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa perkara yang ingin Penawar bawakan, satu perkara utama ialah Jalan E22. Seiring dengan pembangunan RAPID yang begitu rancang berlaku di kawasan DUN Tanjung Surat, Penawar mengharapkan bermula daripada Tol Penawar sehinggalah ke cabang simpang masuk ke Pasir Gudang, agar jalan ini terus dapat di naik tarafkan dan diberi kepada 4 lorong seperti lebuh raya-lebuh raya yang lain, jadi saya yakin dan percaya dengan segala pembangunan yang ada di Penawar ataupun khasnya di kawasan Pengerang ini, maka ianya akan dapat membantu membangunkan ekonomi negara.

Penawar juga ingin membuat pertanyaan kepada KEJORA. Bilakah agaknya perumahan tersusun masyarakat nelayan Kampung Tanjung Buai akan dimulakan? Kerana kalau kita lihat rumah mesra rakyat, rumah mampu milik yang telah pecah tanahnya dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kerja-kerja tapak telah pun mula dilaksanakan. Jadi, saya mengharapkan supaya pihak KEJORA dapat memulakan ataupun memberi jawapan kepada pertanyaan ini kerana saya telah membawa perkara ini di dalam Mesyuarat Tindakan dan saya belum lagi mendapat penjelasan yang jelas berkenaan dengan perumahan tersusun masyarakat nelayan Kampung Tanjung Buai ini.

Dan akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar mohon menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Selamat petang dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Johor Jaya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Ketiga Bagi Dewan Negeri Johor yang ke 13. Johor Jaya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini.

YB Timbalan Speaker : Johor Jaya. Sila duduk. Bagi membolehkan Johor Jaya membuat perbahasan 2 hari, Saya tangguhkan mesyuarat hingga ke jam 9:30 pagi, 12 Mei 2015.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:30 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEEMPAT	SELASA, 12 MEI 2015	BIL. 8 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN., SSAP., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Marsan bin Kassim, DMIJ., SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat kita teruskan Persidangan kita.

Jurutulis : SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton bin Ismail (Sungai Balang): Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Pelatih-pelatih yang ke PDK akan mendapat RM150.00 manakala di rumah mendapat bayaran RM50.00 sejak dulu lagi. Apakah ada cadangan untuk menaikkan bayaran kepada pelatih-pelatih PDK sama ada yang dihantar ke PDK atau yang duduk di rumah sesuai dengan keadaan ekonomi sekarang?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat ADUN Sungai Balang.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya manfaat PDK kepada Orang Kurang Upaya adalah:

1. Keperluan latihan dan pemulihan bersesuaian mengikut keperluan dan jenis ketidakupayaan.
2. Tidak diasingkan dari keluarga, rakan dan masyarakat di mana dia dibesarkan.
3. Memupuk sikap lebih berdikari di kalangan OKU.
4. Hubungan dan sokongan di antara OKU dan keluarga dapat dipupuk dan diperkukuhkan.

Seperti yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Pengurusan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) menetapkan bahawa elaun khas OKU bagi semua pelatih OKU yang menghadiri program PDK layak menerima elaun khas OKU sebanyak RM150.00 sebulan. Manakala, bagi pelatih OKU yang mengikuti program PDK di rumah layak menerima RM50.00 sebulan. Namun begitu, mulai Januari 2015 elaun pelatih OKU yang mengikuti Program PDK di rumah telah pun ditambah dengan sebanyak RM150.00 sebulan. Dan bagi tujuan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah mengagihkan peruntukan sebanyak RM576,900.00 bagi pembayaran elaun pelatih PDK di rumah seramai 641 orang bermula Januari hingga Jun 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2015 jumlah keseluruhan pelatih PDK di negeri Johor adalah seramai 2,672 orang yang mana 2,031 adalah pelatih di PDK dan 641 orang adalah bilangan pelatih di rumah. Bagi memperolehi elaun pelatih di PDK, semua pelatih OKU hanya perlu hadir sekurang-kurangnya 8 hari

dalam sebulan. Maknanya, seminggu dalam 2 hari ataupun 2 kali. Pelatih hadir ke PDK akan mengikuti program atau aktiviti di PDK seperti perhimpunan, senaman pagi, aktiviti pengurusan diri, kemahiran, perkembangan bertutur, 3M ya diajar juga membaca, menulis dan mengira; muzik, kemahiran vokasional, program pemulihan, aktiviti dalam komuniti, sukan, kebudayaan dan rekreasi serta sosialisasi.

YB Speaker : Sungai Balang.

YB Puan Zaiton bin Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Apakah rasionalnya pembayaran diberikan sama iaitu sama ada di rumah dan ke PDK sebanyak RM150.00 kerana dikhuatiri ibu bapa akan memilih untuk tidak menghantar anak-anak ke PDK dan juga adakah PDK juga mengadakan program untuk menambahkan pendapatan pelatih-pelatih? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya perbezaannya di antara PDK ataupun pelatih PDK di pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan juga di rumah yang mana RM150.00 elaun yang sama, tetapi apabila pelatih-pelatih ini mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, pihak jabatan akan mengenal pasti kecacatan OKU tersebut dan yang pelatih PDK di pusat Pemulihan Dalam Komuniti sekurang-kurangnya mereka ini boleh juga menguruskan diri mereka dengan dibantu oleh petugas-petugas di PDK.

Dan, manakala di rumah adalah mereka betul-betul yang tidak berkeupayaan untuk menguruskan diri mereka dan juga yang pentingnya mereka tiada sebarang pengangkutan, maknanya jarak PDK dengan rumah mereka adalah agak jauh dan tiada pengangkutan untuk sampai. Sebab itu, petugas-petugas akan pergi melawat mereka dalam masa seminggu sekali, dalam waktunya tempohnya adalah empat jam.

Dan, bagi yang disoal juga oleh ADUN Sungai Balang tentang projek-projek yang diusahakan bagi kita menambah pendapatan ataupun menambah elaun kepada pelatih-pelatih kita di PDK, di negeri Johor sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita adalah sebuah negeri yang mempunyai bilangan Pemulihan Dalam Komuniti yang paling banyak di seluruh negara. Iaitu kita mempunyai 69 buah PDK di negeri Johor ini dan alhamdulillah sehingga Disember 2014, kesemua 69 buah PDK tersebut telah pun menjalankan projek penambahan pendapatan ataupun lebih mudah memberikan kemahiran kepada pelatih-pelatih untuk mereka dapat berdikari, mereka membuat projek dengan diseliakan oleh petugas-petugas dan juga penyelia di PDK dan dengan itu juga mereka juga dapat menambah pendapatan atau pun menambah sedikit elaun mereka di PDK-PDK tersebut dengan hasil daripada jualan projek-projek yang mereka buat. Contohnya, ada PDK yang membuat makanan ringan, ada PDK yang membuat projek berbentuk kraf tangan, jahitan dan sebagainya. Dan juga ada juga di kalangan mereka juga mengadakan projek-projek pertanian dan sebagainya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepertimana yang saya sebut dalam ucapan perbahasan saya, Kerajaan Pusat memberikan BR1M kepada mereka yang berpendapatan RM4,000.00. Kalau kita bahagi 12, RM950.00 jadi dia dapat lebih

kurang RM80.00 sebulan. Orang berpendapatan RM4,000.00. Jadi dalam perkiraan yang sedemikian, saya rasa pembayaran kepada pelatih PDK RM150.00 dan RM50.00 ini sudah tidak relevan lagi. Jadi, saya ingin bertanya kepada YB Pengerusi dan mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk mempertimbangkan sekurang-kurangnya amaun ini dijadikan dua kali ganda. Jadi, ingin mendapatkan pandangan daripada Pengerusi, terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ok, terima kasih ADUN Gambir. Sebenarnya untuk makluman ADUN Gambir dan juga Ahli Yang Berhormat, elaun bagi Orang Kelainan Upaya yang di PDK tadi ya, adalah RM150.00 dan manakala yang berada di rumah RM150.00 juga. Tetapi bagi mereka yang betul-betul kurang upaya, contohnya mereka itu terlantar, mereka juga boleh mendapatkan RM300.00 yang mana elaun tersebut atas nama penjaga mereka, ibu bapa ataupun penjaga dan kita kekalkan juga RM150.00 kepada mereka. Maknanya sebulan mereka boleh mendapat RM450.00. Dan yang saya katakan RM300.00 itu yang diberikan kepada pesakit terlantar, OKU yang sakit terlantar itu, pendapatan purata isi rumah mereka adalah tidak lebih daripada RM3,000.00 sebulan. Jadi, mereka boleh mendapat RM450.00 dengan RM150.00 dicampurkan dengan RM300.00. Itu yang telah kita buat penambahannya dalam 3-4 tahun kebelakangan ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Nusajaya.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Kebanjiran pendatang asing yang semakin serius terutama di sektor-sektor pengilangan, pasar raya, stesen minyak, KFC, McDonald dan sebagainya yang mengajikan mereka ini daripada orang-orang tempatan. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memberi peluang anak-anak muda tempatan mendapatkan pekerjaan ?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keutamaan penggajian adalah sebenarnya untuk rakyat tempatan. Penggajian pekerja asing adalah langkah sementara untuk menampung kekosongan jawatan yang tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan. Pada masa kini hanya 6 sektor pekerjaan yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing iaitu 5 sektor formal merangkumi sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian. Manakala satu sektor informal adalah pembantu rumah asing.

Permohonan pengambilan pekerja asing yang lengkap akan dipertimbang dan diluluskan berdasarkan syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Agensi Kawalselia. Namun begitu, keutamaan penggajian adalah masih untuk rakyat tempatan yang mana dasar penggajian pekerja asing pada masa ini seharusnya merupakan langkah sementara untuk mengisi keperluan pihak industri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memberi peluang kepada anak-anak muda tempatan mendapat pekerjaan adalah sebenarnya peranan di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui *JobsMalaysia* di bawah Jabatan Tenaga Kerja. Saya ingin juga menegaskan di sini bahawa *JobsMalaysia* adalah sebenarnya agensi kerajaan di bawah Jabatan

Tenaga Kerja kerana sebelum ini ada kekeliruan yang menganggap *JobsMalaysia* ini entiti swasta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah *JobsMalaysia* berbagai program telah pun dijalankan dan dijalankan dari semasa ke semasa. Antaranya karnival-karnival penempatan pekerjaan dan juga sesi temu duga secara berkala iaitu sesi temu duga terbuka ini diadakan dua kali seminggu melalui pusat J*obsMalaysia* di seluruh negara. Di negeri Johor pula peranan ini digalas oleh pusat *JobsMalaysia* yang terletak di UTC Johor Bahru dan 4 buah *JobsMalaysia point* di peringkat daerah iaitu di daerah Kluang, Batu Pahat, Muar dan Segamat. Perkhidmatan sokongan yang diberikan oleh pusat *JobsMalaysia* adalah merangkumi selain daripada program-program banyak lagi program-program yang berkaitan dengan motivasi dan juga persediaan ke alam pekerjaan juga dilaksanakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2014 sahaja antara program yang telah pun dilaksanakan bagi menggalakkan penempatan anak-anak muda antaranya ialah Program Karnival Kerjaya yang telah pun dianjurkan, Karnival Kembara Kerjaya juga diadakan, *Program Night Career Fair* di mana program ini dimulakan pada jam 4:00 petang hingga jam 11:30 malam. Ini untuk memberi peluang kepada warga kerja untuk datang selepas waktu pekerjaan untuk temu duga terbuka dan juga melawat *booth-booth* yang menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang ada di negeri Johor.

Kita juga ada *client account* di bawah *JobsMalaysia* yang merujuk kepada penempatan yang dilakukan secara manual menggunakan pendekatan *human touch*, dengan izin, dan ia merupakan antara kaedah yang paling berjaya sekali. Dan juga, kita membuat penempatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga penempatan separa masa juga dilaksanakan. Pada masa yang sama juga kita juga menganjurkan program-program untuk memastikan golongan khas juga tidak terpinggir termasuk golongan yang kurang upaya, bekas penagih dan juga ibu-ibu tunggal. Dan, di peringkat kita juga, melaksanakan *Program Employability* untuk memastikan bahawa inilah penempatan ahli keluarga peserta e-Kasih. Supaya golongan ini juga tidak terpinggir dan program-program yang berkaitan dengan peluang-peluang pekerjaan, azam kerja dan sebagainya juga kita laksanakan.

Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Tan Sri Speaker, sepanjang tahun 2014 sahaja, kita telah pun menempatkan sebanyak 27,216 pekerja, pencari pekerja tempatan dalam sektor-sektor ini. Dan setakat April 2015, seramai 6,255 pekerja, pencari kerja tempatan telah pun ditempatkan. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput Nusajaya.

YB Dr. Zaini Bin Abu Bakar (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menceritakan sedikit pengalaman ringkas sebelum soalan tambahan iaitu saya dijemput untuk merasmikan Mesyuarat Agong Jawatankuasa Penduduk di sebuah taman, yang mana penduduk dia adalah Profesor dan peniaga-peniaga. Jadi, saya disambut dengan cukup hormat oleh sekuritinya dengan izin iaitu dengan tabik hormat, dengan pakaian yang cukup disiplin dan mukanya nampak mesra. Cuma, yang saya terperanjat, mereka sebenarnya semuanya orang Malaysia, yang mana lebih lagi dia beri salam dan dia berjabat tangan dan dia senyuman, maksudnya dia bergembira bekerja sebagai pengawal di taman itu. Jadi, soalan saya, apakah sebenarnya, adakah dibuat kajian, apakah sifat-sifat

atau kemahuan atau peribadi yang mana rakyat Malaysia ini kurang berminat dengan pekerjaan ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menjawab soalan tambahan tersebut, saya ingin juga berkongsi pengalaman di mana di peringkat jabatan sering kali kita didatangi, ataupun mendapat maklum balas khususnya daripada pihak-pihak majikan dan juga persatuan-persatuan majikan mengatakan bahawa antara sebab ataupun punca yang menyebabkan rakyat Malaysia kurang mendapat peluang-peluang pekerjaan ialah pertama sekali ialah berkenaan dengan sikap. Kerana sikap khususnya di kalangan generasi muda yang terlalu memilih pekerjaan. Kerana sikap yang terlalu memilih pekerjaan sehingga menyebabkan mereka terlepas peluang untuk mendapat pekerjaan dan majikan-majikan terpaksa untuk mengajikan pekerja-pekerja asing sebab operasi perniagaan itu mesti diteruskan.

Dan, antara sikap ialah kerana satu ialah terlalu memilih dan juga sikap yang ingin bekerja dalam keadaan yang kondusif dengan *aircond* dan sebagainya sehingga kerja-kerja luar, *field work* rakyat tempatan kurang berminat untuk mengambil. Jadi, juga ini menyebabkan terpaksa mengambil pekerja asing yang sanggup bekerja di bawah matahari, hujan dan sebagainya. Dan juga, permintaan untuk mendapat gaji yang tinggi, nak kerja yang ringan tetapi nak gaji yang tinggi dan sebagainya. Jadi, ini juga merupakan antara faktor yang menyebabkan kita terlepas peluang. Dan juga, sikap yang lain antaranya kerap sekali mengambil cuti, tidak ingin ditegur, sekiranya majikan menegur mereka meletak jawatan, secara tiba-tiba sahaja *resigned,* hari kedua tak datang kerja dan inilah antara sikap-sikap yang terlalu banyak dalam jiwa dan naluri anak-anak ataupun orang-orang tempatan ini.

Dan, kita juga dalam keadaan tersebut, kita tidak melepaskan anak-anak kita begitu sahaja, di mana di peringkat jabatan kita juga mengambil kira isu-isu seperti ini dan melaksanakan program-program sampingan termasuk program penyediaan kepada alam pekerjaan, kita juga mengajar anak-anak muda cara untuk membuat *resume* secara profesional, mengajar mereka cara untuk menghadapi sesuatu temu duga kerja, apa yang harus dilakukan dan sebagainya. Dan, dengan cara ini kita nak pastikan bahawa orang tempatan betul-betul dan benar-benar bersedia untuk menghadapi alam pekerjaan dan sebagainya. Dan, saya percaya sekiranya isu-isu seperti ini dapat diselesaikan, saya rasa lebih banyak majikan bersedia untuk memberi peluang kepada orang-orang tempatan daripada mengambil risiko mengambil pekerja-pekerja asing. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Tan Sri Speaker, adalah daripada segi untuk mengurangkan penggantungan kita kepada pekerja asing. Yang satu seperti dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO bahawa pekerja setempat tidak suka kerja yang panas-panas bawah matahari seperti peladang. Seperti dicadangkan oleh Dr Mahathir sudah lamalah bahawa kita kena mencontohi Negeri Jepun, di mana banyak pekerjaan boleh dilakukan oleh *automation,* kalau peti ke apa cara, secara menggunakan mesin dengan *automation. A*pa pandangan kerajaan negeri dan juga jika kita menaikkan gaji minimum dari sekarang RM1,000.00, RM900.00 kepada RM1,800.00. Saya ada asas untuk cadangan ini sebab kita sudah kenakan GST. Kalau kita kenakan GST, semua GNP per kapita sekurangnya 50%, yang perlu digunakan untuk membayar gaji maknanya dari gaji sekarang kita kenapa kita lipat 2 kali ganda baru boleh menampung kesan GST untuk menggalakkan orang

setempat untuk menceburi tempat kerja dan juga kaum wanita di negeri Johor pun seluruh negeri cuma 50% yang menyertai pasaran pekerjaan. Adakah kerajaan negeri boleh mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing dengan mengadakan pusat taska dan tadika sebagai sebahagian kewajipan kerajaan negeri kita untuk menggalakkan kaum wanita sekurangnya 80% menyertai pasaran pekerjaan? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Tan Sri Speaker, saya percaya soalan yang dikemukakan tu sebenarnya tergelincir sedikit daripada landasan soalan yang asal. Kerana soalan ini ialah sebenarnya langkah kerajaan memberi peluang. Walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan di sini bahawa kita tidak perlulah membawa isu GST ke Dewan yang mulia ini, kerana ia adalah sesuatu yang bukan kerajaan negeri boleh membuat keputusan. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kita di peringkat Kementerian ingin menjelaskan bahawa pengajian pekerja asing ialah sebenarnya langkah sementara, ini bukanlah langkah yang tetap dan juga berbagai usaha sedang dilaksanakan di peringkat Kementerian untuk memperkasakan, memperkasakan dan juga usaha-usaha diambil untuk mempastikan bahawa *priority,* keutamaan sentiasa diberi kepada anak-anak muda dan sebagainya. Jadi, atas dasar tersebut saya percaya kita akan terus memberi *priority* dan keutamaan kepada rakyat tempatan. Dan, juga program-program yang saya katakan tadi persediaan ke alam pekerjaan akan diperbanyakkan dari masa ke semasa supaya kita bukan sahaja mempunyai kelayakan dari segi akademik tetapi kita juga bersedia untuk melangkah ke alam pekerjaan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Puan Hamimah Binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Boleh dijelaskan kedudukan Tasik Takungan Air Bandar Penawar yang diterokai tanah persekitarannya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Penawar bertanyakan kedudukan Tasik Takungan Air Bandar Penawar yang diterokai tanah persekitarannya. Tasik Takungan Air Bandar Penawar yang dikenali dengan nama Tadahan Air Sungai Lebam terletak di Mukim Tanjung Surat dan Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi. Pengeluaran harian Loji Rawatan Air Sungai Lebam adalah sebanyak 33 juta liter sehari untuk membekalkan air kepada 50,000 orang pengguna di kawasan Penawar, Desaru, Pengerang dan sebahagian rancangan FELDA di sekitarnya. Kerajaan telah meluluskan rizab Takungan Air Sungai Lebam pada tahun 78 seluas 5,799 ekar. Pada tahun 1990, kerajaan telah meluluskan kawasan tambahan seluas 690 ekar sebagai rizab Takungan Air Sungai Lebam menjadikan jumlah kawasan takungan air seluas 6,489 ekar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan kelulusan tersebut Syarikat Air Johor telah melantik Syarikat Juruukur untuk menyediakan pelan kawasan tadahan bagi tujuan pewartaan rizab. Walau bagaimanapun, sebelum kawasan tersebut diwartakan sebagai rizab, Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi telah menerima 31 permohonan tanah di sekitar kawasan berkenaan. Berdasarkan pelan yang disediakan oleh Juruukur yang dilantik, yang menunjukkan bahawa tanah yang dimohon berada di luar kawasan tadahan, maka Pentadbir Tanah Daerah telah

memperakukan permohonan tanah tersebut dan kerajaan telah meluluskannya pada tahun 2009, yang melibatkan kawasan seluas 3,435 ekar. Pewartaan rizab Takungan Air Sungai Lebam hanya dibuat pada tahun 2010, yang melibatkan kawasan seluas 4,091 ekar sahaja. Selepas tanah itu dikurniakan dan dikeluarkan hak milik, maka pemilik-pemilik tanah telah mengusahakan tanah mereka dan mereka mendapati tanah seluas lebih kurang 5 ekar, tanah masing-masing seluas 5 ekar termasuk dalam kawasan tasik.

Jadi, bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air maka pihak Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) telah meminta kerjasama pemilik-pemilik tanah supaya mengambil tindakan-tindakan seperti berikut, antaranya pemilik-pemilik tanah tidak dibenarkan mengambil air daripada kawasan tadahan. Pemilik tanah perlu menyediakan kawasan penampan, *buffer zone*, dengan izin pada jarak 50 meter dari tebing tasik. Pemilik tanah perlu membina parit keliling di kawasan penampan bagi mengelakkan air larian permukaan memenuhi seperti baja, racun dan sebarang aktiviti kelodak yang akan masuk ke dalam tasik. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi.

YB Speaker : Jemput Penawar.

YB Puan Hamimah Binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya apakah perancangan pemantauan pihak kerajaan bagi memastikan kawasan ini terus terpelihara?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau saya faham maksud pemantauan itu ialah dari segi apa juga yang berlaku, loji atau Empangan Sungai Lebam ini mampu membekalkan air ke loji rawatannya. Maka atas dasar itu, ingin saya mengesahkan di sini bahawa pihak BAKAJ telah mengambil langkah-langkah yang perlu dan Empangan Sungai Lebam ini mampu untuk membekalkan air dan membolehkan 3 juta liter sehari dibekalkan kepada 50,000 pengguna di kawasan Penawar. Jadi, ini bererti bahawa selain daripada langkah-langkah kawalan yang dibuat terhadap kawasan tadahan tersebut kita juga telah memastikan, ingin memastikan supaya Loji Rawatan Air Sungai Lebam mampu membekalkan air yang bersih ke 50,000 pengguna.

YB Speaker : Yang Berhormat Penggaram, jemput.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, nombor saya, nombor soalan 4.

Apakah perancangan yang terperinci mengenai pembangunan tapak semaian sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang untuk mencapai matlamat pewujudan Taman Botani sebagai tapak semaian komersil dan pusat penyelidikan saintifik, pemuliharaan, pameran dan pendidikan mengenai tumbuhan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menjawab soalan bagi ADUN Penggaram yang mana soalannya, apakah perancangan yang terperinci mengenai pembangunan tapak semaian sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang untuk mencapai matlamat pewujudan Taman Botani sebagai tapak semaian komersil dan pusat penyelidikan saintifik, pemuliharaan, pameran dan pendidikan mengenai tumbuhan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya bawa, apa ni, Pelan Induk Pembangunan, maknanya kita memang lengkaplah dengan gambar-gambar sekali. Tapi, secara

ringkasnya Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan, dulunya Taman Botani ini dipanggil Tapak Semaian Negara di mana ia merupakan projek yang dijalankan bersama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Johor yang bermula dari tahun 2000 dan melibatkan keluasan tapak sebanyak 160.95 ekar. Tapak Semaian Negara yang dibina di negeri Johor ini adalah berdasarkan kepada Program Penghijauan Negara bertujuan untuk menentukan bekalan bahan tanaman berkualiti serta mencukupi dan sebagai asas pembangunan pendidikan dalam bidang *agriculture*, landskap serta menjadikan pusat koleksi serta pangkalan kepada spesies tanaman.

Walau bagaimanapun, program ini telah tidak berjaya kerana 15 lot yang telah disasarkan cuma 4 lot yang berjaya. Oleh itu, kerajaan negeri telah mengubah dan berbincang dengan pihak Kementerian untuk kita ubah kepada Taman Botani Johor, di mana Pelan Induk Taman Botani Johor ini terletak di Sri Medan, Batu Pahat. Tapak di mana kerajaan pusat telah pun memperuntukkan dana sebanyak RM300,000.00 pada tahun 2012 dan sebanyak RM200,000.00 pada tahun berikut. Jumlah ini meningkat pada tahun 2014 di mana kerajaan pusat telah pun menyalurkan dana berjumlah RM2 juta dan ianya meningkat kepada RM2.5 juta pada tahun 2015.

Selain itu, kerajaan negeri Johor juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM320,000.00 pada tahun 2012, RM350,000.00 pada tahun 2013 dan sebanyak RM140,000.00 pada tahun 2014 dan 2015 bagi menambah baik struktur pentadbiran, perancangan, pembangunan dan pengurusan yang komprehensif dan lebih sistematik. Langkah ini penting bagi memastikan pembangunan Taman Botani berfungsi secara lestari dari aspek perbendaharaan, pendidikan dan didikan dapat dimaksimumkan pada masa-masa akan datang.

Dalam pada itu, Jabatan Landskap Johor telah melaksanakan perancangan jangka panjang dengan memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Landskap Taman Botani Johor tahun 2013 hingga tahun 2023, yakni 10 tahun yang saya bawak apa, *booklet* ni besar ni untuk tatapan Dewan, di mana ia merupakan cadangan kerajaan negeri bagi menjadikan 10 lot tapak semaian negara yang masih tidak digunakan untuk dijadikan Taman Botani Johor sepenuhnya dengan mengguna pakai Seksyen 62 Kanun Tanah Kerajaan yang akan di senggara oleh Pengarah Jabatan Landskap Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, oleh sebab itu bagi merealisasikan permohonan Pelan Induk Taman Botani Johor, Jabatan Landskap Johor saban tahun sentiasa melakukan penambahbaikan dari segi infrastruktur, fizikaliti Taman Botani Johor. Mengikut maklumat yang diterima daripada Jabatan Landskap sejak dari tahun 2012 sehingga penghujung April tahun 2015, Jabatan Landskap telah menyediakan bangunan herbarium bagi tujuan simpanan koleksi spesimen plot buluh dan palma, plot herba dan perubatan, plot ethnobotani, plot buah Nadir, plot buah-buahan serta mendirikan pagar keselamatan di sekeliling kawasan Taman Botani Johor ini.

Pembangunan Taman Botani ini tidak berhenti setakat ini sahaja. Pada tahun 2015, Jabatan Landskap Johor akan menambah baik lagi kemudahan mesra pelawat serta infrastruktur Taman Botani Johor dengan cadangan untuk mewujudkan plot lot botani garden, plot lot tanaman berumput, plot Quranic, pembangunan jalan kaki jenis primix sepanjang 2 km serta pembangunan sistem pengairan dan saliran bagi menambah baik infrastruktur Taman Botani Johor. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai para pengkaji alam sekitar serta pengunjung ke Taman Botani Johor. Dan, menurut kiraan daripada Jabatan Landskap Johor, pengunjung yang hadir ke Taman Botani Johor dianggarkan sebanyak 6,000 pengunjung sebulan dan menjangkau 72,000 pengunjung dalam tempoh setahun.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi memastikan Taman Botani Johor ini sentiasa mendapat sambutan pengunjung, Jabatan Landskap Negeri sentiasa mengadakan program-program yang berunsurkan kesihatan dan alam sekitar serta Kempen Sayangi Hutan Kita, Program 10,000 Langkah Merentas Desa, *Mountain Bike*, Aktiviti Berkayak dan banyak lagi. Di samping itu, pihak Jabatan Landskap Johor bercadang untuk memperbanyakkan lagi infrastruktur bagi aktiviti sukan lasak yang boleh menarik lagi ramai pengunjung ke Taman Botani Johor dan seterusnya bagi menzahirkan reka bentuk Taman Botani Johor yang beridentitikan mampan.

YB Speaker : Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, eh Tan Sri Speaker.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Nampaknya Taman Botani bukan sahaja sebagai kawasan semaian, ia juga merupakan satu taman rekreasi untuk orang tempatan. Nampaknya sekarang keadaan kemudahan asas di taman botani telah rosak, apakah rancangan kerajaan untuk menaik taraf kemudahan asas ini untuk orang tempatan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi saya dah maklumkan kita dalam 10 tahun kita buat perancangan untuk kita pastikan Taman Botani Johor ini menjadi kebanggaan kita. Kerana Johor merupakan negeri yang mempunyai Jabatan Landskap untuk kita pastikan pembangunan taman kelestarian Negeri Johor meliputi ke seluruh Negeri Johor.

Jadi dalam soal Taman Botani Negeri Johor di Yong Peng ni, kita telah masukkan peruntukan, permohonan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk RM-11. Selain apa yang kita lakukan mencuba mencari penaja-penaja untuk kita pastikan pembangunan ini cantik dan menjadi satu tumpuan pusat pelancongan selain daripada digunakan sebagai taman rekreasi yang boleh digunakan oleh masyarakat setempat.

YB Speaker : Kemudahan asas dia kata tadi. Pembaikan kemudahan asas... Jemput.

YB Encik Raven Kumar a/l Khrishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, apakah perancangan Jabatan Landskap Johor dalam menyediakan ruang niaga hasil-hasil tanaman dan perusahaan yang dihasilkan kerana dengan adanya program-program keusahawanan, kita akan memperkayakan lagi Taman Botani Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tan Sri Speaker, untuk tambahan dalam program kita di Taman Botani, kita ada dalam program pembangunan kita, ada cadangan kita membangunkan pusat niaga yang juga dikenali sebagai *garden cafe*. Ini mempunyai konsep yang menarik di mana *garden cafe* ini bercirikan pusat niaga dalam taman. Cadangan ini secara tidak langsung dapat menarik pengunjung yang inginkan suasana yang lebih santai dan segar. Di samping itu juga, pusat niaga ini akan menjual produk-produk makanan berkaitan herba, benih-benih tanaman serta buah-buahan yang dihasilkan dari tanaman yang dikeluarkan oleh dalam Taman Botani ini.

Jabatan Landskap juga akan menyediakan ruang niaga bagi menjual produk-produk kraf tangan dan cenderamata bagi menggalakkan pengunjung-pengunjung bukan sahaja dalam Negeri Johor malah dari negeri-negeri lain. Dan untuk perancangan yang selain itu, kita akan perbanyakan lagi program-program yang berunsurkan keusahawanan di Taman Botani Johor yang mampu menarik lebih ramai pengunjung ke sini. Dan sebagai contohnya, kita akan mengadakan program jualan *car boot sale* dan sebagainya program yang boleh menarik anak muda.

Selain daripada tambah sedikit tadi tentang rekreasi, pembangunan rekreasi yang akan kita perbetulkan dan kita akan tambah baik supaya kawasan ini menjadi tempat yang boleh menjadi pengunjung beristirahat dan selesa.

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Permai.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Apakah tindakan yang diambil kepada kilang-kilang yang didapati telah melakukan kesalahan mencemar sungai sehingga berlaku kes penutupan loji air?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kepada ADUN Bukit Permai. Bagi kilang-kilang yang didapati melakukan kesalahan mencemar sungai sehingga berlaku kes penutupan loji dan saya yakin ia dirujuk kepada kes yang berlaku di Sungai Semanggar. Dan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menjalankan siasatan dan boleh mengambil tindakan seperti berikut:

1. Prosedur penahanan operasi kelengkapan iaitu *reactors peritonitis*, di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;

    i) Mengeluarkan notis arahan di bawah Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Sekeliling 1974 kepada kilang agar premis memberhentikan operasi kilang dengan serta-merta dan menjalankan pembersihan tumpahan minyak;

    ii) Mengambil sampel minyak di kawasan tercemar dan juga daripada punca. Sampel yang telah diambil dihantar ke Jabatan Kimia untuk tujuan *finger print analysis*;

    iii) Melengkapkan kertas siasatan. Sekiranya keputusan analisa adalah positif, tindakan mahkamah akan diambil ke atas pihak terbabit dengan pertuduhan di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling iaitu sekatan mengenai pencemaran pengairan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM100,000.00 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya.

Dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 8 April 2015, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengarahkan agensi-agensi yang berkaitan untuk mengambil tindakan proaktif dan juga tegas kerana ia melibatkan masalah bekalan sumber air. Maka, satu mesyuarat bagi membincangkan operasi pemantauan bersepadu terhadap isu pencemaran Sungai Semanggar yang telah dipengerusikan oleh Pentadbir Tanah dan Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya telah diadakan pada 9 April 2015 dan saya sendiri juga telah mengadakan mesyuarat pada 6 Mei 2015. Di antara ketetapan mesyuarat, ianya merumuskan:

i) Lokasi premis adalah tidak sesuai bagi penempatan industri *peritonitis* kerana berada pada hulu takat pengambilan air bagi 3 loji rawatan termasuk PUB Singapura;

ii) Majlis Perbandaran Kulai dikehendaki mengambil tindakan di bawah Seksyen 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1976 untuk merobohkan bangunan premis tersebut dan sebelum ini ianya telah pun membatalkan lesen sementara kepada premis tersebut;

iii) Isu pencemaran dari premis ini akan diangkat ke Jawatankuasa Keselamatan Daerah Kulaijaya yang akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah untuk persetujuan cadangan pemotongan serta-merta bekalan elektrik dan air ke premis terbabit supaya aktiviti peritonitis tidak dapat diteruskan;

iv) Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya perlu meneruskan prosedur pelaksanaan Notis 7A;

v) Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor akan meneruskan pendakwaan di bawah Akta Kawalan Alam Sekeliling 1974. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada kejadian 2 April yang lalu, apabila sungai itu tercemar, sungai tersebut telah memberi masalah yang besar kepada penduduk di 3 daerah Johor Bahru, Kulai dan juga Kota Tinggi. Sebenarnya apabila sungai ini tercemar, kesannya cukup besar. Ia bukan sahaja masalah kepada rakyat, murid-murid sekolah apabila tidak ada air selama beberapa hari tetapi ia juga mencerminkan keberkesanan sesebuah kerajaan kerana air adalah sumber utama kerana negara Romania pernah berperang kerana masalah air yang disekat oleh negara jiran. Jadi, seharusnya tindakan kepada pekilang-pekilang yang mencemarkan sungai sehingga penutupan loji air ini begitu berat sepertimana beratnya masalah yang dihadapi oleh rakyat. Begitu jugalah hukumannya sepatutnya lebih berat kalau boleh tutup kilang dan penjarakan tuan punya kilang secepat mungkin. Soalan saya dari segi rekod Jabatan Alam Sekitar, berapa banyak kes-kes sebegini yang telah dibawa ke mahkamah dan tindakan telah diambil sebelum ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan.

Sebenarnya kerajaan negeri Johor memang akan bertindak tegas terhadap kilang-kilang yang melakukan pencemaran tersebut. Tetapi perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh peraturan kerajaan dan juga peraturan perundangan serta peraturan agar apa yang kita akan bawa ke Mahkamah nanti ia akan berpihak kepada kerajaan.

Untuk pertanyaan tadi, pada tahun 2014 terdapat 49 kes yang melibatkan pencemaran telah dihadapkan ke mahkamah. Dan, untuk pengetahuan Bukit Permai, bagi kes pencemaran terdapat 14 kes, bagi kes, bagi kes yang melibatkan pencemaran udara daripada premis industri 1 kes; daripada kenderaan asap hitam 6 kes dan daripada kesalahan pembakaran terbuka 17 kes. Kes-kes yang dibawa

ke mahkamah di atas ketidakpatuhan pada notis arahan sebanyak 4 kes; ketidakpatuhan kepada syarat lesen 6 kes dan 1 kes akibat daripada ketidakpatuhan syarat kelulusan EIA. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, apakah syarat yang dipertimbangkan dalam meluluskan satu kilang terdiri di tepi sungai dan adakah pada masa yang akan datang pembinaan kilang di tepi sungai dibenarkan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya dasar kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang, apabila ia melibatkan sesuatu permohonan yang melibatkan kawasan tadahan air bagi kawasan empangan dan juga tempat untuk sumber air, kerajaan tidak akan mempertimbangkan segala permohonan tersebut. Dan bagi kilang ini sebenarnya, seperti yang saya sebutkan, kilang ini adalah merupakan kilang haram. Maka saya minta jasa baik daripada Wakil-Wakil Rakyat yang mungkin ada terutamanya di kawasan-kawasan bandar, beritahu maklumat-maklumat yang berkaitan tentang kilang-kilang yang ada. Mungkin ianya boleh membantu kepada pihak kerajaan terutamanya PBT untuk menguatkuasakan undang-undang. Kadang-kadang permohonan mereka ini, macam contoh, macam contoh bagi kilang ini, Majlis Daerah Kulaijaya memberikan lesen sementara atas permohonan *storage*, atas permohonan penstoran, dijadikan stor. Tetapi apabila dapat lesen sementara, ianya menjadi sebuah kilang dan inilah sebenarnya kelemahan yang perlu ada, yang perlu diketatkan dan pihak wakil rakyat perlu membantu kerajaan tidak kiralah di peringkat wakil rakyat Barisan Nasional lebih-lebih lagi pada peringkat pembangkang.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 6.

Perbadanan Islam Negeri Johor (PIJ) telah mengeluarkan bantuan usahawan belia sebanyak RM5,000.00 kepada setiap pemohon yang layak. Apakah perkembangan terkini hasil daripada bantuan tersebut?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di atas soalan Yang Berhormat Sungai Abong iaitu kalau ikut daripada soalan Yang Berhormat Sungai Abong tentang bantuan RM5,000.00 kepada usahawan-usahawan belia iaitu melalui Perbadanan Islam Johor. Sebenarnya soalan Yang Berhormat ini sebenarnya tertumpu kepada hanya satu program.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Sungai Abong, iaitu bagi program di bawah Program Perbadanan Islam Johor ini kita telah memperkenalkan iaitu 4 program untuk kita memperkasakan NGO belia, peniaga dan usahawan kecil Islam. lanya bertujuan membantu mengembangkan ekonomi belia-belia Islam iaitu bertepatan dengan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mahu melihat ekonomi belia terus berkembang.

Sebenarnya di sini kita terdapat juga selain daripada bantuan RM5,000.00, kita juga telah memperkenalkan satu program bantuan iaitu antara penerima teramai untuk Program Bantuan Penjaja Kecil RM500.00 iaitu yang mana pada tahun 2014 sahaja seramai 400 orang telah menerima RM500.00 yang bernilai keseluruhannya RM200,000.00 dan manakala untuk bantuan RM5,000.00 iaitu seramai 44 orang iaitu jumlah keseluruhan RM220,000.00 yang telah menerima bantuan tersebut.

Hasil daripada kaji selidik dan juga pemantauan menunjukkan bahawa usahawan-usahawan ini dapat menggunakan bantuan sebagai modal pusingan dan membeli peralatan bagi mengembangkan perniagaan mereka.

Antara lain program-program yang telah kita laksanakan melalui program bawah Perbadanan Islam Johor ini iaitu salah satu programnya iaitu bantuan *used collective* yang mana melaksanakan program *used collective* iaitu Program Ekspo Jualan yang melibatkan 150 orang pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 dijangka seramai 250 orang yang akan turut serta dalam program ini. Dan, insya-Allah pada tahun 2016 program ini akan diperluaskan hingga ke peringkat daerah-daerah.

Selain daripada memberi peluang dan juga ruang kepada usahawan-usahawan belia ini, Perbadanan Islam Johor juga telah bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor untuk mengadakan kursus dan juga bimbingan mengikut tahap 1 hingga tahap 3 yang mana tahap 1 iaitu kursus yang mana menekankan kepada ketahanan jati diri yang memerlukan usahawan muda melalui latihan bentuk fizikal dan juga mental. Fasa kedua pula iaitu berkaitan bengkel perniagaan, manakala fasa ketiga merangkumi perlaksanaan perniagaan.

Dan, yang paling penting sekali pihak Perbadanan Islam Johor juga telah mewujudkan satu pangkalan data, pangkalan data usahawan-usahawan ini bagi menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dan mengetahui perkembangan semasa mereka.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, mengikut angka yang diberikan tadi bahawa hanya 44 usahawan belia yang telah menerima permohonan sebanyak RM5,000.00. Hanya 44 bagi seluruh negeri Johor. Saya ingin tahu adakah syaratnya terlalu ketat ataupun belia-belia ini tidak berminat untuk menerima bantuan ini. Pada saya 44 ini satu angka yang macam main-mainlah kalau nak meniaga ni, untuk seluruh negeri Johor. Jadi, saya ingin tahu adakah belia ini tidak berminat ataupun kita punya promosinya tidak berapa baik sehinggakan angka ini terlalu kecil dan saya kira ini tidak berapa berjayalah program ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Abong. Sebenarnya pada tahun 2014 yang dimaklumkan sebentar tadi iaitu untuk bantuan yang RM5,000.00 tu 44 orang. Sebenarnya dari peringkat awal ketika pelancaran Program Bantuan Belia Islam Johor 2014, sebenarnya kita telah mewar-warkan seluruh negeri Johor kepada belia-belia tetapi sambutan peringkat awal amat mendukacitakan dan kita telah menggunakan beberapa saluran untuk kita menghebahkan bantuan yang kita sediakan melalui Perbadanan Islam Johor melalui Wakil-Wakil Rakyat dan juga Penghulu, Ketua Kampung termasuk jabatan-jabatan, agensi kerajaan yang terlibat.

Dan, pada tahun 2015, setelah mendapat peruntukan tambahan melalui pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar, untuk bantuan RM5,000.00 sahaja kita telah menetapkan iaitu 80 orang bagi kita dengan jumlah keseluruhan RM400,000.00 dan insya-Allah dengan permohonan yang ada hingga kini melebihi apa yang kita jangkakan. Dan insya-Allah setiap tahun jika atas keizinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar jika peluang itu boleh diberi lagi kepada usahawan belia akan dipertingkatkan setiap tahun.

Dan, untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Abong, daripada kebanyakan permohonan mereka, sebenarnya syarat-syarat yang kita tetapkan adalah sebenarnya tidak terlalu ketat. Kalau untuk bantuan RM5,000.00 sahaja dengan peruntukan RM400,000.00 keseluruhan, umur yang boleh memohon yang ditetapkan untuk permohonan 18 hingga 40 tahun, pendapatan tidak melebihi RM4,000.00 dan mereka telah berniaga lebih daripada setahun. Dan mereka juga perlu ada pendaftaran perniagaan, akaun syarikat, pengesahan dokumen dan juga sokongan.
Dan, berbeza dengan bantuan yang kita berikan untuk penjaja kecil Perbadanan Islam Johor iaitu bantuan sebanyak RM500.00 di mana peruntukan keseluruhan yang disediakan adalah RM600,000.00 dan kita jangka pada tahun 2015 sahaja, 1,200 orang penerima yang akan menerima bantuan RM500.00 iaitu pertambahan hampir 300% daripada tahun 2014 yang mana pendapatan tidak melebihi RM4,000.00, telah meniaga kurang setahun dan mereka perlu mempunyai pendaftaran perniagaan atau lesen Pihak Berkuasa Tempatan, mempunyai akaun peribadi, pengesahan dokumen dan juga sokongan daripada pemimpin-pemimpin tempatan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Raja, Jemput.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja): Assalamualaikum Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

Dalam hasrat kerajaan untuk mencapai matlamat Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di kalangan pelajar-pelajar, adakah kerajaan telah betul-betul bersedia untuk menyediakan prasarana yang lengkap dan mencukupi terutama di sekolah-sekolah luar bandar.

YB Speaker : Yang Berhormat Gambir, Jemput.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniayandy (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri soalan saya soalan nombor 8 dan 9.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (*High Order Thinking Skills*) menjadi inti pati dalam soalan-soalan UPSR yang menguji pemikiran Kreatif, Kreatis dan Kredibiliti pelajar. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pendidikan Johor dan agensi lain seperti YPJ dalam menyerapkan HOTS ini buat pelajar-pelajar yang lemah dalam pembelajaran?

Apakah perancangan-perancangan yang dibuat oleh Jabatan Pelajaran Negeri Johor dalam usaha menyiapkan pelajar-pelajar yang tidak mencapai keputusan yang memberangsangkan dalam peperiksaan PTS dan SPM?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi salam

sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri, sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, definisi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan seseorang pelajar itu untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan juga nilai yang ada yang dipelajari dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya untuk mencipta sesuatu. Dalam menjayakan matlamat Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ini, ia tidak bergantung semata-mata kepada prasarana di sekolah sebaliknya bergantung kepada kefahaman dan kemahiran guru, kesediaan murid serta instrumen pentaksiran yang digunakan.

Dari segi penyediaan prasarana, Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya sentiasa menyediakan dan menaik taraf segala kemudahan-kemudahan infrastruktur asas di semua sekolah khususnya sekolah-sekolah di luar bandar supaya seiring dengan perancangan dan perubahan kokurikulum sekolah dari semasa ke semasa. Antara kemudahan infrastruktur yang diberikan secara fokus ialah kemudahan yang berkaitan dengan bekalan air bersih, kemudahan bekalan elektrik, kelengkapan perabot dalam bilik darjah serta kemudahan-kemudahan untuk pembelajaran ICT dan mata pelajaran Sains. Ini semua merupakan prasarana asas di setiap sekolah.

Secara perbandingannya pencapaian keputusan UPSR 2014 tidak menunjukkan perbezaan yang ketara antara pencapaian bandar dan luar bandar kerana perbezaan nilai GPN adalah sebanyak 0.02 mata gred dan berdasarkan statistik pencapaian pelajar UPSR 2014 GPN bagi bandar ialah 2.17 mata gred berbanding GPN luar bandar 2.19 mata gred.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ini dilaksanakan dan dinilai bukan sahaja kepada murid-murid UPSR malah juga di semua peringkat kelas pembelajaran PT3 dan juga SPM. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif telah dan akan terus dilakukan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang melibatkan guru dan para pelajar bagi meningkatkan penguasaan dan pencapaian pelajar. Antaranya :

1. Melaksanakan bengkel dan kursus-kursus kepada guru-guru yang menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sebagai contoh melaksanakan bengkel-bengkel pengajaran dan pembelajaran serta membina item ataupun soalan kepada guru-guru tahap 2 serta tahun 6 bagi mata-mata pelajaran Teras yakni Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di samping Bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

2. Menyediakan modul-modul gerak gempur yang mengutamakan soalan-soalan yang berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bagi mata pelajaran yang tertentu bertujuan memberikan kemahiran yang berterusan kepada calon-calon secara berperingkat dan berkala.

3. Melaksanakan dialog prestasi akademik di peringkat sekolah, peringkat daerah dan juga peringkat negeri bagi menganalisa kemajuan dan peningkatan pencapaian murid-murid sebelum menghadapi UPSR, PT3 dan juga SPM. Dialog prestasi akademik secara berfokus dan berperingkat dilaksanakan oleh Pengarah Pendidikan Negeri Johor bersama-sama Pengetua serta Penolong Kanan Kokurikulum bagi sekolah-sekolah yang pencapaiannya berprestasi rendah. Dialog ini merupakan satu proses *post mortem* membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi secara

berfokus berdasarkan pada data-data pencapaian, dengan izin, *take off value* calon-calon yang akan mengambil peperiksaan.

4. Membugar program *Hit Count* dengan izin, di peringkat sekolah, daerah dan negeri bagi mengenal pasti potensi akademik dan kerjaya murid melalui Tahun 1 hingga 6 dan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan secara persetujuan bersama bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Sebelum membuat perancangan *Hit Count*, sekolah terlebih dahulu akan mendapatkan data pencapaian murid melalui nilai *take off value* itu. Sebagai contoh, *take off value* bagi pelajar SPM diambil daripada keputusan peperiksaan akhir Tingkatan 4 dan diunjurkan untuk mendapatkan *expected target result*, dengan izin.

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Raja, Jemput.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya sedia maklum menggalakkan memahami sistem pendidikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi memang kita galakkan. Pelajar-pelajar di luar bandar setakat ini banyak kekurangan-kekurangan yang dapat sebagaimana pelajar-pelajar di dalam di sekolah-sekolah dalam bandar. Terlalu jauh. Kalau nak pandai terpulanglah kebijaksanaan guru-guru yang ada. Cara macam mana, cara ada komputer, tak ada komputer, jauh beza sekolah bandar dengan sekolah luar bandar. Anak-anak sekolah luar bandar terdedah persekitarannya dengan keadaan kampung, pokok kelapa, kelapa sawit, pokok getah. Kalau disoal tentang itu, memang lancar jawab. Tapi, pendedahan yang di luar, jauh, Kalau nak ceritakan, ceritakan pasal Putrajaya, mungkin dia dapat cerita daripada buku. Adakah Kementerian menyediakan selengkap-lengkapnya kepada pelajar-pelajar luar bandar ini tentang buku bercerita, bercerita tentang buku cerita-cerita gambar, komputernya, apa-apanya jangan nak melaksanakan akhirnya tertinggal sebagaimana pelajar-pelajar yang telah dialami. Kita hendak kalau boleh Kementerian, ada ke Kementerian, soalanlah. Adakah Kementerian menyediakan soalan maknanya, *try-try*, percubaan kepada pelajar-pelajar supaya pelajar-pelajar ni tidaklah nanti ada keputusan peperiksaan yang betul-betul, dia gagal. Jadi, adakah kementerian menyediakan kemudahan-kemudahan ataupun percubaan-percubaan, soalan-soalan untuk pelajar-pelajar, baik sekolah bandar ataupun luar bandar? Itu soalan saya. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini macam berleter pula. (Dewan ketawa). Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Raja, yang bertanya tentang kemudahan-kemudahan termasuk soalan-soalan. Saya dah nyatakan tadi dalam, apa nama tu program-program yang dilaksanakan oleh peringkat jabatan. Sebab Modul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ini adalah satu pendekatan baru. Maka, dari masa ke semasa pihak jabatan memang sentiasa mengadakan, satu tadi saya katakan program-program untuk memperkukuhkan guru-guru ni dalam membuat soalan-soalan, dalam masa yang sama juga memang menyediakan modul-modul untuk gerak gempur maknanya setiap masa soalan-soalan itu supaya murid-murid biasa dengan soalan-soalan yang berbentuk kemahiran aras tinggi ini.

Sebab, kalau kita tengok soalan dalam contohnya, PT3 yang lepas, setiap soalan itu dia ada 3 bahagian eh. Contoh kalau soalan 1A dia mudah, kalau baca soalan, jawab mudah, jawapan B, dia susah sikit dan soalan C dia akan bertambah susah. Dan, ini memang sentiasa, pihak jabatan memberikan pendedahan kepada guru dan juga para pelajar.

YB Speaker : Jemput.

YB Datuk M. Asojan a/ Muniandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sebenarnya soalan saya.

YB Speaker : Ringkaskan, ringkaskan.

YB Datuk M. Asojan a/ Muniandy (Gambir) : Yang nombor 9. Apakah perancangan-perancangan yang dibuat oleh Jabatan Pelajaran Negeri Johor dalam usaha menyiapkan pelajar-pelajar yang tidak mencapai keputusan yang memberangsangkan?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita tengok selepas keputusan SPM dan juga PTS ni, 30 hingga 40% pelajar ini dengan izin, *drop out*? Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan Jabatan Pelajaran Negeri Johor untuk menyiapkan pelajar-pelajar ini untuk menghadapi masa depan mereka? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk, baik, saya telah katakan tadi inilah satu pendekatan ataupun satu modul yang baru dalam konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Mungkin saya boleh *highlight* di peringkat JPN, Jabatan Pendidikan Negeri Johor kita juga dalam masa yang sama merintis satu program yang disebut sebagai Pembelajaran Abad 21, yang mana dalam konteks Pembelajaran Abad 21 ini mengutamakan soal kaedah kategori yang menggalakkan interaksi antara murid dan juga guru, antara murid dengan murid dengan juga menyediakan ekosistem pelajaran yang lebih kondusif ke arah itu.

Kalau tadi, Yang Berhormat Gambir, menyebutkan tentang mungkin maksudnya ialah program khusus kepada pelajar-pelajar, yang mungkin pencapaiannya tidak begitu memberangsangkan dalam UPSR ataupun PT3, buat masa ini tidak ada satu perancangan yang khusus terhadap pelajar-pelajar ini kecuali yang saya katakan tadi daripada *head count* yang dalam program *head count*, yang mana pelajar-pelajar yang dikenal pasti tidak mencapai penguasaan, yang tahap menguasai ini akan diadakan program-program yang berbentuk fokus kepada mereka, untuk memahami khususnya kaedah soalan-soalan ,yang apa nama tu, Kemahiran Berasas Tinggi ini. Setakat ini itu, yang telah, yang sedang, sebab ini pun baru tahun pertama KBAT ini dilakukan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas selama 2 hari.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan sistem percukaian yang baru iaitu GST mulai 1 April 2015. Johor Jaya tetap mengambil pendirian bahawa negara kita tidak sesuai untuk melaksanakan sistem percukaian yang baru ini pada masa kini. GST akan membebankan rakyat terutamanya golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bertitah bahawa Pihak Berkuasa Tempatan tidak harus mengenakan GST terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat supaya tidak menambah lagi beban bayaran. Pihak kerajaan negeri pun telah mengumumkan bahawa pihak kerajaan akan menyerap GST yang berkos lebih RM3 juta setahun untuk semua, kesemua 16 Majlis Perbandaran.

Johor Jaya menyeru pihak kerajaan supaya bukan sahaja menyerap kos ini tetapi memohon pengecualian atau membantah GST terhadap perkhidmatan PBT. Penyerapan ini adalah tidak wajar kerana walaupun kerajaan negeri menyerap kos ini tetapi ini juga membebankan kedudukan kewangan negeri Johor. Kos yang diserap ini akhirnya bayaran daripada rakyat. Ini sama dengan mengguna wang rakyat untuk membayar GST.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut laporan terdapat 7.28 juta pemohon BRIM yang layak mendapat BRIM pada tahun 2015. Di antara 7.28 juta ini, 890,000 pemohon adalah daripada negeri Johor. Ini telah menunjukkan sekurang-kurangnya 890,000 pemohon yang berpendapatan keluarganya kurang daripada RM4,000.00.

Isu pembangunan perumahan adalah satu perkara utama, kerana tempat tinggal merupakan salah satu keperluan asas bagi seseorang. Memandangkan kos sara hidup dan harga perumahan yang semakin meningkat terdapat semakin ramai rakyat yang tidak mampu membeli rumah terutamanya golongan muda. Apa yang menyedihkan adalah walaupun pemohon Rumah Mampu Milik Johor sudah menerima Sijil Layak Menduduki tetapi gagal mendapatkan pinjaman di bank.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah agar memperbanyakkan lagi Skim Rumah Sewa Bilik, Sewa Beli untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Johor Jaya berharap agar pihak kerajaan dapat merancang dengan teliti semasa membina Rumah Sewa Beli. Selain Rumah Sewa Beli, Program Perumahan Rakyat dan Rumah Pangsa Awam yang sedia ada harus diuruskan dengan sempurna. Rumah tersebut dibina dan disediakan untuk membantu rakyat yang tidak berkemampuan memiliki rumah iaitu isi rumah kurang daripada RM2,500.00 sebulan. Pembinaan yang baru harus mengambil kira lokasi perumahan tersebut.

Sebagai contoh, terdapat PPR yang terletak jauh dari jalan utama. Dan, apa yang menyedihkan adalah tiada pengangkutan awam yang disediakan. Contohnya, PPR Kempas Permai, di mana Johor Jaya diberitahu bahawa pengangkutan awam hanya akan disediakan sekiranya penduduk yang mencukupi. Macam mana pula bagi penduduk lain yang terpaksa menunggu penduduk yang mencukupi barulah mereka mendapat pengangkutan awam ini. Johor Jaya menyeru pihak kerajaan supaya memantau pembinaan PPR yang telah diluluskan tetapi masih belum dimulakan pembinaannya. Johor Jaya juga berharap pihak kerajaan mengambil tindakan yang tegas dan pro-aktif dalam menguruskan PPR terutama terhadap syarikat swasta. Tindakan yang sewajarnya harus diambil sekiranya syarikat swasta tidak menepati perjanjian yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembangunan negeri Johor termasuk pertumbuhan ekonomi, pembangunan tempatan, perumahan, perindustrian,

pelancongan dan sebagainya terdapat banyak perancangan yang baik tetapi bagi mengekalkan perancangan tersebut dan memastikan perancangan tersebut dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan adalah jauh lebih penting. Ini adalah tanggungjawab pihak negeri, pihak kerajaan negeri.

Sebagai anak Johor, hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Johor sebuah negeri yang merupakan destinasi pelancongan terbaik Malaysia adalah amat berbangga. Dalam usaha memajukan industri pelancongan pihak kerajaan bukan sahaja menumpukan perhatian di produk-produk baru tetapi perlu sentiasa mengambil berat terhadap produk yang sedia ada. Isu ini juga dibangkitkan oleh Johor Jaya dalam Ucapan Bajet 2015. Di antara tempat pelancongan yang dibina atau diuruskan oleh pihak kerajaan seperti taman tema, pantai, gunung dan taman rekreasi. Penyenggaraan bagi tempat tersebut adalah penting sebagai contoh, Taman Botani di Batu Pahat. Taman Botani ini amat sesuai bagi sekeluarga melawat pada hujung minggu. Pihak kerajaan juga harus memupuk penduduk tempatan supaya menjadikan tempat ini satu tempat bersenam harian.

Namun, menurut Laporan Audit Negara 2012, pembangunan Taman Botani dengan perancangan yang tidak teliti menyebabkan komponen dan landskap yang telah dibangunkan tidak sempurna dan tidak disenggarakan. Didapati Pelan Induk Pembangunan Taman Botani ini sebagai sumber rujukan bagi jangka panjang iaitu 10 tahun. Kini papan di atas jambatan kayu atau jeti yang terletak di dalam Taman Botani pun nampaknya papannya reput ini amat membahayakan keselamatan pengguna terutamanya kanak-kanak. Penduduk tempatan pun berasa tidak selesa untuk melawat tempat tersebut apatah lagi pelancong dari tempat lain. Sekiranya kemudahan asas seperti ini pun tidak dapat disenggarakan, bagaimana pula pihak kerajaan dapat pasti pelan ini dapat berjaya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita mendapati banyak produk-produk baru yang sedang dibina atau sudah siap telah di promosi secara hebat-hebatnya oleh pihak kerajaan negeri. Tidak kira sama ada tempat pelancongan itu dimiliki swasta atau pihak kerajaan. Antara yang paling popular dan juga sentiasa disebut oleh YB EXCO iaitu *Legoland, Angry Bird, Hello Kitty* dan sebagainya. Promosi adalah penting untuk menarik pelancong tidak kira dari luar atau dalam negara. Walau bagaimanapun, YB EXCO telah memberitahu kita bahawa tempat pelancongan yang terbiar seperti *Wet World* di Batu Pahat adalah dimiliki oleh persendirian. Oleh itu, kena usaha oleh syarikat yang tersendiri. Maksud terbiar bagi Johor Jaya adalah sama ada tempat tersebut tidak berurusan lagi atau komponen di dalam tidak di senggara sehingga tidak dapat menarik minat pelancong lagi. Persoalan saya, sekiranya pihak kerajaan dapat membantu mempromosikan tempat pelancongan swasta untuk menarik pelancong, adakah pihak kerajaan juga dapat mengambil berat sekiranya tempat pelancongan tersebut tidak lagi menarik? Adakah syarat-syarat bagi memastikan tempat pelancongan itu tidak menjadi tempat terbiar seperti di Batu Pahat? Apakah perancangan atau tindakan pihak kerajaan sekiranya tidak diurus dengan baik? Hal ini kerana sekiranya tempat pelancongan yang besar-besaran ini, tidak lagi menarik perhatian orang ramai, lama-lama ia akan menjadi tempat terbiar dan akhirnya merosakkan imej bandar. Dalam usaha mengembangkan industri pelancongan negeri, Johor Jaya berharap pihak kerajaan dapat mengambil berat terhadap tempat pelancongan yang sedia ada tidak kira tempat pelancongan itu swasta atau milik kerajaan. Pihak kerajaan juga harus mengambil perhatian, merancang dan mengurus pelan pelancongan dengan teliti sebelum memberi kebenaran bagi pihak swasta untuk membina tempat pelancongan. Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor perlu dilaksanakan dengan sempurna untuk memajukan industri pelancongan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada pihak kerajaan kerana jambatan yang terletak di dalam Kampung Melayu Pandan sudah siap dibina. Jaringan pengangkutan sering dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Kedua-dua jaringan penting bagi kawasan DUN Johor Jaya telah dijalankan projek menaik taraf. Johor Jaya berasa syukur kerana pihak kerajaan telah menyiapkan projek menaik taraf Pandan dari empat lorong ke enam lorong dan dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas di jalan tersebut selama ini. Salah satu lagi projek yang sedang dijalankan adalah projek menaik taraf Lebuh raya Pasir Gudang, daripada 4 lorong ke 6 lorong. Lebuh raya Pasir Gudang adalah salah satu jaringan pengangkutan yang utama dan amat penting di Johor Bahru.

Lebuh raya ini menjaring kedua-dua pelabuhan penting iaitu Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas. Projek ini bermula sejak bulan Julai tahun 2013 dan dijangka siap pada bulan September tahun ini. Cepatnya tempoh masa siap kerja akan tiba dalam beberapa bulan. Namun, projek-projek nampaknya ketinggalan jadual. Walaupun projek ini masih belum tiba masa siap kerja, namun Johor Jaya ingin sekali lagi membangkitkan isu keselamatan jalan terhadap projek menaik taraf Lebuh raya Pasir Gudang.

Johor Jaya berasa amat dukacita, di mana pihak kerajaan tidak mengambil berat tentang langkah-langkah keselamatan lebuh raya ini. Lebuh raya ini merupakan salah satu lebuh raya yang paling penting dalam Johor Bahru. Aliran trafik yang tinggi termasuk kenderaan berat dan motosikal yang melaluinya tidak kira siang dan malam. Johor Jaya ingin membangkitkan tiga masalah utama yang menjejaskan keselamatan pengguna jalan ini.

i. Masalah lubang. Masalah lubang yang teruk dan tidak dapat diselesaikan di persimpangan jambatan ke Taman Daya. Johor Jaya faham bahawa lebuh raya ini dilalui oleh kenderaan berat yang menuju ke Pasir Gudang atau Tanjung Pelepas. Namun, ini bukan satu alasan, sekiranya jalan di sini sering mengalami masalah yang sama selama-lama ini. Adakah ini tanggungjawab kenderaan berat kerana membawa muatan yang melebihi sehingga jalan berlubang tidak dapat diselesai, atau tanggungjawab kontraktor yang tidak dapat menjalankan penurapan lubang yang sempurna? Jalan ini telah diturap banyak kali, bukan ini sahaja, pihak kerajaan pun telah menutup jalan tersebut dan memberi peruntukan sebanyak RM11 juta untuk menyelesaikan masalah ini. Namun, masalah ini tidak dapat yang diselesaikan ini, hanya dapat tahan beberapa bulan sahaja, selepas itu masalah yang sama timbul lagi. Inilah masalah yang dihadapi oleh pengguna jalan tersebut di persimpangan itu. Lubang timbul, tampal, lubang lagi, tampal lagi. Ulang dan ulang walaupun kos penyelenggaraan yang tinggi pun tidak dapat menyelesaikan masalah ini.

ii. Masalah penghadang jalan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti kita lihat dari gambar ini, penghadang jalan yang tidak mencukupi sepanjang projek dilaksanakan. Batu penghadang yang berwarna hitam dengan kuning tersebut tidak disusun dengan rapat dan ada yang jatuh di tengah jalan, ini disebabkan oleh langgaran kenderaan. Projek menaik taraf ini merangkumi masalah...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : YB, ini menyalahi peraturan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang tak bagi YB Johor Jaya ini tiket *Hello Kitty* ke apa, YB Pulai Sebatang, bukan saya, kenapa dia marah saya hari ini? (Dewan ketawa).

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan, dia pun tak boleh tunjuk gambar *fly card* dia itu. Ramai-ramai serentak.

YB Speaker : Teruskan, yang lain tak payah tunjuk gambarlah, pasal yang berucap ini Johor Jaya, yang lain tak berucap. Jemput Johor Jaya…

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Projek menaik taraf ini merangkumi menambah satu lorong jambatan di beberapa lokasi. Sebagai contoh, jambatan yang terletak di bahagian kawasan Rosmerah. Satu lorong jambatan tambahan sedang dibina, satu lagi gambar ya. Hanya beberapa penghadang jalan yang diletakkan di bahagian atas jambatan ini dan sekiranya kenderaan langgar penghadang jalan ini, kemalangan akan berlaku dan kenderaan akan terus terjunam ke bawah dan di bawah ini adalah Jalan Rosmerah Utama. Ini adalah merupakan salah satu jalan yang aliran trafik yang tinggi juga.

Selain itu, bayangkan lebuh raya ini dilalui oleh motosikal, sekiranya motosikal langgar penghadang jalan yang terjatuh itu, apakah yang akan berlaku? Penghadang jalan ini semuanya penghadang konkrit yang berat dan keras, bukan penghadang yang jenis mengisi air. Kesannya batu-batu penghadang jalan tidak dapat disusun dengan rapat dan keadaan ini sangat merbahaya kepada pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam.

iii. Masalah lampu jalan. Projek ini dilaksanakan sepanjang 8 kilometer. Terima kasih kepada YB EXCO atas pasangan lampu jalan yang telah dijalankan setelah Dewan yang lepas. Lampu jalan di sepanjang jalan ini dari persimpangan Taman Daya ke persimpangan Jalan Masai Lama adalah mencukupi dan terang. Namun, pasangan lampu jalan sementara yang dipasang dari persimpangan Taman Daya dan menghala ke Perling adalah tidak mencukupi. Lampu jalan yang tidak mencukupi semasa kerja-kerja menaik taraf di jalankan adalah amat bahaya. Lampu yang tidak cukup terang akan mengakibatkan penglihatan pengguna jalan tidak jelas. Ini akan mengakibatkan kemalangan berlaku di mana kenderaan melanggar penghadang jalan atau terhimpit kenderaan lain kerana ingin mengelakkan lubang. Selain itu, pasir-pasir yang terletak di tepi jalan pun tidak di hadang. Pengguna jalan tidak dapat melihat dengan jelas di mana persimpangan tersebut sebab kadang kala kekurangan atau tiada penghadang jalan. Papan tunjuk dan lampu jalan yang menunjukkan projek menaik taraf sedang dijalankan.

Masalah yang dihadapi sebab langkah-langkah keselamatan tidak sempurna, kelewatan projek menaik taraf juga membawa kesusahan kepada rakyat kerana kesesakan lalu lintas di bahagian yang berlubang. Kenderaan terpaksa mengurangkan *speed*, dengan izinnya, untuk mengelakkan lubang dan kesesakan ini membazir masa pengguna jalan raya.
Ketiga-tiga masalah ini mengakibatkan pengguna jalan sering melanggar penghadang jalan dan Johor Jaya pun pernah menyaksikan beberapa kes yang berlaku di depan mata. Walaupun masalah ini belum membawa kemalangan yang serius sehingga membawa maut, tetapi pihak kerajaan harus mengambil berat terhadap masalah ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekali lagi Johor Jaya ingin menekankan bahawa Lebuh raya Pasir Gudang adalah lebuh raya yang penting. Projek menaik taraf ini, amat dialu-alukan oleh pengguna jalan kerana dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang dialami sejak 10 tahun yang lepas. Oleh itu, Johor Jaya menyeru pihak kerajaan supaya mengambil tindakan yang tegas, memantau demi memastikan projek ini dapat siap dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu September 2015. Kualiti kontraktor harus dikenal pasti, pembinaan tersebut harus dijalankan dengan tender terbuka dan tindakan denda harus dikenakan bagi kontraktor yang tidak dapat mematuhi syarat ataupun siap sesuatu projek dalam masa yang tertentu demi memastikan kualiti dan keberkesanan setiap kontraktor. Langkah-langkah keselamatan mesti diambil dengan tegas untuk memastikan pengguna jalan tidak berada dalam keadaan yang bahaya semasa mengguna jalan. Apakah SOP, dengan izinnya, *standard operating procedure*, keselamatan apabila projek menaik taraf sedang dijalankan? Adakah kontraktor mematuhi syarat-syarat yang telah ditentukan? Ini adalah tanggungjawab pihak kerajaan supaya menyediakan infrastruktur awam, memastikan infrastruktur ini diselenggarakan dan mengambil berat nyawa pengguna jalan raya. Keselamatan pengguna jalan raya harus diutamakan apabila apa-apa projek menaik taraf dijalankan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat 15 PBT di seluruh negeri Johor. Sebagai Wakil Rakyat, kita semua sering berunding dengan pihak PBT masing-masing untuk menyelesaikan masalah rakyat dan masalah tempatan. Kerumitan timbul apabila sempadan PBT dan sempadan kawasan DUN dan Parlimen tidak diselaraskan ataupun tidak *harmonize*, dengan izinnya, saya merujuk kepada keadaan di mana sempadan atau satu kawasan DUN merangkumi dua ataupun lebih PBT. Contohnya, kawasan Johor Jaya yang dipecah-pecahkan kepada tiga kawasan iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Keadaan di Johor Jaya ini cukup istimewa tetapi bukan sahaja ini telah menyusahkan rakyat dan pengundi. Sehubungan dengan itu, saya ingin membangkitkan dua isu.

i. Isu persempadanan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan jelas memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri iaitu kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan Menteri Besar Yang Berhormat DUN Permas untuk menetapkan sempadan sesuatu kawasan PBT. Menurut Seksyen 3 (C) Akta tersebut, saya baca, bagi pentadbiran kerajaan tempatan di bawah Akta ini, pihak berkuasa negeri berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan raya, boleh melalui pemberitahuan dalam warta menentukan sempadan bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu. Jelas apabila undang-undang dibuat dahulu, ia meminta kerajaan negeri, apabila menetapkan kawasan sempadan PBT, berunding dengan Suruhanjaya Pilihan raya, kenapa begitu? Kerana kerajaan yang bertanggungjawab seharusnya mengelakkan keadaan di mana kawasan satu DUN dipecah-pecahkan kepada dua atau tiga PBT. Sempadan PBT dan sempadan DUN dan Parlimen sepatutnya lebih terancang ataupun *harmonize*, dengan izinnya.

ii. Isu persempadan semula kawasan pilihan raya. DUN dan Parlimen salah satu kriteria penempatan sempadan kawasan pilihan raya adalah isu sempadan PBT. Sekarang, diketahui umum kerajaan negeri berhasrat menyemak semula kawasan sempadan PBT juga kerja persempadan semula kawasan pilihan raya oleh SPR ataupun sedang dijalankan. Dengan itu, saya berharap pihak kerajaan dapat membuat kajian yang teliti dan perbincangan dengan Suruhanjaya Pilihan raya supaya persempadan bagi kawasan PBT dapat

selaras dengan kawasan DUN. Persempadan semula ini juga harus mengambil kira jumlah penduduk yang semakin bertambah dan juga unjuran pada 5 atau 10 tahun yang akan datang apabila kawasan perumahan dan perindustrian yang baru siap dibina.

Saya meminta pihak kerajaan mengumumkan maklumat dan rancangan berkenaan dengan persempadanan semula kawasan PBT sebelum keputusan dibuat agar penduduk, pihak peniaga dan juga Wakil Rakyat dapat memberi maklum balas yang baik. Sekarang wujud rasa ketidakpastian di kalangan rakyat dan ini akan membantutkan sebarang usaha untuk menambah baik perkhidmatan PBT.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir kata, pelaksanaan GST telah membebankan rakyat. Kadar jenayah turut akan meningkat sekiranya masyarakat hidup dalam keadaan ekonomi yang ketat. Pencegahan jenayah perlu demi kemakmuran dan keamanan masyarakat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan di sambung semula pada jam 11:20 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Pekan Nenas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Selamat Pagi dan Salam Sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya yang bersidang hari ini mengambil kesempatan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Yang Ketiga Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada 7 Mei yang lalu.

Hari ini saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk memperjuangkan kepentingan rakyat dan membawa beberapa pokok yang amat dipandang serius oleh segenap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaksanaan GST sejak 1 April yang lalu telah menambah beban hidup segenap lapisan masyarakat. Hari pelaksanaan GST adalah hari *April Fool* yang paling teruk dalam sejarah Malaysia. Semua rakyat rasa tertipu oleh janji-janji kosong dan propaganda Kerajaan Barisan Nasional yang sering kali menyatakan menegaskan bahawa harga barang akan turun selepas perlaksanaan GST. Tidak seperti yang diramalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Harga barang tidak turun selepas cukai jalan dan perkhidmatan (SST) digantikan oleh GST tetapi sebaliknya harga barang meningkat secara mendedak.

Menurut hasil pemantauan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), kebanyakan barangan mengalami kenaikan harga antara 20% hingga 30% selepas pelaksanaan GST. Rakyat baru sedar bahawa GST ini *Government* Suka Tipu, GST ini Gigit Sampai Tulang, betapa sakit hatinya rakyat apabila mereka mendapati wang di dalam dompet sekali-sekala ditelan oleh GST, bukan dimakan

ditelan habis-habisan Yang Berhormat Dato' Speaker. Sampailah Ahli Parlimen Barisan Nasional Sepanggar juga berasa terhimpit dan hendak berteriak di Parlimen selepas beliau terpaksa membayar GST sebanyak RM1,200.00 untuk rawatan perubatan anaknya apatah lagi perasaan rakyat jelata. Pelaksanaan GST perlu dimulakan pada kadar yang minimum supaya tidak menambahkan beban rakyat secara mendadak. Contohnya pelaksanaan GST di Jepun dan Singapura dimulakan dengan kadar cukai 3% sahaja. Oleh itu kerajaan perlu mengkaji untuk menurunkan kadar cukai GST.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketirisan dan keborosan pentadbiran kerajaan Barisan Nasional perlu dikawal dan dibendung dengan sepenuhnya sebelum pelaksanaan GST. Cukai GST dikutip daripada segenap lapisan masyarakat tidak mengira miskin, kaya, kaum dan umur. Semua orang kena bayar GST daripada bayi sampailah orang tua, walaupun orang sudah mati, perbelanjaannya juga kena caj GST. Kerajaan perlu gunakan cukai GST yang dipungut secara berhati-hati. Janganlah peruntukan untuk pembangunan tidak mencukupi sepanjang tahun. Tetapi ada peruntukan untuk membeli jet peribadi. Janganlah sekali-kali membeli alatan dengan harga berkali-kali ganda, lebih mahal daripada harga tertinggi di pasaran. Cukai yang dipungut daripada golongan miskin seumpama dicampak masuk ke poket kroni sekiranya ketirisan dan keborosan Barisan Nasional tidak dibendung. Adalah tidak wajar dan tidak sesuai untuk pelaksanaan GST di negara kita selagi keborosan dan ketirisan kerajaan Barisan Nasional tidak dikawal.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat tuduhan daripada Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa peniaga pro-pembangkang sengaja menaikkan harga supaya rakyat marah kepada kerajaan Barisan Nasional dan menggagalkan hasrat baik kerajaan memperkenalkan GST. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, janganlah membuat tuduhan yang tidak berasas terhadap parti pembangkang apabila menghadapi bantahan rakyat terhadap GST. Kerajaan BN yang melaksanakan GST perlulah tanggung sendiri. Siapa itu peniaga pro-pembangkang? Kalau ada tolong senaraikanlah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hari pertama pelaksanaan GST terdapat 815 aduan diterima mengenai GST. Daripada jumlah ini, 40% merupakan aduan mengenai pembelian kad tambah nilai pra-bayar telefon, dengan izin *topup card* yang turut dikenakan caj GST. Rata-rata rakyat memuat naik resit pembelian *topup card* di *facebook* dan laman media sosial. Memandangkan begitu ramai aduan tentang *topup card*, adakah syarikat-syarikat telekomunikasi ini peniaga pro-pembangkang sengaja menaikkan harga barangan supaya rakyat marah. Tidak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tengoklah macam mana Timbalan Menteri Kewangan menjawab soalan tentang masalah *prepaid card*. Beliau berkata pihak Kastam DiRaja sedang memanggil syarikat telekomunikasi untuk memberi keterangan mengenai aduan yang diterima ini. Jika mereka berdegil tidak mahu mengikut arahan, maka kita akan bawa kes ini ke mahkamah dan ianya akan jadi kes pertama. Sekiranya masih berdegil, beliau juga berkata pembeli dinasihatkan menyimpan resit dan pergi semula ke mana-mana premis perniagaan bagi menuntut bayaran balik wang yang telah dibayar semasa membeli kad nilai tambah pra-bayar telefon. Tapi sampai hari ini, masalah *topup card* masih belum di selesai, GST masih dikenakan. Resit yang dinasihati untuk disimpan tidak boleh pakai untuk tuntutan bayar balik. Syarikat-syarikat yang dituduh degil ini tidak dibicarakan mahkamah. Cakap tidak serupa bikin. Itu adalah sebab rakyat marah, bukanlah sebab peniaga pro-pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tengoklah terdapat seorang peniaga kecil di Teluk Intan. Dia cuba membunuh diri sebab menghadapi pelbagai masalah semasa pelaksanaan GST pada 2 hari yang dulu. Bukannya semua salah peniaga, pun bukannya semua peniaga mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang, sebaliknya banyak di antara mereka terpaksa menamatkan perniagaan mereka semasa GST dilaksanakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau parti pemerintah masih tidak tahu rakyat marah, saya boleh bagi tahu. Kalau parti... janganlah selalu cakap bukan-bukan. Janganlah senang untuk tuduh parti pembangkang. Macam semuanya adalah salah parti pembangkang. Tapi siapa yang memegang kuasa? Iaitu adalah parti pemerintah. Macam kacang lupakan kulit. Ini adalah situasi pemimpin Barisan Nasional sekarang.

Kos sara hidup rakyat semakin melonjak tinggi...

YB Datuk Haji Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, Peraturan Mesyuarat 45(13), saya nak sebut kepada YB Pekan Nenas. Saya dengar satu perkataan tadi bahawa YB menuduh, dituduh... kata pembangkang dituduh segala-galanya tetapi saya nak mintak YB tarik balik perkataan "membeli jet peribadi tadi dengan wang rakyat", "jet peribadi"... ada sebut tadi Dato' Speaker. Adakah itu tuduhan yang palsu ataupun itu sengaja dituduhkan? Jet peribadi. Tidak ada jet peribadi, jet kerajaan.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Itu jet peribadi untuk kerajaan. Siapa yang pakai? Jangan cakap macam itu.

YB Datuk Haji Adham bin Baba (Pasir Raja) : Jet peribadi berbeza dengan jet kerajaan.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Jet itu siapa yang pakai semua orang tahu.

YB Datuk Haji Adham bin Baba (Pasir Raja) : Siapakah yang dinamakan jet peribadi tersebut?

YB Timbalan Speaker : 13...

YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker...

YB Timbalan Speaker : Nanti dulu. Skudai duduk dulu...

YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Pasir Raja telah salah gunakan...

YB Timbalan Speaker : Biar Pasir Raja...

YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan... Peraturan Tetap itu cuma menuduh ke atas diri seorang ahli lain masa Ahli Dewan sini. Tiada sesiapa yang selain daripada waktu itu, dia tak rujukkan nama sesiapa itu. Saya rasa boleh diterima.

YB Timbalan Speaker : Tak payah sentuh lagi benda-benda yang... Teruskan perkara-perkara yang lain.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kos sara hidup rakyat semakin melonjak tinggi sejak akhir-akhir ini. Pemimpin-pemimpin

perlulah memahami kesengsaraan hidup yang dialami oleh rakyat. Bukanlah sekali-sekala menyeru rakyat bersyukur, mengubah cara hidup, menasihatkan rakyat supaya bijak membeli. Cuba dapatkan ayam RM1.00 seekor, tetapi ayam itu hanya dijumpai oleh Perdana Menteri sahaja. Janganlah menyeru rakyat bercucuk tanam dan menternak ayam di halaman rumah, malangnya rumah pangsa tidak ada tanah, rumah teres untuk orang miskin terlalu kecil. Dulu cakap GST baik, akhirnya menasihati rakyat UiTM, menasihati pelajar UiTM memasak sendiri untuk mengelakkan GST, ini semua memancing kemarahan rakyat. Apakah kerajaan Barisan Nasional mahu lagi? Kalau harga sayur naik, rakyat dinasihati untuk bercucuk tanam. Kalau mengikut logik ini, apabila bayaran air dikenakan GST, apabila tarif akan meningkat lagi, adakah rakyat
akan dinasihatkan untuk menggali perigi untuk mendapatkan sumber air sendiri? Kalau harga petrol minyak naik, adakah rakyat perlu menggali tanah lebih dalam lagi supaya boleh untuk mendapat petroleum? Cadangan-cadangan pemimpin-pemimpin tidak dapat menyelesai masalah rakyat tetapi menimbulkan kemarahan rakyat dan menyebabkan rakyat hilang keyakinan terhadap Kerajaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pemimpin-pemimpin berani menasihatkan rakyat supaya ubah cara hidup, belanja jimat cermat. Tetapi apa cara hidup mereka? Menurut pasukan petugas pemantau jenayah Malaysia, dia sudah menterbit satu siri gambar yang memaparkan jam tangan mewah yang dipakai oleh ahli-ahli politik. Menurut hasil penemuan tersebut, pemimpin-pemimpin UMNO lebih gemar memakai jam tangan mewah. Gambar-gambar menunjukkan isteri Perdana Menteri ada 4 jam tangan mewah di antaranya jam yang paling mahal adalah bernilai RM486,000.00 Jumlah 4 jam tangan sudah bernilai lebih kurang RM1 juta. Perdana Menteri juga pun ada jam tangan yang mahal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat perlu bertungkus-lumus bekerja membayar ansuran tiap-tiap bulan selama berpuluh-puluh tahun untuk memiliki satu rumah mampu milik. Tapi harga jam tangan untuk pemimpin-pemimpin politik sudah berkali-kali ganda lebih mahal daripada rumah mereka. Bayaran mendandan rambut ahli politik juga melebihi gaji minimum bulanan di Malaysia. Adakah ini munasabah? Pasti rakyat marah apabila melihat keborosan dan kemewahan cara hidup pemimpin yang sering kali menasihati mereka supaya bersyukur, berjimat-cermat dan ubah cara hidup.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah kemewahan hidup pemimpin politik setimpal dengan pendapatan mereka? Terlalu ramai orang yang mempertikaikannya. Bukan sahaja di negara kita tetapi juga di peringkat antarabangsa. Menurut majalah Indonesia 'Tempo', sejak akhir-akhir ini telah menyiarkan satu rencana bertajuk "Hidup Mewah Sang Perdana Menteri " yang mengatakan gaya hidup mewah Perdana Menteri dan isterinya. Selain itu *New York Times* juga mengatakan isteri Perdana Menteri memiliki barang emas, barangan kemas...

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya, Dato' Speaker saya, Peraturan 46, sebut nama janganlah...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Tak, saya tak ada sebut nama.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Isteri kepada sesiapa pun jangan sebutlah.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Tak, saya tak ada sebut nama.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tuduhan mengatakan berapa ratus ribu ringgit tadi, betul tak betul. Itu kalau tak betul kita bawa pada ....

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Itu ada dilaporkan dalam...

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Adakah itu betul atau sengaja dibawa.

YB Timbalan Speaker : Senai, sila gulung. Eh, *sorry* Pekan Nanas, sila gulung.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Belum lagi, belum lagi. Hanya 10 minit sahaja. (Dewan ketawa). Kita tengok...

YB Timbalan Speaker : Itu jam murah.(Dewan ketawa). Jam mahal.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dan menurut *The New York Times* juga didapati isteri Perdana Menteri mempunyai...

YB Timbalan Speaker : Saya rasa dah cukuplah tu...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Dah cukup.

YB Timbalan Speaker : Ha cukup.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Cukup, tapi saya pendek sikitlah. (Dewan ketawa).

YB Timbalan Speaker : Tak payah, tak payah.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ok, ok. Dan dengan ini sudah ditimbulkan keraguan di mana datangnya duit begitu banyak untuk pemimpin-pemimpin kerajaan, yang tidak setimpal dengan pendapatannya dan kredibiliti dan kepimpinan selalu dipertikaikan, akibat kegagalan untuk menjelaskan berbagai isu dan walaupun dan sampailah hari ini dana Tabung Haji juga digunakan untuk beli tanah 1MDB di Tun Razak Exchange, 1MDB ini membeli tanah dengan harga RM64.00 satu kaki. Manakala Tabung Haji kena membeli tanah tersebut dengan harga RM2,773.00 satu kaki persegi.

Dengan itu semasa isu ini masih hangat dibincangkan kita dapati wang Kumpulan Wang Persaraan juga dilaporkan membeli tanah 1MDB dengan harga yang tinggi. Adakah ini cara untuk memastikan yang 1MDB mendapat wang yang cukup untuk membiayai hutang. Adakah dana yang terdapat di Tabung Haji. Kumpulan Wang Persaraan EPF mengalami risiko yang terus disalahgunakan untuk menyelamatkan wang 1MDB yang berhutang sebanyak RM420 bilion. Oleh itu, saya masih pandangan bahawa Perdana Menteri perlu meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Penasihat 1MDB (Dewan bertepuk). Walaupun cadangan Rundingan saya ditolak.

YB Timbalan Speaker : Tak payah diulang lagi.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ah...

YB Timbalan Speaker : Sudah ditolak oleh Speaker. Tak payah diulang lagi. (Dewan ketawa).

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Dan Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Saya bukan gulung, tukar *topic.*

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Timbalan Speaker, Nampaknya Parit Raja tak berdiri membantah, nampaknya sudah terimalah apa yang dikata oleh Pasir Raja, minta maaf (Dewan ketawa).

YB Dato' Adham bin Baba (Pasir Raja) : Skudai salah sebut, Parit Raja. Saya dari Pasir Raja, bukan Parit Raja. Itu pun salah sebut.

YB Timbalan Speaker : Jemput gulung, bagi *chance* orang lain.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Saya tukar *topic.* Dan, Rundingan sudah ditolak ini sebagai pampasan masa dan ini sayalah. Kalau tak ada bagi sagu hatilah kerana saya sakit hati. (Dewan ketawa).

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Peraturan. Ini bukan pasar.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ha, ha ok. Yang Berhormat Timbalan Speaker. Biar saya ambil sikit masa untuk menumpu kepada berapa isu tempatan. Ini bukanlah isu yang apa-apalah. Yang Berhormat Timbalan Speaker, semua kenderaan dari kawasan Pontian Kecil, Pekan Nanas dan Kukup mesti merentasi kawasan Bandar Pekan Nanas sebelum sampai ke Johor Bahru. Kawasan Bandar Pekan Nanas telah menghadapi masalah kesesakan lalu lintas setiap hari, akibat bilangan kenderaan yang semakin meningkat khasnya pada waktu penduduk pergi atau balik daripada Johor Bahru untuk bekerja.

Keadaan ini semakin meruncing dalam jarak lebih kurang hanya 5 kilometer di Jalan Johor di kawasan Bandar Pekan Nanas. Penduduk terpaksa menggunakan lebih kurang 15 minit untuk melaluinya. Kadangkala pada *peak hour* seperti musim perayaan. *Traffic jammed* sampai lebih kurang 30 minit. Sepanjang pengetahuan saya projek pembinaan jalan akses Johor Bahru – Pontian di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-10, tapi nampaknya masa sudah suntuk, tapi bayang masih tidak dinampak. Rancangan perlu dilaksanakan bukan setakat dalam perbincangan. Oleh itu saya berharap projek pembinaan jalan akses Pontian – Johor Bahru dapat direalisasikan dengan secepat mungkin, untuk meringankan kesesakan yang dialami oleh penduduk tempatan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, struktur bangunan di pusat perniagaan perdagangan Kukup yang dibangunkan di bawah Projek Penswastaan Pembangunan Komersial yang melibatkan usaha sama pihak MDP dan pemaju swasta telah mengalami kerosakan dan keretakan yang serius sejak Januari tahun yang lepas. Walaupun laporan forensik telah siap tapi sampai hari ini bangunan yang rosak terbengkalai begitu sahaja. Siapa yang perlu bertanggungjawab terhadap kerosakan dan keretakan bangunan tersebut. Takkan bangunan akan retak dan struktur rosak sendiri dan tidak ada orang perlu bertanggungjawab.

Apabila ditanya sebab pihak MDP enggan mengemukakan laporan forensik tentang kerosakan lot kedai projek PKK di Kukup kepada pemilik lot kedai di kawasan tersebut. Jawapan yang didapati adalah pihak MDP sememangnya tidak membekalkan laporan forensik kepada pemilik yang terlibat.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, walaupun sebahagian pemilik menghadiri sesi pembentangan malah pemilik lot kedai masih memerlukan laporan forensik tersebut untuk tindakan lanjut. Kenapa pihak kerajaan hendak bersikap angkuh dan tidak menghiraukan permohonan asas pemilik bangunan untuk mendapatkan senaskhah laporan forensik. Kenapa kerajaan tidak nak bagi? Saya amat hairan ada hantu ke, macam tu.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, projek penswastaan kepenggunaan komersial merupakan projek usaha sama yang melibatkan Majlis Daerah Pontian, pemilik lot kedai menandatangani perjanjian jual beli dengan pihak MDP. Sebab itu Pihak Berkuasa Tempatan perlulah bertanggungjawab dan bertindak secara adil dan efektif. Ini adalah penting untuk menjaga kredibiliti pihak kerajaan. Saya sekali lagi menyeru pihak kerajaan membekalkan laporan forensik tersebut kepada pemilik-pemilik lot kedai.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, terdapat satu projek Petroleum Bersepadu dan Taman Industri Maritim yang dirancang akan dilaksanakan di kawasan Tanjung Piai melibatkan penempatan seluas 1,411 hektar. Projek ini akan membawa impak alam sekitar yang besar dan berbentuk tidak boleh di pelihara. Walaupun pihak kerajaan kelihatan begitu yakin terhadap pelaksanaan projek ini, malah saya meragu terhadap projek ini dan berharap pihak kerajaan boleh membuat pertimbangan yang sewajarnya sebelum pelaksanaan projek ini.

Walaupun projek ini melibatkan pembinaan terminal persimpangan minyak sebanyak 21 bilion malah pulangan ekonomi daripada projek ini mungkin tidak seperti yang dijangka memandangkan faktor ekonomi telah berubah akibat penurunan harga minyak. Apabila projek ini dirancang keadaan pasaran dunia masih sangat positif terhadap pelaburan industri petroleum memandangkan harga minyak mentah pada masa itu berada pada tahap melebihi USD100 setiap tong malah hari ini harga minyak mentah hanya lebih kurang USD65 setiap tong. Situasi ini sudah berlain-lain daripada anggaran pihak pencadang projek ini. Risiko harus dipertimbangkan sama ada projek dapat membawa pulangan ekonomi dan kemungkinan menjadi terbengkalai.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, kebimbangan ini adalah berasaskan pengalaman penduduk tempatan yang telah melihat bagaimana satu projek *Asia Petroleum Hub* yang hanya melibatkan seluas 40 hektar berada di kawasan yang sama, di kawasan Tanjung Piai turut gagal dan terbengkalai. Dalam kawasan negeri Johor sudah terdapat beberapa projek pembangunan petroleum bersepadu yang telah beroperasi atau dalam proses pembinaan seperti projek *Tanjung Bin Petrochemical* dan *Maritime Industry Centre* yang berdekatan dan projek RAPID di Pengerang pada tahap di mana pasaran dunia begitu mencabar. Dan, Petronas juga mengumumkan setiap projek pembangunan perlu diteliti semula dan Petronas akan mengurangkan perbelanjaan modal *capex* sebanyak 15 sampai 20%. Pada tahun ini saya berasa ragu-ragu akan prospek ekonomi projek ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, penebusgunaan tanah projek Petroleum Bersepadu dan Taman Maritim dijalankan secara 3 fasa. Dalam fasa pertama melibatkan pemberian tanah seluar 1,000 ekar tanah daripada 1MY Strategi Oil Terminal Sendirian Berhad. Manakala...

YB Timbalan Speaker : Pekan Nanas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Sudah mula nak gulung, ini *last topic.* Lebih kurang 3 minit.

YB Timbalan Speaker : Tak, nanti Ahli yang lain tidak berkesempatan.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ha, boleh, boleh. saya cepat, *shortcut,* semua *shortcut.* Dekat mana? (Dewan ketawa). Iaitu melibatkan pembelian tanah sebanyak 1,000 ekar, manakah perkara perjanjian jual beli ini di antara Banalec dengan 1MY *Strategic Oil Terminal Sdn. Bhd.* menghadapi penangguhan sejak 12 Mac 2013 dan sejak akhir-akhir ini tempoh untuk menandatangani perjanjian ini dilanjutkan sekali lagi, daripada 12 Disember 2014 sehingga 11 Jun 2015, disebabkan sebahagian syarat belum dapat ditentukan. Yang Berhormat Timbalan Speaker, 1MY *Strategic Oil Terminal* merupakan satu syarikat yang didaftarkan pada 20 Februari 2013 dengan modal RM1 juta sebab itu adalah diragui adakah projek ini dapat berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya juga menyeru EXCO Pelancongan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna memandang serius terhadap projek penambakan di Tanjung Piai ini. Projek ini terlalu dekat dengan Taman Negara Tanjung Piai. Ramai pelancong melawat ke Taman Negara Tanjung Piai setiap tahun dengan konsep *ecotourism.* Mereka pasti akan terkejut apabila melihat pembangunan infrastruktur petrokimia begitu dekat dengan hutan paya bakau menurut *DEIA Report.*

Pandangan ke Selat Johor daripada penghujung Benua Asia Tanjung Piai merupakan daya tarikan yang amat penting terhadap Taman Negara Tanjung Piai, malangnya menurut *DEIA Report* daya tarikan ini akan terjejas kerana pelaksanaan projek ini akan menghalang pandangan dari penghujung Benua Asia ke aras selat Johor. Saya berharap sebagai Pengerusi Pelancongan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna perlulah bertanggungjawab mempertahankan Taman Negara Tanjung Piai ini sebagai suatu destinasi pelancongan yang terkenal di dunia ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan pandangan saya dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Sila Tangkak.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Tangkak ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Tangkak juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor kerana sudi berangkat menyampaikan Titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 7 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker , dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia beberapa isu yang berkaitan ataupun yang dihadapi rakyat telah disentuh termasuklah isu GST, isu kesukaran golongan pendapatan rendah untuk mendapatkan kemudahan pinjaman bank bagi memiliki rumah sendiri dan sebagainya.

Pada hujung bulan Mac lalu, kebanyakan pusat beli-belah telah dipenuhi pelanggan. Ini bukan kerana ada jualan murah, bukan sebab ada bencana alam dan bukan ada peperangan. Tetapi, cuma seperti kita nampak kereta atau

kenderaan bersesak untuk membeli minyak semasa kerajaan umumkan harga minyak naik. Rakyat demi jimatkan wang sebelum GST dilaksanakan, sanggup beli barang keperluan atau tidak untuk longgok di rumah sahaja. Kerajaan Barisan Nasional sejak dahulu telah mengatakan bahawa GST bukan sahaja tidak akan menambahkan kos jualan barangan, tetapi akan menurunkan harga barang. Sebenarnya, selepas sebulan GST dilaksanakan, rakyat masih tidak merasai ada apa-apa barang yang telah turun harga selepas 1 April.

Bagi kerajaan, perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Tempatan dan kerajaan negeri terutama perkhidmatan yang berprofit juga dikenakan GST. Seperti sewaan kemudahan gerai, kedai, tapak perniagaan, rumah ataupun kupon letak kereta. Projek pembangunan yang akan dijalankan oleh kerajaan negeri bahkan Kerajaan Tempatan juga tidak dikecualikan daripada GST. Ini telah menambah tanggungan kerajaan dan mungkin akan menjejas kelancaran projek-projek pembangunan kerajaan. Oleh itu, Tangkak berharap kerajaan negeri bukan sahaja minta pengecualian daripada kerajaan Persekutuan dalam GST kerajaan negeri dan tempatan, tetapi membantah melaksanakan GST.

Cara alternatif yang telah diumumkan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan pada 19 Mei yang lalu, mengatakan bahawa kerajaan negeri akan menggunakan lebih daripada RM3 juta untuk menyerap GST bagi kerajaan negeri dan juga Kerajaan Tempatan. Tangkak ingin mengingatkan bahawa RM3 juta ini juga duit rakyat. Maksudnya, rakyat tetap tanggung GST. Tangkak juga beryakin atas isu meminta pengecualian GST kerana Tangkak beryakin ini akan berjaya kerana mengikut Titah Duli Yang Maha Mulia dalam Perkara 25, bahawa Ahli-Ahli Dewan Rakyat yang mewakili rakyat negeri Johor di Parlimen harus memikirkan dan memperjuangkan kepentingan rakyat Johor apabila berbahas bagi memutuskan sesuatu dasar atau undang-undang. Tambahan lagi, dua orang Timbalan Menteri Kewangan adalah Wakil Rakyat Johor dari Pontian dan Labis. Dan juga saya ingin menyeru kerajaan negeri Johor supaya bekerjasama dengan kerajaan negeri Pulau Pinang memandangkan kerajaan Pulau Pinang dan kerajaan Terengganu telah mengumumkan pada hari semalam bahawa mereka akan menghantar bantahan GST dan meminta pengecualian GST yang dikenakan kepada kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun kerajaan negeri Johor telah berusaha untuk membina lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat Johor, tetapi rumah mampu milik yang ditetapkan dengan harga antara RM120,000.00 sehingga RM220,000.00.00 bukannya semua orang mampu membeli ataupun yang di hujah oleh YB Parit Yaani, rumah mampu tengok, tak mampu beli. Jadi, dengan harga ini golongan yang berpendapatan rendah dan juga kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar langsung tidak mampu memiliki dan juga di kawasan luar Bandar masih belum ada rancangan untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana yang lebih sesuai untuk golongan tersebut.

Dengan ini, Tangkak ingin meminta kerajaan negeri supaya bukan sahaja tumpu dalam membina rumah mampu milik, tetapi jangan lupa pula untuk membina kos murah dan sederhana untuk mereka yang memerlukan. Seperti apa yang telah di nasihat oleh Duli Yang Maha Mulia dalam Perkara 42, kerajaan haruslah bijak menguruskan sektor pembangunan hartanah untuk mengimbangi permintaan dan penawaran kerana rumah adalah satu keperluan asas manusia.

Tentang isu golongan pendapatan rendah yang ingin memiliki rumah, tetapi menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kemudahan pinjaman bank. Tangkak ingin bercadang kepada kerajaan supaya adakah kerajaan sanggup menggunakan tanah rizab negeri dan menggunakan peruntukan kerajaan untuk

membina rumah dan menjalankan skim rumah sewa beli melalui agensi kerajaan negeri Johor untuk membantu golongan pendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

Tangkak juga ingin membangkitkan tentang Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia dalam Perkara 59, bahawa papan tanda gergasi yang mempunyai saiz dan ketinggian yang berbeza-beza di tepi jalan tanpa kawalan memang akan membawa bahaya kepada pengguna jalan raya. Pernah juga berlaku papan tanda gergasi terjatuh dan menyebabkan kemalangan.

Oleh itu, Tangkak berharap kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat pemantauan semula kepada semua papan tanda gergasi di tepi-tepi jalan bagi memastikan mereka adalah selamat. Dan ingin bercadang kepada Pihak Berkuasa Tempatan kalau hendak menyusun semula syarat pemasangan papan iklan di bangunan kedai, perlu dirancang dengan teliti dan sempurna serta mengadakan sesi perbincangan dengan peniaga dan persatuan kontraktor papan iklan sebelum membuat keputusan.

Contohnya, sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan ingin menyeragamkan papan iklan supaya tidak menutup tingkap kedai atau fasad kedai, Tangkak bercadang Pihak Berkuasa Tempatan cuma melaksanakan kepada pemohon baharu sahaja. Jangan usik papan tanda yang sedia ada di atas premis perniagaan sehingga mereka membuat permohonan untuk menukar papan iklan baru supaya mereka tidak di beban oleh kos penukaran papan iklan baru.

Dalam Persidangan yang lalu, Tangkak telah menyoalkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang kajian kesesuaian dan masalah dihadapi oleh bangsa Johor atas penukaran cutian minggu dari hari Sabtu-Ahad kepada Jumaat-Sabtu. Sehingga hari ini, Tangkak masih belum menerima jawapan dari kerajaan negeri Johor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tangkak sekali lagi ingin tahu, adakah kajian tersebut telah dijalankan. Jika ya, apa hasilnya? Adakah kerajaan negeri akan mengadakan banci yang melibat semua lapisan masyarakat atas keputusan tersebut? Selepas penukaran cuti hujung minggu dilaksanakan, telah menimbulkan masalah kesukaran menjalankan urusan perniagaan. Ini kerana bank-bank dan syarikat kewangan di Johor tidak bercuti pada Jumaat dan mengekalkan Ahad sebagai hari cuti mingguan mereka. Keadaan sekarang ialah, kakitangan awam bercuti pada Jumaat dan pihak swasta pada hari Ahad. Jadi, hanya ada empat hari boleh menjalankan urusan di bank. Tangkak juga ingin tahu adakah kerajaan ataupun Iskandar Malaysia menerima kesan daripada perubahan cuti hujung minggu ini dengan urusan membabitkan pelaburan asing kerana mereka perlu mengambil masa urusan yang lebih panjang daripada biasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Gunung Ledang adalah sebuah tempat pelancongan yang terkenal dengan Lagenda Puteri Gunung Ledang. Sejak 11 April yang lalu, Taman Negara Gunung Ledang telah ditutup oleh kabus, dan penduduk-penduduk tempatan serta pelancong-pelancong terkejut dan teruja ingatkan Puteri Gunung Ledang sudah kembali. Izinkan Tangkak mempamerkan gambar ini kerana Tangkak tidak mahu nanti di cakap oleh pihak sebelah situ kata kita fitnah tanpa asas. Inilah keadaan Gunung Ledang sekarang. Macam Puteri Gunung Ledang sudah kembali. Sebenarnya, keadaan kabus ini bukannya kerana Puteri Gunung Ledang sudah balik, juga bukan hadiah percuma tahunan yang dihadiahkan oleh Negara jiran kita, Indonesia. Ini disebabkan berlaku kebakaran bawah tanah di Tapak Pelupusan Sampah Kampung Bekok, Tangkak yang terletak di kaki Gunung Ledang.

Pada tahun 2008, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan pada masa itu telah mengumum dalam Dewan yang mulia ini bahawa Tapak Pelupusan Sampah Kampung Bekok boleh masih diguna sampai 2009 sahaja dan selepas itu semua sisa pepejal kawasan Ledang, kawasan utara negeri Johor akan dihantar ke tapak pelupusan sanitari baru yang terletak di Jorak, Muar. Tetapi, sehingga hari ini, sampah-sampah di kawasan Ledang masih dihantar ke Kampung Bekok setiap hari. Dan, ketinggian sampah di Kampung Bekok sekarang lebih tinggi daripada rumah tiga tingkat. Dan,

YB Timbalan Speaker : Oh, bukan lebih tinggi daripada Gunung Ledang.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Tak, masih belum. Kalau tapak pelupusan baru belum di sedia lagi, mungkin kian lebih tinggi dari Gunung Ledang. Kebakaran tersebut masih belum di selesai selepas sebulan dan kita tidak nampak mana-mana pihak mengambil tindakan untuk menyelesai masalah ini. Maka, Tangkak ingin memohon jasa baik kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan demi masalah pencemaran udara dan juga untuk kesihatan penduduk. Menyelesailah masalah jerebu dengan segera dan juga Tangkak harap kerajaan negeri Johor boleh memberi penjelasan tentang kenapa Tapak Pelupusan Sanitari Jorak yang dicadangkan telah pun mendapat kelulusan kajian terperinci penilaian alam sekitar (DEIA) tetapi masih belum bermula operasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat dua gelanggang bola keranjang di Bandar Tangkak yang telah usang dan tidak diselenggarakan iaitu, satu di Taman Tangkak Jaya dan satu lagi di Kampung Baru Nombor 2 Tangkak. Gelanggang Bola Keranjang Taman Tangkak Jaya adalah sebuah gelanggang terbuka yang terletak bersama dengan Taman Rekreasi Taman Tangkak Jaya. Salah satu tiang gol telah pun senget seperti gambar, papan tampal pun sudah pecah, permukaan gelanggang berlubang-lubang dan pagar rosak. Kemudahan tandas awam pula yang terletak di tepi gelanggang itu tidak dijaga dan tidak dibersihkan sampai dindingnya dipenuhi conteng. Walaupun gelanggang di Kampung Baru Nombor 2 adalah gelanggang tertutup, tetapi pemain masih tidak boleh menggunakan gelanggang tersebut pada hari hujan kerana bumbung telah bocor, permukaan gelanggang juga berlubang-lubang, suis elektrik yang menyambung kipas pun telah rosak.

Jadi, Tangkak berharap boleh membaik pulihkan kerosakan yang telah disebut tadi secepat mungkin memandangkan masalah ini telah berlaku lebih daripada lima tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkhidmatan kerajaan perlu lebih efisien dan berkesan. Sesuatu permohonan atau projek yang terlibat jabatan dan agensi kerajaan sangat penting adalah koordinasi yang tersusun antara semua pihak yang berkenaan. Barulah memberi hasil yang lebih baik, begitu juga dengan aduan-aduan rakyat. Contohnya, sebuah projek menaik taraf longkang konkrit telah dijalankan di Jalan Tengah, Kampung Baru Nombor 2, Tangkak pada bulan September 2014. Selepas kerja-kerja naik taraf diselesaikan oleh kontraktor, mereka tidak menurap balik jalan yang dikorek dan cuma tutup dengan batu bata dan pasir. Penduduk telah membuat aduan kepada Jabatan Kerja Raya kerana serbuk pasir dan batu bata mengotorkan kediaman mereka setiap hari. JKR telah memaklum kepada pengadu bahawa masalah ini akan dilanjutkan kepada Majlis Daerah Tangkak.

Selepas Majlis Daerah Tangkak menerima aduan, mereka kata pula projek ini adalah projek kerajaan persekutuan. Tangkak rasa amat sedih apabila nampak

rakyat disepak seperti bola oleh jabatan-jabatan kerajaan. Sebagai satu pemerintah yang berjiwa rakyat, pihak berkenaan seharusnya perlu menolong penduduk untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Kerajaan negeri telah membina sebuah dewan serba guna di Kampung Payamas Tangkak pada hujung tahun 2012 dan telah di siap pada bulan Mac 2014.

Penduduk memang gembiralah kerana dapat satu dewan yang membolehkan mereka menjalankan pelbagai aktiviti. Selepas Tangkak membuat lawatan kerja ke Kampung Paya Emas, didapati penduduk cuma dapat satu dewan kosong sahaja, kerusi dan meja tidak dibekalkan. Semasa penduduk menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk orang kampung ataupun JKKK mahu mengadakan mesyuarat, penduduk dan ahli JKKK terpaksa membawa meja dan kerusi sendiri dari rumah. Tangkak berharap kerajaan boleh mengambil berat tentang masalah ini dan memberi peruntukan kepada JKKK Kampung Paya Emas secepat mungkin untuk mereka melengkapkan dewan serba guna tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak tahun 1994, perkhidmatan pembetungan telah dianugerahkan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dan Indah Water telah mengambil alih perkhidmatan tersebut daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi penduduk di kawasan perumahan baru yang menggunakan sistem pembetungan bersambung ke loji-loji rawatan Indah Water, mereka perlu membuat bayaran perkhidmatan bulanan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Pada awal tahun ini, Tangkak telah menerima aduan dari pemilik-pemilik kedai di Jalan Tanjung, Taman Tangkak Jaya bahawa mereka telah menerima surat guaman dari Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang mengatakan mereka mempunyai tunggakan caj perkhidmatan selama 10 tahun. Pengadu rasa amat tidak adil dan marah kerana sistem pembetungan kedai mereka adalah sistem tangki *septic* individu dan tidak pernah di khidmat oleh Indah Water. Jadi, mereka enggan membuat bayaran caj perkhidmatan tersebut. Tangkak ingin meminta Indah Water dan juga kerajaan, kalau boleh mengadakan satu perjumpaan, pertemuan dan dialog bersama penduduk-penduduk yang terjejas kerana Tangkak tahu masalah ini bukan sahaja berlaku di satu tempat sahaja. Banyak penduduk terima surat begitu, supaya memberi penjelasan kepada mereka tentang atas apa sebab mereka perlu membuat bayaran kepada perkhidmatan yang tidak pernah mereka nikmati. Perkara terakhir, Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Timbalan Speaker : Tangkak, sila gulung.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ya, Perkara terakhir Dato' Speaker, menurut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, setiap Ahli Yang Berhormat cuma dibenarkan menghantar enam soalan jawab lisan dan lima soalan jawab bertulis dalam satu Persidangan dan juga dihadkan oleh Peraturan Mesyuarat Fasal 25(2)(i) iaitu sesuatu soal yang telah dijawab tidak boleh didatangkan lagi di dalam penggal Persidangan itu juga. Tangkak ingin memberi cadangan kepada Dewan yang mulia ini, supaya kesemua jawapan yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan EXCO-EXCOnya boleh dibekalkan sepenuhnya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Seperti mana yang dilaksanakan di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri-Negeri yang lain.

Tujuan membekalkan jawapan penuh kepada semua Ahli Yang Berhormat, bukan sahaja boleh memudahkan tugasan kita tetapi juga mengelakkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO-EXCOnya perlu berulang-ulang menjawab soalan yang lebih kurang sama. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini Tangkak mengucapkan terima kasih. Sekian.

YB Timbalan Speaker : Persidangan diteruskan, jemput Bentayan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Selamat sejahtera, Bentayan ingin merafak sembah tahniah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas Istiadat Kemahkotaan sebagai Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim. Bentayan juga merafak sembah tahniah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Raja Zarith Sofia binti Almarhum Sultan Idris Shah di atas Istiadat Kemahkotaan sebagai Permaisuri Negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim. Bentayan turut merakamkan ucapan menjunjung kasih ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas perkenan menyampaikan titah Baginda pada hari Khamis lepas. Bentayan juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan Bentayan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor pada hari yang sungguh indah dan berbahagia ini.

Dengar, dengar, dengar, sekarang adalah masa untuk kerajaan mendengar dengan pihak yang diperintah. Kerajaan bukan sahaja perlu sekadar memerintah tetapi yang lebih penting adalah menyediakan peluang kepada rakyat untuk mencipta pendapatan. Dalam keadaan ekonomi yang agak lembap dan paling buruk dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, kerajaan seharusnya lebih prihatin terhadap keadaan kewangan rakyat. Langkah MPM yang tergesa-gesa menguatkuasakan pembekuan lesen sementara termasuklah larangan untuk penjaja kecil, peniaga dilihat tidak memberikan kesan yang baik kepada kelompok ini. Bagaimana MPM boleh mengharapkan perniagaan yang sudah beroperasi selama bertahun-tahun untuk berpindah dalam tempoh singkat tanpa apa-apa notis terlebih dahulu? Dan kita tidak bercakap mengenai sebahagian kecil daripada mereka sebaliknya beribu-ribu yang terlibat. Lihatlah kepada nasib mereka-mereka yang baru sahaja membeli tanah dan membuat rancangan untuk beroperasi, tiba-tiba usaha mereka lenyap apabila pembaharuan lesen tidak lagi dibenarkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, polisi pemugaran dan pemuliharaan bangunan warisan dan sejarah di Bandar Maharani Bandar DiRaja, secara dasarnya adalah amat baik, namun begitu ia perlu dibuat dengan komprehensif dan bukannya seperti melepaskan batuk di tangga. Walaupun kerja-kerja pengubahsuaian bangunan terlibat telah dibekukan, akan tetapi MPM perlu mengenal pasti dan melakukan semakan yang komprehensif mengenai apa yang benar-benar dimaksudkan sebagai warisan. Bentayan juga merasakan polisi satu jalan satu warna perlu diubah suai. MPM sepatutnya menitikberatkan keaslian bangunan tersebut termasuklah warnanya. Bentayan juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan bantuan kepakaran kepada pemilik untuk membuat pemuliharaan dan pemugaran bangunan warisan ini. Apakah bentuk aktiviti perniagaan yang dibenarkan untuk dijalankan di bangunan warisan ini? Adakah terdapat skim bantuan kewangan kepada pemilik premis yang terlibat.

Polisi pemuliharaan dan pemugaran bangunan warisan ini sepatutnya tidak hanya tertakluk kepada fasa sahaja tetapi keseluruhan bangunan tersebut. Kerajaan boleh mengambil contoh langkah-langkah yang diambil oleh Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Mereka telah terlebih dahulu memecahkan bangunan warisan ini mengikut kategori. Kemudiannya, mereka menyediakan bantuan pakar-pakar kepada pemilik premis supaya pemuliharaan dan pemugaran ini bukan sekadar bersifat luaran tetapi juga menerobos keseluruhan bangunan warisan itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya rancangan kawasan khas Bandar Maharani Bandar DiRaja, Bentayan mengambil maklum terdapat sebegitu banyak pembangunan yang akan dilaksanakan di Jalan Maharani. Sebelum ini, puluhan lot parkir telah hilang kerana pembinaan atap Maharani *uptown.* Mengikut cadangan RKKK di sepanjang Jalan Maharani akan dibina laluan pejalan kaki. Ini akan membuatkan jalan tersebut terjadi sempit dan juga lot-lot *parking* akan lenyap. MPM perlu memberikan penyelesaian masalah ini. Ketika ini hanya mempunyai satu kawasan *parking* bertingkat yang kecil iaitu di Kompleks Pekan Rabu, Maharani.

Sebagai rakyat yang sangat cintai daerah Muar, Bentayan tidak menolak pembangunan tetapi pembangunan yang ingin dicipta itu perlulah lestari dan komprehensif. Entiti perniagaan di sepanjang Jalan Maharani akan menjadi terhad skopnya. Bagaimanakah MPM akan membantu atau apakah ada skim bantuan kepada pemilik premis sedia ada untuk melakukan transformasi perniagaan mereka? Dalam RKK ini juga dinyatakan mengenai cadangan pembinaan dua dataran baru. Jarak pembinaan dataran-dataran ini adalah terlalu dekat untuk menjadikan Muar sebagai bandar warisan bersejarah, ia bukan hanya tertakluk kepada dataran semata-mata. Sebaiknya, harus kembali kepada identiti sejarah itu sendiri. Membina semula bangunan sejarah tidak akan mampu memberikan nilai asli tetapi langkah untuk membaik pulih bangunan sedia ada adalah lebih utama dan penting. RKK ini juga perlulah menjadikan pembangunan Bandar Muar lebih pesat, pantas dan bertenaga. Kawasan pesisiran sungai ini di Jalan Maharani boleh dibangunkan dengan menyediakan prasarana untuk pasar terbuka, dengan izin, *flea market* seperti yang dilaksanakan di Asiatic, Bangkok. Aktiviti-aktiviti seperti pasar festival di waktu malam, pusat membeli-belah, pusat makanan dan bazar boleh diwujudkan di kawasan tersebut. Selain memberikan impak kepada kegiatan ekonomi domestik, kewujudan prasarana sebegini juga akan menarik kehadiran pelancong yang lebih ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun pelaksanaan GST secara umumnya tidak berada, di bawah skop Dewan yang mulia ini, namun, pelaksanaan GST ke atas perkhidmatan yang disediakan dan bayaran kadar kepada Pihak Berkuasa Tempatan boleh dibahaskan di sini. Adalah difahami sebelum ini, selagi mana perkhidmatan tersebut adalah untuk tujuan komersial, maka, ia tertakluk kepada GST dan jika untuk kegunaan kediaman, ia tidak dikenakan GST. Walau bagaimanapun, ini menimbulkan kekeliruan kerana ramai yang menyangka bahawa PBT ada kerajaan dan oleh itu ia tidak tertakluk kepada GST.

Kerajaan persekutuan dan negeri secara asasnya berfungsi untuk menjalankan fungsi penguatkuasaan dan peraturan. Semua aktiviti yang dijalankan ini tidak tertakluk di dalam skop GST ataupun di luar skop tersebut. Kita seharusnya mengikut semangat undang-undang dan bukannya terperangkap dengan interpretasi literal, perkataan yang terkandung dalam undang-undang, atau dengan izin, *we should follow the spirit of law and not restricted by the letter of law*. Adalah difahami bahawa bahan mentah makanan seperti daging, telur, ikan dan sebagainya adalah merupakan barangan bekalan sifar atau dengan izin, *zero rated* kerana ianya adalah keperluan dan tidak diproses. Apabila ditambah nilai sebagai contoh, dalam kes telur, apabila telur digoreng, telur goreng itu sekarang menjadi barangan kena cukai atau *standard rated*. Menggunakan logik yang sama, mengapakah telur masin termasuk dalam barangan *zero rated* tetapi bukan *sanctuary egg*, dengan izin. Kedua-dua telur ini telah diproses, cuba pula lihat mengapa sesetengah ubat dikenakan cukai dan sebahagian lagi tidak? Mengapakah kita membuat satu sistem yang sangat rumit?

Bentayan banyak menerima aduan mengenai kupon *parking*. Ketika ini masih terdapat lagi kupon-kupon yang tertera perkataan termasuk 6% cukai perkhidmatan di dalam pasaran. Ini akan menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna dan berpotensi menimbulkan anggapan seolah-olah wujud cukai tambahan apabila membeli kupon ini daripada penjual.

Adalah lebih baik sekiranya PBT dapat mengambil balik buku kupon ini dan menggantikan helaian depan buku kupon ini dengan helaian terkini yang tertera mulai 1 April, 6% GST akan dikenakan kepada pengguna agar kekeliruan ini dapat diatasi. Sekarang dengan pengumuman kerajaan negeri akan menyerap GST di peringkat PBT. Apabila akan berlaku kepada kupon *parking*? Adakah ia akan menyebabkan satu lagi kekeliruan seperti isu kad tambah nilai prabayar telefon sebelum ini?

Memandangkan kupon *parking* sebanyaknya dibeli oleh pekedai dan kemudian menjual kepada pengguna, akhir dia menimbulkan banyak persoalan. Berapakah jumlah GST yang dibayar oleh PBT bagi pihak pengguna? Bolehkah penjual berdaftar menuntut kembali cukai yang telah dibayar dan adakah terdapat perbezaan margin keuntungan di antara penjual yang berdaftar GST dan penjual yang tidak berdaftar. Bentayan amat menghargai dan menyokong cadangan untuk mengurangkan kesan GST terhadap rakyat.

Sungguhpun begitu, dalam senario ini tindakan yang praktikal dan boleh mengurangkan kekeliruan adalah menjadikan kupon *parking* sebagai barang yang tidak dikenai cukai atau *examted supply* dan bukannya menyerap cukai tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita semua adalah penduduk atau penumpang muka bumi ini. Kita tidak seharusnya mengorbankan bumi yang indah ini bersandarkan alasan pembangunan semata-mata. Sebelah Barat Johor, sangat terkenal dengan kekayaan kehidupan laut sama ada dari segi hasil makanan laut sehinggalah kehidupan marin yang jarang ditemui seperti dugong dan kuda laut yang akan memakan tompokan besar rumput laut di Semenanjung Malaysia.

Projek *Forest City* yang sedang dibina sekarang ini akan menghancurkan ke semua keindahan alam marin ini. Nelayan-nelayan juga telah kehilangan separuh pendapatan dan kehidupan tradisi mereka. Berapa lama kah lagi kita perlu menunggu sebelum apa-apa tindakan dapat diambil? Laporan DIA telah menamakan Pulau Merambung sebagai kawasan yang paling sensitif. Namun jalan masuk yang dibina adalah merentasi pulau tersebut dan ia adalah bersandarkan alasan jimatkan kos.

Walaupun laporan tersebut telah menyatakan sebarang kerja-kerja perlu dihentikan di kawasan tersebut. Tetapi kita masih boleh melihat trak-trak sisa buangan sibuk keluar masuk untuk memindahkan sisa buang dengan ke sana ke mari. Siapa yang perlu bertanggungjawab. Bentayan merayu kepada kerajaan negeri untuk menyelamatkan nelayan kita, menyelamatkan khazanah-khazanah berharga di dalam perut bumi seperti dugong dan kuda laut demi generasi akan datang. Jangan biarkan syarikat asing meraih keuntungan di atas kerugian, derita dan air mata rakyat tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masih mengenai isu-isu alam sekitar. Bentayan amat bimbang dengan laporan berita baru-baru ini mengenai rancangan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan teknologi nuklear di negara ini. Sebuah syarikat Rusia telah melahirkan minat untuk membina projek pembinaan loji nuklear pertama di Malaysia. Selain itu, menurut satu laporan kajian yang dilakukan oleh

UTM pada tahun 2012 terdapat 4 kawasan di Johor yang telah dikenal pasti sebagai tapak yang berpotensi iaitu Muar, Batu Pahat, Mersing dan Kota Tinggi.

Adakah Johor benar-benar bersedia untuk kuasa nuklear. Kuasa nuklear dikatakan sangat murah tapi sedar kah kita bahawa itu hanyalah mitos kelompok-kelompok nuklear. Hakikatnya, terdapat banyak kos tersembunyi yang terlibat dan ahli-ahli sains masih keliru dengan konsep bagaimana untuk menguruskan sisa nuklear, sisa radioaktif seperti separuh hayat plutonium 239 adalah kira-kira 24,000 tahun dan satu-satu strategi yang ada ketika ini adalah menyimpannya dan meninggalkan masalah sisa ini kepada generasi akan datang.

Semua ini muncul ketika negara-negara lain sedang menghentikan program penjanaan teknologi tenaga nuklear. Kita sepatutnya perlu melihat kepada sumber tenaga boleh diperbaharui dan lebih hijau yang lain seperti tenaga solar dan angin untuk menjana tenaga mengikut keperluan tenaga masa depan negara. Kerajaan negeri perlu membuat ketepatan dan pendirian yang jelas berhubung kuasa nuklear ini. Dan, Bentayan berharap kita semua sebagai Ahli-Ahli Dewan hari ini boleh menjanjikan kepada generasi akan datang bahawa Johor adalah sebuah negeri yang bebas nuklear.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Bentayan juga ingin mengambil peluang untuk memberikan pandangan kepada SAJ Muar berhubung dengan satu aduan yang telah dibuat berkaitan dengan kejadian kebocoran paip utama. Dalam tempoh 15 minit sebaik sahaja Bentayan menghantar *email* kepada *SAJ Info Centre CareLine* pasukan tindak balas SAJ telah pun menghubungi Bentayan semula dan kebocoran tersebut dibaiki dalam tempoh 2 jam.

Namun begitu tahap efisien sebegitu tidak ditunjukkan semasa berlaku gangguan bekalan air kerana kerja-kerja penyelenggaraan. Kira-kira seminggu yang lepas ketika hari Pekerja, kebanyakan rakyat Muar terpaksa menggunakan air kopi 'O' dari SAJ. Setiap isi rumah terpaksa membuka paip air berjam-jam untuk mendapatkan bekalan air teh 'O' daripada kopi 'O'. Siapakah yang perlu menanggung lebihan kos pada air yang terpaksa dibazirkan ini. Beliau tidak dapat menerima sebarang alasan daripada SAJ kerana kecuaian dan kegagalan untuk mengepam sistem paip sebaik sahaja kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan memandangkan bekalan air adalah sangat mahal ketika ini di Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali Bentayan amat menjunjung kasih di atas usaha ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan kerajaan negeri yang begitu bersungguh-sungguh mengambil inisiatif untuk pemuliharaan bantuan pembiakan hidupan laut dan daya tarikan kepada para pelancong terutamanya yang meminati aktiviti menyelam atau dengan izin, *scuba diving* di Taman Dasar Laut Sultan Iskandar.

Sebagai tambahan Bentayan, juga menyeru kerajaan negeri untuk menilai semula dan menurunkan yuran menyelam daripada RM200.00 ketika ini kepada RM40.00 untuk menyamai yuran selaman di Pulai Sipadan khususnya untuk rakyat Johor. Sebagai jalan untuk mempromosikan aktiviti selaman skuba yang selamat di Taman Laut, kerajaan perlu membina apa yang dikenali sebagai dengan izin *hyperbaric chamber* di Mersing.

Infrastruktur kesihatan ini boleh digunakan untuk menyelamatkan nyawa penyelam yang mengalami keadaan dengan izin, *di compression sickness* dan *ultrial gas embolism.* Infrastruktur ini juga boleh digunakan untuk memberikan rawatan kepada pesakit bukan penyelam seperti pesakit *diabetes* dan *autisme* dengan izin. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Perbahasan diteruskan. Sila Pengkalan Rinting.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Selamat pagi dan selamat sejahtera Pengkalan Rinting mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga Dewan Negeri Johor Ke-13. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 7 Mei yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tiada siapa yang boleh menafikan pembangunan terutamanya untuk negeri Johor Darul Ta'zim yang sedang membangun ini. Akan tetapi pembangunan yang dijalankan kini adalah pembangunan yang tidak seimbang dan telah pun membawa banyak kesan-kesan negatif terhadap kehidupan rakyat negeri Johor. Mengikut statik Pusat Informasi Hartanah Negara dalam laporan pasaran harta 2014 jumlah lebih kurang 80,900 unit kediaman bertaraf tinggi ataupun *dengan izin high risk residence* telah diberi kelulusan pembinaan pada *quarter* ke empat tahun lepas.

Pada masa yang sama nilai tanah bagi jenis kediaman ini telah merosot sebanyak 33% mengikut laporan yang sama. Dalam laporan sama juga untuk tahun 2014 terdapat 16,839 unit kediaman dalam kategori bawah pembinaan dengan izin *under construction* tidak dijual lagi, dan 3,572 unit yang siap juga jenis kediaman tidak dijual lagi. Dan perangkaan di atas merupakan jumlah unit-unit kediaman yang tidak dijual tertinggi dalam Malaysia. Di sinilah menimbulnya kerisauan sama ada hartanah terutamanya hartanah bertaraf tinggi ini, *high risk* aset ini di negeri Johor dan terutamanya di dalam kawasan Iskandar mengalami situasi lebihan bekalan ataupun *over supply.*

Seterusnya kalau *over supply* ini berlaku, takut-takut akan mempengaruhi ekonomi negeri kita. Memandangkan harga untuk satu unit kediaman bertaraf tinggi ini adalah sebanyak RM800,000,00 bagi unit bersaiz 800 kaki persegi dan ke bawah, manakala bagi unit bersaiz 1,000 kaki persegi ke atas yang berhadapan dengan laut harganya melebihi RM1 juta. Kalau kita bandingkan dengan perangkaan statistik daripada perangkaan Jabatan Statistik untuk tahun 2014, 2 juta daripada 7 juta isi rumah iaitu lebih kurang 28.7% adalah berpendapatan kurang daripada RM3,000.00. 3 juta hingga 5 juta iaitu lebih kurang 50% isi rumah berpendapatan pertengahan adalah di bawah RM4,000.00.

Maka, jenis kediaman yang sebutkan di atas adalah luar kemampuan kebanyakan rakyat dan ini cuma boleh menjadi rumah mampu tengok saja. Tambahan dengan keadaan ekonomi negara kini yang tidak memberangsangkan, nilai ringgit merosot, GST lagi dan pasaran hartanah kononnya lembap, kita kena mengambil iktibar daripada bangunan-bangunan yang terbiar seperti Pacific Mall. Lot 1, Kemayan City dan banyak lagi rumah yang terbengkalai.

Kalau ikut dari perancangan yang diumumkan, kemungkinan pembangunan sebegini boleh berjaya. Tapi adakah masa ataupun dengan izin, *timing* berpihak kepada kita ataupun persoalan saya, berapakah lama masa yang diperlukan untuk menjayakan bangunan seperti gini? Ini ialah persoalan yang saya ingin bawakan. Memandangkan 40% daripada pendapatan isi rumah rakyat kurang daripada RM3,000.00, makalah sepatutnya nisbah 40% rumah mampu milik kena disediakan. Tetapi kalau kita teliti kan dalam laporan pasaran harta bagi 2014, penawaran yang dirancangkan ataupun dengan izin, *standard supply* untuk kediaman peratus keseluruhan untuk rumah murah dan flat rumah murah cuma 13.3% daripada

semua penawaran yang dicadangkan. Saya juga dimaklumkan permohonan untuk rumah mampu milik di Johor lebih kurang 50,000 permohonan di dapat.

Walaupun kerajaan telah meningkatkan sasaran kepada 42,000 unit menjelang 2018 saya masih lagi rasa tidak mencukupi sedangkan permintaan sebegini semakin banyak. Di sini saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini terhadap satu projek pembinaan PPR dalam kawasan Pengkalan Rinting iaitu PPR Sungai Melana yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara Tahun 2013 dan projek ini sepatutnya dijangka serah pada Februari tahun lepas tetapi sehingga kini PPR ini masih lagi tidak digunakan dan masih lagi tiada jalan masuk untuk PPR ini. Memandangkan permintaan rumah mampu milik semakin banyak dan dengan lagi apa tu, penempatan baru bagi setinggan-setinggan ini saya berharap masalah ini dapat diselesaikan dengan cepat.

Di sini juga saya tertarik dengan pemaju-pemaju antarabangsa terutamanya dalam kawasan Iskandar kerana pembangunan oleh pemaju-pemaju tersebut langsung mengubah struktur landskap bukan sahaja geografi, maka sosio aktiviti ekonomi tempatan sehinggalah masalah banjir kilat terutamanya melalui penambakan laut. Justeru, pemaju-pemaju ini perlulah menunaikan tanggungjawab mereka terutamanya berkenaan dengan tempat tinggal rakyat tempatan dan ekonomi aktiviti ekonomi tempatan bukan sahaja mengaut keuntungan sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu kesan negatif dari pembangunan yang tidak seimbang ini telah dibangkitkan dalam titah ucapan Tuanku, dalam perenggan ke-55 iaitu pengurusan sampah atau sisa pepejal yang telah banyak menjejas kehidupan kita. Kegagalan pengurusan sampah sarap ini telah pun bukan sahaja mengancam kebersihan dan keceriaan landskap bandar, malah lebih serius lagi dengan pembuangan sisa pepejal secara haram di tanah lapang seterusnya pembakaran sisa pepejal secara terbuka terutamanya sisa pepejal bahan pembinaan. Sampah sarap yang tercampak merata terutamanya ke sistem perparitan dan saliran bukan sahaja menyebabkan penyumbatan sistem perparitan dan seterusnya air melimpah keluar dan menjadi banjir kilat. Sampah sarap ini juga menjadikan sungai tercemar, mencemar teruk.

Saya ambil contoh Sungai Skudai, di mana di stesen pembersihan Sungai Skudai di Taman Tampoi Utama hampir 180 tan setahun sampah dikutip daripada stesen tersebut dan memandangkan jumlah berat sisa pepejal negeri Johor iaitu hampir 3 juta tan setahun, saya ingin menyatakan sokongan saya dan mengalu-alukan jika mulai September ini tindakan pihak kerajaan negeri Johor melaksanakan penghuni rumah pengasingan sisa pepejal secara mandatori kerana pengasingan sampah dari punca merupakan cara yang paling asas untuk menyelesaikan masalah sampah. Akan tetapi, di sini saya meminta pihak kerajaan memberi penjelasan yang lebih lanjut terhadap perlaksanaan ini kerana ikut pencarian kita kenyataan media oleh SW Corp pada 24 Februari dengan 19 April adalah berbeza maklumatnya. Di mana kenyataan pada 19 April ini, negeri Johor tidak disenaraikan dalam perlaksanaan pengasingan sisa pepejal ini. Jika perlaksanaan ini akan dilaksanakan saya juga meminta pihak kerajaan membuat maklumat lanjut kepada rakyat di negeri Johor, jadi saya minta penjelasan lanjut terhadap perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut carian keratan akhbar pada tahun 2004, IRDA telah mengumumkan *zero* banjir kilat di bandar raya Johor Bahru menjelang 2015. Kini, sudah pertengahan 2015 dan masalah ini masih berlaku lagi dan menjadi lebih serius lagi. Dua rekod banjir kilat dan yang ada kenderaan rosak dalam banjir di jalan utama dalam bandar raya Johor Bahru iaitu pada 21 Mac lalu, Jalan Skudai

berdekatan dengan Danga Bay banjir lagi dan 31 Mac lalu dekat Jalan Skudai juga berdekatan dengan persimpangan ke Taman Johor. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Pihak Berkuasa terutamanya JKR yang telah menjalani pembersihan dan pendalaman longkang di Jalan Skudai berdekatan dengan Taman Johor.

Takungan air selepas hujan lebat juga berisiko untuk menjadi berlaku banjir kilat. Boleh kelihatan di tepi Jalan Skudai berdekatan dengan Kampung Usaha Jaya. Sama juga di Taman, di tepi Jalan Sutera Danga berdekatan dengan Jalan Nusa Bestari 12/2. Lebih aneh lagi kawasan perumahan yang berada di lereng bukit juga berlaku banjir kilat seperti di Jalan Nusa Bestari 2 4/4, Taman Nusa Bestari 2, Jalan Indah 25/16, Taman Bukit Indah, Jalan Jayamas 2/2, Taman Jayamas.

Sekali lagi, setiap kali kami mengemukakan soalan dalam Dewan yang mulia ini, barangkali jawapan yang diperolehi cuma menyatakan sebab banjir kilat tersebut dan biasanya jawapannya berbunyi disebabkan oleh air pasang dan kuantiti air hujan yang amat besar, amat lebat. Di sini saya amat berharap Pihak Berkuasa menyatakan cara penyelesaian terhadap banjir kilat dan bukan sebab sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Pangsapuri Bukit Saujana yang telah di siap bina pada April tahun 1996 yang dikatakan pembangunan tanah rizab Melayu yang paling besar dan dibina dengan kerjasama kerajaan negeri Johor. Dalam Laporan Audit Negara Tahun 2010 juga pernah menyebut berkenaan dengan Pangsapuri Bukit Saujana yang menyatakan salah urus rumah kerajaan dan sewa kerajaan berkenaan. Tapi di sini saya ingin membawa isu berkenaan pemilik-pemilik unit yang lain di mana sudah 19 tahun pangsapuri ini dibina cuma 2 daripada 4 hak tanah strata menubuhkan badan pengurusan bersama JMB. Yang 2 lagi tiada badan pengurusan yang berkenaan. Saya melihat ini suatu perkara yang amat serius. Tanpa badan pengurusan yang berkenaan situasi infrastruktur terutamanya infrastruktur di ruang awam untuk Pangsapuri Bukit Saujana semakin hari semakin teruk.

Salah satu yang paling serius ialah sudah 3 tahun kerosakan pam loji najis di sebelah Masjid Bukit Saujana, maka apabila setiap kali angin bertiup kawasan berdekatan akan berbau amat busuk. Tambahan lagi dengan kerosakan ini juga menyebabkan najis-najis dalam kolam loji itu melimpah keluar dan terus mengalir ke sistem pengairan tanpa rawatan. Hal ini juga akan mengancam kesihatan penduduk sekitar situ. Selain itu, kolam air berenang juga tidak berfungsi selama 5 tahun sehingga kolam tersebut menjadi tempat pembiakan nyamuk, lampu di ruangan awam tidak berfungsi, paip najis setiap blok akan sumbat setiap 6 bulan sekali. Memandangkan wang pengurusan dikutip oleh pihak SUK, tambahan kewujudan JMB seterusnya MC adalah sebahagian tanggungjawab pemaju dan kerajaan negeri merupakan salah satu pemaju, maka di sini saya meminta kerajaan negeri dapat membantu dalam mengubah baik situasi di Pangsapuri Bukit Saujana ini terutamanya masalah loji najis ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, populasi Bandaraya Johor Bahru semakin tinggi dan semakin padat. Kini, menjejak lebih kurang 920,000 orang penduduk. Akan tetapi rekreasi terbuka seperti taman kawasan hijau dalam bandar raya Johor Bahru ini semakin terhad. Ini telah menimbulkan nostalgia ramai penduduk Johor Bahru terhadap kawasan rekreasi laut Pantai Lido dan Tanjung Puteri di mana pada masa itu merupakan kawasan terbuka, percuma dan boleh dicapai dan dikunjungi oleh semua penduduk Johor Bahru sepanjang masa tidak kira siang atau malam untuk melihat cahaya bersinar-sinar dari Pulau Pinang terutamanya pada waktu

malam kena kedudukannya berdekatan adalah sepanjang jalan ke Bandaraya Johor Bahru. Hal ini cuma menjadi kenangan kerana tempat-tempat tersebut kini ditutup dan cuma kelihatan timbunan-timbunan pasir dan jentera-jentera pembinaan dan pada masa yang akan datang pula merupakan kawasan persendirian yang cuma tuan punya tanah boleh masuk.

Saya berpendapat adakah tempat rekreasi di sekitar bandar raya Johor Bahru cuma di kompleks membeli-belah ataupun tempat-tempat yang perlukan bayaran untuk masuk. Sehubungan dengan itu, di sini saya menyarankan pihak kerajaan dapat mengambil perhatian terhadap perkara ini terutamanya memelihara dan mengeluarkan kawasan-kawasan hijau yang sedia ada ini. Dengan ini, sekian sahaja daripada Pengkalan Rinting.

YB Timbalan Speaker : Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat macam ini semua bagus, belum disuruh dah berhenti ya. Kita teruskan, sila YB Bekok. Ikut Pengkalan Rinting ya.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Bekok ingin mengambil bahagian untuk membahas unsur Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Bekok ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan Bekok mengutarakan beberapa isu yang mempunyai impak yang serius kepada penduduk kawasan yang Bekok wakili dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok ingin menekan sekali lagi supaya pihak kerajaan pertimbangkan cadangan untuk menaik tarafkan Jalan Segamat ke Yong Peng. Keadaan jalan raya yang sangat teruk dan tujuan untuk menampung bilangan kenderaan jalan raya yang semakin bertambah, jalan raya yang telah rosak, berlubang, tidak rata dan sempit merupakan salah satu punca yang mengakibatkan kes kemalangan jalan raya yang selalunya menyebabkan kenderaan dan kehilangan nyawa pengguna jalan raya di kawasan jalan tersebut. Maka Bekok bersetuju dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor mengenai sebagai negeri yang menyumbangkan hasil yang besar kepada pendapatan negara, kerajaan persekutuan seharusnya memberikan peruntukan yang lebih untuk pembangunan negeri Johor dan bukan sahaja tertumpu pada Wilayah-Wilayah Persekutuan sahaja. Justeru itu, Bekok ingin memohon jasa baik daripada Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf Jalan Segamat ke Yong Peng terutamanya di depan kawasan perumahan Labis. Ini adalah kerana kebanyakan kes kemalangan jalan raya yang berlaku di simpang masuk ke taman perumahan disebabkan oleh reka bentuk jalan raya yang tidak sempurna dan kekurangan kemudahan keselamatan jalan raya di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai cadangan Bekok ingin memohon supaya memperluaskan dan menaiktarafkan jalan raya di kawasan persekitaran taman perumahan terutamanya di bahagian depan Taman Sentosa, Labis yang membentuk lagi sempit. Bekok juga memohon jasa baik pihak kerajaan persekutuan untuk menimbangkan hasrat umum masyarakat Labis agar menambah kemudahan keselamatan di jalan persekutuan iaitu memasang lampu isyarat di simpang masuk ke taman perumahan seperti di Taman Labis, Taman Perwira dan Taman Gunung Emas, Labis, depan pintu Sekolah Menengah Kebangsaan Labis dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bari, di Chaah untuk

menjaga keselamatan pelajar dan pengguna jalan raya. Tambahan pula, Bekok juga ingin memohon supaya mengadakan *traffic island* yang bertujuan untuk memberi ruang yang cukup kepada kenderaan yang ingin masuk ke taman perumahan di bahagian depan simpang masuk ke taman perumahan sekitar jalan persekutuan Segamat ke Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak perlaksanaan GST, rakyat menghadapi tekanan yang amat membebankan sara hidup kerana ekoran daripada kadar inflasi yang melambung tinggi. Kebanyakan rakyat banyak terpengaruh dan sentiasa terasa harga barangan harian yang menaik. Sebagai contoh, walau pun sayur-sayuran adalah tidak dikenakan GST, namun harga sayur-sayuran tetap akan dinaikkan kerana kos pengangkutan baja dan sebagainya yang perlu dikenakan GST yang menyebabkan pemborong terpaksa memindahkan kos tersebut kepada pengguna. Bukan itu sahaja, pengusaha pertanian juga tertekan kerana kos baja dan alat-alat untuk mengusahakan pertanian turut dikenakan GST yang terpaksa ditanggung oleh mereka. Kesimpulannya, siapa yang menjadi mangsa perlaksanaan GST? Jawapannya mestilah pengguna, terutamanya rakyat yang berada dalam golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang sama dan asyik diulang semula adalah tidak bermakna jika pihak yang berkenaan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah tersebut. Malah ekoran daripada perkara itu mungkin akan mendatangkan kerugian. Perkara yang Bekok maksudkan adalah banyak kertas aduan yang Bekok serahkan kepada Majlis Daerah Labis, terutamanya berkenaan dengan kerosakan jalan raya dan longkang. Adalah masih tidak mendapat jawapan secara bertulis mahu pun *verbal,* Bekok amat kecewa dengan sikap pihak Majlis Daerah yang tidak mementingkan aduan yang telah Bekok hantarkan kepadanya. Sebagai contoh, aduan tentang kerosakan Jalan Segamat, Segamat off Jalan Bun Tee telah Bekok hantarkan kepada pihak Majlis Daerah sejak 8 Julai 2014 dan mencadangkan untuk membina pagar di pinggir jalan tersebut demi keselamatan pengguna jalan raya. Dukacitanya Bekok masih tidak mendapat sebarang maklumat berkenaan dengan perkembangan aduan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan tersebut pernah diperbaiki sebelum ini. Akan tetapi jalan tersebut telah rosak lagi dalam jangka masa yang pendek. Maka Bekok ingin menyeru supaya pihak berkenaan berhati-hati semasa memilih kontraktor yang berobligasi dan berkelayakan serta sentiasa menyelenggara jalan supaya kerajaan tidak menanggung kerugian yang tidak berpatutan. Seperti dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, bahawa kita memerlukan jentera perkhidmatan kerajaan yang efisien dan berkesan bagi menyokong pembangunan negeri Johor. Sistem kerajaan yang efisien akan memberikan hasil kerajaan yang lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkhidmatan kereta api amatlah penting untuk menghubungi bandar utara dan selatan di Semenanjung Malaysia dengan Bekok. Walaupun pihak Kereta api Tanah Melayu telah memulakan kekerapan kereta api yang berhenti di stesen Bekok namun banyak pengguna masih mengadu kepada Bekok kerana mereka sentiasa menghadapi masalah untuk membeli tiket kereta api. ADUN Mengkibol pun pernah mengadu dengan saya, dia beli tiket di Stesen Kluang pun tidak dapat, saya pun tidak tahu bagaimana. Maka, Bekok menyeru pihak berkenaan supaya mengambil berat tentang isu ini dengan sikap tulus ikhlas yang keinginan untuk menyelesaikan masalah yang sering dihadapi oleh penduduk Bekok.

Bekok amat menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, bahawa kerajaan harus memberikan penekanan terhadap perlaksanaan projek-projek infrastruktur asas yang menjadi pemangkin kepada pelaburan hartanah. Maka, Bekok menyeru pihak yang berkenaan mempercepatkan projek pembinaan landasan berkembar kereta api dari Gemas ke Johor Bahru yang dijangka akan merangsangkan dan membangunkan bidang ekonomi dan pelancongan di Labis yang tidak mempunyai sistem pengangkutan yang sempurna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah menyatakan bahawa rumah adalah satu keperluan asas manusia. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor mencadangkan kerajaan agar memperbanyakkan lagi skim sewa beli untuk membantu golongan pendapatan rendah memiliki rumah. Maka, Bekok menggesa supaya pihak berkenaan dapat mengkaji keperluan penghuni Labis sehingga memenuhi keperluannya kerana Labis merupakan luar bandar dan sebahagian besar penduduk adalah terdiri daripada golongan rendah dan sederhana.

Akhirnya, Bekok ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Paloh, telah mempromosikan Air Terjun Sungai Bantang, Bekok di Dewan yang mulia ini. Bekok harap, YB Paloh juga boleh menghantarkan mesej ini kepada Timbalan Menteri Kewangan yang merangkap MP Labis dan memohon lebih banyak peruntukan untuk memajukan Air Terjun Sungai Bantang, Bekok. Dalam Persidangan, Bekok dengan Paloh sudah ada dua orang Ahli Dewan Negeri membangkitkan isu Air Terjun Sungai Bantang, Bekok. Bekok berharap mesyuarat EXCO yang akan datang, tolonglah putuskan peruntukan untuk memajukan Air Terjun Sungai Bantang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu junjung kasih Bekok pada hari ini. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ok, jemput. Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad Bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumsalam.

YB Dr. Haji Mohamad Bin Taslim (Maharani) : Selamat sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah...

YB Timbalan Speaker : Maharani jemput duduk. (Dewan ketawa).

YB Dr. Haji Mohamad Bin Taslim (Maharani) : Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Baik. Bagi membolehkan Maharani berbahas di sebelah petang nanti saya tangguhkan Dewan sehingga 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad Bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah, Maharani bersyukur kepada Allah SWT kerana dapat bersama-sama membahaskan usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim dan Dewan yang mulia ini.

Maharani mewakili rakyat dan DUN Maharani khususnya, merafak sembah dan menjunjung kasih, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas kemahkotaan Ke Bawah Duli Tuanku sebagai Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim. Semoga Tuanku dikurniakan kesihatan dah rahmat Allah dan terus menaungi dan memayungi rakyat Johor sekalian, amin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani juga merafak sembah ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di atas pengurniaan Pingkat Kemahkotaan kepada semua ADUN negeri Johor sempena kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ia juga merupakan penghormatan dan kepercayaan baginda untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat semua untuk terus menyemai bakti demi Johor yang dicintai. Ingatlah pesanan Tuanku supaya menggunakan kesempatan dalam Persidangan ini untuk berbincang dengan hemah yang tinggi sesuai dengan Peraturan Dewan dan adab sopan sebagai bangsa Johor.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ketika merasmikan Pembukaan Penggal Ketiga ini benar-benar lahir daripada seorang Sultan yang memahami jiwa dan hati nurani rakyat. Alhamdulillah, Maharani anggap setakat ini Persidangan Dewan ini telah berjalan dengan penuh sopan di dalam Dewan atau di luar Dewan, mungkin kita berdebat, tetapi di dalam bilik ADUN kita boleh makan bersama. Kita baru lepas makan nasi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di sebelah sana, yang Maharani yakin mereka ni yang *sponsor* makanan selama ini. Jadi, terima kasih daun keladi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Persidangan kali ini, isu GST nampaknya mendominasi Persidangan. Walaupun masih banyak lagi persoalan yang belum selesai dijawab, setelah walaupun setelah diberi taklimat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang paling penting, nawaitu GST ini adalah untuk menambah hasil negara melalui cukai dan bukan untuk, untuk pembangunan, untuk rakyat dan bukan satu pembaziran. Sebenarnya jika tiada ketirisan dalam pengurusan seperti yang sebahagiannya dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dan tiada pembaziran, Insya-Allah, cukai tambahan ini tidak diperlukan. Apa yang rakyat faham sekarang ialah GST 6% ini sebenarnya adalah wang yang terpaksa dikeluarkan oleh pengguna atau pun rakyat. Kalau dahulu pernah ada seorang berkata bahawa orang kampung tidak kena GST, dikatakan berbelanja di bandar baru kena GST. Tetapi sekarang mereka sudah faham. Sedangkan di Muar sendiri kedai RM2.00 yang dahulu menjual barang-barang hanya RM2.00 telah menjadi kedai RM2.12, jadi kedai RM2.00 yang untuk orang-orang yang kurang berkemampuan pun, mereka menyumbang kepada pendapatan negara. Inilah barulah rakyat faham apa itu GST.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya rasa ada yang belum beli Honda CRV ya? Saya, pasal belum beli, jadi pergi tanyalah. Tanyalah ke Honda, rupanya sekarang ini kereta ini pun dah kena bayar GST 6%. Dan untuk 2.0, tambahan GST 6% ini dah sebanyak RM7,000.00. Jadi siapa yang beli sebelum April, alhamdulillah yang lepas April tambah RM7,000.00. Jadi kalau dikatakan dengan GST harga kereta turun,

saya tidak tahu kereta mana yang turun harga. Inilah yang dapat saya fahami secara mudah melalui pengalaman sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Pelancaran Johor Bersih dan Lestari oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini adalah sangat bertepatan dengan penekanan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah baginda kepada kebersihan dan keceriaan bandar. Jangan lupa juga keceriaan di kampung-kampung di mana kita pernah juga mengadakan, kerajaan mengadakan pertandingan-pertandingan seperti desa cemerlang dan lain-lain. Untuk memastikan bahawa keceriaan itu bukan sahaja di bandar tetapi juga ke seluruh negeri Johor. Bandar Maharani sangat bertuah kerana dipilih sebagai di antara bandar terbersih di Malaysia. Jadi, tahniah kepada Majlis Perbandaran Muar, walaupun ia merupakan tanggungjawab yang sangat berat untuk dipikul dan mudah-mudahan ini akan menjadi contoh kepada PBT yang lain untuk mengikuti jejak langkahnya dan melakukan walaupun tidak di kategori sebagai bandar terbersih, tetapi inilah satu cabaran untuk menjadikan setiap PBT itu dengan bandar-bandarnya di antara yang terbersih untuk menaikkan nama negeri Johor sebagai bandar-bandar yang bersih. Yang paling penting ialah penglibatan orang awam, untuk kefahaman untuk mereka sama-sama memikul tanggungjawab ini bukannya diletakkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sahaja.

Jadi, di sini kami diberitahu bahawa di antara cara untuk mendidik rakyat ialah dengan melalui denda atau saman, tetapi pastikanlah denda ini bukanlah untuk menambah hasil PBT ya. Ialah untuk mendidik dan jangan sampai ada pula pihak penguat kuasa ada diberi kuota jumlah saman untuk dibawa balik ke pejabat setiap kali mereka keluar menjalankan tanggungjawab. Selain daripada kebersihan dan keceriaan, Maharani tertarik dengan kempen-kempen bebas asap rokok yang telah juga dilakukan pada masa Kembara Mahkota Johor. Ini adalah satu perkara yang sangat baik untuk membersihkan udara yang kita hirup ini secara percuma Allah beri, supaya kita jangan mengotorkannya untuk kesihatan rakyat jelata. Dan, kalau kawasan-kawasan pun kita tahu, di mana kawasan-kawasan sekarang yang telah pun diwartakan sebagai kawasan bebas asap, kawasan bebas asap. Mudah-mudahan kawasan ini akan diluaskan lagi. Jadi kita tidak mahulah kawasan itu hanya di sesuatu tempat sahaja tetapi kalau boleh ini sebagai pendidikan dan akan secara tidak langsung seluruh kawasan juga akan menjadi kawasan bebas asap rokok. Bukan macam di, bukan seperti di papan tanda kalau kita pergi ke masjid, nampak kawasan menutup aurat, luar dari masjid boleh buka aurat agaknya. Jadi, kita kena pastikan bahawa kawasan bebas rokok ini juga dapat memberi pendidikan dan juga manfaat kepada seluruh masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika di selatan Singapura disebut-sebut sebagai untuk dijadikan perbandingan kepada kita di negeri Johor ini. Jadi, bagi kalau di sebelah utara, di Muar khususnya kita ada negeri jiran yang dekat, Melaka yang boleh kita jadikan contoh juga dalam beberapa perkara. Jikalau kita lihat lah daripada Muar ke Melaka tu, kalau kita melalui AMJ, kita boleh lihat bahawa dari segi *landscaping* berbeza. Kalau lalu mungkin sekarang lebih baik lagi kalau dulu sangat berbeza. Kita pergi negeri Johor di dalam daerah Muar Ledang dengan apabila kita masuk ke negeri Melaka, keceriaannya, kebersihannya sangat berbeza. Itu memang kita *salute* pada negeri Melaka atas usaha-usaha yang mereka lakukan.

Begitu juga dalam lawatan saya ke Melaka baru-baru ni, jalan-jalan lah bukan melawat sebab nak beli kain kat Jakel, tak ada GST, sebab itu pergi ke Melaka. Di Muar kena GST. Dalam perjalanan pergi ke pasar raya, saya tertarik dengan notis tentang Hari Tanpa Plastik. Saya teringat di negeri Johor juga ada Hari Tanpa Plastik

yang kita lakukan pada setiap hari Sabtu tetapi di Melaka di lakukan lebih *advance* lagi, lebih ke depan lagi. Di Melaka, Hari Tanpa Plastik sekarang ialah pada setiap hari Jumaat, Sabtu dan ahad dan mengikut notis itu, mulai Januari 2016 setiap hari adalah Hari Tanpa Plastik di pasar raya dan di gedung-gedung yang besar.

Ini adalah satu tindakan yang cukup baik untuk kita menjaga alam sekitar dan sebenarnya di negeri Johor ini pun tidak ketinggalan dari segi kempennya dan bila saya buka laman sesawang Majlis Bandaraya Johor Baru, saya terjumpa maklumat tentang beg plastik jadi saya *quote* di sinilah, beg plastik ini pun dibuat daripada produk hasil petroleum dan untuk menghasilkan plastik diperlukan 60 hingga 100 juta tong petroleum untuk menghasilkan beg plastik ini, setahun seluruh dunia, "bayangkan ya". Ini ialah di antara punca kepada pencemaran udara dengan karbon dan juga yang menghabiskan tenaga yang kita perlukan untuk perkara-perkara lain dan beg plastik ini mengambil masa lebih 400 tahun untuk dibiodigrasi. Bayangkanlah ya dan kalau kita lihat lah beg plastik yang bertaburan di sana sini bukan sahaja nampak tak cantik tetapi juga mencemarkan tanah, air, kalau di dalam laut mencemarkan laut dan boleh memberi mudarat kepada burung, unggas, mamalia marin yang menganggap plastik itu makanan mereka. Dan, saya pernah nampak di daratan pun kesian, kalau pergi dekat di tempat buang sampah itu, pernah saya lihat, biawak makan plastik, kesian terkulat-kulat dia makan plastik nak telan tak boleh tapi bawa lari sana sini, plastik di mulut. Jadi kita bayangkanlah apa akan terjadi jika tidak menguatkuasakan, kalau kita tidak mewartakan perkara ini supaya alam sekitar kita lebih bersih, untuk generasi kita yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani mengucap tahniah kepada kerajaan negeri Johor yang telah berjaya meningkatkan rizab tunai dari RM1.7 bilion pada tahun 2013 kepada RM2.3 bilion pada tahun lalu. Walau bagaimanapun, Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat prihatin dengan mengingatkan kerajaan supaya berbelanja dengan berhemah dan bersedia menghadapi masa *recession* yang pernah kita lalui dahulu. Allah SWT juga memperingatkan kita dengan firmannya dalam surah Yusof ayat 47-49 yang maksudnya, menyuruh kita berhemah di dalam berbelanja terutama di musim mewah ini masa-masa ada *surplu*s supaya apabila berlaku *recession* kita tidak kelam kabut kita sudah bersedia satu peringatan yang cukup baik dan alhamdulillah Tuanku sendiri amat prihatin dalam perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani membawa satu perkara yang Maharani rasa agak penting dalam kita memperkasakan tulisan jawi. Negeri Johor ini terkenal dengan sekolah agamanya dengan rakyat Johor yang celik jawi kerana bersekolah agama tetapi dalam pada masa yang sama, beberapa perkara perlu di ambil perhatian.

Pertama kali Maharani mengucap tahniah kepada Pihak Berkuasa Tempatan negeri Johor yang telah memperkasakan atau menggunakan papan tanda di jalan-jalan di bandar-bandar, ini satu perkara yang baik dan di Bandar Maharani Bandar Diraja sendiri, di jalan-jalan utama, bukan sahaja bukan sahaja nama jalan ada ditulis dengan tulisan jawi tetapi juga sejarah jalan-jalan tersebut. Ini satu perkara yang baik untuk masyarakat mengenali jalan yang mereka selalu lalui itu dan juga untuk mengenang jasa mereka yang telah berjasa kepada negeri Johor cuma Maharani ingin mencadangkan supaya untuk sejarah-sejarah jalan ini, buatlah satu galeri di tempat-tempat awam. Contoh di Maharani nanti ada Hentian Maharani di Terminal Bentayan. Di situ buat satu kawasan untuk galeri sejarah nama-nama jalan. Sambil-sambil tunggu bas tu mereka boleh duduk membacanya kalau sebab kalau di nama-nama jalan-jalan besar tu takut sibuk-sibuk membaca ter *accident* pulak.

Walau bagaimanapun masalah pada tulisan jawi pada papan tanda jalan ini, di Muar khususnya walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka bersedia untuk membantu dari segi ejaan, dari segi papan-papan iklan, dari segi tulisan jawi sendiri masih banyak terlalu banyak kesalahan-kesalahan yang dilakukan terutama nama-nama jalan yang menggunakan nama Arab dengan eja dieja ikut cara Melayu jadi tidak tepat. Paling mudah Ali pun dia tulis Alif Lam Ya, Alif Lam Ya dia tulis Alif Lam Ya, Yahya tulis lain, Isnin pun macam-macam tulisannya dan ini mungkin kesilapan dari segi yang mendapat tender tu pun ataupun yang menyediakan nama-nama jalan itu yang diserahkan pada yang mendapat tender untuk membuat papan tanda. Begitu juga, jalan yang ada bernombor umpamanya Jalan Sri Temenggung, 1/15. Jadi bila tulis jawi dia jadi terbalik. Mereka ingat kalau tulisan Arab ni, daripada kanan ke kiri jadi nombornya pun dari kanan ke kiri. Sedangkan sistem nombor ini adalah di berasal daripada tamadun Arab. Dari tamadun barat ini mengikut sahaja jadi apa kita sistem penomboran rumi dan jawi ini, sebenarnya sama tidak terbalikkan. Jadi inilah yang Maharani harapkan dapat diperbetulkan.

Selain daripada itu, beberapa masalah, tak banyak masalah yang, tapi yang diutarakan pada kami ialah masalah di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar ini, masalah bukan apa, masyarakat ini merungut kerana hospital ini dapat telah pun mendapat memberi khidmat yang baik pada masyarakat cuma untuk pergi ke situ bila dah ramai pengunjung, ramai. Pesakit maka tempat *parking* daripada dahulu hingga sekarang memang satu masalah. Jadi mereka mencadangkan kalau boleh sediakan lah tempat *parking* bertingkat dan kawasan pun agak sempit dan kalau dibina agak mudah kan lah kalau mereka nak membuat rawatan kalau datang awal-awal pagi memang tak ada *parking* dan kalau mereka datang bersendirian memang tak dapat hadir atau memenuhi masa *appointment* yang ditetapkan oleh pihak hospital. Tetapi kalau dah buat tempat *parking* yang elok tu, jangan pulak di kenakan tol. Rakyat ni dah apa ni zaman-zaman ini kalau boleh diberi peluang menjimatkan wang mereka.

Dan begitu juga di hospital ni sebagai hospital pakar sepatutnya segera di naikkan taraf lagi dari segi kemudahan terutama di klinik-klinik pakar sendiri pun kalau di Hospital Muar ni agak terkebelakanglah sebab dia bangunan lama, tempat yang lebih sesuai sikit kalau tak nanti dia pergi ke Hospital Pakar di Maharani itu dah ada *KPJ Maharani Specialist* jadi kalau agak-agaknya saya rasa doktor pakar Hospital Pakar Sultanah Fatimah dia penat dia pergi hospital pakar jadi kita mudahkan lah kemudahan-kemudahan asas kepada mereka, bilik rehat, bilik menunggu mungkin untuk *patient* dan pada pesakit supaya ia memberi keselesaan.

Begitu juga dari segi katil ada yang merungut lah katil, saya kurang pasti berapa katil yang diperlukan di situ tetapi bagi mereka yang layak, kakitangan kerajaan sendiri pun kerana kekurangan katil untuk kelas 1 umpamanya ya. Jadi mereka yang layak ini, walaupun mereka kelas 1 tapi oleh kerana ketiadaannya katil untuk mereka, maka mereka terpaksalah duduk di kelas 2. Walau bagaimanapun pada pemerhatian saya, keadaan memang lebih memuaskan di bandingkan dengan semasa saya bekerja di hospital 30 tahun yang dahulu yang mana katil- katil jaga pun ada masa itu. Kalau dah penuh wad, katil-katil jaga yang boleh lipat pun digunakan dalam waktu itu tapi sekarang tidak tak jumpa keadaan begitu. Jadi sudah lebih baik cuma perbaiki lagi tambah bilangan katil kerana Hospital Pakar yang sepatutnya pakar ia menampung pesakit-pesakit daripada Segamat, daripada Batu Pahat dan mereka yang daripada Tangkak pun datang situ apabila memerlukan rawatan doktor pakar.

Satu lagi ialah di Klinik Kesihatan Maharani ini, pesakit biasanya merungut lah kerana menunggu terlalu lama kalau nak jumpa doktor itu mungkin kurang-kurang 2

jam, 3 jam, pagi masuk nama tengah hari baru dapat jumpa doktor. Jadi mohonlah kalau boleh, tambah lah doktor-doktor di bahagian pesakit luar supaya pesakit yang bertambah ramai ini, mereka mendapat rawatan yang sebaik-baiknya kerana saya rasa mungkin sekarang ini, mereka mungkin mereka berpuas hati dengan rawatan klinik kesihatan kerajaan dengan kos yang murah yang mereka mampu jadi itu pilihan utama bagi mereka dan mereka kurang pergi ke klinik swasta mungkin jadi diharapkan dapat di tambahkan bilangan doktor-doktor yang diletakkan di bahagian pesakit luar. Saya yakin di hospital lain juga di bahagian pesakit luar lah kawasan yang ialah klinik yang paling ramai pesakit dan merupakan satu tanggungjawab yang sangat berat untuk setiap doktor untuk merawat pesakit sepanjang hari.

Selain daripada itu di Maharani juga, Maharani ingin mengucapkan terima kasih kepada JPS, Jabatan Pengairan dan Saliran yang telah mengotakan janjinya untuk membaik pulih sepanjang parit di Parit Perupok, Muar dan saya mendapati telah pun dibuat, Parit Yu telah mula didirikan, parit-parit sudah dibersihkan, cuma besi-besi pengadang pun nampak sudah dibersihkan, cuma belum didirikan mana yang tumbang belum didirikan yang karat belum dicat. Saya yakin mereka dalam proses dan saya harap tidaklah, peruntukan bukanlah satu masalah untuk meneruskan kerja-kerja ini untuk kebaikan masyarakat.

Jadi, saya rasa dengan keadaan yang cukup terkawal, saya rasa berpuas hati lah dengan kerjasama yang diberikan oleh jabatan-jabatan kerajaan dan juga kerja-kerja yang telah dilakukan dan hubungan dengan kebanyakan jabatan-jabatan pegawai-pegawainya boleh dihubungi melalui SMS untuk *whatsapp* atau pun apa kalau kita tahu nombor telefon mereka pun mereka mudah dihubungi dan saya pengalaman sendiri pun dapat lah dapat tindakan yang segera lah. Sebagai contoh pada satu hari itu, dalam FB juga, itu saya rasa dalam FB juga telah dapat digunakan dengan sebaik-baiknya oleh jabatan kerajaan sebagai contoh ada satu kompelin walaupun melalui FB sahaja mereka rupanya sentiasa mengikuti contohnya pada satu hari simpang di dekat-dekat rumah saya di Taman Sri Temenggung tu berlubang dan bila dimasukkan dalam FB dan jikalau pihak iaitu Majlis pada petang itu bila masuk dalam FB, malam itu dan juga pihak MPM bertindak dan seterusnya menyelesaikan masalah di situ dengan menggantikan paritnya sekali, membetulkan lubang-lubangnya sekali jadi ia satu tanda saya rasa KPI yang baiklah. Jadi saya kata saya beritahu YDP lah kalau ini selalu buat selalu macam ni memang bagus, jadi saya boleh bagi 5 bintanglah saya kata. Dan untuk daripada sinilah, saya rasa bahawa kalau kita bekerja dengan penuh keikhlasan untuk rakyat, rakyat sebenarnya tak perlu bimbang kalau DUN itu dimenangi oleh pembangkang pun, sekarang daripada kefahaman saya bahawa segala projek pembangunan semua telah pun disediakan oleh pihak pemerintah, jadi tak perlu yang paling pentingnya kena adanya Wakil Rakyat yang boleh bekerja bersama rakyat, boleh berhubung dengan jabatan-jabatan yang bertanggungjawab. Maka ini menjadi satu *win win situation,* jika yang paling penting kita mengikutlah sebagai tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat untuk terus memberi khidmat sebaik mungkin dengan penuh keikhlasan dengan mudah-mudahan usaha yang sedikit akan diberkati Allah SWT. Jadi dengan ini saya, Maharani menyokong rundingan menjunjung kasih yang dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Perbahasan diteruskan, sila Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam muafakat Johor...

YB Timbalan Speaker : Waalaikumusalam...

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : (Selawat). Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Kukup merakamkan setinggi tinggi tahniah dan menjunjung kasih atas perasmian Dewan yang telah disempurnakan oleh Tuanku Sultan Johor dan terima kasih ini juga dipanjangkan kepada semua ketua jabatan yang saya rasa inilah julung-julung kalinya kita melihat penuh kerusi-kerusi ketua jabatan daripada pagi sehingga petang. Tahniah, (Dewan bertepuk).

Mudah-mudahan semangat ini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang supaya apa sahaja maklumat yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Dewan ini dapat diterima, dapat di analisa, dapat di terus, maksud saya terus dilaksanakan yang mana patut. Jadi, tidak perlulah lagi kita melibatkan surat menyurat yang banyak dan tidak perlulah lagi kita membuat mesyuarat-mesyuarat kecil kerana saya rasa perkara-perkara ini telah pun diambil, di *pickup* oleh ketua-ketua jabatan untuk tindakan mereka masing-masing. Tahniah dan syabas kepada ketua-ketua jabatan yang hadir pada petang ini.

Saya lihat banyak yang bercerita pasal GST terutamanya yang pihak sana. Daripada bermulanya daripada Parit Yaani sehinggalah Pekah Nenas sehinggalah selepas-selepas daripada itu, tapi saya tak boleh lupa Pekan Nenas ni, pasal banyak cerita Pekan Nenas yang saya akan cerita kan nanti. Biarlah saya ceritakan pasal GST, pertamanya kita tahu dulu kita ada sistem SST yang telah diperkenalkan dinamakan Cukai Jualan 1972, yang mengenakan 10 % cukai ke atas *input* ataupun pada peringkat perkilangan. Kemudian kita perkenalkan pula cukai yang dinamakan Cukai Perkhidmatan 1975, yang mengenakan 6 % pun merujuk kepada barangan-barangan terpilih dan cukai penggunaan ini kita panggil cukai penggunaan seperingkat, satu peringkat sahaja iaitu pada peringkat *input* ataupun pada peringkat pengeluaran ataupun pada peringkat yang kita boleh katakan pelaburan. Jadi GST pula apa beza GST dan juga SST ni tadi. GST, cukai yang dikenakan ke atas penggunaan dan bukan atas pelaburan. Penggunaan itu maksudnya kita letak paling hujung, proses yang daripada awal pengeluaran, pengedaran, runcit ini kita tak kenakan, kita kenakan di hujung. Orang akan bertanya kena hujung maksudnya kita menzalimi pengguna, kita menzalimi rakyat.

Saya akan jelaskan apakah yang dimaksudkan zalim, kenapakah kita buat satu kaedah yang kita kenakan pada hujung tidak pada peringkat permulaan sebagaimana yang telah kita perkenalkan dahulu. Tuan-tuan dan puan-puan saya ambil contoh senang Yang Berhormat Timbalan Speaker, dah seronok sangat bercakap...

YB Timbalan Speaker : Mahal tu.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Mohon maaf...

YB Timbalan Speaker : Kena GST juga tu.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Saya ambil contoh paling mudahlah *hand phone* saya ni tak mahal. *Hand phone* ini katalah seorang pengilang *hand phone* membuat *hand phone* ni, dijual dengan harga RM100.00 kepada pemborong jadi kerana kita ada sistem GST, pemborong belilah *hand phone* ini RM100.00 campur RM6.00 tadi GST, jadi dia bayar kepada pengilang sebanyak RM106.00, pengilang pulak dia dah terima GST ni, dia kena bayar kepada Jabatan Kastam, jadi dia kena tolak dulu yang dinamakan atu ataupun *input tax* ataupun dia ada pengecualian

yang dipanggil *credit input.* Maksudnya kalau dia nak buat *hand phone* ni ada setengah-setengah barang pengeluaran yang dia kena cukai di tolaklah tadi RM6.00 ni contohnya RM3.00-RM2.00 yang beza dihantar kepada Jabatan Kastam dibayar kepada jabatan kastam.

Ok, kita beralih kepada peringkat seterusnya, peringkat peruncit. Peruncit beli kepada pemborong, pasal pemborong beli RM100.00 dengan GST RM106.00, dia pun mestilah nak untung. Dia jual pulak kepada peruncit dengan harga katalah RM200 jadi GST nya kena RM12.00 jadi peruncit kena bayar RM212.00, betul eh? Jadi kepada pemborong pulak RM12.00 GST yang diterima itu dia kena bayar sebenarnya kepada kerajaan, apa yang dibuat dia kena tolak *input* dia balik tadi, kos GST pada peringkat permulaan dibayar sebanyak RM6.00 di campur apa-apa sahaja bayaran tambahan yang dia kena *tax,* dia kena cukai itulah perbezaan yang dibayar pada Jabatan Kastam. Begitulah seterusnya contohnya daripada RM200.00, peruncit jual pula kepada saya RM300.00, saya kena GST RM318.00, jadi saya bayar RM18.00. Memang kita nampak pengguna kena bayar RM18.00, kita nampak orang akan bercakap, "wah, kerajaan kejam pasal apa RM18.00 ini rakyat kena bayar. Saya ceritakan, melalui kaedah macam gini pertama-tamanya kenapa kita buat satu dasar ini ialah tidak lain tidak bukan kerana kita hendak mengelakkan ketirisan selama ini.

Selama ini Yang Berhormat Dato Speaker, yang *declare* ataupun isytiharkan cukai peringkat permulaan pekilang, tengah-tengah ni suka-suka dia, dia nak dapat pinjaman bank mungkin dia isytiharkan pendapatan dia, mungkin 50%, mungkin tak isytihar langsung, nak pinjam bank barulah dia *create* ataupun diciptakan pendapatan masing-masing. Jadi ketirisan ini begitu besar Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, dasar kerajaan yang kita buat ini kita hendak tarik balik ketirisan itu yang kita jangkakan sehingga 60-70% akibat tingkah laku golongan di tengah-tengah ini. Eh, ok, itu macam mana sistem GST yang kita perkenalkan.

Kemudian, kebaikan GST saya kena cerita itu pertamanya kita kena dapat kutip cukai daripada aktiviti-aktiviti haram sebelum ini, aktiviti pelacuran contohnya, perjudian contohnya, gengsterisme atau sebagainya kita tak da asas kita nak kutip. Tapi, pasal kita dah kutip kat hujung ni sudah tentu orang yang meniaga perniagaan haram ini, makin banyak pendapatan, makin banyaklah yang dia belanja, makin besarlah kereta yang dibeli, makin besarlah rumah ataupun barang-barang mewah yang dibeli, kat situlah kerajaan dapat hasil. Dahulu kita tak dapat, pasal mereka tak isytiharkan pendapatan mereka. Begitu jugalah aktiviti-aktiviti lain yang semuanya dinamakan *black money* ini, tidak dapat kita kutip, tapi dengan GST tidak ada ruang.

Keduanya, kita mengenakan cukai pada setiap rantaian dan kita *offset* di tengah-tengah akhirnya kerajaan hanya ambil 6% sahaja tadi tu. Jadi, bila pengeluar mengisytiharkan bahawa dia telah menjual barangan kepada si polan bin si polan, tapi di tengah-tengah ini tidak mengutarakan ataupun tidak isytiharkan perniagaannya, Kastam dapat tahu, dulu tak tahu, dulu tak tahu. Jadi kita nak tahu orang ini apa ni menjual barangan haram atau tidak tak tahu. Contohnya kedai runcit, sekarang kedai runcit ataupun kedai makan ada yang jual rokok seludup, macam mana kita nak tahu tapi bila mereka dah kena mengamalkan GST, mereka kena beli satu *software* ataupun sistem yang mana sistem ini dia terus *link* dengan Jabatan Kastam untuk sistem perakaunan. Jadi, takkan lah kita makan nasi campur, hisap rokok seludup kat situ kita dapat dua bil, satu bil yang ada nombor siri yang mana kita kena bayar cukai GST nya yang satu tak payah. Jadi pelanggan akan bertanya tanya kenapa sampai dua bil? Jadi inilah kaedah, cara mudah, cara

yang paling terbaik bukan sahaja kerajaan Malaysia tapi semua kerajaan dalam dunia untuk mengelakkan ketirisan-ketirisan seperti ini.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tahu peniaga sekarang ini meniaga ikut suka dia, kita tak tahu *hand phone* ini mungkin dibeli RM100.00, dijual RM1,000.00. Macam mana kita nak tahu? Kita tak ada maklumat tapi dengan GST ini tadi di mana kita ada sistem kita pantau setiap rantaian pengedaran, peruncitan ini, kita pantau kita tahu dia beli berapa harga kita tahu dia jual berapa harga kat sinilah kita dapat banteras apa yang dinamakan *anti-profiteering,* maksudnya mereka suka-suka nak untung beribu-ribu kali ganda, tapi dengan sistem GST ini dah tak ada peluang. Itu pasal lah sebenarnya yang paling banyak menganjurkan yang paling *anti* untuk kita melaksanakan GST ini tak lain tak bukan adalah golongan ni tuan-tuan yang berada di tengah-tengah pasal inilah rahsia. Tuan-tuan lagi, maafkan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pasal inilah rahsia mereka, mereka nak simpan, rahsia mereka, mereka tak nak dedahkan. Jadi, dengan GST terpaksa dedah kalau dia tak dedah dia susah pasal apa dia beli barang kena GST tapi dia tak boleh *claim* ataupun mintak GST daripada pelanggan pasal dia tak isytiharkan, dia tak berhubung dengan Jabatan Kastam. Inilah kaedah yang selama ini digunakan dan inilah kaedah ataupun perkara yang sangat mereka takuti bila kerajaan memperkenalkan GST. Kita semua tahu zaman sains dan teknologi ini, zaman perhubungan yang tiada sempadan, kita sangat menganjurkan apa sahaja bentuk komunikasi tanpa talian, kita menganjurkan SMS, kita menganjurkan *facebook,* kita menganjurkan *paperless*, tak payah pakai surat menyurat sebagainya. Jadi dengan kaedah GST ini, kerajaan dapat mengawal, kerajaan dapat tahu aktiviti peniaga-peniaga, apa yang mereka lakukan tapi kenapa pada ketika kita nak tahu apa peniaga-peniaga nak lakukan, haram atau tidak, kenapa kita nak bantah? Memang yang kita cerita, dia asyik cerita di gembar gemburkan adalah kesan GST, rakyat menderita.

Saya nampak satu cerita, saya suka mengulas apa yang sahabat saya daripada, Pekan Nenas belum lagi, sekejap lagi, daripada Parit Yaani kalau kita baca saya baca dua tiga kali, meleleh air mata saya, saya nak ulas nanti. Saya baca saya ikutkan *word by word* beliau kata semua maklum dengan GST barang-barang naik sebelum kena GST lagi jadi kepada mereka yang berpendapatan rendah, rakyat terpaksa mengurangkan kuantiti pembelian sehingga makanan mereka pun dicatu, kalau kuantiti tak dikurangkan, dikurangkan kualiti makanan yang dibeli, malah ikan kembung atau ikan caru dari Pontian atau daripada Mersing tak dapat dibeli. Tapi selepas ada GST, rakyat terpaksa berjimat cermat membeli ikan caru dan kembung dari seberang yang telah pecah mata, yang mata merah, yang pecah mata pulak, yang pecah perut dan mata merah, macam-macam saya dengar ni.

Kemudian pendidikan anak pulak, pasal GST ni katanya, pendidikan anak-anak turut terjejas kerana GST apabila penjaga terpaksa mencari rezeki seawal matahari terbit dan pulang ke rumah selepas anak masuk tidur, sebelum itu pun dah ada, apatah lagi sekarang. Lepas tu tentang kanak-kanak jadi buruh paksa ni, tiada masa untuk menjaga, memelihara anak, belajar bahkan lebih mendukacitakan lagi ada di kalangan penjaga iaitu ibu bapa yang terpaksa membiarkan anak-anak ini yang masih bersekolah melakukan kerja sambilan kerana membantu keluarga untuk membeli barang persekolahan mereka sendiri yang dahulu tidak kena GST. Kemudian, kaitkan pula dengan dadah lahirlah generasi yang ingin melupakan kesusahan keluarganya dan kekecewaan hidupnya apabila ke sekolah di kalangan pelajar sedemikian golongan sedemikian marah guru kerana tidak siap kerja rumah atau tugasan sepatutnya kerana bekerja sambilan sehingga malam, maka di

rumah tiada makanan dan kegembiraan dalam rumah tangga maka jalan pintas yang mereka ambil adalah dadah. GST kata dadah. Kemudian jenayah pula, akhirnya remaja ini terlibat dengan jenayah seperti pecah rumah, ragut dan sebagainya seperti yang saya, Parit Yaani jelaskan dalam sidang yang lepas bahawa ada orang kena GST sampai sama ada ia terlentang ataupun dia meniarap iaitu yang sakit terlentang yang tidak boleh bergerak, yang meniarap bayi yang baru lahir. Kemudian disebutkan pula ada kes jenayah puncanya pada GST.

Baiklah saya nak cerita, kita tahu orang-orang yang melakukan jenayah ini adalah berpendapatan rendah, yang berpendapatan mungkin kurang daripada RM1,000.00 ataupun mungkin kurang daripada RM2,000. Sebelum kita perkenalkan GST, kita dah buat simulasi, kerajaan dah buat simulasi ambil orang pendapatan RM1,000.00 ini kita lihat apakah barangan-barangan yang dibeli hari-hari yang kena GST. Kajian simulasi yang kita jalankan bahawa orang miskin iaitu gaji kurang daripada RM1,000.00 setahun, eh maaf saya, sebulan kurang daripada RM1,000.00 sebulan kesan GST hanya RM16.53. Adakah dengan RM16.53 ini kita sanggup jadi penagih dadah? Adakah dengan RM16.53 sebulan ini kita sanggup jadi apa ni, pencopet? Adakah dengan RM16.53 ini sebulan kita sanggup menyuruh anak kita menjadi buruh paksa? Ini sebelum kita tambahkan BRIM. Tuan-tuan, bila kita tambah BRIM sebanyak RM300.00 kesan daripada GST yang kita perkenalkan janji kerajaan ini, kita buat GST kita bagi BRIM RM300.00. Jadi, kalau kita bagi BRIM RM300.00 maknanya, rakyat yang berpendapatan kurang daripada RM1,000.00 sebulan mempunyai lebihan pendapatan sebanyak RM101.64 dalam tempoh setahun. Mana ada terjejas untuk orang-orang miskin, yang kita cerita, yang kita sedihkan, yang kita ratapi konon-kononnya orang ini menjadi apa ini orang-orang yang terpinggir dan terus di hina.

Jadi, saya percaya mengenali sahabat saya daripada Parit Yaani ni saya tahu orangnya, orang warak, orang baik tidak mungkin idea ini datang daripada beliau. Saya tahu, mungkin inilah agaknya kesan di keliling oleh orang-orang yang mungkin kurang baik sikit, dapat nasihat yang sebegitu. Beliau tidak mungkin mengeluarkan kata-kata sedemikian, saya cukup percaya dan yakin dengan beliau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam jangka masa panjang sebenarnya kalau kita perkenalkan GST ini semua kerja jadi mudah. Kita dah tak perlu ramai-ramai pekerja lagi untuk Jabatan Hasil, pasal semua dah *computerize*. Kemudian kita tidak ada masalah *transfer pricing*, kita akan tidak masalah *vertical integration,* semua ini dapat ditangani pasal kita dah ada sistem yang mengawal setiap rantaian perniagaan ini. Inilah sebenarnya yang sangat ditakuti oleh pembangkang mungkin sebahagian rakan-rakan baik mereka, penyokong kuat mereka adalah orang-orang daripada golongan ini yang akan kita dedahkan perniagaan mereka kepada umum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ada cerita, tapi ceritanya itulah selalu cerita tak habis, saya bacakan, nanti saya ulas balik. Kadang-kadang kita kena profesional, kita kena amanah dalam tugas, cakap, cakap habis, jangan cakap separuh-separuh. Bukit Batu cakap apa? Dijangka dalam 9 bulan yang akan datang mulai 1 April, kerajaan dijangka akan mengutip RM23 bilion, tetapi selepas tolak cukai jualan yang telah dibubarkan, dan pemberian BRIM kerajaan hanya mendapat *nett* balik RM690 juta sahaja. Hanya untuk RM609 juta rakyat yang disusahkan. Ini saya cerita balik, bukan begitu cerita dia. Kenapa tidak cerita habis. Saya ambil petikan ya, bahawa April hingga Disember 2015 dengan kesan GST kerajaan dijangka akan memperolehi sebanyak RM23.2 bilion, betul sama maklumat dengan saya. Berbanding dengan SST RM13.8 bilion, betul sama. Tapi

cuma dia tidak cerita begini, setelah mengambil kira kehilangan hasil, daripada penambahan barang-barang yang tidak dikenakan GST, maksudnya sebahagian barang dulu kena cukai jualan, tapi kali ini kita tidak kenakan. Ada setengah-setengah barang makanan kita tidak kenakan, itu kita tolak. Yang dianggarkan berjumlah RM3.8 bilion, hasil GST bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM19.4 bilion. Daripada jumlah itu, ditolak lagi RM4.9 bilion yang merupakan pakej bantuan cukai, apa pakej itu?

Cukai individu kita kurangkan daripada satu hingga dua peratusan, cukai syarikat kita kurangkan. Jadi, tidakkah kita lihat bahawa kita ambil ini tapi kita dah kurangkan benda lain. Kalau kita ambil kira semua itu, sebenarnya peningkatan kutipan kepada kerajaan adalah sebanyak 68% tidak di cerita lagi tadi bahawa daripada jumlah itu ya, potongan cukai pendapatan dan bukan cukai tambahan iaitu RM300.00 kepada penerima BRIM yang berjumlah 2.5 bilion, ini juga kita tambah daripada yang sedia ada. Kalau kita nak kira kesan pendapatan daripada BRIM, jangan tolak ini semua. Kalau kita tidak tolak 68%, pasal ini menunjukkan inilah yang saya nak jelas pada Dewan hari ini bahawa kerajaan kita mengenakan GST, memperkenalkan GST bukanlah semata-mata nak tambah rizabnya. Bukanlah semata-mata nak berfoya, kerana apa? Menunjukkan kita hendak menambahkan kecekapan, itu sahaja isu dia. Kerajaan sekarang ini perkenalkan GST nak tambah cekap, supaya kita dapat kutip yang mana tak dapat dikutip dahulu, kemudian kita agihkan balik dalam bentuk BRIM, agihkan balik kepada cukai pendapatan individu, alihkan balik pada cukai syarikat, malah *eksport* pun tak kena cukai. Tidakkah ini nampak bahawa kerajaan itu mengenakan GST bukan untuk kita nak tambah rizab semata-mata, tidak. Tetapi, kita hendak berikan kebajikan ini lebih kepada rakyat tuan-tuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker yang saya kasihi. Beginilah, bila GST ini kita patutnya cerita macam cerita kelambu, kita tahu tidur dekat kampung ni nyamuk banyak, gigit di sana dan di sini. Kita pun belilah kelambu supaya jangan kena gigit, entah macam mana kita beli kelambu ini bocor sikitlah kelambu ataupun mungkin kita pasang tinggi sikit, terangkat hujung kelambu itu nyamuk boleh masuk.

Jadi, kalau gitulah kaedahnya GST ini, adakah kita kena bakar kelambu, kenapa kita tidak tampal sahaja yang bocor tadi itu atau kita betulkan cara pasang, pasal kita dah tahu kelambu ini memang baik untuk memberi perlindungan kepada orang yang sedang nyenyak tidur. Jadi, begitulah juga GST, sistem ini sangat baik lebih 190 negara dah memperkenalkan sistem ini, kita ini yang terlambat. Tapi, kenapa hendak digagalkan, jadi saya fikir punya fikir, pandang punya pandang, dongak lantai dongak langit, saya dapati beginilah, saya lihat sejarah yang lepas bila kita memperkenalkan jambatan Pulau Pinang, memang pembangkang pada ketika itu membidas, membelasah Barisan Nasional kononnya membazir duit rakyat dan sebagainya. Sekarang dah ada dua jambatan pun tak cukup nak buat pula terowong, lalu bawah laut. (Dewan bertepuk).

Kemudian kita buat KLCC membazir duit rakyat, membazir duit Petronas dan sebagainya, sekarang saya ada orang gaji yang lepas bila dia nak balik Indon, Pak tolong bawa saya pergi KLCC pak, kenapa? Mahu ambil gambar. Ya kenapa gambar KLCC? Kalau tidak ambil gambar di KLCC orang tidak cakap kita sudah pergi Malaysia. Maksudnya itu sudah menjadi satu simbol, satu kebanggaan kepada Malaysia. Kemudian kita lihat Putrajaya, dahulu semua bangkang Putrajaya satu pembaziran, yang melibatkan kroni macam-macam lagi diceritakan. Sekarang semua berebut hendak pergi Putrajaya. Kemudian kita cerita Lebuhraya Utara-Selatan, pun di bangkang juga dahulu. Sekarang kita tengok lebuh raya yang sedia ada pun ini, pada ketika ini dah *jammed* dah susah hendak dilalui.

Jadi, kalau kita ambil segala percakapan pembangkang ini tuan-tuan, Yang Berhormat Dato' Speaker dan ADUN sekalian, saya rasa kita tidak ke mana. Pasal, sebenarnya pemikiran kerajaan kita, pemikiran kerajaan Barisan Nasional jauh melampaui pemikiran-pemikiran mereka. Kita dah fikir jauh dah. (Dewan bertepuk). Kita hendak jadi negara maju 2020, mereka ini memang nak tarik balik pasal apa mereka nak tarik? Kerana mereka nak membuktikan kepada rakyat kononnya kitalah paling tidak cekap, kononnya kitalah paling kroni, kononnya kitalah paling *corrupt* kerana mereka ingin memenangi kerusi walaupun sekarang kita dapati memang, nampak pada satu ketika macam perang siber, perang psiko ini mereka telah berleluasa tetapi mudah-mudahan suatu hari mereka sedar bahawa apa yang mereka lakukan ini adalah fitnah yang mana boleh merosakkan bangsa dan negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terpaksa, sebagaimana saya cakap tadi bila kita pasang kelambu ada bocor, jadi kita sebagai orang yang membuat dasar, yang mencadangkan dasar ini, kita kena tegur dekat mana bocor itu, jadi saya kena tegur juga GST, walaupun hakikatnya memang GST ini terbaik. Kita boleh menambahbaikkan, saya sangat setuju dengan gesaan dan saranan ataupun titah Sultan Johor yang lalu bahawa, kerajaan negeri dan juga majlis ataupun Kerajaan Tempatan janganlah dikenakan GST. Bagus, tapi yang lain, Tuanku Sultan setuju, kemudian kita pun lihat mungkin boleh ditambahbaikkan adalah tentang penggunaan *zero rated* kepada pelancong-pelancong. Maksudnya pelancong siapa yang datang ke Malaysia memberi barangan, bila hendak keluar dia boleh tunjukkan resit itu kepada kastam, apa bentuk-bentuk pembelian yang telah dilakukan, dekat mana dia kena GST, dia boleh dapat *refund* balik.

Jadi, kalau tanya saya secara peribadi dan saya mencadangkan kepada dalam Dewan yang mulia ini, pelancong pun tidak payahlah kita kenakan pelepasan, pasal biasanya yang melancong itu mereka dah ada bajet-bajet tertentu. Jadi, kita kenakanlah sebagaimana rakyat juga kena supaya dapat hasil kepada kerajaan. Jadi, pelancong tak payah, eksport mungkin sesuai untuk sekarang, tapi lima, enam tahun akan datang mungkin dah tidak perlu lagi pasal apalah sangat 6%, sekarang ini nak galakkan eksport mungkin kita kenakan *zero rated* untuk barang-barang eksport. Tapi, jangka masa panjang, tak payahlah kita anggap sama sahaja sama ada barang eksport, import, pelancong ataupun orang-orang tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga disentuh tentang Tabung Haji. Jadi, saya kena cerita sebelum makin banyak cerita pasal Tabung Haji. Semua tahu Tabung Haji ditubuhkan 1963, semua tahu tidak pernah seorang pun nak pergi haji, tidak dapat pergi haji pasal Tabung Haji tidak ada duit. Tidak pernah kita dengar. Dan, semua tahu siapa yang pergi haji kali pertama kerajaan bagi subsidi. Hanya bayar RM9,980.00, sedangkan kos dia RM17,270.00, subsidi sebanyak RM7,290.00. Kemudian semua juga tahu dividen Tabung Haji jauh meninggalkan institusi lain. 2010; 5.5%, 2011; 6%, 2012; 6.5 + 1.5 bonus khas sebanyak 8%, 2013; 8%, 2014 juga 8.25%.

Jadi, agak-agaknya dekat mana Tabung Haji buat duit hendak bayar gaji kakitangannya? Pencarum-pencarumnya? Orang yang hendak mengerjakan haji nak di bagi subsidi. Dekat mana? Sudah tentu Tabung Haji kena berniaga dan alhamdulillah, telah dibuktikan selama ini, selama lebih 50 tahun ini Tabung Haji telah berjaya mengendalikan amanahnya, telah berjaya menjalankan perniagaan yang memberikan keuntungan sehingga sesiapa sahaja yang mencarum dalam Tabung Haji terselamat wangnya malah mendapat faedah yang begitu tinggi.

Jadi, janganlah cerita tentang Tabung Haji hendak *build out* 1MDB dan sebagainya, kerana telah dijelaskan pembelian itu adalah pembelian berdasarkan komersial. Maksudnya yang dibeli itu adalah mengikut harga pasaran dan Tabung Haji akan menambah nilai terhadap tanah tersebut merupakan satu bangunan yang cantik dan sebagainya, di mana boleh dijual dengan harga yang menyebabkan Tabung Haji beruntung lebih RM100 juta. Jadi, isu itu saya rasa janganlah dibawa lagi insya-Allah.

Dah ada cerita pasal Pekan Nenas. Beginilah, saya pun terkejut juga bila Pekan Nenas banyak bawa isu tempat saya, terima kasihlah prihatin. Tapi prihatin-prihatin tu, kajilah faktanya lebih dahulu ya? Betul, tak betul fakta yang di cakap, kesian Majlis Daerah Pontian. Saya yang menjadi Wakil Rakyat dekat Kukup, saya tahu apa yang berlaku pada lima buah kedai di Kukup yang retak. Kedai ini telah di siap pembinaannya pada 2007, kemudian retak 2013 dah 6 tahun dah, *defect, liability* semua dah tidak ada dah.

Oleh kerana retak, Majlis terpaksa memanggil satu *consultant* untuk mengkaji selamat tak selamat bangunan tu. Jadi, kita pun kajilah, daripada profesor-profesor UTM, akhirnya dibuktikan memang tidak selamat dan kita buat kajian juga kenapa retak? Retaknya pasal kedai nombor 2, telah mengubahsuai tanpa kebenaran menjadikan hotel yang sebaiknya kedai itu dua tingkat jadi tiga tingkat menggunakan struktur batu dan konkrit yang menyebabkan beban lebihan. Bila patah asasnya, struktur asasnya menyebabkan bangunan ini menarik struktur-struktur lain yang berhampiran. Itu sahaja ceritanya. Kalau hendak minta ganti rugi dan sebagainya *sue* lah kedai sebelah. Majlis dah tidak terlibat dah. Kontraktor pun dah habis tempoh liabilitinya.

Jadi, kenapa ditimbulkan isu ini? Kata dia hendak minta laporan, laporan itu untuk laporan dalaman pihak Majlis untuk buat keputusan. Tapi, kalau hendak buat laporan bahawa ini salah itu atau salah A atau salah B atau salah C, buatlah kajian sendiri. Majlis terpaksa kita buat mengeluarkan duit untuk buat kajian untuk *protect* ataupun melindungi diri kita seandainya orang cakap ini lah pasal Majlis silap. Untuk memantau pembinaan dan sebagainya tapi terbukti bukan salah Majlis Daerah dan bukan salah kontraktor tapi adalah salah pembeli. Jadi, kalau nak jadi hero nak memperjuangkan perkara ini, perjuang lah betul-betul, kumpul duit di kalangan penyokong-penyokong, lantik *consultant* samanlah kedai sebelah dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nenas.

Kemudian yang saya tidak boleh terima tadi bila pemimpin kita dicerca. Bila pemimpin kita dihina, saya rasa selama ini kita tak pernah pun menghina pemimpin-pemimpin pembangkang sedemikian rupa dan penghinaan ini tak dapat pula dijawab kepada orang yang dihina pasal orang tu tak ada. Jadi seolah-olah yang dihina itu yang dikatakan cerita itu adalah benar, tidak sama sekali. Kalau saya nak cerita pun saya pun boleh cerita. Kalau sumber itu diambil daripada *Facebook,* daripada *Youtube,* dan sebagainya saya pun ada sumber sedemikian. Kita boleh cakap. Lim Guan Eng tukar *Mercedes* besar, baru, guna duit siapa? Duit rakyat. Kita boleh cakap...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebut nama...

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Ketua Menteri...

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat jangan menyampuk, biar, tadi tak ada orang menyampuk

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Tapi faham lah, sama aje. Ketua Menteri Pulau Pinang, beli *Mercedes* besar beli guna duit siapa? Kalau bukan duit rakyat. Jam tangan jam *Omega*, itu satu, mana ada orang pakai satu jam lagi lah jadi Ketua Menteri, nanti kita ambil lagi jam-jam berikutnya kita kumpul adakah mencecah jumlah ratusan ribu ataupun jutaan ringgit. Kemudian kita lihat lagi gaji ADUN Selangor tinggi. Guna duit siapa? Kita Johor ni yang lagi banyak hasil kita, kita tak kisah kita setuju dengan hasil ataupun dengan elaun sedemikian rupa.

Kemudian kita tengok lagi, tarif air di Pulau Pinang, bebankan siapa? Cukai harta naik di Selangor, bebankan siapa? Kos perniagaan naik kerana cukai harta naik tinggi di Selangor, di mana banyak kilang di sana nak tanya siapa? Salah siapa? Siapa yang kena? Dan Ketua Menteri Pulau Pinang kena baling buku, luka kat kepala, siapa? Terowong bawah tanah di bina, kita pun tahu tak dibuat tender terbuka, diberi pada kroni siapa? (Dewan bertepuk).

Adik MB Selangor hidup mewah, sumber mana? Naik jet peribadi oleh pemimpin pembangkang pergi kempen, sumber rasuah mana? (Dewan bertepuk). Kalau kita nak cerita macam ini, tak habis. Kalau, kalau pihak sana ada bukti, kita pun ada bukti tapi kita, kita fokus, kita nak cerita apakah kita boleh bawa untuk negara kita, untuk negeri kita untuk bangunkan negeri kita.

Jadi, nak bawa isu itu, setempat saya kena bawa pasal ini isu yang meruncingkan apa ini, di Kukup. Mohon sangat-sangat Kukup ramai nelayan. Itu hari dah ada buat bantahan, dah hantar memorandum, dah pernah buat tunjuk perasaan, saya tahu juga di pihak sana pulak ada juga mencelah-celah menumpang, bahasa pasarnya menumpang tui konon-konon dialah memperjuangkan sedangkan kita dah perjuangkan benda ini lama. Kita dah tahu nasib, saya lebih tahu nasib nelayan masa saya juga sebagaimana mereka. Selalu juga turun ke laut. Jadi nelayan ini kita tahu, dengan pembinaan ombak, apa ini, penahan ombak, pemecah ombak di Tanjung Piai memang terjejas pendapatan mereka. Mereka tidak seperti kita. Kita boleh fikir alternatif lain. Bagi mereka itu lah kerja mereka kais pagi makan pagi. Kita tahu juga ini projek rakyat untuk tolong mereka, supaya tanah mereka tidak terhakis, kita tahu, tapi mereka tak fikir tu, mereka fikir sekarang. Esok nak kasi anak makan apa? Dia tengok udang mungkin kurang hasilnya, ikan makin susah nak di tangkap, jadi inilah kerisauan mereka, jadi saya mohon mungkin IRDA, mungkin kerajaan negeri bantulah dalam bentuk bukan pampasan ataupun dalam bahasa yang moleknya kita panggil mungkin apa, insentif wang ihsan atau sebagainya bagilah. Sekurang-kurangnya meringankan beban mereka dan kerana saya percaya bila terdapat pembangunan yang lain nanti, dah tak ada lagi nelayan di Tanjung Piai. Jadi bila dah tak ada nelayan, kita faham akan banyaklah masalah-masalah mereka dan keluarga mereka. Jadi saya mohon supaya kerajaan negeri bantulah. Jadi kita bantu daripada sudut nelayan.

Kita kena fikir juga jeti-jeti yang sedia ada dan nelayan-nelayan ini macam mana kita nak bantu pendapatan mereka. Jadi saya nak mencadangkan di sini, jeti-jeti yang sedia ada itu, kita ubah konsep kepada jeti pelancongan ataupun *sport fishing activity*. Maksudnya kita buat lah *ramp* kita buat lah bilik air, kita buat lah pondok-pondok apa ni untuk mereka menunggu sebagainya. Kita buat lah *parking* kereta yang mencukupi, buat lah tandas, buat lah juga chalet dan sebagainya supaya ada aktiviti-aktiviti di situ kerana kalau kita pergi mana-mana dalam di negara barat kita lihat rumah-rumah yang berhampiran dengan pantai biasanya depan rumah ada bot atas *trailer.* Nak pergi mancing mereka bawa apa itu botnya

terus ke laut pasal ada *ramp* dan boleh turun ke laut. Itu tak ada kemudahan di kawasan kita.

Jadi ini perkara-perkara yang IRDA dan juga kerajaan negeri boleh fikirkan supaya dapat diberi penambahbaikan dan juga pengalaman saya masa mancing, pengalaman saya berjalan di sekitar perairan Tanjung Piai ini, kalau kita menuju ke perairan Singapura, tak sampai 5 minit sudah pasti ada satu bot peronda daripada Maritim ataupun Polis Marin Singapura menghimpit kita, tanya ke mana kita nak pergi?

Tapi saya mancing di Tanjung Piai ke di Pulau Pisang ke, ataupun di Serkat sebagainya, pagi sampai esok pagi tak ada satu bot pun himpit kita. Kemudian daripada pemerhatian saya, macam tak ada bot yang meronda perairan kita yang menjaga kedaulatan negara kita. Jadi kaji punya kaji, tanya punya tanya, saya lihat bahawa Jabatan Maritim meletakkan hanya 5 orang di Kukup. Maritim ni tugas dia kalau ada pencerobohan nelayan, bot-bot pukat tunda, tangkap ikan di tepi pantai sebagainya, mengganggu nelayan-nelayan pantai. Kalau kita telefon satu jam belum tentu sampai. Pasal apa dia ada 5 orang, asetnya tak ada. Di Sungai Pulai ada, dia meletakkan *based* nya di Sungai Pulai di mana ada 60 anggota campur 10 staff, ada 3 kapal dengan kelajuan 20 knot, ada 3 bot laju, 40 knot tapi dua rosak.

Polis Marin di Kukup ada 23 orang, 1 bot ronda 28 knot, 3 bot laju tapi itu lah saya cakap, memang *parking* sahaja. Itu pasal apa, kita menghadapi masalah sebenarnya mereka menghadapi masalah kekurangan anggota. 23 orang ini berjaga untuk *tiga shift*. Agaknya macam mana kita nak bahagikan yang mana duduk di balai, yang mana kena meronda, sedangkan kawasan rondaan mereka, daripada Batu Pahat sehingga lah PTP. Jadi kalau dengan anggota yang macam ini mana mungkin terjaga lautan kita yang begitu luas.

Kemudian kita lihat di Kukup itu sendiri tiada jeti untuk Polis Marin dan juga Maritim ini. Mereka terpaksa menumpang daripada jeti penumpang dan juga tiada bot yang dipanggil *air boat* untuk beroperasi di kawasan perairan cetek jadi kalau ada orang lari cukai, ataupun menyeludup rokok keretek, ataupun menyeludup ke seberang bila sampai pada laluan cetek, bot kita tak boleh dah. Bot dia boleh lepas, jadi kita tak ada air boat yang boleh kejar sampai ke kawasan-kawasan cetek. Ini sangat penting dan perlu kita tegaskan kerana kehadiran mereka menentukan kedaulatan negeri Johor.

YB Timbalan Speaker : Jemput gulung Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : *Last* sekali, satu isu saya setuju sangat dengan isu *7-Eleven.* Fikir punya fikir, kenapa susah sangat kita nak haramkan *7-Eleven* menjual arak? Lihat lah mana-mana *7-Eleven* dalam negeri Johor, siapakah yang kerja? Kalau kita tak boleh haramkan dia jual pasal melibatkan apa ini, perjanjian asal dan sebagainya, tak kan kita tak boleh haramkan, maksudnya mereka tak boleh mengambil pekerja Melayu ataupun Islam bekerja di *7-Eleven*. Pasal hukum semua jelas. Minum salah, haram. Yang meneman minum, haram. Yang menuangkan, haram. Yang menolong membungkus masa nak beli, haram. Yang mengangkut dia pergi kedai *7-Eleven*,haram. Yang menyusun kat dalam *7-Eleven* itu juga haram. Tak kan lah kita nak membiarkan perkara haram nampak aje kecil ini tapi sebegitu besarnya dosanya di sisi Allah, kita nak biar berterusan. (Dewan bertepuk).

Saya cabar, saya cabar semua agensi yang mempunyai autoriti untuk perkara ini, selesaikan perkara-perkara kecil ini terlebih dahulu. Saya tahu ni belum cerita hotel. Siapa jadi *bar tender*? Siapa yang *served* tu? Siapa yang menggoncang dengan macam-macam *style* apa tu, arak itu untuk dicampurkan menjadi macam-macam nama, saya tak tahu nama, kalau saya tahu, saya boleh sebut nama.

YB Timbalan Speaker : Macam YB biasa aje. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Tengok TV. Itu saya belum sentuh hotel. Kita cerita *start* dengan *7-Eleven* dulu. Jadi kalau kita boleh atasi masalah ini, ini melibatkan maruah kita, maruah bangsa kita, maruah agama kita, sanggup kah kita melihat anak-anak dara kita, anak-anak bujang kita yang tak tahu apa-apa, baru lepas SPM dah diajar berkenal-kenalan, berjinak-jinak dengan minuman keras ini. Sudah barang sudah tentu bila mereka menjual, bila mereka mencampur, kena rasa. Kalau tak, macam mana nak tahu, *Long Island*, apa lagi nama dia, AK 47, apa lagi nama dia? Saya tanya dulu dia orang. Kalau tak mana mereka tahu kalau mereka tak cuba.

Jadi saya mohon, dalam Dewan yang mulia Yang Berhormat Dato' Speaker, supaya kita pandang berat lah, nampak remeh, nampak untuk keuntungan tapi bagi saya, keuntungan akhirat itu kita kena kejar, mengatasi segala-segalanya keuntungan dunia ini yang saya rasa begitu kecil keuntungan itu, menyumbangkan kepada hotel atau perniagaan-perniagaan ini.

Jadi secara kesimpulannya, saya berharap, Dewan yang mulia ini, terutamanya pihak pembangkang cukup-cukup lah cerita pasal GST. Saya boleh terangkan lagi, saya ada maklumat *details* pasal GST. Kita boleh ceritakan, kita boleh duduk semeja, bantu lah kami sebenarnya. Beritahu lah kebocoran GST itu kat mana, insya-Allah kita panjangkan kepada menteri-menteri yang terbabit tetapi GST ni semua sedar, semua sedar satu perkara yang sangat baik untuk kita monitor untuk kita melihat untuk kita kawal aktiviti-aktiviti perniagaan dalam negara supaya kurang benda yang haram, supaya mereka tidak lari cukai, supaya mereka tidak mengambil untung yang gila-gila. Kalau ini dapat kita laksanakan, saya, macam saya, saya pun komen. Saya pun tak setuju beberapa perkara tentang GST kerana kita nak perbaikan, penambahbaikan sebagaimana titah Sultan Johor, jadi kalau ada penambahbaikan sila lah tapi GST itu jangan sekali-kali dihapuskan. Sekian, Kukup mohon menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

YB Timbalan Speaker : Sila Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh. Terima kasih Dato' Speaker. Pasir Raja menjunjung kasih di atas titah ucapan Tuanku dan saya mengucapkan terima kasih juga di atas peluang mengambil bahagian untuk membahas usul menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Melalui rundingan yang telah pun dibahaskan Dato' Speaker, saya cukup kagum dengan Pekan Nenas dengan Kukup kerana semangat orang muda yang membawa penjelasan.

Walau bagaimanapun, oleh sebab apa yang diberitahu oleh Sungai Abong menyatakan bahawa Dewan ini didominasikan oleh masalah GST, kita ada juga kaedah bagaimana GST ini sebenarnya tidak boleh dikelirukan. Saya nak mengungkit, terus terang saya kata, Pekan Nenas telah banyak mengelirukan dalam Dewan ini. Berkaitan dengan GST termasuk menghina pemimpin kita yang kita hormati. Jadi Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, GST saya tambah sikit apa yang

Kukup maklumkan bahawa pernah tak kita terfikir, pernah tak kita semua dalam Dewan yang mulia ini terfikir, mengapa 170 daripada 193 negara di dalam dunia ini, kita dalam dunia ada 193 negara, *hundred seventy*, dengan izin 170 negara dalam dunia ini, maknanya 88% sudah melaksanakan GST. Kita ni kira tertinggal. Dia panggil GST tempat mereka VAT, cukai barang dan perkhidmatan. Ada yang di panggil VAT *Value Added Tax*. Soalan kita adakah mereka yang dah buat GST nak menzalimkan, menzalimi rakyat mereka? Tentu tidak.

Yang kedua, angka 170 Dato' Speaker, termasuk negara mundur. Negara mundur ni berpendapatan sederhana rendah, berpendapatan sederhana tinggi, Malaysia dalam kategori ini dan juga negara maju. Jadi 170 ni yang telah melaksanakan GST dan beragama Islam untuk negara Islam. Pernah tak kita cuba ingin mencari jawapan, mengapa 43 negara daripada 57 negara, kita ada negara Islam 57 negara, 43, 75% dalam OIC dipanggil *Organization of Islamic Corporation*, dengan izin, sudah melaksanakan GST ataupun VAT. Tentu negara-negara itu tahu, yang GST ini hukumnya harus dan dibolehkan daripada sudut agama Islam. Jawapannya ialah kerana GST sebenarnya lebih baik daripada cukai kepenggunaan yang lain seperti yang dahulu SST yang Kukup kata bagi tahu diadakan pada tahun 1972 dan kemudian 1975.

Dan, apa yang Pekan Nenas timbulkan *April Fool* mula aje ucapan beliau dah cerita pasal *April Fool,* adakah ini *April fool* untuk negara? Perdana Menteri dah umumkan GST akan diadakan pada 1 April 2015, sebelum ini setahun sebelum tu dah beritahu dah buat persediaan. Kenapa kaitkan *April Fool* dengan masalah GST? Dan kita tahu selama ni rakyat Malaysia dah pun membayar SST 5% atau 6% atau 10%. Malangnya, ha, malangnya SST ni, kurang telus sebab ianya termasuk dalam harga barang yang rakyat tidak perasan. Ha, ni perkataan perasan, tak perasan, sedangkan GST telus, kerana apa? Ada resit. Ha, saya dulu pun belanja tak ada resit, hentam sahaja, ha sekarang berbelanja baru ada resit. Dan tiba-tiba rakyat Malaysia menjadi tambah celik kewangan bermula 1 April 2015, maknanya? Bukan *April Fool*, rakyat Malaysia tambah celik kerana mereka hari ni pandai nak simpan resit, dulu tak pernah Dato' Speaker, simpan resit ni minta maaflah kecuali beli TV pun tak ada resit, tak nak resit, sekarang beli barang nak resit...

YB Timbalan Speaker : Dulu dapat resit, buang saja ya?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ha buang saja, itu yang kita dapati ada orang daripada negara tempat lain dia buka tingkap dia buang kertas tu, itu banyak berlaku. Sekarang rakyat simpan resit, dan bukan simpan Dato' Speaker, baca resit, ha baca, dia tengok teliti, baguslah. Inilah namanya celik kewangan, kemudian bukan dia baca, dia simpan dan yang paling baru di *whatapps* kan kepada semua orang dia kena GST itu yang nampak cantik, dia ambil gambar kertas tu dia *whatapps* kan dan dia tulis tangan ada yang cop, ini nama celik, bagus, maknanya kesan GST telah menjadikan rakyat Malaysia kita celik kewangan (Dewan bertepuk) ha ini dia. Baik ke GST? ADUN Kukup ada beritahu banyak bagusnya apa GST, saya nak tambah satu lagi. Tadi tu bab simpan resit, ni bab baik dia ni, kalau kita tengok bacaan kajian Bank Dunia, ni bukan saya yang buat, ni Bank Dunia yang keluarkan, ekonomi gelap, dipanggil *shadow economy* di Malaysia menurut kajian Bank Dunia berjumlah 30% daripada KDNK. Apa itu KDNK? Keluaran Dalam Negara Kasar, atau dalam Bahasa Inggeris GDP ataupun *Gross Domestic Product*.

Dengan ada GST ni Dato' Speaker, *the shadow economy* ataupun *shadow economy* 30% ini kita boleh kurangkan. Betul, kita boleh kurangkan, jadi mereka yang tak sokong GST ini sebenarnya mereka sedar, mereka sedar ini bermaksud

mereka ingin melindungi cukai ataupun penipuan cukai. Jadi ini yang kita rasa negara akan jadi negara 'Taibatun', 'Baidatun', maka akan lebih aman, selamat dengan ada dapat mengelakkan daripada orang terus memanipulasikan keadaan dengan polisi-polisi atau dasar dasar yang kita rasa membantu.

Kalau kita kata mengikut titah Tuanku, minta PBT, Pejabat Daerah tak kenakan GST tak pa, saya difahamkan kerajaan Johor awal-awal lagi dah mohon untuk serap untuk apa? Dikecualikan GST, saya tanya sendiri dengan EXCO adakah kita telah serap, ya serap, serap GST. Tapi keluar kenyataan pemimpin belah sana dia kata dia tak mahu ni kerajaan tanggung GST ni, tapi Pulau Pinang serap juga GST (Dewan bertepuk), lepas Johor buat, Pulau Pinang buat apa? Maknanya terimalah kenyataan. Terengganu pun buat juga, negeri mana lagi? Cakap? Terengganu, Pulau Pinang, Johor. Ha, Alhamdulillah maknanya belah sana pun ikut, dia tak terkecuali, dia serap GST. Ha, kita kecualikan, jadi Dato' Speaker ini yang menyebabkan kadang-kadang kita naik angin apabila benda-benda yang dikelirukan ni menjadikan bebanan dalam pemikiran rakyat.

Sekarang saya rasa dalam negeri Johor dan negara kita malahan saya tanya pelajar cemerlang Malaysia yang dulu nama dia, saya tak payah sebut nama lah, yang dapat berapa A? 16A tu eh? Yang belajar perubatan dah *graduate*, dah kerja dekat sekarang kerja dekat England, dia kata bagus GST di England ada, tak da masalah. Paling dekat Singapura, pergilah Singapura duduk semingu kena GST tak ada orang bising pun? Itu isu dia. Dato' Speaker, kadang-kadang kita merasakan bahawa sesuatu perkara yang beretika itu menjadi beban, sebenarnya beretika inilah yang boleh mengawal keadaan negara kita.

Dengan itu Dato' Speaker, kita mampu untuk membuat banyak lagi program, saya rasa program yang ada dalam PBT sekarang ni ialah program *parking, parking* kereta ni. Saya nak beritahu lah orang yang meniaga ni, dia kena dituduh kita kena 3 GST, pertama dahlah GST kedai, oklah itu kedai sewa, yang kedua GST barang yang dibeli, yang ketiga GST *parking*, ha, kalau boleh *parking* kita yang di bawah PBT ni, di bawah PBT di bawah, Pejabat Daerah, yang swasta kena maklum kepada pengendali *parking* ini supaya GST juga tidak dikenakan kita pun nak bantu peniaga.

Dan yang kedua, *parking* dalam negeri Johor ni tak seragam Dato' Speaker, pergi Kota Tinggi dia punya kupon lain, Johor lain, jadi saya nak beli banyak tempat, cuba seragamkan satu Johor, jadi saya nak pergi Muar ke saya nak *parking* jadi pakai kod kad yang sama, ini kad yang berbeza-beza. Adakah Johor ni bukan Johor? Johor mesti Johor dia satu aje lah. Jadi kita mintak supaya kad *parking* lot ni saya tak tahu berapa harga dia tapi Ahli Majlis memang dapat *free* lah, mungkin dapat *free*. ADUN aje tak dapat *free*, betul ADUN tak da tak da *free* GST? ADUN pembangkang pun tak da *free*?

YB Timbalan Speaker : Masuk dalam keistimewaan Dewan lah.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ha. Jadi kita minta seragamkan kupon *parking* dalam negeri Johor, dalam negeri Johor dan juga kita minta tambahlah kalau boleh ADUN pun boleh *parking free* lah yang dengar pun boleh, semua yang dengar ni agaknya...

YB Timbalan Speaker : Sokong.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dan, dengan adanya tambahan duit daripada kutipan yang benar ni, beretika ni, yang dikatakan boleh membantu

negara kita boleh menambah banyak kebaikan. Kita kaitkan pula dengan isu yang ada kaitan dengan alam sekitar, ha, ini EXCO Alam Sekitar lah, apabila nak bawa kes ke Mahkamah, ini satu isu ni nak bawa kes ke Mahkamah. Pertama dia kena mintak laporan Polis, kedua nak buat siasatan, ketiga nak buat kes, buka kes di Mahkamah, dia makan masa. Sekarang orang kata GST tak da masa, beli terus dapat GST, jadi kes-kes seperti ini Dato' Speaker, dia makan masa, contoh eh baru-baru ini tumpahan diesel di Sungai Johor, telah menyebabkan loji air di kawasan Pasir Raja iaitu di Sungai Johor tutup. Bila tutup, saya tanya 250,000 pemegang akaun tak dapat air beberapa hari, kali 4 lah satu keluarga 4, 4 orang kali 250 makna sejuta orang Ya Rabbi, hari Khamis malam Jumaat pulak tu, nak pergi sembahyang Jumaat tak da air yang rumah bertingkat Masya-Allah...

YB Timbalan Speaker : Tayamum lah.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ha? Tayamum pun dinding pun tak da debu, bersih Johor, Johor Lestari tadi dia kata (Dewan ketawa).

Jadi kita kena ingat, alam sekitar jangan lambat buat kerja ni kerana kalau tak boleh mengesan *tributaries* maknanya kita telah pun meluluskan enakmen air 2014 ganti 1921, 2014 *tributaries* air ni jangan ingat sungai johor sahaja yang tumpah diesel, *tributaries* ni dia kecil-kecil ni dan tumpahan diesel datang daripada kilang-kilang ni, kilang yang tak bayar GST ni dia tak bayar dia selama ni pun *shadow economy*, dia keluarkan tumpahan diesel, dia bakar tayar. Malam mintaklah kalau boleh ronda malam ni perniagaan-perniagaan yang buat beroperasi malam ni dia ronda, tengok dekat mana dia menyebabkan kesusahan kepada ramai orang rakyat. Apabila tutup loji air kita tak dapat lagi nak menjaga kualiti air dan saya menyambut baik titah Tuanku di bawah titah Baginda yang mengatakan bahawa sampai masanya rondaan dibuat melalui udara. Rondaan dibuat melalui udara, maknanya pihak Alam Sekitar, pihak Polis, pihak Pejabat Tanah, buat ronda. Tengok kalau saya hanya mampu tengok *google* itu pun *google* saya beli 2010, *google* terbaru tak dapat nak beli 2015 belum ada lagi. *Google* 2010 tengok kawasan teroka yang mengganggu *tributaries* air ni antaranya pencerobohan balak ataupun kayu-kayu hingga menyebabkan tumpahan baja ataupun akibat pertanian.

Yang kedua ialah pengorekan pasir yang berlebihan mereka diberi konsesi yang kecil tapi dikorek satu *tributaries* anak sungai tu jadi kolam saya dah cakap dalam Dewan penggal lepas daripada lombong ni Dato' Speaker banyak mineral yang membahayakan kesihatan ADUN-ADUN ni seperti kadmium *mercury plumbum*, ni kalau masuk dalam badan kita antara yang dia *attack* buah pinggang, kita nak panjang umur Dato' Speaker, kita tak mahu penyakit ni, jadi nak jaga. Ni Alam Sekitar kena pastikan bahawa bukan sahaja *tributaries* yang tumpah diesel sahaja, tapi *tributaries* di mana anak sungai tu dijadikan kolam akibat pengorekan atau perlombongan yang berleluasa tanpa kawalan, harap-harap mereka ni akan dikenakan GST jugalah kerana melebih-lebih pulak buat penerokaan ni.

Dato' Speaker, saya ditemui oleh anak-anak muda, ni penting ni, anak muda Johor. Antara hujah yang mereka kata, mereka terperangkap dekat gaji yang kecil, ha, terperangkap. Kita ada *high income group, middle income group, low income group*, mereka ini antara *low income group* dengan *middle income group*, mereka terperangkap, gaji mereka apabila ada naik aje gaji minimum RM900.00, mereka terima kasih, tapi majikan tak terima kasih kerana mereka terpaksa bayar lebih jadi apabila berlaku benda ni Dato' Speaker, kebanyakan anak muda ni apabila mereka bekerja di tahap operator atau di tahap operator pengeluaran, *technician,* mereka tidak diberi peluang untuk *up skill* diri mereka, *up skilling* makna menambah

dia punya kemahiran, kita ada HRDF, saya faham ni HRDF ni *Human Resource Development Fund* yang semua syarikat mesti ada ni, dia boleh *claim* balik dengan Kementerian Sumber Manusia untuk latih, latih balik semula ni operator ni, kenapa perlu latih Dato' Speaker? Kerana apabila syarikat lain buka, tempat lain, kilang lain buka mereka boleh pindah dengan gaji lebih tinggi kerana kemahiran mereka, mereka nak macam tu.

Jadi, saya mintaklah supaya *human resource* ataupun Jabatan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia, melihat perkara ni melihat di bawah ini bagaimana anak-anak muda ini tidak mahu mereka dikatakan terperangkap, *trap at medium income society*, mereka nak *high income society* tetapi dengan syarat mereka mesti ada *up skilling, up skilling* maknanya dia mesti ditambah kemahiran mereka mungkin mengambil *professional certificate*. Contoh kalau mereka *machine handling* mereka boleh pergi buat *Program Certificate In Design Machine,* contoh. Jadi, kalau mereka pindah ke tempat lain mereka akan dapat lebih gaji maknanya mereka akan naik pangkat naik gaji atau dibeli macam main bola la bagus sikit main bola, orang lain ambil dia mahal sikit. Jadi anak-anak muda ini mengharapkan kita ADUN-ADUN ni memperjuangkan nasib mereka, memperjuangkan, kita kena perjuangkan nasib mereka, kalau mereka dapat dinaikkan taraf hidup mereka melalui kaedah ini kerana mereka ramai ni dalam Johor ni ENE, *Electronic and Electrical Service* kilang-kilang ENE ni, *telecommunication* kilang, ramai. Jadi mereka ni kat situ. Jadi, kalau kita boleh perjuangkan nasib mereka, mereka akan berterima kasih dengan kita dan sekurang-kurangnya HRDF *fund* tu dapat digunakan.

Dan ditokok pulak, dulu kalau gaji bawah RM900.00 majikan mereka beri elaun kedatangan, beri elaun *transport,* kalau *transport* sendiri dia berilah, kalau tak dia sediakan bas, beri elaun makan, tapi bila gaji minimum naik RM900.00 elaun dipotong. Ha, ni melampau ni ada majikan potong elaun kerana dia kata dah dapat RM900.00 tak payah elaun, malahan kalau mereka datang lambat setengah hari, satu hari terlambat sikit tak ada *MC* ke tak ada surat izin daripada isteri ke datang lambat ke mereka akan ditolak dia punya sebulan dia punya *allowance* tu. Jadi mereka merungut dan rungutan ini perlu disampaikan dalam Dewan kata dia. Jadi saya, sampaikan. Sekurang-kurangnya dicatat dalam verbatim dan pihak yang bertanggungjawab melihat perkara ini dan bincang secara terperinci bagaimana saranan Perdana Menteri kita, supaya kos sara hidup dapat diimbangkan dengan kaedah yang kita cadangkan selain daripada bantuan mereka dapat BR1M itu. Mereka dapat BR1M, Dato' Speaker, kerana mereka punya gaji bawah RM3,000.00, baru RM900.00. Jadi ini penting untuk kita lihat dan berbalik kepada perkara tersebut, Dato' Speaker, tentulah dia pergi kepada bajet untuk memperbaiki kurikulum ilmu, kurikulum.

Saya nak bawa perkara ini kepada Majlis Agama Islam Johor ataupun Jabatan Pendidikan Agama. Saya lihat, Dato' Speaker, kurikulum Sekolah Agama ini, dia memang cantik. Darjah 1-6 ada sekolah Khas. Kita biasa pergi rasmikan konvokesyen sekolah khas, alhamdulillah. 1-6 ini, dia berat sedikit. Budak-budak sekarang ini, dahulu kalau sekolah agama mungkin darjah 3 baru masuk darjah 1. Hari ini darjah 1 pagi, petang sudah sekolah. Berat bawa beg, petang berebut-rebut, *tension*. Petang tidak boleh, *absorb* lah macam GST tidak boleh, dia sudah mamai lah kata Nusajaya. Jadi, mereka tidak boleh *absorb* ilmu ini, jadi bila berat sangat kurikulum mereka ini. Tetapi, yang kita perlu buat sekarang ini kurikulum ini, Dato' Speaker. Selain daripada menambah iman rakyat Islam, kita juga melihat bagaimana :

i. Mereka ini dapat dicegahkan daripada mentafsirkan sesuatu perkara itu di luar tafsiran sebenar.
ii. Mereka ini tidak akan terjebak dalam kegiatan IS ini (*Islamic State Militant)* ini, mereka tidak akan terjebak. Mereka tidak boleh terpesong. Kalau boleh orang-orang Johor ini kalau datang sekolah agama, mereka tidak terpesong kepada gerakan.

Jadi gunakanlah duit bajet ini untuk baiki kurikulum, panggillah *expert* ataupun pakar-pakar supaya kurikulum ini dilihat semula dan saya bangkitkan dalam Dewan ini, dan kalau dalam Parlimen dia akan bangkit kurikulum sekolah rendah, sekolah menengah, sejarah. Tetapi dalam Dewan ini, saya harap kurikulum sekolah agama ini perlu dilihat kembali selain daripada memberi buku percuma darjah 1, darjah 2, pinjamlah maknanya, pulang balik kurikulum mereka. Saya teliti sebelum saya cakap dalam Dewan ini, saya teliti buku sekolah agama darjah 3. Budak sekolah darjah 3, petang sekolah 3. Apabila mereka periksa sekolah pagi, periksa sekolah petang. Ha, ini yang kelam kabut, kesian. Sekolah pagi dah periksa dengan PBS nak *score* band 5, 6 ini. Petang nak periksa sekolah agama, penghabis apa dia buat, Dato' Speaker, dia tidak baca buku sekolah agama ini, langsung tidak baca, dia tinggal sahaja. Dia pergi dia hentam sahaja. Ini tidak boleh. Kita mesti ada satu kajian bagaimana mutu peperiksaan sekolah agama itu dapat meningkatkan ilmu mereka, bukan markah mereka. Kalau markah tingkat tetapi mutu ilmu agama mereka tidak tinggi, tidak boleh.

Nasib baik, kerajaan Malaysia telah pun meluluskan POTA (*Prevention of Terrorist Act*)Dulu ada ISA, alhamdulillah. Ini POTA, jadi supaya belia-belia Islam ini, mereka tidak tafsir salah jihad itu apa dan tidak pergi ke Syria, dan mereka dapat diselamatkan. Sekurang-kurangnya di peringkat awal lagi. Di peringkat awal mereka *study* atau belajar dilihat balik. Jadi kalau boleh diseragamkan, bukan seragam, minta maaf. Sekolah pagi itu dilihat dengan sekolah petang itu peperiksaannya tidak sama waktunya, hari yang sama. Kadang mereka terkejar-kejar dan emak bapa sendiri yang cemas dengan kelulusan. Balik sahaja merah semua, merah semua. Kenapa merah? Marah lagi, dapat *double-stroke*. Tadi *stroke* pertama sudah merah, kedua kena *stroke* lagi marah, merah.

Akhir sekali Dato' Speaker, saya nak sentuh apa yang berlaku di kawasan Pasir Raja, 2 perkara :

i. Saya mintalah Jabatan Pendaftaran Negeri Johor atau Malaysia melihat bagaimana Pejabat Pendaftaran di Kota Tinggi itu. Tempatnya kecil, rumah kedai, tolonglah, saya dengan YB Sedili, tengok hari-hari, bagaimana orang tua terpaksa duduk luar. Pendaftaran ini bukan hari ini cap jari esok petang boleh dapat, kadang-kadang boleh dapat lewat sedikit. Jadi tempat tidak kondusif. Mereka marah lagi, ini GST lah ini. Ha ini dia kata, marah lagi. Aduh, kita pun naik pening. Mintalah Jabatan Pendaftaran ini pindahlah. Pindah tempat, ada satu tempat di Kota Tinggi itu namanya UTC ke apa nama dia. Ataupun bangunan yang kosong ini, sewalah besar, besarlah. Tak apa, pendaftaran, nak daftar IC, nak daftar apa lagi, surat nikah cerai, surat daftar ini. Bab daftar, mati hidup. Kertas ini Dato' Speaker ada banyak cerita nya. Tuan-tuan *graduate* dapat kertas, boleh baca. Kertas ini kalau tuan-tuan dapat belajar kereta, sijil dapat kertas. Tetapi bila mati sahaja, Sijil Mati tidak boleh baca, sebab sudah mati. (Dewan ketawa).

   Eh betul. Sijil mati ini yang orang tidak boleh baca sijil mati sahaja, orang yang hiduplah. Yang tuan punya sijil itu, dia tidak boleh baca sebab dia sudah mati. Jadi kalau orang pendaftaran ini menyempitkan dunia mereka, kat sijil pun

pendaftaran mati ini pun kecil, jadi kena ubahlah, tolonglah. Ini perkara penting untuk daerah Kota Tinggi.

ii. Jabatan Perumahan SUK negeri Johor ini, tolong fikirkan. Orang Kota Tinggi daripada orang daripada Penawar, Pengerang, Sedili, kota Tinggi mana, kawasan saya ini, kawasan YB Sedili, YB Penawar, YB Johor Lama, Tanjung Surat, eh betul eh, terpaksa nak *registe*r ini ke Johor Bahru ini, Nusajaya ini, sini. Berapa jauh nak pergi hantar dokumen dalam masa 14 hari, mesti hantar dokumen secara fizikal. Daftar *online* boleh. Tapi dalam masa *14 days*, 14 hari mesti hantar dokumen. Apa salah, buat pejabat dekat Kota Tinggi? Banyak tempat kosong Kota Tinggi itu, Pejabat pendaftaran Kota Tinggi itu boleh kosongkan, boleh buat situ, kalau tak nak pindah. Jadi, barulah orang minat nak dapatkan perkhidmatan.

Jadi GST ini akan orang lupa. Sebab apa, sudah ada perkhidmatan depan mata. Ini penting, Dato' Speaker. Saya sampaikan ini rintihan orang kawasan, kerana apa, orang kawasan kita ini hari ini celik GST dia simpan resit. Dia dah baca resit, dia *whatapps* lagi. Lepas itu, dia dapat sahaja rumah punya borang itu, dia *whatapps* lagi. Dia telegram lagi. Jadi kita pun terkejut.

Dan, *last but not least*, akhir sekali Dato' Speaker, bab kesihatan ini. Di Johor ini, saya minta maaflah. Ada peniaga-peniaga besar ini dia *control* satu gedung ini. Dia bab, menyewa kepada orang ini. Gedung ini, saya tak nak sebut nama yang itulah, dia macam mart, mart ini lah. Dia mart. Sana mart, sini mart, dalam dia sewa banyak orang, gerai ikan ada, buah-buahan ada, kedai makan ada.

Pertama kebersihan. Kebersihan saya tengok yang menjual, yang menjual sayur, menjual ikan , menjual buah-buahan ini, orang-orang luar negara. Dikawal, di *control* oleh orang-orang luar negara bukan orang kita. Keduanya, saya tengok kuku dia pun, saya nak beli buah-buahan tidak larat saya.

YB Timbalan Speaker : Kuku dia ber*color* ke, panjang ke?

YB Dato' Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ber*color* dah *bercolor* lepas itu ada hitam-hitam sedikit, lepas itu kuning lagi, hisap rokok, lepas itu buah-buahan, Dato' Speaker, dia potong dia suruh kita makan, rasa dahulu. Ha, hendak ke kita buat macam itu? Adakah mereka dapat suntikan anti *typhoid*? Pelalian *typhoid*? Nak kena jaga ini semua. Saya minta satu pasukan khas ditubuhkan satu negeri Johor ini, supaya *check* semua ini, *mart-mart* ini. (Dewan bertepuk meja).

Dan *mart-mart* ini pun, saya rasa *black economy*. Saya tidak buat tuduhan tetapi saya rasa. Dapat *feeling* itu, ada *feeling* itu. Jadi kalau orang yang memberi kita perkhidmatan, sudah lah kita tidak bayar GST, dah buat GST pun, dia tidak cop, dia tulis sahaja GST 6%. Habis. Kita pun kena. Tetapi, mereka ini siapa? Mereka ini orang yang tidak pedulikan rakyat Malaysia. Mereka datang sini dapat gaji, orang sakit lantaklah engkau. Dia balik, dia tidak ada apa-apa. Kita yang masuk hospital kena lagi GST, hospital swasta. Kalau hospital kerajaan 90% subsidi, Alhamdulillah. Ha, sebab itu kita kena berterima kasih dengan ekonomi yang *shadow* ini, dia ada baik dia ada kait semua eh YB Kukup eh, dia kait semua, kita akan selamat, insya-Allah.

Jadi itu sahaja Pasir Raja nak cakap. Terima kasih kepada rakan-rakan yang telah pun membawa isu yang berkaitan dengan perkara penting hari ini. Dan dengan itu, Pasir Raja mohon untuk menyokong rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih. Serom.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih**,** Yang Berhormat Dato' Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, syukur ke hadrat Allah dengan izin dan kurnia-Nya, dapat Serom turut serta dalam rundingan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena pembukaan Penggal Persidangan Ke-3 bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom dengan penuh takzim ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bersempena dengan detik bersejarah kemahkotaan bersama lambang kedaulatan negeri Johor sejak 130 tahun yang lalu. Sudah pastilah tanggal 23 Mac 2015, akan terus diingati dan dihayati di dalam sanubari setiap rakyat negeri Johor. Semoga Allah pelihara Tuanku Sultan, semoga Allah menganugerahkan segala kehormatan, semoga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa sihat dan mulia lagi kekal dan makmur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom juga ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, ke atas kejayaan memimpin dan mentadbir negeri Johor dengan baik dan cemerlang, di mana telah merekodkan peningkatan rizab tunai sebanyak 35% berbanding pada tahun sebelumnya iaitu daripada RM1.7 bilion ke RM2.3 bilion.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada sahabat Yang Berhormat daripada Kukup dan Pasir Raja yang bercakap berkaitan dengan GST. Pada mulanya Serom mengambil pendekatan bahawa tak nak melayan berkaitan dengan GST ini kerana kita telah bahaskan di dalam Dewan ini sebelum ini. Tetapi, alhamdulillah tahniah dan syabas saya ucapkan dari Kukup yang sekali lagi mengulangi beberapa fakta dan Seron juga tertarik dengan ucapan rundingan daripada Yang Berhormat Tanjung Surat berkaitan gadis yang cantik, GST. Sebenarnya jika kita ambil satu pendekatan, pengamatan Serom bahawa GST ini adalah seperti bayi yang baru lahir. Ini hari adalah hari yang ke-42. Bermakna kita laksanakan GST pada 1 April yang lalu. Bayangkan seorang bayi yang baru 42 hari lahir. Bapa pun susah tidur, emaknya lagi pula susah tidur. Jadi kita pun tidak tahu kadang-kadang anak itu menangis pun, tak tahu apa sebab menangis? Belum lagi lepas hari, 42 hari, kita lepas hari 44. Jadi, banyaklah cabaran-cabaran dan dugaan yang kita hadapi. Jadi, dalam suasana ini, Serom menganggap bahawa nanti dahulu. Bila anak ini besar nanti, 9 bulan sudah tahu berjalan, ha atuk dia pun sibuk nak main dengan cucu ini. Ha itulah dia sebenarnya, yang tersurat dan tersirat daripada Tanjung Surat mengatakan bahawa gadis yang cantik nanti. Ha itulah GST. Kita nak jelaskan lagi GST lebih 163 negara tadi kita ulang kan. Dalam suasana yang kita hadapi, kalau perkara baru, budak ini belum tahu lagi, belum tahu lagi, kadang-kadang susu apa nak pakai pun belum tahu lagi, budak ini dalam bedung lagi, tapi sibuk dengan abang-abang yang lain-lain ini, dia godeh adik dia ini tidak kasi tidur, ganggu dan sebagainya.

Jadi, saya nampak bahawa cabaran dan dugaan kita, pertama sekali kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti KPDNKK dan pihak Kastam dan Jabatan Hasil Dalam Negeri akan berhempas pulas, dan ingatlah bahawa cabaran ini adalah cabaran yang sangat besar kepada agensi-agensi ini dan kita semua. Saya boleh sifatkan kalaulah keadaan ini agak yang menyukarkan untuk kebaikan, kita boleh tafsirkan ini sebagai satu jihad, satu perjuangan yang terus kita lahirkan untuk

memastikan bahawa perancangan dan dasar kerajaan yang dibuat oleh Barisan Nasional akan terus berjalan untuk dinikmati oleh rakyat sekalian. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana itu saya dalam rundingan menjunjung kasih yang dibawa dan dimulakan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, saya ingin merujuk kepada perkara lain iaitu berkaitan dengan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyeru kita, semua rakyat hendaklah bersatu padu dan berusaha bersungguh sungguh ke arah perpaduan sesungguhnya Yang Amat Berhormat kita telah merangka Pelan Muafakat Johor. Muafakat Johor diasaskan supaya kita dapat mengeratkan dan mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama.

Serom sangat berbangga dengan susur budaya yang dilahirkan sebagai takdirnya kita punya struktur budaya unik iaitu kita terus hidup sejahtera, makmur dan aman bersama-sama dalam tali persaudaraan yang kental melalui budaya muafakat yang di amalkan. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dikatakan pada tanggal 18 Ogos 2014 yang berbunyi begini, "permuafakatan adalah pegangan asas yang patut dikekalkan dipelihara bersama kedamaian dan keharmonian berterusan di Johor adalah berkat kerjasama dan persefahaman yang erat dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum dan bersedia menerima kepelbagaian".

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan muafakat ini mengingatkan kita betapa nilai-nilai bermuafakatan merupakan salah satu faktor penting kepada kejayaan negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom melihat bahawa perkara ini melibatkan kita semua bukan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini, tapi semua sama ada agensi-agensi kerajaan dan semua melibatkan rakyat. Tanggungjawab yang berat ini perlu digalas bersama pepatah Melayu mengatakan, jika kita bersatu kita teguh, jika kita bercerai kita roboh, berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan syabas pada semua jawatankuasa EXCO, barisan EXCO terutama sekali kepada Jawatankuasa Perpaduan Dan Sumber Manusia yang berhempas pulas merancang pelbagai program dan aktiviti perpaduan kemasyarakatan.

Dewan yang mulia ini, di bawah Jabatan Perpaduan telah memainkan peranan yang sangat penting. Yang Berhormat Dato' Speaker, anak bangsa kita di bentuk seawal lagi melalui tabika, umpamanya memalui Tadika Perpaduan suasana ini kalau kita amati saya lihat anak-anak yang hadir di Tadika Perpaduan ini yang mengikuti Tabika Perpaduan ini sangat murni. Anak- anak ini anak bangsa ini didedahkan di peringkat awal kehidupan bukan sahaja dalam ilmu asas akademik, pembelajaran yang bakal anak-anak ini teruskan pada peringkat darjah 1 nanti. Tetapi anak ini berpeluang di dedahkan suasana kepercayaan agama, adat resam, adab, sosiobudaya yang berbeza-beza sejak kecil lagi.

Dan, melalui pengamatan Serom, yang lebih menguatkan lagi rata-rata jawatankuasa perpaduan ini, juga terdiri daripada pelbagai kaum. Nampaknya suasana ini kalau dapat di teruskan dan di ekori dan dipantau, insya-Allah kita akan melahirkan generasi yang mengerti erti perpaduan. Yang Berhormat Dato' Speaker, DUN Serom melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional khususnya daerah Ledang sentiasa berusaha melalui KRT ataupun Kuasa Rukun Tetangga dan seterusnya dalam KRT ada SRS iaitu Skim Rondaan Sukarela. Ini sukarela SRS ini biasanya sebelah malam, saya seronok kalau pergi SRS ni sebab tulah peluang yang dapat kita Wakil Rakyat yang dapat duduk bersama dengan rakyat dapat berpeluang balik malam sikit kadang-kadang sampai pagi.

Jadi, apa yang kita amati bahawa dekat KRT ni, banyak faedahnya dengan bantuan pihak RELA kadang-kadang dengan pasukan Polis Diraja Malaysia banyak kita lihat banyak faedahnya. Seumpamanya kadar jenayah terutama dari kadar jenayah pecah rumah, mat rempit, ragut dan sebagainya dapat dikurangkan. Kerana dengan wujudnya KRT ni kemudian wujudnya SRS ini mereka bermula selepas Isyak ataupun dalam pukul 9 malam sehinggalah ke pagi bergilir-gilir dengan jadual dalam kumpulan itu. Ini sangat-sangat berfaedah, tapi apa yang Serom lihat satu perkara yang agak perlu ditambah baik iaitu dari segi peruntukan KRT ni diperuntukkan saya difahamkan hanyalah RM6,000.00 setahun yang bermakna dengan bekalan RM6,000.00 setahun ini berbagai-bagai aktiviti kebudayaan, keagamaan, perayaan, aktiviti kemasyarakatan, semua dalam lingkungan RM6,000.00 itu.

Manakala, SRS ini Skim Rondaan Sukarela ini di mula difahamkan hanya RM 600.00, setiap kumpulan setahun. Walaupun di bekalkan dengan peralatan seperti peratan cota, lampu, wisel dan sebagainya dalam tujuan rondaan. Jadi dalam Dewan yang mulia ini, Serom mengesyorkan, mencadangkan agar agensi atau jabatan yang terlibat ini dapat menyemak semula dari segi peruntukan ini agar titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu asas perpaduan muafakat ini membawa faedah dan merupakan teras untuk kejayaan sesuatu masyarakat dan juga rakyat.

Dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, khususnya Serom dan amnya Ledang, ingin menarik juga perhatian berkaitan dengan semua urusan pentadbiran dan pengoperasian bagi Pejabat Daerah Muar, Pejabat Perpaduan Daerah Muar yang menggunakan perjawatan yang sedia ada iaitu mengikuti maklumat yang saya ada iaitu seorang pembantu pegawai daerah kanan, seorang pembantu pegawai daerah kanan dan 3 orang pembantu pegawai perpaduan dan seorang pembantu operasi. Jadi, seperti yang kita semua sedia maklum, selepas daerah Ledang di jadikan sebagai daerah penuh iaitu bermula berkuat kuasa pada 21/02/2007 kemudian di wartakan pada 9 Mac 2009 melalui warta kerajaan negeri Johor. Saya juga difahamkan pihak jabatan telah pun berusaha membuat permohonan pewujudan perjawatan baru ini. Namun, sudah hampir 4 tahun kita masih lagi belum dapat penumpuan terhadap daerah Ledang. Dengan itu, saya berharap pertimbangan ini dapat diberi keutamaan supaya Serom dapat menumpukan berbagai-bagai aktiviti yang berkaitan perpaduan dengan lebih cekap lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom ingin merujuk kepada ke bawah titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga supaya kita merancang dengan teliti dan menyediakan 1 pelan induk pembangunan yang menyeluruh dan sentiasa di pantau dan di kaji kesesuaiannya agas selaras dengan perubahan ekonomi dan kehendak masyarakat. Serom merakamkan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat terutama Jabatan Parit Dan Saliran, Syarikat Air Johor, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan di mana aktiviti-aktiviti pembangunan yang bergiat pesat di DUN Serom, umpamanya Jabatan Parit Dan Saliran sedang giat dalam pelaksanaan perancangan dalam mendalamkan, melebarkan Sungai Kesang. Yang mana projek ini, yang menelan belanja lebih daripada RM100,000.00. Ini adalah semata-mata untuk rakyat dan kita bersyukur Serom bersyukur umpamanya pada tahun 2009 keluasan penduduk yang saban tahun sering dinaiki dilanda banjir. Tetapi alhamdulillah kini, seperti kawasan-kawasan Serom sebutkan seperti Kampung Sialang, Tanjung Labuh, Sri Makmur, Pengkalan Besar, Parit Kepong, Parit Dahlan, Parit Sialang, Peluk Rimba, Pulau Penarik, Kampung Gesang, dan juga melibatkan 4 mukim, termasuk mukim Tangkak, mukim Serom, dan mukim Gesang. Tidak lagi banjir.

Inilah dia di mana kerajaan kita di bawah Barisan Nasional sentiasa diutamakan kesejahteraan rakyat dan saya hingga kini saya difahamkan projek ini telah mencapai sebanyak 40% pencapaian dan kerja pelaksanaan pintasan muara Sungai Kesang sedang berjalan dengan pesatnya dan Serom mengharapkan agar projek ini dipantau dan dipastikan berjalan mengikut jadual kerja kerana projek ini adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom juga ingin membawa satu fenomena baru, di mana paras air Sungai Muar yang kini, saya difahamkan lebih rendah dengan paras air laut. Fenomena ini, membawa kepada beberapa implikasi yang perlu dikaji, disiasat dan dirumuskan kerana kesan daripada aliran air laut masin, memasuki ke dalam sungai sehingga setakat ini saya difahamkan telah menjangkau ke arah lebih 15 km, mudik masuk ke sungai terutama pada waktu air pasang. Kesan daripada fenomena ini, habitat kehidupan dan sungai kini telah berubah. Perkara ini jelaslah juga akan menjejaskan pendapatan rakyat yang terlibat. Kesan air masin ini akan menjadikan tanaman umpamanya padi, padi akan menjadi kuning, kuning bukan masak, kuning tak sihat. Dan juga, untuk tanaman kelapa sawit dan getah juga sedikit sebanyak terganggu kerana saya difahamkan akibat PH air tu dia boleh menyerap masuk ke akar kelapa sawit dan getah ini ia akan mengganggu proses pembajaan dan airnya keluaran hasil sawit ataupun getah yang terlibat di sepanjang sungai ini akan berkurangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu transformasi yang saya fikir transformasi berlaku untuk mencari punca rezeki nelayan juga akan berlaku umpamanya kalau dalam sepanjang 15 km tu dulu, nelayan ini dia menangkap ikan baung kini dia kena tangkap ikan mayung. Kalau dulu dia tangkap ikan terebol, sekarang ini dia kena tukar tangkap ikan gelama, kalau udang galah, dia tukar tangkap udang harimau dan udang pengantin agaknya macam tulah. Jadi harap-harap kalau dulu sungai tu tak ada jerung, janganlah jerung masuk, sebab air masin.

Semoga perhatian yang berat dan serius dapat dilihat perkara ini dan dapat kita atasi supaya rakyat ini dapat di bela. Transformasi ini bukanlah satu kerja yang mudah kerana melibatkan perubahan mungkin boleh berubah kerja. Kalau minum pun air masin, kata Yang Berhormat Naning. Yang Berhormat Dato' Speaker, masih lagi pasal Sungai Muar ni Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terima kasih pada pihak SAJ Ledang yang penuh tekun dan dedikasi mengambil air sampel mengukur paras klorida kata Dato' EXCO mengukur klorida dan yang mana standard piawaiannya tidak melebihi 250 ppm iaitu dipanggil *part per million*. Jadi, alhamdulillah sungai diukur hari-hari saya difahamkan peratus tiap-tiap hari diukur dalam tempoh sebulan peratus ini adalah di bawah purata bawah 9 ppm. Jadi, walau bagaimanapun perkara ini harus diambil perhatian berat kerana ini adalah satu perubahan yang baru takut air itu masuk pergi ke loji air.

YB Dato' Speaker : Serom, sila gulung.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Ada dua tiga lagi, Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Beralih tempat lain.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Saya ingin membawa perkara satu perkara lagi berkaitan Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Johor, yang difahamkan ditubuhkan bagi tujuan meringankan beban nelayan yang terjejas ekoran projek-projek pembangunan di perairan Johor Selatan.

Jadi, saya nak tanyalah nelayan di jeti, nelayan-nelayan di Serom ni, umpamanya di Jeti Parit Haji Othman yang sebelum tu duduk di belakang jeti di belakang masjid, dipindahkan sejak tahun 2011 hingga kini, kita menghadapi masalah pintu air belum di buka di sebabkan peruntukan belum dapat, jadi adalah ledakan lumpur yang berlaku di situ, nelayan terpaksa nak keluar, nak masuk mengikut jadual pasang dan surut, yang inilah harus hendak dibawa supaya perjalanan ini dapat faedahnya dan dapat dibuka pintu air, pintu air yang dibina nanti insya-Allah dapat mengatasi perkara tu.

Ia juga Serom juga ingin membawa berkaitan dengan jeti Kesang Laut yang menghadapi isu yang sangat mengecewakan saya, kerana berlaku lebih kurang dua minggu yang lalu. Nelayan-nelayan kita, nelayan negeri Johor ni, kena tahan dengan Jabatan Perikanan Negeri Melaka.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato Speaker dan Dewan yang mulia ini, jeti Kesang Laut ni sempadan betul dengan negeri Melaka. Jadi mereka ni bertahun-tahun mencari hasil melalui pukat hanyut. Jadi, kalau air pasang orang Melaka masuk ke kawasan Johor, bila air surut orang Johor pula pergi ke Melaka. Tapi mengapa perkara ini telah berzaman-zaman kita ada, dan kita pun mana ada garisan di tengah-tengah laut tu. Dan malangnya, saya difahamkan rakyat kita ditahan seperti rakyat warga asing. Ditahan, dan bot ditahan dan dikenakan kompaun dan sebagainya. Namun begitu saya ingin merakamkan dalam Dewan mulia ini, terima kasih kepada Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, yang terus mengambil tindakan dan berhubung dengan Jabatan Perikanan Negeri Melaka, berbincang perkara ini dan saya mengharapkan kalau perlu kita boleh buat penyemakan semula perundangan di antara perbezaan antara negeri ke negeri, ini menyusahkan rakyat kita.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, soal keselamatan dan soal kesihatan, Alhamdulillah, sejak Barisan Nasional memerintah ni, saya tengok dari pengalaman di Hospital Muar. Kalau dulu, ini soal beratur, soal biasa, pergi bank, pergi mana-mana, naik-naik kapal terbang ke, apa semua kena beratur. Tapi soal kemudahan-kemudahan yang digunakan dan agak terbaik. Tapi oleh kerana masa agak pendek ini, saya had dan pentingnya Serom nak meneruskan berkaitan dengan di Hospital Pakar Tun Fatimah Muar ini, dicadangkan agar ada doktor pakar *neurologi* dan *neurologi* ni berkaitan dengan penyakit prostat dan juga pakar jantung, *kardiologi*. Kerana sangat menyedihkan saya bila saya menziarah rakyat saya di hospital, bila saya tanya doktor, *what is happening* dengan izin, dia kata ini kena rujuk ke Hospital Johor. Bila *time* rujuk, dia kata 1 Jun. Yang saya kira waktu dia kena tu 1 Mac, 3 bulan. Ini melibatkan nyawa Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi saya harap dengan ini pihak Jabatan Kementerian Kesihatan Malaysia, ataupun bawah Exco yang berkaitan, dapat menarik perhatian untuk kemudahan rakyat sekeliling. Maharani pun terima, Sungai Abong pun terima kemudahan tu. Tangkak pun terima, Bukit Naning pun terima, semua kemudahan tu. Jadi, tidaklah kita nak kena beratur dan sebagainya. Jadi, setakat tu dulu.

Akhirnya saya ingin dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Dato' Speaker, membawa satu pujangga yang mengatakan bunyi begini. "Anak adalah untuk zaman yang akan datang, bukan untuk zaman kita. Salahlah pendidikan orang tua yang hendak memperbuat anaknya seperti mereka juga". Jadi Serom sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada kita Yang Berhormat Menteri Besar dan barisan Exco yang memberikan pertimbangan peruntukan kepada pembangunan Serom dan seterusnya juga terima kasih kepada kerajaan persekutuan melalui Jabatan Saliran dan Perparitan Tali Air dan semua agensi dan Serom mengharapkan agar peruntukan-peruntukan terus dapat turun ke Serom dan seterusnya Serom menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Surat. Sekian terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Jemput Parit Raja.

YB Puan Sri Hjh Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam..

YB Puan Sri Hjh Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Selamat sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-puan. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim. Dalam majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang ke-13 pada 7 Mei yang baru ini. Di kesempatan ini juga, saya mewakili pengundi-pengundi dan semua rakyat DUN Parit Raja, baik yang tua mahupun yang muda, yang besar, yang juga kecil. Yang tinggi dan juga yang rendah, yang kaya juga yang miskin. Yang di bandar, di pekan dan juga di desa. Yang berbangsa Melayu, Cina dan India, merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan merasa bangga di atas kesempurnaan Majlis Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sebagai Sultan Johor. Dan..

YB Timbalan Speaker : Parit Raja.

YB Puan Sri Hjh Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Ya,

YB Timbalan Speaker : Sila duduk.

YB Puan Sri Hjh Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Duduk? Baru naik semangat.

YB Timbalan Speaker : Sila duduk. Bagi membolehkan Pasir Raja, Parit Raja membahaskan, membuat perbahasan dua hari, jadi saya tangguhkan Persidangan kita hingga jam 9:30 pagi, 13 Mei 2015.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:30 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KELIMA	RABU, 13 MEI 2015	BIL. 8 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN., SSAP., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Marsan bin Kassim, DMIJ., SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Bismillahirrahmannirrahim. (Berselawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hari ini ialah hari penghabisan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat menyambung perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, kerana pada 17 dan 18 Mei 2015, penggulungan daripada Pengerusi-Pengerusi dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi saya berharap pada hari ini Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum mengambil bahagian dalam perbahasan dapat menggunakan kesempatan ini. Mudah-mudahan perjalanan persidangan kita akan berjalan dengan lancar.

Jurutulis : SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan saya nombor 1.

Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam berdepan dengan bekalan hartanah di Iskandar Johor yang didakwa melebihi permintaan sebagai persediaan untuk menghadapi kesan sampingan daripada peletupan "*bubble*" dalam sektor hartanah?

YB Speaker : Yang Berhormat Nusajaya jemput.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Tan Speaker, soalan saya nombor 2.

Menurut laporan bank tempatan, penjualan apartmen-apartmen mewah di Nusajaya akan merudum disebabkan "*supply"* daripada "*demand*". Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasinya?

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon dijawab bersekali soalan-soalan daripada Yang Berhormat Stulang dan Yang Berhormat Nusajaya. Yang Berhormat daripada Stulang dan Nusajaya telah membangkitkan persoalan mengenai inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam berdepan dengan bekalan hartanah di Iskandar Johor yang didakwa melebihi permintaan sebagai persediaan untuk menghadapi kesan sampingan daripada peletupan "*bubble"* dalam sektor hartanah, dan juga berkenaan dengan penawaran dan permintaan dalam penjualan pangsapuri mewah di Nusajaya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia, berdasarkan Laporan Pasaran Hartanah Tahun 2014 atau *Annual Property Market Report 2014* dengan izin, yang dikeluarkan oleh *National Property Information Centre* (NPIC), menunjukkan pasaran hartanah di negeri Johor masih lagi mapan. Sektor hartanah di Johor meliputi

subsektor perumahan, komersial, industri, pertanian, tanah pembangunan dan lain-lain lagi. Penilaian pasaran hartanah di negeri ini haruslah dibuat menggunakan kayu ukur atau indeks yang betul, dan bukannya berasaskan kepada persepsi atau spekulasi setengah-tengah pihak. Keberadaan pasaran hartanah haruslah diukur berdasarkan kepada indeks prestasi jualan ataupun *sales performance* pasaran perumahan, iaitu nisbah transaksi hartanah pada sesuatu tahun berbanding penawaran baru yang ada pada tahun tersebut.

Indeks prestasi jualan pasaran hartanah bagi negeri Johor seperti yang dikeluarkan oleh NPIC bagi tahun 2014 ialah kadar 36.7%. Indeks prestasi jualan ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2013 iaitu pada kadar 28.65% dengan peningkatan sebanyak 8%. Walau pun indeks bagi negeri Johor berada di bawah Wilayah Persekutuan dan Selangor, namun penawaran baru bagi tahun 2014 bagi negeri Johor berada pada jumlah yang hampir sama dengan dua negeri tersebut, iaitu pada jumlah 12,000 unit setahun. Berdasarkan rekod yang tersebut tadi, transaksi bagi subsektor perumahan di negeri Johor masih menunjukkan peningkatan. Hartanah berbentuk kediaman teres setingkat, teres dua tingkat, rumah berkembar, banglo dan apartmen masih lagi mencatatkan transaksi yang memberangsangkan.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, bagi tahun 2014, sebanyak 11,459 unit rumah kediaman telah dilancarkan di pasaran negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,995 unit merupakan pangsapuri perkhidmatan: 7,464 unit lagi adalah hartanah lain seperti rumah teres, berbandung dan banglo. Permintaan terhadap hartanah jenis kediaman selain daripada pangsapuri perkhidmatan masih lagi berada pada tahap yang baik. Berdasarkan rekod JPPH, transaksi bagi kediaman tersebut adalah pada kadar 43% atau 3,183 transaksi dicatatkan berbanding 7,464 unit yang dipasarkan. Dan kebanyakan pelancaran rumah baru tersebut dibuat pada suku ketiga dan keempat tahun 2014.

Tan Sri Yang Dipertua, Tan Sri Speaker, hanya penawaran pangsapuri perkhidmatan, *service apartment* dengan izin, didapati mengalami pengurangan permintaan. Daripada sejumlah 3,995 unit yang dilancarkan pada tahun 2014, hanya 1,022 unit iaitu 26% yang telah dijual. Meskipun pangsapuri perkhidmatan tersebut telah dilancarkan sejak suku pertama tahun tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, konsep asal kepada pangsapuri perkhidmatan ini adalah penginapan yang disediakan untuk disewa oleh sesiapa sahaja untuk tempoh jangka masa panjang. Sebagai alternatif penginapan selain hotel yang lazimnya menyediakan perkhidmatan tertentu seperti rumah kelab, pusat perniagaan dan kawalan keselamatan. Walau bagaimanapun, peredaran zaman telah menyaksikan pendekatan dan operasi pangsapuri perkhidmatan telah berubah di mana kebanyakan pangsapuri jenis itu didiami oleh pemilik atau penyewa sebagai kediaman kekal.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyedari keadaan lebihan penawaran pangsapuri perkhidmatan yang sedang berlaku, maka pihak kerajaan telah merangka pelan tindakan menyeluruh bagi menanganinya. Adalah diharapkan melalui tindakan ini, situasi serta impak daripada penawaran melebihi permintaan di dalam subsektor perumahan pangsapuri perkhidmatan itu akan dapat ditangani dengan baik. Langkah-langkah yang diambil kerajaan adalah seperti berikut :

1. **Penyediaan garis panduan pembinaan pangsapuri perkhidmatan**.

Mulai tahun 2015, kerajaan negeri telah menangguhkan kelulusan bagi semua permohonan pembinaan pangsapuri perkhidmatan di negeri Johor. Penangguhan kelulusan ini dibuat bagi membolehkan satu bentuk garis panduan dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Garis panduan tersebut akan meliputi semakan semula terhadap kriteria-kriteria permohonan pembinaan pangsapuri perkhidmatan dan kajian kebolehlaksanaan ataupun *feasibility study* dengan izin, bagi memastikan situasi tersebut dalam dielakkan. Pandangan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan termasuklah REHDA, pemaju-pemaju perumahan dan pihak yang berpentingan akan diambil kira dalam penyediaan garis panduan tersebut.

2. **Penetapan lokasi pembinaan pangsapuri perkhidmatan.**

Kerajaan negeri komited untuk memastikan lokasi pembinaan pangsapuri perkhidmatan ini kelak dibina di kawasan yang sesuai supaya ianya dapat menepati konsep asal pangsapuri perkhidmatan. Atas sebab itu, kerajaan negeri akan membuat ketetapan agar kebanyakan pangsapuri perkhidmatan yang akan dibina di Johor Bahru akan diletakkan di zon antarabangsa.

3. **Syarat pembinaan pangsapuri perkhidmatan yang lebih ketat**

Walaupun terdapat penawaran yang melebihi permintaan ketika ini, masih terdapat pemaju yang membuat permohonan untuk membina pangsapuri perkhidmatan di negeri Johor. Atas sebab itu kerajaan negeri akan bertegas dalam perkara yang berkaitan dengan pembinaan pangsapuri perkhidmatan. Syarat yang ketat akan dikenakan kepada mana-mana pemaju yang memohon untuk membina pangsapuri perkhidmatan. Bagi mana-mana permohonan, Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang dibina selepas 12 bulan serta tiada permohonan lanjutan dibuat, pelan SBKS yang tamat tempoh, kelulusan 18 bulan akan terbatal dengan sendirinya. Ini boleh berlaku sekiranya tiada sebarang pembangunan dijalankan di kawasan yang diluluskan dalam tempoh tersebut. Bagi situasi seperti itu, kerajaan negeri tidak akan membenarkan permohonan pembaharuan ke atas pelan itu dibuat.

4. **Penganjuran Program Iskandar Malaysia Property Action (IMPAC)**

Kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar telah mengambil inisiatif mewujudkan satu program dikenali sebagai *Iskandar Malaysia Property Action* sejak 2013. Penganjuran program ini bertujuan menggabungkan kesemua pihak-pihak berkepentingan, berkaitan sektor hartanah dari agensi-agensi kerajaan, swasta dan badan-badan profesional di bawah satu platform. Melalui program IMPAC ini, isu-isu semasa yang berkaitan sektor hartanah akan di analisa secara inklusif dan profesional serta seterusnya akan mencadangkan kepada kerajaan negeri mengenai tindakan-tindakan yang wajar di ambil di dalam menangani isu-isu berkaitan hartanah di Iskandar Malaysia.

Salah satu cadangan adalah supaya semua pemilik-pemilik data berkaitan hartanah bergabung untuk berkongsi data dan maklumat pasaran. Pangkalan yang data yang maklumatnya lebih tepat dan terkini dapat diwujudkan dan dimanfaatkan secara bersama. Malah terdapat dalam perancangan untuk mengguna pakai kaedah perancangan senario ataupun *Scenario Planning* serta kaedah lebih maju dikenali sebagai *foresight.* Menerusi kaedah ini, sebarang kemungkinan yang boleh terjadi pada masa hadapan

akan dapat dikenal pasti dari sekarang. Segala tindakan yang sewajarnya akan dapat dirancang lebih awal sekali gus membolehkan kerajaan merumus dasar-dasar dengan lebih terancang dan sistematik.

Yang Berhormat Tan Speaker, berdasarkan langkah-langkah proaktif yang telah dinyatakan tadi, adalah jelas kerajaan negeri sentiasa komited dalam memastikan sektor hartanah di negeri Johor sentiasa berkembang dan mapan tanpa mengabaikan keperluan rakyat Johor.

YB Speaker : Jemput Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. 2 hari yang lepas di Parlimen Singapura juga ada menyuarakan kekhuatiran tentang sektor hartanah Malaysia di mana *Monetory Authority of Singapore* telah menyerahkan kekhuatiran bahawa sektor hartanah Malaysia mempunyai satu *realty over supply*. Jadi, untuk menstabilkan harga sektor hartanah secara berpanjangan ini, selain langkah-langkah yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, salah satu langkah yang diambil adalah berkenaan dengan *property gain tax*, keuntungan modal, *capital* di mana *property* kebanyakan negara telah pun mempraktikkannya. Jadi, adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk memperbaiki sistem *tax* ini di mana *property gain tax* sekarang adalah dikenakan berlandaskan bilangan tahun. Maksudnya, bilangan tahun percukaian selepas beberapa tahun penjualan dibuat, maka mereka akan dikenakan cukai. Jadi soalan saya ialah, adakah *property gain tax* ini boleh dirombak sedikit ataupun memberi nasihat kepada kerajaan Persekutuan supaya *property gain tax* ini dikenakan berdasarkan juga jenis hartanah dan nilai hartanah, di mana kaedah ini telah pun dipraktikkan di negara Jerman dan Taiwan, kerana secara berpanjangan kaedah ini boleh menstabilkan harga dengan mengurangkan spekulasi *market* yang berpanjangan dan seterusnya mengurangkan *volatile* pada sektor hartanah Malaysia. Terima kasih.

YB Speaker : Tapi Johor, Johor, Singapore, Singapore, negara lain, negara lain. Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat daripada Stulang. Memang kita tidak nafikan bahawa *realty property gain tax* digunakan bagi tujuan untuk mengawal spekulasi dalam bidang hartanah. Dan, sama ada ianya digunakan dan dikenakan berasaskan kepada tempoh atau pun jenis-jenis hartanah yang tertentu, saya percaya perkara-perkara ini kerajaan pusat sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan. Dan seperti banyak kali kita nyatakan bahawa memang kadang-kadang kala apa sahaja dasar, pendekatan yang diambil oleh pusat, ianya mungkin tidak berkesan, tidak mujarab untuk Johor kerana keadaan yang berbeza. Maka, atas sebab itu seperti yang juga telah saya nyatakan, apabila kita ingin memperkenalkan garis panduan ini dan kita buka untuk mendapat pandangan daripada semua pihak, maka semua pihak termasuklah Ahli Yang Berhormat boleh kemukakan cadangan, pandangan, dan mana yang patut kita kemukakan kepada pusat berasaskan kepada pengenaan *realty property gain tax*, mungkin pusat akan memberi pertimbangan yang sebaiknya.

Mengenai amaran ataupun pandangan *monetary authority* di Singapura, memanglah Johor ini merupakan satu kawasan yang mendapat tumpuan dan menarik minat ramai penduduk Singapura untuk ianya dijadikan sebagai satu kawasan alternatif untuk membeli rumah dan sudah tentulah dalam keadaan sekiranya ramai penduduk Singapura ingin dan mempunyai hasrat membeli rumah di Johor, maka sudah tentulah kerajaan Singapura seperti mana juga mana-mana kerajaan akan memberi pandangan supaya duit daripada negaranya tidak

mengalir keluar masuk ke negara orang lain. Itu hubungan kita dengan Singapura dah lama, kita dah masak macam a mana mereka fikir, macam mana mereka akan bertindak dan sebagainya. *So, this is* dengan izin, satu perkara yang akan sentiasa berlaku dan kita, walau apa pun kita terimanya dalam keadaan kita perlu buat apa yang patut untuk kita buat bagi kepentingan rakyat dan negeri kita.

YB Speaker : Nusajaya.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cuma nak maklumkan apartmen yang mewah ini, biasanya dimiliki untuk tiga. Satu untuk tinggal di situ, yang kedua untuk disewa, yang ketiga untuk pelaburan. Cuma...

YB Speaker : Yang ketiga, apa?

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Untuk pelaburan.

YB Speaker : Oh, bukan untuk isteri ketiga eh.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Pasal bila dia beli, bila harga naik dia jual balik. Cuma untuk soalannya, kebanyakan Bumiputera Johor yang berkemampuan untuk memiliki, membeli hartanah, rumah dan sebagainya, mereka lebih berminat kepada *landed properties* mintak izin, iaitu rumah banglo atau rumah teres dan sebagainya. Jadi, mereka masih kemelayuan tadi, mereka berminat dengan rumah yang *landed* tadi. Jadi, apakah kerajaan Johor untuk memastikan untuk supaya banyakkan rumah-rumah yang berunsur banglo ataupun teres supaya kebanyakan yang Bumiputera tadi berminat untuk memiliki rumah di bawah. Dia kadang tidak berminat untuk apartmen yang mewah tadi. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Speaker, memang kita tidak nafikan bahawa keadaan harga hartanah di Johor khususnya di dalam kawasan Iskandar ini begitu tinggi dan ianya menafikan peluang khususnya untuk masyarakat Bumiputera untuk membeli. Jadi dalam konteks ini, apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan antaranya ialah dengan kita memastikan supaya GLC-GLC kerajaan memainkan peranan untuk menentukan kita dapat menyediakan dan menawarkan rumah-rumah yang mampu dan sesuai khususnya untuk masyarakat Melayu dan Bumiputera. Atas sebab itulah kerajaan negeri berpandangan supaya dalam konteks penyediaan rumah-rumah mampu milik, kita banyak menggalakkan supaya rumah-rumah itu tersebut merupakan rumah-rumah *landed* ataupun tanah, walaupun yang berharga RM150,000.00. Jadi kita sedang berusaha ke arah itu.

Dari segi pihak swasta, memang kita tak nafikan bahawa sudah tentulah setiap pelaburan itu mereka mahukan pulangan dan dengan harga yang mahal akhirnya ia mempengaruhi harga rumah yang hendak dijual. Jadi atas sebab itulah rumah-rumah tersebut sangat mahal. Tetapi pada masa yang sama juga, kita percaya sebagai pemaju dan usahawan serta pelabur untuk tentukan ada permintaan kepada projek dan juga rumah-rumah yang mereka sediakan, mereka mengambil kira kemampuan rakyat dan masyarakat yang ada di sini. Jadi semuanya akan ditentukan oleh pasaran dan sebagainya.

Jadi dalam berasaskan kepada semua faktor-faktor itu, saya ingin nyatakan bahawa kerajaan negeri yang memahami dan menyedari akan kehendak-kehendak setiap segmen masyarakat yang ada dan akan berusaha dan memainkan peranan bagaimana kita mengatasi jurang-jurang tersebut.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jami (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta penjelasan jumlah keluasan tanah wakaf mengikut daerah di negeri Johor sehingga 231 Disember 2014. Apakah perancangan kerajaan negeri membangunkan tanah wakaf ini dan keberhasilannya boleh digunakan untuk tujuan membangunkan umat Islam di negeri Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismilahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menjawab soalan yang diajukan oleh Rengit. Sehingga 31 Disember 2014, jumlah keluasan tanah wakaf di negeri Johor yang direkodkan adalah seluas 12,840 ekar dan pecahan mengikut daerah adalah sebagaimana berikut: Johor Bahru; jumlah tapak 802, keluasan 1,118 ekar. Muar; jumlah tapak 555, keluasan 475 ekar. Batu Pahat; 789 keluasan 913 ekar. Kluang; 269 tapak, keluasannya 592 ekar. Pontian; 431 tapak, 583 ekar. Kota Tinggi; 263 tapak, keluasan 1,402. Segamat; 281 jumlah tapak, keluasannya sebanyak 646 ekar. Mersing sebanyak 118 tapak, keluasannya 6,629 ekar, Kulaijaya' 1,018 jumlah tapak, keluasannya 164 ekar. Manakala yang terakhir Ledang, jumlah tapak sebanyak 288, keluasannya ialah 318 ekar, di mana jumlah keseluruhan dalam negeri Johor ialah 12,840 ekar.

Melalui RMK-10, Rancangan Malaysia Ke-10 terdapat tiga projek baru yang telah pun dilaksanakan bersama JAWHAR (Jawatankuasa Wakaf Malaysia) dan Jabatan Perdana Menteri.

i. Pembinaan apartmen 5 tingkat di atas PTB 25810 Mukim Pulai, Taman Masjid Tapak , Masjid Taman Perling, Johor Bahru, memberikan kemudahan kepada umat Islam khususnya bagi mendapatkan kemudahan setempat, tempat tinggal pada kadar sewaan yang rendah di samping menikmati infrastruktur yang selesa dan selamat.

ii. Pembinaan ruang niaga 5 tingkat dan juga Pusat Dialisis di atas tanah wakaf Masjid Kota Tinggi PTB 3250 Kota Tinggi, Johor membantu meringankan beban penerima asnaf dan golongan fakir miskin yang ternyata tidak mampu membelanjakan amaun yang cukup untuk menanggung kos perubatan yang tinggi.

iii. Pembinaan Kompleks Fakir Miskin dan ruang industri kecil dan sederhana di atas lot PTD 6203 Mukim Bandar Mersing, Mersing bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Islam di dalam negeri Johor untuk memahirkan diri di dalam industri ringan, dalam menjana pendapatan dan memberi keutamaan kepada golongan asnaf yang komited untuk berusaha membaiki kehidupan.

Selain daripada itu, pihak Majlis Agama Islam juga sedang merancang melalui usaha sama Perbadanan Islam Johor di mana Majlis Agama Islam Negeri Johor merancang untuk melaksanakan satu projek pembangunan perumahan di Bandar Pontian. Ianya dapat memberikan kemudahan prasarana tempat tinggal.

Selain daripada itu juga kerjasama bersama Majlis Agama Islam dan juga Yayasan Wakaf Malaysia, Majlis Agama Islam merancang untuk membina Francais Wakaf Mart di atas tapak wakaf yang berpotensi seperti di atas tapak masjid PTD 25810 Taman Perling, Mukim Pulai, Johor Bahru, di mana ia merupakan ruang niaga yang menyediakan pelbagai jenis perniagaan untuk orang ramai dan diusahakan oleh

usahawan Muslim, golongan fakir dan asnaf yang berdaya maju untuk meningkatkan pendapatan.

Bagi perancangan pembinaan sekolah agama di negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor akan bekerjasama dengan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor di mana ia bertujuan untuk menampung segala keperluan dan kelengkapan serta bilangan pelajar yang semakin meningkat setiap tahun di negeri Johor.

Bagi perancangan pembinaan masjid seluruh negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor juga bekerjasama dengan Pejabat Pembangunan Negeri Johor melalui Jabatan Perdana Menteri. Ia bertujuan memberikan kemudahan kepada penduduk setempat untuk melaksanakan ibadah.

Selain daripada itu, perancangan projek di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor sendiri pada masa ini untuk dilaksanakan. Di antaranya yang pertama sekali ingin saya nyatakan di sini iaitu:

i. Projek pembinaan Kompleks Darul Ukhuwah di atas PTD 116795 di mana akan ditempatkan bersebelahan dengan wakaf tapak Sekolah Agama Taman Mutiara Rini, Mukim Pulai Daerah Johor Bahru.

ii. Projek pembinaan Rumah Orang-orang Tua di atas PTD 25810 tapak bersebelahan dengan tapak Masjid Taman Perling Mukim Pulai Daerah Johor Bahru. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput, Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh EXCO. Kalau melihat daripada jumlah keluasan tanah wakaf di seluruh Johor ini berjumlah 12,840. Ini satu jumlah keluasan yang besar. Cuma dari segi senarai pembangunan yang dibuat tadi, saya lihat begitu kecil kalau kita bandingkan dengan jumlah keluasan tanah wakaf itu. Mungkin ada masalah halangan dari segi tanah wakaf itu dan kalau dilihat berapa jumlah hasil yang selama ini, sama ada pihak Majlis Agama ataupun Jabatan Agama dapat, daripada jumlah 12,840 ataupun projek-projek pembangunan yang telah disenaraikan yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Itu soalan saya.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih kepada Yang Berhormat Rengit. Sebenarnya keluasan yang saya sebutkan tadi iaitu 12,840 ekar ini adalah termasuk tapak-tapak masjid dan juga tapak sekolah agama yang sedia ada. Dan keseluruhan 12,840 ini, adalah yang disebutkan saya nyatakan tadi bahawa ada di antaranya di atas nama ataupun hujah yang disebutkan hujah untuk kebajikan Islam ataupun untuk umum. Sebab itu saya ingin menyatakan, pendekatan yang diusahakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor hari ini, dengan bekerjasama beberapa agensi yang lain, di antaranya iaitu PIJ dan ada lagi juga badan-badan ataupun syarikat-syarikat perbadanan yang berteraskan Islam ini yang kita usahakan pada hari ini untuk membangunkan beberapa usaha-usaha sama di antaranya yang kita usahakan pada hari ini yang kita dalam bentuk perancangan kita iaitu membangunkan sebuah pusat rawatan Islam ataupun hospital Islam di PTD, di Bandar Baru Uda iaitu di PTD, minta maaf saya sebutkan di sini iaitu di Lot 17458.

Ini pun dalam bentuk perancangan pihak Majlis Agama Islam dengan kerjasama sebuah syarikat iaitu Primanora. Dan ini ingin saya nyatakan di sini bahawa, saya suka menyebutkan di sini bahawa pihak Majlis Agama Islam melalui kerajaan pada hari ini, melalui perbincangan saya sendiri dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sentiasa fokuskan iaitu pembangunan tanah wakaf. Sebab ini adalah salah satu di antara yang kita usahakan di mana hasilnya nanti akan digunakan bagi tujuan-tujuan yang lain. Seperti mana saya ingin nyatakan di sini, di antara natijah ataupun kesan daripada pembangunan tanah wakaf ini di antaranya, melalui saham wakaf yang kita terbitkan kepada orang awam, di mana sekiranya sebagai contoh, rumah wakaf yang kita bangunkan di Mesir bagi pelajar-pelajar di Mesir yang mana kosnya mencecah hampir RM5 juta lebih. Jadi, melalui hasil wakaf ini, kita dapat membeli terlebih dahulu, mendahulukan untuk membeli bangunan wakaf dan kemudian sumbangan daripada wakaf masyarakat Islam itu dipulangkan semula. Kemudian, begitu juga dalam mesyuarat Majlis yang lepas, kami juga telah pun bersetuju untuk membeli sebuah lagi bangunan bagi di bawah wakaf untuk ditempatkan pelajar-pelajar yang sedang belajar di negara Jordan. Terima kasih, Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Maharani, Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) bagi pihak YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan No. 4.

Berapakah jumlah ambulans dalam negeri Johor mengikut daerah dan adakah ia memenuhi keperluan di klinik kesihatan dan juga hospital kerana daerah Muar mempunyai masalah kekurangan ambulans.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tan Sri Speaker, terdapat sejumlah 130 ambulans di seluruh negeri Johor di mana 68 buah daripadanya adalah di hospital dan 64 buah lagi adalah di klinik kesihatan. Taburan bilangan ambulans mengikut daerah negeri Johor adalah seperti berikut:

1. Daerah Johor Bahru 28 buah,
2. Daerah Kulaijaya 6 buah,
3. Daerah Pontian 9 buah,
4. Daerah Kota Tinggi 12,
5. Daerah Mersing 10,
6. Daerah Muar 12,
7. Daerah Segamat 15,
8. Daerah Ledang 9,
9. Daerah Kluang 11,
10. Daerah Batu Pahat 20.

Dan kita memang menyedari bahawa jumlah ambulans yang ada di negeri Johor ini masih lagi tidak mencukupi. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Pekan Nenas.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Ini dulu, ini dulu lepas tu...

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Memang penting ambulans ini dalam sistem kesihatan, dalam negeri Johor ini. Sebab kita perlukan banyak ambulans untuk hantar orang yang sakit ke hospital tapi soalan saya, kalaulah kita hantar orang ke hospital itu, adakah kita mempunyai katil atau ruang yang cukup untuk penduduk-penduduk atau pesakit-pesakit? Sebab saya pernah dapat banyak aduan daripada penduduk kawasan saya, *our* hospital-hospital tidak mempunyai katil yang secukupnya.

YB Speaker : Ini cerita ambulans, bukan katil.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Tidak apa Tan Sri Speaker, tidak apa, saya balik ambulans (Dewan ketawa). Saya, daripada jawapan EXCO, dikatakan di Kulaijaya, Hospital Temenggung Kulai ada 6 ambulans sahaja. Adakah kerajaan ada apa-apa rancangan untuk menambahkan lebih banyak lagi ambulans untuk hospital di Kulai? Terima kasih.

YB Speaker : Ok, jemput. Jawab ambulans je, jangan cerita katil itu jangan cerita.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam ambulans pun ada katil. Sebenarnya, memang rancangan Jabatan Kesihatan dan juga kerajaan negeri adalah untuk memenuhi kehendak dan juga memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan sememangnya dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11, kita telah pun menambah permohonan untuk menambahkan lagi jumlah ambulans di negeri Johor.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tan Sri Speaker, terima kasih. Mengikut data atau statistik tentang bilangan ambulans khususnya di daerah Muar, daerah yang besar yang ada hospital yang besar, sebanyak 12 buah ambulans dan saya difahamkan hanya 2 buah ambulans untuk seluruh Pejabat Kesihatan, pusat-pusat kesihatan, 2 buah sahaja. Jadi, jawapan yang diberi pada soalan tambahan tadi bahawa ini adalah dalam rancangan dan itu sebagainya, saya rasa benda ini dah lama, tiap-tiap tahun dibangkitkan sejak saya penggal pertama dulu, pasal tak cukup ambulans. Jadi, saya minta jabatan atau pun Kementerian Kesihatan pada kali ini, biar betul-betul serius mohon sungguh-sungguh untuk menambahkan ambulans ini, masalah besar sebenarnya. Jadi, saya ingin tahu, tahun ini berapa banyak yang kita akan dapat? Itu sahaja, tak perlu tunggu tahun depan. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya dari dulu kita memang bersungguh-sungguh minta tetapi ianya terkekang akibat daripada bajet. Jadi, yang pihak pembangkang sokonglah GST untuk tambahkan pendapatan. Jadi, untuk daerah Muar, kita mempunyai 12, Hospital Pakar Sultanah Aminah kita ada 8 dan PKD Muar 4, bukannya 2 dan sebenarnya bagi Rancangan Malaysia Yang Ke 10, kita telah pun mendapat 31 buah ambulans yang baru daripada pusat dengan kos RM8.5 juta. Bagi Rancangan Malaysia Yang Ke-11, kita telah memohon 132 ambulans baru dan difahamkan bahawa dalam minggu yang ketiga bulan Mei ini akan diumumkan kelulusan-kelulusan projek bagi Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Jorak, jemput.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) bagi pihak YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan No. 5.

Apakah program-program keusahawanan yang melibatkan siswazah negeri Johor dan langkah-langkah yang telah diambil bagi membantu usahawan di kalangan siswazah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat beberapa program keusahawanan yang melibatkan siswazah daripada pelbagai agensi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, TEKUN, FAMA, Jabatan Pertanian dan SME Bank serta lain-lain tetapi program-program ini ada sebahagiannya tidak hanya khusus kepada siswazah negeri Johor tetapi juga terbuka kepada negeri-negeri yang lain. Menerusi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad ataupun PUNB, ada dua program yang melibatkan siswazah:

i. Skim Prosper Usahawan Muda yang mana peruntukan sebanyak RM2 juta pada tahun ini di bawah skim ini yang menawarkan pembiayaan perniagaan sehingga maksimum RM100,000.00 kepada usahawan, belia ataupun siswazah yang berminat.

ii. Program Siswazah Perantis. Program ini merupakan program khas bertujuan untuk melengkapkan pengetahuan, kemahiran dan latihan kepada siswazah sebagai persediaan untuk membuka perniagaan di kemudian hari. Siswazah ini akan dibimbing oleh mentor yang berjaya dalam perniagaan-perniagaan tertentu selama setahun.

Selain daripada itu, SME Corp juga mempunyai dua program usahawan siswazah ini:

i. Program SME @ University. Program ini dilaksanakan oleh SME Corp untuk menyediakan peluang pembelajaran yang berstruktur kepada Ketua Pegawai Eksekutif perusahaan kecil sederhana ataupun IKS yang mana program ini diadakan untuk membantu bagi membangunkan modal insan yang mampu untuk memacu inovasi dan kreativiti pengurusan dalam perniagaan di kalangan usahawan baru serta usahawan sedia ada. Program ini menggunakan pendekatan *hands on* yang berasaskan pada model PKS Universiti di Jepun.

ii. Program SME, *University Internship*. Satu inisiatif menghubungkan PKS dengan universiti sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan sinergi antara industri dan universiti seterusnya meningkatkan lagi kapasiti serta keupayaan PKS. Program ini bertujuan untuk membantu PKS dalam meningkatkan prestasi perniagaan dan produktiviti melalui pendekatan perundingan dengan pelajar universiti. Pelaksanaan program ini adalah di bawah pengawasan dan bimbingan oleh pensyarah universiti dan juga kaunselor daripada SME Corp itu sendiri.

Di samping itu, program ini adalah untuk menggalakkan keusahawanan di kalangan siswazah menerusi pendedahan kepada persekitaran perniagaan sebenar serta kemahiran-kemahiran penting yang diperlukan mereka sebelum mereka menamatkan pengajian daripada universiti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, SME Bank pun ada program yang melibatkan siswazah iaitu Tabung Usahawan Siswazah. Tabung ini berbentuk bantuan pembiayaan mudah bagi graduan yang ingin memulakan perniagaan dalam sektor perkhidmatan dan perindustrian. Bantuan ini juga boleh dipohon oleh graduan yang telah mempunyai perniagaan sedia ada untuk menambah modal bagi mengembangkan perniagaan masing-masing.

Seterusnya, TEKUN Nasional dengan kerjasama institusi pengajian tinggi juga menawarkan Program Pembangunan Usahawan Siswazah yang mana program ini menggalakkan penyertaan siswazah dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang juga merupakan satu inisiatif pembiayaan berinovatif yang melibatkan usaha-usaha mewujudkan peluang-peluang perniagaan, latihan, pembiayaan pinjaman secara berpakej.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani juga menawarkan program Agro-preneur Muda. Program ini untuk menggalakkan penyertaan belia di bawah 40 tahun dalam bidang keusahawanan tani secara berpakej mencakupi aspek latihan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan, penyediaan tapak ataupun projek perniagaan, promosi dan pemasaran serta pembiayaan. Selain daripada itu, kementerian ini juga menawarkan program pembangunan usahawan siswazah tani yang dilaksanakan di bawah FAMA bertujuan untuk melahirkan usahawan-usahawan Bumiputera di kalangan siswazah yang berkeyakinan, berdaya saing tinggi, berdaya maju dan seterusnya, berjaya dalam perniagaan masing-masing. Program ini merupakan program yang meliputi aspek latihan dan bimbingan projek, pemilihan projek mengikut keupayaan siswazah, sumber pembiayaan bagi memulakan projek serta pemantauan projek.

Satu lagi program di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani ialah Program Inkubator Usahawan Belia Tani yang menyasarkan lepasan graduan institusi pertanian, institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta juga belia dan lain-lain yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan tani ini. Permohonan ini boleh dimohon di Jabatan Pertanian. Program ini membangunkan aspek kemahiran teknikal, kemahiran keusahawanan serta rangkaian dan jaringan perniagaan usahawan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di peringkat kerajaan negeri, Pusat Usahawan ataupun EDC dengan izin, dengan kerjasama IRDA menawarkan program *Dropcash* yang di bawah Program Pembangunan Usahawan Belia Wilayah Iskandar yang juga boleh dimohon oleh siswazah. Perlaksanaan program ini telah memasuki Fasa II yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan pada hari ini telah mendapat penyertaan lebih kurang 1,500 usahawan-usahawan belia termasuklah juga siswazah. Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan menawarkan juga program siswazah, antaranya program perintis yang memberi peluang kepada lepasan institut pengajian tinggi awam untuk mendapat latihan di industri selama 3 bulan dengan elaun sebanyak RM300.00 sebulan. Program ini menyasarkan 5 orang bagi setiap daerah dan permohonan boleh dimajukan terus ke Pejabat Belia dan Sukan Daerah. Sehingga kini terdapat 600 orang yang telah menyertai program ini.

Selain daripada itu, untuk siswazah, anak-anak peneroka FELDA. Pihak FELDA juga mempunyai program yang disebut Program Usahawan Tunas Mekar yang mana program ini dilaksanakan dengan kerjasama UITM dengan pelaksanaan, dengan mereka yang terlibat mendapat, sebelum ini elaun sebulan sebanyak RM1,000.00 dalam tempoh 2 tahun tetapi dengan pendekatan baru, pihak FELDA bayar elaun RM700.00 tetapi RM300.00 itu diberi di hujung bila dia tamat program ini 2 tahun.

Maknanya bila dia tamat program ini, dia akan dapat modal permulaan sebanyak RM3,000.00.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara langkah-langkah yang dilakukan khususnya oleh pihak kerajaan negeri melalui Pusat Pembangunan Usahawan (EDC) bersama-sama dengan kesemua agensi-agensi yang terlibat ini, antaranya turun ke institut pengajian tinggi seperti universiti, kolej, politeknik dan sebagainya untuk mengadakan seminar ataupun taklimat-taklimat keusahawanan. Selain daripada itu pihak EDC dan agensi ini juga mengadakan promosi melalui *facebook*, *instagram, website* dan juga laman-laman sosial yang lain. Dalam masa yang sama, pihak agensi ini juga mengadakan program-program santai dan dialog bersama mahasiswa di universiti-universiti ataupun IPT yang ada di Johor ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Berapakah jumlah pelaksanaan Rumah Mampu Milik (RMR) di kalangan pemaju-pemaju di negeri Johor mengikut daerah-daerah dalam tahun 2014?

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Tenang, tadi nombor 6, mungkin salah sebut pada rakan saya tadi. Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan daripada Yang Berhormat Tenang, berapakah jumlah pelaksanaan Rumah Mampu Milik di kalangan pemaju-pemaju negeri Johor mengikut daerah-daerah dalam tahun 2014?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor sememangnya amat mengambil berat terhadap perancangan pembangunan Rumah Mampu Milik di negeri Johor. Sejak beliau memegang tampuk kepimpinan kerajaan negeri. Oleh sebab itu kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan seperti saya ulangi, Jawatankuasa *Task Force* Perumahan peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Menteri Besar Johor bagi mempastikan perancangan membina seperti yang telah dimaklumkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Saya percaya dengan perancangan yang rapi dan terperinci oleh kerajaan negeri melalui penubuhan *Task Force* Perumahan peringkat negeri mahu pun jawatankuasa *Task Force* Perumahan di setiap daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, mampu untuk memperkasakan perancangan pembinaan Rumah Mampu Milik untuk rakyat. Buktinya apabila pada penghujung tahun 2014 kerajaan negeri hanya mensasarkan pembinaan 37,000 unit Rumah Mampu Milik di seluruh negeri Johor dan pada permulaan 28,000 meningkat kepada 37,000. Dengan adanya inisiatif-inisiatif ini, sehingga penghujung April 2012 kerajaan negeri telah berjaya mensasarkan pembinaan meningkat kepada 42,000 unit Rumah Mampu Milik sehingga tahun 2018.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Tenang jumlah perlaksanaan Rumah Mampu Milik yang dibina mengikut daerah adalah sebanyak 1,543 unit siap dibina. Di mana jumlah asal kalau ikut KPI yang dipertanggungjawabkan Yang Berhormat kepada Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatannya adalah sebanyak 1,289 tetapi kita telah dapat memantau dan menyiapkan sebanyak 1,543 unit ianya meningkat sebanyak 16.5%. Dari jumlah ini pecahan pelaksanaan mengikut daerah adalah Johor Bahru telah dapat disiapkan 692 unit, Muar 3, Batu Pahat 122, Kota Tinggi 156, Segamat

106, Pontian 227, jumlahnya adalah 1,543. Oleh sebab itu komitmen kerajaan negeri dalam menyediakan 42,000 unit Rumah Mampu Milik sehingga 2018 telah menjadi satu KPI kepada portfolio dan Jabatan saya bagi mempastikan perancangan pembinaan Rumah Mampu Milik akan siap menjelang 2018. Berdasarkan daripada jumlah permohonan Rumah Mampu Milik negeri Johor telah mencecah kepada 85,000 permohonan. Kerajaan negeri akan terus memberi komitmen yang terbaik bagi mempastikan segala perancangan ini dapat berjalan lancar. Kerajaan negeri juga percaya kerjasama yang baik di antara kerajaan negeri dan pihak pemaju yang bertanggung jawab menyediakan rumah Mampu Milik. Jumlah 42,000 ini akan terus meningkat dan akan terus meningkat berdasarkan pemantauan kepada setiap pemaju dan juga perlaksanaan projek-projek baru selaras dengan keperluan rakyat diutamakan.

YB Speaker : Jemput Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih atas jawaban yang diberikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri dan kita ucap tahniah juga kepada kerajaan negeri kerana telah pun mengambil tindakan dan pemantauan perlaksanaan Rumah Mampu Milik di negeri Johor. Soalan tambahan saya, berdasarkan kepada jumlah pelaksanaan Rumah Mampu Milik Johor pada tahun 2014, boleh jelaskan pecahan mengikut kategori rumah yang akan siap pada tahun 2014 serta jumlah permohonan dan jangkaan siap sehingga 2018 bagi daerah Segamat, khususnya di Labis? Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih soalan tambahan daripada ADUN Tenang. Tan Sri Speaker, untuk statistik di Labis, Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* perumahan peringkat daerah telah membuat pecahan kategori rumah yang siap tahun 2014 bagi daerah Segamat sebanyak 106 unit. Di mana berharga RM35,000 35 unit, harga RM42,000 hingga RM50,000 38 unit, RM80,000 sebanyak 33 unit. Selain daripada itu jumlah seperti soalan tadi, jumlah yang permohonan yang akan siap 2012 bagi daerah Segamat adalah seperti yang saya dapat, Labis jumlah 355, jumlah permohonan, Air Panas 46, Sungai Karas 11, Chaah 203, Bekok 10, Tenang 28, bandar Segamat 1,500, Gemas Baru 41, Batu Anam 246, Buloh Kasap 303, Kg. Tengah 169, Jementah 103. Jumlah keseluruhan untuk daerah Segamat sebanyak 3,035 unit dan untuk tadi saya dah jawab tadi. Untuk Labis sahaja ada 355 jumlah permohonan. Manakala jumlah perlaksanaan bagi daerah Segamat, dalam Majlis Daerah Labis sehingga 2018 adalah sebanyak 340 unit, akan siap pada tahun 2018 dan keseluruhannya untuk Segamat sebanyak 2,213 dan jumlah mengikut pecahan di Segamat tahun 2014 - 100, 2015 - 198, 2016 - 321 dan 2018 -1,594 dan ini akan menjadi pemantauan kita di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan di *Task Force* peringkat daerah.

YB Speaker : Jemput Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Tan Sri Speaker, Yong Peng faham ada 2 jenis kuota untuk Rumah Mampu Milik ini, iaitu ada jenis kuota awam dan juga kuota parti. Mengikut soalan saya pernah tanya dalam Dewan yang mulia ini, apakah tindakan yang telah diambil atau bakal diambil oleh kerajaan negeri untuk menghapuskan kuota parti atas Rumah Mampu Milik yang tidak adil kepada rakyat yang betul-betul memerlukan Rumah Mampu Milik ini? Jawaban yang diperolehi dari jawaban dibagi oleh EXCO berkenaan, pembahagian kuota politik Rumah Mampu Milik di negeri Johor telah diguna pakai sejak sekian lama dengan tujuan membantu golongan sasaran yang terdiri daripada orang awam

yang perlu diberi bantuan kepada rakyat yang betul-betul memerlukan Rumah Mampu Milik. Atas dasar ini setiap pendekatan pembahagian kuota ke atas setiap pembangunan Rumah Mampu Milik adalah untuk memangkin kesejahteraan hidup rakyat.

YB Speaker : Oklah, *you* soal *you* jawab.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Saya maksud soalan saya, soalan Yong Peng adalah kalau pendekatan parti kuota dan parti awam adalah sama iaitu memangkin kesejahteraan hidup rakyat, apakah faedahnya adakan kuota parti ini? Terima kasih.

YB Speaker : Ok.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Apa Wakil Rakyat Yong Peng ini dia minat sangat nak tanya benda ni lagi pada yang lepas, sebelum itu Jementah pun tanya benda yang sama tapi tersasar ke soalan lain. Jadi saya jawablah. Kuota KMK ini akan teruskan. Ianya bukan bermakna kuota KMK ini adalah satu perkara yang kita tidak kawal. Ia mengikut peraturan yang telah kita ditetapkan cuma berdasarkan kuota KMK ini kita membahagi ruang kepada mereka-mereka yang kita tahu boleh kita bantu berdasarkan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat. Jadi tidak timbul bagi kita untuk kita mengelakkan soal tiadanya jurang ataupun tiada perbezaan maksudnya tiada kita menepikan orang yang tidak, tidak apa, tidak dalam lingkungan yang kita tetapkan dalam permohonan. Jadi soalnya walaupun berdasarkan kuota KMK kita menyemak berdasarkan peraturan dan kalau benda tu kuota KMK kita akan tolak dan bagi saya ianya tidak masalah untuk kita teruskan kerana ianya dapat membantu masyarakat terutamanya mereka-mereka yang kita tahu kadang-kadang kalau kita nak ikutkan kepada permohonan awal. Tetapi kita tahu orang ini perlu dibantu, dan pemimpin masyarakat tahu yang inilah orang yang perlu bantu awal. Jadi dengan sokongan yang berdasarkan kuota KMK ini memang kita dapat menyelesaikan. Contohnya mereka-mereka yang ibu tunggal. Itulah kaedah-kaedah kita sebab itulah perkara kuota KMK ini jangan dipolitikkan. Dan kita sentiasa membantu dan bahkan bagi saya kita kena bantulah kepada yang menyokong kerajaan.

YB Speaker : Untuk lebih adil.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Kita adil, tapi satu peringkat, kita matikan dan soal pembahagian itu adalah perkara yang perlu kita laksanakan mengikut syarat yang ditetapkan.

YB Speaker : Ok. Yang Berhormat Puteri Wangsa.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah penempatan pekerja-pekerja asing yang terlalu ramai di kawasan Taman Daya dan Taman Mount Austin sehingga menimbulkan banyak kes jenayah dan pelbagai masalah sosial.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salam muafakat Johor. Menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa. Merujuk kepada rekod statistik jenayah indeks yang melibatkan pekerja asing bagi tahun 2014 khususnya di kawasan Taman Daya,

terdapat satu kes jenayah kekerasan iaitu bunuh yang melibatkan mangsa lelaki warganegara Myanmar yang di mana ianya berpunca dari perselisihan faham sesama sendiri, manakala di Taman Mount Austin menunjukkan sifar indeks jenayah.

Bagi tahun 2015 sehingga 30 hari bulan April, tiada sebarang kejadian jenayah yang melibatkan pekerja asing di kedua-dua kawasan tersebut. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menangani kebanjiran dan masalah sosial yang ditimbulkan oleh pekerja asing di daerah Johor Bahru Selatan khususnya di kawasan Taman Daya dan Taman Mount Austin, pihak Polis dan Jabatan Imigresen telah menjalankan operasi di semua kawasan penempatan pekerja asing termasuk di tempat kerja mereka. Ini bagi memastikan semua pekerja asing tersebut sentiasa mematuhi peraturan undang-undang dan mempunyai syarat yang sah untuk bekerja dan berada di negara ini.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 44 operasi telah pun dijalankan oleh pihak Polis dan Jabatan Imigresen di mana seramai 305 orang warga negara asing telah ditangkap atas kesalahan Imigresen. Dan dalam tempoh Januari hingga April 2015, sebanyak 11 operasi telah dijalankan dan seramai 32 orang telah ditangkap di bawah akta yang sama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Polis dan pihak Jabatan Imigresen akan terus mempertingkatkan operasi-operasi yang dijalankan bagi mengawasi penempatan pekerja warga negara asing di kawasan-kawasan tersebut untuk mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan.

YB Speaker : Puteri Wangsa.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan.

YB Speaker : Ringkas ya, tepat.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Apakah mekanisme yang digunakan di dalam memastikan pekerja asing dapat mengamalkan ajaran agama dan nilai-nilai akhlak dan moral yang murni. Begitu juga adakah diambil kira penempatan-penempatan bagi yang beragama Islam dengan jarak yang dekat dengan masjid-masjid untuk memudahkan solat fardu Jumaat. Saya kira Tan Sri Speaker, perkara-perkara agama dan moral ini ada kaitan untuk mengurangkan masalah sosial dan sebagainya.

YB Speaker : Tak tepat dengan soalan asal Yang Berhormat. Puteri Wangsa, ini soal agama pulak dah. Tak tahulah Yang Berhormat Pengerusi nak jawab?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Tan Sri Speaker, seperti dikatakan oleh Tan Sri sendiri bahawa soalan ini macam dah lari sedikit, tetapi saya hanya nak menerangkan satu perkara sahaja. Iaitu berkenaan dengan usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dari segi agama mungkin saya tak dapat nak jawab tetapi dari segi penempatan pekerjaan, mungkin saya boleh jawab iaitu kerajaan negeri khususnya di kawasan pembangunan Iskandar di negeri Johor. Kita telah pun ada satu garis panduan dan piawaian perancangan penempatan pekerja asing dan ini dalam peringkat yang telah pun beroperasi dan garis panduan ini adalah terpakai bagi penyediaan penempatan secara kekal, Dan garis panduan dan piawaian perancangan bagi penempatan pekerja-pekerja asing ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan Iskandar Malaysia termasuk

agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan pemaju dan juga pihak pengurusan untuk merancang kemajuan, pengurusan, pengawalan dan pelaksanaan pembangunan penempatan pekerja asing khususnya sektor binaan dan perkhidmatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara objektif garis panduan dan piawaian perancangan penempatan pekerja asing adalah seperti berikut:

1. Mempastikan perancangan pembangunan tempatan pekerja asing disediakan di lokasi yang bersesuaian dan strategik, terlebih-lebih lagi di dalam kawasan Iskandar Malaysia.

2. Untuk memastikan penempatan pekerja asing yang akan disediakan memenuhi keperluan minimum mengikut piawaian yang ditetapkan.

3. Untuk menjaga kesejahteraan dan keselamatan pekerja asing. Manakala bagi penempatan bagi pekerja asing di kawasan-kawasan lain, ianya hendaklah mematuhi peraturan dan juga peruntukan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di negeri Johor khususnya di kawasan Iskandar Malaysia pada hari ini, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Dewan, pada hari ini terdapat sejumlah 8 penempatan pekerja asing yang telah pun beroperasi dan manakala 5 lagi pusat penempatan sedang dalam pembinaan dengan kapasitinya melebihi 35,600 katil. Dan antara kawasan penempatan asing yang telah pun beroperasi dari kawasan Skudai, Pasir Gudang, Ulu Tiram, Senai, Tebrau dan juga di kawasan Johor Bahru. Manakala di kawasan-kawasan yang dalam proses pembinaan termasuk di kawasan Johor Bahru, Danga Bay dan juga di kawasan Senai yang kedua. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga pukul 11:00 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:00 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Jurutulis : **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

YB Timbalan Speaker : Jemput, Parit Raja sambung semalam.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam tu saya nak cakap dan terberhenti. Jadi saya mohon untuk saya ulang semula biar semangat itu ada.

YB Timbalan Speaker : Boleh, boleh.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Bismilahirrahmanirrahim. Asalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam

muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-puan.

YB Timbalan Speaker : Tak payah tuan-tuan..

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertua Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim dalam Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 7 hari bulan Mei yang lalu.

Di kesempatan ini juga, saya mewakili pengundi dan seluruh rakyat DUN Parit Raja, baik yang tua mahupun yang muda, yang besar juga yang kecil, yang tinggi serta yang rendah, yang kaya juga yang miskin, yang di bandar mahupun di pekan dan desa, yang berbangsa Melayu, Cina dan India merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan merasa bangga di atas kesempurnaan Majlis Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sebagai Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah di atas kemahkotaannya sebagai Permaisuri Johor.

Majlis yang berjalan dengan lancar penuh dengan gilang gemilang menjadi sejarah bagi rakyat negeri Johor. Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat ke atas Sultan dan rakyat negeri Johor. Menjunjung tuanku.

Perkara yang kedua, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin, Menteri Besar Johor yang telah membawa negeri Johor ke arah negeri yang lebih baik, cemerlang dan bertambah maju. Dan insya-Allah, visi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengembalikan sejarah kegemilangan negeri Johor akan tercapai dan berjaya. Kita semua Wakil-Wakil Rakyat dan rakyat negeri Johor akan sama-sama menyokong usaha murni yang dihasratkan atau dicita-citakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, niat yang baik, usaha yang bersungguh-sungguh, insya-Allah, Tuhan akan memakbulkan. Yang penting rakyat mesti patuh, setia dan percaya kepada kepimpinan termasuklah kita semua Wakil-Wakil Rakyat. Hari ini zaman Internet, global, *whatsApp-whatsApp, twitter-twitter* dan macam-macam persepsi berleluasa. Cerita yang betul atau fitnah mudah tersebar dan disebar. Betul atau tidak telah diceritakan dan jadi perbualan. Yang tidak betul selalunya dicerita-ceritakan, yang betul didiam-diam, disembunyi-sembunyikan. Jika kita tidak bendung perkara ini dan berhati-hati, takut hasrat dan cita-cita kita akan hancur dan musnah. Saya berharap rakyat negeri Johor biarlah menjadi bangsa Johor yang tinggi tamadunnya dan berbudi pekerti yang baik, kuat pegangan agama. Insya-Allah, Tuhan akan memakbulkan dan menyampaikan cita-cita dan kita akan sama-sama menikmatinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ketiga, saya memahami ke arah negeri yang maju dan makmur, yang sebagaimana kita usahakan hari ini. Kita memerlukan tenaga kerja yang ramai, yang mahir dan yang seperti biasa. Lebih-lebih lagi dalam bidang pembangunan, pembinaan termasuklah perladangan dan perkilangan. Berbagai-bagai bidang lain yang kita perlukan. Bidang pekerjaan, pembinaan, perladangan serta perkilangan nampaknya telah dikuasai oleh pekerja asing, dari jawatan sebesar-besarnya hingga sekecil-kecilnya dipegang oleh pekerja-pekerja asing. Kalau bidang pembinaan dan perladangan yang kerja

berat-berat ini, kita lihat seratus peratus diserahkan kepada pekerja-pekerja asing. Biarlah bidang perkilangan ini diserahkan kepada rakyat kita. Biarlah hasil mahsul negeri ini dirasai oleh rakyat negeri Johor. Contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita pergi Batu Pahat di tempat saya, awal pagi ataupun petang, kalau jalan di kawasan jalan Kluang, kawasan perindustrian Sri Gading, kalau kita jalan waktu pagi atau petang, kita tengok macam kita rasa kita ini berada di Bangladesh atau Nepal. Pekerja-pekerja Bangladesh dan Nepal ini ramai, yang naik basikal lain, yang berjalan lain, yang bawa mangkuk tingkat tu lain, yang apa Yang Berhormat. Kadang-kadang kita rasa mana rakyat kita? Semua orang-orang Bangladesh sama Nepal. Kalau kita jalan ke depan sikit, Batu Empat sampai ke kawasan BP Mall dan atas sikit sampai Parit Besar, kita rasa macam kita dekat Myanmar ataupun Vietnam. Ramai pekerja-pekerja Myanmar dan Vietnam dengan naik basikal, bonceng depan lain, belakang lain,kadang-kadang satu basikal sampai 4 orang, dengan pakaian yang macam-macam..

YB Timbalan Speaker : Boleh 4 orang naik basikal?

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Dia, pasal tak ada kenderaan. Kadang-kadang majikan tak ada menyediakan kenderaan, dia jadi satu basikal itu pandai-pandailah asal boleh naiklah ajelah, yang depan tu duduk, dekat tempat yang rim tu..

YB Timbalan Speaker : 4 tu yang kurus-kuruslah ya..

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang belakang tu 2 orang di kangkang gitu, orang lelaki, kadang-kadang orang perempuan pun buat gitu. Jadi Tuan Pengerusi, biarlah pekerja-pekerja kilang ini diberikan kepada kita. Berilah pekerja-pekerja kilang kita itu gaji yang tinggi, kasi elaun-elaun yang baik. Saya rasa pekerja-pekerja kita akan bekerja di kilang dan saya hari ini, saya semalam dekat *facebook,* satu majikan di negeri China. Ini menjadi contoh kepada kita, satu majikan negeri China membawa pekerja-pekerjanya seramai 6,400 ke Perancis melawat, bercuti selama empat lima hari dengan kos RM33 juta. Itu kos tambang, hotel 5 bintang, dikawal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau majikan dengan pekerja mempunyai hubungan yang baik, pekerja dapat suasana persekitaran tempat kerja yang bagus, saya rasa minat pekerja kita bekerja di kilang-kilang akan maknanya, akan memberangsangkan rakyat kita bekerja itu. Contohnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kenapa pekerja-pekerja kita banyak bekerja di Singapura? Sedangkan pagi-pagi dah pergi, malam balik, esok pergi lagi kerana gaji yang tinggi dan mungkin persekitaran tempat kerja yang baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, gaji baik, hubungan majikan baik, persekitaran tempat kerja baik, insya-Allah pekerja kita akan, kita pula jangan terbawa-bawa mengikut alasan seperti majikan-majikan saja. Pekerja kita malas bekerja, warga kita, pekerja kita, orang kita kerja nak senang, gaji nak murah, pekerja kita selalu cuti-cuti, pekerja kita banyak alasan bila dikasi kerja, itu alasan majikan. Jangan pula kita terbawa-bawa alasan majikan. Kalau majikan kasi gaji yang baik, insya-Allah warga kita akan bekerja dan satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, kadang-kadang bukan semua kilang-kilang, dia memaparkan kerja kosong di tempat begini-begini, tapi bila orang-orang kita pergi, kerja dah penuh, dah tak ada, dah penuh, alasannya penuh. Ini alasan majikan untuk memberi, memohon kepada pihak kerajaan, warga, rakyat negara ini, negeri ini tidak berminat kerja ini. Untuk mengisi kekosongan jawatan ini, saya mohon untuk pekerja asing, itu

sebenarnya. Kalau betul-betul majikan ikhlas, saya rasa tidak ada menjadi masalah dan rakyat kita tidak ramai yang menganggur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharaplah majikan-majikan ini, sama-sama kerjalah untuk memberikan kenikmatan, kemakmuran, keselesaan kepada rakyat. Kalau naikkan gaji inilah sumbangan syarikat-syarikat ataupun majikan-majikan ini kepada rakyat kita, negara kita. Kita ini nak membangun, banyak kilang-kilang yang kita nak dirikan, banyak benda-benda, perkara-perkara yang kita memerlukan pekerja-pekerja daripada rakyat kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi yang menjadi kebimbangan saya. Kebanjiran warga-warga Afrika di negara kita khasnya di Kuala Lumpur. Saya akhirkan ini kerana kita perlu menyekat merebaknya warga-warga Afrika itu ke negeri kita. Saya melihat mereka datang ke negara ini, jauh beza dengan warga-warga asing yang bekerja di sini. Mereka datang tidak menyumbangkan tenaga kerja untuk negara ini. Mereka datang dengan alasan sebagai pelajar, yang menjadi kerisauan saya mereka boleh mengancam penduduk tempatan, lagi-lagi kaum wanita dengan godaannya, baik wanita atau baik lelaki, dengan kes rogolnya, dengan kes tipu mata wang, dengan kes wang palsu, dengan kes keldai dadah, dengan kes proses-proses dadah dan macam-macam lagi kes jenayah yang telah terbukti dalam berbagai-bagai aduan dan kes-kes yang dikongsikan oleh masing-masing.

Mereka datang sebagai pelajar, mereka datang memohon sebagai visa sebagai pelajar. Sedangkan mereka datang bukan untuk belajar, mereka datang untuk membuat jenayah-jenayah atau kes-kes yang merugikan kita. Jadi, saya harap pihak kementerian utamanya, IPTS di negeri Johor supaya menapis betul-betul mereka-mereka yang nak belajar di sini, supaya jangan seperti macam berlaku di Selangor, di Kuala Lumpur, bersepah orang-orang ini tapi sebenarnya dia membuat jenayah dan saya dimaklumkan Yang Berhormat Dato' Speaker, di sana Afrika ada sekolah yang mengajar cara-cara menipu, cara-cara nak memperdayakan mangsa, jadi, dia ni pakar. Ini saya dimaklumkan, betul tak betul, tapi memang yang datang itu semua pakar-pakar sebab itu kebanyakan, ada sesetengah bukan semua mak Datin mak Datin, Dato'-Dato' yang banyak duit tertipu kerana akan jadi jutawan, akan begini, akan begini. Akhirnya, duit melayang, apa satu benda pun tak dapat. Jadi, saya haraplah badan-badan atau jabatan-jabatan, agensi-agensi yang berkenaan dengan kemasukan warga-warga ini ke negeri kita, supaya dikawal.

Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya maklum kita memang menggalakkan pelancong-pelancong asing datang ke negeri kita, negara kita terutama negeri kita khasnya. Negeri Johor yang penuh sejarah, alam semula jadinya cantik-cantik, pulau-pulau, gunung-ganang yang cantik, makna hidup-hidupan lautan yang memang menarik kepada pelancong-pelancong luar yang tak ada jumpa seperti ini, tapi yang menjadi musykil saya, mereka yang datang ke negara ini tak balik, terutamanya pelancong-pelancong Cina, minta maaf, ini bukannya perkauman. Pelancong-pelancong dari negeri China yang datang negeri kita tapi tak pergi tempat-tempat yang kita sediakan, dia tinggal tak balik ke negara dia. Malah, ada sesetengah-sesetengahnya tinggal, mendedahkan badan-badan yang cantik menjadi GRO di kelab-kelab malam, di rumah-rumah urut, di rumah istimewa-istimewa yang tertutup, faham-fahamlah Dato' Speaker. Jadi, ini menambahkan maksiat dan jenayah di negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelancong-pelancong yang ke Singapura, contoh saya jumpa, dia datang ke Singapura, dia tengok keindahan-keindahan, tapi dia

boleh balik ke negara dia, tapi kenapa datang ke Malaysia khasnya juga dekat Johor, dia tak balik? Adakah ini, mungkin saringan kita kurang ketat ataupun yang jabatan-jabatan yang berkaitan ini kurang kerja lebih, makna saya bukan nak tuduh, makna tak buat kerja, kenapa berlaku? Di Singapura boleh tidak berlaku, di negara kita, negeri kita berlaku. Jadi, saya haraplah jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi yang berkaitan, sama-samalah membantu keharmonian negara ini supaya perkara-perkara maksiat ini tidak berlaku dan perkara-perkara yang buruk tidak berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maaflah saya melahirkan ini semua kerana saya mahu negeri Johor, satu negeri yang makmur, aman bahagia hasilnya, mahsulnya akan dinikmati oleh rakyat negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara lagi...

YB Timbalan Speaker : Parit Raja, sila gulung.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Saya gulung, sikit lagi

YB Timbalan Speaker : Ok.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Ringkas-ringkaslah, saya pasal terperanjat semalam,pasal terberhenti, jadi hari ini..

YB Timbalan Speaker : Nanti Tan Sri Speaker marah saya, kata, kawal-kawal itu.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ringkaskanlah. Terima kasih kepada EXCO Agama kerana memberi penjelasan tentang ajaran sesat. Saya masih lagi, masih bimbang, ajaran-ajaran seperti ini diajar secara halus dan senyap dan kadang-kadang pada peringkat awalnya pelajar-pelajar ataupun penuntut-penuntut ini dia tak sedar apa yang sebenarnya, pendakwah atau guru ini fahamannya itu. Bila mana pengikut-pengikut dah taksub, pengikut-pengikutnya dah maknanya percaya baru perlahan-perlahan dia jalan. Kita faham, kita sebagai umat Islam memerlukan lebih ibadat kita, sembahyang 5 waktu, sunatnya, berzikir lebih banyak, membaca al-Quran tapi berzikir yang sampai, betul Lailahaillallah tapi sampai berjoget, melompat-lompat, selawat melompat-lompat, jadi jangan sampai perkara-perkara itu berlaku di negeri kita. Syukur Alhamdulillah, pendidikan agama negeri Johor yang dari bawah mendidik anak-anak kita dengan akidah yang betul kita suka, tapi harap Jabatan Agama dan Jabatan Pendidikan Agama supaya meneliti sehalus-halusnya supaya ajaran-ajaran ini tidak meresap dengan rakyat kita. Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker..

YB Timbalan Speaker : Dah sepuluh kali satu.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Minta maaf, saya ini pasal hari ibu, jadi macam ibu ini suka berleter. Yang Berhormat Menteri besar pun cakap macam berleter, saya pun terpaksa...

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi, pasal rumah mesra rakyat dan mampu milik. Saya mengakuilah tiap-tiap tahun, tiap-tiap kali bercakap saya menyentuh rumah mampu milik dan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat ini, memang dalam dua tahun lebih ini, belum lagi, memang berhasrat untuk melaksanakan rumah mampu milik dan rumah murah untuk rakyat. Cuma saya berharap kalau boleh, terutamanya di kawasan saya DUN Parit Raja, laksanakanlah cepat. Jangan sampai saya dah tak jadi Wakil Rakyat baru nak buat, jadi saya tak

boleh tidur kalau saya dah tak jadi Wakil Rakyat tapi kalau boleh jadi Wakil Rakyat lama lagilah.

Yang Berhormat Pengerusi, kalau boleh laksanakan supaya rakyat nampak kerajaan telah berusaha mendirikan, mengadakan, melaksanakan harapan rakyat. Apabila rakyat-rakyat di kawasan saya nampak kerajaan dah usaha, dia cuba berdikit-dikit untuk menyimpan wang. Jadi, kalau anak-anak, tak boleh nak, duit ini kita nak simpan nak beli rumah ini, rumah ini yang kita mohon. Jadi, rakyat berasa yakin apa yang diusahakan oleh kerajaan. Jadi, kalau boleh dicepatkan, langkah pertama kedua itu, nampak di kawasan saya rumah mesra atau rumah mampu milik untuk rakyat ini dilaksanakan, itu.

Akhirnya sekali, betul-betul akhir, ini akhir betul-betul. Saya ini diberitahu oleh pengundi-pengundi saya di kawasan Sri Gading, Jaya Jusco akan dibuat, saya pun dah nampaklah usaha itu, di kawasan tanah ladang Sri Gading. Saya mengharap agensi-agensi ataupun jabatan-jabatan kerajaan yang meluluskan projek ini supaya mengambil kira keadaan suasana penduduk sekeliling. Jangan pula nampak cantik di pelan permohonan Jaya Jusco, tapi tak ambil kira paritnya, tak ambil kira tempat pengumbahannya, tak ambil kira tempat yang menimpa kesan, akhirnya rakyat, rakyat walaupun, penduduk-penduduk ladang Sri Gading, walaupun rumah kecil, duduk di ladang sekali selama ini, dia selesa, memang itulah dia punya memang tempat tinggal dia, itulah tempat dia tapi jangan sebab binanya Jaya Jusco, satu kompleks membeli belah yang canggih, kesan yang tak baik yang menimpa penduduk-penduduk ladang Sri Gading ataupun taman-taman itu.

Jadi, saya harap agensi-agensi, jabatan, tengok-tengoklah lebih luas sekeliling kawasan yang hendak diluluskan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini betul akhir, saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Surat dan disokong oleh Yang Berhormat Kempas. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Sila, Semerah.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirahmanirahim. Selawat. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Semerah mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat Semerah berdiri mengambil bahagian dalam berbahasan menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Yang Di Pertuan bagi negeri Johor dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim sempena Perasmian Pembukaan Penggal Yang Ke-3 Dewan Undangan Negeri yang ketiga belas pada 7 Mei yang lalu.

Semerah juga mengambil kesempatan untuk menzahirkan ucapan sembah Ta'zim kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku berdua di atas sempurnanya menjalani istiadat kemahkotaan yang telah berlangsung pada 23 Mac yang lalu secara penuh istiadat kegemilangan kesultanan Johor yang bersejarah sejak 130 tahun yang lalu. Keberangkatan Baginda mencemar duli ke daerah-daerah sempena kemahkotaan Baginda Tuanku berdua menjadi sejarah yang tidak akan dilupakan oleh seluruh rakyat Johor. Ucapan terima kasih juga atas kurniaan pingat kemahkotaan oleh Baginda Tuanku kepada semua Ahli Dewan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah juga mewakili seluruh warga Semerah merakamkan ucapan tahniah atas kecemerlangan kepimpinan negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri

Besar yang kita sayangi. Kecemerlangan ini bukan sahaja meningkatkan rizab tunai negeri Johor kepada RM2.3bilion pada tahun 2014, tetapi dalam pelbagai program dan tindakan. Pencapaian cemerlang ini telah mula dirasai oleh seluruh rakyat di negeri Johor serta menjadi contoh dan ikutan kepada beberapa negeri lain di negara ini.

Semerah juga merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Perdana Menteri Malaysia yang telah memperkenalkan satu sistem cukai yang bersistematik lagi adil yang telah diguna pakai oleh 169 daripada 193 buah negara di dunia ini, iaitu, cukai barangan dan perkhidmatan atau ringkasnya GST mulai 1 April 2015.

Mengikut rekod dan kajian yang Semerah buat semakan, tidak ada satu negara pun yang telah melaksanakan GST ini membatalkan atau berpatah balik pada sistem lama. Ini bermakna bahawa sistem ini terbaik dan diakui oleh negara yang telah melaksanakannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana GST ini merupakan sistem baharu macam orang kahwin baharulah Dato' Speaker. Maka berbagai-bagai cerita kita dengar, terdapat pelbagai masalah, sama ada oleh pengguna dan peniaga yang mana ia nya dilihat dan dirasai oleh kebanyakan rakyat yang tidak begitu jelas mengenai GST. Persepsinya GST ini dianggap akan membebankan rakyat keseluruhannya. Oleh itu, kefahaman mengenai GST juga hendaklah dijelaskan sejelas-jelasnya dan sefaham-fahamnya kepada rakyat. Selain pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan dilakukan. Semerah mengucapkan terima kasih kepada pihak KPDNKK dan pihak kastam yang tidak jemu-jemu turun kelapangan dan harapan Semerah agar ianya diteruskan kerana kita sedia maklum bahawa akhirnya GST ini akan memberikan banyak manfaat kepada rakyat sekiranya perlaksanaannya dilaksanakan secara terurus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Parit Yaani, Semerah melihat istilah GST yang difahami oleh Parit Yaani amat berbeza sehingga mengaitkan anak-anak sekolah tidak dapat belajar dan akhirnya menjadi penjenayah. Begitu juga kes ibu kena ragut dan sakit terlantar, semuanya dikatakan disebabkan oleh GST. Kalau inilah kefahaman Parit Yaani yang dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini, Semerah tak tahulah mungkin lebih teruk lagi jika Parit Yaani membuat penjelasan di luar sana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini Semerah ingin membangkitkan beberapa isu dan perkara berhubung dengan kawasan saya, kawasan DUN Semerah. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana dimaklumkan bahawa jambatan kedua Batu Pahat telah di senarai pendek untuk menjadi kenyataan dalam Rancangan Malaysia ke-11. Jambatan yang keperluannya amat mendesak dan diperlukan oleh rakyat Semerah, dan Batu Pahat ini, dapat mengatasi kesesakan lalu lintas di bandar Penggaram terutamanya di jambatan yang sedia ada kini. Cuma harapan Semerah, supaya peruntukan yang dicadangkan dan akan diluluskan ini tidak dipindahkan ke tempat lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga kelulusan kerajaan melalui Jabatan Landskap Negara, saya difahamkan peruntukan sebanyak RM10.7 juta pada tahun ini untuk membangunkan pesisir Sungai Batu Pahat bermula dari

Jambatan Batu Pahat hingga ke Kompleks Kastam Batu Pahat. Sebagaimana yang Semerah telah nyatakan dalam Dewan sebelum ini. Pembangunan pesisir sungai Batu Pahat ini amat penting bagi menyerlahkan lagi bandar Penggaram untuk menjadi bandar bersih dan tersusun. Kalau kita lihat di kawasan tersebut sekarang ini dipenuhi dengan semak samun, rumah-rumah terbiar, kedai-kedai usang yang didirikan atas rizab sungai dan mencacatkan lagi pandangan kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagaimana pun Semerah mengharapkan dalam membangunkan pesisir sungai Batu Pahat ini, janganlah meminggirkan peniaga-peniaga yang telah lama di kawasan itu, yang wujud sebelum negara merdeka lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah juga ingin mengingatkan agar perancangan rapi untuk pembangunan dua projek ini dapat dibuat dengan teliti dari semua sudut. Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali. Iaitu apa yang terjadi kepada projek bagi membina sebuah pasar awam baharu di Batu Pahat yang juga terletak dalam kawasan DUN Semerah.

Projek pasar awam yang diluluskan peruntukan sebanyak RM6.6 juta yang diumumkan semasa Program Janji Ditepati yang pertama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Batu Pahat tidak dapat dilaksanakan oleh kerakusan kuasa dan haloba pihak yang merancang untuk menggagalkan pembinaannya dengan membawa ke Mahkamah sehingga hampir dua tahun keluar masuk Mahkamah. Alhamdulillah, Semerah dimaklumkan semalam 12.5.2015, Majlis Perbandaran Batu Pahat telah berjaya dalam rayuan akhir penghakiman di Mahkamah Persekutuan Putrajaya untuk meneruskan pembinaan pasar awam Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah mengucapkan terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah memberi peruntukan untuk lampu-lampu jalan di kampung-kampung. Sekurang-kurangnya, setidak-tidaknya setiap kampung telah ada sepuluh buah atau biji lampu. Walau bagaimanapun Dato' Speaker, jika kita melalui jalan daripada Muar ke Batu Pahat, tiba saja di persempadanan Batu Pahat kita akan merasa terkejut kerana kegelapan disebabkan tiada lampu jalan daripada kawasan Semerah hingga Batu Pahat iaitu lebih kurang 19 kilometer. Jadi, Semerah mengharapkan agar pemasangan lampu jalan ini dapat dilaksanakan terutamanya di kawasan-kawasan yang kepadatan penduduknya di tepi jalan utama daripada Batu Pahat ke Muar itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengatasi masalah banjir dan hakisan pantai dalam kawasan DUN Semerah, Semerah berharap 2 projek yang dicadangkan oleh pihak JPS dapat diambil perhatian dan dimasukkan untuk peruntukan bagi dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-11. Projek pertama untuk mengelakkan hakisan pantai yang berterusan iaitu di dua kawasan dari pantai Semerah ke pantai Parit Bisu sepanjang 3600 meter. Dan keduanya dari pantai timur Parit Besar Bagan ke Teluk Bakun seluas 5300 meter. Peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakannya adalah berjumlah RM44.5 juta.

Yang kedua ialah bagi melaksanakan projek tambatan banjir. Cadangan menaik taraf terusan lencongan banjir Parit Kuda sejumlah peruntukan bernilai RM153 juta perlu dilaksanakan sebagai mana cadangan dalam kajian Flood Mitigation *Master Pelan For Batu Pahat River Basin* Johor, dengan izin pada tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam DUN Semerah terdapat lebih daripada 200 batang jalan kampung dan lorong-lorong yang telah diturap memerlukan penyelenggaraan sama ada setiap tahun atau berkala. Ini tidak termasuk terdapat

38 lagi jalan kampung dan lorong yang baharu yang memerlukan penurapan setidak-tidaknya sebelum PRU yang akan datang. Sehubungan dengan itu, dicadangkan peruntukan MARIS yang diperuntukkan kepada Pejabat Daerah Batu Pahat bagi penyelenggaraan jalan-jalan kampung ditambah. Selain daripada peruntukan untuk IDJ juga ditambah setiap tahun. Kita sedia maklum Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat 9 kawasan DUN di Daerah Batu Pahat dengan jumlah kampung rangkaian sebanyak 665 buah kampung termasuk 177 kampung induk. Peruntukan MARIS untuk pejabat daerah sebanyak RM10 juta untuk tahun 2015 yang diperuntukkan adalah jauh daripada mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh mengenai rumah mesra rakyat yang diuruskan oleh SPNB, Semerah juga merasai sama kekecewaan yang dialami anak muda yang begitu berhasrat memiliki rumah rakyat ini. Tetapi amat lambat kelulusannya. Daripada 30 permohonan yang dikemukakan oleh Semerah mulai dari 21 Oktober 2013, hanya satu kelulusan yang diberi pada akhir tahun 2014, itu pun pelaksanaan pembinaannya belum dilaksanakan sehingga kini. Jangan hampakan permintaan rakyat dan kotakan slogan Janji Ditepati wahai SPNB.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 9 Mei yang baru lalu, Semerah dijemput untuk merasmikan Mesyuarat Agong Badan Kebajikan Guru-Guru Kelas al-Quran peringkat Batu Pahat yang dihadiri oleh lebih kurang 350 orang guru-guru kelas al-Quran. Di antara keluhan yang diminta untuk dikemukakan di Dewan yang mulia ini ialah tentang pertimbangan untuk meningkatkan elaun guru-guru kelas al-Quran. Semerah dimaklumkan, elaun pengajar kelas al-Quran ini dibayar RM100.00 sebulan untuk satu kelas. Sekiranya guru ini mengajar lebih 10 kelas pun sebulan, namun hanya dibayar RM300.00 maksimum tuntutan. Selain pembayarannya dimaklumkan agak lewat sehingga 3 atau lebih bulan.

Sejajar dengan salah satu daripada 7 keutamaan dalam Pelan Suara Hati Rakyat Johor iaitu untuk memartabatkan agama Islam dan transformasi pendidikan Islam maka pertimbangan yang sewajarnya oleh Jabatan Agama dan Majlis Agama Islam untuk meningkatkan elaun dikaji semula mengikut kesesuaian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha-usaha kerajaan yang berterusan dalam meningkatkan pendapatan para peladang, penternak dan nelayan adalah dipuji dan dihargai. Bukan sahaja penambahan peruntukan oleh kerajaan negeri sebanyak RM4 juta untuk melahirkan usahawan tani, malah berbagai program dilaksanakan, termasuk juga Program Pertanian Rakyat berjumlah RM300,000.00. Program Mini Agro Johor dan SPPN berjumlah RM700,000.00. Program Pembangunan Lembu dan Kerbau Pedaging berjumlah RM300 juta. Selain bayaran kepada sagu hati nelayan kepada nelayan Johor Selatan yang terjejas akibat pembangunan pesisir pantai berjumlah RM1.8 juta.

Oleh itu, Semerah berharap program yang diperuntukkan yang besar ini dapat dimanfaatkan oleh golongan ini bagi, bersama menghadapi negara maju berpendapatan tinggi. Begitu juga peranan Pertubuhan Peladang dan Persatuan Nelayan, yang tidak kurang pentingnya harus digerakkan dengan lebih berkesan bagi mempastikan golongan sasar ini sama-sama dapat menghadapi dan merasai apa yang dikatakan negara maju berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya Semerah mengucapkan terima kasih juga kepada kerjasama yang selama ini telah diberikan oleh jabatan dan agensi kerajaan di dalam kawasan DUN Semerah, yang amat baik dan dilaksanakan dengan cemerlang. Semerah turut menyokong usul menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawakan oleh Yang Berhormat ADUN

Tanjung Surat. Waallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Persidangan di sambung. Jemput Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan doa dan selawat). Salam sejahtera, salam hormat, salam Muafakat Johor. Johor sejahtera makmur sentiasa di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Baginda Sultan Johor. Tanjung Puteri mohon berbicara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi laluan kepada Tanjung Puteri untuk turut serta dalam perbahasan rundingan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang ke-13 pada hari ini. Memandangkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku begitu prihatin dan peka dengan masalah semasa dan masalah rakyat, Tanjung Puteri juga tersentuh untuk menyatakan sokongan agar Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor yang diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 2014 di kaji semula Oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Johor agar enakmen ini boleh diguna pakai sama seperti enakmen-enakmen lain yang diguna oleh kerajaan Johor. Seperti enakmen Perbadanan Johor dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh mengenai sistem percukaian GST, sebagaimana Tanjung Surat dah kata, mungkin gadis cantik? Tak berapa lengkap, Kukup melengkapkannya dan Semerah ini hari mengatakan bidalan seperti orang dah kahwin, satu perkahwinan. Saya setuju juga dengan Semerah ni kerana kalau kita lihat pada perkahwinan dan juga GST ini, lebih baik GST daripada sebuah perkahwinan. Kerana apa, kalau kita bandingkan sebanyak lebih daripada 160 negeri yang dah amalkan GST ini, kita tak nampak ia menolak ataupun bercerai. Tetapi kalau kita lihat kepada perkahwinan yang ada kalau kita lihat kalau kita lihat di Malaysia ini, jumlah perceraian, saya rasa sudah begitu banyak berbelas ribu kes ada. Tetapi kalau kita lihat kepada GST tak ada pun satu yang negara menolak akan GST. Daripada 169 negara, daripada 190 lebih negara, 169 dah lakukannya yang tak ada menolak GST ini.

Kalau kita bandingkan, saya buat *survey* kepada pemuda-pemuda ataupun orang muda di tempat saya, yang mempunyai purata gaji lebih kurang RM3,000.00 mereka menyatakan yang mereka mempunyai komitmen untuk membayar sewa rumah ataupun bayar beli rumah ansuran rumah sebanyak RM400.00 hingga RM500.00. Pembiayaan kereta mereka lebih kurang RM400.00. Makan minum keluarga mereka lebih kurang RM1,000.00. Petrol untuk perjalanan kerja, balik RM300.00 dan mempunyai anak berbelanja anak yang lebih kurang setahun, berbelanja lebih kurang RM500.00. Jadi daripada RM3,000.00 ini mereka belanja RM2,600.00 dan kalau kita tengok daripada RM2,600.00 mereka boleh berbelanja RM400.00 sebulan. Kalau kita hitung panjang, RM400.00 ni satu tahun mereka boleh berbelanja yang di kenakan GST adalah RM4,800.00. Jadi RM4,800.00 yang dikenakan cukai 6% ini, ianya baru RM288.00. Mereka ini golongan yang mendapat bantuan BRIM, bantuan BRIM mereka dapat sekarang ini, RM950.00. Kalau kita hitung panjang tolak-tolak, mereka ada lebih lagi duit daripada BRIM yang mereka terima.

Jadi perkara ini kalau kita sampaikan ataupun kita dapat tahu sebenar-benarnya orang yang di bawah seperti mereka yang mendapat gaji lebih kurang RM4,000.00 ke bawah ini, mereka tidak hirau sangat tentang GST ni melainkan sebenarnya mereka ini dimomok-momok, ditakut-takutkan dan ditipu sebenarnya oleh mereka-mereka golongan yang lagi satu ni. Kalau saya lihat, saya juga satu ketika dulu,

menjadi *bisness bank* jugalah. Saya punya *partner*, mendapat *sole distributer*, dengan izin, *sole distributorship* daripada negara lain untuk membawa masuk barang dan di jual di negara ini. Kalau kita lihat, apa yang di buat oleh peniaga-peniaga saya tak cerita orang lain. Saya cerita syarikat saya. Kalau kita lihat, apa yang kita ambil daripada luar negara, kita nak *distribute* kan dengan izin, kepada negara kita ini, kita kena *mark up* untuk kita dapat satu harga yang mana kita boleh menjadikannya satu harga tetap untuk kita jual barang tersebut.

Jadi kalau kita dapat satu barang dengan harganya RM100.00, kita akan menambahkan apa yang perlu, mungkin juga RM100.00 lagi dan akhirnya kita kata dalam masa saya meniaga dulu, dia SST, kita kenakan cukai kerajaan kalau kita kena bayar nanti, dan juga cukai perkhidmatan, makna sepuluh campur 5%, 15% harga barang yang kita jual, RM200.00 campur lagi 15%. Makna dah RM200.00 lebih kurang RM40 lebih. Dalam hal ini kita lihat bukan itu sahaja apabila dah habis semua setahun, kita kumpulkan apa yang kita dah niagakan tadi. Kita cuba mendapat keuntungannya lebih dengan menghantar maklumat kepada *income tax*, tidak begitu tepat kerana apa kita ada *director-director* untuk dibagikan pendapatan kita yang lebih. Bermakna di sini, kalau sistem SST dulu kita masih boleh berunding dengan LHDN, kita tahun ini, berniaga banyak ni, pendapatan kita banyak ni, kita minta dikurangkan kerana kita banyak membantu orang dan sebagainya, ini buat alasan kerana di dalam perniagaan ini, dia ada dua perkara yang paling penting. Satu, tipu ataupun muslihat adalah *art of business*, dengan izin. *Art of business* nilah yang merbahaya sekali. Sebab apa, orang yang pandai menipu, orang yang pandai men*duplicate*, orang yang pandai membuat barangnya laku, walaupun harganya tidak munasabah, ini dikatakan orang yang pandai berniaga. Dia ada *art of business*. Perkara inilah sebenarnya kerajaan baru buka mata ataupun sebenarnya kerajaan dah tahu benda ini lama.

Oleh kerana rakan-rakan kita ini, seperti saya jugalah, dengan syarikat saya dulu, sekarang syarikat saya dah tutup dah. Tak berniaga lagi. Perkara inilah rasanya memang kerajaan sekarang dah celik mata. Kita tak nak ketirisan seperti ini berlaku lagi. Maka kalau kita nak menjadi sebuah negara yang maju, kita kenalah mendisplinkan diri kita, diri peniaga kita, diri pembeli ataupun pengguna kita sebagaimana Pasir Raja cakap, sekarang ni dah pandai orang membeli minta resit, cek balik harga, berapa kena GST dan sebagainya. Jadi perkara ini dah bagus. Kita tengah mendidik masyarakat, rakyat Malaysia ini agar kita bijak memilih.

Sekarang, kalau kita tengok bila GST dah dijalankan kita dapat tahu, barang mana murah, barang mana mahal dan barang apa yang kita menjadi keperluan untuk kita membeli. Sebab, setelah barang-barang ini dijual baru kita tahu berapa harganya. Ini yang penting, baru kita rasa patut tak kita bayar GST ini dan juga kita sendiri sekarang, sudah menjadi seorang rakyat yang begitu prihatin yang mana kita juga sebenarnya menyumbangkan pendapatan negara kita sendiri. Walaupun kalau kita fikir tadi, orang muda yang gajinya RM3,000.00 dia dah menyumbangkan RM338.00 untuk negara. Kalau dia niatkan ini ikhlas dapatlah dia ikhlas. Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu saya rasa perkara-perkara yang ingin saya bawakan, adalah elaun guru takmir, JAKIM, yang biasa dibayar RM100.00 kepada satu kelas yang diajar. Mereka ini cuma boleh *claim*, 8 kali je diajar ataupun 8 hari. Satu hari mereka boleh ajar, 1 kali di masjid ataupun surau dan boleh *claim* RM100.00 dan mereka hanya boleh menuntut 8 hari sahaja. Jadi, guru-guru takmir ni, ada jumpa saya. Pertamanya mereka mintalah, kalau 8 kali sahaja mengajar, mereka baru dapat RM800.00. Bermakna, bawah paras kemiskinan gaji sekarang ini pun gaji minima dalam RM900.00. Jadi minta EXCO nanti, pertamanya,

meluluskan ataupun bincang dengan JAKIM agar guru takmir ni boleh mengajar 18 kali, sekurang-kurangnya 16 kalilah. Jadi dapatlah mereka RM1,600.00.

Jadi perkara ni, juga yang penting kita beritahu. Juga pihak JAKIM bayar, melalui bank, Maybank sahaja. Ini pun satu masalah bagi mereka kerana mereka ini bukan, bukan orang yang berniaga dan sebagainya maka mereka ada yang mempunyai Bank Islam, pakai Bank Arab, pakai Bank apa Bank Rakyat dan sebagainya. Maka mereka mintalah, kalau dibayar masa membayar elaun guru takmir ni, mintalah kalau boleh, jangan menggunakan Maybank sahaja. Yang boleh terima itu tu ok. Yang tak ada bank ni, minta kalau boleh bank lain pun diterima untuk penerimaan kemasukan cek tersebut.

Seterusnya di dalam kawasan bandar raya ini kita dapat lihat perkuburan Islam ini sudah macam tak ada lagi dah. Kalau di kawasan saya, rumah saya pun berdekatan dengan kubur Kebun Teh, ianya dah tepu dah. Begitu juga kepada pengisian kubur Mahmoodiah pun dah penuh, hinggakan sekarang ini dah boleh main selit-selit dah. Selit-selit, celah-celah dah boleh apa, buat perkuburan yang baru.

Jadi, sekarang yang ada di Bukit Alif. Bukit Alif ni pun tak lama lagi penuh, jadi dicadangkan agar tanah-tanah di sekeliling ataupun berdekatan dengan Bukit Alif ini ada tanah-tanah kilang mungkin dah habis *lease* dia dan sebagainya, kerajaan ambil alih. *Acquire* tanah ini dan diperbesarkan kawasan kubur ini. Begitu juga dengan cadangan yang lagi satu ni mungkin tak masuk akal, tetapi ianya boleh juga dikategorikan boleh dipakai. Tanah-tanah kerajaan juga ada digunakan oleh pihak TNB untuk memasang talian elektrik ataupun pencawang elektrik.

Antara *pylon* yang ada tu di tengah-tengah ni pun kerajaan punya, tapi TNB pakailah dulu kerana kegunaan masyarakat. Maka dicadangkan agar tanah-tanah di bawah pencawang elektrik ini boleh juga digunakan dan ditukar penggunaannya, dalam masa yang sama untuk dijadikan kubur-kubur Islam. Kerana apa, penghuni yang akan ada kat situ dah tak ada masalah. *Radiation* pun dia tak takut, tak ada masalah. Jadi perkara ini selain daripada kita cuma beri petani-petani dalam bandar ini untuk tanam sayur-sayuran kontan dekat situ, baik dicadangkan supaya tanah ni boleh digunakan untuk menjadi perkuburan. Yang Berhormat,

YB Timbalan Speaker : Untung sapa yang dikebumikan di situ, terang benderang,

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya di UDA saya tak tahu di tempat lain. Di UDA ini masih wujud pejabat pos yang kecil. Jadi minta pejabat pos ini di*upgrade*kan agar orang di UDA termasuk kita-kita yang duduk di UDA ini semua boleh menggunakan perkhidmatannya lebih baik dan lebih kerap kerana pada masa ini perkhidmatannya kurang *efisien* dan pekerja-pekerja yang berada tu tidak ramai. Orang yang menunggu untuk menjalankan kerja-kerja mengepos ni ramai. Jadi kalau kita lihat mereka ini beratur begitu panjang dan akhirnya perkara ini menjadi buah mulut orang yang Pejabat Pos Malaysia ini tidak efisien. Jadi saya berharap pejabat pos pandang sikit perkara yang saya kata ini di UDA agar perkhidmatan ni, pertamanya jangan dihentikan, diteruskan, ditambahbaikkan tempat ini. Seterusnya saya ingin mengatakan tentang

YB Timbalan Speaker : Tanjung Puteri, sila gulung.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Oh gulung, nak gulung jauh lagi. Tapi tak apa, saya akan berhenti apabila saya habis berucap nanti. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta maaf atas gurauan, tetapi ini penting. Ni kereta api laju Johor Bahru – KL. Kereta api Johor Bahru – KL, kalau kita tahulah sebenarnya dia akan dilakukan atau dicadangkan. Ianya bermula dari Kuala Lumpur ke Putrajaya, Putrajaya ke Seremban, Seremban ke Ayer Keroh, Ayer Keroh ke Muar, Muar ke Batu Pahat, Batu Pahat ke Nusajaya baru sampai Johor Bahru. Saya tak tahulah berapa ramai orang yang tahu. Mungkin ini hanya cadangan ataupun apa yang dikatakan di dalam Internet.

Tetapi apabila sampai di Johor Bahru ianya tak pergi Singapura kerana di Johor Bahru dengan Singapura akan dibuat satu *Rapid Transit System,* ha ini, Johor Bahru dengan Singapura. Tetapi perkara ini semua, saya tak tahulah berapa ramai ataupun selain daripada Menteri Besar siapa lagi yang dibincangkan tentang perkara ini. Kalau boleh perkara ini diwar-warkan sebagaimana Duli Yang Maha Mulia kata. Perkara yang nak dibuat di Johor ini mestilah berbincang dahulu dengan kerajaan dan juga orang-orang yang berkepentingan di dalam negeri ini, agar ianya tidak jadi semacam jambatan bengkok.

Saya jambatan bengkok tu memang saya setuju agar Tambak Johor ni dipecahkan air boleh mengalir di bawahnya, tetapi saya tak setuju dengan jambatan yang bengkok. Kerana, kalau kita lihat Woodlands dah buat dia punya CIQ, Johor Bahru pun dah ada CIQnya. Apa yang masalah sebenarnya adalah *jammed* di dua tempat ni. Di Singapura pun *jammed,* di Johor Bahru pun *jammed* sebenarnya. Tetapi kalau kita buat lagi sekali masalah kita bengkokkan jambatan tu mungkin daripada 1 kilometer ianya dah jadi 2 kilometer, orang tak boleh lagi berjalan kaki. Kalau masalah *jammed* ini masih ataupun memang masih akan berlaku kerana ianya kepentingan kedua negara ini tentang keselamatan, mereka akan tetap *jammed.* Jadi perkara ini kita putuskan, sebab tulah kerajaan putuskan kerana tanpa banyak bincang dengan kerajaan negeri. Akhirnya benda ini tidak dapat dilaksanakan.

Akhir kata Yang Berhormat Dato' Speaker, di Kampung Melayu Majidi dan juga Kampung Dato' Sulaiman Menteri, penduduk-penduduk tuan punya tanah semua dia minta agar tanah *lease* 99 tahun yang mereka diberikan tu, ditukar kepada pegangan hak milik kekal ataupun hak milik bebas. Dan tetap seumur hidup ianya menjadi Tanah Rizab Melayu. Perkara ini saya ingin sampaikan. Mereka minta saya menyampaikannya di dalam Dewan yang mulia ini, agar pihak kerajaan mengkajikannya semula dan membawa perkara ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Mungkin, kalau mesti dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia pun saya boleh ataupun sanggup berjumpa untuk kepentingan rakyat yang lama ini, rakyat yang telah duduk di Johor Bahru ini. Akhir kata sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya nak berterima kasihlah terutamanya terima kasih kepada Mufti Johor kerana naik taraf Surau An-Nur Larkin Perdana kepada masjid. Keduanya, Surau Bulatan juga mohon supaya surau mereka dijadikan masjid.

Seterusnya Pejabat Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru, saya berterima kasih kerana memberikan Sekolah Agama Kebun Teh Pengawal Keselamatan. Seterusnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya berterima kasih kerana Kampung Melayu dapat pasar baru, harganya lebih kurang RM20 juta sedang dibina, jalan dah siap. Seterusnya Johor Corporation menyerahkan tanah kepada Kompleks Belia dan Sukan, kerajaan negeri Johor. Johor Corp serahkan jadi Kompleks Belia dan Sukan tak akan dipindahkan tempat lain, masih ada di Larkin.

Kepada UPEN saya terima kasih menyiapkan padang bola di Rumah Pangsa Larkin. Kepada kerajaan persekutuan di dalam kawasan saya sudah menyiapkan simpang bertingkat di Jalan Datin Halimah ke Kempas dan juga di simpang Jalan Tampoi ke Jalan Tebrau, pergi ke Kota Tinggi. Akhir sekali Tanjung Puteri ingin berpantun sikit. Bunyi dia, "Tanjung Puteri berada nun di Selatan, sebelah dengan kota tersohor, saranan Duli Yang Maha Mulia Sultan, Johor mesti jadi Johor". (Dewan bertepuk). Sekian, wabillahiwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumsalam, teruskan. Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Dato' Speaker. Selamat petang dan salam sejahtera. Stulang ingin mengambil bahagian untuk membahas Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Duli Yang Mulia Sultan Johor sempena Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke 13. Stulang juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini.
Yang Berhormat Dato' Speaker, Stulang ingin membahaskan beberapa isu yang berkaitan dengan sektor tanah, isu CSR, *high speed rail* serta beberapa isu yang menarik perhatian dalam titah Sultan.

1. Isu yang ingin saya utarakan adalah berkenaan sektor hartanah. Ialah, sebagaimana yang kita sedia maklum, apabila harga kondominium ataupun yang bertaraf tinggi turun menjunam iaitu dengan kata lain gelombang hartanah *property bubbles* meletup ia akan mempengaruhi ramai orang.

Jadi, adakah bermaksud bila harga hartanah turun rakyat mampu beli. Kadang-kadang tak juga kerana walaupun harga dah turun rakyat masih tak mampu lagi kerana harga masih lagi mahal bagi ramai orang. Jadi adalah penting bagi kerajaan menolong menstabilkan harga hartanah agar kadar turun naik harga tidak terlalu mendadak atau menjunam tajam. Kita mahu ia lebih stabil dengan kata lain kita mencegah spekulasi hartanah yang melampau di pasaran.

Saya mengambil German sebagai contoh, negara German memegang prinsip rumah merupakan keperluan asas yang tidak seharusnya dibiarkan untuk diekploitasikan untuk menjana keuntungan yang luar biasa. Ia juga mempunyai ciri monopoli oleh segelintir masyarakat. Tanah dan rumah tidak boleh disamakan dengan barangan dagangan biasa yang diniagakan dalam pasaran biasa. Sebaliknya tanah dan rumah adalah hak asasi setiap rakyat.

Justeru itu di sini, saya mencadangkan agar kerajaan kita mengambil beberapa pendekatan supaya secara jangka panjang ia boleh menstabilkan harga pasaran supaya dia tidak terlalu *fragile,* dengan izin. German menggalakkan rakyat membina rumah mereka sendiri secara individu ataupun secara berkelompok. Sebanyak 30% daripada rumah baru yang dibina adalah datang daripada pembinaan rakyat berkelompok. Maksudnya rakyat sendiri boleh bikin rumah sendiri kerana mereka sudah dididik macam itu.

Jadi kerajaan kita mungkin boleh meletakkan ini sebagai satu agenda dengan mendidik rakyat secara konsisten bahawa sebenarnya nak bina rumah sendiri bukan perkara yang susah dan yang sangat penting adalah mengurangkan birokrasi dan proses permohonan, kelulusan dalam pembinaan rumah supaya rakyat ataupun mereka yang nak bina rumah secara berkelompok boleh bikin rumah sendiri. Ini secara tidak langsung, secara lama kelamaan boleh

mengurangkan monopoli pemaju rumah. Dan ini akan menstabilkan harga turun naik yang terlalu *fragile.*

2. Cadangan saya adalah seperti yang telah saya utarakan tadi adalah berkaitan dengan *property gain tax* di mana *property gain tax* ini boleh dirombak sedikit untuk memasukkan kriteria jenis tanah ataupun jenis hartanah untuk menentukan kadar *tax* yang akan dikenakan bukan sekadar dikenakan berlandaskan tempoh pegangan perumahan.

3. Adalah berkenaan dengan sewa beli. Saya rasa sewa beli ini boleh usaha ini boleh dipertingkatkan untuk menstabilkan harga hartanah di Malaysia ataupun di Johor. Kerana kalau konsep ataupun program sewa beli ini dihadkan kepada rumah pangsa sahaja ataupun rumah biasa sahaja, rumah bertapak tanah kalau pun dimasukkan dalam program ini juga boleh menolong menstabilkan harga pasaran.

Berkenaan dengan isu sewa beli ini, saya nak utarakan isu iaitu para penduduk di Kampung Hajah Hasnah dan di Kampung Desa Melayu Johor Bahru yang telah diarahkan berpindah ke rumah pangsa, menghadapi masalah meminjam wang daripada bank walaupun hanya sekitar RM35,000.00 sahaja. Ini adalah kerana usia mereka sudah tua kadang-kadang anak mereka sudah pun tidak ada tinggal dengan mereka lagi dan berpindah ke tempat lain. Kalau tidak dapat pinjaman bank maksudnya mereka kena bayar tunai, jadi daripada manakah mereka boleh mencari wang tersebut dengan usia mereka yang begitu lanjut.

Orang biasa kadang-kadang pun susah nak cari RM35,000.00, justeru itu kerajaan patut ya membenarkan mereka berpindah ke pangsa yang dibina oleh kerajaan dengan konsep sewa beli, ya, usaha ini perlu dipertingkatkan ya, mereka tidak payah lagi risau tentang isu ketidaklayakan pinjaman daripada bank. Kerajaan perlu menjamin isu tempat tinggal mereka, supaya mereka tidak akan risau tentang masa depan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang kedua ialah berkenaan dengan tanggungjawab sosial korporat, ya ini juga berkaitan sedikit dengan sektor hartanah. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pembangunan sektor hartanah di Stulang Laut, Danga Bay dan Forest City telah menarik ramai pelabur dari negara luar. Syarikat besar seperti IMF, Country Garden, Green Land serta syarikat tempatan yang bekerjasama dengan mereka telah mula melaksanakan pembangunan sektor hartanah bertaraf tinggi dan dijangka akan mengaut keuntungan yang besar dari projek mereka di kawasan Iskandar ini.

Dalam hal ini, saya berharap syarikat ini boleh mementingkan tanggungjawab sosial korporat untuk kepentingan rakyat Johor. Ya, saya menyeru kepada pihak kerajaan agar memainkan peranan dengan menetapkan syarat agar syarikat tersebut akan betul-betul menyuntikkan modal dalam tanggungjawab sosial korporat terhadap penduduk di sekitar projek pembangunan mereka. Persefahaman dengan perlaksanaan dengan izin, *memorandum of understanding with execution*. Ya, ini yang penting, antara kerajaan negeri dengan pemaju juga penting demi mencapai matlamat.

Cadangan saya adalah tanggungjawab sosial korporat yang boleh mereka ceburi adalah mungkin mereka boleh menolong memperbaiki atau menaik taraf taman permainan kanak-kanak atau taman permainan awam yang sedia ada di sekitar kawasan pembangunan mereka. Saya rasa ini boleh dilakukan ataupun dengan

kerjasama dengan Kerajaan Tempatan memajukan rizab-rizab tanah ataupun kawasan lapang agar menjadi kawasan riadah yang lebih menarik.

Kerja penyelenggaraan jangka panjang juga boleh dititik beratkan ataupun mendirikan mercu tanda di kawasan yang sesuai. Saya rasa mereka tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat ini dengan bekerjasama dengan kerajaan kerana akhirnya nama mereka juga akan diletakkan di tempat mereka memajukan kawasan tersebut.

Saya rasa, ini memerlukan satu perkara yang *win-win situation*, dua pihak menang. Yang seterusnya adalah mereka juga boleh bekerjasama dengan NGO's ataupun kerajaan untuk mempergiatkan lagi komuniti berkaitan dengan kebudayaan, kesenian, sukan, alam sekitar dan sebagainya, yang boleh meningkatkan keharmonian masyarakat.

Sebagaimana yang kita sedia maklum. Pembangunan di sana sedikit sebanyak telah mempengaruhi kehidupan Orang Asli di sana. Jadi eko-pelancongan ini, Orang Asli ini akan membina komuniti Orang Asli dengan pembangunan lestari berlandaskan model *business* eko-pelancongan yang tersendiri. Eko-pelancongan ini termasuklah kraf tangan, ekspedisi dengan orang asli, persembahan kebudayaan, perfileman, dokumentasi, rumah tradisi, mempelajari kemahiran hidup Orang Asli dan sebagainya. Jadi, usaha ini boleh diperketatkan supaya pembangunan yang lestari boleh dilaksanakan di kawasan-kawasan pembangunan tersebut. New Zealand merupakan satu negara yang paling berjaya mengekalkan budaya orang Maori di samping memperkembangkannya dalam pelancongan yang menjana pendapatan yang lumayan.

Isu ketiga yang saya nak utarakan di sini Dato' Speaker, adalah berkaitan dengan *high speed rail*, *high speed rail* ini perlu merupakan satu projek besar dan perlu dilaksanakan dengan penuh teliti kerana ia melaksanakan kerjasama di antara dua buah negara dan ia akan mempengaruhi hubungan kedua-dua buah negara juga. Ketelusan dan syarikat yang dilantik adalah dipastikan dia boleh *deliver* dengan izin, supaya tidak ada sebarang penyelewengan yang akan berlaku.

Salah satu aspek yang sangat penting adalah tentang penempatan lokasi terminal hentian. Penempatan lokasi hentian, kita perlu mempertimbangkan faktor-faktor berikut: 1. laitu sejauh manakah terminal hentian membawa manfaat kepada penduduk setempat. 2. Adalah sekiranya terminal hentian jauh daripada pusat aktiviti pesat di mana aliran orang yang sudah ada dengan aktiviti perniagaan, pentadbiran perkhidmatan sudah rancak maka ia tidak akan membawa manfaat optimum kepada penduduk setempat. Rangkaian sistem pengangkutan yang mempunyai hubung kait yang berkesan juga adalah penting kerana ia memastikan orang yang menggunakan *high speed rail* tidak perlu menggunakan masa yang terlalu banyak untuk ke destinasi akhir, adalah tidak masuk akal kalau kita menggunakan hanya 30 minit dari Singapura ke Batu Pahat tetapi kita perlu menghabiskan 30 minit lagi untuk sampai ke destinasi akhir. Di mana banyak masa telah terbazir dalam *connectivity.* Kita boleh banyak belajar daripada Dallas, Amerika, Jerman ataupun Tokyo, Osaka dalam pembinaan HSR.

Salah satu faktor penting yang menentukan sama ada HSR ini berjaya atau tidak adalah bilangan penggunaan penumpangnya setiap tahun sebagai contoh Frankfurt setiap tahun penggunaan penumpang adalah 9 *million*, 9 juta, untuk Paris Laicom setiap tahun adalah 20 juta. Tokyo, Osaka satu tahun 130 juta, *one hundred thirty million* dengan izin dan negeri China lagi dahsyat 372 juta setiap tahun. Jadi di sini, untuk kes *high speed rail* Singapura ke Kuala Lumpur ini berapakah anggaran

penggunaannya dan kita mesti memastikan hentian terminal ini mampu menarik penumpang yang lebih supaya *high speed rail* akan berjaya.

Secara amnya, penentuan terminal hentian dan jaringan jalan perlu dititik beratkan usaha memperkasakan sistem jaringan perhubungan sedia ada mesti mampu memangkin jualan runcit, kediaman, aktiviti perniagaan serta penambahan peluang pekerjaan dengan penambahan produktiviti. Berdekatan dengan mercu tanda dan transit awam, *public transit* dengan izin, yang sedia ada untuk kesenangan perjalanan transit. Kemudian akhirnya juga, kenal pasti secara khusus apakah aktiviti ekonomi baru yang akan dijanakan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mendatangkan kesan optimum.

Saya rasa ini sangat penting dan Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya yang saya nak bincangkan di sini adalah berkaitan dengan premis kedai sebagai pusat keagamaan bukan Islam. Mengikut perlembagaan Malaysia setiap rakyat diberi kebebasan untuk mengamalkan dan memeluk agama mengikut kepercayaan masing-masing, ya ini tidak boleh disangkal dan untuk mengelakkan kekeliruan dan ketegangan saya berpendapat isu premis keagamaan perlu diambil perhatian.

Pada masa sekarang, oleh kerana penganut bukan Islam sangat sukar untuk mendapatkan kelulusan pembinaan kuil, tokong atau gereja baru yang bertapak tanah, *landed* dengan izin. Jadi, sumber kewangan juga merupakan masalah utama untuk membina bangunan keagamaan di atas tapak tanah. Justeru itu, saya menyeru kepada pihak kerajaan agar memberi ruang yang lebih longgar ke atas kedai-kedai kerana tapak tanah susah, jadi kalau kedai-kedai yang dijadikan sebagai premis ibadat bukan Islam. Dengan kata lain memberi kelonggaran dalam mengubah syarat premis kedai daripada premis perniagaan ke premis keagamaan.

Dalam hal ini, kebebasan beragama juga termasuklah kebebasan menggunakan simbol keagamaan yang mewakili agama yang kita peluk. Sekali lagi saya jelaskan termasuklah kebebasan untuk menggunakan simbol keagamaan yang mewakili agama yang kita peluk. Jadi, adalah tidak keterlaluan untuk membenarkan penganut Kristian, Buddha atau hindu untuk meletakkan simbol keagamaan dengan saiz yang munasabah di premis kedai-kedai tersebut. Saya berharap langkah ini dapat mengeratkan hubungan kaum kerana adanya penerimaan antara satu sama lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin juga mengutarakan satu isu yang juga menarik perhatian Sultan. Terima kasih diucapkan kepada Tuanku kerana mengambil berat terhadap kebersihan di Pantai Lido dan Stulang, Pantai Lido dan Stulang, masalah jenayah juga kerap berlaku di Stulang Laut di mana ramai rakyat asing, rakyat asing dirompak. Orang asli yang dirompak ini juga tidak berani melaporkan kepada Polis kerana ada di antara mereka tidak mempunyai pas pekerjaan yang sah. Di Stulang Laut ramai, mereka tidak ada pas pekerja yang sah kita tak tahu apa mereka buat di situ tapi penjenayah pun pandai cari mangsa. Mereka cari mereka kerana mereka tahu, mangsa tidak akan lapor kepada Polis. Jadi, kita tidak mahu perkara ini berlarutan kerana tidak kira siapa dirompak. Tempat tersebut akan menjadi tempat mesra jenayah yang menggugat keselamatan rakyat jadi saya menyeru kepada pihak Polis agar dan pihak Majlis untuk menyelesaikan masalah ini dan mengambil perhatian terhadap isu ini.

Kemudian lumba motosikal haram di kawasan situ juga, ok di Stulang Laut, Stulang. Lumba motosikal haram juga berlaku di setiap malam. Mat rempit akan mula merempit dari Stulang Laut bermula dari Menara Sarawak ke Jalan Pasir Pelangi

melalui Taman Iskandar dan seterusnya ke Jalan Bakar Batu iaitu di depan ..... yang lurus. Ia amat membahayakan keselamatan orang ramai dan bunyi motosikal juga mengganggu ketenteraman penduduk di situ. Jadi, diharapkan Polis dapat mempergiatkan usaha rondaan dan pihak berkuasa memperkuasakan undang-undang untuk menyelesaikan masalah sampah, kaki botol, penjenayah dan juga mat rempit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang seterusnya berkenaan dengan Pacific Mall dan Lot 1 juga di mana menarik perhatian Tuanku dalam titah Tuanku. Apakah yang telah berlaku kepada Pacific Mall dan Lot 1. Kerana ini juga telah menarik perhatian Tuanku. Saya berpendapat kedua-dua bangunan tersebut terletak di tengah-tengah bandar raya Johor Bahru yang amat menjolok mata dan merosakkan imej bandar raya Johor Bahru. Jadi, soalan saya ialah apakah perkembangan sekarang, adakah ia akan dijadikan rumah sarang burung walet. Adakah macam itu, saya tidak tahu. Apakah usaha kerajaan Johor atau pun IRDA dalam membangun balik kedua-dua bangunan tersebut. Siapa yang akan ambil alih ataupun ada tak sebarang rundingan dijalankan. Jadi, saya minta Menteri Besar atau pun EXCO-EXCO boleh membentangkan perkembangan ini dalam sesi penggulungan nanti supaya rakyat boleh mengetahui keadaan sebenar kerana itu merupakan mercu tanda bandar raya JB di mana ia memberi memaparkan imej buat masa sekarang imej yang negatif pada pelancong luar. Jadi, saya berharap isu boleh ada usaha untuk memperbaikkan keadaan tersebut.

Isu yang seterusnya ialah berkenaan dengan isu pelaksanaan bantuan wang kebajikan Dato' Speaker, akhirnya isu yang terakhir iaitu pada pendapat saya bantuan dengan kos sara hidup sekarang bantuan kebajikan perlu ditingkatkan. Kalau dibandingkan dengan Australia bantuan kebajikan kita mempunyai ruang untuk diperbaiki ya, kalau kita bandingkan dengan Australia tapi ada pihak yang mendakwa bahawa Australia mempunyai kadar cukai yang tinggi jadi adalah tidak adil untuk kita membandingkan dengan negara Australia. Kalau kita perhatikan Australia, kadar cukai maksimum bagi cukai individu 45%, kadar maksimum bagi cukai korporat 30, Malaysia, cukai maksimum bagi cukai individu 26. Ialah memang kurang daripada Australia dan kadar cukai maksimum bagi kadar cukai korporat adalah bagi kita 25% iaitu memanglah lebih kurang daripada Australia juga.

Tetapi Malaysia bantuan untuk orang tua dan OKU adalah sekitar RM300.00 kepada RM350.00 sebulan. Australia, bantuan orang tua, OKU atau pun *expansion* adalah AUS 1564.00. Saya tak nak cakap *convert* penukaran wang asing lah. Kita bandingkan satu persatu. Walaupun mempunyai nilai *tax* yang lebih tinggi tapi bantuannya kepada golongan tersebut adalah 5.7 kali ganda lebih tinggi daripada Malaysia. Jadi saya berharap wang bantuan kepada orang kebajikan, orang golongan yang susah ini boleh dipertingkatkan lah kerana memang mempunyai ruang untuk diperbaiki.

Akhirnya, berkaitan dengan Dato' Speaker berkenaan dengan GST, dalam Dewan ini saya rasa isu GST ini memang hebat diperdebatkan walaupun di sebelah sini ataupun di sebelah sana. Dengan sebelah sana banyak menyokong GST dan banyak alasan ataupun sebab-sebab yang kononnya kukuh untuk menyokong pelaksanaan GST tetapi ada satu isu pokok yang saya nak sentuh tentang GST adalah kita fikir asas pokok iaitu kerajaan telah mengatakan bahawa GST ini setelah tolak ini tolak itu daripada 23 bilion lebih akan menjadi 7 bilion. Maksudnya akhirnya akan kutip 7 bilion daripada rakyat. Kalau kita bahagikan penduduk Malaysia yang sekitar 30 juta, maksudnya seorang kena bayar RM230.00 setiap tahun seorang. Kalau satu rumah dengan laki bini dan anak 4, 6 orang maksudnya satu tahun seribu lebih kena bayar. Macam mana pun, maksudnya duit ini kepada kerajaan

adalah berasal daripada rakyat ke kerajaan dengan RM230.00 lebih kurang, lebih kurang RM230.00 seorang. Jadi macam mana kita cakap dia baik pun akhirnya rakyat kena bayar. Itu saja, kerana RM230.00 dari setiap orang.

Justeru itu, saya menyeru kepada kerajaan supaya mempertimbangkan kesesuaian melaksanakan dasar ini dalam masa sekarang kerana saya biasa suka mengambil contoh kerana dalam kekecohan dan kegawatan sekarang. Kocek negara kita telah pun bocor. Kalau kita tidak jahit balik kocek kita, macam-macam duit kalau kita masuk balik kocek kita, akhirnya akan tercicir juga. Kalau macam ini baik biar rakyat simpan duit untuk guna sendiri. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Jementah

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat sejahtera, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan penjawat-penjawat awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jementah ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan di atas peluang yang diberikan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Yang Ke 13 oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor pada 7 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita mengamalkan sistem pendidikan yang pelbagai jenis aliran telah lama sejak kemerdekaan negara kita. Hak asasi rakyat kita yang berbilang kaum untuk belajar bahasa ibunda adalah terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan negara kita. Jementah berpendapat sistem pendidikan yang pelbagai jenis aliran ini sebenarnya bukan faktor-faktor penghutang, penghalang utama kepada penyatu paduan masyarakat kita yang berbilang kaum dan bangsa. Sebaliknya, sistem pendidikan yang pelbagai jenis aliran ini, dia adalah satu kekuatan dan boleh memberi manfaat kepada negara kita sekiranya kita dapat menghayati kebaikannya dan menggunakan kekuatan dan kebaikan ini dengan sebaik-baiknya. Khususnya dalam zaman era globalisasi yang kita sedang hadapi sekarang ini. Di mana negara kita sedang menghadapi gelombang perubahan yang lebih drastik lagi dan bersaing dengan negara-negara lain yang sedang membangun di zon Asia. Sebenarnya kepelbagaian dalam polisi atau sistem pendidikan akan memperkuatkan lagi negara kita dalam usaha mempertingkatkan daya persaingan rakyat supaya negara kita tidak tercicir dalam arus perubahan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jementah berpendapat punca-punca kepada masalah penyatu paduan masyarakat kita yang berbilang kaum di negara kita ini adalah sebab pelaksanaan polisi-polisi yang sempit atau *due standard* dan isu-isu perkauman dan agama yang sering dibawa oleh golongan-golongan yang tertentu yang membawa ancaman kepada keharmonian antara kaum di negara kita. Jementah masih boleh berasa di peringkat akar umbi, sebenarnya jaringan di antara kaum amat erat. Keharmonian dan saling hormat menghormati antara satu sama lain masih kukuh di peringkat akar umbi. Justeru itu, Jementah berpendapat rakyat negara kita harus mengurangkan pembangkitan isu-isu keagamaan sebab hak-hak untuk beragama telah ada termaktub dalam perlembagaan kita. Semua rakyat berbilang kaum ada hak-hak tertentu, ada hak asasi mereka telah terjamin tidak perlu diperbangkitkan lagi. Dan kalau rakyat sentiasa bersikap berkesederhanaan dan perlaksanaan polisi kerajaan yang lebih telus dan hadir khususnya di negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar,

saya percayai keharmonian antara kaum negeri Johor akan dapat dipereratkan lagi.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya menyentuh isu GST.

YB Timbalan Speaker: Dah banyak sangat sentuh. Sama aje.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tak apa saya akan, sebab ini suara rakyat ini Dato Speaker. Pelaksanaan GST memang saya nampak dia amat membebankan rakyat negara kita, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan miskin tegar. Menurut data-data daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) jumlah pencarum KWSP adalah sebanyak 14 juta dan daripada jumlah tersebut ada 75% daripada mereka adalah berpendapatan di bawah RM2,000.00 sebulan. Ini bermaksud lebih kurang 10.5 juta rakyat negara kita pendapatan mereka di bawah RM2,000.00 sebulan. Kalau kita tengok statistik yang diberikan oleh Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Dato Seri Abdul Wahab Omar di Parlimen.

YB Timbalan Speaker : Wahid Omar. Tak payah *mention* dia punya nama.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Wahab Omar.

YB Timbalan Speaker : Tak payah *mention* dia punya nama.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Mohon maaf. Di Parlimen dan jawapan yang diberikan di Parlimen. Kira-kira 28.7% atau lebih kurang 2 juta isi rumah, lebih kurang 1/3 lah daripada jumlah isi rumah di negara kita yang pendapatan mereka kurang daripada RM3,000.00 sebulan dan saya percaya mereka ini juga adalah penerima BRIM dan pelaksanaan GST ini memangnya membebankan mereka, sebab walaupun kita nampak barang-barang keperluan seharian ada dikecualikan GST tetapi pelaksanaan GST sistem kita ini dia secara berperingkat. Apa maksudnya secara berperingkat? Dalam *supply chain* sesuatu barang dia ada katakan 4 peringkat, setiap peringkat dikenakan GST. Ini yang membebankan, sebenarnya kalau kita membuat sedikit, apa ni analisis atau kajian di pasaran, kita boleh dapati bahawa banyak barang telah naik bukan sahaja 6% tetapi sekurang-kurangnya 10% dan saya percayai, Jementah percaya, ini akan menghakiskan *purchasing power* golongan yang berpendapatan rendah. Apatah lagi, nilai ringgit kita yang turun dengan drastik baru-baru ini. *Currency Exchange* dengan Negara Singapura dengan US Dollar, nilai wang kita turun dan *purchasing power* memang tergugatlah. Wang rakyat, wang kita semakin kecil ni, ini yang mengakibatkan kita nampak golongan berpendapatan rendah ini mereka sengsara.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau kita nak belajar, kita belajar daripada negara-negara yang lebih maju lagi seperti yang, seperti dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor beliau berkata kalau kita belajar, kita belajar lah daripada Singapura, negara yang lebih maju atau negara Eropah yang lebih maju lagi. Saya ada sedikit maklumat ingin berkongsi dengan dewan yang mulia ini, daripada bank dunia. Negara kita melaksanakan GST, GNI per kapita bermaksud *Gross National Income* dengan izin bermaksud purata lah, purata pendapatan rakyat kita setahun, ini mengikut data daripada bank dunia. Pada 2004, negara kita GNI per kapita USD10,800.00 lebih kurang lah. Sekarang kita melaksanakan GST pun tak naik banyak juga itu GNI. Kita tengok negara Singapura mereka melaksanakan GST pada tahun 1994, GNI mereka per kapita purata pendapatan rakyat mereka USD20,780.00. Kita tengok lagi negara yang lebih maju lagi, Australia

semasa mereka melaksanakan GST pada tahun 2000, GNI per kapita mereka ialah USD21,000.00. Kanada pada tahun 1991 GNI USD20,730.00. Ini bermaksud negara-negara yang melaksanakan GST ini, semasa pelaksanaan GNI rakyat mereka adalah lebih tinggi lagi. Satu kali ganda daripada negara kita. Kita hanya USD10,000.00 sahaja dan mereka adalah lebih kurang USD20,000.00 dan saya berpendapat sebenarnya situasi negara kita ini belum sampai satu tahap yang boleh kita melaksanakan GST sebab GNI masih agak kekurangan, yang sengsara ialah pendapatan golongan pendapatan rendah.

Saya yakin BR1M akan naik lagi tetapi ini bukan satu cara yang boleh menyelesaikan masalah kita. Saya bersetuju dengan pandangan Dato' bukan Tun Dr. Mahathir, BR1M bukan satu cara yang baik untuk menyelesaikan masalah kita. Kita harus mengkaji dari segi polisi kita macam mana kita nak menaikkan gaji pekerja kita. Macam mana kita nak memberikan lebih banyak peluang pekerjaan yang lebih, yang lebih *high standard* kepada rakyat negara kita supaya pendapatan mereka boleh naik ke satu takat untuk kita melaksanakan GST. Memang saya tak nafikan GST dia adalah satu sistem percukaian yang lebih *transparency*. Memang hasil pendapatan negara kita akan melebih, tetapi kita jangan lupa, kita juga perlu menjalankan tanggungjawab kita khususnya di pihak sebelah sana, pihak pemerintah.

Kita harus mengurangkan ketirisan seperti yang di laporkan tiap-tiap tahun dalam Laporan Ketua Audit Negara kita. Setiap tahun kita boleh nampak banyak ketirisan yang berlaku. Apa yang berlaku? Apa yang tindakan-tindakan drastik yang diambil oleh pihak kerajaan? Saya nampak tak banyak dan menurut satu bekas menteri KPKT ya, ketirisan negara kita satu tahun lebih kurang 26 bilion. 26 bilion begitu banyak wangnya, ketirisan. Ini bukan yang saya kata. Ini ialah bekas satu menteri KPKT yang katakan ketirisan negara kita dan pungutan hasil GST hanya lebih kurang 22 bilion setahun. Ini bermaksud kalau kita boleh mengurangkan ketirisan sebenarnya negara kita tak perlu melaksanakan GST, pada masa sekarang ini, sebab ketirisan boleh kurangkan GNI belum banyak naik lagi. Tak sampai satu tahap kita melaksanakan GST. Oleh itu, saya memohon pihak kerajaan supaya mengkaji semula pelaksanaan GST ini. Ini amat penting, kita harus memandangkan perkara ini daripada secara keseluruhan lebih luas lagi, bukan sempit sahaja, memang hasil kita banyak, kita melebihi hasil banyak tapi adakah kita boleh mengurangkan ketirisan negara kita? Ini yang penting pokoknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekarang menyentuh isu OKU, golongan Orang Kurang Upaya. Saya diminta untuk membawa isu ini ke dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, walau apa pun kemajuan pembangunan atau pencapaian yang dinikmati oleh negara kita ini, kita perlu berusaha untuk memupuk satu masyarakat penyayang, di mana golongan-golongan yang kurang bernasib baik mesti mendapat perhatian dan bantuan supaya meringankan beban dan kesulitan yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nampak memang ada usaha daripada pihak PBT mengambil inisiatif menyediakan kemudahan asas untuk golongan OKU jenis fizikal, yang itu apa ni dari segi fizikal mereka seperti menyediakan ruang petak kereta OKU di lokasi-lokasi, di tempat-tempat awam, di bank-bank, di tempat-tempat makan, tetapi apa yang Jementah perhatikan adalah ruang petak letak kereta itu yang disediakan di sesetengah kawasan ia tidak cukup ruangnya. Ruangnya sempit sikit.

YB Timbalan Speaker : Ruangnya OKU juga.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : OKU itu Dato' Speaker, OKU saya dimaklumkan, OKU ruang petak letak kereta untuk OKU sebenarnya ialah 16 kaki panjang, lebar 8 kaki. Tetapi apa yang kita nampak di sesetengah kawasan ruang petak letak kereta itu lebarnya 6 kaki sahaja.

YB Timbalan Speaker : YB ukur eh?

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Bukan, saya dimaklumkan.

YB Timbalan Dato' Speaker : Oh.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Memang ada berlaku lah, saya perhatikan di sesetengah tempat seperti di hadapan Telekom Segamat dan KFC Segamat, petaknya, lebarnya kurang dan semasa itu, apa ni, golongan OKU yang memakai kerusi roda, mereka dah keluarkan daripada kereta mereka susah. Ruang tak cukup. Itu masalah.

YB Timbalan Speaker : OKU naik kancil ajala ya.

Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Naik kancil ke naik apa jenis kenderaan itu bukan pokok dia. Pokok dia ialah ruang yang disediakan tidak cukup. Tidak cukup besar untuk golongan OKU. Dan juga Jementah ada perhatikan di sesetengah kawasan khususnya di Segamat lah sebab saya berkhidmat dekat sana, selalu ada kereta-kereta bukan OKU yang meletakkan kereta mereka di *parking* OKU.

YB Timbalan Speaker : Tak apa, suatu hari nanti dia OKU.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Kita harus prihatin.

YB Timbalan Speaker : Ye la pasal dia tak menghormati kemudahan yang diberikan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini yang saya maksudkan. Kalau bukan, kamu bukan golongan OKU, jangan letak kereta kamu di ruang OKU.

YB Timbalan Speaker : Ye lah patutnya sikap.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini yang saya ingin bawa dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak PBT boleh mengambil tindakan kalau nampak ada golongan yang bukan OKU meletak kereta di parking OKU. Menyusahkan mereka. Kehidupan mereka sudah susah, nak pergi buat sedikit hal-hal mungkin di bank, nak pergi makan, kalau itu ruang petak kereta yang disediakan untuk mereka diambil, diletak oleh kereta yang lain. Ini yang saya maksudkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya ingin membawa beberapa isu berkenaan dengan isu-isu tempatan. Yang pertama ialah berkenaan isu simpang empat di Jalan Batu 6, antara Jalan Batu 6 ke Gemas, dan Taman KSM dan Taman Sejati di Batu 6, di simpang empat ini selalu berlaku kemalangan jalan raya. Pada 19 Mei yang lalu, berlaku kemalangan jalan raya lagi. Saya ada membawa isu ini lebih kurang dua kali dalam Dewan yang mulia ini, hasrat rakyat jelata Batu 6 ialah memohon jasa baik lah, pihak yang berkenaan, kalau boleh mendirikan lampu isyarat di simpang empat tersebut.

YB Timbalan Speaker : Di kawasan YB eh?

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Untuk mengurangkan...

YB Timbalan Speaker : Ni bukan Jementah kan ni.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ia di kawasan Jementah ni. Dato' Speaker, untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang sering berlaku di simpang empat tersebut sebab di sebelah jalan besar ini, kedua-dua belah ini adalah taman dan jalan itu ialah jalan utama, keluar masuk penduduk-penduduk daripada taman.

YB Timbalan Speaker : Banyak kereta di situ.

Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ha?

YB Timbalan Speaker : Banyak kenderaan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Banyak kenderaan tak banyak kenderaan tapi memang ada berlaku kemalangan jalan raya. Ini hakikatnya. Hakikatnya ialah sering berlaku kemalangan jalan raya. Kenderaan banyak ke tak banyak, mungkin pihak berkenaan boleh mengkaji lah. Tetapi pokoknya ialah selalu berlaku kemalangan jalan raya. Ini yang pertama. Yang kedua ialah saya menerima maklum balas daripada ahli keluarga satu pengundi di kawasan saya lah, yang ibunya yang bernama Puan Siti Hasmah binti Mad Junaid.

YB Timbalan Speaker : Tak payah *mention* nama dia YB eh.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ok tak apa. Dia pengundi ni dia dimasukkan ke Hospital Segamat pada 1 hari bulan Mei yang lalu kerana berada dalam keadaan yang agak kritikal dan saya dimaklumkan bahawa pesakit itu tidak dimasukkan ke ICU pada hari tersebut kerana dimaklumkan bahawa ICU telah penuh. Tetapi saya dimaklumkan oleh ahli keluarga pesakit itu dikatakan dia mengadu kepada saya sebenarnya ICU Hospital Segamat hanya penuh pada 2 Mei 2015. 1 Mei masih ada ruang lagi lah dekat ICU dan dia dalam keadaan kritikal kenapa tidak dimasukkan ke dalam ICU untuk diberi rawatan yang lebih lagi dan amat malangnya dan sedihnya bahawa pesakit ini telah meninggal dunia pada 2 Mei yang lalu dan ahli-ahli keluarga meminta satu penjelasan lah daripada pihak Hospital Segamat berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah-masalah tempatan yang ketiga yang saya ingin bawa ialah berkenaan dengan sebuah kilang getah, memproses getah di Buloh Kasap. Saya menerima banyak aduan lah daripada penduduk sana bahawa itu bau yang kuat dikeluarkan daripada kilang tersebut. Walaupun keseriusan bau kilang yang dikeluarkan itu ada berkurangan, tetapi masih boleh diperbaiki lagi atau apakah tindakan daripada pihak yang berkuasa untuk mengambil tindakan mengurangkan bau tersebut. Sebab sudah berlarutan lebih berpuluh-puluh tahun lah dan seharusnya diberikan perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Saya pohon Yang Berhormat Dato' Speaker, Jementah juga ingin mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana saya apa ni, rizab negeri kita telah bertambah daripada RM1.7 bilion 2013 kepada RM2.3 bilion pada 2014. Ini satu pencapaian yang agak baik lah. Bertambah rizab kita bermaksud kerajaan negeri Johor mempunyai hasil yang lebih banyak lagi untuk berusaha memberi manfaat, memberi pembangunan di negeri Johor dan setakat ini saya, ucapan saya dan saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat eh. Kalau macam ini saya rasa bagus lah Dewan kita. Kita teruskan Senai, jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Senai ingin mengucapkan terima kasih kerana berpeluang mengambil bahagian dalam perbahasan usul junjung kasih titah Duli Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor ke-13 pada Khamis yang lalu. Pada hari ini, kita sebagai anak Johor, bersama dengan rakyat seluruh Malaysia sedang menghadapi cabaran yang amat besar. Malah ada beberapa bom waktu ataupun t*ime bomb*, dengan izin sedang tunggu untuk meletup kalau kita tidak mengenepikan perbezaan politik kita untuk menyelesaikan masalah yang menimpa negara. Isu ekonomi adalah isu yang dihadapi oleh semua orang tidak kira kaum atau agama. Terbaru ialah tentang cukai barangan dan perkhidmatan GST yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan baru-baru ini walaupun dibantah kuat oleh rakyat Malaysia.

GST ialah cukai regresif, cukai yang dikenakan kepada semua lapisan, tetapi bebannya lebih teruk kepada golongan yang berpendapatan rendah. Kini siapa saya yang membeli barang ataupun perkhidmatan, maka dia kena bayar cukai, tak kira lah orang itu kaya atau miskin, tua atau muda, lelaki atau perempuan, kerja atau tak kerja, Melayu, Cina atau India, Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat, semuanya kena bayar GST. Bukan sahaja orang Barisan Nasional, bukan sahaja orang Pakatan Rakyat yang membantah, malah orang Barisan Nasional juga mengeluh GST ini membebankan rakyat. Ini bukan sebaran ahli BN, bukan sebarang Pengerusi JKKK, tapi Ahli Parlimen UMNO Semanggar dari Sabah, pada 18 April di laman *Facebook*, beliau telah mengadu bahawa GST ini membebankan rakyat. Jika sampai Ahli Parlimen pun sudah mengadu susah, janganlah kira Pengerusi JKKK dan orang kampung, dan bila pengguna kurang belanja kerana GST, maka pasaran pula akan terjejas, perniagaan akan terjejas, ekonomi pula terbantut. Ini adalah kitar yang tidak sihat kepada ekonomi negeri dan negara kita. Kawan-kawan di sana mempertahankan sistem GST dengan retorik yang cukup menarik seperti menghapuskan pasaran hitam, menghalang pengelakan cukai dan sebagainya. Tetapi adakah benar GST ini mampu menghapuskan pasaran hitam atau menghalang pengelakan cukai. Salah seorang menteri kerajaan pusat berkata bahawa GST akan membantu mengurangkan aktiviti ekonomi kelak. Yang sebenar yang sebesar 30% masa kini hanya 10% sehingga 15%. Apa justifikasi statistik yang dipetik ,entri tersebut? la sebenarnya tidak faham tentang ekonomi.

Saya percaya statistik yang dipetik oleh Menteri ini adalah daripada laporan Bank Dunia tahun 2009. Namun mungkin menteri kurang fasih membaca laporan ekonomi. Yang dikatakan ekonomi hitam sebenarnya ialah sektor *informal.* Sesiapa yang pernah belajar tentang ekonomi sudah tentu faham bahawa sektor *informal* bukan ekonomi gelap. Malangnya kekeliruan Menteri yang kurang cerdik ini bukan sahaja mengelirukan rakyat malah kawan-kawan yang bijaksana di sebelah sana turut terkeliru bersama.

Kalau kerajaan pusat benar-benar berhasrat untuk mengurangkan aktiviti pengelakan cukai, tindakan yang lebih sesuai sebenarnya adalah penguatkuasaan undang-undang terhadap pengelak cukai. Bukan mengutip cukai daripada semua orang, biar yang bersalah tanggung. Apa logiknya semua rakyat Malaysia ini terpaksa menanggung dosa segelintir yang mengelak cukai. Justeru, Senai menyokong sepenuhnya titah Tuanku Sultan bahawa GST yang dikenakan ke atas perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak masuk akal. Namun jalan

penyelesaian yang diambil oleh kerajaan negeri Johor bukan satu penyelesaian yang paling baik.

Unjuran pendapatan kerajaan persekutuan untuk tahun 2015 sebanyak RM235 bilion. Manakala unjuran pendapatan kerajaan negeri Johor untuk tahun 2015 cuma RM1 bilion. Mana munasabahnya kerajaan negeri yang pendapatannya hanya 0.4% pendapatan kerajaan pusat terpaksa pula membayar GST kepada kerajaan pusat yang jauh lebih kaya. Pandangan Senai adalah peruntukan untuk semua kerajaan negeri daripada pusat perlu ditingkatkan. Dalam aspek ini Senai menyeru kerajaan negeri Johor bekerjasama dengan kerajaan negeri lain untuk menuntut peruntukan yang lebih tinggi kepada negeri kita. Buat masa ini kerajaan negeri Pulau Pinang dan Terengganu telah mengambil keputusan menanggung bayaran GST untuk rakyat juga. Malah kerajaan negeri Pulau Pinang menyeru kerajaan negeri lain agar berunding dengan kerajaan pusat untuk menuntut pengecualian GST atas perkhidmatan kerajaan.

Senai berharap demi kepentingan anak negeri Johor, kerajaan negeri Johor boleh mengetepikan perbezaan politik dan bekerjasama dengan kerajaan negeri lain terutamanya Pulau Pinang untuk menghapuskan GST yang tidak masuk akal ini.

YB Timbalan Speaker : Ok, sebelum masuk akal sila duduk. Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan hingga 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Senai untuk menyambung sikit ucapannya, jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih. Isu seterusnya yang Senai ingin bangkitkan ialah tentang dasar pengangkutan di negeri Johor yang saya percaya amat penting bagi menjamin pembangunan lestari di negeri kita.

1. Kerajaan pusat akan melaksanakan sistem permit masuk kenderaan iaitu VEP *vehicle permit* dengan izin, bermula 1 Ogos tahun ini, di sempadan Johor – Singapura. Senai bersetuju dengan sistem tersebut, di mana kenderaan asing yang memasuki Johor dari Singapura akan dikenakan caj sebanyak RM20.00. Walau bagaimanapun Senai mencadangkan agar 50% daripada pendapatan hasil kutipan caj VEP tersebut disalurkan kepada kerajaan negeri Johor melalui sebuah dana pengangkutan negeri Johor yang diletakkan di bawah seliaan Dewan Undangan Negeri.

   Dana tersebut harus digunakan untuk membangunkan infrastruktur pengangkutan termasuk pengangkutan awam merangkumi keseluruhan negeri Johor. Berdasarkan anggaran 25,000 kenderaan Singapura melintasi Selat Tebrau setiap hari, maka VEP dijangka akan mengutip sebanyak RM500,000.00 sehari dan RM182.5 juta setahun. Ini bermakna dalam tempoh setahun dana pengangkutan negeri Johor akan berjumlah RM91.25 juta.

   Bayangkan manfaat daripada dana ini kepada perancangan pengangkutan negeri Johor. Jika dibandingkan dengan keadaan masa kini di mana hanya

RM1 juta diperuntukkan oleh kerajaan negeri Johor untuk menyediakan pelan induk pengangkutan awam Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, anggaran 25,000 adalah unjuran saya menurut jawapan Dewan yang lalu. Kalau kita kira mengikut unjuran Semarang, beliau pernah cadangkan dalam sidang Ogos 2013. Sebanyak 200,000 buah kenderaan yang keluar masuk daripada negara jiran ke negeri Johor, bayangkan berapa banyak pendapatan hasil kutipan caj VEP yang boleh kita membelanja untuk meningkat infrastruktur negeri kita.

2. Dengan pengenalan satu lagi caj kemasukan melalui VEP, kerajaan negeri Johor juga perlu serius dalam memastikan aktiviti sosioekonomi negeri Johor tidak terjejas dengan penambahan rintangan perhubungan fizikal tersebut. Laluan bertol di Tambak Johor, Link Kedua, Lebuh raya Penyuraian Timur di Johor Bahru, iaitu EDL dengan pengenalan VEP pada bulan Ogos nanti seakan-akan ada tembok tol dengan izin *wall of tols* yang semakin menebal di Selat Tebrau.

   Justeru, kerajaan negeri seharusnya mendesak kerajaan pusat menurunkan kadar tol di kesemua laluan penghubung Johor – Singapura. Ini adalah untuk memastikan kelangsungan perhubungan antara kedua-dua ekonomi berjiran tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

3. Ialah tentang kesesakan lalu lintas di Tambak Johor. Tambak Johor merupakan laluan darat yang paling sibuk di seluruh dunia. Setiap hari kira-kira 130,000 buah kenderaan dan lebih kurang 300,000 orang melintasi laluan tersebut. Kesibukan di Tambak Johor menjadikan kesesakan lalu lintas semakin serius dan ini seterusnya menjejaskan aktiviti sosio-ekonomi terutamanya sektor perniagaan tempatan. Kenderaan berat lebih cenderung menggunakan Tambak Johor berbanding Link Kedua, kerana kadar tol terlalu tinggi di pintu masuk kedua setahun selepas Link Kedua dibuka pada tahun 1998. Jumlah kenderaan hanya 1/3 daripada jumlah yang dijangka.

   Untuk menangani masalah ini, Senai mencadangkan agar kadar tol kenderaan untuk kelas 2 dan 3 di Link Kedua dikurangkan sebagai memberi insentif kenderaan dalam kategori tersebut untuk menggunakan Link Kedua. Kadar tol Link Kedua adalah 124% lebih tinggi daripada tol Tambak Johor. Justeru tidak hairanlah lebih ramai pengusaha logistik mengguna Tambak Johor untuk menjimatkan kos. Kadar tol yang tingga cuma memberi manfaat kepada konsesi lebuh raya. Manakala kepentingan sektor perniagaan tempatan terabai.

4. Di samping dasar pengangkutan dalam negeri, penyelesaian masalah di jalan perhubungan Johor – Singapura memerlukan kerjasama berbagai pihak termasuklah kerajaan Singapura. Namun ini hanya akan berlaku jika wujud hubungan dua hala yang baik antara kedua-dua negara jiran. Ini adalah penting bagi menjamin simbiosis ekonomi terutamanya untuk negeri Johor. Dalam aspek ini, bagi menyelaraskan kelancaran perhubungan di semua laluan Johor – Singapura, Senai menyaran agar kerajaan berunding dengan pihak Singapura supaya kadar tol juga diturunkan di pusat pemeriksaan Woodlands dan Tuas, setimpal dengan penurunan kadar tol oleh pihak Malaysia.

Ini juga sebagai langkah untuk mengurangkan tembok tol di Selat Tebrau bagi melancarkan perhubungan fizikal dua hala rakyat kedua-dua negara. Selain itu kerajaan pusat juga perlu berunding dengan pihak Singapura agar menambah kaunter Imigresen untuk kenderaan berat di Pusat Kastam Tuas. Setakat ini pihak Singapura hanya menyediakan 2 kaunter Imigresen untuk kenderaan berat. Ini adalah perkara serius dan perlu dilaksanakan dengan kadar segera. Jika pengusaha logistik terpaksa beralih ke Link Kedua lalu mengalami kesesakan di Pusat Pemeriksaan Tuas maka masalah kesesakan lalu lintas tidak selesai, sekadar beralih dari Tambak Johor ke Link Kedua sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keadaan dalam alam sekitar negeri Johor kini berhadapan dengan berbagai cabaran dan perubahan disebabkan perkembangan yang pesat. Pada bulan lepas penduduk-penduduk Selatan Johor mengalami gangguan bekalan air sehari suntuk akibat pencemaran minyak diesel di Sungai Johor. Punca pencemaran adalah kebocoran minyak yang terhasil dari proses pirolisis tayar terpakai. Saya telah mengunjungi kilang tersebut bersama Ahli Parlimen Kulai selepas kejadian itu.

Sebagai seorang Wakil Rakyat saya tidak dapat menafikan bahawa situasi tapak tersebut memang teruk. Namun begitu apa pilihan yang ada untuk pengusaha kilang? Apa pilihan untuk industri ini? Dan apa pula pilihan untuk kerajaan negeri bagi menangani masalah ini? Bagi peranan Dewan yang mulia ini pula, persoalannya jelas, bolehkah kita menggubal suatu undang-undang yang lebih jitu untuk mengawal selia sektor ini.

Negeri Perak menghasilkan lebih kurang 8,000 biji tayar terpakai setiap hari. Walaupun tiada statistik rasmi, Senai percaya negeri Johor menghasilkan jumlah tayar terpakai yang lebih banyak daripada Perak, memandangkan pembangunan pesat di negeri kita. Menurut statistik tidak rasmi yang diberi oleh pengusaha-pengusaha tempatan Malaysia menghasilkan sebanyak 1,200 tan tayar terpakai satu hari, iaitu bersamaan dengan berat 180,000 biji tayar. Untuk satu daerah Kulaijaya sahaja kita menghasil sebanyak 3,000 biji tayar ataupun 20 tan tayar terpakai satu hari.

Menurut jawapan yang Senai memperolehi 3 kilang pirolisis yang masih beroperasi di kawasan Majlis Perbandaran Kulai, memproseskan sebanyak 40 tan iaitu 6,000 biji tayar sehari. Dan keadaan ini, pelupusan tayar terpakai perlu dilaksanakan secara terancang agar tidak membawa kesan buruk kepada alam sekitar seperti pencemaran, tempat pembiakan aedes dan sebagainya. Industri pirolisis pula merupakan satu industri yang agak baru di negara kita.

Justeru teknik dan proses yang diguna pakai oleh pengusaha perlu dipantau atau dikawal selia agar tidak memudaratkan alam sekitar. Secara rasionalnya kita tidak dapat menghalang perkembangan industri pirolisis. Berpuluh-puluh ribu tayar terpakai yang terhasil di negeri Johor ini perlu ada penyelesaian. Buat masa ini industri pirolisis berperanan untuk menyerap sebahagian besar daripada tayar terpakai tersebut untuk diproses semula.

Jika kita mahu menyekat perkembangan industri pirolisis maka kerajaan perlu memberikan alternatif yang lebih baik untuk menguruskan puluhan ribu tayar terpakai tersebut. Pada hemat saya industri kitar semula tayar terpakai sepatutnya disokong oleh kerajaan. Ramai orang menganggap bahawa pemprosesan minyak diesel daripada tayar terpakai adalah perniagaan yang memberikan keuntungan yang tinggi. Jika benar sekalipun ini adalah kerana pengusaha menggunakan

teknologi yang mungkin tidak sesuai, tidak berkualiti dan tidak mengikut piawaian. Kalau pengusaha mengikut spesifikasi yang ditentukan mungkin sampai 10 tahun pun tidak dapat pulang modal.

Oleh demikian, kerajaan mestilah mengambil langkah proaktif terhadap industri ini demi mencari jalan penyelesaian jangka panjang bagi masalah tayar terpakai. Kerjasama antara kerajaan dan industri penting bagi memastikan kelestarian industri pirolisis ini. Izinkan saya cadang beberapa bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan.

1. Kerajaan yang mendirikan kilang pirolisis tenat dengan teknologi yang sesuai dan bersih. Aset dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan, manakala kontrak operasi dianugerahkan kepada pengusaha swasta yang terbaik melalui proses tender terbuka.

2. Kerajaan boleh memberi geran atau subsidi kepada pengusaha dalam industri ini yang menggunakan dengan teknik dan proses yang dilulus. Tanpa sumber kewangan yang kukuh, ramai pengusaha sedia ada akan terus beroperasi dengan kaedah yang tidak sesuai. Dan yang lebih teruk lagi, kaedah yang mencemar alam sekitar. Selain daripada memberi subsidi kepada pengusaha untuk memperoleh mesin-mesin yang lebih canggih, kerajaan juga boleh memberikan insentif cukai ataupun insentif kewangan dalam bentuk lain kepada pengusaha yang sudi memindahkan perniagaan mereka ke zon perindustrian. Pada masa sekarang, ramai pengusaha pirolisis beroperasi atas tanah pertanian ataupun tempat berhampiran zon perumahan kerana harga tanah zon perindustrian terlalu mahal.

3. Kerajaan boleh menggalakkan pengusaha kitar semula tayar terpakai untuk *diversified* ataupun mempelbagaikan pengeluaran mereka. Contohnya, mengusahakan sisa bahan lain seperti getah yang boleh diguna untuk menghasilkan batu-bata, tikar getah serta *asfard*, dengan izin.

Dalam pada itu, kerajaan mestilah memantau semua industri yang berkaitan kitar semula melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Negeri Johor telah mengguna pakai akta tersebut hampir serta-merta selepas ia dilulus dalam Parlimen. Namun begitu, undang-undang tersebut hanya pada nama sahaja. Setakat ini, kerajaan negeri masih belum lagi mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan akta tersebut. Pencemaran masih berlaku, udara kita tercemar, air kita tercemar. Senai berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk mereka daripada pihak kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan saya tadi. Kita kena cari penyelesaian menang-menang ataupun *win-win.*

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya, izinkan Senai membangkitkan beberapa isu kawasan DUN Senai dalam Dewan yang mulia ini. Dalam keadaan cuaca panas sekarang, sepatutnya masalah banjir tidak berlaku. Namun, penduduk-penduduk di DUN Senai terpaksa berhadapan dengan banjir kilat hampir setiap kali hujan lebat. Senai telah beberapa kali keluar meninjau kawasan banjir semasa hari hujan. Dan saya mendapati bahawa punca kejadian banjir ialah aliran air dari tapak projek pembinaan. Masalah sebegini tidak akan berlaku jika pihak pemaju mematuhi syarat-syarat kebenaran merancang dan undang-undang perancangan bandar. Banjir kilat seperti ini bukan bencana alam. Ia adalah berpunca daripada perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab. Pihak Berkuasa Tempatan sepatutnya memantau agar rangkaian perparitan, kolam seperti kolam takungan, *silt trap* dan lain-lain syarat kebenaran merancang dipatuhi oleh pemaju pada setiap masa.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan ialah memastikan projek pembinaan tidak membawa kesan buruk kepada kawasan sekeliling. Jika ada projek tersebut, tidak patut diberi kelulusan. Jika ada pemaju yang tidak mematuhi syarat selepas kelulusan diberikan, maka Pihak Berkuasa Tempatan perlu tegas mengeluarkan perintah berhenti kerja. Jika Pihak Berkuasa Tempatan gagal memainkan peranan ini, maka negeri Johor akan musnah akibat pembangunan yang tidak terkawal.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Senai, sila gulung Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Ok, ada dua isu yang penting lagi. Kawasan Senai adalah Zon E dalam Wilayah Iskandar Malaysia. Satu zon yang berkembang pesat dengan sektor pembuatan elektrik dan elektronik. Golongan pekerja tempatan pergi kerja setiap hari terpaksa memandu kenderaan sendiri kerana tidak boleh bergantung kepada perkhidmatan pengangkutan awam tempatan. Justeru, kesesakan lalu lintas berlaku setiap hari di Pekan Senai. Keadaan ini jadi lebih teruk apabila bas berhenti di depan Perhentian Bas Pekan Senai. Senai pernah memberi cadangan kepada Majlis Perbandaran Kulai bahawa perhentian bas tersebut diminta belakang sedikit. Maka bas dapat berhenti di depan perhentian bas tanpa menghalangkan lalu lintas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu terakhir, isu pertanian. Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi negeri Johor. Walau bagaimanapun, sektor pertanian kita tidak dapat berkembang pesat kerana para petani sendiri pun tidak berani melabur lebih banyak dana untuk meningkatkan produktiviti mereka. Kenapa ni berlaku? Jawapannya ialah kerana ramai daripada mereka bertani di atas tanah TOL. Justeru, mereka terpaksa memperbaharui lesen pendudukan mereka setiap tahun. Dalam keadaan tiada kepastian sama ada TOL akan disambung atau tidak. Setiap tahun mana ada orang yang berani membelanjakan lebih banyak wang mempertingkatkan industri tani masing-masing.

Walaupun kerajaan melancarkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), namun para petani yang benar-benar mengusahakan tanah pertanian tidak dapat memanfaatkan skim tersebut. Khususnya petani-petani di Kulai yang merupakan di antara pengeluar sayur-sayuran yang terpenting di seluruh negara. Tiada seorang ahli pun dari Persatuan Petani Sayur-Sayuran Daerah Kulai mendapat lot tanah dalam TKPM. Soalannya ialah, siapakah sebenarnya yang mendapat tanah daripada kerajaan negeri Johor? Golongan petani kita semuanya berhasrat untuk memajukan sektor pertanian negeri Johor dan seterusnya mengekalkan status negeri Johor sebagai negeri pengeluar makanan tani. Oleh demikian, Senai mencadangkan agar kerajaan negeri Johor meluluskan permohonan tanah pertanian atas syarat pegangan pajakan 10 tahun ke 30 tahun. Dengan pegangan 10 tahun ke 30 tahun ini, maka para petani boleh melabur untuk menaik taraf industri mereka bagi mempertingkatkan lagi produktiviti pertanian.

Sekian ucapan Senai. Senai berharap kerajaan negeri Johor akan memberi pertimbangan serius ke atas kesemua cadangan dan isu yang saya kedengarkan di atas. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Senai. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Salam sejahtera dan terima kasih ke atas, kepada Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada Mengkibol untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam titah ucapan baginda untuk merasmikan Persidangan kali ini. Setinggi-tinggi kasih Tuanku dijunjung.

Menurut sejarah dan tradisi sistem kerajaan Raja Berpelembagaan yang kita amalkan, iaitu Sistem Westminster seperti mana yang diamalkan di negara-negara Komanwel lain. Ucapan Titah DiRaja dalam Dewan sememangnya merupakan rumusan dasar ataupun visi dan misi kerajaan semasa. Ianya menggambarkan pemikiran dan hala tuju pentadbiran kerajaan yang memerintah pada masa berkenaan ataupun *Government of the Day,* dengan izin. Jadi, Mengkibol merasa musykil dan hairan tentang beberapa isu dalam Titah DiRaja. Kenapakah telah wujudnya keadaan seolah-olah kerajaan negeri juga tidak setuju dengan pelaksanaan cukai GST? Ataupun, wujudnya perbezaan yang begitu ketara antara hala tuju kerajaan dan Institusi DiRaja.

Dalam isu Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan dan Hartanah, bukankah Dewan yang mulia ini telah membahas dan meluluskan rang undang-undang tersebut? Yang Amat Berhormat Menteri Besar haruslah memaklumkan keseluruhan rakyat Johor mahupun rakyat seluruh Malaysia, adakah Institusi DiRaja telah diheret ke dalam pertaruhan dalaman parti? Walau apapun jawapan diberikan, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk bersama-sama mempertahankan dan mendaulatkan Institusi Raja Berperlembagaan. Semangat dan prinsip Institusi Raja Berperlembagaan haruslah sentiasa dijunjung.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semasa Tuanku Sultan bertitah di Dewan yang mulia ini, Baginda telah mencadangkan kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk tidak mengenakan cukai GST serta meminta untuk memberi pengecualian daripada kerajaan persekutuan. Kami dan rakyat tertanya-tanya tentang masalah GST ini. Walaupun kerajaan persekutuan telah kerap memberi jaminan bahawa cukai GST ini tidak akan membebankan rakyat, namun selepas dilaksanakan kita dapat lihat kesemua jaminan tersebut gagal ditunaikan. Hari ini kita dapat mendengar dan melihat sendiri keluhan rakyat akibat tekanan ekonomi daripada pelaksanaan GST.

Mengkibol sendiri pun merasai beban ekonomi yang semakin bertambah dalam tempoh ini. Seperti rakyat biasa, termasuk barang keperluan harian yang menjadi pilihan rakyat, bukanlah barangan mewah. Ia adalah barangan yang berjenama biasa seperti keperluan mandian, kebersihan, makanan yang telah diproses, keperluan dapur dan sebagainya. Semua ini merupakan perbelanjaan rutin atau berkala di mana kita terpaksa membelinya pada satu tempoh yang tertentu. Perbandingan jumlah yang dibayar sebelum dan selepas GST jelas menampakkan pertambahannya. Bukankah beban kita telah bertambah selepas dikenakan GST? Jika kita bagi satu andaian dalam sebulan RM50 dikenakan bagi membayar GST, dalam tempoh setahun dia sudah mencecah RM600.00. Itu tidak termasuk lagi perbelanjaan ketika musim perayaan, musim cuti sekolah, musim anak-anak masuk sekolah dan ketika waktu kecemasan.

Untuk keadaan-keadaan seperti ini, pasti kos perbelanjaan diri dan keluarga akan melambung tinggi. Jika BR1M diambil kira di mana sebagai satu bantuan oleh kerajaan kepada rakyat golongan bawahan, adakah angka RM600.00 ini, bukankah angka RM600.00 ini telah mengambil sebahagian besar daripada BR1M yang diterima daripada kerajaan. Kerajaan seolah-olah memberi BR1M dengan

tangan kanan, tetapi mengambil balik dengan tangan kiri melalui GST. Apakah makna keadaan ini? Jika kerana GST maka peruntukan BR1M akan dinaikkan atau ditambah lagi, di sini ada satu persoalan, adakah pertambahan ini diperolehi daripada kutipan GST? Jika itu berlaku, maka teori apa yang kerajaan amalkan? Jelaslah, ianya merupakan satu mekanisme ekonomi kitar semula yang tidak memberi apa-apa kesan yang baik.

Begitulah juga halnya dengan perbelanjaan kerajaan negeri. Belanjawan 2015 telah diluluskan Persidangan Dewan yang lalu. Adakah belanjawan kita telah mengambil kira kesan daripada sistem GST? Maka dengan itu, Mengkibol yakin, pasti GST ini mempunyai implikasi kewangan ke atas kerajaan negeri. Sekiranya kerajaan negeri Pulau Pinang terpaksa berbelanja lebihan sebanyak RM16 juta untuk membayar GST, sudah tentu GST juga memberi impak kepada kerajaan negeri Johor. Oleh itu, Mengkibol ingin memohon supaya kerajaan negeri dapat menyemak dan menyatakan jumlah dan impak daripada pelaksanaan GST terhadap kerajaan negeri.

Mengkibol amat mengalu-alukan keputusan pihak kerajaan negeri dan kesemua PBT di negeri Johor agar menyerap GST yang perlu dibayar oleh rakyat. Tindakan ini adalah baik dari segi rakyat. Ribuan terima kasih juga dirakamkan ke atas keputusan yang prihatin terhadap rakyat ini. Bagaimanapun, tindakan ini tidak dapat menyelesaikan masalah yang timbul ekoran pelaksanaan GST. Menurut laporan media, jumlah GST yang perlu dibayar oleh PBT negeri Johor kepada Kastam pada tahun ini melebihi RM3 juta. Dengan kata lain, PBT dalam negeri Johor juga telah berkurangan pendapatan atau peruntukan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pembangunan setempat. Justeru, Mengkibol ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri Johor bersama-sama dengan kerajaan-kerajaan negeri yang lain mendesak kerajaan persekutuan untuk membatalkan pelaksanaan cukai GST, demi kepentingan rakyat secara keseluruhannya kerana belum sampai masanya untuk pelaksanaan cukai GST.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, beban rakyat Johor pasti akan bertambah sekiranya tarif air di negeri Johor dibenarkan naik. Baru-baru ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mengumumkan bahawa pihak Kementerian akan mempertimbangkan permohonan syarikat-syarikat air untuk menaikkan tarif air di negeri-negeri, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Seharusnya isu permohonan kenaikan tarif air ini tidak timbul kerana masalah yang lebih kritikal adalah masalah air tidak berhasil, *non revenue water* atau NRW, dengan izin, atau kebocoran air serta masalah pencemaran air di empangan-empangan utama seperti Machap dan Sembrong. Jika kita lihat statistik dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, SPAN, kadar NRW di Johor masih belum mencapai tahap yang cemerlang iaitu pada 26.4%, walaupun ada pertambahan baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini masalah kritikal yang wajar diberi tumpuan bukan soal menaikkan tarif air. Apatah lagi SAJ memperolehi kadar keuntungan dan *profit margin* yang agak tinggi iaitu hampir 20% pada tahun 2012 dan 9% pada tahun 2013. Adalah dianggap tinggi dengan jumlah keuntungan lepas cukai untuk 2 tahun ini sejumlah RM225 juta.

Syarikat air sering mohon untuk menaikkan tarif air atas alasan peningkatan kos atau dan kerugian yang dialami. Rakyat berhak dan harus dimaklumkan tentang kedudukan kewangan syarikat-syarikat air ini. Ke manakah setiap sen yang kita bayar kepada syarikat air? Atas sebab apakah syarikat-syarikat air itu mengalami kerugian? Salah satu kayu uji untuk menilai prestasi sesebuah syarikat air adalah kadar NRW. Seperti yang disebut tadi, negeri Johor mencatatkan NRW sebanyak 26.4% ataupun sebanyak 417 juta liter air hilang begitu sahaja tanpa

mendatangkan sebarang hasil setiap hari. Setiap hari kita hilang 417 juta liter air. Kalau kita kira berdasarkan kadar tarif air domestik yang paling minimum iaitu RM0.60 per 1,000 liter, 1 meter kiub. Kehilangan tersebut mendatangkan kehilangan hasil sebanyak RM440,000.00 setiap hari ataupun RM91 juta setahun. Jumlah ini adalah sebenarnya lebih tinggi daripada keuntungan yang dicapai oleh SAJ pada tahun 2013 iaitu RM75,000.00 maka sekiranya SAJ dapat meningkatkan usaha dalam mengurangkan NRW dan jangan mengambil jalan mudah untuk meningkatkan keuntungan dengan cara menaikkan tarif air, SAJ akan dapat keuntungan lebihan juga.

Ambil tahun 2013 sebagai contoh, setiap peratus NRW yang dapat berjaya dapat dikurangkan oleh SAJ, ia membawa maksud bahawa SAJ akan bertambah hasil sebanyak RM3.5 juta setiap tahun. Yakni pertambahan RM3.5 juta ini adalah 5% daripada keuntungan yang dicapai oleh SAJ pada tahun 2013. Dalam isu mengurangkan NRW ini, Perbadanan Aset Air Berhad, PAAB, haruslah memainkan peranan yang lebih proaktif dan merangka strategi yang berkesan. Memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam meningkatkan dan membaik pulih infrastruktur air.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol ingin mengingatkan pihak kerajaan dan juga syarikat-syarikat air bahawa air bukanlah barang komoditi seperti emas atau timah. Air adalah keperluan asas rakyat. Kos perkhidmatan serta keuntungan daripada perkhidmatan yang dikenakan kepada rakyat haruslah pada nilai yang wajar dan berpatutan. Mengkibol mencadangkan supaya kadar keuntungan syarikat-syarikat air ini kita hadkan. Dihadkan pada batas 5% hingga 6%. Mengkibol juga mengalu-alukan keprihatian dan usaha pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS, dalam isu memelihara dan memulihara sumber air di negeri Johor, khasnya di Empangan Sembrong.

Ribuan terima kasih Mengkibol rakamkan bagi pihak seluruh warga Kluang. Pihak SAJ telah bercadang memagari keseluruhan kawasan tadahan air untuk Empangan Sembrong bagi menghalang penceroboh. Soalannya ialah adakah pagar yang dibina itu dapat menghalang penceroboh secara berkesan? Jika ya, tak perlulah penduduk-penduduk mengupah pengawal keselamatan untuk menjaga keselamatan jiran tetangga. Binalah pagar-pagar yang tinggi sudah dapat kita menghalang pencuri yang cuba masuk ke rumah kita. Sekiranya pihak JPS bercadang untuk membelanja wang berjuta ringgit menangani masalah pencerobohan kawasan tadahan air Empangan Sembrong, Mengkibol ingin mencadangkan supaya jumlah peruntukan ini digunakan untuk tujuan seperti yang berikut :

1. Kita boleh cuba mengupah pengawal ataupun dengan kerjasama pihak Polis atau tentera untuk mengawal keselamatan kawasan tadahan air. Andai kata kita membelanja RM2,500.00 kepada setiap seorang yang terlibat untuk tujuan ini, kita mengupah 20 pegawai, pengawal ataupun peronda maka jumlah yang diperlukan hanyalah RM600,000.00 setiap tahun.

2. Kita juga boleh memberikan khidmat nasihat kepada para pengusaha ladang yang terbabit supaya penggunaan baja ataupun racun kimia adalah pada kadar yang paling minima dan tidak mencemarkan sumber air. Pampasan yang munasabah..

YB Speaker : Mengkibol, sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Boleh juga dipertimbangkan untuk diberikan pengusaha-pengusaha ini sekiranya pengurangan penggunaan baja tersebut telah menjejas hasil pertanian mereka. Sejumlah wang juga boleh digunakan untuk mengambil balik tanah-tanah yang terlibat. Supaya kita dapat membebaskan kawasan tadahan air ini daripada aktiviti pertanian secara berperingkat-berperingkat. Pembinaan pagar dan penyelenggaraannya juga akan melibatkan wang yang besar yang lebih kurang sama dengan cadangan-cadangan di atas. Bukankah dengan langkah-langkah yang lebih proaktif akan lebih berkesan dalam usaha memelihara sumber air di negeri kita kalau berbanding dengan hanya bergantung kepada pagar yang berdiri diam di situ sahaja.

YB Speaker : Ok, Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada lagi 2 isu yang penting yang perlu saya sebut. Minta Tan Sri bagi masa lebih sedikit.

YB Speaker : Ringkas-ringkaslah. Dengan ringkas.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hampir setiap tahun, penduduk-penduduk di Kluang akan menghadapi masalah gangguan bekalan air sehingga catuan air berjadual dilaksanakan selama satu bulan pada bulan Mac yang lalu. Setiap kali apabila berlakunya masalah gangguan bekalan air, jawapan yang sama akan diberikan kepada penduduk di Kluang iaitu bersabar, biar tunggu sampai Empangan Kahang siap dibina, masalah ini akan selesai. Ataupun salah satu reaksi lagi ialah ini semua salah petani-petani haram di tepi sungai yang mencemarkan air. Sebenarnya penduduk-penduduk di Kluang telah jemu dengan jawapan-jawapan yang berulang setiap tahun, jawapan yang sama berulang setiap tahun. Menurut laporan *National Water Resource* tadi, 2010 hingga 2050 isu kesuntukan sumber air di daerah Kluang juga dititikberatkan. Di antaranya, pembinaan Empangan Kahang merupakan salah satu cadangan jangka panjang untuk menangani isu ini. Pada masa yang sama, laporan yang sama juga mencadangkan pembinaan sebuah *Inflatable Rubber Wheel* merentasi Sungai Sembrong bagi memastikan paras air Sungai Sembrong yang menjadi sumber pengambilan air bagi Loji Rawatan Air Sembrong Timur.

Yang Berhormat Tan Sri, tarikh siap Empangan Kahang asyik ditunda, ditangguh-tangguhkan. Sampai hari ini, kita juga belum pasti bila Empangan Kahang akan siap dibina.

YB Speaker : Ok, Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Itu pun Empangan Kahang perlu juga loji rawatan yang mungkin mengambil masa lebih 5 tahun untuk beroperasi. Maka Mengkibol mengesyorkan supaya kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk membina *Inflatable Rubber Wheel* di Sungai Sembrong.

Akhirnya, Mengkibol ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JPS Kluang atas kerjasama dan usaha gigih dalam menjalankan penaiktarafan Sungai Lambak di Kluang Baru, Kluang. Usaha JPS ini juga mendapat pujian daripada para penduduk yang berdekatan. Tahniah dan syabas juga diucapkan. Pada masa yang sama, Mengkibol juga berterima kasih kepada seluruh warga Majlis Perbandaran Kluang atas usaha mereka dalam menyelesaikan pelbagai masalah setempat, walaupun masih ada di kalangan penjawat awam ataupun rakan-rakan di sebelah sana yang mempunyai sangkaan buruk atau silap faham terhadap kami daripada DAP. Tapi, ingin Mengkibol

ingatkan seluruh Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini dan juga pegawai-pegawai awam baik yang berpangkat tinggi atau berpangkat rendah bahawa suatu hari nanti kita semua di sini akan menjadi DAP. Kita semua baik UMNO, PAS, PKR, suatu hari nanti kita akan jadi DAP juga. Apabila kita bersara nanti, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita akan jadi DAP, "Duduk Angkat Pencen". Janganlah kita membeza-bezakan antara kita dan bersama-sama kita berkhidmat dengan tulus ikhlas demi kepentingan rakyat semua. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sudi mencemar duli dalam perasmian pada 7 hari bulan yang lepas. Tuanku telah banyak menegur memberikan pandangan kepada kita semua kepada setinggi-tinggi masalah hingga sekecil-kecil masalah tentang negeri kita. Alhamdulillah syukur kita dapat seorang sultan yang prihatin dan peka terhadap masalah rakyat, negeri dan seluruhnya. Tahniah kepada kerajaan negeri yang mana pada kali ini merupakan satu lagi *world record* dengan RM2.3 bilion *surplus*, satu pencapaian yang luar biasa yang mengagumkan saya. Sekalung tahniah kepada semua barisan-barisan EXCO, pegawai kerajaan, pegawai sokongan yang mana telah merealisasikan pencapaian kita pada kali ini.

Tan Sri Speaker, rakyat bawah ni kalau dengan RM2.3 bilion, mereka ni ternganga. Banyak duit. Dan kepada ketua-ketua jabatan, ingat, seolah-olah macam bapa kita kocek dah penuh duit. Kita sebagai anak-anak selalunya bila kita merayu, kita buat permohonan, jawapan yang *standard* adalah semuanya dalam perancangan tetapi tunggunya bajet. Jadi sekarang bajet dah banyak, minta lah, tak dapat minta lagi, minta lagi.

Dan pada kerajaan negeri, tidak ada bermakna RM2.3 bilion ini kalau tidak kita salurkan ke tempat yang layak kita salurkan. Wajib kita berhemah. Ya, tapi dalam membantu orang susah, fakir miskin, rakyat jelata yang memerlukan, saya rasa kita tutup mata, tawakallallah, inilah masanya kita nak merealisasikan bahawa wawasan, cita rasa, niat-niat kerajaan bahawa kita nak mengurangkan jurang kekayaan atau kemiskinan rakyat negeri. Inilah masanya. Satu ujian Allah uji kita dengan duit banyak. Pejam mata, belanja untuk rakyat nak basmi kemiskinan, menolong orang susah, maka sekaranglah Allah uji kita dengan duit yang banyak dan kita takut tidak bermakna senang dengan duit banyak, Tan Sri Speaker.

Saya yakin kerana Allah telah berjanji kepada kita kalau kita nak kaya lagi, nak senang lagi, maka berbelanja, bukan kita menyimpan. Lagi banyak sedekah, lagi banyak bantu orang susah, Allah akan bagi tambah banyak-banyak lagi kepada kita, insya-Allah maka yakinlah buat barisan EXCO dan kepimpinan negeri, jangan takut untuk berbelanja kerana rakyat. Macam kahwin juga Tan Sri Speaker, ada orang kata nak tunggu duit banyak baru kahwin, dah ada duit baru kahwin, tapi Islam kata, kahwin dulu baru dapat duit, Allah bagi duit. Jangan takut nak kahwin lah kalau miskin, kahwin dulu, insya-Allah senang. Bagi orang nak kaya, belanja dulu, Allah janji akan bagi kaya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya sebenarnya tak nak cakap tentang GST, tetapi hari ini saya nak, macam nak menyokong juga lah GST ni. Jangan tepuk dulu. (Dewan ketawa). Semalam kita diberi seolah taklimat oleh Kukup, oleh Pasir Raja oleh semua ADUN sebelah sana, taklimat GST, tentang kebaikannya, Tentang

manfaatnya kepada kerajaan, kepada rakyat, kelebihan-kelebihan dan sebagainya. Hari ini saya nak tambah kelebihan-kelebihan GST. Pertama negeri kita dah terpaksa belanja lebih RM3 juta untuk GST, satu kelebihan juga, satu kebaikan. Baik-baik tak payah belanja kita kena tambah lagi RM3 juta. Bila Sultan pun terpaksa mencemar duli, beritahu kepada, bertitah kepada kerajaan, tolong lah, mesyuarat lah, berbincang dengan kerajaan pusat, tolong kecualikan, jalan pintas, kita serap RM3 juta. Ini jalan pintas. Tak apalah, kerajaan prihatin untuk rakyat. Tapi ada baiknya, saya cadangkan, bincang dengan kerajaan pusat, minta kecuali. Ini bukan pasal GST tentang perkhidmatan, saya yakin negeri akan bayar banyak lagi GST. Negeri akan berbelanja, membuat projek-projek pembangunan.

Saya rasa kali ini semuanya dikenakan GST. Saya rasa tak berapa juta. Agak menarik kalau boleh dibentangkan dalam penggulungan nanti apakah anggaran kerajaan negeri Johor terpaksa membayar GST kepada kerajaan pusat. Itu kelebihan GST, kebaikannya, dan juga kebaikan ini perlu Tan Sri Speaker, ubat-ubat ni *zero rated*. Tak kena cukai ubat-ubatan yang masuk dalam negara kita atau ia dikeluarkan dalam negara kita. Dengan adanya GST ni sesetengah ubat telah pun di cukai. Ubat di cukai. Peralatan-peralatan kesihatan pun di cukai, perkhidmatan kesihatan pun di cukai. Ini satu lagi kelebihan GST.

Ketiga Tan Sri Speaker, seperti sahabat-sahabat saya terangkan bahawa, penerima BRIM pun kena GST. Kalau dulunya RM600 dia dapat sebagai bantuan BRIM, tanpa GST RM600 lah mereka berbelanja. Tapi dengan adanya GST, RM600 dapat mungkin RM400-500 akan ditarik sebagai GST. Satu kelebihan lagi GST. Yang keempatnya, ini kelebihan yang terbesar daripada segala-segala kelebihan, rakyat kita jadi bengong. Ada yang tak faham. Ada sesetengah kata tanya kepada orang kampung yang tak faham langsung tentang GST ini, dia kata Alhamdulillah dulu dapat BRIM, tahun ni kita dapat GST. Ada, kerana apa, kerana kempen-kempen yang dibentang kepada rakyat, hari-hari seolah macam jual ubat beritahu rakyat inilah GST, kami jamin GST ini harga barang akan turun. Memang munasabah lah kita mendengarnya. Kalau dulu cukainya 10%, dengan adanya GST, 6%. Mana tak turunnya. Saya pun terpengaruh. Ini baik. Kalau saya terpengaruh, rakyat belah-belah bawah ini mesti terpengaruh punya. Kata rakyat sokong, sanggup pakai baju 'Kami Sokong GST', bawa pelekat 'Kami Sokong GST' kerana mereka ingat GST ini macam BRIM. Ada kempen-kempen saya kalau mati hidup balik pun saya akan sokong, inilah juru kempen ini, pihak kerajaan. Ini satu lagi kelebihan, rakyat jadi bengong. Jadi kelebihan ini ataupun kalau kita lihat, siapa nak bincang GST kalau dia duduk di sebelah pihak yang mengenakan GST, maka dia akan nampak untung, untung, untung. Tapi kalaulah kita duduk sebelah yang kena GST, pandangannya lain.

Jadi apa yang dibahaskan oleh sahabat-sahabat saya daripada ini merupakan pandangan daripada pihak yang mengenakan GST, memang betullah. Sehingga meletakkan, melabelkan GST ini sebagai perempuan cantik. (Dewan ketawa). Nak kahwin baru, mungkin ya lah, ingat perempuan. Bukan saya tuduh, bukan. Yang minatnya perempuan, mungkin dia bayangkan GST sebagai perempuan. Yang nak kahwin dia bayangkan GST sebagai kahwin baru atau kahwin dua. Yang tak ada anak kecil, GST ni macam bayi kecil. Mungkin, saya tak tuduh ya. Jadi itu lah dia Tan Sri Speaker. Jadi kesudahannya GST ini tidak indah apa yang dikhabarkan bagi rakyat bawahan. Bila saya tanya pegawai KDNKK, janji dulu harga barang tak naik, kenapa harga barang naik? Separuh harga barang naik? Kalau betullah 10% dulunya, sekarang 6%, secara logiknya semua barang akan turun harga, ataupun memang turun harga lah. Mereka kata kami pun tak tahu macam mana. Kami tak reti nak terangkan kenapa berlaku macam ni. Lepas ni kalau boleh *Back Benchers*

akan berucap, tolong terangkan kenapa harga barang boleh naik daripadanya cukai 10% bila dikurangkan kepada 6% maka mungkin lega sikit.

Ada satu lagi kelebihan, kebaikan GST ni kita dapat resit-resit ini satu kebaikan. Wallahualam. Saya pun. Mungkin bagi pihak yang mengenakan GST, dia dapat GST, Alhamdulillah dia kata, tengok resitnya tu. Bagi kita yang dapat resit yang kena GST, kita urut dada, Astaghfirullah'alazim. Mungkin itulah kelebihannya. Berzikir kepada Allah.

Tan Sri Speaker, nak bawa sikit tentang isu perumahan dalam negeri ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam sidang pagi tadi ada membentangkan satu angka tentang pemindahan milik harta di negeri Johor ini, warga asing pada tahun 2014. Satu angka yang pada pandangan kerajaan tidak membimbangkan, kecil. Pada tahun 2014 sebanyak 58,547 permohonan transaksi pindah milik harta oleh warga asing dalam negeri Johor. 58,547. 7,830 telah diluluskan, 6,315 adalah daripada pindah milik bangunan dan kediaman. Tahun 2014, tahun 2015 kita belum tahu lagi angkanya. Itu dalam masa ekonomi pasaran hartanah lembap. Lembap tu. Tapi sekitar 50,000 lebih transaksi. Kalau diluluskan bermakna pada tahun itu sahaja pindah milik kepada warga asing 58,000, yang 80% ini adalah rumah-rumah kediaman dan bangunan.

Yang jadi pelik lagi, dalam keadaan ekonomi yang lembap ini, permintaan yang lembap kepada perumahan mewah dan sebagainya, masih pemaju ini seolah-olah berlumba-lumba lagi nak membangunkan projek-projek perumahan mewah ini. Satu perkara yang saya rasakan pelik, luar biasa nak memikirkan. Sepatutnya dari segi ilmu ekonomi, kurang pasaran, kuranglah kita punya pengeluaran. Dalam keadaan ini, masih ada lagi, lumba lagi nak buat apartmen mewah dan sebagainya, pelik. Cuba kita fikirkan akan berlaku suatu *flood*, suatu longgokan tak terjualnya kediaman mewah ini akan datang. Tapi kenapa pemaju-pemaju ini berlumba-lumba nak jadi, nak hala tuju ke arah ini. Kenapa? Saya takut-takut Tan Sri Speaker, bila berlaku masalah ini, takut kerajaan dia tengok, wah, banyak rumah tak terjual, syarikat-syarikat rugi, lambakan hartanah, rumah-rumah ni banyak di Johor, saya takut ada permohonan memorandum dari tokeh-tokeh ini tolong longgarkan syarat. Saya takut. Jadi, saya minta kerajaan negeri, peraturan dah dibuat, tetap, tegas. RM1 juta untuk orang asing jangan diturunkan lagi. Kerana apa? Kerana harga rumah ini akan diturunkan bila tidak ada pembeli-pembeli.

Tan Sri Speaker, kalaulah Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah itu amat perlu, penting untuk kita menyelesaikan meringankan beban ataupun menyelesaikan masalah-masalah perumahan dan tanah dalam negeri kita ini, saya minta, saya cadang kepada pihak kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bentanglah, cepat-cepatlah bentanglah, apa salahnya. Saya cadang tak payah bahas-bahas, bentang. Tujuan yang baik, kerja yang baik, nawaitu yang baik. Mungkin kesilapannya bahasa sahaja, bahasa tak tepat, silap. Timbul masalah begini. Maka, takde masalah ubah balik. Saya rasa saya setuju, setuju. Saya beri contoh, contoh salah bahasa ni, tujuannya baik, saya masuk kampung, tersesat kampung. Kalau kampung Tan Sri Speaker nanti, jumpa rumah, rumah orang tua-tua. Dah malam, "pakcik saya nak tumpang rumah boleh?", "Tak boleh nak, rumah saya ada anak perempuan". Pergi rumah yang lain. "Pakcik, boleh saya tumpang tidur malam ni". "Tak boleh nak, rumah pakcik ada anak perempuan". *Last-last* tidur rumah Tan Sri Speaker. "Pakcik, pakcik ada anak perempuan, saya nak tumpang tidur". (Dewan ketawa). Bahasanya begitu. Nak mudahkanlah perbualan. Ha, itu aje.

YB Speaker : Yang datang tu perempuan ke lelaki? (Dewan ketawa).

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Niatnya baik, Tan Sri Speaker nak tumpang tidur. Tapi nak pendekkan perbualan. Ada anak perempuan? Saya nak tumpang tidur. Jadi, saya cadangkan bentang sekali lagi.

YB Speaker : Sungai Abong, sila gulung.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Haa, insya-Allah. Dan tahniah kepada EXCO Agama yang saya lihat bila dibentangkan tentang masalah rumah-rumah ataupun apa ini sekolah-sekolah agama yang terbengkalai ni, saya lihat dia tak tentu arah, tak senang duduk. Dalam bilik pun berkerut muka dia. Saya kesian. Saya ucapkan tahniah, terima kasih dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak jabatan, pihak kerajaan, semua pihak berusaha sungguh-sungguh nak selesaikan sekolah-sekolah agama yang terbengkalai. Masalah kita, bagi tikus pada labu. Ini bukan satu labu, seekor tikus kepada 90-100 labu ni. Suruh dia *repair* labu. Masalahnya, kita dapat labu-labu yang bukannya dia *repair,* dia tebuk. Dengan tikus-tikus sekali kita dapat. Jadi, insya-Allah boleh selesaikan. Jadi saya minta kerajaan negeri selesai dan bertegas dengan tikus ini. Labu kita ambil, takpelah, dah rosak. Ini merupakan suatu pengajaran kepada kita, mungkin suatu hukuman kepada kita yang telah melakukan suatu kesalahan yang tak sepatutnya dilakukan oleh kita.

YB Speaker : Ok.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Bagi satu projek yang begitu mega pada satu syarikat yang tidak ada pengalaman langsung tentang projek-projek *major* macam ni, bagi pada satu orang, tanpa runding terus. Maka ini suatu hukuman kepada kita, kita terima. Dan saya harap pihak kerajaan teruskan kerja-kerja ini. Jangan kita tanya lagi. Usaha sedang dijalankan, saya difahamkan. Teruskan. Pengajaran di masa akan datang, jangan buat lagi perkara macam ini, ya.

Dan yang akhirnya Tan Sri Speaker, tentang penjualan arak-arak ni di *7-Eleven* ataupun di mana-mana. Ini ringkas. Undang-undang telah ada, dilarang orang-orang Islam membeli arak. Masalahnya ialah yang menjual, yang membungkus dan sebagainya adalah orang-orang Islam, kadang-kadang yang bertudung. Jadi saya nak cadangkan kepada pihak kerajaan buat satu undang-undang yang ringan aje. Saya ingat orang pun tak marah undang-undang ni. Melarang orang-orang Islam menjual arak tak kira kepada siapa. Maka, insya-Allah dia akan boleh selesaikan masalah penjualan arak ni. Biasanya di *7-Eleven* atau kedai-kedai yang serupa ini yang menjadi kakitangannya, pekerjanya adalah orang Islam. Bangsa lain tak minat, mungkin gaji kecil. Jikalaunya tak ada pekerja daripada bangsa asing yang menjual arak, maka dengan secara automatiknya tak boleh jual arak, undang-undangnya tak keras, ringan aje. Bukan haramkan jualan arak, tapi tak benarkan pekerja-pekerja Islam ini menjual arak. Ada masa lagi?

YB Speaker : Cukuplah.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Cukuplah. Ada banyak lagi ni. Terima kasih Tan Sri Speaker. Dan akhirnya saya nak menyokong usul atau rundingan yang dibuat oleh sahabat saya daripada Tanjung Surat. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Abong. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:30 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 3:45 petang.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput Bukit Permai.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. (Berselawat). Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Saya mewakili Bukit Permai dan seluruh rakyat dalam DUN Bukit Permai ingin menjunjung kasih mengucapkan tahniah dan syabas ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Istiadat Kemahkotaan baru-baru ini. Semoga rahmat Allah sentiasa melindungi Duli Yang Maha Mulia Sultan dan seluruh rakyat Johor Darul Ta'zim. Insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Persidangan kita pada kali ini begitu hebat dengan hujah-hujah tentang GST. Saya juga ingin memuji rakan-rakan tak kira daripada Barisan Nasional dan juga pembangkang kerana rata-rata memuji dan menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena Perasmian Sidang kita pada kali ini. Namun, dalam banyak-banyak perkara yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, hanya perenggan 29 hingga perenggan 31 sahaja yang saya lihat mendapat perhatian daripada Ahli-Ahli Dewan khususnya daripada pihak pembangkang.

Banyak, ramai di kalangan Ahli-Ahli Dewan daripada pembangkang memperkatakan tentang GST. Mereka begitu menjunjung Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan perkara itu. Ada yang mengatakan, sebagai rakyat Johor, sebagai pemimpin masyarakat di Johor, kita kena menjunjung visi dan misi yang telah disampaikan, telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Walau bagaimanapun, saya dapati mereka ini tidak bersungguh-sungguh dalam menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana rata-rata menjunjung titah tentang GST sahaja. Termasuklah sahabat-sahabat kita daripada Jementah, daripada Mengkibol, Senai, kerana mereka hanya mengata perenggan 29 hingga 31 sahaja. Tetapi hari ini, saya ingin menegaskan bahawa kalau kita melihat daripada 76 perenggan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan, banyak perkara yang disebut dan yang paling penting, yang paling penting pada perenggan 39, 40 dan 41. Kalau boleh saya ulang semula iaitu, oleh itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan menyebut, bertitah; " Oleh itu, saya menggesa rakyat Johor supaya berfikiran terbuka terhadap sistem pendidikan negara dan sanggup untuk berubah demi memakmurkan masyarakat dan pembangunan jangka panjang".

Perenggan 40: Pendidikan adalah asas kepada pembentukan generasi akan datang. Sekiranya di peringkat kanak-kanak lagi, pendidikan telah dibuat secara berasingan berasaskan kaum dan bahasa, maka sampai bila-bila pun akan wujud ruang perbezaan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Perenggan 4: Duli Yang Maha Mulia Sultan bertitah, yang berbunyi, " Saya yakin sistem pendidikan sekolah satu aliran akan mewujudkan integrasi kaum di peringkat kanak-kanak dan seterusnya menghasilkan sebuah masyarakat yang lebih harmoni, bersatu padu serta berdaya saing untuk menempuh cabaran yang akan datang".

Kalau betul, kalau betul Ahli-Ahli Dewan dari pembangkang menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, saya cabar, selepas Dewan ini, turun balik ke kawasan, kita kempen dengan pengundi-pengundi kita, kita kempen dengan penyokong-penyokong kita, kita sahut seruan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Kita hapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, kita hapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Kita wujudkan sekolah satu aliran seperti mana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia.

YB Speaker : Yang Berhormat...

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Kalau nak junjung, kita junjung semua..

YB Speaker : Yang Berhormat...

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Kita junjung semua..

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Permai..

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Jangan junjung perkara yang..

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Permai, tolong tarik balik perkataan menghapuskan itu. Gunakan bahasa lain. Gunakan bahasa lain.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ok, saya tarik balik.

YB Speaker : Dalam Dewan ni, tidak boleh mewujudkan soal-soal perkauman. Jadi, tolong berhati-hati dalam perkataan, jangan menyinggung.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Saya tarik balik bab menghapuskan tu. Kita wujudkan sekolah satu aliran di Johor. Kalau berani, kita buat. Baru betul. Kita beramanah, kita bertanggungjawab, kita menyahut titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Jangan nak cerita tentang GST sahaja. Cerita habis, cerita dalam semua ucapan ni. Ini soal integrasi kaum, perpaduan kaum. Kalau kita nak jadikan Johor Mesti Jadi Johor, kita nak jadikan bangsa Johor yang bersatu padu, kita kena ada satu medium yang boleh menyatupadukan rakyat Johor untuk mendepani cabaran masa hadapan.

Saya suka lihat keadaan di sekitar Muar dan Batu Pahat, sekitar tahun 70-an. Di mana orang-orang tua berbangsa Cina di Batu Pahat dan Muar, mereka ini boleh membaca akhbar Utusan Melayu, orang Cina buka restoran, buat air, orang Melayu jual sate, jual nasi lemak di dalam satu premis yang sama. Apabila pagi, penuh dalam kedai tu bangsa Melayu ada, bangsa Cina ada, bangsa India ada. Ini yang dikatakan bangsa Johor. Johor kena jadi Johor. Tetapi pada hari ni, bagaimana kita nak mewujudkan bangsa Johor yang bersatu padu, yang ada integrasi? Sekolah rendah, sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Masuk sekolah menengah, Foon Yew. Habis sekolah menengah, Universiti Taiwan. Balik kerja kat Senai. Pergi pejabat pemaju, nak beli rumah. Kerani Melayu. "Encik nak beli apa?" Tak faham. Sepatah haram pun tak faham bahasa Melayu, bahasa Malaysia.

YB Speaker : Yang Berhormat, boleh alih tajuk lain?

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Boleh, Tan Sri Speaker. Jadi, saya harap seruan ini kita ambil untuk kita sama-sama satu padukan kaum kita melalui

sistem pendidikan, Cuma saya minta kepada kerajaan negeri mengambil berat tentang kewujudan sekolah-sekolah swasta yang menambah, merosakkan hasrat untuk mewujudkan integrasi kaum ini iaitu Sekolah Omega dan juga Sekolah Olivent yang berada di daerah Kulaijaya. Saya minta dipantau silibus kerana sekolah–sekolah ini adalah sekolah swasta yang dikhabarkan silibusnya berasal daripada negara jiran kita. Harap dapat dipantau dan diperiksa kalau menyalahi peraturan bolehlah dibekukan lesennya ataupun kita wujudkan syarat baru supaya sekolah-sekolah ini mengikut sepertimana kehendak sistem pendidikan negara kita.

YB Speaker : Yang Berhormat, sila gulung.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya pada kesempatan ini, saya nak ucap terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan dan Saliran Negeri Johor kerana dalam menjawab solan lisan tempoh hari ada menyebut bahawa beliau melantik saya sebagai Pengerusi Pencemaran Sungai Skudai. Saya nak bagi tahu di Dewan yang mulia ini, Sungai Skudai ini jajarannya bermula daripada DUN Bukit Permai. DUN Bukit Permai ini hulu sungai, jadi saya nak kaitkan cerita Sungai Skudai ini sebab ramai yang mengambil contoh GST ini dengan berbagai-bagai cerita. Ada yang cerita pasal perempuan dan sebagainya. Pasal kahwin anak kecil. Saya nak samakan dengan sebatang sungai.

Sungai Skudai ini memang banyak tercemar, tetapi yang tercemar ini bukan di Bukit Permai. Dia bahagian hulu dia cantik. Dia bila masuk je ke Senai, dia banyak industri, ha dia dah mula tercemar dah. Bila turun ke Skudai, lagi teruk tercemar, Sungai Skudai ini. Sisa buangan daripada rumah, industri dan sebagainya. Tapi GST pun begitu, peringkat awal kerajaan buat ini cantik, kemas, bila dapat kat peniaga habis. Peniaga ini yang tidak jujur sebenarnya. Peniaga ini manipulasi tanpa menolak SST 12%, dia tokok terus 6% GST. Sebab itulah yang merosakkan GST pada peringkat awalnya peniaga. Kemudian, sampai pulak isu GST ini kepada pembangkang, lagi teruk rosaknya cerita GST ini. Itu yang rakyat keliru. Termasuk Sungai Abong, Sungai Abong pun keliru pasal tulah. Jadi Sungai Skudai ini pun begitu, elok aje. Sampai Senai dia dah keruh dah, pencemaran. Sampai Skudai lagilah teruk.

YB Speaker : Ok.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, Dewan ini penting.

YB Speaker : Speaker.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Saya dapat dahlah giliran yang belakang. Saya nak merujuk..

YB Speaker : Yang Berhormat Speaker, bukan Pengerusi.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dahlah giliran yang belakang-belakang. Saya nak bercakap juga iaitu dalam ucapan dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan ini ada merujuk kepada penubuhan Zon Antarabangsa. Saya suka nak ambil perkara itu. Ini penting. Dasar mewujudkan Zon Antarabangsa ini adalah penting bagi ekonomi negeri Johor di masa hadapan. Saya nak perkara ini diambil serius dan dibuat dengan segera. Saya bangga kerana ada seorang Sultan yang memiliki pandangan yang begitu jauh pemikiran untuk kemajuan negeri Johor. Kita ambil kira, Singapura. Singapura

adalah hab dan juga ibu pejabat kepada syarikat-syarikat antarabangsa bagi rantau Asia Pasifik. Hari ini Johor kita jiran yang paling dekat, negeri Singapura ini kecil. Pembangunan dia dah tepu, dah, dengan izin, *saturated*, dah tak boleh nak buat apa dah. Jadi kena ada satu zon baru untuk kita curi ataupun kita tarik perdagangan antarabangsa yang berlaku di Singapura itu supaya boleh datang ke Johor. Kita tak nak lagi jadi *feeder* kepada Pulau Singapura tetapi kita nak bersaing, kita nak *compete* dengan Singapura.

Tan Sri Speaker, bayangkan sekangkang ladang lada hitam pun tak ada kat Singapura, Singapura tersenarai sebagai pengeksport lada hitam terbesar di dunia. Ha ini nampak, sebab dia ada kemudahan kewangan yang hebat. Ada sistem yang boleh memberi syarikat-syarikat antarabangsa datang. Saya nak cakap ini penting zon antarabangsa ini kerana apa, kerana kita sedang buat kemajuan di Pengerang. Yang datang Pengerang ini, syarikat-syarikat gergasi daripada German, Perancis, Jepun, China, Amerika Syarikat, United Kingdom, Eropah dan berbagai negara lagi. Mereka ini bukan setakat nak buat *refinery* minyak. Mereka nak berurus niaga perlu ada bank-bank perdagangan yang hebat. Syarikat-syarikat Perancis, Rusia, Amerika Syarikat, Eropah ini bukan nak guna Bank Rakyat, bukan nak guna CIMB, mereka mencari bank-bank macam Credit Swiss, pengurus dana itu. RBS, bank-bank antarabangsa sebab perniagaan dia besar.

YB Speaker : Ok.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Sebab itu Zon Antarabangsa ini kena cepat, jangan sampai mereka buat projek minyak di Pengerang tapi mereka tinggal di Singapura, simpan duit di Singapura, buat urusniaga di Singapura buka pejabat di Singapura. Kita tak nak macam itu. Kita nak dia buat kemajuan di Pengerang, duduk di Johor, banknya pun di Johor, urusannya pun di Johor.

YB Speaker : Ok.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Jadi Zon Antarabangsa ini kena cepat supaya kita harap dia tak lari ke negara jiran kita dari segi manfaat yang lebih besar dan kalau boleh Zon Antarabangsa ini bukan sahaja cepat..

YB Speaker : Bukit Permai.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Kita jadikan dia *duty free*, zon bebas cukai. Jadikan hab kewangan macam Pulau Labuan. Pulau Labuan tu sepatutnya siapa nak pergi tu. Tapi hebat. Sebab itu kita boleh buat Zon Antarabangsa ini sehebat Pulau Labuan.

YB Speaker : Ok, Bukit Permai.

YB Encik Tuan Haji Ali Mazat Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Sila duduk, sila duduk, sila duduk. Terima kasih Bukit Permai. Yang Berhormat saya jemput, Yang Berhormat Sedili.

YB Encik Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahas Usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk bercerita berkenaan dengan durian. Yang Berhormat Dato' Speaker, asalnya saya ini daripada golongan orang miskin, orang susah, masa dulu arwah bapa saya beli durian. Masa saya duduk di FELDA, saya anak peneroka FELDA. Masa tahun 70-an pergi ke FELDA ketika itu pendapatan terlampau sedikit dan arwah bapa saya pergi ke depan beli durian satu bakul. Durian itu satu bakul harganya RM20.00. Ketika itu saya adik beradik 7 orang, masing-masing mengejar ayah saya bawa durian satu bakul naik motor untuk pulang ke rumah. Dalam ketika itu mak saya tersenyum simpul. Maklumlah di FELDA waktu itu tak ada durian. Bila sampai ke rumah nak buka durian, saya adik beradik ini berkumpul nak kopek durian ini, Tan Sri Speaker. Masing-masing nak buka, adik beradik saya sediakan dulang, mak saya, arwah bapa saya kopek durian. Masa kopek itu sampai urat pun nak terkeluar,, dia punya susah nak buka durian. Bila yang pertama bila buka satu bakul ini banyak Tuan Pengerusi, bila buka satu bakul dia,yang satu biji ini tak boleh makan, busuk. Buka lagi yang kedua, adalah satu biji, yang ada tu biji lebih besar daripada isi. Sehinggakan akhirnya yang adik beradik saya dan keluarga saya untuk nak makan durian itu akhirnya...

YB Speaker : Yang Berhormat, jangan berbohong dalam Dewan ini. Mana pulak biji lebih besar daripada isi. Tolong berhati-hati, tolong berhati-hati...(Dewan ketawa).

YB Encik Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kenapa?

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jangan berbohong dalam Dewan ini, jadi satu kesalahan.

YB Encik Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Tak, biji durian yang dalam itu. Dulu tu biji durian dulu tu biji dia tertonjol, isi dia sedikit, bukan biji yang duri tu. Jadi, akhirnya mak saya sediakan mangkuk akhirnya durian yang satu bakul tu, yang boleh makan hanya beberapa biji sahaja letak kat bakul, kat mangkuk dan saya di ketika itu dan adik-adik saya makanlah durian-durian yang sebelah dia rosak. Makan untuk nak merasa, itupun kadang bau dia tidak macam bau durian. Akhirnya mak saya buat bubur kacang. Buat bubur kacang tulah makan bubur kacang durian akhirnya yang beli RM20.00 satu bakul tu. Dan kerana tak banyak isinya, waktu tu saya kecil dan adik beradik saya kecil memang semangat nak makan. Akhirnya makan biji durian. Tu yang masa makan biji durian dia kata tumbuh kat perut. Orang-orang dulu cakap.

Itu dulu, Tan Sri Speaker. Yang kedua pula, bila saya nak makan durian hari ini saya tak beli satu bakul. Saya pergi Pasar Borong Pandan, saya beli Durian Musang King, satu biji. Saya anak tiga orang, isteri baru satu, belum ada hajat nak dua, campur saya satu, lima orang. Saya bawa Durian Musang King balik ke rumah, saya buka dengan mudah sahaja. Bila buka sahaja, setiap satu tempat itu satu ulas, masing-masing rasa durian Musang King satu ulas, satu orang. Saya, isteri saya dan anak-anak saya dengan harga RM50.00 berbeza dengan keluarga saya dulu, beli durian satu bakul tapi tak boleh makan. Hari ini Timbalan Speaker, kita minta supaya..

YB Speaker : Speaker, bukan Timbalan. (Dewan ketawa).

YB Encik Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Tan Sri Speaker..

YB Speaker : Tak, serius sikit. Ini Dewan Negeri, kita sedang bersidang dalam Dewan Negeri.

YB Encik Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Jadi kali ini kita tak beli durian satu bakul, kita tak beli Durian Musang King satu biji dengan harga RM50.00 tetapi kita pergi ke Pasar Borong Pandan kita beli pokok Durian Musang King, hasilnya bukan hanya anak dan isteri kita makan satu ulas satu orang, tapi kita boleh bagi kepada jiran-jiran kita. Kita boleh bagi kepada anak cucu kita, cicit kita. Kita boleh bagi kepada masyarakat. Kita boleh buat bubur hantar ke surau atau masjid dengan harga RM50.00 juga. Jadi hari ini mesej saya nak sampaikan Tan Sri Speaker, kita hendakkan hari ini supaya kita nak kekalkan dengan harga RM50.00 Musang King, kita tak hendak lagi kita nak makan satu bakul yang RM20.00 dulu. Kita kena ubah. Kita kena ubah, sepertimana yang saya cakap tadi Tan Sri Speaker, inilah konsep dia kebetulan hari ini genap 47 tahun berlakunya 13 Mei. Sebab itu kita perlu kekalkan konsep pemikiran kita, idea kita, tahap kita, cara kita bukan makan Durian Musang King. Tapi kita nak tanam pokok Durian Musang King. Kita kena ubah. Sebab itu hari ini kalau kita tengok, Tan Sri Speaker, cerita pasal GST, ini dah biasa. Sebelum ini kerajaan nak tubuhkan Petronas, pakai duit kerajaan RM500 juta, pihak dia sebelah sana tidak bersetuju. Hari ini apa dah jadi dengan Petronas. Di RAPID sahaja kita dah ada 10,000 orang pekerja, ini belum berurusan segala-galanya. Kita buat kerajaan "Pandang Ke Timur", dah dijadikan yang satu pihak lagi dia kata kita nak menyembah bulan.

Dan seterusnya, Tuan Pengerusi, sehinggakan Putrajaya membazir, dialah kelam kabut nak pergi ke Putrajaya. Sehinggakan kita nak buat GST macam ini, dialah yang kata bercerita kat kampung GST tak bagus, tak apa semua. Sebelum ini yang dia cerita yang semua tak bagus. Hari ini dia dapat nikmat. Nak buat tol, dulu dialah yang bising pasal tol. Akhirnya tol tak ada cerita, hari ini cerita pasal tol naik pun. Pasal minyak yang lepas, semua cerita pasal minyak naik. Bila minyak turunkan, senyap semua, dia yang isi minyak. Ini sikap yang kita bukan ada semangat nak tanam pokok durian Musang King. Hari ini sikap kita tak nak berubah untuk tanam Durian Musang King untuk keamanan negara kita, ketenangan yang ada yang diwarisi oleh datuk nenek moyang kita. Ini yang kita hendak. Tapi yang ada sekarang ini dia tak nak berubah, tak nak langsung tanam pokok Durian Musang King, semua tak betul. Dulu tu cakap sungai tu Sungai Sembrong tak boleh, minta supaya penanam pokok kelapa sawit yang ada dekat tepi sungai minta dia ambil tindakan.

Hari ini saya dengar daripada telinga saya kata, jangan diambil tindakan, tidak ada kena mengena dengan dia orang pun. Ini yang kadang-kadang kita akhirnya, ni yang minta maaf Tan Sri Speaker dalam Dewan yang lepas ni juga, pasal dekat RAPID ni lah orang yang sama juga, dulu tu tahan pergi ke Taiwan. Pelabur daripada Taiwan dah tak jadi nak melabur dekat, dekat Pengerang. Ini lah orang ni juga, ni GST pula lagi. GST ni baru satu bulan lebih, belum lagi 2 tahun 3 tahun, baru satu bulan lebih tapi dah difitnahkan. Inilah tanah air kita, inilah yang diberikan datuk moyang kita untuk menjaga, dah 47 tahun kita takda pergaduhan kaum. Tapi hari ini, bibit-bibit kaum dah nak mula balik. Sebab itu, Duli Yang Maha Mulia, salah satu daripadanya mencadangkan supaya kita kena ubah pendidikan. Terus terang, sebelum ini kalau kita tengok, dengan kaum yang satu lagi dia nak mempertahankan bahasa ibunda, kaum satu lagi pun nak pertahankan bahasa ibunda, pihak kita pun nak pertahankan bahasa ibunda. Tapi akhirnya budak daripada kecik sampai ke sekolah sepertimana tadi Bukit Batu, akhirnya tak pandai bahasa. Tapi kalau kita buat satu sekolah aliran seperti dulu ada sekolah aliran bahasa Inggeris. Kaum Cina, kaum India, kaum Melayu, satu sekolah, satu bumbung. Duduk sama-sama, dia boleh, kita ada subjek bahasa Inggeris, kita ada subjek bahasa Malaysia, kita ada subjek bahasa Tamil, kita ada subjek bahasa Cina, masing-masing pandai bahasa dulu tu.

Tan Sri Pengerusi, Tan Sri Speaker, dekat kampung saya, kalau waktu kenduri, minta maaflah Tan Sri Speaker, ada satu Cina tu pergi pungut getah dekat kampung-kampung. Atuk saya, emak saya tak pernah tengok pun, yang si satu yang pungut getah tu pakai timbang tu. Tak pernah tengok pun betul ke tidak, apa tak percaya, percaya timbang betul tak betul. Itulah dia bagi ada duit sen. RM0.05 pun tak lari. Cukup. Bila orang Melayu ada buat kenduri dia pakai songkok, dia pakai kain. Ini pergi Dewan suruh pakai songkok pun tak nak pakai songkok. Ini lah salah satu daripadanya. Sikap, tak nak berubah, tak nak ambil kesan yang 47 tahun dulu tu macam mana keadaan kita. Ini yang nak kita kena ubah, kita kena tempat gelanggang yang sebaik-baiknya. Tapi kita ceramah kat kawasan masing-masing, nak tunjuk kehebatan kerana nak sokongan daripada kita politik lebih kita ceritakan kami tak bagus, ini tak bagus, ini tak bagus. Bibit-bibit tu hampir berlaku.

Sebab tu Duli Yang Maha Mulia supaya mencadangkan kita buat satu sekolah. Kita tak perlu ego. Mana parti tak boleh ego kena bersatu, ini bermulanya, bermulanya kita nak tanam pokok durian. Tanam durian, pokok durian musang *king* ni masanya, dah takda masa lagi. Belum tentu anak kita akan boleh buat sepertimana kita nak mengekalkan peristiwa 13 Mei yang hari ni 47 tahun. Siapa lagi kalau tak kita, anak-anak kita Hari Raya tak pernah jumpa lagi, ya tak ya yang rumah Melayu budak-budak Cina yang satu sekolah pergi ke rumah kita. Orang India pun sama, orang Cina pun sama. Kalau dulu raya rumah Cina kita masing-masing nak pergi ke rumah Cina. Jangan lupa yang ada, ni kawan saya bukan saya. Air apa cawan kat tin tu, dulu kita beraya Cina raya kita raya, India raya kita raya, kita raya kita raya. Meriahnya hari ini, hari raya Cina cuma satu hari je cuti. Rumah kita pun tak pernah datang, orang Cina tak pernah datang hari raya.

Kita nak ada kematian jiran kita pun kita rasa macam kekok berbanding dengan dulu. Ini yang kita perlu, kita kena wujudkan, perasaan sama-sama nak tanam pokok durian Musang *King*. Bukan kita nak tunjuk kehebatan masing-masing, kita hebat menang sorak kampung tergadai. Ni cara-cara dia. Sikap mencari salah nak jadi hero belum keluar lagi dah cerita suratkhabar, cerita hebatnya dia. Dia mempertahankan, mempertahankan ni, apa yang kita dapat. Wah, bangsa ni kuat, orang ni kuat, apa yang kita dapat. Akhirnya kita tak dapat apa-apa. Akhirnya peristiwa seperti 13 Mei saya yakin dan percaya lambat atau cepat akan berlaku. Selisih Auzubillah. Tapi kita kena buat sekarang, ini tanggungjawab kita, ini masanya.

Tan Sri Speaker, ni saya nak cerita juga lah tempat kawasan saya, kawasan saya ataupun kawasan negeri Johor berkenaan dengan FELDA. Bukan kita, saya nak, Sedeli nak menegur dengan untuk nak di cari salah, tapi kita di negeri Johor takda satu badan khas untuk menjaga FELDA. Dalam negeri Johor ada 72 FELDA. Contohnya saya di kampung saya FELDA Air Tawar 2, ahli Umno yang teramai di Malaysia, 1,822 orang dan di FELDA-FELDA sepertimana dekat Pilihan Raya dekat Rompin 3 FELDA, PDM dia kita kalah. Itu tanda-tanda bilamana pembangkang tiada niat nak tanam pokok durian Musang King ceritakan maklumat yang tak tepat. Dan, saya percaya Johor satu-satunya kerajaan yang kuat dikuasai oleh Barisan Nasional dengan kita alpa untuk ambil tahu berkenaan dengan peneroka-peneroka FELDA. Khasnya berkaitan orang muda, penempatan generasi kedua. Saya nak tegur FELDA juga, FELDA hari ini buat rumah tak pernah hantar kertas kerja dekat Kerajaan Tempatan. Sebab tu dekat Pahang tak boleh jual rumah. Tak boleh jual dengan anak peneroka pasal takde kelulusan CF. Dia takda minta kebenaran dengan Majlis Kerajaan Tempatan, sebab tu kita minta kerajaan Johor kena memantau kerana akhirnya pembeli anak peneroka ada bermasalah. Begitu juga kita mintalah, tadi saya minta, desak supaya kerajaan negeri adakan

pengerusi penggerak ataupun satu EXCO yang menjaga dengan FELDA khas tentang FELDA.

Yang keduanya Tan Sri Speaker, berkaitan dengan SPNB. SPNB masalahnya sekarang di kawasan saya, di kawasan Sedili, geran dah ambil dah. Dah satu tahun lebih dah, *sign* dan siap *sign* dah lama *sign* dah. Yang ada dah meninggal dunia dah. Rumah tak buat lagi. Ada juga yang buat rumah dekat kawasan pendalaman SPNB luluskan kat pendalaman sana. Bila rumah dah siap sana dia tak boleh duduk, api air takda. Bila tanya SAJ tanya TNB kos untuk masukkan air dia ratus ribu. Berganda rumah yang dah diluluskan tu. Jadi kita minta lah supaya SPNB mengkaji balik sistem pinjaman, dulu tu kita pinjaman dengan SPNB sekarang pinjaman melalui bank. Umur dah kena 40 tahun ke bawah dan tengok gaji. Kalau dulu tu satu geran kita boleh mohon sampai 3 biji buah rumah, 2 biji buah rumah, sekarang 1 biji buah rumah. Kalau lulus takpe, lulus tapi tak siap tak buat-buat lagi.

YB Speaker : Ok Sedili. Gulung.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Akhir sekali, Timbalan Speaker. Saya nak cerita sikit. Tan Sri Speaker, sedikit jek. Yang lepas saya cerita pasal gajah. Kebetulan tahun lepas saya tak dapat berucap saya tak sihat. Baru saya bercerita sedikit akhirnya dekat, penduduk di kampung saya mati kena pijak gajah. Kawasan saya besar, dan di Mawai, gajah dah biasa main kat sebelah rumah. Masuk surat khabar, sehingga hari ini tak ada tindakan berkenaan dengan gajah. Beruk ada 2 ekor dan di Sedeli Kecil berkaitan dengan babi, saya dah bawa berapa kali babi dah macam kambing. Banyaknya dekat sempadan sungai nak pergi ke Balau. Saya pun dah bawa perkara ini, tapi tiada ambil tindakan.

Tan Sri Speaker, akhir sekali, 2 perkara berkenaan dengan pembangunan pembinaan untuk melihat anak bulan di Tanjung Gemuk. Penggal yang lepas saya dah bawa dan difahamkan dah diluluskan RM2.5 juta sehingga hari ini tak buat lagi. Dan yang kedua terakhir, masalah ibu-ibu tinggal, ni masalah ibu-ibu tinggal yang suami dia terlibat dengan dadah dekat dalam, suaminya kahwin terus hilang entah ke mana, akhirnya nak minta cerai dia tak ada duit. Pergi Majlis Agama Islam, Agama Islam dia buat kaunseling je. Sampai makan tahun, jadi kita minta Majlis Agama Islam tubuhkan satu badan bermakna untuk mengurus kepada orang-orang miskin sama ada ditinggalkan atau minta cerai mesti melalui Majlis Agama Islam bukan nak bagi kaunseling dan dibayar peruntukan untuk panggil peguam-peguam luar.

YB Speaker : Ok.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Jadi Tan Sri Speaker, saya minta maaflah di atas kurang senang menyebut nama Tan Sri Speaker kerana saya rasa.

YB Speaker : Tak apa, tak apa. Itu perkara anu. Tak apa, tak apa.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kelebihan Tan Sri Speker memang ada badi sikit. Tu memang tak boleh dinafikan lah. Saya kalau tengok muka Tan Sri Speaker saya punya gabrah dia lain tapi kalau saya tengok Puan Sri.

YB Speaker : Itu tak ada dalam teks ucapan titah DiRaja. Ok.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Tan Sri Speaker saya mohon ampun dan maaf seandainya kata-kata saya, marilah kita sama-sama bermula hari ini kita tanam pokok durian Musang King. Yang baik itu datangnya daripada Allah SWT

yang buruk itu datangnya daripada kedangkalan ilmu dan pengalaman yang ada pada diri saya. Saya sudahi dengan Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Sedili. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas kesempatan masa yang begitu pendek diberikan kepada Rengit untuk sama membahaskan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Penggal Persidangan Ketiga Dewan Yang Ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak ringkaskan sahaja kerana saya nak memberi ruang masa kepada sahabat saya daripada Semarang. Yang saya nak sebut kali ni Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Persidangan kali ni membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mampu mentadbir negeri Johor dengan baik dan cemerlang. Apa buktinya? Dalam Persidangan kali ini, kita tengok pembangkang semua puji. Lebihan, rizab RM2.3 juta apa yang kerajaan negeri buat. Maknanya kerajaan BN di Johor ni, kerajaan BN yang terbaik mampu mengurus negeri Johor. Bukan itu sahaja, diperakui lagi Parit Yaani, dia terima kasih dia dapat jalan dulu, Jalan Seri Bengkal di turap balik. Dulu pembangkang ni nak ucap terima kasih pun susah. Tapi hari ini semua ucap terima kasih. Itu bukti kerajaan Barisan Nasional negeri Johor adil. Betul Parit Yaani? Dia nangguk. Tapi saya nak ingat juga pada EXCO, jangan buat saja kawasan pembangkang, yang BN tinggal. Ada pepatah Melayu menyebut...

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Rengit boleh dijemput masuk pakatan.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tolong duduk Skudai. Masa *you* bercakap *i* tak kacau pun. Masa lalu Seri Bengkal, Jalan Jaya Diri kat tempat saya belum buat. Jalan Negeri. Peh. Apa hubungan dengan EXCO ni mesti kawan baik. Takpalah itu betul. Yang EXCO Kerja Raya buat tu betul. Sebab kita adil. Yang tuduhan selama ini yang dibuat, pernah satu ketika penggal lepas apa yang disebut oleh pembangkang. Kerajaan Johor akan bankrap. Betul? Siapa yang ada dalam Dewan ni. Ni telinga ni dengar ni panas. Ini bukti pembangkang dia suka cakap tak kaji takda data. Kalau ada data pun dia *manipulate* data tu sepanjang masa dalam Dewan yang mulia ni, pun dia *manipulate* data. Dia kata ada negara buat GST, yang ini saya nak terangkan, Indonesia tahun 1984 negara tu pendapatan GNI dia 540 sahaja. Gementah cakap apa, dia semua cerita negara maju, negara maju. Maklumat dalam Dewan yang mulia ni pun dia *manipulate*. Yang Berhormat Tan Sri Speaker cakap tadi, tak boleh cakap bohong dalam Dewan. Betul? Tapi apa yang pembangkang buat. Selama ini kalau *manipulate* kat luar kita terima tapi *manipulate* kalau dalam Dewan yang mulia, ini salah Tan Sri Speaker.

Yang kedua Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak sebut ialah saya membaca sebuah buku *The Chinese Dilemma* di tulis oleh Yeng Lee Seng tahun 2003. Saya baca satu, satu, satu. Saya semak. Baru saya tahu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kenapa susah sangat kita nak mencapai perpaduan nasional. Kenapa jurang antara kaum semakin melebar dan menebal di negara kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bukan itu sahaja Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak sebutkan, kalau tadi Jementah sebut-sebut Perlembagaan Negara, ada dalam Perlembagaan Negara, hak kebebasan beragama, hak asasi. Tapi, saya nak

beritahu dalam Jementah, dalam Perlembagaan Negara juga ada sebut dengan jelas bahawa, agama Islam adalah Agama Rasmi Persekutuan. Agama lain juga boleh diamalkan secara bebas tetapi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, agama Islam tak boleh diganggu gugat. Itu jelas dalam perlembagaan. Tapi apa yang kita dapat pada hari ini, di negara kita, bagaimana orang-orang bukan Islam, tanpa segan silu menghina agama Islam termasuk azan, makanan dan saya nak tanyalah kepada rakan dan sahabat saya, kenapa mereka terus menikus. Sahabat seagama, menikus, tak berani nak bercakap, malah digertak tentang hukum hudud pun, terkial-kial anak Allahyarham Menteri Besar Kelantan bercakap. Mana perginya PAS Johor? Diam, membisu. Tak bercakap. Mungkin tengah pasang badan, manalah kita tahu. (Dewan bertepuk). Kita tengok Yang Berhormat Tan Sri Speaker, belum jauh lagi. Apa jadi kepada Pulau Pinang, nasib orang Melayu dan India di Pulau Pinang, baru bagi pegang 2 penggal sahaja. Apa jadi kepada Kampung High Chaparrel, lepas dapat Pulau Pinang, mereka tolak habis. Itulah bukti sepertimana yang ditulis *The Chinese Dilemma*. Dan apa jadi kepada nasib orang Melayu di Pulau Pinang? Tak payah cakap, sekilas ikan di air, sudah ku tahu jantan atau pun betina. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak sebut satu lagi perkara. Ringkas. Ni GST ni, 160 negara dah diamalkan. Saya tak nak sebut teknikallah. YB Semarang akan sebutkan nanti. Saya cuma nak tanya, dalam perbahasan selama 4 hari ini yang disalahkan semua siapa? Kerajaan. Kerajaan BN, kerajaan BN, kerajaan BN. Yang susah siapa? Rakyat, rakyat, rakyat. Tak ada sepatah pun daripada pembangkang DAP ni, bercakap soal peniaga. Tak ada. Tentu ada udang di sebalik batu yang kita tak tahu Yang Berhormat Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini perkara yang saya nak sebut secara ringkas. Luar Bandar Yang Berhormat. Saya nak sebut pada kerajaan pusat. Tolong tengokkan sikit Johor ni. Dulu Johor nak selesaikan masalah 5,000 km jalan, Johor terpaksa selesaikan sendiri Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kita cari duit sendiri. Tubuh agensi yang boleh membantu menyelesaikan masalah. Kita berhutang lagi Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Air, saya masih ingat kita terpaksa pinjam kerajaan pusat, tak ada bantuan daripada kerajaan pusat kepada negeri Johor. Kenapa Yang Berhormat Tan Sri Speaker? Johor dibuat macam gini? Kenapa? Dan hari ini kita nak lebarkan jalan bukan seperti yang dijanjikan, lebarkan jalan orang kampung, cuma nak lebarkan jalan, sebab penduduk, anak-anak balik ke kampung semuanya dah berkereta. Tak dapat Yang Berhormat, kerajaan pusat tak pandang. Kenapa tak pandang Johor? Kenapa tak dipandang Johor selama ni, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya nak sebut, sebab kita selesaikan jalan sendiri. Kerajaan negeri Johor selesaikan 5,000 km jalan secara sendiri dan hari ini saya mendesak dalam Dewan yang mulia ini, kepada kepimpinan kerajaan pusat, beri peruntukan untuk selesaikan lebih 4,000 km jalan di Johor ni. Tahun ini ataupun sebelum tahun 2017, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

Dan akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak sebutkan sikit tentang kemalangan jalan raya ni, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ini kajian yang dibuat oleh Universiti Michigan Amerika Syarikat dan Forum Pengangkutan di Paris bertarikh 4 Februari 2014. Malaysia ni Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menduduki tangga ke-17 bilangan rakyat atau penduduknya mati. Ke-17. Setiap 100 penduduk, 100,000 penduduk, 23.8 mati akibat kemalangan di jalan raya. Faktor utama yang telah dibanci ialah kerana kelajuan. Laju Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker bawa kereta laju atau perlahan? Perlahan..

YB Speaker : Sederhana.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Sederhana. Tahniahlah Tan Sri Speaker. Saya cukup khuatir, bimbang semakin hari tentang kemalangan jalan raya di Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ini bukan, dikata faktor yang menyebabkan kematian yang begini banyak ni, menyebabkan kita berada angka yang 17, ialah pasal kelajuan. Bukan setakat Myvi berlumba di jalan raya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bas ekspres pun berlumba di jalan raya. Kalau siapa yang tak ada pengalaman jemput lalu tengok PLUS buat. Bukan bas ekspres saja berlumba di jalan raya, treler pun berlumba di jalan raya Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Itu sebablah Yang Berhormat kita dengar anak kehilangan ibu, isteri kehilangan suami, janda kehilangan duda Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Jadi saya nak cadangkan kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mana-mana kenderaan yang membawa laju daripada had laju ni, 3 kali. Ini kita ada peraturan Yang Berhormat. MIROS dah buat, JPJ ada tapi tak buat penguatkuasaan. Orang mati ni tiap-tiap hari. Kita gaduhlah, hantarlah bantuan ke Nepal sebab gempa bumi Yang Berhormat, tapi yang mati di Malaysia ni lebih 9,000 orang setahun. Nepal yang mati 7,000 kena gempa bumi, kita 9,000. Tiap-tiap hari kita boleh tengok kemalangan di jalanan. Motor, kereta, lori, masuk parit, bas jatuh gaung, semua sekali kita mudah lihat. Jadi saya nak cadangkan siapa yang bawa laju. Tadi pagi saya kena, satu kereta, hidup api. saya nak motong, dia hidupkan api. Apasal pulak? Saya nak motong kemudian dia suruh laju, dia pasang putih lepas itu dia *signal* lagi. Pastu kereta tu potong saya tengok ada nombor JDT. Ini kereta saya ingat mesti kereta EXCO. Tapi saya tak ingatlah nombor kereta tu berapa. (Dewan ketawa). Dia punya lajunya tu. Ketepi, meninggal saya bawa kereta Yang Berhormat Tan Sri Speaker, minta maaf, tapi nombor saya tak ingat. Lain kali kalau saya tahu nombor tu Yang Berhormat, saya baru beritahu Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sekian, saya dengan ini menyokong cadangan yang dibawa oleh Tanjung Surat.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Rengit. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terima kasih di atas peluang untuk saya bersama-sama terlibat dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, baru-baru ini. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai pembahas terakhir, saya mengambil kesempatan yang terbaik ini untuk menyatakan apa yang saya lihat dan apa yang saya rasa. Keseluruhannya, saya melihat bahawa pihak pembangkang terlalu menekankan soal GST. Saya sebenarnya benci nak cerita pasal GST kerana saya bercakap dengan orang-orang yang saya fikir lebih pandai daripada orang di luar sana. Tetapi ianya menggambarkan kebencian pihak berkenaan kepada kerajaan. Sebagai seorang yang pembangkang mahupun pengikut, kalau pembangkang, janganlah sampai ikut segala-galanya. Untuk melihat segala-galanya negatif. Tidak ada yang positif, tidak ada yang baik tentang satu perkara. Manakala sebagai pengikut, sebagai penyokong tidak semestinya perkara yang tak baik, kita harus tutup dengan permaidani yang indah. Yang betul katakan betul, yang salah katakan salah. Tetapi realitinya dapat dilihat di sini bahawa mereka menyerang GST ini keterlaluan sangat. *Over killed*, dalam perkataan yang lain dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang betullah apa yang dinyatakan oleh Rengit. Mereka berkata berdasarkan kepada pelbagai andaian dengan fakta, dengan juga *figure* ataupun angka, tetapi realitinya kita boleh gabungkan bahawa

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang ada menyatakan GST susah, hisap dadah. GST kemalangan, beli *pampers*. GST memiskinkan. Ya Allah Ya Rabbi, kita adalah negara yang 160 ni, nak buat GST ini. Takkan lah kita seteruk ini sangat. Masakan kerajaan nak menzalimi, kalau inilah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau mereka inilah dibiarkan di bawah sana, kita berhadapan dengan masalah yang besar untuk menjadikan negara ini sebagai negara sebuah negara yang baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bayangkanlah kalaulah, kalau mereka boleh menyatakan bahawa kerana GST terpaksa mencatu makanan, kerana GST terpaksa mengurangkan kualiti makanan, kalau GST kerana terpaksa anak bekerja walaupun waktu persekolahan. Ini adalah suatu yang keterlaluan, dan sentimen-sentimen inilah sebenarnya yang membakar orang-orang di luar sana sebagai 160 negara, ke 160-han, kita ini melakukan GST takkan tak ada yang baik. Malahan inilah yang terbaik, kalau tadi nyatakan Jementah berkenaan GNI, GNI kita, dia kata orang lain, dia tunjukkan pada Australia, kenapa dia tunjukkan pada Singapura.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Indonesia pada tahun 1984, GNI mereka adalah USD540. Dia mengenakan 10%. Singapura semasa 1999, masa USD10,200, mereka mengenakan 7%, Thailand pada tahun 1992, USD1,870 mereka kenakan 7%. China Yang Berhormat Tan Sri Speaker, 1994 Tan Sri Speaker, berapa GNInya USD460. Berapa *percent*nya 17% Tan Sri Speaker. Adakah China bodoh? Kalau Malaysia sekarang 10,430 kenakan 6%, teruk sangat ke kita? Seolah-olah tidak ada yang baik, tidak ada yang betul, tidak ada yang menguntungkan. Nak jadi apa kita ni? Saya boleh jadikan satu contoh, ada 2 contoh. Saya dah ceritakan contoh ini. Ghana pada tahun 1955, 15% dia kasi GST Yang Berhormat Tan Sri Speaker. 15% dibatalkan, dibatal kerana pembangkang bantai kuat sangat. Tetapi pada tahun 1998, apabila pembangkang dapat memerintah dia laksanakan pula malahan 2013 mereka naikkan kepada 17%. Amacam? Lagi teruk. Malta, 1995 mereka kenakan 15%, dibatalkan kerana desakan pembangkang tetapi bila dah jadi pemerintah, 1999 naikkan 18%. Pembangkang cakap tak serupa bikin. (Dewan bertepuk).

Ha, cakaplah berapa ramai yang sini cakaplah, GST tapi jangan lupa pemimpin anugerah tuhan anda itu juga menyokong GST. Apa nak cerita? Yang kat dalam sana tu sekarang, pun menyokong GST. Dan pada masa yang sama kita kena ingat, saya bukan bercakap kepada setakat Wakil Rakyat, ni kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berada bersama dengan rakyat di bawah sana ni.

YB Speaker : Hadapkan ke saya ya.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kadang-kadang nak tengok yang lain juga. Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji AYub bin Jamil (Rengit) : Tan Sri.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Tan Sri Speaker, ni saya nak cakapkan ni. Realitinya mereka membawa hujah-hujah yang bertentangan antara satu sama yang lain. Yang ada kata ok, tapi kuranglah sikit. Yang ada tak nak langsung. Kenapa pula. Kata ok, kata nak kurang, kata nak tak nak langsung. Kalau kita nak kata kita serap Johor adalah negeri yang pertama menyatakan bahawa kita serap GST, apabila ianya berkenaan dengan PBT-PBT. Betul tidak? Tetapi lepas tu diikuti dengan negeri-negeri yang lain. Apa kenanya dengan 6% yang kita, 6% yang kita serap? Itu adalah 6% daripada pendapatan yang diterima oleh kerajaan negeri. Kena ingat. Kenapa nak dibezakan dengan bingung banyak sangat, cakap

Australia ada pihak yang katakan Australia cukainya tinggi, kebajikannya tinggi, memanglah. Apabila mereka dapat cukai yang lebih daripada pihak tuan-tuan, daripada pihak rakyat, dia akan memberi pulangan pada yang banyak. Baru sebulan mana nak akan dapat, tengok dia punya realitinya, mereka nak menggagalkan GST dan menggagalkan supaya rakyat benci, rakyat berontak dan itulah yang mereka usahakan sekarang ini. Tak hairanlah. Sebahagian daripadanya pegang pelekat, tepi jalan, alahai baju batik pula tu. Ini ke mentaliti yang nak jaga, yang nak memerintah kerajaan negeri Johor, jauhlah nak dibandingkan dengan Permas Jaya. Jauh. Berangan percuma tak ada masalah, tapi berpada-padalah nak berangan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dah lah pucuk pangkalnya hujah GST pembangkang tak boleh dipakai. Itu sahaja. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini 13 hari bulan. 13 hari bulan Mei. 47 tahun, 13 Mei. Saya tak nak cerita banyak berkenaan 13 Mei. Ia adalah satu titik hitam dalam sejarah Malaysia. Tetapi saya nak cerita 6 bulan yang lalu, 13 November. 13 hari bulan November 2014 yang lalu, 6 bulan yang lalu, Bajet 2015 dibentang oleh Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat telah melakar agenda untuk Johor yang lebih membangun dan sejahtera. Tema membangunkan Johor secara inklusif iaitu pendekatan terkini dalam pembangunan ekonomi. Berdasarkan pada 2 sebab, untuk memberi kesejahteraan hidup, lebih daripada aspek material dan juga memungkinkan, memulihkan kesenjangan agihan kekayaan dan kemakmuran ekonomi.

Saya nyatakan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana kita menghargai, kerana kerajaan mengambil pendekatan komprehensif untuk menilai semula strategi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Johor yang mesti melihat dan mengambil kira melangkaui *indicator* kewangan tradisional atau *beyond traditional monitor indicator*. Saya sengaja nyatakan ini Tan Sri Speaker kerana saya nak maklumkan pada kerajaan, kami masih memegang buku ini yang memuatkan Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Besar bagi pihak kerajaan negeri. Dalam erti kata yang lain, semua pemimpin-pemimpin negeri, Wakil Rakyat dan juga kakitangan kerajaan, rakyat melihat dengan dekat tentang perkembangan perancangan-perancangan yang ada.

Justeru itu, saya ingin mengambil penekanan, saya nak menekankan bahawa kita minta pihak kerajaan lebih serius melihat kepada memantau tentang perkembangan dan pencapaian apa yang telah dirancang. Ini baru masuk 6 bulan. Hari ini 13 Mei, baru 6 bulan. Sewajarnya boleh diadakan pemantauan secara berkala sama ada *first quarter, second quarter, third quarter dan fourth quarter* untuk memastikan apa yang dirancang berjaya dan ia memberi manfaat kepada kerajaan keseluruhan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa yang sama juga Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menekankan di sini bahawa kejayaan mengenengahkan masalah melalui suara rakyat ini yang dikatakan melalui suara hati rakyat ini, Alhamdulillah saya berbangga. Kerajaan negeri Johor bukan sahaja sepertimana Rengit katakan kata berjaya dan kita anggap berjaya dan kita akui berjaya, tetapi pada masa yang sama negeri Johor, kita menyumbang idea-idea yang baik ke peringkat-peringkat nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sewajarnya selaras dengan apa yang dikatakan, Johor mesti jadi Johor ini. Kami berbangga apa Yang Amat Berhormat mencadangkan tentang cadangan untuk mengatasi masalah bukan soal saja soal

penyediaan rumah-rumah dalam negeri Johor ini, tetapi juga tentang pembiayaannya. Alhamdulillah dan kenapa tidak kita harus berani dalam negeri Johor kali ni, kenapa tidak kita mencadangkan juga kalau pihak federal tidak boleh adakan, kita harus fikirkan bagaimana kita boleh mengadakan bank perumahan sendiri untuk negeri Johor Darul Ta'zim mengatasi masalah yang ada ini.

Dan pada yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengulangi lagi, saya ingin mengulanginya lagi soal perkara-perkara yang telah pernah saya bawa soal kebajikan, telah tiba masanya negeri Johor Darul Ta'zim ini mempunyai apa yang dinamakan Dana Kebajikan Negeri Johor Darul Ta'zim. Yang dimulakan oleh pihak kerajaan dan selepas itu dilibatkan semua pihak swasta mahupun orang awam untuk sama-sama menyumbang ke dalam tabung ini ataupun dana ini. Agar permasalahan orang-orang susah, tentang mereka yang sakit terlantar dan memerlukan perubatan akan dapat ditangani dalam negeri Johor sendiri di samping bantuan-bantuan yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengingatkan tentang apa yang dah ada, berada di hadapan kita ini, iaitu apa yang kita hadapi tentang pembangunan dalam selatan negeri Johor ini khusus dalam IRDA, kita hanya ada 10 tahun lagi untuk IRDA berfungsi dalam negeri ini. Pada tahun 1925, pada 2025, IRDA dah tak ada lagi, persoalannya adalah bagaimana kesiapsiagaan kita pada waktu itu. Apabila Selatan Johor ini di bawah IRDA telah menjadi metropolitan, bukan soal infrastrukturnya sahaja tetapi perkhidmatannya. Justeru itu, kita harus menekankan soal persiapan dan persiapsiagaan kita ini. Bagaimana pegawai-pegawai kita, pentadbir-pentadbir kita boleh memikirkan dan berhadapan dengan cabaran metropolitan apabila insya-Allah MPJBT akan jadi Bandaraya. Pasir Gudang akan menjadi Bandaraya. Dan kita akan ada 3 Bandaraya di selatan negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga berharapkan dan ingin menekankan dalam konsep Johor mesti jadi Johor dalam para 20 yang telah dimaklumkan atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya ingin menekankan bahawa pihak-pihak lain jangan banyak sangat-sangat campur tangan negeri Johor ini. Mereka yang panjang akalnya jangan pula cetek pengetahuannya tentang apa yang dikatakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Kita tahu yang terbaik untuk Johor dan kita mengharapkan, kalau mereka tak boleh membantu kita, jangan pula ada pihak-pihak luar yang cuba menyusahkan kita dengan *statement-statement* atau keterangan yang juga kenyataan-kenyataan yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman antara kita bersama kita dalam negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga mengharapkan Yang Berhormat Dato' Speaker agar persefahaman yang saya harapkan antara pemimpin-pemimpin khususnya ahli-ahli politik dalam negeri Johor ini. Kalau anda semua berada dalam Dewan Undangan Negeri Johor ini, kita berpayung dalam negeri Johor ini di bawah kerajaan negeri Johor ini, janganlah dicampur adukkan dengan soal nasional dengan kerajaan negeri ini. Saya pasti kalau ini dapat dilakukan Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya kesetiakawanan kita akan lebih akrab dan lebih baik untuk kerajaan negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini 13 Mei. 3 hari yang akan datang, kita akan menyambut 16 Mei, Hari Guru. Tema tahun ini "Guru Membina Ilmu Dan Menyempurnakan Akhlak". Membina ilmu, menyempurnakan akhlak, cantik. Tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya tengoklah apa yang ada kat dalam Dewan ini, mantan-mantan guru kita mengeluarkan hujah, pendapat yang begini rupa, saya takut tentang masa depan kerajaan dan juga negara ini. Bayangkanlah,

GST kebetulan buat pada 1 April, dia katakan *April Fool. April Fool.* Hanya kerana 1 April, katanya *April Fool.* Mereka ni adalah orang-orang yang pernah bertugas dalam institusi pendidikan, kalau inilah idea mereka, rosak kita. Apatah lagi orang-orang ini orang-orang yang masih muda bertenaga. Saya takut kalau ia boleh meracuni dan akhirnya mereka sendiri akan membayar kesan daripada apa yang mereka katakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jangan pandai-pandailah orang kat sini ni, kalau nak bercakap pasal Tabung Haji, 1MDB. Berapa deposit anda dalam Tabung Haji? Kerana yang bodoh dalam Tabung Haji inilah, anda semua dapat 8% dividen. Betul tidak? Kerana yang bodoh, yang bangang dalam Tabung Haji inilah yang boleh bagi subsidi kepada kita, mak bapak kita, adik beradik kita pergi haji. Berapa yang kita bayar? Tambang RM9,980.00 tu. Kerajaan subsidi bayar RM7,290.00. Berapa keseluruhannya patut kita bayar? Kita patut bayar RM17,270.00. Yang bodoh nilah Tan Sri, boleh dapatkan dividen, dapatkan untung, beri subsidi, subsidi kepada yang pergi, subsidi kepada yang memimpin, subsidi kepada yang jaga keselamatan, yang tukang masak, yang jaga kesihatan. Apa sebenarnya tujuan mereka menyerang? Sedangkan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, segala apa yang berlaku adalah menepati syarat-syarat pematuhan syariah sepertimana yang telah dinyatakan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Tak ada unsur-unsur yang meragukan ataupun gharar. Jangan berani cakap. Kalau untung, semua senyap. Belum rugi pun, mereka dah *attack* dan serang kita begini rupa. Sebab itulah dalam hal ini, yang punya badan pun kena ingat. Kerana mereka ini sebenarnya ada agenda yang lebih besar daripada apa yang kita lihat. Sebab itu kita mahukan keadilan yang sebenar-benarnya keadilan. Betul katakan betul, salah katakan salah. Yang baik kita terima, yang kurang baik, kita betulkan bersama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga mengharapkan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, banyak perkara-perkara yang mungkin kita harus lihat bersama, agar negeri kita ini akan diberi lebih lagi. Lebih lagi mencakau skopnya daripada segi soal kebajikan. Saya nak cerita berkenaan dengan apa yang dikatakan sukarelawan kebajikan. Saya dimaklumkan dalam negeri Johor, kita ada sukarelawan kebajikan. Setiap daerah kita ada sukarelawan kebajikan, tetapi soalnya apabila peringkat daerah, ianya tidak dapat bergerak dengan baik, kerana 1 daerah hanya 1 pasukan sedangkan daerah itu besar. Saya mencadangkan apalah salahnya agar ianya dikembang luaskan dengan bantuan dan geran sebagai pertubuhan-pertubuhan sukarelawan kebajikan dalam negeri Johor ini.

Dan saya dapat makluman bahawa mereka adalah kumpulan-kumpulan yang komited, yang dah ada pun. Kalau pun kalau kita nak menubuhkan lagi persatuan-persatuan atau badan-badan sukarela yang lain, saya harapkan yang ada ini harus dibantu dengan sebaiknya agar mereka boleh berfungsi dengan lebih baik di masa yang akan datang. Dan pada masa yang sama juga, saya nak ambil kesempatan di sini, kita harus melihat balik soal bantuan-bantuan. Contohnya bantuan pengkebumian untuk kes-kes Kebajikan Masyarakatnya. Sekarang ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bantuannya adalah bernilai RM150.00. RM150.00 sekarang ni kalau dekat hospital aje Tan Sri Speaker, sekurang-kurangnya RM350.00, itu pun boleh *claim* kemudian setelah tunjuk surat mati. Jadi kita harus lihat perkara ini, kerana saya telah bertemu dengan kes-kes yang sebegini rupa, tak satu tak dua, lebih daripada 5 kes-kes yang berlaku seperti ini. Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Speaker : Sila gulung Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang saya hormati Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga berharap kesempatan ini untuk kita lihat balik, tentang guru-guru agama khususnya DG34. DG34 ni dah dibuat sejak 10 tahun yang lalu. Di lihat 10 tahun yang lalu. Telah tiba masanya untuk kita melihat lagi. Kerana saya dimaklumkan bahawa DG34 ni bilangannya sikit dan juga soal bilangan-bilangan sekolah yang ada. Gred A di sekolah kebangsaan, dikirakan sekolah-sekolah yang mempunyai pelajaran ataupun pelajar 300 orang ke atas tetapi sekolah agama ini lebih kepada 1,000 orang ke atas barulah di kira Gred A. Bermakna, kita harus melihat perkara ini. 1,100 lebih kalau murid-muridnya dah terlalu besar sangat. Memandangkan kita juga sedang membangunkan sekolah-sekolah agama yang baru, sudah tiba masanya dan ada kewajarannya kita untuk melihat supaya guru-guru DG36 diletak di sekolah-sekolah yang ditambah bilangannya di kalangan sekolah-sekolah dijadikan A dalam negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang ada ini dan kita harus bekerja terus memastikan negara dan negeri yang tercinta ini maju ke hadapan. Saya harapkan orang muda seperti Pekan Nenas harus mengambil kira tentang apa yang diperkatakan. Kerana mulut, kerana santan, kenapa pulut, mulut...

YB Speaker : Binasa.

YB Datuk Samsolbari bin Jamali (Semarang) : kerana mulut badan binasa. Anda bukan didengar sahaja dalam Dewan ini. Anda juga sedang diperhatikan oleh orang sana. Tak semua yang anda nyatakan semua disokong. Tetapi sebenarnya ada ramai orang yang memperlekeh dan merendahkan martabat daripada apa yang anda cakapkan. Pada yang lain juga harus berhati-hati, kita bukan sahaja akan habis di dalam Dewan ini, kita akan habis di Dewan Undangan Negeri, kawasan Undangan Negeri masing-masing. Saya percaya Tan Sri Speaker takkan setuju untuk Parit Yaani terus menjadi Wakil Rakyat di Parit Yaani dalam musim yang akan datang. Dan pada masa yang sama, kita juga bersedia pergi Dewan Barisan Nasional untuk menghadapi cabaran, kita kena kerana kita menyatakan *services orientated* soal apa yang kita khidmatkan bukan soal apa yang kita cakapkan. Inilah cara Barisan Nasional.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih. Saya menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Semarang. Sekianlah sahaja perbahasan kita selama 4 hari ini. Mudahan-mudahan memberikan sebesar-besar manfaat kepada rakyat di negeri Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 17 Mei 2015, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEENAM	AHAD, 17 MEI 2015	BIL. 8 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN., SSAP., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Marsan bin Kassim, DMIJ., SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita disambung semula.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Serom jemput.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Minhat (Serom) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Apakah pendirian Jabatan Pendidikan Negeri terhadap harapan anak-anak muda dan masyarakat setempat yang kini tidak dibenarkan lagi untuk menggunakan padang sekolah yang berdekatan bagi tujuan aktiviti harian sukan seperti bola sepak pada sebelah petang?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jabatan Pendidikan Negeri Johor tiada sebarang halangan terhadap sebarang bentuk penggunaan padang oleh persatuan-persatuan termasuklah persatuan belia bagi tujuan aktiviti sukan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, segala kemudahan di sekolah termasuklah padang adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagaimana Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7, 1991.

Sekiranya persatuan ingin memohon, ingin menggunakan padang sekolah, maka persatuan hendaklah memohon dengan pihak pentadbir sekolah dan kebenaran untuk menggunakan kemudahan ini terbatas kepada ruang waktu serta tidak mengganggu perjalanan dan pelaksanaan program dan aktiviti sekolah itu sendiri.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih...

YB Speaker : Lambat sangat... Saya dah nak beralih soalan yang kedua aje.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih jawapan yang diberikan oleh EXCO tadi tetapi sekarang ini apa yang sebenarnya berlaku, pihak sekolah sendiri yang tidak membenarkan masyarakat setempat. Jadi soalan saya adalah bolehkah menjadikan padang itu adalah kegunaan masyarakat setempat yang boleh digunakan oleh pemuda-pemuda untuk main bola sepak seperti zaman-zaman dulu... zaman-zaman kita.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya boleh tapi kena minta kebenaran dengan pihak sekolah. Sebab kalau kita nak bandingkan dengan dulu, dulu sekolah pun tak ada pagar, padang terbuka pada orang kampung. Tapi hari ini oleh kerana di sekolah itu ada pelbagai peralatan yang komputer lah, LCD dan sebagainya, maka dia tertakluk kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan keselamatan. Jadi kalau pihak sekolah, pihak persatuan ataupun orang kampung nak gunakan, dia boleh minta kebenaran. *So,* dia tertakluk kepada... tapi pihak Jabatan memang tak ada halangan.

YB Speaker : Yang Berhormat Senggarang jemput.

YB Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Soalan nombor 2.

Sejauh manakah pihak kerajaan terlibat dalam penanaman semula kayu bakau di kawasan-kawasan yang terhakis. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menjalankan aktiviti bersepadu dengan pihak swasta dan NGO dalam memulihkan semula kawasan-kawasan tersebut?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tan Sri Speaker, dalam konteks Jabatan Pengairan dan Saliran, usaha-usaha menghalang serta memulihkan hakisan kawasan pantai paya bakau dilakukan dengan pelaksanaan projek-projek mencegah hakisan pantai. Pelaksanaan projek-projek ini dapat menstabilkan pantai yang berpotensi mengalami hakisan serta pantai-pantai yang sedang mengalami hakisan. Secara praktikalnya, penanaman semula kayu bakau di kawasan-kawasan terhakis dilakukan sejurus pantai-pantai yang terhakis distabilkan.

Bagi Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Jabatan ini tidak terlibat secara langsung dalam penanaman semula kayu bakau di kawasan-kawasan yang terhakis. Sebaliknya Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Taman Negara yang lebih bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti bersepadu dengan pihak swasta dan NGO dalam memulihkan semula kawasan-kawasan tersebut.

Bagi Perbadanan Taman Negara Johor, penanaman bakau di kawasan yang terhakis telah giat dijalankan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Namun bagi pemerhatian dan kajian yang dibuat oleh pihak Institut Perhutanan Malaysia (FRIM), penanaman di kawasan terhakis menghadapi banyak faktor... menghadapi banyak faktor yang menyebabkan pokok bakau tidak dapat hidup subur. Untuk aktiviti konservasi di Taman Negara Johor Pulau Kukup contohnya aktiviti telah dijalankan sejak lama dulu. Dan mengikut statistik pada tahun 2014, Taman Negara telah menjalankan 24 aktiviti penyemaian dan penanaman pokok di kawasan paya bakau Taman Negara Pulau Kukup. Sebanyak 2,350 semaian pokok telah dilakukan dengan jumlah penanaman pokok sebanyak 1,750.

Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penglibatan pihak NGO dan swasta dalam usaha untuk memastikan bahawa usaha penanaman bakau ini dapat dipergiatkan. Terima kasih.

YB Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Soalan tambahan

YB Speaker : Senggarang jemput.

YB Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seolah-olahnya *trend* hari ini atas nama pembangunan, kawasan-kawasan kayu bakau ini sering dimusnahkan. Dan apatah lagi masyarakat begitu mudah untuk meneroka kawasan-kawasan ini. Jadi, saya ingin bertanya soalan saya di sini ialah sejauh manakah keprihatinan masyarakat tentang pentingnya dikekalkan hutan paya bakau di negeri Johor ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada ADUN Senggarang.

Sebenarnya inilah yang ingin kita lakukan kepada pihak masyarakat, khususnya kepada mereka-mereka yang berada di IPT dan juga IPTS dan juga di sekolah dalam usaha untuk memastikan bahawa mereka diberikan pendedahan dan juga pendidikan yang berkaitan tentang keperluan untuk menjaga kelestarian terutamanya yang berkaitan tentang pokok bakau.

Dan di bawah Taman Negara, kita telah pun menganjurkan pelbagai program yang memberikan peluang kepada mereka mengenal pasti dan juga mengetahui tentang apakah peranan pokok bakau dalam memastikan ekosistem pantai itu dapat dikekalkan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Di sini dikatakan penanaman semula hutan bakau. Tapi ada lagi tapak-tapak hutan bakau yang belum diwartakan sebagai tapak RAMSAR. Hanya khasnya hutan bakau di Sungai Pulai seluas 9,126 hektar. Tapi yang dicadangkan diwartakan selepas itu adalah 2... 6,740 hektar sahaja dan 2,386 hektar hutan bakau Sungai Pulai itu akan digunakan untuk pembangunan. Kenapa kerajaan selewat-lewat ini belum mewartakan hutan bakau Sungai Pulai mengikut spesifikasi RAMSAR sebagai tapak RAMSAR? Itu nampaknya sengaja sahaja tidak diwartakan supaya ada Sungai Pulai, hutan bakau yang boleh dibuka untuk pembangunan. Itu merupakan satu konspirasi yang mengkhianatkan anak Johor khasnya dan nelayan-nelayan. Apa tindakan yang boleh diambil dan akan diambil?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih kepada Skudai cuma kalau dikatakan bahawa kita cuba nak mengelah-elahkan, melengah-lengahkan itu, itu adalah merupakan satu kenyataan yang saya rasa tak sesuai. Kerana kerajaan memang berusaha untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai untuk digazetkan sebagai kawasan RAMSAR memang kita lakukan.

Bagi Sungai Pulai kita menghadapi pelbagai masalah yang sebenarnya telah pun cuba diatasi terutamanya yang berkaitan tentang kerja ukur dan sebagainya. Dan saya yakin dan percaya bahawa sebelum tahun ini, kita akan cuba untuk pastikan bahawa pewartaan itu dapat dilakukan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.
YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Nyatakan sama ada peruntukan Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih digunakan untuk memastikan pemaju awam dan swasta melaksanakan pembinaan rumah-rumah kos murah dan sederhana memandangkan komitmen pemaju swasta dewasa ini sangat ketara tidak melaksanakan tanggungjawab itu?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, melalui pemantauan Jawatankuasa *Task Force* Perumahan Negeri Johor, kerajaan negeri telah meningkatkan jumlah sasaran perancangan pembinaan rumah mampu milik Johor sehingga 2018 daripada 42,000 unit. Dan jumlah ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, telah meningkat kepada 46,000 sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat pada hari semalam.

Dan keadaan ini jelas menunjukkan komitmen yang baik daripada pihak pemaju dan juga agensi kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah idaman mereka sendiri. Ianya merupakan satu tanggungjawab dan fokus utama kerajaan bagi mempastikan perancangan ini berjalan lancar. Oleh sebab itu, kerajaan negeri dari semasa ke semasa sentiasa menjalinkan hubungan yang baik bersama pihak pemaju swasta yang dipertanggungjawabkan membina rumah mampu milik agar pendekatan persediaan rumah mampu milik ini mencukupi untuk rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman sidang Dewan, kita, Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan terdiri daripada Akta Pemaju Perumahan, Akta 118, Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171 dan Akta Perancang Bandar dan Desa 1978, Akta 172, sebenarnya tidak menyentuh secara spesifik tentang komitmen pemaju untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik ini.

Bagi mempastikan komitmen daripada pemaju swasta ini terus berlaku, kerajaan negeri telah mengeluarkan satu pekeliling baru iaitu Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 1 Tahun 2014 untuk dasar perumahan rakyat Johor. Pekeliling baru ini adalah bertujuan untuk menjelaskan komitmen pemaju swasta dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan komitmen pemaju swasta untuk membina rumah mampu milik ini.

Bagi mempastikan kelangsungan ini berlaku, sebuah perjanjian 3 pihak diwujudkan bagi mempastikan kerjasama di antara ketiga-tiga pihak ini berlangsung secara berterusan. Pekeliling ini adalah diguna pakai dalam menyemak permohonan Kebenaran Merancang yang mana dasar ini jelas memperuntukkan 40% perumahan kos rendah dan sederhana rendah yang perlu disediakan oleh pemaju ketika mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada masa ini kerajaan negeri telah mengambil langkah bagi memantau pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana melalui pendekatan mewujudkan satu Jawatankuasa *Task Force* di setiap daerah. Melalui Jawatankuasa *Task Force* perumahan ini, setiap pemaju akan dipantau akan status pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah di dalam pembangunan mereka. Sekatan terhadap mengemukakan permohonan pelan bangunan bagi perumahan biasa telah pun dilaksanakan bagi mengimbangi pelaksanaan pembinaan antara perumahan biasa dan juga perumahan kos rendah dan sederhana.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker atas jawapan EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Setakat ini sehingga ini, saya nak tanya sama ada komitmen kerajaan negeri untuk mengawal pemaju-pemaju ini dalam melaksana tanggungjawab ini membina rumah dipanggil RMMJ ini, Rumah Mampu Milik Johor. Kalau Akta ini digunakan, Akta yang disebut, tentu kelewatan atau kesengajaan ini untuk tidak membina rumah ini boleh berlaku, tetapi kelonggaran Akta ini menyebabkan kita sekarang ini masih menunggu. Contoh kes ialah Taman Daiman Jaya, kawasan saya Tan Sri Speaker, kita tak dapat tengok lagi rumah dibina dan telah diasak beberapa kali oleh masyarakat tempatan. Jadi kalau Akta ini longgar, apakah komitmen selanjutnya boleh kita laksanakan? Supaya jangan ada isu ini timbul lagi kerana rakyat dah cerita banyak pasal rumah ini. Terima kasih Dato' Speaker.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada sahabat saya daripada Pasir Raja.

Ahli Dewan sedia maklum bahawa peningkatan rumah bila permulaan pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebanyak 28,000 disasarkan dan meningkat kepada 37,000 pada pertengahan 2014 dan pada awal 2015, dia meningkat kepada 42,000 rumah mampu milik. Dan semalam peningkatan kepada 46,000 unit Rumah mampu Milik akan dibina pada 2018. Ini bermaksud kaedah yang kita guna pakai dalam perjanjian dan kita berbincang dengan pihak swasta selain daripada agensi kerajaan yang melaksanakan, ia menampakkan satu peningkatan yang baik dan kaedah kita menyenaraihitamkan pemaju, menyebabkan pemaju hadir untuk sama-sama kita memikirkan kaedah bagaimana projek dapat dilaksanakan. Dan, satu perkara yang agak baik yang saya ingin jelaskan, contohnya Taman Daiman. Projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana jumlah keseluruhan projek ini adalah sebanyak, untuk rumah murah dan sederhana jumlah 2,500. Tetapi, berdasarkan kepada peratus pembangunan dan pihak pemaju boleh tidak membina rumah ini kerana ada dalam KM perancangan satu fasa mempunyai bangunan strata sebanyak 500 unit dan yang lain sebanyak 2,000 unit.

Oleh kerana kalau nak melaksanakan projek strata dalam kawasan luar, dalam kawasan Kota Tinggi yang tidak sesuai diguna pakai buat masa ini, sebab itu pihak kerajaan dan kita melakukan perbincangan dengan pihak pemaju untuk mengubah kepada bertanah ataupun dengan kata *landed*. Jadi usaha yang kita buat ini telah menjadi kesan yang baik di mana pihak pemaju bersedia membina sebanyak 250 unit diubah kepada strata kepada *landed*. Jadi insya-Allah, beberapa perkara yang kita terpaksa ubah balik dari segi penstrukturan semula dan KM merancang yang kita ubah untuk menjadikan *landed,* akhirnya projek ini mungkin akan kita mulakan dan pihak pemaju komitmen untuk melaksanakan dalam tahun ini. Dan saya jangkakan berdasarkan kepada kelulusan yang telah diluluskan di pihak Pejabat Tanah Daerah dan telah dibawa ke pihak PTG, maka projek ini akan dilaksanakan sebelum berakhirnya 2015. Dan kita mengharapkan ianya akan disiapkan sebelum menjelang 2018.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker..

YB Speaker : Yalah. Yang Berhormat belakang, yalah. Buat apa nak toleh lagi?.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yalah memang ada banyak akta. Ada akta yang digunakan untuk memantau pembinaan Rumah Mampu Milik ini. Tetapi secara praktikalnya kadang-kadang ada kelemahannya. Contohnya, isu yang saya nak sentuh di sini adalah berkenaan dengan lesen pembangunan. Dalam pelan induk pembangunan yang besar, memang ada merancang untuk membina Rumah Mampu Milik tetapi biasanya pemaju akan membina rumah dari fasa ke fasa. Jadi, bila dari fasa ke fasa mereka akan memohon lesen pembangunan. Jadi dalam memohon lesen pembangunan ini, tidak ada syarat yang meletakkan bahawa lesen pembangunan fasa yang kecil ini perlu datang dengan rumah, bilangan Rumah Mampu Milik. Jadi, soalnya adalah bilangan lesen pembangunan yang diluluskan tidak menetapkan syarat untuk membina kos rendah walaupun pelan induk ada. Jadi saya nak, soalan saya adalah adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk melihat perkara ini, untuk memperbaiki keadaan, kerana selain isu ini, kemudian kelonggaran juga diberikan untuk mereka, kadang-kadang mereka memohon untuk menangguhkan pembinaan ataupun tukar tanah dan sebagainya. Ini semuanya akan melambatkan proses pembinaan Rumah Mampu Milik. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada ADUN Stulang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum ini memang kita dapati permohonan pihak pemaju biasanya dia akan membuat fasa ke fasa. Dan kebanyakannya fasa ini untuk Rumah Mampu Milik biasanya ini di peringkat terakhir dan tiada pengawalan dari segi akta sedia ada untuk kita menjadikan kewajipan kepada pemaju seperti yang saya jelaskan tadi. Oleh sebab itu, kita membuat penyelarasan semula dari segi projek pembangunan yang dilakukan mestilah serentak contohnya, fasa pertama. Dalam fasa pertama tersebut mesti dah ada rumah-rumah murah ataupun rumah-rumah mampu milik.

Jadi dengan kaedah ini kita dapat menyelaras selain daripada yang kita lakukan seperti yang saya sebutkan tadi ialah dalam bentuk *blacklist* yang kita tetapkan supaya pemaju mengubah ataupun mengikut syarat yang kita dah tetapkan berdasarkan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan sebelum setiap pembinaan itu dilaksanakan. Dengan kaedah ini, pemantauan kita lebih jelas. Sebab itulah ada perubahan peningkatan yang agak drastik dan pihak kita pun melakukan perbincangan yang baik secara menang-menang dengan pihak pemaju supaya tidak berlaku atau pasal kita boleh menyebabkan projek-projek terbengkalai. Jadi dengan kaedah yang kita buat ini mendapat impak yang baik dan pemaju menyahut baik, bahkan sasaran kita akan terus meningkat untuk pembinaan Rumah Mampu Milik yang kita tahu mengalami kekurangan berdasarkan permintaan sebanyak 85,000 unit.

YB Speaker : Yang Berhormat Bekok, jemput.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Apakah hasrat kerajaan negeri untuk membantu penternak ayam menghadapi impak kenaikan harga bahan mentah dan pelaksanaan GST kerana mereka tidak diberi bantuan subsidi dan insentif seperti petani yang lain?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bekok bertanyakan, apakah hasrat kerajaan negeri

untuk membantu penternak ayam menghadapi impak kenaikan harga bahan mentah dan pelaksanaan GST kerana mereka tidak diberi bantuan subsidi dan juga insentif seperti petani yang lain? Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri mempunyai program dan bajet tetap di bawah rancangan tahunan untuk penternak-penternak ayam seperti usaha penyusunan semula industri dengan mengambil kira tahap infrastruktur, kemudahan ladang dan keupayaan pengurusan. Jabatan juga memainkan peranan di dalam proses transformasi ladang ayam, ladang ayam sistem reban terbuka kepada tertutup selaras dengan pembangunan pesat kawasan penempatan, perniagaan dan kemudahan awam negeri Johor.

Jabatan mempunyai, jabatan membantu dalam dengan peningkatan bilangan ladang ayam yang mengamalkan *Good Veterinary Hygiene Practice,* dengan izin dan *Malaysian Good Agriculture Practices,* dengan izin secara berkesan melalui pemantauan secara berkala dan berterusan. Jabatan juga merancangkan program-program menggalakkan usahawan baru termasuk tawaran, bantuan, input, prasarana dan peralatan, dan menganjurkan kursus dan latihan. Jabatan merancangkan peruntukan dari segi pembangunan infrastruktur dan prasarana kepada ladang-ladang ayam yang dikenal pasti berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, jabatan juga menjalankan program-program kawalan penyakit secara tetap dan berkala melalui program *surveillance*, mempertingkatkan pencegahan, kawalan dan pembasmian terutamanya penyakit-penyakit *zoonotik* dan juga ekonomi di ladang-ladang ayam. Jabatan juga memberi perhatian, memberi perkhidmatan lain terutamanya dari segi kawalan pencemaran industri melalui aplikasi teknologi-teknologi yang lebih mesra alam. Pendekatan ini membantu penternak-penternak ayam mengurangkan risiko menjadi sumber pencemaran secara berkesan dan juga berterusan.

YB Speaker : Jemput Bekok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kenapa kita perlu membantu penternak ayam kerana mereka menghadapi banyak cabaran seperti teknologi penternakan dan kebersihan di mana benar mereka tidak mencukupi. Kita tahu daging ayam dan telur ayam adalah keperluan harian rakyat. Jadi kerajaan perlu memberi keutamaan dan bantuan dalam isu ini. Soalan tambahan saya, berapakah peruntukan yang akan dihulurkan oleh kerajaan negeri untuk membantu penternak ayam pada tahun 2015 sehingga 2016?. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bekok adalah merupakan soalan data. Jadi sepatutnya di masukkan dalam soalan awal supaya perkara ini boleh saya bentangkan dengan secara *detail*. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri pada tahunan, setiap tahun memperuntukkan hampir RM2 juta untuk pelbagai insentif untuk menyelesaikan isu-isu dari segi masalah penternak-penternak termasuklah khidmat nasihat dan juga isu kacau ganggu terutamanya kacau ganggu lalat yang mana kita tahu peruntukan ini hanya kerajaan negeri Johor sahaja yang memperkenalkan peruntukan untuk membiayai EM, kos EM untuk menyelesaikan isu kos ganggu lalat. Begitu juga infrastruktur yang lain, kerajaan memberi peruntukan meringankan beban pengusaha-pengusaha ternakan ayam.

Sebenarnya, kerajaan negeri bukan sekadar penternak-penternak ayam sahaja begitu juga sektor-sektor yang lain, penternak-penternak yang lain sama ada lembu, kambing, begitu juga penternak babi juga. Kita membantu kerana kita ingin terus menggerakkan sektor pertanian khususnya dalam bidang ternakan ini terus berkembang seperti mana kita sedia maklum bahawa negeri Johor menjadi pengeluar utama ternakan ayam daging dan juga telur di Malaysia.

Sehubungan dengan itu apabila kita menjadi peneraju banyak perkara-perkara yang perlu kita ambil kira supaya tidak menjadi satu beban, tidak menjadi satu masalah kepada rakyat. Seperti mana yang kita tahu, kita akan terus mempastikan isu-isu pencemaran, isu-isu permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dan juga penternak dapat kita kurangkan. Saya juga menasihatkan para penternak juga supaya menghubungi pihak Kastam kerana pengalaman saya bekerja sebagai pengurusan, dari segi berurusan dengan Kastam, terdapat juga cukai-cukai, pengecualian cukai daripada, dipanggil cukai jualan, CJ5 dipanggil untuk pihak penternak boleh dapat pengecualian pembelian input-input pertanian. Jadi, bagi penternak-penternak industri mereka boleh dapat pengecualian bagi produk-produk yang tertentu sekurang-kurangnya mereka dapat mengurangkan kos pengeluaran. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan pusat menyembelih ayam yang halal didapati di negeri Johor dan didapati pusat penyembelih ayam yang terdapat di Pandan telah ditutup dan mengakibatkan penternak ayam yang sekitar menghadapi masalah untuk sembelih ayam. Apakah rancangan dan tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?.

YB Speaker : Ya, soalan ini lari sedikit. Pusat menyembelih pulak. Nak jawab, jawablah. Tak jawab pun tak apa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekali lagi soalan data yang ditujukan kepada saya. Saya minta maaf saya tidak dapat menjawab secara *detail* kerana saya tidak mahu memberi jawapan yang silap di Dewan ini dan juga tidak berkaitan dengan soalan yang ditanya oleh pihak Bekok. Saya minta maaf.

YB Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Sila nyatakan bilangan OKU yang berdaftar dengan JKM di negeri Johor mengikut daerah dan berapa ramai kah yang bekerja dan apakah peratusannya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatuallahi ta'ala wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih juga kepada ADUN Paloh. Untuk makluman ADUN Paloh, pendaftaran OKU di negeri Johor sehingga Mac 2015 adalah seramai 42,755 orang. Dan mengikut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, penerima bantuan elaun cacat iaitu EPC seramai 10,122 telah pun menerima bantuan tersebut iaitu 23.7% berbanding pemegang kad OKU sedia ada. Dan jumlah OKU berdaftar dan bekerja mengikut daerah bagi suku tahun pertama 2015 adalah seperti berikut :-

1. Johor Bahru; 12,025 orang, yang menerima EPC, yang dikategorikan bekerja adalah seramai 2,354 (19.6%)
2. Batu Pahat; 6,467, yang bekerja 1,698 (26.3%)
3. Muar; 4,333, yang bekerja 1,239 (28.6%)
4. Kluang; 3,879, yang bekerja 766(19.7%)
5. Pontian; 3,132, yang bekerja 939 (29.9%)
6. Segamat; 3,634, yang bekerja 666 (18.3%)
7. Kota Tinggi; 3,024yang mendaftar, yang bekerja 970 (32.1%)
8. Mersing; 1,123, yang bekerja 234 (20.5%)
9. Ledang; 2,397, yang bekerja 743 (31%)
10. Kulaijaya; 2,741, yang bekerja 513 (18.7%)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khasnya Yang Berhormat Paloh, di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim atas keprihatinan kerajaan negeri Johor satu unit penempatan pekerjaan OKU telah ditubuhkan berasaskan kepada *Employment Module* dengan izin, atau modul pekerjaan. Penubuhan unit ini adalah dalam usaha memastikan peningkatan bilangan OKU di dalam sektor pekerjaan di negeri Johor dan unit ini ditempatkan di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim semenjak tahun 2010.

Dan, sehingga Mac 2015 seramai 457 Orang Kurang Upaya telah mendaftar dan dari jumlah tersebut seramai 408 orang OKU sahaja yang dikategorikan berpotensi untuk bekerja. Dan, sehingga kini seramai 88 orang telah menerima penempatan pekerjaan di pelbagai sektor melibatkan pelbagai kaum semenjak tahun 2010. Dan, maklumat daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor iaitu di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, kakitangan awam kerajaan negeri Johor sehingga 2015 adalah seramai 56 orang. Dan, daripada jumlah tersebut 1 orang di Bahagian Profesional – wanita iaitu OKU wanita dan 55 orang adalah kakitangan sokongan, iaitu 47 orang lelaki dan 8 orang perempuan. Dan, 6 kategori ketidakupayaan adalah iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, masalah pembelajaran, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai.

YB Speaker : Jemput Paloh.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Memandangkan OKU yang bekerja akan dapat bantuan sebanyak RM350.00 sebulan, manakala yang tidak bekerja akan dapat RM200.00 sebulan. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan supaya lebih ramai lagi OKU yang tidak bekerja akan cuba dapatkan kerja supaya mereka akan dapat bantuan yang lebih tinggi. Ini soalan tambahan saya, terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Paloh. Sebenarnya yang saya kata OKU ini Tan Sri Speaker, ada beberapa kategori. Yang menerima bantuan RM200.00 ialah OKU yang tidak mempunyai keupayaan untuk mereka bekerja. Dan kalau pun mereka mendaftar di Unit Penempatan Pekerjaan di bawah Yayasan Pembangunan Darul Ta'zim tapi mereka merupakan yang tidak dapat kita daftarkan ataupun mereka yang tidak dapat ataupun tidak berpotensi untuk kita mendapatkan pekerjaan. Sebab tu kita membantu mereka dari segi RM200.00. Itu adalah khas kepada mereka tanpa keseluruhan untuk keluarga mereka.

Tetapi sekiranya mereka telah berkeluarga dan mereka ada berkeupayaan untuk melakukan kerja-kerja ringan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri, kita mempunyai geran yang berjumlah RM2,700.00 yang boleh mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan kita memantau dari semasa ke semasa untuk membantu dengan memberikan mereka kemahiran dan mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi yang lain. Itu yang bantuan ataupun perkhidmatan bantuan yang kita boleh bantu kepada OKU yang berpendapatan RM200.00 itu tadi.

YB Speaker : Jemput, mintaklah bangun. Jemput Yang Berhormat.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Soalan tambahan saya, berapakah jumlah OKU yang belum mendaftar dan juga bagaimana pendaftaran ini dilakukan, serta akhir sekali apakah usaha JKM untuk mendaftarkan semua OKU yang terlibat dalam negeri Johor ini? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, sekarang ni kita telah pun mengadakan kempen untuk keseluruhan OKU di negeri Johor ini mendaftar dengan JKM. Dan, untuk tujuan tersebut kita mempastikan bahawa OKU-OKU yang mendaftar dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, KPI kita adalah 2 minggu daripada tarikh mereka mendaftar setelah mereka mengisi borang dan mendapat laporan doktor yang lengkap, dalam masa 2 minggu sahaja mereka akan mendapat kad OKU, iaitu mereka telah pun sah untuk mendaftar sebagai OKU.

Itu kempen yang kita lakukan dan dari segi keseluruhan yang sebagaimana Yang Berhormat tadi tanyakan, bahawa berapa ramai kah keseluruhannya. Jadi, yang dapat kita pastikan hanya apabila mereka telah mendaftar. Itu yang saya katakan sehingga kini hanya seramai 42,755 orang sahaja yang telah pun kita daftarkan di peringkat kami, di peringkat JKM. Dan, sebenarnya kita juga dari semasa ke semasa membuat pemantauan melalui pemimpin-pemimpin sama ada Ketua Kampung, Penghulu, Wakil-Wakil Rakyat dan sebagainya untuk mempastikan bahawa tiada OKU di negeri Johor ini yang kita terlepas pandang untuk didaftarkan di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat.

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Isu habuk dan kehadiran lori-lori berat membawa batu adalah satu masalah di kawasan DUN Bukit Batu kerana massalah kesihatan serta keselamatan pengguna jalan raya. Apakah tindakan kerajaan untuk mengawal isu-isu ini?

YB Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 7.

Apakah tindakan yang boleh dikenakan ke atas lori-lori yang membawa muatan melebihi had hingga merosakkan jalan-jalan tar di kampung-kampung?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan soalan ke 6 dan 7 bersekali. Yang Berhormat Bukit Batu bertanyakan tentang kehadiran lori-lori berat yang membawa batu. Jadi, sesuailah Yang Berhormat Bukit Batu tanya lori angkat batu. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat beberapa agensi yang mempunyai kuasa yang diperuntukkan berkaitan lori-lori membawa bahan galian iaitu batu dan pasir.

Agensi-agensi tersebut adalah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat berkaitan permit kenderaan dan pematuhan kepada syarat-syarat permit dan lesen. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkaitan spesifikasi kenderaan yang dibenarkan. Sementara Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan lesen dan pihak kuari dan syarikat bagi mengeluarkan, bagi membawa keluar bahan-bahan batu dan bahan galian. Sementara Polis DiRaja Malaysia, berkaitan keselamatan dan pematuhan kepada undang-undang di jalan raya.

Saya amat menyedari dan memahami matlamat Yang Berhormat Bukit Batu bertanyakan soalan ini, bukan nak tahu tentang undang-undang yang ada, tapi tentang soal jalan yang berhabuk yang mana pengusaha-pengusaha tidak mengambil berat tentang soal kepentingan orang ramai, pengguna jalan raya. Jadi, saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Bukit Batu kita mengharapkan pengusaha-pengusaha agar tidak dengan hanya meletakkan slogan atau pun papan tanda, jalan berhabuk, kesulitan amat dikesali, seolah-olah itu satu lesen yang membenarkan pemaju atau pun pengusaha membuat segala perkara yang mereka, tanpa mengambil berat tentang kepentingan orang ramai.

Jadi kita harapkan supaya melalui undang-undang sahaja tidak akan dapat mengatasi masalah ini. Kerjasama daripada pengusaha-pengusaha juga adalah amat penting. Kalau pengusaha benar-benar mengharapkan papan tanda itu sebagai komitmen mereka, kerajaan mengesyorkan jangan letak jalan berhabuk, kesulitan amat dikesali sahaja, tambah lagi dan sedia di penjara kalau pengguna amat merasa kesulitan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah ini berlaku di DUN Bukit Batu khususnya disebabkan lokasi kebanyakan kuari terletak di DUN berkenaan. Untuk memastikan tiada lori membawa lebih muatan daripada ditetapkan oleh JPJ, pihak PTG telah menetapkan syarat-syarat ketat iaitu semua kuari perlu menimbang muatan terlebih dahulu mengikut Berat Dengan Muatan yang dibenarkan sebelum lori tersebut dibenarkan keluar melalui jalan raya.

Semua lori-lori juga perlu menutup muatan tersebut seperti syarat yang dikeluarkan oleh JPJ. Pihak PTG juga telah menguatkuasakan peraturan di mana hanya lori yang dikhaskan untuk membawa bahan batuan mestilah dari jenis *tipper* atau *dumper* sahaja dikeluarkan lesen membawa batu, 4C iaitu permit dia. Bagi memastikan semua lori mematuhi peraturan yang ditetapkan SPAD telah mensyaratkan di dalam syarat permit jenis barang yang boleh dibawa dan juga pengusaha wajib mematuhi syarat-syarat lain.

Ada syarat-syarat lain lagi Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang berkaitan. Lori-lori yang tidak menutup muatan sebagai contoh, sehingga menyebabkan apa-apa lelehan, tumpahan, taburan atau kebocoran apa-apa bahan sama ada cecair atau pepejal boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kaedah 92 iaitu Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor, Pembuatan dan Juga Penggunaan 1959 yang jika sabit boleh didenda dengan tidak melebihi RM500.00; RM500.00 maksudnya atau di penjara tidak melebihi 1 bulan bagi kesalahan pertama.

YB Speaker : Cermin kereta tu pecah lebih daripada RM500.00

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Pasal batu jatuh daripada lori, cermin kereta pun pecah dekat belakang. Itu harga dia lebih daripada RM500.00

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : Itu kalau cermin kereta kena ada insurans Tan Sri Speaker, kalau dia tidak ada insurans, malanglah, kereta kat belakang tu. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : Kedua**,** Tan Sri Speaker, denda tidak melebihi RM1,000.00 atau di penjara bagi tempoh tidak melebihi 2 bulan atau kedua-dua bagi kesalahan berikut. Bagi lori yang disyaki membawa muatan melebihi had pula, Pihak Berkuasa boleh mengambil tindakan di bawah Kaedah 89 di mana jika jumlah lebih muatan kurang daripada 35 kompaun, ini yang saya tak faham, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, RM3.00 dikenakan kalau tak lebih daripada 35%, RM3.00 akan dikenakan. Manakala bagi jumlah lebih muatan RM3.00 ...

YB Speaker : Yang lebih tu apa Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : 35% kalau kurang daripada 35% kena RM3.00 Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kalau lebih daripada 35% kesalahan kali pertama, denda tidak lebih RM2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan dan untuk kesalahan berikut denda tidak lebih RM4,000.00 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Jadi lori batu nak hantar batu ke Singapura Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untung agaknya berlipat kali ganda jadi kalau kena denda RM3.00 pun tak apalah, dendalah.

Jadi ini yang kadang-kadang kita susah nak kawal Yang Berhormat. Tan Sri Speaker, tindakan juga boleh diambil di bawah Seksyen 57(3) Akta Pengangkutan Awam..

YB Speaker : Yang RM3.00 tu tak salah cetak ke? Betul ke tidak RM3.00 tu, betul eh RM3.00.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : RM3.00 Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya malam tadi pun bila baca..

YB Speaker : Tak salah *typewriter?*

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : Saya semak jawapan telefon balik semula *confirm* memang RM3.00. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Sila jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah: Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang jawapan daripada anu, daripada Machap.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah: Daripada Machap saya tambah sikit aje Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sama juga untuk jalan-jalan kampung, cuma kita jalan-jalan kampung ini tidak semua jalan tersebut diwartakan. Banyak jalan kampung kita mendapat izin lalu, maka atas dasar itu tindakan undang-undang adalah lebih sukar untuk dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha kerajaan seperti meletak gantri dan sebagainya telah dilakukan. Dan, kita harapkan kerjasama daripada pengusaha supaya mengambil kira tentang masyarakat dan juga aset-aset kerajaan ini lebih utamalah daripada hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih. Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Tan Sri Speaker, kalaulah dalam Dewan ini, dalam sidang lalu kita pernah dengar dari Batu Pahat ia terkenal dengan pisang, Tenang ada gajah, tidak hairanlah kalau di DUN Bukit Batu kita paling terkenal dengan batu. Saya rasa di DUN Bukit Batu tidak ada kurang daripada 10 kuari batu dan *premix*. Saya juga, kalau tidak silap sayalah kita mempunyai terbanyak kuari dan *premix* daripada 56 DUN di Johor.

Saya menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat sini dan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pergilah ke Kampung Baru Bemban. Terdapat 5 kuari, tengoklah pokok-pokok sana, daunnya bukan hijau, putih, silap-silap ingat kita di Korea bukan di Malaysia lagi sebab habuk daripada lori-lori dan kuari menjadikan daun-daun tu semua putih, Tan Sri Speaker.

Berkenaan dengan isu lori-lori berat ini, saya cadangkanlah bolehkah pihak kerajaan buatkan lebih banyak *spot check,* pemeriksaan terkejut kepada kuari-kuari berkenaan ataupun dekat laluan jalan yang selalu digunakan untuk memastikan mereka ini tidak melanggar udang-undang dengan melebihi had muatan. Dan, seperti yang tadi yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO, memang nampaknya banyak kelemahan daripada segi undang-undang sebab sekarang semasa kerana juga terlibat terlalu banyak pihak nampaknya. Boleh tak saya cadangkan kita ketatkan undang-undang. Apa kata kita naikkan denda, janganlah ada denda RM3.00 lah, RM500.00 lah, siapa pun tahu kalau dia lebih muatan dia punya untung tu berpuluh-puluh ribu mungkin juga, beribu-ribu. Apa kata kita naikkan denda, kalau dia degil lagi, kita gantung, gantung lesen operasi. Kalau dia degil lagi, terus batalkan sajalah Tan Sri Speaker, cadangan sayalah. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tindakan telah pun diambil oleh pelbagai pihak. Stesen penguat kuasa JPJ di Air Bemban telah banyak membuat pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala di daerah Yang Berhormat, di daerah Kulaijaya bagi memantau lori-lori yang membawa muatan yang lebih di sana.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak Januari 2014 hingga Mac 2015 sebanyak 421 saman telah dikeluarkan kepada lori-lori di daerah Kulaijaya di bawah satu kaedah sahaja iaitu Kaedah 89; Kaedah Kenderaan Bermotor Pembuatan dan Penggunaan, maknanya yang bawa muatan yang berlebihan tadi. 421 saman telah pun dikeluarkan untuk tujuan menjaga kepentingan orang ramai Yang Berhormat dari Bukit Batu. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sebab lori yang bawa apa tu, bawa batu, bawa tanah ni bukan sahaja dekat kuari, dekat kawasan Pengkalan Rinting, kawasan pembinaan juga ada masalah yang sama di mana sampailah ke *causeway highway* yang kita itu ada pun mempunyai masalah yang sama di mana lori-lori yang membawa tanah, membawa batu itu menjadikan *causeway highway* itu menjadi putih, berhabuk dan apakah tindakan yang telah pun diambil untuk mengatasi masalah ini. Sebab *causeway highway* itu merupakan laluan utama kita dan ada kalanya kita pun dapat tanah-tanah ataupun habuk dan batu-bata di tepi jalan itu. Itu membahayakan kegunaan jalan raya itu. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput. Ini dah jawab tadi tapi jemputlah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Luar Bandar dan Wilayah : Itulah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya pun setujulah bahawa mungkin agaknya kita kena fikirkan terlalu banyak pihak-pihak yang mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Saya percaya, yang pertama yang perlu dielak ialah supaya tidak berlaku agensi-agensi terkeliru sesama sendiri, itu perlu dielakkan yang pertamanya; yang kedua, kerana kerosakan ataupun habuk-habuk oleh kerana jalan *coastal highway* sebagai contoh jalan yang belum diwartakan. Jadi kita harap perkara itu kita selesaikan terlebih dahulu bagi membolehkan agensi-agensi yang berkaitan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita meraikan rombongan daripada Badan Permuafakatan Kampung Melayu Raya, Segamat, Johor yang bersama-sama dengan kita pada pagi ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh): Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 8.

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan penglibatan belia dalam bidang sukan dan apakah jenis sukan yang paling diminati?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera Yang Berhormat ADUN Paloh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, tahap budaya sukan di kalangan rakyat negara kita masih lagi rendah iaitu sekitar 30% berbanding dengan negara maju. Ini adalah hasil daripada kajian yang telah dilakukan pada tahun 2009 iaitu penglibatan belia dan masyarakat dalam sukan.

Oleh yang demikian, kita menyedari perkara ini, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah pun melaksanakan program-program dan strategi berlandaskan minat belia masa kini di dalam bidang sukan.

Belia mempunyai minat, kemahuan dan kelebihan yang berbeza. Oleh itu, untuk menarik lebih banyak penglibatan belia dalam sukan, kerajaan negeri melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor serta Majlis Sukan Negeri Johor dengan kerjasama NGO-NGO, persatuan-persatuan dan kelab-kelab yang ada di negeri Johor merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sukan yang dekat dengan masyarakat terutamanya belia.

Selain Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, bersama-sama Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan juga Majlis Sukan Negeri Johor telah pun merangka beberapa program yang bertujuan menarik minat belia bersukan dan mengamalkan gaya hidup sihat. Untuk makluman Yang Berhormat pada tanggal 10 Oktober 2015 adalah merupakan Hari Sukan Negara bagi negara Malaysia. Acara ini akan disambut serentak di seluruh peringkat negeri, daerah dan juga DUN serta kampung.

Untuk makluman Yang Berhormat, program-program dirancang dan dilaksanakan dilihat sebagai satu gerakan yang harus dimainkan oleh semua pihak. Pelaksanaan program-program sukan di dalam penglibatan belia adalah penglibatan bersama semua agensi kerajaan seperti PDRM, Jabatan Pendidikan dan juga lain-lain pihak agensi kerajaan. Program-program yang dilaksanakan juga bertujuan untuk mencegah perkara-perkara yang negatif di kalangan belia-belia dan secara tidak langsung dapat mengamalkan gaya hidup sihat. Ia juga dapat meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya belia terhadap kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat, aktif dan cergas seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat berbudaya sukan ke arah sebuah negara bersukan.

Walaupun terdapat berbagai jenis sukan dilaksanakan atau dimainkan, sukan-sukan yang paling diminati oleh belia-belia adalah sukan bola sepak, futsal, sepak takraw, badminton dan bagi kaum Cina; bola keranjang, boling, basikal dan juga larian. Penganjuran sukan ini pasti mampu untuk menarik minat penyertaan yang ramai dari kalangan belia.

YB Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya tertarik dengan jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat EXCO tadi tapi persoalannya tadi ada menyebut berkaitan dengan sukan-sukan yang diminati oleh belia seperti belia yang berminat untuk bermain bola keranjang adalah belia daripada kaum Cina, bola sepak adalah kaum Melayu. Persoalannya adalah dapat kah satu sukan yang diminati oleh belia yang boleh juga dijadikan satu bentuk supaya kita dapat bermain di antara kaum seperti kita lihat sukan badminton, sukan bola keranjang adalah sukan yang diminati oleh ramai anak-anak belia terutama sekali orang-orang Melayu dan orang kaum-kaum Cina. Soalan saya, dapat kah kita melihat, mengkaji satu sukan yang boleh membentuk satu aktiviti belia yang dipanggil muafakat dan majmuk dan juga menjurus kepada perpaduan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Serom. Jabatan Belia dan Sukan dan juga Majlis Sukan Negeri Johor sebenarnya menyedari perkara ini bahawa setiap sukan yang kita anjurkan atau kita perkasakan bergantung kepada minat belia-belia itu sendiri iaitu antara sukan-sukan yang diminati mungkin berbeza antara kaum antara Melayu, Cina dan juga India. Jadi dalam usaha untuk menyemarakkan kemuafakatan antara kaum dalam negeri Johor terutama melibatkan belia, pihak kerajaan juga telah menganjurkan sukan massa yang mana melibatkan rakyat di peringkat akar umbi seperti futsal sebagaimana dimaklumkan Yang Berhormat tadi, bola sepak, sepak takraw dan juga badminton. Kalau kita lihat di sini bahawa sukan-sukan seperti futsal, bola sepak dan juga badminton boleh menarik minat kaum-kaum lain selain daripada Melayu, Cina dan juga India.

Dalam usaha ini kerajaan negeri telah menganjurkan Sukan Muafakat Johor iaitu sukan yang mana penjenamaan semula daripada Sukan JPMM yang melibatkan DUN-DUN di dalam negeri Johor yang mana sukan ini akan dilaksanakan di peringkat DUN iaitu sukan yang diadakan, acara sukan yang diadakan seperti sepak takraw, bola jaring, bola keranjang dan juga futsal. Yang mana kita juga mengadakan sukan jemputan iaitu kavadi iaitu melibatkan kaum India dan juga Larian Amal Muafakat yang mana akan melibatkan peserta-peserta daripada semua kaum termasuk kaum Cina. Dan bagi sukan-sukan peringkat prestasi tinggi iaitu kita juga melalui Majlis Sukan Negeri Johor telah menganjurkan *circuit-circuit* sekolah-sekolah sukan dengan Pusat Latihan Daerah dan juga kelab-kelab yang mana tahun 2015 merupakan tahun kedua yang mana kita telah bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Johor menganjurkan sukan olahraga yang mana melibatkan sekolah-sekolah sukan dan juga sekolah-sekolah yang telah terlibat dalam pusat latihan di peringkat daerah.

YB Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Puan Norshidah binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 9.

Berapakah jumlah bantuan per kapita kerajaan negeri kepada sekolah agama rakyat dan sekolah agama bantuan kerajaan (SABK)?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan daripada Buloh Kasap, berapakah jumlah bantuan per kapita kerajaan negeri Johor kepada sekolah agama rakyat dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)?

Kerajaan negeri telah bersetuju meluluskan bantuan per kapita tahunan kepada Sekolah Agama Rakyat Negeri Johor dengan perkiraan kadar RM90.00 setahun bagi setiap pelajar yang berdaftar di sekolah tersebut. Tujuan bantuan per kapita ini adalah untuk menampung sebahagian kos pengurusan sekolah iaitu sebanyak 70% dan juga elaun dan juga gaji guru iaitu sebanyak 30%. Bantuan ini disalurkan kepada Pengetua ataupun Guru Besar sekolah berkenaan yang bertanggungjawab menguruskan bantuan tersebut selanjutnya. Namun selepas pendaftaran, 20 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat dan 8 buah Sekolah Rendah Agama Bersepadu dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada Ogos 2015, maka bantuan per kapita tersebut telah pun dihentikan. Hanya 2 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat yang masih diteruskan pemberian bantuan per kapita ini sehingga kini kerana kedua-dua sekolah tersebut tidak termasuk dalam senarai sekolah yang

layak ditawarkan untuk pendaftaran SABK ataupun Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Sebagai contoh pada tahun 2014 dan tahun 2015, Sekolah Rendah Agama Irsyadul Banat, Muar menerima bantuan sebanyak RM17,550.00 dan RM17,370.00 manakala Sekolah Rendah Agama Assa'adiah, Muar menerima sebanyak RM19,080.00 pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 sebanyak RM20,970.00. Manakala bagi sekolah-sekolah SABK khususnya sekolah menengah yang telah pun diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu, pihak pengurusannya akan menerima peruntukan per kapita terus dari pihak kerajaan pusat melalui Kementerian Pelajaran Malaysia mengikut kadar yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia itu sendiri sebagaimana sekolah-sekolah rendah atau menengah kerajaan yang lain. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Puan Norshidah binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat...

YB Speaker : Buloh Kasap, jemput.

YB Puan Norshidah binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan saya, adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah baik prasarana ataupun keperluan-keperluan di dalam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Terima kasih kepada Buloh Kasap, sebagai soalan tambahan. Apabila perjanjian di antara kerajaan negeri dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, pada hari ini segala bebanan ataupun perbelanjaan sama ada yang melibatkan bantuan per kapita ataupun kemudahan-kemudahan sebagaimana sekolah-sekolah menengah yang lain, begitulah juga bantuan yang akan diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kepada sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan yang saya sebutkan tadi. Namun demikian, pihak Majlis Agama Islam juga tetap memberikan bantuan khususnya bagi tahun ini bagi membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pembayaran *utilities* kepada pihak sekolah, dengan izin.

Bayaran *utilities* ini termasuklah pembayaran bayaran elektrik dan juga bekalan air kepada sekolah-sekolah, yang mana sebelum ini mungkin terlepas pandang oleh pihak Kementerian Pendidikan khususnya Jabatan Pendidikan Negeri Johor bahawa tanggungjawab membayar segala keperluan-keperluan bekalan-bekalan air dan juga bekalan elektrik ini adalah termasuk di dalam perjanjian yang telah pun dipersetujui oleh pihak kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat melalui Kementerian Pendidikan iaitu menyediakan keseluruhan kos ataupun perbelanjaan-perbelanjaan yang sepatutnya, yang sebelum ini telah pun dibayar ataupun disediakan oleh pihak kerajaan negeri. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tutup soalan lisan pada pagi ini, saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa JKR untuk membuat penjelasan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mohon maaf kepada Yang Berhormat Bukit Batu dan juga Dewan yang mulia ini, terdapat sedikit kekeliruan jawapan kepada kompaun yang dikenakan untuk muatan kurang daripada 35% tadi tu lebih berat

ialah RM300.00 bukan RM3.00, Yang Berhormat. Walaupun semakan telah dibuat RM300.00.

YB Speaker : Bukan RM3.00.00.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Saya mohon maaf. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula berkaitan perkara Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, dengan penggulungan oleh Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Peringkat Negeri. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Alhamdulillah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah yang masih memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama dalam Rundingan Menjunjung Kasih Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika merasmikan Pembukaan Persidangan Penggal Yang Ketiga Bagi Dewan Negeri Johor Ke-13.

Tentunya titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor mampu mendorong untuk kita bermuhasabah menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan di samping merapatkan ukhuwah menjalinkan persahabatan sekali gus silaturahim antara kaum untuk menjadikan Johor Darul Ta'zim sebuah negeri yang penuh kesejahteraan dan mendapat keampunan Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini suka saya mengulangi lagi konsep keadilan yang sering saya bawa ketika menggulung perbahasan. Keadilan bukanlah bermaksud sama rata. Keadilan memberi erti meletakkan sesuatu kepada tempatnya. Keadilan juga tidak bermaksud untuk kita berkongsi ataupun memberikan hak yang ada kepada kita kepada orang lain. Keadilan ini sepatutnya dilihat dari perspektif yang lebih luas sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Dan keadilan ini harus kita pertahankan agar kejayaan yang telah pun kita kecapi sejak merdeka membuktikan bahawa apa yang telah pun dilakukan oleh kerajaan menepati akan aspek keadilan ini. Adakah apabila kita bercakap tentang keadilan maka kita harus memberikan apa sahaja kepada mereka yang tidak berhak hatta berkaitan tentang hak istimewa orang-orang Melayu, agama, iman dan takwa.

Maka perkongsian keadilan haruslah diselarikan dengan sosial kontrak yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Dalam konteks ini, mendengar semua perbahasan yang dibawa sama ada dari ADUN Barisan Nasional mahupun ADUN Pembangkang berulang-ulang kali memuji dan menzahirkan ucapan terima kasih

kepada kerajaan negeri Johor sama ada kerana berintegriti, mengurus mahupun kecemerlangan perkhidmatannya.

Ini jelas membuktikan bahawa kerajaan negeri Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, adalah kerajaan yang terbaik dan saya berharap agar semua pujian dan rasa syukur ADUN-ADUN tersebut bukan sahaja terzahir dalam Dewan yang mulia ini, tetapi perlulah dibicarakan juga kepada rakyat di luar sana. Supaya rakyat Johor mampu memberikan penilaian sebaik mungkin kepada kerajaan negeri Johor yang ditunjangi oleh Barisan Nasional.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di hari pertama perbahasan sehingga hari keempat perbahasan, saya teliti dan dengar, memang tidak ada satu pun ADUN-ADUN yang berbahas tidak mengeluarkan perkataan GST. Semua berminat, ada yang menyokong, ada yang menentang, malah ada yang secara terang-terang menjadikan istilah GST ini tempat untuk mengeji pemimpin. Ini menjadikan saya rasa insaf dan tawaduk kerana rupa-rupanya tidak sukar untuk kita melakukan kesalahan dan juga berbuat dosa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Abong, ia ada menyebutkan bahawa kerajaan yang ada, Barisan Nasional cuba membohongi, membohongi orang kampung sehingga orang kampung mengatakan bahawa GST itu sama dengan BRIM. Orang kampung bersyukur bahawa kerajaan bagi GST kerana GST adalah merupakan satu limpahan seperti BRIM.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya sebagai anak kampung, saya rasa terhina di atas kenyataan ini. Orang kampung saya yang ada di atas sana, dia tahu tentang GST. Tahu tentang GST ini adalah merupakan satu sistem percukaian, bukan BRIM. Walaupun mereka duduk di kedai kopi, sama ada menentang ataupun menyokong tetapi yang jelas mereka ini tahu bahawa GST itu adalah merupakan sistem percukaian bukannya BRIM. Saya tak tahulah, orang kampung di Sungai Abong.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepanjang Rundingan Perbahasan Menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, saya telah mendengar dan memberikan tumpuan setiap perbahasan yang dibangkitkan dan saya dapati terdapat 39 persoalan oleh ADUN-ADUN dalam perbahasan mereka. Jika saya boleh perinci kan lagi saya dapati 10 perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan pencegahan dadah. Manakala 29 perkara lagi yang melibatkan alam sekitar, saliran dan tebatan banjir, hakisan pantai, pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna. Bagi saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, yang diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya akan cuba sedaya upaya untuk memberikan penjelasan kepada persoalan yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, perkhidmatan di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Johor meliputi 12 buah hospital kerajaan, 10 buah Pejabat Kesihatan Daerah, 95 buah klinik kesihatan, 263 buah Klinik Desa, 27 buah Klinik 1 Malaysia dan 103 buah Klinik pergigian, yang sentiasa beriltizam dan memberikan komitmen yang tinggi untuk memberikan perkhidmatan kepada 3.6 juta rakyat negeri Johor.

Bagi tahun 2014, jumlah perjawatan untuk semua *facility* yang telah saya sebutkan di negeri Johor ialah seramai 21,406 kakitangan, yang meliputi: Doktor pakar; 428 orang, Doktor; 2,644 orang, Jururawat 8,108 orang, Kumpulan Profesional, lain-lain

Kumpulan Profesional dan Pengurusan, 1,067 orang, lain-lain Kumpulan Sokongan 1 dan 2, 9,159 orang. Yang membawa implikasi belanja mengurus untuk Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi tahun 2014, adalah sebanyak RM1,852,366,812.00 ataupun lebih kurang RM1.8 bilion, yang dibelanjakan untuk belanja mengurus, yang di mana daripada jumlah tersebut untuk emolumen berjumlah RM1.1 bilion dan untuk perkhidmatan dan bekalan RM727 juta. Belanja mengurus ini, termasuk belanja ubatan, bukan ubat, tanggungan kontrak perkhidmatan dan perolehan bekalan lain berbanding dengan jumlah kutipan hasil bagi semua *facility* kesihatan kerajaan negeri Johor bagi tahun 2014. Hasil yang telah pun kita kutip bagi tahun 2014, adalah hanya berjumlah RM32 juta.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri, kita menyediakan RM1.8 bilion dan hasil yang kita kutip hanya RM32 juta. Yang mana bagi warganegara, warganegara menyumbangkan RM20 juta bagi tahun 2014 dan bukan warganegara RM12 juta. Sementara itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah pesakit yang dimasukkan di Hospital Kerajaan di negeri Johor pada tahun 2014, ialah seramai 319,325 yang dimasukkan ke dalam wad. Dan, 2,047,355 sebagai pesakit luar, pada tahun 2014, di negeri-negeri Johor seluruh negeri Johor. Yang mana daripada jumlah tersebut jumlah bukan warganegara yang wad seramai 14,402 dan sebagai pesakit luar 50,034 orang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 2014, dari segi jumlah keseluruhan pesakit yang telah pun kita berikan perkhidmatan kepada mereka, kita hanya menerima aduan sebanyak 163 kes. Sehingga Mei 2015, jumlah aduan yang telah kita terima sebanyak 47 kes. Tetapi 47 kes, 167 kes inilah, yang sebenarnya terpampang di dada-dada akhbar tempatan menyatakan bahawa perkhidmatan kesihatan cukup teruk dan sebagainya. Sedangkan hakikatnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita telah pun memberikan khidmat lebih daripada 2 juta pesakit di seluruh negeri Johor pada tahun 2014. (Dewan bertepuk). Dan sepatut kita juga memberikan penghargaan dan juga memberikan pujian kepada kaki tangan Jabatan Kesihatan dan juga hospital yang bersungguh-sungguh serta komited untuk mempastikan bahawa perkhidmatan ini terus dikekalkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Surat mengatakan, ada membangkitkan dan juga ingin membuat atau memohon sesuatu dan ingin saya nyatakan di sini bahawa sememangnya kita berhasrat untuk mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai pembinaan hospital di Pengerang dan masih menunggu maklum balas Kementerian. Namun, untuk Rancangan Malaysia Ke-11, Pengerang akan mendapat 2 projek pembangunan iaitu yang pertama, pembinaan baru Klinik Kesihatan Bayu Damai yang kini dalam pembinaan. Yang kedua, pembinaan baru Klinik Kesihatan Sungai Rengit dengan perkhidmatan khas yang lengkap dengan peralatan kecemasan.

Selain daripada itu, terdapat 6 buah klinik kesihatan dalam Parlimen Pengerang iaitu KK Bandar Mas, KK Penawar, KK Sening, KK Sungai Rengit, KK Pengerang dan KK Bayu Damai. Mengenai Kuarters Kesihatan terbiar yang dibangkitkan oleh Tenang, saya ingin memaklumkan bahawa bangunan tersebut sebahagiannya telah digunakan semula sebagai klinik sementara mulai tahun 2008, sewaktu pembinaan Klinik Kesihatan Labis yang baru, yang bermula operasi pada November 2011. Memandangkan dalam masa terdekat ini, KM tiada perancangan untuk membangun tapak tersebut serta bangunan yang ada telah uzur, Jabatan bercadang untuk meroboh bangunan-bangunan tersebut. Namun, dimaklumkan kebersihan kawasan tersebut ketika ini diselenggarakan oleh Pejabat Kesihatan Segamat di mana pembuangan rumput dilakukan setiap bulan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat sekejap, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kita raikan rombongan daripada Ahli Majlis Daerah Mersing bersama-sama dengan kita pada pagi ini. Yang Berhormat sila teruskan. (Dewan bertepuk).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengenai soalan Bentayan pula, ingin memaklumkan secara umum di perairan Mersing, di perairan Mersing tiada aktiviti menyelam di laut dalam, yang boleh menyebabkan masalah kesihatan akibat menyelam, *diving sickness*. Pembinaan *Hyperbaric Chamber,* adalah bagi melengkapkan keperluan perkhidmatan kepakaran *Underwater Medicine* ini merawat pesakit ataupun penyelam yang mengalami *diving sickness*. Statistik yang ada setakat ini menunjukkan kejadian *diving sickness* sangat jarang berlaku di Mersing. Pada kadar 1 hingga 2 kejadian setahun. Namun begitu, di Kem Iskandar, Mersing mempunyai *Hyperbaric Chamber* khusus bagi kegunaan penyelam-penyelam komando yang menjalani latihan.

Manakala, perkara yang dibangkitkan oleh Maharani, saya ingin memaklumkan Hospital Sultanah Fatimah dan Klinik Kesihatan Maharani, telah menjadi keutamaan kerajaan negeri dalam permohonan Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan negeri Johor telah mengemukakan 26 permohonan kepada Kementerian Kesihatan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Dan, pihak Kementerian telah menyampaikan 16 permohonan kerajaan negeri Johor kepada EPU untuk Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Dan, keputusannya akan kita tahu, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Rancangan Malaysia Yang Ke-11 pada 21 Mei tahun 2015, yang akan datang di Dewan Rakyat.

Untuk Pasir Raja saya mengucapkan terima kasih kerana membangkitkan perkara yang berkaitan tentang portfolio saya. Saya ingin maklumkan bahawa pemeriksaan kesihatan terhadap pengendalian makanan merupakan satu keperluan di bawah Peraturan 31 – Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 – *Food Hygiene Regulations 2009* dengan izin. Peraturan ini menetapkan semua pengendali makanan diperiksa dari segi kesihatan dan diberikan vaksin oleh pengamal perubatan berdaftar dan jika tidak mematuhi peraturan ini adalah melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun, jika disabitkan kesalahan.

Dan ia termasuk sama ada pengendali warganegara mahu pun bukan warganegara. Namun demikian, saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan yang merupakan pihak yang mengeluarkan lesen ke atas premis mengeluar atau menjual makanan dan mereka ini perlu memastikan pengendali makanan diperiksa dari segi kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar dan diberikan vaksin, kerana saya dimaklumkan sebelum ini hanya pemilik sahaja yang akan mengambil vaksin atau pun disuntik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Serom. Serom membangkitkan tentang keperluan pakar, pakar prostat. Tapi oleh kerana dia rujuk dengan Sungai Abong, yang berkaitan tentang apakah nama pakar, Sungai Abong kata neurologi. (Dewan ketawa).

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, minta penjelasan. Oleh kerana dia sebut Sungai Abong, setahu saya

Sungai Abong tak pernah sebut neurologi. Saya dah *training* dah Serom, berapa kali dah sebut urologi, urologi. (Dewan ketawa). Seolah macam, YB EXCO menuduh saya mengajar Serom perkataan yang salah dalam perubatan. Mintak tarik baliklah itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Mungkin Serom tak berapa faham, dia akauntan, dia ingatkan neurologi dan urologi tu sama. (Dewan ketawa).

YB Speaker : OK teruskan Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di negeri Johor seperti yang saya maklumkan kita ada 12 buah hospital kerajaan. Dari jumlah tersebut 6 adalah hospital bertaraf pakar, 5 hospital tanpa pakar dan satu institusi perubatan mental. Perkhidmatan kepakaran urologi adalah merupakan perkhidmatan sub-kepakaran kepada perkhidmatan kepakaran pembedahan am.

Terkini perkhidmatan Sub-kepakaran Urologi Negeri Johor telah dimulakan di hospital negeri iaitu Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Bagi hospital berpakar yang tidak menyediakan perkhidmatan, perkhidmatan sub-kepakaran urologi perkhidmatan ini diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang kepakaran pembedahan am.

Walau bagaimanapun, bagi pesakit yang memerlukan perawatan yang kompleks mereka akan dirujuk kepada pakar urologi di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Bagi sub-kepakaran kardiologi perkhidmatan ini diberikan oleh pakar perubatan am dan kes yang memerlukan rawatan lanjut dirujuk ke Jabatan Kardiologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru atau pun Institut Jantung Negara. Perkembangan perkhidmatan sub-kepakaran di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dilaksanakan secara berperingkat. Perancangan perkembangan perkhidmatan sub kepakaran Urologi dan Kardiologi di Hospital Pakar Sultanah Aminah Muar dijangka akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-12.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Jementah, saya ingin memaklumkan bahawa pesakit tersebut telah diketahui mempunyai masalah penyakit jantung yang teruk dan darah tinggi. Keadaan pesakit semakin tenat dan hanya mampu berbaring sejak sebulan yang lalu. Pesakit dapat ke Jabatan Kecemasan Hospital Segamat pada 1 Mei 2015 pada pukul 6.14 petang dengan aduan serta sesak nafas, sakit dada dan bengkak kedua-dua belah kaki. Pesakit telah dirawat dengan serta-merta oleh pegawai perubatan *senior.*

Rawatan telah diberikan adalah oksigen. Pemeriksaan darah *artery blood gas* menunjukkan pesakit memerlukan bantuan pernafasan melalui mesin bantuan pernafasan. Pesakit terus disambungkan ke mesin bantuan pernafasan. Di samping itu, juga tekanan darah pesakit amat rendah dan denyutan jantung yang laju serta tidak seragam. Pesakit telah didiagnosis *fast arterial fibrillation with severe metabolic acidosis.* Ha, tu doktor fahamlah.

Rawatan yang diberikan adalah seperti berikut, pesakit diberikan bantuan pernafasan melalui mesin pernafasan, *infuse intervene dobutamine.* Pesakit telah dirujuk kepada Pegawai Perubatan Jabatan Perubatan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak hospital telah pun berjumpa dengan anak pesakit dan anak pesakit telah bersetuju untuk tidak dimasukkan dalam ICU dan telah pun menandatangani borang, kerana keadaan pesakit yang terlalu lemah.

Namun begitu selepas kematian pesakit anak yang lain pula yang mempertikaikan berkaitan tentang apa yang telah dilakukan oleh pihak hospital. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri anak-anak mereka ini juga adalah merupakan bekas kakitangan kesihatan juga. Patut dia lebih tahu tentang prosedur dan juga tanggungjawab.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Semarang mencadangkan berkaitan tentang dana kebajikan kesihatan untuk membantu rakyat di negeri Johor. Saya ucapkan terima kasih kepada Semarang yang telah pun membangkitkan perkara ini dan sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada tahun lepas juga telah pun mencadangkan dalam perbincangan KPI dengan EXCO untuk mengujudkan dana tersebut dan ketika ini UPEN sedang menyiapkan satu kertas kerja untuk penubuhan Majlis Kesihatan Negeri Johor yang antara tujuannya menjadi pemudah cara untuk permasalahan seperti yang dibangkitkan oleh Semarang. Insya-Allah jika dipersetujui oleh kerajaan dan tertubuhnya dana ini kerajaan Johor akan menjadi kerajaan prihatin untuk rakyat dan kerajaan mungkin yang pertama sekali di Malaysia yang melakukan dan juga melancarkan dana ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dadah memang kita kenali sebagai satu ancaman yang mampu mengganggu-gugat kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara. Namun saya amat yakin sehingga kini belum ada satu statistik pun yang menunjukkan pelaksanaan GST akan menyebabkan masyarakat kita mengambil dadah, seperti apa yang dibangkitkan oleh Parit Yaani.

Saya amat tertarik dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Kempas mengenai permasalahan dadah ini. Dari segi publisiti saya percaya kebanyakannya disiarkan di media sosial mengenai marijuana. namun AADK akan terus membuat pemantauan berkala kepada perkara ini. Usul Kempas yang mahukan ujian saringan awal dikenakan terhadap badan kehakiman, saya ingin maklumkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada bulan Mac 2015 telah bersetuju agar sejumlah pada tahun ini 5,000 kakitangan awam negeri Johor, daripada 16,000 kakitangan akan menjalani ujian saringan air kencing, bagi mempastikan pentadbiran kerajaan negeri Johor adalah kerajaan yang bebas daripada dadah.

Maka saya juga mengalu-alukan semua ADUN kalau berani, agar dapat turut sama menawarkan diri untuk menjalani ujian saringan awal air kencing ini, diberikan secara percuma. Selain itu MMK juga telah bersetuju agar pada tahun ini semua kakitangan awam negeri Johor menghadiri kursus pencegahan dadah sehari sebagai sebahagian daripada syarat kursus 7 hari di dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT).

Oleh yang demikian, AADK dan juga SUK Sumber Manusia akan berganding bahu bagi memastikan hasrat kerajaan negeri dapat direalisasikan dengan jayanya. Selain daripada itu ujian saringan awal ini juga akan diperluaskan oleh AADK kepada kakitangan swasta, pelajar IPTA, IPTS dan juga pelajar-pelajar sekolah. Bagi memastikan usaha menjadikan Johor bebas dadah menjelang tahun 2018, AADK dengan kerjasama PEMADAM, PENGASIH, SINAR SOFIA, Rumah Hijrah dan semua sukarelawan Anti Dadah Skuad 1 Malaysia akan memfokuskan kempen kesedaran berterusan di kalangan kelompok berisiko tinggi untuk terlibat, yang terlibat untuk menghindari dadah. Mudah-mudahan usaha ini akan mendapat keredaan daripadanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya mengulas lanjut mengenai alam sekitar saya amat tertarik untuk mengulas apa yang dibangkitkan oleh Senai.

Dalam kemelut yang melanda mengenai penutupan Loji Rawatan Air di Sungai Semanggar yang menyebabkan lebih 500,000 penduduk terputus bekalan. Senai lebih berminat untuk mengheret kerajaan memikirkan bagaimana syarikat memproses tayar terpakai ini diselamatkan.

Dan, lebih menghairankan lagi diberikan statistik mengenai tayar di Johor dan Perak, seolah-olah di Malaysia ini baru sekarang rakyat Malaysia menggunakan kenderaan tanpa memfokus ke arah permasalahan sebenar. Suka saya maklumkan ketika JAS membuat lawatan dan penguatkuasaan terhadap syarikat tersebut, syarikat tersebut telah melabur sebanyak RM4 juta untuk perusahaan ini. Masalahnya kilang ini didirikan di atas tanah pertanian dan tidak pernah membuat permohonan ubah status. Dan kilang ini hanya memohon lesen sementara untuk penstoran bukan kilang memproses tayar.

Bila dah berlaku permasalahan ini, Senai cuba mengalihkan pandangan kita supaya menyelamatkan perniagaan seseorang tanpa mengambil kira sensitiviti lebih 500,000 penduduk yang mengalami kesan buruk akibat putus bekalan air. Dan seperti yang dibangkitkan oleh Pasir Raja, saya ingin menjelaskan bahawa JAS telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua premis kilang yang boleh mencemarkan sungai mematuhi standard perlepasan efluen di bawah kualiti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling 2009 dan kualiti Akta Alam Sekeliling 1974.

Kejadian tumpah minyak dari proses pembakaran tayar terpakai dan bukannya diesel telah berlaku disebabkan kilang ini merupakan kilang haram yang tiada mempunyai ulasan penilaian awal tapak daripada pihak JAS dan telah pun didirikan di atas tanah berstatuskan pertanian. JAS berpendapat bahawa isu pengoperasian kilang-kilang haram serta aktiviti-aktiviti lain yang berpotensi mencemari kualiti air sungai perlu disemak semula dan diambil tindakan secara sepadu.

Dan, semua agensi berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, BAKAJ, JPS, SAJ dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor supaya dapat mencegah kejadian pencemaran seperti ini daripada berulang pada masa yang akan datang. Dan saya juga menasihatkan kepada Senai, selalu bercakap tentang rakyat, tentang apabila berkaitan tentang kilang. Ini seperti ada sesuatu agenda yang disembunyikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penjagaan alam sekitar yang lestari merupakan salah satu agenda kerajaan negeri Johor yang sentiasa dititikberatkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di dalam pentadbiran. Bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan kerajaan berpendapat usaha ini tidak akan memberikan cahaya di hujungnya, jika tidak disambut baik oleh kepimpinan pelbagai peringkat dan rakyat keseluruhannya.

Bagi mencapai hasrat ini kerajaan sedang merancang dan meneliti beberapa perkara yang berkaitan tentang kelestarian alam sekitar secara menyeluruh sesungguhnya pembangunan amat diperlukan untuk meningkatkan taraf ekonomi negara dan rakyat. Tetapi di dalam masa yang sama kelestarian alam sekitar serta pemeliharaan dan juga pemuliharaan flora dan fauna tetap menjadi keutamaan yang berterusan.

Insya-Allah dalam masa yang terdekat ini kerajaan akan meneliti dan membuat keputusan mengenai dasar alam sekitar negeri Johor yang akan dibentangkan. Di dalam masa yang sama kerajaan sedang dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penggunaan teknologi hijau di dalam bidang

industri, pembangunan dan Kerajaan Tempatan. Ini termasuklah usaha ke arah untuk tidak menggunakan produk plastik yang boleh merosakkan alam sekitar seperti yang dibangkitkan oleh Maharani.

Usaha ke arah ini sedang giat dijalankan di bawah penyelarasan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan dibantu oleh IRDA dan juga Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor. Selain daripada itu sebagai permulaan ke arah kelestarian alam sekitar yang lebih efisien melalui kerjasama jabatan, agensi dan pihak swasta bersama pihak IRDA, di peringkat permulaan kerajaan akan mengkaji untuk menubuhkan satu Tabung Amanah Alam Sekitar Iskandar Malaysia yang insya-Allah jika berjaya akan diperluaskan kepada keseluruhan peringkat di negeri Johor. Ini semua membuktikan iltizam dan azam kerajaan negeri Johor agar rakyat terus menikmati kesejahteraan melalui kemapanan alam sekitar yang berpanjangan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Machap saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar,

YB Speaker : Yang Berhormat panjang lagi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Dalam 5, 6 muka surat.

YB Speaker : Jemput duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini selama 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:05 pagi

Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Pengerusi Kesihatan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Perkara yang dibangkitkan oleh Machap. Saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan 2 siasatan penguatkuasaan pada tahun 2014 iaitu pada 3 Julai 2014 dan 30 November 2014. Siasatan terakhir yang dijalankan mendapati pihak pengusaha yang telah dilantik oleh Kementerian Asas Tani dan Industri iaitu Pineapple Cannery Malaysia Sdn. Bhd. bersama FAMA TCP Feedlot Sdn. Bhd. telah mengawal air kumbahan ternakan dengan baik.

Pihak pengusaha tidak dibenarkan mengalirkan air kumbahan yang telah dirawat ke alur air berhampiran. Sebaliknya air tersebut digunakan sebagai siraman pokok. Pihak pengusaha juga telah disarankan untuk menjalankan Program CSR bersama penduduk dan pihak sekolah kerana agak mustahil untuk menghilang bau busuk tersebut kerananya ia bergantung kepada keadaan cuaca dan arah angin.

Mengenai perkara berbangkit yang dibangkitkan oleh Senggarang, saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang ditetapkan dan tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya. Bengkel kenderaan tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 atas penghasilan minyak hitam terpakai yang dikategorikan sebagai buangan terjadual. Terdapat 16 bengkel kenderaan di dalam kawasan Senggarang.

Berdasarkan dari pemeriksaan dan pemantauan, bengkel-bengkel ini mematuhi PPKAS (BT) 2005 dan menguruskan minyak hitam seperti yang telah ditetapkan. Hasil dari pemantauan terkini, terdapat beberapa punca lain yang berpotensi melepaskan sisa ke longkang iaitu rumah kampung, taman perumahan, gerai makan dan kedai basuh kereta. Didapati juga, longkang tidak diuruskan dengan baik yang menyebabkan air longkang tidak bergerak dan air kelihatan hitam dan bau busuk.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Jementah pula, JAS telah tidak mempertimbangkan pembaharuan lesen di bawah Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 bagi pengeluaran dan pemprosesan getah mentah oleh sebuah kilang di Buloh Kasap, Segamat, Johor.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap dan juga Ali Parlimen Segamat telah pun melawat kilang ini dan juga telah pun mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Jabatan Alam Sekitar. Dan saya sendiri pernah hadir dalam satu perjumpaan tersebut untuk menyelesaikan perkara ini. Maka, saya nasihatkan Jementah serahkanlah perkara tersebut kepada ADUN Buloh Kasap, jangan campur kawasan orang.

Perkara ini adalah disebabkan premis tersebut masih tidak mematuhi keperluan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta sokongan daripada beberapa agensi teknikal yang berkaitan seperti JPS dan Pejabat Tanah Segamat. Sekiranya premis ini masih berdegil, Jabatan Alam Sekitar akan mempertimbangkan untuk mengenakan Perintah Larangan Beroperasi kepada premis sehingga premis mematuhi semua peraturan JAS.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan soal penjagaan sungai. bagi memastikan peningkatan peratusan pelaksanaan *Sungai Skudai Water Blue Print,* saya akan mengadakan Mesyuarat Induk Sungai Skudai kali kedua pada bulan Julai ini, bagi mendapatkan pandangan dan cadangan daripada Jawatankuasa-Jawatankuasa Keceriaan Pengindahan yang dipengerusikan oleh ADUN Rengit, Pencemaran oleh ADUN Bukit Permai dan Kesedaran Awam oleh ADUN Buloh Kasap dan akan mempastikan agar pelaksanaan strategi dapat dilaksanakan dengan cekap dan segera. Selain daripada itu, saya juga telah mengarahkan kepada Jabatan JPS Negeri Johor agar dapat memberikan cadangan menambahbaikkan terhadap 7 lagi lembangan sungai di negeri Johor. Atas konsep Johor mesti Johor, saya berkeyakinan JPS Johor amat memahami dan komited terhadap tanggungjawab utama mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan agar kesejahteraan rakyat terutamanya yang tinggal di kawasan PBT, yang menerima pembangunan pesat di dalam bidang hartanah pula, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor akan mengemukakan cadangan untuk meningkatkan lagi Wang Sumbangan Perparitan (Akta PTG 1974) daripada RM3,000 seekar kepada satu jumlah munasabah mengikut peredaran zaman dan kepesatan pembangunan masa kini kepada pemaju yang berhasrat membangunkan tanah mereka. Ini sekali gus, memberi gambaran jelas bahawa Kerajaan tidak sekali-kali berkompromi soal penjagaan alam sekitar dan sekali gus melihat tentang perlunya menjaga kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak perkara yang dibangkitkan adalah mengenai banjir. Bukit Batu, Yong Peng, Pengkalan Rinting dan Senai antara yang mengemukakan permasalahan ini. Perkara-perkara ini ada kaitan dengan saliran

sama ada di kawasan perumahan, pekan, bandar mahupun luar bandar. Oleh yang demikian, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah mengarahkan saya supaya membuat satu kajian menyeluruh mengenai kawasan banjir berulang di semua daerah-daerah negeri Johor dan mencari jalan penyelesaian secara bersepadu kerana ia melibatkan banyak jabatan seperti JPS, PBT, Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, JAS, BAKAJ dan Majlis Keselamatan Negeri Johor.

Di dalam menggerakkan usaha ini, UPEN akan menjadi urus setia dan untuk makluman Dewan yang mulia, mesyuarat peringkat awal telah dijalankan seawal bulan Februari yang lepas, untuk setiap jabatan mengenal pasti kawasan yang bermasalah dan insya-Allah akan disusuli dengan mesyuarat kedua pada bulan Julai nanti. Mudah-mudahan ia akan menepati sasaran dan sebagainya.

Bagi permasalahan yang dibangkitkan oleh Sungai Balang dan Senggarang, saya ingin memaklumkan bahawa semua permohonan ini telah kita ajukan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli untuk permohonan Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Dan untuk Sungai Suluh pula, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM200,000.00 untuk melaksanakan kerja ukur dan siasatan bagi tujuan reka bentuk terperinci pada tahun ini dan juga diangkat sebagai keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Mengkibol, JPS telah menyediakan pengawal keselamatan di laluan pintu masuk ke kawasan pejabat operasi empangan. Rondaan juga dilakukan di kawasan binaan benteng empangan. Pencerobohan di lokasi lain kawasan empangan dipantau melalui rondaan bagi melihat pencerobohan baru. Penguatkuasaan pencerobohan tanah sedia ada akan dilakukan setelah sempurna proses pewartaan kawasan empangan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, Mengkibol juga macam Senai. Dia bagi alasan apabila air tak ada, alasannya kerana sungai tercemar, empangan tercemar. Apabila kita nak baiki empangan tersebut, dia kata kenapa tak bagi panduan kepada penceroboh-penceroboh? Saya nak tanya Mengkibol dia nak sokong kerajaan untuk pastikan air ini dapat disalurkan kepada pengguna ataupun nak mempertahankan penceroboh-penceroboh tanah kerajaan? Kita buat ini adalah untuk memastikan bahawa rakyat....

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, penjelasan...

YB Timbalan Speaker : Tak payah... dia tak ada menyalahi peraturan...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Penjelasan... dalam verbatim ada jelas. Ada jelas tulis... verbatim saya ada sebut, minta kerajaan mengambil balik tanah itu secara berperingkat-peringkat...

YB Timbalan Speaker : Itu EXCO yang berkenaan faham...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : ... ceroboh

YB Timbalan Speaker : Mengkibol duduk.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, dia menghalang kita membuat pagar. Tanah kerajaan dia nak halang nak buat apa Dato' Speaker? Dan ini adalah untuk pastikan bahawa supaya sumber air dapat dibekalkan kepada masyarakat di Kluang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Empangan Sembrong adalah hak JPS, adalah untuk tujuan rancangan tebatan banjir. Tetapi untuk pastikan, untuk memastikan masyarakat Kluang mendapat sumber air bersih, JPS bersedia untuk membenarkan SAJ mengambil air. Dan ini adalah merupakan pengorbanan yang dilakukan oleh JPS untuk pastikan orang Kluang dapat bekalan air bersih. Dan inilah sebenarnya pengorbanan dan juga kerja keprihatinan kerajaan negeri Johor kepada masyarakat. Dan kita minta juga disokonglah, jangan hentam sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedia maklum di negeri Johor terutamanya di daerah Kota Tinggi, Kluang, Mersing dan Segamat merupakan kawasan hutan yang menjadi keliaran gajah. Kita juga perlu sedar, di bawah arus pembangunan yang pesat, kita tidak boleh menuduh gajah menceroboh kampung kita apatah lagi bandar kita, tapi hakikatnya kita sebagai manusialah yang menceroboh habitat dan kawasan keliaran mereka. Menyedari perkara ini, kerajaan negeri Johor telah menjalankan Kajian Kesesuaian Santuari Gajah yang melibatkan 100 hektar Pusat Santuari dan 100,000 ekar kawasan keliaran gajah. Dan kita telah memohon sebanyak RM39 juta di dalam Rancangan Malaysia Ke-11untuk menubuhkan Pusat Santuari Gajah Johor di daerah Kota Tinggi. Saya amat berharap sahabat saya, Sedili dapat bersabar dengan tabiat gajah ini.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah bersetuju, demi kepentingan bersama, manusia dan hidupan liar, gajah, harimau, tapir, kera dan sebagainya, maka kerajaan akan mengaktifkan semula Tabung Amanah Perlindungan Hidupan Liar yang akan memberi manfaat kepada penduduk kampung secara keseluruhannya dan dapat mengawal kerosakan tanaman pertanian akibat serangan daripada hidupan liar. Untuk memastikan usaha ini berjaya, sokongan daripada pihak ladang, Peladang, FELDA dan RISDA amat diperlukan di masa-masa akan datang. Dan alhamdulillah, kerajaan negeri telah bersetuju untuk membolehkan PERHILITAN menjalankan kawalan dan penguatkuasaan dengan lebih efisien, satu peruntukan diberikan untuk menempatkan pejabat PERHILITAN di daerah Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih di atas ADUN-ADUN yang telah pun berminat membangkitkan isu-isu dan saya cuba yang terbaik untuk memastikan bahawa segala isu yang dibangkitkan dapat diperjelaskan.

Dan yang terakhir saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Pekan Nenas iaitu yang berkaitan tentang kesediaan, kenapa yang meningkatkan, yang berkaitan dengan keselesaan pengunjung di Tanjung Piai. Saya ingin menjelaskan bahawa pihak pemaju projek telah menyatakan kesediaannya untuk meningkatkan dan menambah baik daya tarikan sedia ada bagi keselesaan pengunjung seperti cadangan membina pelantar benua yang baru yang berkonsepkan seperti monumen peringatan serta glob sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Projek ini juga merupakan salah satu solusi bagi menangani masalah hakisan tahap satu (8-12 meter setahun) yang kerap berlaku di Taman Negara Johor Tanjung Piai dan mengelakkan kemusnahan lebih banyak kawasan hutan bakau serta kawasan pertanian penduduk kampung di Mukim Serkat.

Manakala seperti yang dibangkitkan oleh Pengkalan Rinting pula, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang bersidang pada 15 Ogos 2013 telah bersetuju dengan kadar RM200.00 seorang sehari untuk yuran menyelam di Taman Laut Iskandar disemak semula kepada RM200.00 seorang untuk tempoh tujuh (7) hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Perbahasan, terima kasih Pengerusi Kesihatan. Kita teruskan. Sila Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat).

YB Timbalan Speaker : Orang muda biar padat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : (Berselawat).

YB Timbalan Speaker : Tak payah meleret-leret sangat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan : Bukan. Timbalan Speaker dah mula mengganggu ni. (Dewan ketawa). (Berselawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang dan kesempatan bersama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini.

Menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim Negeri Johor Maju, Aman, Sentosa.

Mudik ke hulu memasang pukat, menongkah sampan pulang ke muara, bangsa Johor bangsa muafakat, raja dan rakyat berpisah tiada.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sebelum saya menggulung perbahasan sidang DUN kali ini dengan lebih panjang, saya mengambil kesempatan untuk menjawab beberapa persoalan yang tidak sempat dijawab semasa sesi soal jawab sebelum ini.

Saya amat tertarik dengan beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bentayan dan juga Yang Berhormat ADUN Buluh Kasap iaitu pertama berkenaan memelihara warisan terutamanya di Bandar Maharani. Sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bentayan mempunyai persamaan dengan soalan yang dibangkitkan di Sidang Parlimen oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Bakri. Mungkin soalan ini soalan guna semula kot atau *recycle* agaknya.

Yang Berhormat ADUN Bentayan ada membangkitkan iaitu mengenai bangunan Mahkamah Tinggi lama Muar sama ada ianya akan dijadikan muzium atau tidak. Ingin saya jelaskan di sini, memang terdapat cadangan untuk mewujudkan sebuah Galeri Diraja tetapi ianya bukan di bangunan Mahkamah Tinggi lama, sebaliknya cadangan tersebut adalah di bangunan bekas ibu sawat telekom yang terletak berdekatan dengan bangunan Mahkamah Tinggi lama seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Bagi merealisasikan tujuan, kerajaan negeri Johor telah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk memugar semula bangunan tersebut yang kini terbiar. Kerajaan bercadang untuk mewujudkan galeri bagi memaparkan sejarah Kesultanan Johor dan juga terowong masa pengkisahan sejarah Muar dan Bandar

Maharani Bandar DiRaja. Manakala bangunan Mahkamah Tinggi lama yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, kini masih lagi digunakan sebagai Mahkamah Rendah Syariah Muar.

Yang Berhormat ADUN Bentayan juga membangkitkan berkenaan pemeliharaan dan pemugaran bangunan lama di Bandar Maharani, bantuan-bantuan kepada pemilik premis perniagaan dan adakah ianya memberi kesan kepada peniaga-peniaga?

Yang Berhormat Timbalan Speaker serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bandar Maharani Bandar DiRaja merupakan nama rasmi bagi bandar Muar yang telah diisytiharkan secara rasmi pada 24 November 2012 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Bandar ini dibuka sekitar tahun 1884 dan dinamakan bersempena isteri Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim.

Terdapat banyak binaan-binaan lama di bandar yang berusia lebih 130 tahun ini seperti bangunan kerajaan dan deretan kedai yang mempunyai nilai warisan termasuklah Bangunan Pejabat Kerajaan Muar yang telah diwartakan sebagai "Warisan Kebangsaan" di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 pada 21 September 2012.

Mewartakan bangunan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 merupakan salah satu usaha memelihara warisan agar ianya tidak di roboh, tidak di ceroboh dan dikekalkan reka bentuk seni bina asalnya. Sebarang perubahan perlu mendapat kelulusan daripada pesuruhjaya warisan terlebih dahulu. Nilai bangunan berkenaan sudah pasti akan menjadi lebih tinggi berlipat kali ganda kerana ia akan menjadi aset pelancongan dan pendidikan.

Namun begitu, YB Bentayan tidak perlu risau, pewartaan tidak boleh dilakukan sesuka hati. Bagi bangunan yang mempunyai pemilik ia mestilah mendapat persetujuan daripada pemilik bangunan berkenaan dan juga kelulusan daripada pihak berkuasa negeri sebelum boleh diangkat untuk diwartakan oleh Jabatan Warisan Negara. Pemilikan aset tetap tidak berubah malah pemilik berhak menjual bangunan berkenaan tetapi perlu memaklumkan kepada Pesuruhjaya Warisan terlebih dahulu.

Sudah pasti pemugaran bangunan-bangunan lama di bandar Maharani ini tidak akan menjejaskan peniaga-peniaga sebaliknya secara tidak langsung akan memberi nilai tambah dari segi prospek ekonomi, pelancongan dan pendidikan.

Mengenai bantuan bagi tujuan memelihara dan memulihara sesebuah bangunan, ia boleh dipohon daripada Jabatan Warisan Negara dalam bentuk bantuan kewangan atau pinjaman dengan syarat bangunan berkenaan mestilah telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Begitu juga seperti yang dibangkitkan oleh YB Norshidah ADUN Buloh Kasap berkenaan inisiatif memelihara kampung-kampung warisan yang mempunyai nilai sejarah. Sesebuah kampung atau kawasan boleh diwartakan asal saja ia mempunyai 'objek' yang mempunyai nilai warisan termasuklah mana-mana benda purba boleh alih, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan objek bersejarah

Secara dasarnya kerajaan negeri Johor sentiasa komited dan konsisten dalam usaha memelihara apa saja warisan yang mempunyai kepentingan negeri, kebangsaan mahupun dunia sejagat. Namun begitu usaha ini bukanlah mudah

kerana yang paling utama adalah persetujuan dan kesedaran pemilik warisan itu sendiri.

Selain objek warisan berkenaan perlu dipastikan ianya benar-benar mempunyai nilai warisan atau bukti sejarah yang layak diangkat untuk diwartakan. Sudah pasti proses pewartaan ini akan melalui satu tempoh masa yang agak panjang. Sebab itu selama 34 tahun dari 1980 hingga 2014, jumlah keseluruhan pewartaan bagi negeri Johor hanya sebanyak 8 pewartaan sahaja iaitu melibatkan 6 buah bangunan dan 2 kawasan warisan.

Namun saya mengambil tanggungjawab besar untuk meletakkan sasaran 5 pewartaan setiap tahun. Saya rasa itu sudah mencerminkan inisiatif dan usaha keras kerajaan negeri dalam memelihara warisan di negeri Johor. Alhamdulillah pada 23 Januari 2015 yang lalu, 6 lagi bangunan telah berjaya diwartakan menjadikan jumlah keseluruhan 14 warisan di negeri Johor yang telah diwartakan sebagai warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita bersyukur, Istiadat Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Ismail ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj telah selesai dilaksanakan dengan jayanya.

Sempena kemahkotaan tersebut, kerajaan negeri Johor di bawah kelolaan Yayasan Warisan Johor telah mempersembahkan teater bertajuk Wira Samudera pada 24 hingga 26 April 2015 di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang mengisahkan asas kepada perkembangan pemerintahan Kesultanan Johor moden dalam mentransformasikan sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat, berasaskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor pada 14 April 1895 yang membentuk Johor sebuah negeri yang progresif, maju dan makmur.

"Johor harus menjadi Johor", saya melihat perkara ini telah didukung oleh YAB Menteri Besar Johor dalam pentadbiran yang sentiasa ke hadapan berbanding negeri-negeri lain dengan mengangkat "Muafakat Johor" dalam memacu kemajuan "Bangsa Johor" kerana sesungguhnya "Muafakat Itu Berkat".

Muafakat yang menjadi tulang belakang kekuatan kita semua akan terus menjadi agenda dalam setiap program-program di bawah portfolio saya termasuklah Program Hari Belia Johor 2015 yang diadakan serentak dengan Jambori Sukarelawan Darul Ta'zim pada 30 April hingga 2 Mei 2015 yang lalu yang berjaya mengumpul ribuan pengunjung dari pelbagai kaum. Dan pada hari perasmian sahaja, hampir 5,000 belia telah berkumpul untuk mendengar amanat dari YAB Menteri Besar. 44 aktiviti dilaksanakan untuk golongan belia termasuklah juga aktiviti keagamaan untuk belia-belia seperti yang disarankan oleh YB ADUN Puteri Wangsa. Insya-Allah, saya akan berusaha yang terbaik untuk mengujudkan keseimbangan dalam setiap perlaksanaan program-program yang melibatkan golongan belia.

Terima kasih kepada YAB Menteri Besar Johor dengan *sporting,* dengan izin. Beliau sudi hadir dan merasmikan program tersebut. Inilah jambori sukarelawan yang pertama dilaksanakan di Malaysia dan Hari Belia Negeri Johor merupakan antara hari belia yang paling meriah dianjurkan di negara ini. Ianya mungkin sukar untuk dilaksanakan tanpa adanya sokongan dari kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar yang sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan belia dalam komposisi rakyat negeri Johor.

Pengiktirafan ini bukanlah suatu yang retorik kerana tidak semua kerajaan negeri yang menyediakan peruntukan khas tahunan untuk aktiviti-aktiviti belia seperti yang

dilakukan oleh kerajaan negeri Johor. Melalui inisiatif yang diberikan inilah negeri Johor telah mampu menubuhkan Pusat Pembangunan Belia atau dengan izin *Johor Youth Development Centre* atau JOYDEC sebagai agen pelaksana pelan tindakan pembangunan belia Johor seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pemanis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada asasnya JOYDEC bertindak sebagai penyelaras pembangunan dan perkembangan belia di seluruh negeri dengan acuan mereka sendiri.

YB Timbalan Speaker : JOYDEC itu, *English* ke Jawa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : JOYDEC, dia singkatan daripada perkataan bahasa Inggeris. Dengan izin Dato' Speaker. Pada asasnya JOYDEC bertindak sebagai penyelaras pembangunan dan perkembangan belia di seluruh negeri dengan acuan mereka sendiri yang memberi penekanan pembangunan insaniah yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta untuk aktiviti kesukarelaan. Insya-Allah kita akan manfaatkan peruntukan ini dengan sebaiknya bagi menggerakkan sukarelawan sehingga pada tarikh hari ini seramai hampir 15,000 ahli berdaftar sebagai Sukarelawan Darul Takzim untuk program-program di peringkat akar umbi, negeri hinggalah ke peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bagi pihak kerajaan negeri mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada sukarelawan yang bertungkus lumus menyumbang tenaga dalam misi bantuan banjir di Pantai Timur awal tahun ini. Begitu juga dengan sukarelawan dalam misi kemanusiaan membantu mangsa gempa bumi di Nepal serta sukarelawan yang telah mengharumkan nama negeri Johor melaksanakan misi pendakian sukar menakluk puncak Gunung Everest. Begitulah hebatnya belia Johor pada hari ini. Belia Johor perlu ada yang ke depan merintis laluan ke arah negara maju. Belia Johor perlu ada yang di belakang menjadi tulang kekuatan bangsa berdaulat. Belia Johor perlu ada yang di atas menjadi perisai melindungi segala kemungkinan. Belia Johor juga perlu ada yang di bawah, mengangkat martabat tinggalan nenek moyang. Belia Johor perlu ada di mana-mana kerana sudah pasti Belia Johor sentiasa di hati kerajaan negeri Johor. Belia yang berwibawa, belia yang mewarisi sifat siddiq, amanah, tabligh dan fatanah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai EXCO yang juga memegang portfolio sukan, saya tidak melihat sukan hanya sebagai medium untuk menyihatkan tubuh badan. Ianya adalah lebih besar daripada itu. Sukan merupakan agen perpaduan serta muafakat untuk semua kaum tanpa mengira lapisan masyarakat dan juga usia. Sehingga kini, saya masih belum gagal untuk menyaksikan setiap perlawanan bola sepak di Stadium Larkin bagi memberi sokongan bersama-sama tidak kurang daripada 20,000 penyokong tegar pasukan bola sepat JDT. Yang Berhormat Datuk Latiff pun sama belum pernah gagal. Ingin saya menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam pemerhatian saya peminat JDT merupakan peminat bola sepak yang berdisiplin di Malaysia. Sebab itu kita tidak akan dapat lihat hatta satu botol bekas minuman pun dibaling ke padang sepanjang perlawanan. Tidak ada nyalaan suar. Langsung tidak ada bunyi dentuman mercun. Ini menunjukkan peminat pasukan bola sepak JDT merupakan peminat sukan yang setia. Mempunyai semangat kesukanan yang tinggi dan boleh dicontohi oleh penyokong pasukan lawan atau penyokong-penyokong acara sukan yang lain.

YB Timbalan Speaker : Dia tak kira menang ke kalah. Disiplin tinggi macam itu ya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Ya betul. Disiplin yang paling utama Yang Berhormat Dato' Speaker. Jangan kita hanya gah bersorak ketika menang tetapi kita tidak mampu mengawal diri menerima kekalahan. Sungguh pun begitu, agak menyedihkan apabila peminat JDT sering menjadi provokasi pasukan lain yang mencemburui peningkatan mendadak pasukan JDT. Walau apa pun cabaran yang dihadapi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan bola sepak JDT setelah menang dalam persaingan Piala Sumbangsih di awal musim. Minggu lalu, pasukan JDT melakar sejarah baru berjaya melangkah ke pusingan kedua Piala AFC dengan menjadi pendahulu kumpulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga kepada ADUN Machap yang sentiasa peka dan mengambil berat. Yang Berhormat ada menyarankan agar memperkasakan kelab-kelab penyokong JDT di peringkat daerah. Saya ambil positif tentang cadangan ini. Insya-Allah saya akan berbincang dengan pihak Persatuan Bola sepak Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semangat pasukan bola sepak JDT boleh dijadikan contoh bagaimana kita hendak membina perpaduan dan muafakat antara kaum yang ada di negeri Johor melalui sukan. Kerajaan negeri telah menyusun semula program-program sukan dan penjenamaan semula setiap kejohanan yang dianjurkan. Antaranya menganjurkan Sukan Muafakat Johor 2015 yang dahulu mungkin Yang Berhormat Tan Sri Speaker pun tahu iaitu sukan JPMM. Sukan ini akan dimulakan di peringkat 56 DUN seluruh Johor dan kemudiannya di angkat ke peringkat negeri. Acara yang dipertandingkan seperti futsal, sepak takraw, bola jaring, bola keranjang, sukan jemputan kabadi untuk kaum India dan juga larian Muafakat Johor. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk hadir sama di perasmian Sukan Muafakat Johor pada jam 9.00 pagi, 6 Jun 2015 di Indahpura Sport city Kulaijaya yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 14 Mei 2015 iaitu Khamis, hari Khamis minggu lalu telah berlangsungnya Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia yang dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan iaitu Yang Berhormat saudara Khairy Jamaludin yang diadakan di Majlis Sukan Negara Bukit Jalil. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana secara rasminya ahli mesyuarat telah memutuskan untuk memberi hak penganjuran Sukan Malaysia SUKMA 2020 kepada negeri Johor Darul Ta'zim seperti yang telah kita war-warkan sebelum ini (Dewan bertepuk). Pemilihan ini kita sambut dengan penuh bangga dan kita beriltizam untuk pencabar terkuat dalam kejohanan SUKMA 2020. Insya-Allah Majlis Sukan Negeri Johor dan persatuan-persatuan sukan akan bersedia sepenuhnya dalam masa 5 tahun ini.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai tahun hadapan kita tidak akan menghantar atlet untuk bertanding secara semberono, dengan izin, yang hanya disaring menjelang kejohanan. Sebaliknya kita akan memperhebatkan program pembangunan sukan dari peringkat awal terutamanya sukan yang mampu memberi pulangan pingat yang banyak kepada negeri Johor. Tahun lalu sahaja, kita sudah mulakan program pembangunan atlet dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Johor melalui acara sukan, melalui sukan acara padang dan balapan. Tahun 2015 ini, kita perluaskan pula dengan program-program pembangunan sukan yang lain melibatkan acara badminton, tinju, ragbi dan juga bola jaring.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri Johor akan terus proaktif melaksanakan program pembangunan atlet kerana inilah kaedah terbaik untuk mengangkat martabat atlet negeri Johor dalam jangka masa panjang dan menjamin kejayaan yang berterusan. Berkenaan infrastruktur untuk penganjuran SUKMA tahun 2020 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tangkak, perancangan dan persediaan awal telah dilaksanakan untuk menyediakan infrastruktur kejohanan yang terbaik bagi semua acara pertandingan. Sudah pasti, penekanan utama adalah membangunkan sebuah stadium negeri yang diperlukan untuk acara perasmian dan kejohanan acara padang dan juga balapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada 5 hingga 16 Jun 2015 ini, akan berlangsung Sukan Sea yang ke-28 di negara jiran kita iaitu Singapura. Atlet Johor tidak kurang hebatnya apabila seramai 41 orang atlet dan 5 orang jurulatih akan bersama dalam memperkuatkan kontinjen Malaysia pada kejohanan kali ini. Johor sebagai negeri yang bersempadan dengan Singapura akan dijadikan transit bagi kontinjen dan juga penyokong Malaysia, saya percaya Sukan Sea yang ke-28 ini, walaupun diadakan di negara Singapura namun tempias kemeriahannya akan turut dirasai oleh penduduk negeri Johor dan sudah pasti Johor akan menerima limpahan daripada segi ekonomi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah mengarahkan saya untuk membantu dan memberi kerjasama terbaik kepada Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara terutamanya kepada kontinjen negara kita Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada soalan Yang Berhormat ADUN Nusajaya yang mahu saya memperincikan program-program sukan di bawah portfolio saya, saya rasa tidak perlulah untuk saya perinci kan satu persatu kerana masa yang agak terbatas. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sedar setiap manusia mempunyai minat, kemahuan dan kelebihan yang berbeza. Demi untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelbagai pihak, terlalu banyak yang telah dilaksanakan sepanjang tahun sama ada melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, Majlis Sukan Negeri Johor dengan kerjasama NGO-NGO, persatuan-persatuan dan kelab-kelab yang ada dalam negeri Johor. Ia termasuklah sukan massa yang melibatkan rakyat di akar umbi. Sukan prestasi tinggi melalui penganjuran *circuit-circuit* antara sekolah-sekolah sukan serta pusat latihan daerah, sukan dua roda, *two wheel sports* melibatkan sukan berbasikal dan permotoran termasuklah penganjuran *Circuit Motor cross* peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada tahun ini. Penganjuran sukan lasak dan ekstrem serta sukan air termasuklah *Monsoon Cup.* Ini semua akan melibatkan penganjuran bermula di peringkat akar umbi iaitu daripada peringkat DUN, daerah-daerah, negeri, kebangsaan hingga ke peringkat antarabangsa.

Malah tidak cukup setakat itu Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk tahun 2015 ini, kita turut memperkenalkan pula permainan tradisional yang akan dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Konsep pertandingan yang digunakan iaitu akan diadakan kejohanan daripada peringkat cawangan, peringkat daerah dan juga negeri melibatkan permainan daripada semua kaum. Walaupun sukan untuk orang normal lebih diberi perhatian oleh masyarakat, kerajaan negeri tidak pernah sesekali mengabaikan pembangunan sukan OKU melalui pelaksanaan di semua daerah dengan program *Inspire Talent* dengan izin, dan Perkhidmatan Latihan Sukan atau PLS yang memfokuskan kepada pembangunan sukan OKU hingga ke peringkat akar umbi.

Dalam menyediakan atlet ke kejohanan besar pada tahun 2016 iaitu pada SUKMA Sarawak 2016 dan Sukan Orang Pekak Malaysia 2016, persediaan awal dimulakan dengan menghantar beberapa atlet berlatih di bawah Majlis Sukan Negara di Bukit Jalil dan menyertai beberapa *circuit* kebangsaan untuk mempertingkatkan prestasi mereka. Inilah cara Johor, kita melihat sukan secara inklusif dalam konteks yang luas, dalam membentuk semangat berpasukan, membina daya saing, mewujudkan gaya hidup sihat, memupuk muafakat serta mengekalkan jati diri melibatkan semua peringkat usia, semua kaum sama ada yang sempurna kejadiannya mahupun yang kurang upaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah menyentuh berkenaan usaha memelihara warisan sebagai agen mengekalkan jati diri bangsa Johor. Saya juga telah menyentuh bagaimana memupuk muafakat melalui aktiviti belia dan sukan, akhir sekali dalam sesi penggulungan saya kali ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, program kesenian dan kebudayaan juga telah disusun agar ianya dapat membantu memperkukuhkan jalinan persahabatan antara kaum serta memperkasakan warisan bangsa.

Negeri Johor mempunyai cara dan identiti tersendiri. Semua sedia maklum, negeri Johor sinonim dengan zapin, sinonim dengan keroncong dan juga ghazal termasuk juga yang sebati dengan masyarakat Melayu seperti kompang. Namun begitu, bangsa Johor tidak sama sekali menolak warisan kebudayaan kaum-kaum lain seperti gendang 24 untuk kaum Cina, gendang India, tarian singa dan juga tarian India. Semua acara seni budaya ini akan kita angkat dan kita satukan dalam penganjuran Festival Seni Anak Johor dengan tema Muafakat Itu Berkat. Ia juga akan melibatkan pelaksanaan di peringkat DUN, daerah dan satu penganjuran festival besar-besaran di peringkat negeri akan diadakan dan Insya-Allah ia akan menjadi festival seni budaya berbilang kaum yang terbesar di dalam negeri Johor, Insya-Allah (Dewan bertepuk).

Inilah festival yang akan memberi ruang kepada aktivis-aktivis anak Johor yang bergiat dalam seni budaya dari segenap lapisan masyarakat seluruh Johor untuk terlibat bersama-sama kerajaan negeri menonjolkan bakat mereka. Adalah menjadi agenda saya agar setiap yang dilaksanakan mampu dirasai oleh segenap rakyat Johor. Namun begitu, ianya tetap mengutamakan keaslian satu-satu warisan dan tidak akan mencacatkan kualiti serta prestij sesuatu penganjuran.

Akhir sekali saya sekian lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi ruang kepada saya menggulung perbahasan berkaitan portfolio Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan pada sidang Persidangan Dewan Negeri Johor kali ini. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudi melontarkan soalan dan saya harap soalan yang saya jawab dapat memenuhi apa kehendak Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Johor mesti jadi Johor. Perkukuhkan bangsa Johor kerana Muafakat itu Berkat. Akhirnya kepada Allah kita berserah. Sekian, wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menyokong.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Belia dan Sukan. Kita teruskan. Sila Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana telah diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian

dalam sesi penggulungan perbahasan bersempena dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di Majlis Perasmian Penggal Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan negeri kerana Istiadat Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah diadakan pada 23 Mac 2015 yang lalu berjalan dengan lancar seperti mana yang telah dirancangkan.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Perarakan Kemahkotaan, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang membantu memastikan kehadiran tetamu Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu rakyat jelata yang mana mereka sanggup berdiri di kiri kanan jalan sepanjang laluan perarakan berkereta seawal pagi bagi meraikan Istiadat Kemahkotaan ini. Terima kasih juga kepada jabatan dan agensi di bawah Pertanian, Polis, JPJ, Pejabat-Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak media serta rakyat yang sudi bersama-sama menjayakan pada hari tersebut.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat bersama-sama memberikan idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu yang berkaitan dengan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor. Walaupun tidak banyak persoalan yang dibangkitkan dalam perbahasan kali ini, saya mengambil ruang untuk membentangkan beberapa maklumat.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, di bawah Pelan Suara Hati Johor bagi tahun 2015, fokus utamanya adalah tertumpu kepada usaha meningkatkan tahap ekonomi pembangunan usahawan dan menangani kos sara hidup serta kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan itu, sebanyak 7 tajuk KPI telah dirancang di bawah portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani di mana akan melibatkan sebanyak 28 inisiatif yang akan dilaksanakan bersama kesemua jabatan dan agensi di bawah Pertanian.

7 KPI seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Meningkatkan penglibatan rakyat dalam bioteknologi melalui Program Pembangunan Bio Ekonomi Komuniti.
2. Meningkatkan kebolehsaingan usahawan melalui Program Galakan Usahawan.
3. Memastikan Johor kekal sebagai pengeluar makanan utama menerusi peningkatan keluasan dan hasil pengeluaran IKS serta melaksanakan hab industri asas tani.
4. Mengekalkan status tanah pertanian melalui pembelian tanah pertanian yang ingin dijual.
5. Meringankan kos sara hidup rakyat dengan memberi bantuan kepada nelayan terjejas melaksanakan Program Azam Tani, Pertanian Bandar dan Juga Pertanian Rakyat serta Program *Upgrade Skill,* dengan izin.
6. Meningkatkan peluang pemasaran dan jualan dengan meneruskan dan memantapkan program Mini Agro Pasar Tani Kekal, pasar nelayan, menaik taraf pusat pengumpulan dan bengkel IKS kepada pusat latihan dan agro-pelancongan.
7. Menggalakkan belia terlibat dalam industri pertanian melalui penambahan program pemasaran kepada agro-preneur dan juga program penerangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sidang Dewan ini, terlebih dahulu saya berasa syukur terhadap Allah SWT dengan taufik dan hidayahnya dan memberikan kebijaksanaan, kewibawaan kepada kepimpinan negeri kita bagi membantu menyelesaikan permasalahan di akar umbi termasuk

perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak rakyat terus atau melalui Wakil-Wakil Rakyat di dalam Dewan secara langsung mahupun secara pertemuan bersua muka.

1. Isu yang dibangkitkan oleh ADUN Tanjung Surat, telah kita laksanakan Pemberian sagu hati pada 14 hari bulan yang lalu, seramai 444 orang nelayan berlesen dan awak-awak yang telah dapat manfaat. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

2. Isu nelayan Empangan Machap dan Sembrong diberi kebenaran untuk menangkap ikan untuk tempoh tiga tahun lagi. Ini memberi nafas kepada nelayan darat. Isu ini dibangkitkan oleh ADUN Machap dan terima kasih kepada EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar YANG sedia membantu berunding dengan JPS.

3. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah bersetuju untuk memberi kebenaran untuk memberi peruntukan kepada Jabatan Perikanan untuk melantik perunding bagi membantu membangunkan Pelan Pembangunan Nelayan Negeri Johor. Kajian ini dilaksanakan bagi membantu kehidupan nelayan dalam jangka masa pendek, sederhana dan juga panjang.

4. Isu pampasan ataupun sagu hati tanah di Sungai Balang telah berbelas tahun juga telah diselesaikan melalui Pejabat Tanah dan Galian Johor dan petani telah mendapat manfaat hasil daripada mesyuarat MMK yang lalu.

5. Isu nelayan Johor Selatan. Dengan pemberian sagu hati seramai lebih 1,500 orang nelayan di Johor Selatan dan penternak sangkar mendapat manfaat menerusi Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Johor. Pemberian sagu hati ini disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 8 Mei 2015 di Pasir Gudang dan akan diikuti di Gelang Patah, Tebrau dan Tanjung Piai.

6. Kawasan ternakan ikan dan kupang di kawasan baru bagi membantu penternakan ikan dan kupang dalam sangkar di Johor Selatan, di mana Jabatan Perikanan telah kenal pasti lokasi yang sesuai iaitu di Selat Mendana hingga Sungai Layang-Layang, Teluk Sengat dan juga Sungai Lebam.

Banyak lagi isu-isu berkaitan dengan sektor pertanian yang telah diselesaikan. Kita akui banyak juga yang perlu dibantu termasuk kawasan tanaman yang sering dilanda bencana kemarau, banjir, penyakit-penyakit tanaman, ternakan, isu nelayan Tanjung Piai yang terjejas akibat tambakan benteng, isu ganggu binatang terhadap tanaman yang akan dibantu oleh EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar dan sebagainya. Kita tidak akan jemu-jemu untuk membantu dan terus membantu di samping terus membangunkan sektor pertanian dan industri asas tani di negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Buloh Kasap, seperti mana yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bahawa daerah Segamat akan dijadikan hab pertanian dan industri asas tani. Bagi tujuan tersebut, satu gerak kerja telah diatur di mana pihak UPEN bertindak sebagai urus setia dan ahli jawatankuasanya terdiri daripada agensi-agensi dan juga jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta beberapa agensi lain yang mempunyai peranan di dalam bidang pertanian seperti Johor Corporation dan juga J-Biotech. Walau bagaimanapun, pembangunan ini tidak dapat dimuktamadkan lagi disebabkan kedua-dua agensi ini belum mendapat lokasi yang sesuai. Walau bagaimanapun, menerusi agensi di

bawah pertanian, kami telah bergerak dan membantu petani, penternak dan nelayan menerusi program-program dan peruntukan sedia ada berbentuk pembangunan fizikal mahupun pembangunan modal insan.

Berikut adalah antara program-program yang telah dan akan dilaksanakan oleh beberapa jabatan, agensi bagi mencapai visi tersebut. Melalui peruntukan negeri, sebanyak RM706,545.00 telah pun diturun kepada Jabatan Pertanian Negeri Johor untuk membantu 188 orang usahawan tani menjalankan projek tanaman makanan di daerah Segamat dan tiga orang usahawan yang terlibat dalam projek industri kecil sederhana bagi membina bengkel pemprosesan makanan. Seminar usahawan industri asas tani juga telah dirancang untuk diadakan di daerah Segamat pada tahun ini bagi memberi manfaat kepada usahawan setempat dan juga daerah sekitar.

Di bawah Program Galakan Usahawan (PGU) seramai 45 orang akan menerima bantuan dalam bentuk mesin dan peralatan bagi projek IKS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM227,850.00. Seramai 10 orang untuk projek tanaman selingan dan kebun integrasi, nilai insentif tunai sebanyak RM7,400.00 dan projek tanah terbiar untuk 6 orang peserta dengan nilai RM58,000.00.

Melalui projek persekutuan pula, Pejabat Pertanian Daerah Segamat telah menerima sejumlah RM406,600.00 peruntukan untuk membantu 40 orang petani menjalankan projek masing-masing. Di antaranya, Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan Sekijang, Projek Pakej Amalan Tenaga Lebah Madu, Projek Fertigasi Rakyat, Projek Bantuan Bagi Peningkatan Sayur. Pejabat Pertanian Daerah Segamat juga turut menerima RM12,795.00 untuk menjalankan program latihan.

Selain daripada itu, Pejabat Pertanian Daerah Segamat juga telah diperuntukkan sebanyak RM45,000.00 untuk membantu 450 orang peserta yang terlibat di dalam Pertanian Bandar. Program ini menggalakkan orang ramai mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan di sekitar rumah di mana hasil tanaman boleh digunakan untuk kegunaan seisi rumah. Ini dapat mengurangkan kos belanja dapur dan juga lebihan sayur juga boleh dijual di PPK yang berdekatan. Bagi program komuniti setempat. Pada awal Jun ini, Pejabat Pertanian Segamat akan mengadakan projek pertanian bandar di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Labis. Program ini akan turut dilaksanakan di beberapa kawasan perumahan individu dan juga institusi. Antara kawasan yang akan terlibat Program Pertanian Bandar pada masa akan datang adalah Perumahan Awam Labis, Perumahan Awam Bukit Siput, Taman Bukit Bintang, Buloh Kasap, Perumahan Desa Temu Jodoh, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Pemanis, Rumah Anak-Anak Yatim Gemereh, Kampung Baru Jementah, Tadika Mutiara, Taman Segar, Perumahan Awam Bekok, Taman Gemas Baru, Taman Bina, Taman Bunga Raya dan Taman Dedar.

Bagi menggalakkan lebih ramai pihak terlibat dalam bidang pertanian, pengenalpastian lot-lot tanah terbiar juga telah dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Tanah Daerah Segamat. Seramai 24 orang pemilik tanah terbiar telah menyatakan minat supaya tanah mereka ini diusahakan atau disewakan kepada orang lain. Taklimat kepada pemilik tanah terbiar telah diberikan pada Mac 2015.

Sebagai inisiatif tambahan, Pusat Pertanian Jementah telah pun menyemai beberapa jenis tanaman herba seperti pegaga, kunyit, serai, pandan dan juga kesum untuk diedarkan kepada orang awam semasa program-program pengembangan dijalankan di peringkat daerah. Antaranya semasa Majlis pelancaran Bumi Hijau yang telah diadakan di Kampung Melayu Raya, Segamat,

27 Mac 2015. Program ini telah memberi manfaat kepada 150 orang, di mana anak-anak pokok, benih dan juga baja telah diedarkan semasa pelancaran.

Secara kesimpulannya, Pejabat Pertanian Daerah Segamat telah menerima peruntukan keseluruhan RM1.46 juta dengan memberi manfaat kepada 1,056 usahawan tani. Harapan Jabatan, insentif yang diberikan ini meningkatkan pengeluaran tanaman makanan dengan mengamalkan amalan pertanian yang baik. Ini belum lagi janji daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM5 juta yang akan diturunkan untuk daerah Segamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Lembaga Pertubuhan Peladang juga tidak ketinggalan menyertai program-program dalam pembangunan di daerah Segamat. Kerana terlalu banyak program-program di daerah Segamat, saya akan sebutkan yang penting-penting. LPP telah memperuntukkan sebanyak RM600...

YB Timbalan Speaker : YB ada kepentingan kat Segamat? Segamat aje, daerah lain kecil hati juga. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ini adalah kerana Program Hab Pertanian, Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah satu program khas dan tumpuan dan apa yang saya sebut tadi di daerah lain juga mendapat manfaat yang sama cumanya ada kelebihan di daerah Segamat diberi tambahan peruntukan untuk kita mempercepatkan *progress* hab pertanian di sana. Di bawah LPP memperuntukkan sebanyak RM660,000.00 bagi menjayakan program pengeluaran bahan makanan asas iaitu pengeluaran benih Kelapa Mataq di Bukit Bujang, Segamat. Kedua, peruntukan...

YB Timbalan Speaker : Segamat lagi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tanaman ubi kayu....

YB Timbalan Speaker : Kelapa Mataq pun Segamat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ya, Segamat (Dewan ketawa). Peruntukan tanaman ubi kayu dan juga pisang di ZPM di Bukit Mambai bertujuan menyediakan bekal bahan tersebut keperluan pasaran tempatan dan juga pasaran industri makanan tempatan. LPP juga menyediakan program rantaian nilai dengan memperuntukkan sebanyak RM2,112.00 di mana tiga buah pusat pengumpulan telah dibina. Menyediakan kemudahan memasarkan hasil pertanian.

PPNJ, Pertubuhan Peladang Negeri Johor juga telah mengambil inisiatif dengan memperuntukkan sebanyak RM1.8 juta untuk membina kilang memproses makanan ternakan berasaskan PKC, iaitu di Bukit Bujang, Segamat dan juga kilang ini boleh membuat pengeluaran sebanyak 200 tan sebulan. Ini boleh merancakkan lagi pengeluaran program pengeluaran ternakan untuk lembu, kambing dan juga rusa. Begitu juga tahun 2015 ini juga, LPP menganjurkan Program Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil Peladang secara pemadanan. Di bawah program ini sebanyak RM3,970.00 telah diperuntukkan melibatkan lima orang peserta di mana 50% geran diberikan ke atas peralatan, jentera kecil bagi peserta yang telah diluluskan. Jadi, saya secara keseluruhannya, Lembaga Pertubuhan Peladang telah memperuntukkan sebanyak RM2.933 juta bagi projek pertanian dan industri asas tani bagi daerah Segamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bio-Segamat merupakan salah satu inisiatif dari J-Biotech di dalam pembangunan bio-ekonomi negeri Johor dalam membangunkan peladang bio atau agri-bio di daerah Segamat. Ianya juga bagi mendukung hasrat kerajaan negeri untuk membangunkan daerah Segamat sebagai daerah industri asas tani. Bio Segamat berkonsepkan perladangan agri-bio bersepadu yang menekankan aplikasi *bio-security* yang merangkumi aktiviti pertanian, ternakan dan *agriculture*. Selain itu, objektif pembangunan bio Segamat juga adalah menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara dalam sektor agri-bio bagi pembangunan tanah kerajaan terbiar. Membantu meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat dengan penglibatan secara langsung komuniti setempat melalui program pembangunan bio ekonomi komuniti.

Ketiga, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan komuniti melalui perkongsian teknologi sektor agri-bio dan juga bio industri. Bio Segamat terdiri daripada empat komponen utama, iaitu; industri ternakan bersepadu bagi ternakan lembu tenusu dan *feedlot,* pusat penyembelihan dan pusat penghasilan genetik halal; perladangan agri -bio bagi tanaman rumput ternakan dan spesies-spesies tanaman yang bernilai tinggi dan ditambah baik dengan bioteknologi; ternakan *agriculture* bagi ternakan ikan air tawar; dan pembangunan sosioekonomi dan pembangunan luar bandar melalui program pembangunan bio komuniti bagi penglibatan penduduk

Penglibatan penduduk setempat dan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana. Pembangunan Bio Segamat ini dijangka bakal menarik pelabur di dalam sektor agri-bio sejumlah RM410 juta dan dianggarkan mewujudkan lebih 200 orang peluang pekerjaan di peringkat mahir, separuh mahir dan pekerja am.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2015, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri bercadang untuk meneruskan pelaksanaan 12 program utama di bawah peruntukan Pembangunan Negeri. Daripada jumlah berkenaan 12 program tersebut, terdapat 6 program yang melibatkan sektor ternakan iaitu program pembangunan lembu, kerbau, pembangunan industri kambing dan juga biri-biri, pembangunan industri lembu, kambing tenusu, pembangunan ayam, itik, puyuh, industri aneka haiwan dan juga industri asas tani. Bagi 6 program lagi merupakan program sokongan termasuk kawalan penyakit, pencemaran industri ternakan, infrastruktur perkhidmatan, pengeluaran makanan ternakan, latihan kerjaya dan juga komunikasi teknologi maklumat.

Bagi daerah Segamat, untuk tahun 2015, pihak jabatan bercadang untuk membangunkan industri ternakan memandangkan kawasan penternakan yang masih luas dan permohonan yang tinggi dalam penternakan untuk dimajukan. Pihak jabatan juga berusaha untuk meningkatkan pendapatan melalui usahawan ternakan bagi menampung kos-kos sara hidup yang makin bertambah. Program yang dicadangkan termasuklah pembangunan industri lembu, kambing, dianggarkan 100 ekor lembu untuk 20 penternak dengan nilaian RM400,000.00, 100 ekor kambing dan biri-biri bermutu untuk 10 orang penternak dalam nilaian RM200,000.00. Dalam pembangunan ayam kampung, daerah Segamat agak sejumlah 115 penternak dengan nilaian RM100,000.000 akan disalurkan peruntukan bagi melaksanakan tiga aktiviti. Dalam program Industri Asas Tani menaik taraf industri berasaskan kulit juga, kulit untuk membuat kompang, bantuan sebanyak RM40,000.00 diberikan pada seorang pengusaha yang sedang menjalankan aktiviti.

Program sokongan lain termasuk pembangunan TKPM untuk pembangunan tanaman rumput, infrastruktur jalan ladang dan parit sempadan, kawalan kesihatan, pencemaran industri ternakan bagi mewujudkan mesra alam juga akan

disalurkan. Anggaran kos program sokongan ini bernilai lebih pada RM100,000.00. Program-program ini akan mendapat, akan kita perolehi pada tahun ini peruntukannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala program di bawah FAMA adalah seperti berikut :

1. Program Jelajah Agro-preneur Muda Parlimen Sekijang yang telah berlangsung pada 22 hingga 24 Januari yang lalu.
2. Pembukaan pasar tani baru di Jementah kita telah buka pada 11 Februari yang lalu.
3. Penambahan gerai buah-buahan segar di satu lokasi yang telah kita cadangkan, yang telah dibina di Kampung Jambi.
4. Penambahbaikan bilangan ahli Kelab My Agro Sis iaitu para mahasiswa seramai 116 orang telah berdaftar, yang ini kita nak melahirkan usahawan siswazah.
5. K Shop Agro-preneur Muda, satu K Shop telah kita beri bantuan untuk usahawan muda sebanyak RM12,000.00.
6. Program Fertigasi My Agro Sis, yang ini kita bangunkan bersama dengan UiTM Segamat.
7. Jualan sempena Hari Raya Aidilfitri bulan Jun nanti kita akan buat di Pasar Tani Segamat.

Dan juga seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, daerah Segamat berpotensi untuk dibangunkan industri akuakultur ternakan air tawar. Sebanyak 55 orang penternak yang aktif menjalankan aktiviti ternakan perikanan ini yang mempunyai keluasan sebanyak 32.57 hektar yang memberi hasil pada tahun 2014 sebanyak 585.11 metrik tan. Antara spesies yang berpotensi diternak di Segamat adalah ikan baung, tilapia, udang galah dan pelbagai lagi.

Jadi Kampung Batu Badak juga dikenali, akan dibangunkan sebagai pusat Agro-pelancongan di mana ini adalah kawasan yang mempunyai pelbagai aktiviti berkaitan dengan perikanan. Dan kita juga menjangka lebih kurang RM500,000.00 yang akan kita gerakkan untuk membantu kampung berkenaan yang memberi peluang kepada 40 orang nelayan di sana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Machap ada membangkitkan mengenai isu pencemaran bau busuk najis lembu di Ladang Ternakan Lembu di Pertanian Moden Ayer Hitam hingga mengganggu keselesaan guru, murid dan penduduk di FELDA Ayer Hitam. Untuk makluman sidang Dewan kawasan Pertanian Moden Ayer Hitam yang terletak di Jalan Ayer Hitam Kluang merupakan kawasan pertanian dan penternakan. Terdapat beberapa ladang ternakan lembu daging yang diternak secara *feedlot*. Ladang kambing tenusu dan projek lembu tenusu. Pada petang semalam saya berpeluang meninjau ladang yang berkenaan dan kawasan ini telah dimajukan oleh sebuah syarikat di mana sebelum ini, ladang ini milik firma *feedlot*.

Jadi apa yang saya lihat sebelum ini pihak Jabatan Veterinar telah membuat siasatan pada awal Januari yang lepas kerana dapat aduan tentang kacau ganggu ini dan juga pihak jabatan telah berbincang dengan pihak pengusaha syarikat mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil, cara merawat air menggunakan EM dan juga cara merawat pencemaran bau. Dan juga kita nak memastikan tidak ada kacau ganggu lalat. Ini kita telah memberi latihan kepada pihak pengusaha.

Walau bagaimanapun saya dapat, tinjauan saya semalam saya mendapati masih banyak kekurangan-kekurangan yang perlu kita perbaiki di kawasan berkenaan kerana dari segi isu bau ini kita dalam proses membawa kepada pihak pegawai Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang untuk kita masukkan. Kita sedang untuk merangka satu penambahbaikan, merangka satu undang-undang khas bagi mengatasi haiwan ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, biri-biri yang berkeliaran dan akan dimasukkan dalam juga elemen pencemaran bau dari najis ternakan tersebut. Dengan adanya perundangan tersebut, pihak jabatan dapat mengawal dan dapat mengatasi masalah pencemaran bau yang berlaku di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Bekok ada membangkitkan mengenai isu pertanian, terpaksa menanggung GST terhadap input pertanian dan juga kos pengangkutan. Untuk makluman sidang Dewan, program-program yang dijalankan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan juga sebelumnya telah menumpukan kepada pengusaha-pengusaha pertanian berskala kecil, seperti Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan, Program Tanaman Industri, Komuniti Yang Berpotensi, Pembangunan Industri Asas Tani, Pembangunan Mikro Berfaedah, Pembangunan Kebun Integrasi serta Bantuan Galakan Amalan Teknologi. Petani yang komited dengan projek pertanian di bawah bidang-bidang tersebut akan diberi bantuan dalam bentuk input pertanian seperti baja, racun, benih, peralatan pertanian, penyediaan kawasan, menaik taraf infrastruktur ladang, sistem pengairan bekalan, bengkel dan mesin-mesin yang berkaitan. Secara tidak langsung, pengusaha di bawah projek jabatan pertanian tidak akan merasa terbeban dengan kenaikan harga barang selepas GST.

Juga pihak FAMA, juga telah memperkenalkan Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Ke Pasaran iaitu Program KUKUH. Di bawah program ini, petani dan pemasar diberi insentif sebanyak RM5,000.00. Petani diberi lebih kepada insentif pengeluaran iaitu dalam bentuk input pertanian. Manakala pemasar pula lebih kepada insentif pengangkutan. Secara tidak langsung, usaha ini dapat membantu meringankan beban petani dan juga pemasar. Inilah hebatnya negeri Johor dan juga kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mengambil kira sebelum pelaksanaan GST ataupun selepas pelaksanaan GST, kita membantu petani-petani kita untuk mengeluarkan produk-produk makanan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Senggarang ada menyarankan agar Jabatan Perkhidmatan Veterinar membuat pindaan Akta yang tertakluk di bawah Enakmen Pemindahan Babi dan Kaedah-Kaedah Melesen 1977, supaya jarak untuk membina kandang babi tidak boleh didirikan dalam kawasan dua rantai daripada kawasan rumah kediaman atau kawasan bangunan untuk kegunaan orang Islam atau di sebarang tempat yang dianggap boleh menyebabkan kekotoran kepada perigi, sungai, parit dan sebarang punca air. Saya juga berkesempatan melawat dua ladang di kawasan Senggarang dan melihat sendiri keadaan ladang ternakan itu bersama Yang Berhormat Senggarang. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor mengambil serius isu pencemaran bau dan air dari penternakan babi di negeri Johor amnya dan juga DUN Senggarang khususnya, terdapat 13 buah ladang babi di DUN Senggarang. Dan keseluruhan 49 buah ladang di seluruh negeri Johor. Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri dan juga sidang media dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 3 November 2014, telah bersetuju untuk melaksanakan sistem *Modern Pig Farming*, MPF, yang turut diguna pakai di negeri Johor dengan mengambil kriteria seperti berikut:

1. Kandang tertutup.

2. Sistem pengurusan sisa kumbahan, *zero discharge*, dengan izin.
3. Mempunyai zon penampan dengan jarak minimum 20 meter daripada rumah kediaman, sekolah, klinik, tempat ibadat.
4. Mengamalkan amalan ladang ternakan yang baik.

Perbincangan dan pelaksanaan *Modern Pig Farming* dengan Pengusaha Penternak Khinzir Johor telah diadakan pada 8 April 2015. Dimaklumkan bahawa Persatuan Penternak Khinzir Johor memahami konsep pelaksanaan MPF yang akan dikuatkuasakan mulai 2016. Ekoran pada itu, dalam tempoh tiga tahun, ladang-ladang yang berpotensi hendak beralih ke sistem *closing house*, dengan izin, dianggarkan 29 buah ladang sahaja berpotensi untuk kekal melaksanakan sistem MPF dengan penerapan transformasi ladang dan teknologi pengolahan tinja.

Bagi DUN Senggarang keseluruhan 13 buah ladang tersebut tidak menepati kriteria ini dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor akan mengusulkan cadangan *exit plan*, dengan izin, bagi ladang tersebut memberi tempoh yang relevan bagi pelaksanaan MPF di negeri Johor. *Exit plan* yang dicadangkan adalah dari Persatuan Penternak Babi adalah seperti berikut; dalam tempoh 3 tahun untuk buat pengalihan penternakan Sistem Terbuka kepada *close house* merupakan satu masa singkat. Pengusaha memerlukan masa tambahan iaitu antara 3 hingga 5 tahun. Ini adalah kerana pasaran babi tidak mantap. Ia selari dengan permintaan *supply and demand.* Anggaran kos pembinaan rumah tertutup bagi seekor babi induk adalah RM15,000.00. Itu adalah untuk struktur sahaja. Ini tidak termasuk sisa dan juga peralatan. Ini satu perbelanjaan yang sangat tinggi, tempoh panjang membolehkan pengusaha beralih ke MPF berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan mereka. Penternak yang tidak mampu beralih kepada MPF akan diberi waktu selama 3 tahun dan akan ditutup dengan diberi pampasan.

Yang seterusnya, rumah sembelihan babi di Kempas, Johor Bahru yang selama ini memberi perkhidmatan kepada ladang-ladang ternakan babi akan ditutup operasinya pada hujung tahun 2015. Rumah penyembelihan swasta termoden yang dicadangkan oleh pihak swasta adalah dalam peringkat permohonan kelulusan tanah. Ini yang dibangkitkan oleh Wakil Rakyat, kalau tak salah saya daripada Senai tadi.

Pengubahsuaian ladang pada lokasi yang sesuai yang sedia ada kemungkinan tidak mengizinkan di atas beberapa sebab. Pada masa ini pengusaha yang ingin memindahkan ladang ke lokasi baru perlu mendapat kebenaran daripada agensi kerajaan yang lain. Bagi masalah pencemaran bau di DUN Senggarang, terdapat 4, 5 ladang yang berhampiran antara satu sama lain yang berhampiran dengan tempat kediaman. Ladang babi ini sudah wujud lebih 40 hingga 50 tahun yang lalu yang mempraktikkan *traditional farming* di mana pada waktu itu tiada Enakmen Ladang Babi. Ladang tersebut menepati syarat Enakmen Babi 1977 iaitu dua rantai dari kediaman. Oleh itu, bagi mengatasi masalah pencemaran bau, jabatan hanya boleh membuat pemantauan berkala untuk memeriksa pengurusan ladang, bilangan *standing pig operation*, sama seperti lesen, penggunaan EM dan tiada pengeluaran influen ke saluran awam. Pindaan Enakmen Pemeliharaan Babi dan juga Kaedah-Kaedah Melesen 1997 dalam tindakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk dipinda selaras dengan konsep MPF tersebut dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat MMK Negeri Johor pada tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah agensi saya telah memajukan permohonan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Bagi mempertimbangkan peruntukan-peruntukan untuk terus memajukan lagi sektor pertanian dalam negeri kita ini. Kita

juga sedang merangka program Rancangan Malaysia Ke-11 bagi permohonan peruntukan di bawah kerajaan negeri Johor. Kelulusan dan pertimbangan dari kedua-dua sumber ini amat bermakna bagi memastikan sektor pertanian dan industri asas tani di negeri kita ini dapat terus diperkasakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negeri di dalam Dewan yang mulia di sepanjang segmen perbahasan. Saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dalam penjelasan saya. Sekian akhir kata, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker. Dengan ini saya menyokong. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Kita teruskan perbahasan. Jemput Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. (Doa)

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah, terima kasih diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan dan permasalahan dalam sesi perbahasan di atas titah Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Kesemua perkara yang telah dibangkitkan, telah diteliti oleh semua ketua-ketua jabatan di bawah portfolio saya untuk diambil tindakan sewajarnya bagi menjamin taraf hidup kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat.

Mengenai isu-isu perumahan, saya juga menjunjung kasih dan berasa sangat terharu di atas titah dan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor terhadap keperluan dan masalah rakyat negeri Johor berkaitan isu-isu perumahan. Oleh sebab itu, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini mengenai isu yang dibangkitkan oleh Adun Tanjung Surat, Parit Yaani dan Nusajaya iaitu penyelesaian bagi mendapatkan pinjaman perumahan daripada pihak bank untuk golongan berpendapatan rendah termasuk graduan yang baru bekerja.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri memandang serius isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat yang berpendapatan rendah dalam mendapatkan pinjaman perumahan daripada pihak bank. Seperti yang kita ketahui, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuat kenyataan akhbar pada 2 Mei yang lalu, meminta kerajaan pusat dan Bank Negara mengkaji semula polisi pemberian pinjaman perumahan terutamanya melibatkan pembelian Rumah Mampu Milik bagi membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri. Hasrat ini disambut baik oleh Menteri di Kementerian Kesejahteraan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang akan membawa isu ini ke dalam Mesyuarat Kabinet sebagai usaha untuk menyelesaikan isu pinjaman perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada usaha untuk mendapatkan kerjasama dari kerajaan pusat dan Bank Negara, kerajaan negeri juga sedang mengusahakan kerjasama strategik dengan pihak penyedia pinjaman perumahan seperti Bank Persatuan, Bank Simpanan Nasional dan lain-lain bank untuk menyediakan polisi pinjaman perumahan yang lebih mudah.

Secara peribadi, saya berpendapat bahawa pihak bank sepatutnya tidak menghadapi risiko yang tinggi sekiranya memberi kemudahan pinjaman kepada pembeli. Hal ini kerana nilaian sebenar jauh lebih tinggi daripada yang ditawarkan kepada pembeli kerana ianya mempunyai elemen subsidi daripada kerajaan negeri. Sebagai contohnya, harga Rumah Mampu Milik PKJA, yang berharga RM42,000.00 dengan keluasan 720 kaki persegi mempunyai nilai kos pembinaan sebenar sebanyak RM80,000.00. Melalui inisiatif ini, kerajaan negeri percaya, ianya dapat membantu lebih ramai lagi pemohon untuk mendapatkan pinjaman perumahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menjawab isu mengenai komitmen kerajaan negeri melaksanakan pembinaan Rumah Mampu Milik Johor dan Skim Sewa Beli bagi golongan sasaran yang dibangkitkan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman sidang Dewan, melalui pembentangan Bajet 2015, kerajaan negeri telah mencadangkan sebanyak 5,000 unit rumah sewa kerajaan negeri untuk dijadikan sebagai Skim Sewa Beli. Antaranya, adalah Projek Perumahan Rumah Pangsa Taman Cendana, Cendana 1, 1,499 unit dan Cendana 2, 38 unit di Pasir Gudang, Rumah Pangsa Kangkar Pulai, 100 unit, Rumah Pangsa Seri Alam, 240 unit dan penempatan semula setinggan yang terlibat dengan pembinaan Lebuh raya Penyuraian Timur (EDL), yang tidak lulus pinjaman bank. Sasaran ini juga, termasuk 1,000 unit rumah yang akan disewa beli oleh Majlis Agama Islam Johor untuk ditawarkan kepada penerima bantuan zakat yang berkelayakan dan golongan asnaf fakir miskin.

Untuk makluman sidang Dewan, semalam sewaktu Majlis Perasmian PPR Melana Indah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam ucapannya memohon kepada kerajaan pusat sebanyak 20,000 unit PPR Negeri Johor melalui Rancangan Malaysia Ke-11, untuk disewa dan mungkin sebahagiannya dijadikan Skim Sewa Beli bagi mereka yang kurang berkemampuan dan sukar mendapat pinjaman perumahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syarikat-syarikat di bawah kerajaan negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, sebenarnya memainkan peranan penting untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah mampu milik di negeri ini. Dan, kita berterima kasih di atas usaha-usaha yang dilakukan sejajar dengan kehendak rakyat. Hasil daripada itu, peningkatan sasaran pembinaan Rumah Mampu Milik Johor daripada 28,000 unit pada tahun 2013, telah meningkat kepada 37,000 unit pada pertengahan tahun 2014. Jumlah ini terus meningkat kepada 42,000 unit pada awal tahun 2015, hasil daripada komitmen syarikat-syarikat di bawah kerajaan negeri dan juga swasta. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan, peningkatan bekalan rumah yang akan siap dibina pada tahun 2018, adalah sebanyak 46,000 unit. (Dewan bertepuk).

Buktinya melalui Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Perumahan, sehingga Mei 2015, lebih daripada 14,000 unit RMMJ telah lulus perancangan yang akan dibina oleh anak syarikat kerajaan Johor seperti Johor Land, 7,700 unit, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) 4,686 unit, Perbadanan Islam (PIJ), 1,831 unit ditambah lagi syarikat berkaitan kerajaan GLC melalui Syarikat UEM Sunrise Sdn. Bhd. yang akan membina 8,000 unit RMMJ. Dan, ini menjadikan jumlah keseluruhan pembinaan RMMJ oleh anak syarikat kerajaan negeri Johor dan persekutuan sebanyak 22,000 unit. Jumlah ini adalah hampir 50% daripada jumlah keseluruhan 46,000 unit yang akan siap dibina pada tahun 2018.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan rumah kedai mampu milik, yang ditanya oleh ADUN Nusajaya. Berdasarkan rekod yang berdaftar di pejabat

SUK Bahagian Perumahan Johor, bermula pada tahun 2007 hingga tahun 2014, sejumlah 1,239 kedai kos sederhana rendah telah terbina di negeri Johor dan telah dimiliki.

Hasil daripada penyediaan rumah kedai mampu milik ini, sedikit sebanyak ia membantu peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan kecil sederhana memiliki premis perniagaan dan seterusnya mereka mampu menjalankan aktiviti perniagaan dengan terurus dan berkesan. Melalui Dasar Perumahan Rakyat Johor, kerajaan negeri telah mensyaratkan penyediaan minimum 5% komponen kedai kos sederhana ataupun rumah kedai mampu milik bagi setiap pembangunan projek perumahan negeri Johor. Matlamatnya, menjelang 2018, sebanyak 5,000 unit kedai kos sederhana milik, rumah kedai mampu milik yang berharga di antara RM150,000.00 hingga RM200,000.00 akan dibina untuk mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM8,000.00 sebulan.

Mengenai isu projek terbengkalai di Taman Mount Austin dan PPR Setia Indah yang dibangkitkan oleh Puteri Wangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek perumahan Mount Austin, projek perumahan rumah murah Taman Mount Austin ini telah diisytiharkan terbengkalai pada 16 Mac 2014, saya telah menjelaskan perkara ini kepada sidang yang lepas, walaupun itu, saya ingin mengingat, mengulangi balik. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Perumahan Negara telah merangka Pelan Pemulihan bagi projek ini. Kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyumbang dana sebanyak RM5.5 juta membantu Jabatan Perumahan Negara bagi memulihkan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pada Ogos 2013, pemaju asal iaitu Kong Sun Enterprise Sdn. Bhd. telah berjaya mengetepikan arahan penggulungan yang dikenakan terhadapnya, sekali gus menyebabkan Pelan Pemulihan masih belum dapat dilaksanakan kerana untuk menggulung projek ini ianya mestilah projek yang terbengkalai tetapi ianya adalah projek sakit.

Sebagai Wakil Rakyat dan Ketua Bahagian UMNO Tebrau, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada YB Tiram kerana telah mengambil inisiatif dengan membantu pembeli-pembeli menggunakan hak dan kuasa perundangan sepertimana yang termaktub dalam Perjanjian Jual Beli.

Untuk pengetahuan sidang Dewan, pembeli-pembeli punya hak untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya pemaju lewat menyiapkan projek perumahan seperti yang dijanjikan mengikut tarikh yang termaktub dalam perjanjian. Dan, kita mengharapkan dengan kaedah ini kuasa pembeli untuk mendapatkan hak sebagai pembeli boleh kita kenakan kepada pemaju yang ingkar atau gagal melaksanakan projek mengikut syarat yang ditetapkan.

Untuk projek PPR Setia Indah, saya ingin membetulkan sedikit maksud ADUN Puteri Wangsa berkenaan PPR Setia Indah kerana ia sebenarnya dibangunkan oleh Yayasan Perumahan Untuk Termiskin (YPUT). Berkenaan kelewatan projek ini, ianya telah di kategori sebagai siap tapi belum berpenghuni adalah disebabkan belum mendapat Sijil Layak Menduduki (CCC). Beberapa perkara mengenai pembetungan, saliran, jaringan elektrik dan struktur jalan didapati tidak memenuhi piawaian dan *standard* yang ditetapkan oleh agensi teknikal. Untuk tujuan ini, kos penyenggaraan akan ditanggung bersama oleh pihak kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Sasaran bagi menyiapkan projek perumahan ini adalah dalam suku pertama tahun 2016.

Untuk projek Taman Setia Indah, YMN Properties, mesyuarat telah diadakan untuk pemantauan kelewatan projek ini dengan pihak pemaju yang telah dipengerusikan

oleh saya sendiri. Keputusan mesyuarat, pihak pemaju telah berjanji akan mulakan perlaksanaan projek pada bulan Jun 2015, dan menyiapkan projek ini seperti yang termaktub dalam Perjanjian Jual Beli.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membawa beberapa isu tentang kenyataan yang dibawa oleh ADUN-ADUN, isu berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Pertama, saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini, berhubung dengan kaedah perlaksanaan GST di Pihak Berkuasa Tempatan negeri Johor. Antara persoalannya adalah kenapa PBT dikenakan GST dan juga permohonan kepada kerajaan pusat untuk tidak mengenakan GST kepada PBT negeri Johor adalah dimaklumkan. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) atau lebih dikenali sebagai *Goods And Services Tax (GST)* merupakan satu sistem percukaian baru bagi menggantikan sistem percukaian yang lama iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan kerana terdapatnya beberapa kelemahan tertentu seperti kesan cukai berganda ke atas pengguna, ketiadaan pelepasan cukai atas barang yang dieksport dan isu pindahan harga.

Pelaksanaan GST telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di dalam Ucapan Bajet 2014, di bawah Teras Kedua: Mengukuhkan Pengurusan Fiskal Negara dan berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam konteks pelaksanaan GST bagi Pihak Berkuasa Tempatan, ia tertakluk di bawah Seksyen 64, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, iaitu bekalan dan perkhidmatan yang dibuat oleh PBT berkaitan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan serta tidak menyerupai aktiviti perniagaan yang lain adalah tidak termasuk di dalam skop kenaan GST. Walau bagaimanapun, bagi bekalan barang dan perkhidmatan yang bersifat perniagaan, Akta Komersil PBT perlu mengenakan dan mengutip GST serta meremit GST tersebut kepada kerajaan.

Perkhidmatan yang berkaitan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan (R&D) adalah perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah akta-akta berkaitan Kerajaan Tempatan serta Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan seperti Bayaran Cukai Harta, Bayaran Lesen dan Cukai Permit. Manakala bekalan dan perkhidmatan yang bersifat komersil atau perniagaan adalah seperti Sewaan Dewan dan Jualan Borong.

Di peringkat Perolehan pula, PBT perlu membayar GST dikenakan oleh pembekal atau kontraktor kerana tiada pelepasan cukai diberikan. Namun, di bawah Peraturan 49, Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, PBT sebagai Agensi Berdaftar boleh menuntut kembali apa-apa cukai input yang telah dibayar ke atas perolehan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengecualian pelaksanaan GST bagi PBT negeri Johor telah pun dipohon kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia melalui surat pentadbiran ini SUKJ.K.T 61/55 (28) bertarikh 30 Mac 2015. Walau bagaimanapun, ianya tidak dapat dipertimbangkan kerana tiada sesiapa pun yang tidak terkecuali daripada dikenakan atau dimengenakan GST termasuklah Kementerian, Badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan melainkan jika diberi pelepasan oleh Menteri di bawah Seksyen 56 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, sebagaimana surat dari Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, KE.HF(142) 140 Kerajaan dan Lain Badan Awam KLT.2(61) bertarikh 13 April 2015.

Semenjak GST dikuatkuasakan, PBT negeri Johor telah pun melaksanakan GST di peringkat pentadbiran masing-masing dengan kerjasama SUK Kerajaan Tempatan dan Jabatan Kastam DiRaja Cawangan Johor melalui beberapa taklimat dan bengkel yang telah diadakan. Di peringkat PBT negeri Johor, kita tidak mengenakan GST kepada semua urus niaga dengan menyerap GST atau dengan izin *tax inclusive* bagi semua urus niaga yang dijalankan. Pada masa yang sama, kutipan GST yang telah dibuat sejak 1 April 2015, juga diremit kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia.

Pada masa yang sama, satu kertas kerja berkaitan pelaksanaan GST bagi PBT negeri Johor akan disediakan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat (MMK) Johor bagi penyeragaman pelaksanaan GST di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga akan mengemukakan permohonan kepada kerajaan pusat untuk tidak mengenakan GST kepada semua urus niaga di bawah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

Untuk makluman juga, Johor merupakan negeri pertama menyerap GST atau *Tax Inclusive* dalam setiap urus niaga. Tindakan ini wajar dilaksanakan kerana Pihak Berkuasa Tempatan merupakan badan yang tidak berasaskan keuntungan, sebaliknya PBT merupakan agensi yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Dan, untuk pertambahan Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pun telah berbincang dengan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk kita pastikan perkara-perkara ini boleh kita dapat pelepasan pihak Kastam. Walau bagaimanapun, ianya termaktub pada perundangan yang telah ditetapkan. Itulah kaedah yang kita guna pakai dan setakat ini ianya tidak mendatang kesan yang tidak baik kepada masyarakat bahkan dengan kita menyerap kaedah ini kita dapat lakukan dengan kita berunding dengan pihak Kementerian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya adalah mengenai isu penjualan arak di kedai serbaneka yang dibangkitkan oleh ADUN Kempas dan ADUN Kukup. Lesen kedai serbaneka termasuk 7-Eleven dikategorikan sebagai lesen tidak berisiko di mana permohonan lesen ini diluluskan serta merta. Dan setelah itu, barulah pemeriksaan dibuat ke atas premis tersebut. Di bawah lesen kedai serbaneka adalah tidak dibenarkan premis menjual minuman yang memabukkan iaitu arak sebagai satu syarat yang perlu dipatuhi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, mana-mana premis perniagaan yang ingin menjual minuman keras ataupun arak wajib mendapat kelulusan dari Pejabat Daerah yang memegang kuasa meluluskan lesen minuman keras. Sekiranya lesen kedai serbaneka seperti 7eleven ingin menjual minuman keras, lesen perlulah mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Pejabat Daerah dan masih juga tertakluk kepada syarat-syarat lain seperti kesesuaian premis bagi segi jarak premis dari sebuah rumah ibadah dan juga institusi pendidikan. Pihak Berkuasa Tempatan boleh membatalkan lesen perniagaan sekiranya terdapat bukti premis ini menjual minuman keras dan tindakan penguatkuasaan juga boleh diambil dengan mengenakan kompaun di bawah tindakan undang-undang.

Untuk makluman, pihak SUK Bahagian Kerajaan Tempatan akan mengkaji undang-undang untuk menghalang penjualan arak secara terbuka ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya mengenai perpindahan kaunter jualan tiket bas ekspres Taman Sri Putera ke Terminal Bas Taman Universiti dan keengganan bas ekspres memasuki Terminal Bas Taman Universiti menyebabkan kesesakan trafik. Ingin saya maklumkan bahawa perkara ini masih lagi dalam proses untuk

penentuan kaunter jualan tiket dan pihak operator memohon untuk memanjangkan tempoh penumpang naik di hentian Sri Puteri sehingga hujung bulan Mei kerana tiket telah dijual lebih awal dan sukar untuk berhubung dengan pembeli tiket bagi memaklumkan berhubung pemindahan tempat menaiki bas. Walau bagaimanapun, notis untuk larangan mengambil, menurunkan penumpang telah pun diletakkan di Hentian Sri Puteri. Setelah tamat tempoh yang diberikan pihak SPAD, PAIM dan MPJBT akan menjalankan penguatkuasaan sepenuh kepada operator dan pemandu bas yang mengambil dan menurunkan penumpang di hentian tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan isu ketiadaan perkhidmatan bas berhenti-henti di Taman Desa Skudai, terdapat perkhidmatan Bas Iskandar 1Malaysia yang bermula di Jalan Sri Skudai, Jalan Mas Putih 5, Jalan Jelawat, Jalan Patin, Jalan Zapin 1, Jalan Ronggeng 1, Jalan Gelang Patah dan ke Terminal Taman Ungku Tun Aminah. Untuk jalan-jalan di dalam kawasan perumahan Taman Desa Skudai perlu dilakukan kajian terperinci bagi penyediaan perkhidmatan bas memandangkan jalan yang kecil dan juga perlu ada permintaan yang mencukupi daripada orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Machap mengenai keperluan penyediaan padang awam untuk tujuan pelbagai kegunaan riadah dan rekreasi. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kawasan lapang di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam adalah berjumlah 26.81 hektar yang melibatkan 82 tapak kawasan lapang. Bagi mempastikan kawasan lapang ini digunakan secara optimum, pihak MDSR telah menggunakan peruntukan sedia ada untuk membangunkan kawasan lapang dengan kemudahan peralatan permainan seperti peralatan permainan, gelanggang futsal, laluan pejalan kaki, refleksologi, *outdoor* bandar Simpang Renggam, hutan bandar Simpang Renggam dan sebagainya. Selain itu, melalui keputusan Mesyuarat Penuh Bil. 1/2014 telah mensyaratkan di dalam Pelan Pembangunan supaya pemaju menyediakan kemudahan peralatan permainan kanak-kanak kawasan lapang yang disediakan oleh pemaju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat untuk membentuk kehidupan yang sejahtera dan berkualiti di kawasan MDSR terdapat 3 padang yang disediakan untuk pelbagai aktiviti riadah dan sukan iaitu mini stadium Renggam, Machap dan Layang. Pada masa yang akan datang mini stadium Simpang Renggam bersebelahan dengan bangunan pejabat baru MDSR akan dibuka untuk kegunaan orang ramai. Selain itu, orang ramai juga boleh melakukan aktiviti sukan dan riadah di taman rekreasi Desa Mas 3 dan juga hutan bandar Renggam dan Simpang Renggam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan isu penyeragaman *billboard* di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang dibangkitkan oleh ADUN Tangkak, ADUN Tenggaroh dan Bukit Naning, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemasangan papan iklan di kawasan pentadbiran PBT adalah merujuk kepada garis panduan perancangan pelan iklan yang disediakan oleh PBT. Contohnya, di dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru adalah merujuk kepada garis panduan perancangan papan iklan luar MBJB yang terpakai untuk 9 jenis papan iklan seperti berikut :

i. *Free standing billboard*
ii. Menara iklan setiang
iii. Iklan dinding
iv. Iklan bumbung
v. Iklan *building wrap*

vi. Iklan jejambat
vii. *Pillar / Column Wrap*
viii. Iklan mekanikal *trivision/scrolling/ electronic*
ix. Iklan kain rentang ataupun poster/ sepanduk atau *bunting*

Garis panduan ini dibaca bersama dengan garis panduan papan iklan luar 2010 yang disediakan oleh JPBD Semenanjung Malaysia khusus bagi aspek berkaitan reka bentuk peletakan papan iklan. Ianya merupakan rujukan untuk semua pihak yang terlibat dalam proses permohonan papan iklan luar PBT termasuk agensi luar serta bagi pihak pemohon.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi pemasangan papan iklan jenis *billboard* di dalam kawasan PBT, kawasan yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut :

i. Jalan-jalan protokol kecuali untuk maksud atau tujuan tertentu yang dipersetujui oleh PBT daerah sentral kecuali untuk maksud atau tujuan tertentu untuk persetujuan PBT;
ii. Simpang-simpang jalan di laluan utama bulatan dan di *road island;*
iii. Menghalang laluan awam, menggugat keselesaan;
iv. Dalam rizab sesuatu infrastruktur yakni rizab rintis elektrik, rizab sungai, KTM, LRT dan lain-lain;
v. Kawasan rekreasi atau kawasan lapang;
vi. Bangunan tempat ibadat, institusi dan mercu tanda;
vii. Menjadi *traffic hazard* kepada pengguna jalan raya;
viii. Menghalang, mengganggu dan boleh mendatangkan kekeliruan pemandu kenderaan;
ix. Mengganggu keberkesanan operasi alat kawalan lalu lintas dan keselamatan CCTV;
x. Mendatangkan bahaya kepada orang awam dan harta benda dari risiko keruntuhan, keselesaan dan kacau ganggu.

Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa membuat pemantauan terhadap setiap papan iklan luaran yang telah didirikan khususnya terletak di tepi-tepi jalan supaya struktur tersebut sentiasa selamat dan tidak mengundang bahaya kepada orang awam. Ianya tertakluk kepada garis panduan perancangan papan iklan luar GP021 serta visual yang dipamerkan juga menghormati undang-undang kecil iklan sebagaimana yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya tentang pembangunan landskap Pekan Senggarang dan sepanjang jalan Tanjung Labuh yang dibangkitkan oleh ADUN Senggarang. Perancangan pembangunan landskap Pekan Senggarang telah diambil kira di dalam bajet tahunan MPBP, namun perlaksanaannya bergantung kepada sumber kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, pihak Batu Pahat. Projek yang bernilai tinggi melebihi dari kemampuan kewangan MPBP akan dimohon kepada Kementerian tertentu. Justeru, perancangan Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi Senggarang tidak boleh diketepikan. Ia amat diperlukan untuk menjadikan dokumen khas sokongan kepada bajet pembangunan yang dipohon dari agensi-agensi tertentu. Dokumen khas ini menjadi keutamaan atau kekuatan kepada sebuah Kementerian untuk menurunkan peruntukan kepada agensi yang mohon. Dan dengan kata lain, adanya RKK menjadikan bonus kepada popularity Kementerian untuk menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Tenang mengenai naik taraf pusat rekreasi kolam air panas, untuk makluman pada tahun 2014, pihak Majlis Daerah Labis telah pun mengemukakan permohonan

peruntukan sebanyak RM5 juta kepada Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf pusat rekreasi kolam air panas. Kerja-kerja naik taraf yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Membina 2 unit kolam mandian berjumlah RM2 juta;
ii. Membina kompleks informasi berjumlah RM1.840 juta;
iii. Penyediaan pagar keselamatan RM460,000.00;
iv. Membina pondok tiket dan keselamatan RM50,000.00;
v. Pembinaan tempat letak kereta RM650,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Johor Jaya ada membangkitkan mengenai persempadanan kawasan PBT. Masalah satu kawasan DUN merangkumi lebih dari satu PBT. Untuk makluman, persempadanan semula Pihak Berkuasa Tempatan daerah Johor Bahru meliputi dua kawasan utama iaitu persempadanan kawasan pentadbiran dan kawalan dan persempadanan kawasan operasi PBT. Persempadanan bagi kedua-dua kawasan ini telah mengambil kira beberapa perkara seperti berikut:

i. Sempadan pentadbiran sedia ada;
ii. Sempadan daerah;
iii. Sempadan mukim;
iv. *Trend* pembangunan dan guna tanah semasa;
v. Pembangunan komited;
vi. Peta cadangan rancangan tempatan;
vii. Ciri-ciri fizikal seperti jalan, badan air, topografi, sempadan lot sedia ada;
viii. Jumlah pecahan keluasan Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih seimbang;
ix. Penyelarasan dari segi kemudahcapaian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izin juga saya menerangkan status tapak pelupusan Kampung Bekok, Tangkak sebagaimana yang dibangkitkan oleh ADUN Tangkak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tapak pelupusan sampah Kampung Bekok mula beroperasi pada tahun 2000 di kawasan seluas 6 ekar berkonsepkan *open dumping* dan dikendalikan oleh pihak SWM. Jarak tapak ini dari kaki Gunung Ledang adalah sejauh 10 kilometer. Pada tahun 2009, tapak pelupusan ini telah di *upgrade* kan bagi memanjangkan hayatnya dengan kos sebanyak RM500,000.00 melalui peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mesyuarat bersama Jabatan Pelupusan Sisa Pepejal Negara pada Mac 2015, JPSPN memaklumkan kajian tapak lupus sedia ada dan baru dalam peringkat perbincangan. Oleh itu 3 *transfer station* di Johor Utara dan *transfer station* Tangkak akan diwujudkan di Muar. Berkenaan isu kebakaran di tapak pelupusan Kampung Bekok yang berlaku pada 10 April 2015, jam 3.30 pagi, kerja-kerja pemadaman api telah dijalankan oleh *Team Water jet* SWM dan Bomba. Pada masa ini, kerja-kerja penambakan tanah sebanyak 50 lori sehingga 4 Mei 2015 serta tapak lupus adalah terkawal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Bentayan ada membangkitkan mengenai tindakan pembekuan sementara telah menjejaskan penjaja kecil dan peniaga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keputusan Majlis Perbandaran Muar (MPM untuk tidak memberi lesen premis bertaraf Lesen Sementara Tahunan berdeposit (LST) pada tahun 2014 sebagaimana dasar LST yang baru seperti berikut:

i. LST yang dikeluarkan oleh pihak MPM adalah untuk memberi peluang ke atas mana-mana premis yang dipohon bagi tujuan perniagaan dan status serta

kedudukan tanah dan bangunan yang hendak digunakan. Itu tidak menepati syarat guna tanah dan kelulusan bangunan sedia ada supaya dapat menjalankan perniagaan secara sah dengan aktiviti terkawal.

ii. Namun pengeluaran LST ini dilakukan secara berhati-hati dengan menetapkan syarat kawalan tertentu antaranya :
   a. Tidak digalakkan terlalu lama dalam status sementara ini. Pemohon perlu membuat permohonan lesen kekal apabila kelulusan bangunan telah diperolehi.
   b. Apabila tamat tempoh lesen, proses pembaharuan adalah melalui permohonan semula dan dibawa ke Mesyuarat MPM untuk pertimbangan.
   c. Tidak digalakkan membuat penambahan dan pembesaran premis.
   d. Sekiranya terdapat asas berlakunya pencemaran sama ada udara, air atau bunyi maka lesen akan dibatalkan.
   e. Sekiranya terdapat kacau ganggu dan aduan diterima mengenai serta didapati benar, maka lesen juga akan dibatalkan.
   f. Wang pertaruhan antara 2 hingga 20 kali ganda bayaran lesen akan dikenakan bergantung kepada jenis perniagaan yang dijalankan sekiranya berlaku pelanggaran syarat-syarat lesen. Wang pertaruhan akan dirampas dan tidak akan dikembalikan.

Mesyuarat Jawatankuasa MPM yang bersidang pada November 2013 telah menimbangkan kertas kerja mengenai cadangan mengemas kini peruntukan dasar pengeluaran LST berdeposit. Jawatankuasa Mesyuarat telah menimbangkan kertas kerja tersebut telah bersetuju mengambil keputusan sebagaimana berikut:

i. Sebarang permohonan baru akan dibekukan.
ii. Bagi premis yang telah diluluskan LST, pentadbiran diarah mengeluarkan notis memberi tempoh selama 6 bulan untuk mereka menutup premis dan berpindah ke tempat baru.
iii. Taska, tadika dan pusat penjagaan orang-orang tua diberikan pengecualian dan dibenarkan menjalankan aktiviti mereka dengan mematuhi syarat-syarat.

Selain daripada itu, pada Mesyuarat Jawatankuasa MPM yang bersidang pada Disember 2014, pihak MPM juga telah membuat ketetapan berkaitan dengan kelulusan LST sebagaimana berikut:

i. Sekiranya pemohon menunjukkan bukti telah membeli premis perniagaan atau telah menyewa dan menandatangani perjanjian sewa atau jual beli serta resit bayaran pemohon kepada MPM untuk ubahan dan tambahan maka tempoh lanjutan LST akan diberikan selama 6 bulan.
ii. Bagi kawasan tanah-tanah dan zon industri yang menggunakan LST sekiranya telah mengemukakan bukti bayaran proses ubah syarat tanah, maka tempoh lanjutan LST akan diberikan selama 6 bulan lagi.
iii. Bagi pemegang lesen sementara tahunan yang menjalankan aktiviti industri atau komersial di atas tanah kategori pertanian dan dalam zon pertanian, maka LST tidak boleh disambung lagi.

Pihak MPM berpendapat sudah tiba masanya untuk pengilang-pengilang perabot menjalankan perniagaannya di situ di kawasan yang diiktiraf oleh kerajaan iaitu di tanah industri yang sah. MPM telah menjalankan aktiviti pemutihan di setengah kawasan bagi memberi ruang supaya industri perabot terus beroperasi dengan meluaskan zon industri pada tahun 2008 dan 2010. Walau bagaimanapun, di dapati pengilang-pengilang telah meluaskan operasi mereka dengan menjalankan perniagaan di kawasan tanah pertanian yang telah dikawal. Ini menimbulkan

kacau ganggu bercanggah dengan Rancangan Tempatan Daerah Muar 2007-2015 (Pengubahan) yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri dan disambung tempoh sah lakunya sehingga 2020. Kerjasama daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) bersama Persatuan Perabot Muar (MFA) dan MPM telah digerakkan untuk membuat bancian kepada semua pengilang-pengilang perabot dalam daerah Muar mengenai data pengilang serta keperluan pengilang-pengilang dari segi penggunaan tanah untuk industri perabot.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan yang sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh golongan masyarakat dalam kawasan pentadbirannya, MPM tidak sekali-kali menguatkuasakan sesuatu Dasar atau melaksanakan sesuatu tindakan secara tergesa-gesa melainkan Rang Dasar atau perkara tersebut telah dirangka, di bincang dan di bahas terlebih dahulu dari peringkat Jawatankuasa Teknikal Dalaman, Jawatankuasa Tetap hinggalah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh (*Full Council)* MPM.

Sayugia diingat bahawa jawatankuasa-jawatankuasa tersebut bukan sahaja diketuai oleh pegawai-pegawai majlis bahkan termasuk juga wakil-wakil jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan dan Ahli-Ahli Majlis yang terdiri daripada komponen parti politik yang memerintah bagi mewakili kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat oleh sistem pilihan raya yang demokratik. Adalah tidak adil untuk menyatakan MPM memberi arahan untuk berpindah dalam tempoh yang singkat tanpa apa-apa notis terlebih dahulu bila mana hakikat notis telah dikeluarkan secara lisan dan secara bertulis mengikut peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil MPM berkaitan.

Tidaklah keterlaluan, tidak keterlaluan jika disimpulkan bahawa pengusaha-pengusaha gerai premis perniagaan, premis perindustrian yang beroperasi menggunakan lesen sementara LNST, adalah dari kalangan mengambil kesempatan dan mencari ruang dan peluang untuk menjalankan aktiviti mereka dengan cara yang murah dan mudah tanpa perlu membayar lebih untuk beroperasi secara tetap. Kita perlu berbalik kepada tujuan sebenar LNST dikeluarkan, iaitu memberi kebenaran izin sementara bagi pengusaha-pengusaha ini beroperasi sehingga memperolehi tapak bangunan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara tetap dan sah atau sementara menunggu ubah syarat tanah, Kebenaran Merancang yang mereka mohon mengikut ketetapan perundangan diluluskan oleh kerajaan.

Ia bukanlah satu bentuk mekanisme untuk menghalalkan aktiviti yang tidak selaras dengan peraturan dan bukan juga jalan keluar yang mudah untuk mengelak di kenakan tindakan, kerana itulah ia dipanggilkan Lesen Sementara Tahunan.

YB Timbalan Speaker : YB Pengerusi Perumahan panjang lagi? Kalau panjang sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan menyambung jawapan. Berapa lama lagi? 10 minit? Silakan, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berbagai usaha telah dijalankan untuk memberi kefahaman kepada pengusaha-pengusaha dan bakal-bakal pengusaha ini melalui, dengan izin, *town house session* dan *hand holding session* serta beberapa platform penyertaan awam seumpamanya. MPM juga, selaku *responding* dalam hal ini perlu bersikap adil terhadap majoriti yang lebih besar dari kalangan peniaga pengusaha yang sentiasa mematuhi ketetapan dasar, garis panduan dan undang-undang yang diterima pakai dan dikuatkuasakan oleh MPM.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab isu daripada ADUN Pengkalan Rinting mengenai pembangunan kediaman bertaraf tinggi, *high rise residence* dengan izin, adalah dimaklumkan terdapat di Bandar raya ini tertumpu di kawasan pantai Selat Tebrau dan Tanjung Puteri. Kawasan di sepanjang pantai ini telah pun di zon kan komersial di dalam Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru, serta telah dikenal pasti sebagai Zon Pembangunan Antarabangsa. Kebenaran untuk membina kediaman bertaraf tinggi atau *high rise residence*, ini adalah mengambil kira nilai tanah yang tinggi kos tambakan laut. Pembangunan ini disyaratkan membina rumah kos rendah kerana berada di zon guna tanah perniagaan ataupun komersial.

Walau bagaimanapun, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, dan sederhana tetap di titik beratkan dan dikuatkuasakan kepada pemaju-pemaju ini dengan peruntukkan 40% dari pembangunan mereka untuk perumahan rakyat Johor. Bagi memastikan perumahan rakyat Johor ini disediakan, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah pun menguatkuasakan mekanisme pemantauan semasa memberi pertimbangan ke atas permohonan, Kebenaran Merancang dan pelan pembangunan.

Pihak Majlis akan menangguhkan permohonan Kebenaran Merancang dan pelan pembangunan bagi pemajuan yang lain iaitu perumahan segmen tinggi dan perdagangan, bagi mana-mana pemaju yang tidak membina rumah kos rendah atau membina rumah kos rendah tidak mengikut peratusan yang ditetapkan dalam garis panduan. Sehingga tahun sasaran 2018, dijangkakan 12,084 unit rumah kos rendah, sederhana rendah dan Rumah Mampu Milik Johor akan siap di bina dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini bagi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, hanya pemajuan Teluk Danga ataupun dengan kata *Danga Bay* dan Teluk Senibong ataupun dengan nama *Senibong Cove* sahaja yang telah mendapat pengecualian pembinaan perumahan rakyat Johor daripada kerajaan negeri. Seterusnya mengenai kawasan rekreasi terbuka seperti taman kawasan hijau dalam Bandar raya Johor Bahru semakin terhad. Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru, amat maklum mengenai kawasan riadah sepanjang Selat Johor iaitu di Pantai Lido dan Tanjung Puteri, ini telah menjadi tumpuan warga kota suatu ketika dahulu.

Justeru itu, dalam memberi kelulusan pembangunan di sepanjang pantai ini, pihak Majlis telah pun mensyaratkan kepada pemaju-pemaju yang terlibat iaitu Tetuan Danga Bay Sdn. Bhd., Tetuan Iskandar Waterfront Sdn. Bhd., Tetuan Lido Boulevard Sdn. Bhd., Tetuan RNF Sdn. Bhd. untuk menyediakan dan menyiap bina kawasan lapang berpusat di dalam pembangunan mereka. Bagi permohonan Teluk Danga

contohnya telah pun disyaratkan untuk menyediakan kawasan lapang berpusat seluas 10.47 ekar. Selain itu, pemaju-pemaju ini turut disyaratkan untuk menyediakan pelantar pejalan kaki, *block walk* selebar 33 kaki di sepanjang pembangunan mereka yang turut dilengkapi dengan laluan basikal, laluan pejalan kaki, wakaf dan landskap lembut. Pelantar ini boleh dilalui oleh warga kota. Adalah diharapkan apabila kerja-kerja penambakan dan pembinaan siap, kemudahan rekreasi yang disediakan ini dapat dinikmati warga kota dan seterusnya akan wujudkan satu jaringan laluan pejalan kaki yang lengkap dan kondusif.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Parit Raja, pembinaan Jaya Jusco kawasan Sri Gading. Dimaklumkan setiap kelulusan pembinaan kompleks membeli belah seperti Jaya Jusco di dalam kawasan PBT akan mengambil kira pandangan jabatan-jabatan teknikal dan pendengaran awam penduduk setempat. Mengenai dasar mewujudkan zon antarabangsa yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Permai, adalah dimaklumkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor telah mengarahkan kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) serta kerjasama beberapa PBT bagi melaksanakan kajian zon antarabangsa bagi mengawal dan mengehadkan pemilikan harta tanah warga asing di luar zon antarabangsa. Kajian ini merangkumi koridor daratan dan perairan seluas 120,000 ekar. Kajian ini sedang di peringkat akhir dan akan di tamatkan dalam tempoh terdekat sebelum di publisiti kan kepada penyertaan awam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan perbahasan ini, izinkan saya membaca serangkap pantun. "Air naik di tepi sungai, jala di tepuk sambil di tebar, berfikir baik menjadi pakai, segala yang buruk jadi iktibar". Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan, saya mohon maaf sekiranya ada di antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada Persidangan kali ini, tidak dapat saya beri maklum balas, maka isu-isu berkenaan akan di jawab secara bertulis. Seorang pemimpin bukanlah hanya gah pada jawatannya, juga bukan gah pada namanya, namun, seorang pemimpin itu akan dilihat berdedikasi dan bertanggungjawab apabila sentiasa bersama mendengar denyut nadi rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menyokong. Sekian wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatulahiwabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismilahhirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarahkatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi memberkati lagi sesi Dewan yang mulia ini, sukalah saya memulakan Ucapan Penggulungan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan kali ini dengan menjunjung tinggi ayat suci al-Quran nulkarim, yang dipetik Suratul Nisa, ayat 59. Di mana Allah SWT berfirman (bacaan ayat al-Quran). Yang bermaksud, "wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul Nya serta pemimpin di antara kamu". Alhamdulillah hirabillalamin, pertamanya ingin saya merafakkan kesyukuran saya terhadap Allah SWT, Tuhan sekalian alam kerana limpah innayah serta kurnianya yang maha luas, dapat saya menyampaikan ucapan penggulungan pada Persidangan kali ini. Saya

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Ucapan Penggulungan Perbahasan bagi Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan Pertama Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan di atas pandangan, cadangan, idea dan pertanyaan yang diajukan berkaitan dengan portfolio Jawatankuasa Agama, sepanjang sesi soal jawab dan perbahasan kali ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, kerana sudi berangkat menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini tempoh hari.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan, saya dengan berbesar hati ingin menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor mengenai pentingnya penekanan terhadap fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan kembali kepada ajarannya. Supaya tiada lagi unsur-unsur fahaman yang sesat seperti IS dan sebagainya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini sukacita saya menerangkan sedikit sebanyak, mengenai Ahli Sunnah Wal Jamaah. Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli Sunnah Wal Jamaah secara umumnya adalah satu kelompok atau golongan yang sentiasa komited. Mengikut sunnah Rasullah SAW dan perjalanan para sahabatnya. Dalam hal akidah, amaliah fizikal yakni Fiqah dan Hakikat Tasawuf dan Akhlak. Secara khususnya pula, ia di definisikan sebagai golongan yang mempunyai iktikad yakni keyakinan yang searah dengan keyakinan jamaah Al-Ansyairah dan Al-Majudiriah.

Pada hakikatnya definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah secara khususnya merupakan sebahagian dari definisi secara umum. Kerana pengertian Al Ansyairah adan Ahli Sunnah adalah golongan yang komited berpegang teguh kepada ajaran Rasul dan para sahabat dalam hal akidah. Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan fikrah najiah, yakni kumpulan yang akan terselamat. Kerana mengikut ajaran dan sunnah baginda Rasulullah SAW dan juga para sahabat ia telah menjadi pegangan akidah masyarakat Islam di negeri Johor khasnya dan di Nusantara amnya sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu ini. Ini terbukti melalui pendidikan Tauhid, sifat 20, sifat yang wajib bagi Allah. Berteraskan kaedah Al-Ansyairah dan Al-Majuridiah. Adalah menjadi *syllabus* pendidikan formal dan tidak formal kepada masyarakat Islam di dalam ilmu akidah. Jabatan Agama Islam Negeri Johor merupakan satu-satunya institusi yang memperjuangkan dan mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui program seminar, kursus dan latihan, pendidikan dan penguatkuasaan. Malah penceramah yang mempunyai kecenderungan ke arah faham Wahabi yang jelas bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah akan disekat dan dipantau serta tidak diberikan tauliah mengajar dan memberikan syarahan agama di negeri Johor.

Manakala, Majlis Agama Islam Negeri Johor pula akan bersama UTHM telah pun bersetuju menubuhkan Institusi Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan menyediakan peruntukan kewangan ke arah memperkasa akidah ini. Manakala Jabatan Mufti Johor telah mengadakan kursus melahirkan kader-kader Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan menjemput Kiai Idrus Ramli dari ASWAJA Centre Nahdatul Ula, Indonesia sebagai pembimbing untuk kursus tersebut. Justeru itu, sama-samalah kita berdoa kepada Allah SWT akan memberi kekuatan kepada kita semua untuk

mempertahankan akidah ini. Akidah yang murni ini dari dipengaruhi dari fahaman Wahabi, Syiah, Hizbur Tahrir, IS dan lain-lain lagi, insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan sepanjang sesi perbahasan Persidangan Dewan kali ini. Di mana Yang Berhormat Bukit Naning telah meminta untuk mempertimbangkan agar pihak kerajaan negeri membina surau Kampung Parit Haji Karim, Muar yang dikatakan telah uzur dan boleh mengundang bahaya kepada jemaah. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Naning, sebagaimana yang dimaklumkan sebelum ini, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menyelidik soal peruntukan projek membangun semula surau tersebut, namun tiada pengesahan mengenai peruntukan berkenaan, malahan sehingga ke hari ini pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga Pejabat Kadi Daerah Muar tidak ada menerima permohonan secara rasmi daripada Ahli Jawatankuasa Surau Parit Haji Karim 2 bagi tujuan pembinaan semula. Maka di sini saya ingin maklumkan agar pihak Pengerusi Jawatankuasa Surau Parit Haji Karim membuat permohonan rasmi melalui prosedur yang ditetapkan di mana pihak Jabatan Agama Islam Johor akan mengambil tindakan sewajarnya setelah permohonannya yang lengkap diterima.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tenang pula ada membangkitkan mengenai tapak Masjid Labis yang telah diruntuhkan kerana telah digantikan dengan sebuah masjid baru, ada cadangan atau perancangan dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor bagi memajukan kawasan tersebut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tenang, bangunan masjid lama Labis telah dirobohkan sekitar Mac 2015 berikutan bangunan masjid yang baru di Jalan Labis-Muar telah siap dibina dan digunakan sepenuhnya pada Disember 2010.

Sehingga kini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan pentadbiran daerah Segamat tidak mempunyai perancangan terutamanya perancangan jangka pendek bagi mendirikan sebarang bangunan di tapak tersebut di atas sebab faktor keselamatan. Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan pentadbiran daerah Segamat telah menerima nasihat dan pandangan daripada Majlis Keselamatan Negara melalui Mesyuarat Tindakan Daerah Segamat supaya tidak mendirikan sebarang bangunan di tapak tanah berkenaan. Ini disebabkan kawasan berkenaan dipercayai terdapat peninggalan bahan letupan seperti bom yang masih aktif yang tertanam di kawasan tapak tanah tersebut.

Majlis Keselamatan Negara juga menyatakan, sekiranya tapak lama berkenaan ingin dimajukan, ia memerlukan kos perbelanjaan yang terlalu tinggi sehingga mencapai jutaan ringgit bagi mengeluarkan bom yang dipercayai masih aktif yang berada di kawasan tersebut. Aspek keselamatan adalah amat penting dan perlu diutamakan. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan keselamatan, kawasan tapak tanah tersebut telah di pagar di sekelilingnya. Selain daripada itu, kerja-kerja penyeliaan dan kebersihan sedang dibuat dan akan terus dilakukan di kawasan tapak tanah tersebut.

Yang Berhormat Parit Yaani dan Semerah ada membangkitkan mengenai elaun guru mengajar al-Quran yang terlalu sedikit dan biasanya mereka lewat menerima elaun tersebut sehingga harus menunggu selama tiga bulan. Terima kasih dan penghargaan diberikan kepada Yang Berhormat Parit Yaani dan Semerah di atas keprihatinan beliau mengenai isu ini. Untuk makluman Yang Berhormat, guru al-Quran khas dan am adalah mereka yang mengajar al-Quran secara sukarela di kawasan masing-masing yang memerlukan perkhidmatan mereka. Di atas dasar keprihatinan, kerajaan negeri telah mengambil langkah dengan memberikan elaun sagu hati bulanan kepada guru-guru al-Quran di mana peruntukan elaun ini

ditanggung oleh kerajaan negeri untuk 6 bulan pertama dan Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk 6 bulan yang kedua. Guru-guru al-Quran am menerima elaun sagu hati bermula dari tahun 1999 dengan bayaran RM50.00 bagi setiap kelas dan terhad untuk tiga kelas sahaja. Pada tahun 2007, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah melantik guru al-Quran khas yang ditempatkan di kawasan Dewan Negeri dengan bayaran tetap elaun sagu hati bulanan sebanyak RM500.00. Pada tahun 2011 pula, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menaikkan elaun sagu hati guru al-Quran am kepada RM100.00 bagi setiap kelas dan terhad kepada tiga kelas sahaja.

Berkaitan kelewatan pembayaran elaun guru al-Quran khas dan am. Pada 19.3.2015, Pejabat Kewangan Negeri telah membayar sejumlah amaun untuk bayaran elaun Pegawai Masjid dan guru al-Quran. Akan tetapi pada 30.4.2015, Pejabat Kewangan Negeri menarik semula jumlah amaun tersebut bagi penyelarasan jurnal bulanan yakni jurnal sebenar bulanan. Ini menyebabkan elaun guru al-Quran tidak dapat dimasukkan ke dalam akaun seperti biasa.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah membuat permohonan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor supaya mendahulukan elaun sagu hati guru al-Quran dan pada 6.4.2015, Majlis Agama Islam Johor telah mengeluarkan sejumlah cek dan pengesahan yang telah dibuat pada 21.4.2015. Justeru, pada 6.5.2015, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menerima pemindahan telegraf ke akaun bank tempatan. Ingin saya jelaskan dengan lebih lanjut kenyataan bayaran elaun sagu hati ataupun elaun ke akaun guru-guru al-Quran sehingga 10.5.2015 iaitu:

1. Elaun bulanan Januari 2015, permohonan semua elaun guru al-Quran telah dibayar.
2. Elaun bulan Februari 2015, guru al-Quran khas daerah Muar sahaja yang belum dibayar.
3. Elaun bulan Mac 2015, elaun guru al-Quran daerah Muar, Ledang dan Kulaijaya sudah dibayar, manakala 7 lagi daerah tidak menerima kerana pembayaran baki akaun tidak mencukupi.

Elaun bulan April 2015, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor masih menunggu permohonan elaun guru al-Quran dari Pejabat Kadi-Kadi Daerah untuk diproses.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Kempas ada mempersoalkan sama ada pihak Jabatan Agama Islam Johor ada mengambil tindakan terhadap peminum arak yang beragama Islam. Untuk makluman Yang Berhormat Kempas, Jabatan Agama Islam Negeri Johor sentiasa membuat pemantauan terhadap kesalahan umat Islam meminum minuman yang memabukkan. Di bawah Seksyen 19, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997, di mana sepanjang tahun 2014, sebanyak 23 fail kes telah dibuka untuk siasatan, manakala sehingga Mei 2015 sebanyak 8 fail siasatan telah dibuka bagi kesalahan di bawah Seksyen 19 ini. Jabatan Agama Islam Negeri Johor bertegas bahawa kesalahan meminum minuman yang memabukkan akan membawa kemudaratan kepada umat Islam jika tidak dibendung dengan segera. Jabatan Agama Islam Negeri Johor sentiasa bekerjasama dan mendapat kerjasama yang baik dengan pelbagai pihak seperti Polis Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguatkuasakan larangan ini.

Bagi kes meminum minuman yang memabukkan di sepanjang Pantai Stulang. Sebagaimana yang telah mendapat teguran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor semasa pembukaan Dewan tempoh hari. Jabatan Agama Islam Johor

sentiasa membuat pemantauan yang berterusan di kawasan tersebut di mana Pantai Stulang adalah di antara kawasan panas, *hot spot*, dengan izin. Bagi kesalahan Seksyen 29 yakni berkelakuan tidak sopan dan Seksyen 27 khalwat. Manakala bagi kesalahan-kesalahan meminum dan memabukkan, hanya sebahagian kecil sahaja melibatkan umat Islam, manakala ramai yang terlibat adalah dari kalangan bukan Islam. Oleh kerana Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah hanya berkuat kuasa dari kalangan umat Islam sahaja, maka tindakan pada bukan umat Islam tidak dapat dilaksanakan.

Oleh itu, Jabatan Agama Islam Negeri Johor mencadangkan bagi membendung gejala meminum minuman yang memabukkan, tindakan semua pihak adalah diperlukan. Undang-undang di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955 (Pindaan) 1987 Seksyen 21, Kemabukan dan Kelakuan Tidak Senonoh Di Tempat Awam hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas. Begitu juga Seksyen 63 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang memperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa bagi mengawal tempat awam. Maka dicadangkan agar Pihak Berkuasa Tempatan mengenal pasti kawasan-kawasan awam bagi diwartakan sebagai kawasan larangan meminum minuman yang memabukkan.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga mencadangkan agar lesen-lesen perniagaan dikaji semula dengan meletakkan syarat bahawa tiada minuman yang memabukkan dijual secara terbuka di premis-premis perniagaan kecuali premis yang dikhaskan sahaja. Begitu juga mewartakan hanya kawasan-kawasan tertentu sahaja dibenarkan untuk meminum minuman yang memabukkan. Minuman yang memabukkan termasuklah apa-apa minuman yang memabukkan sama ada dalam botol atau tin, sama ada yang dikenali sebagai arak ataupun minuman ringan ataupun *soft drink* yang menyebabkan seseorang itu mabuk bila meminumnya.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga mencadangkan agar hukuman sedia ada yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00 ataupun pemenjaraan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya ditingkatkan kepada nilai maksimum yang dibenarkan oleh Akta Mahkamah Syariah 1995 (Akta 355) iaitu denda tidak melebih RM5,000.00 atau pemenjaraan tidak melebihi 3 tahun atau sebatan tidak melebihi 6 kali sebatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa ada membangkitkan mengenai bantuan zakat kepada pelajar perubatan di Mesir yang terlalu lambat prosesnya sehingga ada yang tidak dapat menamatkan pelajaran mereka. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, wujudnya pembiayaan pinjaman pendidikan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor adalah merupakan satu inisiatif Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk melahirkan lebih ramai lagi profesional Muslim dalam bidang perubatan, pergigian dan juga farmasi. Skim pinjaman yang mula diperkenalkan pada tahun 2007 ini melalui Kaedah Qardul Hassan yakni pinjaman tanpa faedah telah pun membiayai seramai 270 orang pelajar perubatan di Mesir dan Jordan dengan kadar pinjaman di antara RM20,0000.00 hingga RM30,000.00 setahun selama tempoh 6 tahun pengajian. Sebanyak RM7 juta diperuntukkan setiap tahun untuk pembiayaan ini dan sehingga tahun 2014, seramai 13 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian dan telah pun berkhidmat di hospital-hospital kerajaan di Malaysia.

Majlis Agam Islam Negeri Johor sebagai agensi pemberi pinjaman bagi pengajian perubatan di Mesir juga meletakkan syarat-syarat tertentu untuk melayakkan pelajar yang memohon mendapatkan pinjaman. Sekiranya pelajar gagal mematuhi ataupun memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan, maka sudah

barang tentu mereka dianggap tidak layak lebih-lebih lagi persaingan pelajar yang memohon adalah terlalu ramai berbanding kuota yang telah pun ditetapkan.

Selain daripada itu, promosi yang dilakukan oleh agen-agen yang menguruskan penghantaran pelajar juga mempengaruhi pelajar untuk menyambung pelajaran dalam bidang perubatan di Mesir, walaupun ramai di kalangan mereka mencapai keputusan yang sangat sederhana dalam peperiksaan SPM dan juga mereka menjanjikan kepada pelajar-pelajar bahawa akan adanya bantuan-bantuan kewangan daripada pihak-pihak tertentu seperti MARA, JPA dan zakat negeri. Pihak Kedutaan Malaysia di Mesir juga pernah menegur kebanjiran pelajar ini dan menasihati ibu bapa supaya bersedia dengan kewangan yang mencukupi sebelum menghantar anak-anak mereka belajar dalam bidang perubatan ini. Ini kerana bantuan daripada agensi adalah terhad. Majlis Agama Islam Negeri Johor sebenarnya telah pun membiayai pelajar perubatan ini lebih daripada kuota yang sedia ada dan telah ditetapkan iaitu seramai 200 orang pelajar. Peruntukan zakat bagi membiayai bantuan pendidikan juga adalah tinggi iaitu sebanyak RM23 juta setahun dan ini tidak termasuk program pendidikan di sekolah-sekolah agama dan sekolah agama rakyat sebanyak RM17 juta setahun.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa juga ada menyatakan tentang kekosongan jawatan Pengetua di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor ataupun lebih dikenali sebagai SMAKJ yang tidak dilantik sejak beberapa bulan yang lalu. Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah pun maklum akan kekosongan jawatan Pengetua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor yang belum dilantik berikutan Pengetua yang sebelum itu bersara pada 22.1.2015. Oleh yang demikian, Bahagian Pendidikan Islam telah memajukan surat cadangan pelantikan Pengetua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor kepada Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan melalui surat bertarikh 11 Februari 2015. Walau bagaimanapun, cadangan pelantikan tersebut masih dalam proses dan penelitian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa ada membangkitkan soal kurikulum sekolah agama yang mana dahulunya apabila pelajar sekolah rendah darjah 3 mereka bersekolah darjah 1 sekolah kebangsaan. Namun sebaliknya, kini mereka menyandang darjah yang sama. Sejauh mana kesesuaian kurikulum ini bagi mengelakkan gejala IS ataupun *Islamic State*, dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat Puteri Wangsa, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedang dalam proses membina kurikulum baru Sekolah Agama Kerajaan Johor dan mengambil kira pandangan orang ramai berikutan isu-isu semasa termasuk fahaman-fahaman yang menyimpang daripada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan juga ekstremis. Pandangan tersebut akan diambil kira dalam penambahbaikan kurikulum yang sedang diusahakan.

Walau bagaimanapun, usaha bersama oleh masyarakat, pemimpin-pemimpin semua rakyat dan Wakil Rakyatnya amat diharapkan bagi membendung gejala yang tidak sihat ini. Mengikut pemerhatian Jabatan Agama Islam Negeri Johor, ancaman yang bersifat radikal dan ekstremis ini lebih memfokus untuk menjebak golongan muda dan amat dangkal ilmu agamanya atau yang mengikut ajaran yang tidak diketahui asal usul gurunya serta bukan daripada kalangan guru yang berpegang teguh kepada iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Doktrin sesat dan tidak berpaksi pada realiti mafhum Quran dan sunnah serta maqasid mursalah inilah yang menyelewengkan pemikiran mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja ada membangkitkan mengenai tempoh atau tarikh peperiksaan sekolah kebangsaan dan sekolah agama yang sama dilihat memberi bebanan, kepada pelajar sekolah dan bebanan ini menyebabkan kebanyakan mereka memilih untuk tidak mengulang kaji pelajaran sekolah agama.

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Raja, Lembaga Peperiksaan, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, setiap tahun telah menyediakan takwim peperiksaan setengah tahun dan akhir tahun dengan merujuk dan mengambil kira tarikh peperiksaan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan atau Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta peperiksaan yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Sebagaimana contoh yang telah dilampirkan takwim yang telah diedarkan dilampirkan dan diedarkan kepada sekolah agama dan Pejabat Pendidikan Agama Daerah, dan juga Pejabat Pendidikan Daerah pada awal tahun dengan tujuan penyelarasan dan tidak berlaku sebaran pertembungan di antara peperiksaan sekolah kebangsaan dan sekolah agama terutama yang melibatkan peperiksaan bersijil seperti SPM dengan sijil Darjah Khas Agama dan juga sijil Darjah Enam Agama dan sebagainya.

Pertembungan mungkin dalam ujian bulanan yang dikendalikan oleh pihak sekolah masing-masing dan tidaklah membebankan pelajar. Soalan berhubung masa peperiksaan terlalu berdekatan antara sekolah kebangsaan dan sekolah agama, masalah ini amat sukar untuk diatasi kerana musim peperiksaan atau ujian, biasanya berlaku pada akhir sesi pembelajaran sebelum cuti persekolahan. Walau bagaimanapun, Bahagian Pendidikan Islam dan juga Jabatan Pelajaran Negeri boleh mendapat kata sepakat bagi mengatasi perkara ini, demi keselesaan dan kejayaan pelajar dalam bidang ukhrawi, duniawi dan ukhrawi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Semarang ada mencadangkan agar guru-guru agama DGA 34 ditempatkan di sekolah-sekolah yang telah ditambah bilangannya dalam sekolah bergred A. Untuk makluman Yang Berhormat Semarang, Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor berpandangan, wajar bilangan sekolah agama gred A ditambah daripada bilangan sedia ada sekarang iaitu, 50 buah sekolah. Ini membolehkan lebih banyak waran perjawatan, perjawatan gred DGA 34 diwujudkan dan dengan itu, lebih ramai guru dilantik ke gred jawatan tersebut. Adalah dicadangkan, supaya gred sekolah hanya diklasifikasikan kepada dua gred sahaja iaitu A dan, A bagi sekolah yang berkapasiti murid 500 ke atas dan B bagi kapasiti 500 ke bawah. Pembahagian begini, akan memberi impak yang lebih baik kepada pengurusan sekolah dan individu guru itu sendiri.

Dari segi pengurusan sekolah, akan ditadbir urus oleh guru besar dan guru penolong kanan yang lebih berwibawa dan bermotivasi serta pengurusan organisasi yang lebih teratur. Di samping itu juga, perkhidmatan pembersihan kawasan sekolah boleh diluaskan bilangannya meliputi semua sekolah gred A. Dari aspek individu pula, cadangan ini, akan memberi peluang kenaikan pangkat kepada lebih ramai guru gred DG 34 di samping kesemua guru gred guru besar gred B dalam gred DGA 32. Cadangan ini juga boleh menyekat penghijrahan guru-guru agama ke Kementerian Pelajaran Malaysia kerana tawaran gred yang lebih menarik dan lebih baik dan ini merupakan salah satu usaha memperkasakan pendidikan yang sedia ada sebelum pemerkasaan seterusnya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, tetapi perkara ini perlulah mendapat sokongan semua pihak dari Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dan tindakan yang telus dan cekap daripada pentadbiran kerajaan di bawah Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa dalam perbahasannya lagi ada menyatakan, berkenaan guru-guru agama yang mempunyai diploma dan ijazah yang mana sebahagiannya berhenti menjadi guru agama untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi sedangkan kualiti mereka di perlukan di sekolah agama seperti kenaikan gred atau gaji. Untuk makluman Yang Berhormat Puteri Wangsa, daripada pemerhatian pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Johor, penghijrahan guru ke Kementerian Pelajaran Malaysia adalah disebabkan gred di bawah perkhidmatan pendidikan agama negeri Johor hanya terbatas kepada kelas klasifikasi kumpulan pelaksanaan yang menawarkan gred DGA 29 dan DGA 32 dan DGA 34. Dalam suasana semasa yang memperlihatkan ramai anggota kerajaan yang bukan sahaja dari golongan guru berusaha meningkatkan prestasi dan kerjaya mereka. Menuntut kerajaan juga harus peka menyediakan peluang yang lebih baik untuk mereka terus memberi sumbangan dalam kerjaya sedia yang sedia ada pada tahap yang lebih baik. Justeru itu, adalah dicadangkan kerajaan mempertimbangkan bagi mewujudkan gred DGA 41 untuk guru-guru agama negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini yang banyak ditanyakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin memberi penekanan semula mengenai pembinaan sekolah agama, di mana secara keseluruhan, kemajuan pembinaan sekolah di bawah Mysisnet Development Sdn Bhd telah mencapai sebanyak 61% dan sekolah-sekolah yang dilihat telah siap dengan infrastrukturnya dan sebagainya tetapi belum diserahkan untuk diduduki merupakan sekolah-sekolah yang telah mencapai peratus kemajuan, kira-kira 81% hingga ke 99%. Iaitu sekolah-sekolah yang belum siap sepenuhnya dan belum boleh diserahkan untuk diduduki.

Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya yang bertanya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 Februari 2015 telah mengambil ketetapan bahawa pembangunan 95 unit sekolah agama negeri Johor yang sedang dibangunkan oleh Mysisnet Development Sdn Bhd diambil alih oleh Kumpul Prasarana Rakyat Johor SDN BHD ataupun KPRJ. Majlis juga meminta supaya Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor menyegerakan sebarang urusan yang berkaitan di antara kerajaan negeri dengan pihak Mysisnet Development Sdn Bhd bagi tujuan penyelesaian jangka pendek pengambilalihan projek. Tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat dalam pembangunan sekolah agama iaitu melalui *cut of date*, bagi keseluruhan pembangunan oleh Mysisnet Development Sdn Bhd adalah pada 31 Mac 2015.

Ini adalah untuk membolehkan pihak perunding membuat penyelarasan serta mengesahkan harga muktamad bagi bayaran baki yang perlu di jelaskan oleh kerajaan negeri kepada pihak Mysisnet Development Sdn Bhd. Segala kecacatan yang timbul pada 31 Mac 2015 bagi sekolah yang telah diserah atau yang belum serta yang masih dalam proses pembinaan, perlu di nilai kan semula oleh KPRJ dan kos pembaikan akan ditanggung oleh pihak Mysisnet Development Sdn Bhd. Jumlah kos kecacatan tanggungan adalah *over and above* daripada wang jaminan projek. Bagi memastikan projek yang diambil oleh KPRJ dapat diselesaikan, KPRJ perlu membuat penilaian semula atas kerja yang telah siap dan sedang dalam pembinaan bagi membolehkan penyerahan tanggungjawab projek ataupun *project liability,* dengan izin, dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Satu perjanjian penyelesaian, *settlement agreement* di antara pihak kerajaan dan Mysisnet Dvelopment Sdn Bhd akan ditandatangani bagi tujuan penamatan dan pengambilalihan projek Mysisnet Development Sdn Bhd dikehendaki dengan segara menyerahkan semua dokumen berkaitan projek termasuk *construction drawing, bill of quantity,* spesifikasi dan *condition* dan *condition, condition of*

contract antara Mysisnet Development dan kontraktor-kontraktor yang dilantik setelah sebahagian baki bayaran dijelaskan oleh kerajaan negeri. Mysisnet Development Sdn Bhd perlu menyelesaikan, tunggakan bayaran kepada pihak konsultan dan kontraktor dan seterusnya menyerahkan tapak kepada KPRJ. Pihak KPRJ telah diarahkan untuk memberi keutamaan kepada kerja-kerja pembinaan sekolah yang mempunyai kemajuan kerja 60% ke atas, untuk dilaksanakan terlebih dahulu. Bagi tujuan penyelesaian jangka panjang, pengambilalihan projek, pihak KPRJ diminta untuk mengemukakan cadangan berkenaan tempoh pelaksanaan, kaedah pembayaran balik serta *business model* kepada kerajaan negeri.

Bagi tujuan pelaksanaan projek yang lebih berkesan, kerajaan akan melantik PMC untuk tujuan pemantauan dan juga Majlis Agama Islam diminta untuk menyelesaikan isu tapak yang tidak selesai dengan kerjasama yang erat Pejabat Tanah Galian bagi tujuan serahan tapak kepada pihak KPRJ sebelum kerja dapat dilaksanakan. Oleh kerana perjanjian asal telah ditandatangani pada 2011, semakan dan penilaian kadar harga baru yang akan dicadangkan oleh KPRJ kepada kerajaan perlu mengambil kira kadar-kadar faktor kenaikan harga bahan mentah serta semasa serta elemen GST.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah berusaha untuk memberi jawapan terbaik berdasarkan soalan yang diutarakan dan cuba menerima teguran dan mempertimbangkan segala cadangan yang diberi dan saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih, jika ada perkara yang terlepas pandang, akan saya perhatikan dan mengambil tindakan susulan di atas perkara berikut.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan Persidangan Dewan pada kali ini, sukacitanya saya ingin merayu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk kita sama-sama menjaga kemakmuran dan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup dan janganlah kita berbalah sesama kita, dengan mengamalkan budaya hidup bangsa Johor yang beradab sopan dan bertolak ansur di antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama ataupun keturunan sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Allah pelihara kan Sultan, saya mohon untuk menyokong, wabillahitaufik wallhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri Johor, silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan dan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di atas, di Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Ke-3 Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Pertamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang mempunyai misi yang besar untuk menjadikan *Johor The New Economic Powerhouse* dan saya menyokong misi beliau agar Johor terus maju dan cemerlang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi saya peluang untuk menjawab serta menjelaskan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam

sesi perbahasan ini. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan idea, pandangan, teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai permulaan saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat berkenaan dengan keresahan beliau mengenai tenaga kerja di kawasan Pengerang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi projek berimpak tinggi seperti *Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC),* keperluan guna tenaga adalah satu perkara yang amat besar dan penekanan terhadap perkara ini telah dibuat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. *Jobs Malaysia* dan beberapa agensi lain, seperti *Johor Petroleum Development Corporation* (JPDC), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta kerjasama yang dimainkan oleh pihak kerajaan negeri, telah mengambil langkah serta perancangan untuk mempastikan sumber tenaga di kawasan ini dapat dibuat secara optimum, melalui penglibatan sumber tenaga anak tempatan, khususnya warga negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 2014 sahaja, beberapa siri program bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang kerancakan program di Pengerang telah dibuat. Yang terusaha tersebut adalah program *Out Reach Johor* untuk Johor yang telah diadakan di Kluang, di mana program ini di mana 500 pengunjung telah hadir bagi mendengar penerangan yang dibuat oleh pihak JPDC bagi memberi gambaran khusus tentang pelaksanaan projek yang sedang berlaku di Pengerang. Begitu juga satu lagi program yang dipanggil Program Johor Mahir, telah pun diadakan di Stadium Tertutup Pasir Gudang bagi tujuan yang sama dan program seperti ini telah dilanjutkan lagi di seluruh pelosok negeri Johor melalui Program Kembara Kerjaya Johor Untuk Johor, di mana yang menerusi program ini, yang telah berjaya menarik minat ribuan pencari kerja di seluruh negeri Johor. Hasilnya seramai 497 orang calon yang khusus dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan di sektor minyak dan gas telah pun dikenal pasti. Bagi *Jobs Malaysia* sendiri, mereka mempunyai seramai 1,800 orang calon pencari kerja yang aktif, yang terdiri daripada pelbagai kelulusan khususnya di bidang kejuruteraan dan berpotensi mengisi kekosongan jawatan di Pengerang. Usaha-usaha secara berkala telah dan sedang dilakukan secara berterusan bagi mempastikan *profiling* pencari kerja ini dapat dipilih secara berkualiti sesuai dengan kehendak dan pasaran kerja di situ.

Cabaran yang dihadapi bagi menangani isu guna tenaga di Pengerang merupakan antara cabaran terbesar untuk ditangani, ini berikutan dengan isu penempatan adalah satu perkara yang perlu dibuat secara berterusan. Penglibatan atau komitmen syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek di Pengerang adalah sangat diperlukan, ini berikutan hanya mereka sahaja yang dapat menyalurkan secara tepat berapa jumlah tenaga kerja yang diperlukan, jenis kekosongan jawatan serta bila kekosongan jawatan dapat diisi.

Bagi Petronas sahaja, perekrutan tidak dapat dilakukan secara terus, tetapi ia haruslah melalui 21 syarikat yang telah pun diberikan pakej projek secara berperingkat dan juga usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak GLC-GLC yang berkaitan untuk mempastikan dan mengenal pasti mengimbangi maklumat tentang apa yang diperlukan selaras dengan perjawatan-perjawatan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat tersebut. Pihak kerajaan negeri amat komited untuk mempastikan anak tempatan tidak tercicir dengan peluang pekerjaan hasil pembangunan berimpak tinggi ini. Seboleh mungkin, warga tempatan khususnya anak-anak Johor diberi peluang untuk sama-sama mengisi limpahan ekonomi dan juga nikmat pembangunan yang sedang berlaku.

Memandangkan projek ini dijangkakan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2019, calon-calon pekerja tempatan yang tersedia perlu meningkatkan pengalaman dan kemahiran mereka terlebih dahulu, sama ada melalui memasuki institusi-institusi kemahiran seperti di IKBN Bandar Penawar, kolej-kolej komuniti serta institusi latihan-latihan yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Pembangunan Modal Insan di bawah *Johor Petroleum Development Corporation Berhad* (JPDC) telah merangka pelan pembangunan modal insan untuk *Pengerang Integrated Petroleum Complex* ini. Berdasarkan rangka kerja permintaan dan penawaran. Rangka kerja ini dibangunkan berdasarkan berapa kah permintaan pekerjaan yang diperlukan oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak pelabur semasa fasa pembinaan dan juga yang diperlukan oleh Petronas dan Dialog semasa fasa operasi. Berdasarkan rangka kerja pembangunan modal insan JPDC ini, program-program bersesuaian telah dirancang yang melibatkan penyediaan latihan dan pembangunan modal insan dalam bidang minyak dan gas bagi penduduk tempatan, graduan dan golongan belia sebagai sumber tenaga kerja untuk projek di IPC ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, program-program yang sedang dan telah dilaksanakan dalam bentuk kerjasama bersama iaitu dengan izin *concerted effort* yang berdasarkan kepada konsep *blue ocean strategy* untuk mempastikan ianya memberi kesan yang positif.

Berikut adalah antara senarai program-program yang telah disusun oleh JPDC dengan kerjasama institut latihan kemahiran awam dan swasta. Antara program yang sedang dilaksanakan ialah kerjasama bersama Kementerian Belia Dan Sukan untuk menyediakan kursus-kursus jangka pendek yang berkaitan minyak dan gas di IKBN Bandar Penawar, yang telah pun di iktiraf oleh pihak industri dan program ini telah pun bermula sejak Januari 2015. Begitu juga Program Transformasi Kolej Komuniti Bandar Penawar bersama dengan *Malaysian Offshore Construction Association* (MOCA). Program ini menjadikan Kolej Komuniti Bandar penawar sebagai *centre of technology* untuk menyediakan kursus minyak dan gas dan program ini telah pun bermula Januari 2015. Kerjasama juga telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang dan Mersing sejak 2014. Kerjasama juga dengan PUSPATRI Pasir Gudang, melalui kursus-kursus jangka pendek untuk para graduan yang hendak menceburi bidang minyak dan gas dan ianya telah pun dimulakan sejak tahun 2014. Begitu juga dengan kerjasama dengan pihak MARA yang telah pun dilaksanakan sejak 2013 melalui Institut Kemahiran MARA, Kolek Kemahiran Tinggi MARA dan UniKL. Kerjasama bersama Petronas, juga dilaksanakan melalui INDSTEDT Batu Rakit Terengganu melaksanakan *Program Technical Petroleum* (PTP). Program ini telah ditawarkan kepada pelatih-pelatih yang layak daripada Pengerang, Kota Tinggi dan daerah-daerah lain di negeri Johor. Sehingga Julai 2014, seramai 326 anak Johor telah menjalani latihan ini di kolej tersebut.

Selain dari itu juga, JPDC juga mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam bidang pembangunan modal insan termasuk UPEN negeri Johor, Kementerian Sumber Manusia, KEJORA dan juga kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mempastikan dan mengawal kemasukan pekerja asing adalah terkawal dan keutamaan diberikan kepada pekerja tempatan yang berkelayakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, unit di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran telah dipertanggungjawabkan untuk menarik minat syarikat-syarikat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di kawasan Pengerang untuk menjalankan

latihan kemahiran melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional di bawah Program 1Master MDPS pada tahun 2015. Melalui kaedah SLDN ini, pihak industri yang berminat bolehlah menghantar pekerja sedia ada mahupun bakal pekerja mereka ke penyediaan latihan bertauliah dengan JPK untuk mendapat latihan teori manakala latihan praktikal akan dilaksanakan oleh pihak syarikat itu sendiri. Melalui kaedah ini, pekerja-pekerja berkenaan juga akan mendapat latihan kemahiran yang terus kepada kehendak industri itu sendiri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya seterusnya ingin menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai iaitu berkenaan dengan perancangan pembinaan TASKA dan Tadika bagi memudahkan pasaran pekerjaan bagi wanita khususnya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penyediaan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) adalah penting bagi membolehkan keluarga dwi kerjaya mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan pengasuhan dan penjagaan anak yang berkualiti. Pembukaan TASKA menyumbang kepada pembangunan negara selain mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing. Tambahan pula pihak kerajaan telah menyasarkan dalam Rancangan Malaysia Ke–10 bagi meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh dalam 46.15% pada tahun 2010 kepada 55% pada penghujung tahun 2015.

Selain daripada penubuhan TASKA di taman perumahan, pihak swasta juga digalakkan untuk mewujudkan TASKA di premis kerja masing-masing. Pihak kerajaan telah menyediakan insentif semenjak tahun cukai taksiran 1994, yang membolehkan majikan yang menggunakan bangunan untuk pengasuhan kanak-kanak layak diberi elaun bagi Elaun Bangunan Perindustrian sebanyak 10% selama 10 tahun terhadap perbelanjaan pembinaan atau pembelian bangunan tersebut.

Bagi menggiatkan lagi sektor korporat dan majikan swasta membuka TASKA di premis kerja sebagai satu tanggungjawab sosial, korporat dengan satu pekeliling dengan izin *Establishment Child Care Centre At The Work Place By The Corporate Employers* telah pun dihasilkan. Pekeliling ini memberi garis panduan penubuhan TASKA di tempat kerja dan menyenaraikan faedah penubuhan TASKA kepada majikan dan pekerja serta insentif yang diberikan oleh kerajaan. Dengan adanya gandingan usaha penubuhan TASKA di taman perumahan dan di premis-premis pekerjaan di sektor swasta akan memberi ruang kepada lebih ramai kaum wanita untuk kerja untuk kesejahteraan keluarga khususnya dan negara amnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu mengenai mewujudkan peluang pekerjaan untuk belia-belia khususnya di kawasan Bukit Batu. Semua rakyat Johor termasuk di kawasan Bukit Batu adalah diberikan keutamaan untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ada di seluruh negeri Johor termasuk di Taman Perindustrian Sedenak. Langkah untuk mewar-warkan peluang pekerjaan dan kekosongan jawatan yang ada di seluruh negeri amnya dan Johor khasnya adalah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Tenaga Kerja melalui pusat *Jobs Malaysia*. Selain dari maklumat di portal www.jobsmalaysia.gov.my, warga tempatan juga berpeluang memohon pekerjaan melalui maklumat di akhbar dan juga agensi pekerjaan swasta. Peluang pekerjaan yang ada harus direbut oleh pencari kerja walaupun mungkin pada peringkat awal jawatan itu adalah tidak sepadan dengan kelulusan atau kemahiran yang dimiliki. Dengan sikap sebegini, pencari kerja akan dapat pengalaman dan akan memudahkan meningkatkan kerjayanya dalam masa hadapan dan Jabatan Tenaga Kerja juga menjalin kerjasama dengan pihak industri dalam menganjurkan karnival-karnival kerjaya bagi mendekati seluruh warga negeri Johor dalam usaha untuk menyebarkan peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasit Raja, berkenaan dengan gaji minimum RM900.00 dan peluang *up skilling* daripada *Human Resource Development Fund* atau Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Untuk makluman dalam Dewan yang mulia, ini dasar gaji minimum kebangsaan adalah bertujuan untuk mempastikan pekerja dapat memenuhi keperluan asas dan menyediakan suasana sesuai untuk industri dalam meningkatkan rangkaian peluang mereka, dasar tersebut adalah terkandung dalam Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 dan kadarnya tercatat dalam Perintah Gaji Minimum 2012 yang berkuat kuasa pada 16 Julai 2012. Gaji minimum adalah gaji pokok tidak termasuk apa-apa elaun dan bayaran lain. Dasar gaji minimum ini meliputi pekerja yang dibayar secara bulanan, harian, upah ikut kerja, upah mengikut trip perjalanan atau kusyen. Majikan adalah dikehendaki untuk menambah gaji pekerja-pekerja ini sekiranya pendapatan mereka tidak mencapai RM900.00 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM800.00 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Dasar gaji minimum telah meningkatkan gaji pokok semua pekerja ke kadar minima sebanyak RM900.00 di Semenanjung Malaysia dan RM800.00 di Sabah, Sarawak dan Labuan. Perintah gaji minimum 2012 mula dilaksanakan pada 1 Januari 2013, bagi majikan yang mempunyai lebih dari 5 pekerja dan pada 1 Julai 2013, bagi majikan yang mempunyai 5 pekerja atau kurang.

Sementara itu bagi perusahaan kecil dan sederhana hanya akan mula membayar gaji minimum kepada pekerja hasil khususnya selepas 1 Januari 2014. Bermula tarikh tersebut, pemeriksaan penguatkuasaan dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja dan Kementerian Sumber Manusia untuk mempastikan pematuhan majikan. Bagi pekerja-pekerja yang ingin mendapatkan maklumat lanjut dan ingin mengemukakan aduan terhadap majikan yang tidak mematuhi kadar pembayaran gaji minimum, mereka boleh merujuk perkara tersebut ke Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran bagi membolehkan siasatan dijalankan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jabatan Pembangunan Kemahiran bertanggungjawab dan mempromosikan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional atau SLDN melalui kaedah ini industri boleh melatih industri sedia ada untuk *up skilling atau re-skilling* dengan izin kemahiran mereka. Pihak industri mereka boleh mendapat *levi* daripada pihak *Human Resource Development* ini. Walau bagaimanapun, setelah hampir 8 tahun SLDN diperkenalkan jumlah penyertaan syarikat MMC atau GLC atau SME yang mencarum dengan SLDN tidak begitu memberangsangkan. Berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti promosi dan sesi perbincangan dengan industri-industri ini melalui program-program dan seminar-seminar serta bengkel, kita mendapati bahawa syarikat bukan tidak berminat untuk menghantar pekerja sedia ada mereka untuk menjalani latihan peningkatan kemahiran tetapi pihak industri bimbang dengan kadar pertukaran atau pemberhentian pekerja apabila mereka telah mempunyai kemahiran yang lebih tinggi. Memandangkan industri adalah entiti yang berasaskan keuntungan, sememangnya mereka ingin mengurangkan *turnover,* dengan izin. Walau bagaimanapun, ada juga industri yang berminat menjalankan latihan kemahiran dengan kaedah SLDN tetapi biasanya mewujudkan ikatan perjanjian atau kontrak dengan pekerja masing-masing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Berhad adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang mentadbir Kumpulan Pembangunan Sumber Manusia untuk menggalakkan majikan yang diliputi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 untuk melatih

semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, praktis dan pelatih bagi memenuhi pelan perniagaan organisasi swasta dan selaras dengan strategi pembangunan mereka. Majikan yang berdaftar dengan PSMB boleh meningkatkan kemahiran pekerja secara berterusan selaras dengan penggunaan teknologi semasa yang meliputi bidang-bidang latihan berteknologi tinggi, teknologi baru, penghasilan produk baru, penyelidikan dan pembangunan, kejuruteraan, pemasaran dan pengurusan strategik. Pekerja- pekerja akan dilatih berasaskan keperluan latihan syarikat untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti selaras dengan peningkatan perniagaan syarikat. Latihan-latihan ini boleh dijalankan sama ada dalam bentuk *up skilling*, *re-skilling, cross skilling* mahu pun *functional,* dengan izin Speaker.

Selain daripada itu, bidang-bidang latihan lain yang turut di fokuskan ialah seperti dengan izin, *e-learning*, latihan berbentuk komputer iaitu *computer based training,* keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan sebagainya. Latihan semula dan peningkatan latihan yang berterusan akan membolehkan majikan menghasilkan produk yang bermutu tinggi dan juga berkeupayaan mengeluarkan produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Langkah ini akan meningkatkan daya saing pekerja, majikan dan juga negara. Sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan pekerja berkemahiran tinggi seperti dalam pembentangan Belanjawan 2015 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, PSMB akan memperkenalkan program 1Malaysia GRIP. Tan Sri Speaker, GRIP ialah *Globally Recognized Industry and Professional Certification* di kalangan pekerja. Program 1Malaysia GRIP ini akan memberi peluang mempertingkatkan kemahiran pekerja tempatan, penawaran tenaga kerja dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing, selaras dengan agenda pembangunan negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pekerja boleh mengikuti program latihan yang ditawarkan, yang menawarkan sijil profesional yang diiktiraf oleh industri. Susulan itu, ia dapat mempertingkatkan kebolehkerjaan merentas sektor atau industri. Memperluaskan pasaran diri, sekali gus mengunjurkan peluang untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi. Ini di lihat dapat membawa pekerja ke luar daripada perangkap masyarakat berpendapatan rendah ataupun yang sederhana.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir sekali sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Serom, iaitu mengatakan bahawa adakah sama ada usaha untuk menyemak semula pemberian bantuan peruntukan kepada KRT dan SRS.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor adalah jabatan yang bertanggungjawab di dalam menyelia dan mengurus tadbir Kawasan Rukun Tetangga Dan Skim Rondaan Sukarela, SRS ini. Menyentuh tentang peruntukan dan geran tahunan. Rukun Tetangga setiap tahun diberi peruntukan sebanyak RM6,000.00. Peruntukan ini adalah selaras dengan selaras untuk seluruh negara kepada semua KRT. Ini adalah berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan di peringkat Kementerian. Peruntukan ini disalurkan ke akaun Rukun Tetangga bertujuan menjadi dana untuk pengurusan dan pentadbiran dan di samping aktiviti kemasyarakatan Rukun Tetangga tersebut dalam tempoh setahun. Ini termasuklah peruntukan untuk diagihkan kepada sayap-sayap Rukun Tetangga seperti Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Usia Emas dan Tunas Jiran. Sayap-sayap inilah berperanan menggerakkan setiap lapisan masyarakat dari setiap peringkat umur dan bangsa. Pengerusi Rukun Tetangga juga digalakkan untuk mencari dana tambahan sendiri bagi membiayai sesebuah program yang akan dilaksanakan dan

kita sedar ia juga akan menelan belanja besar. Selain menjalin kerjasama positif, iaitu jalinan perkongsian bijak bersama agensi-agensi kerajaan, NGO ataupun swasta, di sini juga saya menggalakkan setiap Wakil Rakyat kawasan-kawasan membantulah KRT-KRT dan SRS di kawasan masing-masing, kerana merekalah yang sebenarnya membantu untuk merancakkan program-program kemasyarakatan di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan persekutuan juga ada memberi sedikit peruntukan iaitu RM600.00 setiap SRS yang ditubuhkan. Untuk digunakan oleh SRS bagi tujuan menjadi dana kos makan dan minum anggota peronda semasa menjalankan rondaan di kawasan mereka mengikut jadual yang telah pun ditentukan. Peruntukan ini hanya diterima bagi tahun 2014, manakala bagi tahun ini belum ada lagi peruntukan yang disalurkan. Dana ini juga terhad kerana skim rondaan sukarela semakin mendapat tempat dan perhatian di hati masyarakat kerana aktiviti sihat ini sangat-sangat berfaedah. Yang jelas diperlihatkan pada masa kini. NKRA Keselamatan ataupun *National Blue Ocean Strategy* yang memperkenalkan rondaan awam, Polis Di Raja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia iaitu RAPAT juga semakin giat di jalan bersama SRS ini. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kadar yang disalurkan memang benar perlu dikaji semula khususnya dengan pertambahan anggota masyarakat dan agensi terlibat dalam aspek keselamatan ini. Begitu juga peralatan SRS juga di beri, perlu di beri perhatian di mana penggantian alatan yang sudah rosak, hilang atau tidak pernah mendapat alatan-alatan juga perlu disemak.

Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana kita percaya Johor menjadi negeri pertama untuk memberikan peruntukan khas untuk KRT-KRT diperkasakan di negeri Johor kita ini. (Dewan bertepuk). Dalam bajet tahun 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak jabatan sememangnya menyedari tentang peruntukan dana yang diberi adalah amat terhad. Walau bagaimanapun, jabatan tetap mengikut prosedur dan arahan yang telah pun ditetapkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai menjawab soalan Yang Berhormat Serom lagi, iaitu berkenaan dengan permohonan perjawatan Pembantu Pegawai Daerah Perpaduan di jabatan, di daerah Ledang. Sebagaimana kita semua sedia maklum, daerah Ledang telah menjadi daerah penuh berkuat kuasa mulai 27 Februari 2007 dan diwartakan pada tahun, 29 Mac 2009 melalui Warta Kerajaan Johor. Pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor maklum akan keperluan mewujudkan perjawatan di daerah Ledang bagi mewujudkan, memudahkan pengoperasian dan pentadbiran terutamanya melibatkan aktiviti dan program yang berkaitan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak jabatan bagi mempastikan perjawatan di daerah Ledang dapat diwujudkan dengan mengemukakan permohonan kepada agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada penghujung bulan April 2015 baru-baru ini, pihak ibu pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah menghadiri mesyuarat bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, SPA bagi jawatan dan agensi yang memohon untuk membuat pengisian jawatan kosong dan pihak jabatan telah dimaklumkan bahawa pihak Perkhidmatan Awam pada masa ini telah pun membuat pembekuan pengisian perjawatan.

Selain daripada itu, pernyataan tentang pembekuan perwujudan jawatan baru masih lagi berkuat kuasa sehingga kini menerusi Pekeliling Perbendaharaan, PP 3.1/2013, Garis Panduan Perbelanjaan secara berhemah bagi mengawal perbelanjaan awam. Dalam pada itu juga, pihak jabatan ibu pejabat Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional sedang dalam proses membuat permohonan

pengukuhan perjawatan bagi keseluruhan perjawatan sedia ada di seluruh negara. Namun demikian, bagi memastikan perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, pihak jabatan akan menggembleng tenaga dan menggunakan sumber sedia ada secara optimum dan terancang. Jadi, buat masa ini belum ada lagi Jabatan Perpaduan di Ledang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai akhir kata saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya. Dan, saya telah cuba untuk memberi jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua Jabatan saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan, yang kurang ditambahkan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian bagi Perbahasan di dalam Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-13. Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyentuh aspek kesempurnaan jaringan jalan raya, sama ada di kawasan bandar, mahupun luar bandar. Begitu juga dengan penekanan dan keperluan agar kita merancang dan bersedia ke arah penambahbaikan sistem pengangkutan awam agar lebih efisien. Perancangan oleh kerajaan negeri dalam pengurusan sumber air yang mampan bukan sahaja dalam usaha menjaga sumber air malah menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti juga dibangkitkan. Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sebarang teguran dan pandangan yang disampaikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembangunan infrastruktur jalan dengan jaringan perhubungan yang efisien merupakan di antara perkara utama di dalam menyumbang kepada kerancakan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan negeri tidak terlepas pandang akan peri pentingnya dalam membangunkan jaringan perhubungan sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Lanjutan daripada itu, kerajaan negeri melalui penyediaan Rancangan Malaysia Ke-11, telah mengangkat permohonan kepada kerajaan persekutuan berjumlah RM3.06 bilion. Bagi membangunkan infrastruktur jalan di negeri Johor. Ini termasuk perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Batu, Yang Berhormat ADUN Paloh, Yang Berhormat ADUN Bekok, Yang Berhormat ADUN Pekan Nenas, Yang Berhormat ADUN Bukit Naning. Yang mana kerajaan negeri telah pun memasukkan keperluan peruntukan pembangunan infrastruktur jalan tersebut kepada kerajaan persekutuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam masa yang sama kerajaan negeri juga telah mengoptimumkan penggunaan peruntukan MARRIS dalam usaha menambah baik penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan jalan-jalan kampung. Untuk keselesaan pengguna. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit, Yang Berhormat ADUN Semerah, Yang Berhormat ADUN Parit Yaani, Yang Berhormat ADUN Bukit Naning. Sukacita dimaklumkan, bahawa sebanyak RM560 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2015 ini. Iaitu penambahan sebanyak RM110

juta daripada jumlah tahun 2014. Perlaksanaan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah, Infra Desa Johor dan Jabatan Pengairan dan Saliran malah akan ditambah baik dengan pendekatan penyelenggaraan rangkaian jalan-jalan negeri secara konsesi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Gambir, sukacita dimaklumkan bahawa pembinaan jalan dua lorong bukan bermakna menganaktirikan penduduk kawasan Gambir. Malah jalan tersebut akan dibina menggunakan jajaran yang baik dan kurang berselekoh seperti mana sekarang. Manakala simpang-simpang utama dan kawasan pekan akan di bina empat lorong untuk memberi keselesaan kepada pengguna. Namun begitu, permohonan untuk empat lorong tetap akan dipertimbangkan oleh kerajaan sekiranya jumlah kenderaan bertambah pada masa akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Johor Jaya, pihak Jabatan Kerja Raya telah pun meningkatkan kerja-kerja pemantauan dari masa ke semasa. Bagi menambah keselesaan pengguna yang melalui Lebuh raya Pasir Gudang. Malah, pihak Jabatan Kerja Raya juga telah melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja-kerja menampal lubang sekiranya pihak kontraktor lewat melaksanakan kerja dengan kos di caj kepada kontraktor asal. Bagi menambah baik pengurusan trafik di kawasan tersebut, pihak Jabatan Kerja Raya sentiasa menitik beratkan soal aliran trafik untuk memastikan keselesaan pengguna dan mengharapkan pengguna jalan raya sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan pembinaan bagi mengelak berlakunya kemalangan.

Tan Sri Speaker, merujuk kepada isu banjir kilat yang sering berlaku di Jalan Persiaran Abu Bakar Sultan, berhampiran *Danga Bay*, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting. Pihak Jabatan Kerja Raya dan Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengarahkan pihak pemaju untuk membina longkang utama dari *outlet* pembetung di Jalan Persiaran Abu Bakar Sultan hingga ke Selat Tebrau.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Parit Yaani ada membangkitkan mengenai Jalan Parit Sidek dan Jalan Bindu. Pada masa ini Juruukur sedang dalam proses menyediakan pelan pengambilan balik tanah, kerana rizab jalan sedia ada sangat kecil iaitu hanya 30 kaki sahaja dan tidak sesuai dengan kerja-kerja pelebaran dan naik taraf jalan tersebut. Bagi pemasangan lampu isyarat di simpang Tongkang Pecah, JKR akan memasukkan di dalam skop kerja naik taraf ini. Mengenai cadangan projek meluruskan selekoh "S" di jalan Kulai Air Hitam seperti yang bangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Batu, pihak JKR akan menyegerakan untuk mendapat kelulusan bagi Rancangan Malaysia Ke 11. Manakala pemasangan lampu isyarat lintasan pejalan kaki di hadapan Sekolah Rendah LKTP Bukit Batu, akan dilaksanakan pada tahun ini dan kerja-kerja di jangka siap pada bulan September 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi permohonan di naik tarak Jalan Parit Yusof dari Simpang Batu 18 ke Parit Raja 3, sepanjang 10 kilometer yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Naning, pihak JKR Johor akan memohon semula peruntukan Kementerian Kerja Raya supaya untuk memperbaiki jalan yang bergelombang ini. Begitu juga menaik taraf Jalan Parit Kelantan ke Tanah Merah, di mana JKR Johor akan membuat peruntukan menyambung ini di bawah peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 kelak. Permohonan pelepasan rizab hutan perlu terlebih dahulu dijalankan kerana jalan-jalan melalui rizab hutan simpan, sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan. Permohonan akan dibuat

kepada Pengarah Perhutanan. Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang, adalah dimaklumkan bahawa perkara-perkara ini akan diselia dengan lebih teliti oleh Jabatan Kerja Raya supaya perkara ini tidak berulang. Isu berkenaan tumpahan konkrit di atas permukaan jalan akan dirujuk kepada PBT dan PTG di mana permohonan pembinaan *Concrete Batching Plan* tidak pernah di rujuk kepada JKR. Pihak JKR akan mengesyorkan kepada PBT Johor agar mengenakan syarat dan meletakkan nilaian yang tinggi untuk digunakan bagi perbelanjaan tersebut sekiranya.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Jementah, permohonan pemasangan lampu isyarat di di persimpangan Taman KSM, Taman Sejati di Jalan Segamat-Gemas, di Batu Anam, Segamat seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah dalam tindakan JKR. Permohonan peruntukan telah dimaklumkan kepada Kementerian Kerja Raja sejak tahun 2014. Walau bagaimanapun, ia masih belum diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat Adun Rengit, jalan Jaya Diri seperti yang dibangkitkan telah dilaksanakan kerja-kerja membaharui muka jalan dari lampu isyarat Pekan Rengit hingga ke jambatan Simpang Kampung Sri Bahrom sepanjang 4.7 KM manakala bagi kerja-kerja mengecat garisan jalan akan disiapkan dalam tempoh dua minggu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat suka dijelaskan di sini bahawa kerajaan negeri memandang serius berkaitan isu pengangkutan awam. Selaras dengan keperluan dan kepentingan kepada masyarakat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sendiri pada tahun 2014 telah memberi mandat kepada Perbadanan PAIM untuk memperluaskan fungsi sebagai agensi kerajaan negeri untuk memantau pembangunan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos tahun ini. Sejajar dengan kepentingan tersebut, melalui Rancangan Malaysia Ke 11, kerajaan negeri telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan persekutuan yang meliputi aspek kemudahan infra, perkhidmatan, kemudahsampaian dan memperluas kawasan liputan serta meningkatkan kecekapan keberkesanan pengurusan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM 2.8 bilion.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri Johor, melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor dan dijangka siap pada hujung tahun di mana perkara-perkara utama yang diambil perhatian adalah penyambungan antara daerah/negeri dan juga antara daerah, sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Parit Yaani, Yang Berhormat DUN Stulang dan sepertimana Yang Berhormat DUN Skudai. Selain itu juga, usaha menjenamakan perkhidmatan kepada TransJohor turut akan dilaksanakan Perbadanan PAJ, bersama-sama semua Pihak Berkuasa Tempatan sedang dalam proses untuk menyediakan perkhidmatan bas dan dapat mengurangkan bebanan kos perjalanan ke destinasi utama di pusat pentadbiran daerah. Sokongan penuh dari semua Yang Berhormat amat diperlukan dalam memastikan sistem pengangkutan awam di kawasan masing-masing tidak dimonopoli oleh satu jenis perkhidmatan sahaja. Rakyat memerlukan pilihan pengangkutan awam yang murah dan menepati jadual dan mudah didapati. PAJ bersama SPAD serta semua agensi penguatkuasaan sentiasa bekerjasama bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam berjalan dengan lancar dan mengikut garis panduan dan tetapan yang dibuat oleh semua pihak.

YB Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi? Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan kita 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:50 petang

Persidangan disambung semula pada jam 4:10 petang

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabaraktauh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Dijemput, Pengerusi kerja Raya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Parit Yaani, berkaitan projek *Rapid Transit System* dan *High Speed Rail*, dimaklumkan bahawa kedua-dua projek dalam sistem projek pembangunan sistem pengangkutan awam dan rel rentas menghubungkan Malaysia-Singapura, merupakan inisiatif kerajaan persekutuan di bawah beberapa agensi utama seperti Kementerian Pengangkutan, SPAD, Unit Perancang Ekonomi dan lain-lain. Projek-projek ini dalam peringkat perincian dan penetapan stesen. Keutamaan sememangnya diberikan kepada projek *Rapid Transit System* yang memberikan impak lebih besar dalam pola perjalanan rentas. Sejumlah hampir 145,000 kenderaan merentasi sempadan sehari yang mana 75% darinya melalui Tambak Johor. Nisbah kenderaan persendirian adalah 70% berbanding dengan pengangkutan awam. RTS bukan sahaja memberi manfaat kepada 60,000 pengguna semasa pengangkutan awam, tapi juga kepada 153,000 pengguna kenderaan persendirian. Dengan kapasiti 60,000 penumpang sehala sejam, sistem ini berupaya membawa 1.2 juta penumpang setiap hari.

Selain dari isu penetapan beberapa perkara di antara kedua-dua negara, pelaksanaan projek RTS dan projek HSR, isu lain yang harus diberi perhatian serius adalah penyambungan perkhidmatan dari / ke semua *flagship* di Iskandar Malaysia seperti Ulu Tiram, Pasir Gudang, Senai, Kulai dan Nusajaya. Satu sistem pengangkutan awam yang lebih holistik perlu dinilai semula. Selain infrastruktur sokongan seperti kompleks *Park and Ride*, terminal moden dan hentian bas yang selesa dan rangkaian pejalan kaki, berbasikal juga di ambil perhatian serius. Sokongan kerajaan persekutuan dalam membantu kerajaan negeri dalam mengubah senario sistem pengangkutan amat diperlukan. Sudah sampai masanya tumpuan khusus diberikan terhadap sistem dalam pengangkutan awam, terutamanya di Wilayah Iskandar Malaysia yang pesat membangun. Saya harapkan permohonan RM 2.8 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi sektor pengangkutan awam negeri Johor akan dapat pertimbangan sewajarnya dari kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri sedia membuka ruang kerjasama kepada pemaju sistem swasta atau pelabur untuk mengemukakan cadangan sistem terbaik bagi mempertingkatkan keupayaan mobiliti yang lebih moden dan tidak membebankan rakyat. Kegagalan menyediakan pengangkutan awam yang dipercayai rakyat akan hanya membantutkan perkembangan ekonomi negeri Johor.

Sepertimana perkara yang dibangkitkan oleh YB Adun Senai tentang kesesakan lalu lintas di Tambak Johor, adalah dimaklumkan bahawa jumlah purata trafik harian di Tambak Johor bagi kedua-dua arah tahun 2014 adalah dianggarkan sebanyak 44,000 trafik/sehari. Merujuk kepada kadar tol yang dibangkitkan, sukacita dijelaskan di dalam dewan yang mulia ini iaitu kadar tol bagi sesebuah lebuh raya telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh kerajaan dan syarikat konsesi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Dalam isu air, saya ingin memberi gambaran tentang kedudukan dan senario sebenar industri bekalan air sama ada di peringkat

negeri mahupun nasional di negara ini supaya isu-isu air seperti pelarasan tarif, operasional serta perkhidmatan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada sidang Dewan pada kali ini dapat dijelaskan sebaiknya.

Senario Bekalan air di negeri Johor ini harus dilihat dari aspek transformasi yang berlaku sekian lama di mana negeri ini sudah pun melalui fasa-fasa di era pentadbiran kerajaan, pengkorporatan dan penswastaan. Kalau dulu bekalan air ditadbir oleh JKR, Jabatan Bekalan Air (JBA) dan SAJ Sdn Bhd serta dikawal selia oleh Badan Kawal selia Air Johor (BAKAJ) melalui Enakmen Bekalan air negeri Johor , kini keadaan sudah berubah ke arah pembangunan yang lebih dinamik untuk mengekalkan '*sustainability*' atau kemapanan bekalan air di negeri ini.

Kini bekalan air Johor sudah pun memasuki rejim era pelesenan apabila Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) diperkenalkan. Melalui akta ini, kawal selia bekalan air dilakukan oleh agensi persekutuan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Memasuki rejim baru ini juga membabitkan penglibatan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) yang merupakan sebuah syarikat aset air yang memajakkan kembali aset-aset air di negeri ini kepada pihak operator iaitu SAJ Holdings Sdn Bhd. (SAJ) dengan caj sewa pajak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penstrukturan semula bekalan air ini sebenarnya telah menghasilkan satu model industri perkhidmatan air negara yang menjadikan industri pembekalan air sebagai satu industri yang holistik, efisien, efektif, berdaya saing dan mapan. Ia turut mewajarkan pulangan yang setimpal bagi memperbaiki perkhidmatan operator kepada pelanggan-pelanggannya serta untuk berdaya maju dalam jangka masa yang panjang ke arah *'full cost recovery'.*

Dilema kerajaan dalam konteks ini ialah kita mempunyai operator yang kita percaya mampu menguruskan bekalan air dengan jayanya di negeri ini, namun dalam masa yang sama kita juga harus mengambil kira kemampuan dan keperluan bekalan air yang meningkat. Kejayaan-kejayaan yang diraih SAJ serta amalan '*good corporate governance*' juga menjadikan perkhidmatan bekalan air di negeri ini antara yang terbaik di negara ini. Namun, perancangan perniagaan yang dikemukakan oleh SAJ bagi tempoh 30 tahun dan tiga tahun mengikut '*operating period'* harus dilihat mampu untuk menampung keperluan infrastruktur dan operasi air di Johor ini.

Oleh itu, ia bukanlah bersifat meraih keuntungan operator. Pihak SAJ Holdings juga di kawal selia oleh SPAN melalui KPI-KPI yang membawa perkhidmatan air di negeri ini dengan lebih efisien. Kerajaan juga melihat dari sudut golongan-golongan yang kurang mampu yang perlu dilibatkan dalam membawa keharmonian dan kelestarian industri bekalan air ini. Dengan sebab itu kerajaan negeri memberi rebat-rebat air percuma sebanyak 25 meter padu kepada golongan yang layak dikenal pasti melalui senarai e-Kasih dan sumber-sumber yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawal selia dan faktor-faktor kawalan yang saya sebutkan di atas, kerajaan berpendapat *efficiency* operator air ini akan menyumbangkan perkhidmatan yang lebih baik dan sudah tentu berupaya menurunkan kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di negeri ini. Soal Air Tidak- Berhasil atau *Non-Revenue Water* (NRW) juga merupakan isu operasional yang dilihat menghantui operator bekalan air. NRW berkait rapat dengan soal *efficiency* operator dan *efficiency* itu juga ada kaitannya dengan soal perkakasan atau pembangunan infrastruktur dan instalasi bekalan air yang sempurna. NRW boleh dikategorikan sebagai kehilangan di dalam hasil dalam setiap industri bekalan air.

Di negeri Johor, saya berpendapat SAJ Holdings sudah melakukan yang terbaik dalam konteks NRW ini. NRW di Johor bermula dengan setinggi 45% pada tahun 2000, apabila penswastaan air mula diperkenalkan. Terkini, SAJ Holdings berjaya menurunkan NRW nya kepada 25.93% pada tahun 2014. Pencapaian ini adalah petanda yang positif kalau bagi sebuah negeri yang mempunyai paip sepanjang 25,000 kilometer berbanding Pulau Pinang yang hanya mempunyai kira-kira 5,000 kilometer rangkaian paip. Oleh itu rejim baru ini mempunyai ciri-ciri yang bersifat *check and balance* ditapis melalui pelbagai peringkat masyarakat dan melalui pelbagai disiplin ilmu dan justeru itu, pengurusan bekalan air di negeri ini masih mempunyai ciri-ciri keharmonian

YB Timbalan Speaker : Beritahu Pekan Nenas. Dia tak ada tu eh? Ni soalan Pekan Nenas.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, isu operasional yang boleh berlaku terutama di penghujung sistem ketika keadaan kemerosotan pada kualiti air mentah setelah bertindak balas dalam sistem bekalan air. Sungguhpun demikian, saya percaya dengan kecekapan dan *efficiency* serta tindakan segera seperti mengambil *sample* air untuk diuji, *flushing* dan *scoring*, oleh pihak SAJ Holdings, ianya akan dapat menyelesaikan masalah ini. Bukan setakat itu, malah pemantauan berterusan akan terus dilakukan. Kerja-kerja pencucian tangki-tangki utama turut dilaksanakan segera bagi tujuan memastikan air yang disalurkan menepati piawaian ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Dari segi kualiti mahupun kuantitinya, lazimnya isu-isu *operational* sebegini adalah bersifat sementara dan pengguna mula menerima bekalan air sewajarnya.

Menjawab soalan atau isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Mengkibol di Kluang khususnya, Sungai Sembrong Kiri yang membekalkan air mentah ke loji rawatan Air Sembrong Timur, kendalian syarikat air SAJ Holdings terus menunjukkan kemerosotan pada paras air seterusnya mengakibatkan keadaan air terjejas, keadaan ini diburukkan lagi dengan aktiviti mengekstrak air sungai di huluan sungai terbabit oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Beberapa tahun yang lalu kerajaan melihat serius situasi ini dan langkah-langkah penguatkuasaan sudah pun dilakukan oleh BAKAJ dan Pejabat Tanah Daerah. Sebagai langkah serta merta. Sebagai penyelesaian jangka panjang antara projek yang diluluskan di daerah Kluang untuk menguruskan pembekalan air di masa akan datang ialah pembinaan Empangan Kahang yang mampu membekalkan sumber air mentah sebanyak 100 juta liter sehari bagi daerah Kluang, jadi terima kasihlah kepada Ketua UMNO Bahagian Kluang. Ia adalah dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada 2017 dengan kos pembinaan sebanyak RM105 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat pada ketika ini bekalan air bagi negeri Johor adalah bergantung pada sumber air permukaan seperti air sungai dan air permukaan. Untuk makluman, air permukaan adalah terdedah kepada ancaman kemarau dan pencemaran akibat aktiviti manusia seperti proses perbandaran, aktiviti pertanian dan aktiviti penternakan. Bagi melindungi sungai dan empangan maka kerajaan telah mewartakan kawasan-kawasan terlibat sebagai kawasan tadahan air dan kawasan larangan. Dalam kawasan ini, aktiviti manusia dikawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air.

Merujuk kepada perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat ADUN Skudai, sehingga kini terdapat 13 buah kawasan tadahan air yang telah diwartakan dan

hanya satu kawasan sahaja yang dibatalkan iaitu kawasan tadahan air Sungai Rengit, Kota Tinggi kerana kawasan tersebut tidak lagi menjadi sumber bekalan air. Pembatalan tersebut melibatkan tanah seluas 360 hektar sebagaimana Warta Kerajaan Bilangan 4645 bertarikh 20 November 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pasir Raja, Enakmen Air 1921 telah dipinda pada tahun 2014 bagi memberi kuasa kepada Pengarah BAKAJ untuk menguatkuasakan undang-undang pencemaran air. Bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang terhadap pencemaran sungai belum dilaksanakan oleh BAKAJ kerana terdapat beberapa perkara pentadbiran dan teknikal yang perlu diperkemaskan. Pada masa ini, tiada apa-apa instrumen diletakkan di sepanjang Sungai Johor bagi memantau kualiti air mentah. Pencemaran hanya dapat dikesan apabila air mentah yang sampai ke loji rawatan kerana operator loji perlu mengambil *sample* dan menganalisis air mentah sebelum membenarkan ianya memasuki sistem rawatan yang ada.

Pada tahun 2016, tahun depan insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker, BAKAJ bercadang untuk memasang beberapa instrumentasi yang diletakkan di 5 lokasi sepanjang Sungai Johor bagi memantau kualiti air mentah, anggaran kos pembelian dan pemasangan peralatan tersebut dianggarkan berjumlah RM1.6 juta, sementara kos penyelenggaraan dianggarkan berjumlah RM600,000.00 setiap tahun. Melalui sistem ini, maka pencemaran Sungai Johor akan dapat dikesan dengan lebih awal dan operator loji akan dapat mengambil langkah-langkah segera bagi meminimumkan kesan pencemaran tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif menjalankan Kajian Pelan Suara Hati Johor untuk mendapatkan maklum balas rakyat. Sebanyak 20.36% responden membangkitkan isu kemudahan *Wifi*, jalur lebar dan jaringan telekomunikasi. Ekoran daripada itu kerajaan negeri Johor komited untuk menyediakan kemudahan *Wifi* percuma kepada rakyat melalui projek *Johor Free Wifi* yang melibatkan 100 *hotspot* dengan anggaran peruntukan RM3 juta setahun. Pemilihan 140 *hotspot* ini meliputi semua kawasan PBT seluruh negeri Johor yang menjadi tumpuan awam.

Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang, Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor sedang dalam proses akhir dan dijangka pelaksanaan akan dimulakan pada akhir tahun ini. Dengan adanya program *free wifi* ini, ia membolehkan masyarakat mendapat akses kepada alam siber khususnya di kalangan golongan muda dengan lebih mudah. Namun begitu, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tenang untuk pihak SKMM bertindak keras terhadap spekulasi salah dan kandungan bersifat negatif adalah dimaklumkan bahawa kesalahan penggunaan Internet seperti penyebaran kandungan bersifat lucah, palsu, mengancam atau yang jelik, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah seksyen 211 atau 233 Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998. Jika disabitkan kesalahan pihak tersebut boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau di penjara selama tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Selain itu, undang-undang Malaysia yang lain seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan, Akta Fitnah juga diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan berkenaan kandungan dalam talian termasuk berunsur hasutan terhadap kerajaan yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin dijelaskan juga bahawa tindakan penguatkuasaan tidaklah terhad kepada pendakwaan mahkamah. Pihak MCMC juga boleh mengambil tindakan berbentuk pentadbiran terhadap pembekal

perkhidmatan yang tertakluk di bawah peruntukan Akta Komunikasi seperti penyekatan laman web yang menyalahi atau cuba menyalahi undang-undang negara serta membuat laporan penyalahgunaan serta notis pengalihan kepada pengendali perkhidmatan seperti *facebook, youtube, twitter, instagram, tumblr* dan lain-lain.

Pihak MCMC juga sedang giat menjalankan program kesedaran yang dinamakan 'Klik Dengan Bijak', yang mana program ini berteraskan 3 aspek keselamatan untuk mendidik masyarakat agar menggunakan Internet dengan cara selamat dari segi aspek kewaspadaan untuk menggalakkan masyarakat untuk berwaspada semasa berinteraksi di dalam talian dan juga aspek kawal selia kendiri untuk memupuk penggunaan kandungan berangkai secara positif di kalangan masyarakat. Sasaran khusus program seperti ini adalah golongan masyarakat yang paling terdedah dengan jenayah salah laku siber iaitu golongan muda, kanak-kanak, remaja dan belia dan penjaga mereka ibu bapa dan penjaga. Dengan adanya program ini, pembangunan dan peningkatan penggunaan jalur lebar di harap dapat menjana ekonomi negara selain turut dimanfaatkan untuk tujuan kebaikan serta memberi impak positif dalam membekalkan nilai budaya bangsa Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Parit Yaani mengenai kepentingan peneroka FELDA atas nama FELDA Global Venture Holding Berhad. Tujuan FGV disenaraikan pada Jun 2012 adalah menambah nilai peniagaan dan memberi pulangan kepada pemegang saham termasuk FELDA dan juga peneroka secara langsung serta tidak langsung, peneroka merupakan antara individu yang menerima durian runtuh daripada penyenaraian FGV apabila setiap peneroka menerima imbuhan RM15,000.00 berserta tawaran 800 unit saham. Jumlah keseluruhan imbuhan berkenaan bernilai RM1.7 bilion kepada 11,2635 orang peneroka di seluruh negara. Selain daripada imbuhan berkenaan, pegangan ekuiti FELDA secara langsung dalam FGV adalah sebanyak 20%, diikuti FELDA *Asset Holding Company Sdn Bhd* sebanyak 13.66%. Koperasi Permodalan FELDA Berhad juga pemegang saham FGV sebanyak 5.8%. Keseluruhan, FELDA dan peneroka memegang 39.46% dalam FGV sekali gus pemegang saham terbesar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini seramai 94,219 atau 83.6% peneroka masih lagi memegang 800 unit saham FGV setiap seorang dan mereka telah menerima pulangan dividen setiap tahun sejak penyenaraian FGV pada tahun 2012 termasuk daripada pegangan 20% FELDA di dalam FGV. Sehingga kini dividen yang telah diterima oleh golongan peneroka memiliki saham FGV sejak 2012 adalah melebihi RM173 juta, ini tidak termasuk jumlah durian runtuh apabila RM1.7 bilion sempena penyenaraian FGV. Dalam membantu meringankan beban peneroka di atas kejatuhan harga saham FGV, pihak FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka sebanyak 800 unit untuk seorang peneroka, melalui penebusan ini peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50.00 sahaja sebulan untuk tempoh 72 bulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Penawar, Yang Berhormat ADUN Tenang, pelaksanaan sebanyak 20,000 unit perumahan generasi baru FELDA dalam masa 5 tahun bermula pada tahun 2013, sebagaimana yang diumumkan YAB Perdana Menteri. Perumahan generasi baru FELDA ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada generasi peneroka yang layak memiliki rumah yang sesuai dengan kemampuan selain melaksanakan tanggungjawab sosial kepada generasi baru FELDA. Sehingga kini sebanyak 8,570 unit rumah sedang dibina di seluruh rancangan Malaysia, manakala 11,430 unit di dalam rancangan FELDA untuk memberi

kemudahan kepada generasi baru. Perumahan generasi baru FELDA yang sedang dalam pembinaan dan akan dibina merangkumi 12 fasa, sementara fasa, fasa 9 hingga 12 masih dalam proses di mana perumahan generasi baru FELDA di Johor sehingga kini terdapat 2,179 unit, rumah sedang dibina oleh FELDA yang melibatkan beberapa rancangan antaranya ialah rancangan FELDA Papan Timur, 539 unit, FELDA Sungai Sibol, 360 unit, FELDA Inas Utara, 200 unit, FELDA Pasak 200 unit, FELDA Bukit Aping Timur, 200 unit, FELDA Moakil 1 dan 2, 540 unit dan FELDA Pemanis, 140 unit.

Yang Berhormat Dato Speaker, tidak dinafikan bahawa lampu jalan sama ada di jalan-jalan negeri dan jalan-jalan kampung merupakan keperluan yang sering kali diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada sesi yang lepas telah dimaklumkan mengenai kelulusan secara dasar yang mana negeri Johor akan menerima 6,000 unit lampu jalan kampung. Sukacita dimaklumkan, bahawa kontrak pemasangan lampu jalan kampung antara pihak kerajaan bersama TNB adalah untuk selama 15 bulan dari tarikh milik tapak. Ini bermakna pemasangan lampu jalan kampung dijangka dimulakan selewat-lewatnya pertengahan bulan Jun 2015 dan dijangka siap pada selewatnya pada September 2016.

Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang berkaitan keperluan lampu jalan di Jalan Tanjung Labuh ke Pontian iaitu Kawasan Perindustrian Wawasan hingga ke pekan Senggarang dan juga laluan Parit Karjo, Parit Botak dan Parit Hamid. Pihak Jabatan Kerja Raya akan melaksanakan permohonan secara berperingkat terutamanya di simpang-simpang utama dan selekoh yang kerap berlaku kemalangan. Sukacita dimaklumkan juga, di kawasan DUN Senggarang, sebanyak 269 unit lampu jalan kampung telah diperakukan bagi kawasan Minyak Beku dan juga Mukim Kampung Baru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, itulah jawapan yang dapat disampaikan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Moga jawapan yang diberikan dapat meningkatkan keyakinan kita terhadap kerajaan yang sentiasa secara berterusan akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Johor adalah Johor, sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi JKR, teruskan dengan Yang Berhormat Pelancongan, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera, salam 1Malaysia dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu Pulai Sebatang menjunjung kasih di atas titah ucapan Tuanku dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam Sesi Penggulungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Penggal Persidangan Ke-3 Dewan Negeri Johor Yang Ke -13, pada hari yang berbahagia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menerusi rundingan yang dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini, saya mendapati ramai juga Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak kira di sebelah pemerintah ataupun pembangkang yang menzahirkan rasa sokongan terhadap misi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menjadikan Johor *The New Economy Power House* dengan izin, supaya Johor dapat menjadi sebuah kuasa ekonomi yang mampu menggerakkan ekonomi negara kita dan mampu dijadikan contoh kepada negeri-negeri yang lain. Dengan prestasi

pelaburan Johor yang memberangsangkan, khususnya RM166 bilion dicatatkan, bagi suku tahun terkini di Wilayah Iskandar Malaysia.

Johor secara 2 tahun berturut-turut menduduki tangga nombor 1 dalam menarik pelaburan sektor perindustrian dalam negara dan pengurusan kewangan secara efisien. Johor kini telah berjaya meningkatkan rizab tunai kerajaan kepada RM2.3 bilion serta surplus sebanyak RM370 juta pada tahun lepas. Tahniah kepada kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar Johor yang sekali lagi membuktikan bahawa, kerajaan negeri mempunyai 1 hala tuju pembangunan yang jelas dan meyakinkan para pelabur untuk melabur ke negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memuji Ahli-Ahli Dewan yang lepas yang memberikan pandangan yang bernas dan kritikan yang membina sepanjang Dewan ini bersidang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Batu, yang menyatakan bahawa apa yang salah, kita tegur. Apa yang betul, kita puji. Saya ingin berterima kasih kepada Bukit Batu atas penghargaan yang diberikan kepada kerajaan negeri dalam menarik para pelabur ke Taman Perindustrian Sedenak. Johor kini telah cukup syarat dalam meyakinkan pelabur khususnya kedudukan negeri kita strategik, kemudahan infrastruktur dan logistik yang lengkap, kini telah menarik banyak perusahaan antarabangsa yang besar masuk ke Johor.

Saya juga mengalu-alukan, sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana dapat membantu mempromosikan dan menarik masuk pelabur-pelabur yang berpotensi besar seiring dengan hala tuju kerajaan Johor. Walaupun Wilayah Pembangunan Iskandar dibangunkan secara pesat, namun, kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan di luar kawasan Iskandar. Sebagai contoh, pelan pertumbuhan strategik negeri yang diaplikasikan oleh Dato' Menteri Besar kita yang bakal dilancarkan, dapat membangunkan semua daerah Johor secara inklusif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pekan Nanas telah meminta saya memandang serius terhadap projek penambakan di Tanjung Piai yang dikatakan berdekatan dengan Taman Negara Tanjung Piai. Kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan sememangnya, memberikan perhatian terhadap projek ini dan impaknya terhadap alam sekitar dan kegiatan ekonomi di sekitarnya. Sama ada dari segi sektor pelancongan atau pembangunan sektor yang lain. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan projek ini telah melalui proses penilaian EIA dan DEIA yang begitu mendalam. Penilaian projek telah dikehendaki membuat pelbagai perubahan terhadap cadangan mereka termasuk sains tambakan, langkah-langkah integrasi dan keperluan lain-lain. Tempoh masa yang lama untuk memenuhi kehendak-kehendak ini, menunjukkan bahawa kerajaan memberikan perhatian kepada kepentingan alam sekitar dan ekologi kawasan terbabit, dan tidak memberikan ruang kepada pemaju untuk mengelak daripada memenuhi tanggungjawab mereka.

Justeru itu, projek ini telah mendapat kelulusan DEIA dan semestinya ia telah mengambil kira impak terhadap sektor pelancongan di sekitarnya. Kerajaan negeri akan terus mempertahankan Taman Negara Tanjung Piai sebagai destinasi ekopelancongan yang bertaraf antarabangsa. Kerajaan negeri menerusi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Johor telah memohon peruntukan sebanyak RM19.8 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 untuk menaik taraf kemudahan–kemudahan di Taman negara di Tanjung Piai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tenggaroh membangkitkan usaha promosi yang dijalankan untuk Taman Laut Sultan Iskandar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, fungsi Jabatan Pelancongan Johor dalam mempromosikan Taman

Laut Sultan Iskandar, dibuat secara selari dengan usaha Perbadanan Taman Negara Johor dan Jabatan Taman Laut. Dalam usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan, kerajaan negeri memastikan tarikan pelancongan di perairan Mersing dipromosikan dan dikendalikan secara mampan. Saya bersetuju dengan pandangan, bahawa promosi tidak boleh dibuat secara konvensional seperti melalui brosur sahaja.

Maka, Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan agensi lain di peringkat daerah Mersing telah beberapa kali terlibat di dalam mempromosikan pulau-pulau Mersing melalui rancangan-rancangan televisyen. Kini Pulau Sibu, Pulau Besar dan Pulau Rawa telah terkenal sebagai destinasi penggambaran program televisyen bagi stesen-stesen televisyen dari Eropah. Kini sebuah rancangan televisyen Perancis, *survivor* dengan izin, dari ..... yang dibuat di kepulauan Mersing, sedang ditayangkan di Perancis. Selain itu, sebuah stesen televisyen Chento dan Kwangtong, China, masing-masing telah membuat penggambaran di kepulauan kita. Rancangan realiti televisyen popular, *Million Dollar Baby* musim kedua akan ditayangkan pada bulan Julai di Wilayah Selatan China termasuk sebuah stesen televisyen siri tempatan popular di negara kita. Usaha ini akan dapat membantu mempromosikan kepulauan Mersing kepada pelancong dengan lebih berkesan kerana penonton televisyen dapat melihat betapa indah kepulauan kita menerusi rancangan televisyen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada Yang Berhormat Tenggaroh, Yang Berhormat Gambir turut membangkitkan mengenai strategi promosi untuk meningkatkan kunjungan para pelancong ke negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini. Sememangnya, kerajaan negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor telah menambahbaikkan strategi pameran publisiti kita melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan di ekspo-ekspo peringkat domestik dan antarabangsa. Jika dahulunya penyertaan jabatan pelancongan dan pengusaha-pengusaha industri pelancongan adalah secara berasingan, kini, Jabatan Pelancongan telah mengajak semua pengusaha industri pelancongan termasuklah perhotelan, agen pelancongan dan pemilik produk pelancongan yang berpotensi untuk bekerjasama menggunakan strategi *smart partnership* dengan izin melalui pendekatan perkongsian kos serta menaja pakej-pakej pelancongan yang lebih menarik melibatkan semua pengusaha *under one booth dengan izin*. Selain itu, kerajaan negeri telah merancang untuk meneruskan program *Explore Johor* di negeri Sabah pada bulan Julai, seterusnya, di 2 negeri dalam negara dan diikuti dengan 3 negara ASEAN yang mempunyai perkhidmatan penerbangan terus dengan Johor pada tahun ini.

Sudah tentunya, *Explore Johor* ini akan memperluaskan keberkesanan strategi *smart partnership* ini secara lebih meluas malah, untuk kali pertama, kerajaan negeri akan menawarkan insentif kepada mereka yang ingin mengikuti rombongan promosi bersama Jabatan Pelancongan Negeri Johor untuk menggalakkan lebih ramai pengusaha industri pelancongan melibatkan diri secara aktif. Sudah tentunya, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Gambir seperti mengkaji semula mekanisme promosi pelancongan memang senantiasa diusahakan oleh Jabatan Pelancongan. Sebagai contoh, dinamik pelancongan kini sedang dalam proses penambahbaikan dan akan dilancarkan semula selepas ia siap sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Paloh, Yang Berhormat Stulang dan Yang Berhormat Penggaram, ada menyatakan tentang potensi perkampungan Orang Asli di kawasan masing-masing untuk dibangunkan sebagai sebuah tarikan pelancongan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan terus bekerjasama dengan Perbadanan Taman

Negara Johor dalam usaha untuk mempromosikan perkampungan orang asli sedia ada yang berpotensi seperti Kampung Peta dan Kampung Selai yang kini dapat menarik semakin ramai pelancong untuk menjalankan aktiviti riadah dan rekreasi bersama komuniti Orang Asli di sana. Saya juga dimaklumkan pihak *Tourism Malaysia* Johor juga bekerjasama dengan Perbadanan Taman Negara Johor dan Kereta api Tanah Melayu Berhad untuk mempromosikan perkampungan Orang Asli, melalui program pembangunan pakej pelancongan 3P iaitu Program Pelancongan Pelajar. Pihak kerajaan negeri sememangnya mengalu-alukan sebarang cadangan dan pelan untuk membangunkan sektor ekopelancongan bagi komuniti orang asli yang berpotensi besar, perkampungan orang asli tertentu yang bersedia seharusnya mempunyai rancangan pembangunan pelancongan untuk menerima kunjungan para pelancong. Bagi mendalami pengalaman yang unik mereka. Dengan ini masyarakat orang asli dapat menerima impak positif daripada sektor pelancongan sekiranya aktiviti-aktiviti pelancongan menggunakan khidmat Orang Asli yang lebih mengenali alam sekitar di tempat tinggal mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Johor Jaya dan Yang Berhormat Penggaram seterusnya ingin mengetahui status produk pelancongan yang telah terbiar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa sesi soal jawab yang lepas, saya telah menyatakan bahawa kerajaan negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan membantu mempromosikan tarikan pelancongan yang berpotensi besar untuk menarik pelancong, khususnya produk-produk yang tertera dalam Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 hingga 2023. Produk pelancongan yang dibangkitkan merupakan sebuah produk milikan persendirian. Kerajaan negeri tiada sebarang hak untuk menguruskan atau mengambil alih pengurusan produk tersebut. Industri pelancongan di Johor merupakan sebuah pasaran bebas dan mana-mana produk pelancongan berkualiti, cukup syarat dan mempunyai daya saing akan dipromosikan secara giat oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor, *Tourism Malaysia* Johor dan agensi kerajaan yang lain.

Justeru itu, pelabur-pelabur produk pelancongan swasta perlu sentiasa memastikan tahap kualiti produknya mampu dijaga dengan baik supaya berkualiti dan mampu menarik kunjungan pelancong. Selain itu, promosi ke atas produk-produk pelancongan tertentu turut mengambil kira faktor sasaran pelancong kita sama ada pelancong domestik atau pelancong antarabangsa. Sebagai contoh, Yang Berhormat Johor Jaya mempersoalkan produk-produk seperti *Legoland, Angry Bird, Hello Kitty* dengan izin, sering disebut oleh saya di mana-mana tempat, kerana produk-produk ini selain menepati kluster pembangunan pelancongan *family fund* dengan izin di daerah Johor Bahru, ia juga merupakan tarikan-tarikan yang hanya terdapat di Johor sahaja berbanding dengan negara-negara serantau ini. Maka, ia mempunyai nilai promosi untuk menarik pelancong khususnya pelancong antarabangsa, seiring dengan hasrat untuk menjadikan Johor destinasi pelancongan bernilai tinggi menjelang tahun 2023. Di samping itu saya juga telah menunaikan janji saya kepada yang Berhormat Johor Jaya dengan....

YB Timbalan Speaker : YB tak bagi tiket *free?*

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Saya bagi tiket *Legoland* pada hari Rabu yang lepas. Semoga Yang Berhormat Johor Jaya berkesempatan..(Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : YB bagi YB Johor Jaya sahaja? Yang lain tak bagi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Kita utamakan kepada yang belum ada pasangan. Saya berharap Johor Jaya

meluangkan masa untuk berkunjung ke produk pelancongan yang bertaraf antarabangsa ini.

YB Timbalan Speaker : Seorang sahaja kah ?

YB Pengerusi Jawaqtankuasa Pelancongan, Perdagangan dan kepenggunaan : Bersama-samalah Yang Berhormat, membantu mempromosikan produk pelancongan ikonik ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin beralih ke isu kepenggunaan pula sememangnya isu-isu GST telah hebat dibahaskan oleh ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang beberapa hari perbahasan ini.

Saya ingin menasihatkan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya di sebelah sana, kita tidak boleh bercakap apa-apa sahaja yang kita suka. Kita kena berhujah berasaskan fakta dan angka yang betul dan rasional berdasarkan sumber yang boleh dipercayai. Bagaimanapun saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Kukup, Yang Berhormat Semarang dan Yang Berhormat Pasir Raja kerana telah menerangkan dan membahaskan akan kebaikan dan manfaat pelaksanaan sistem percukaian GST baru ini. Kaedah penerangan Yang Berhormat-Yang Berhormat cukup jelas dan terperinci kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perlaksanaan sistem percukaian GST ini merupakan salah satu rangka dalam program transformasi ekonomi negara kita untuk membantu negara kita mencapai status negara maju di masa hadapan. Negara kita merupakan negara ke 160 buah negara bagi melaksanakan GST ini. Selain negara Myanmar, kesemua negara ASEAN telah pun melaksanakan sistem ini. Ia merupakan transformasi sistem percukaian negara ke arah lebih telus, cekap dan berkesan berbanding sistem SST.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPDNKK di bawah portfolio saya telah dipertanggungjawabkan bagi menangani aktiviti mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah semasa pelaksanaan GST menerusi tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Bagi erti kata lain, KPDNKK menjalankan penguatkuasaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas peniaga yang mengambil kesempatan melakukan aktiviti pencatutan pada barangan jualan bersempena dengan pelaksanaan GST ini.

Saya ingin menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perubahan harga barangan haruslah sentiasa dilihat dari sudut *profit margin* dengan izin barangan jualan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, harga dan caj sesuatu barang dan perkhidmatan di pengaruhi oleh pelbagai faktor. Penetapan harga barang dan perkhidmatan akan di pengaruhi oleh kos pengeluaran seperti harga input pengeluaran, harga sewaan, kos tenaga kerja, kos pengiklanan, cukai dan lain-lain. Selain itu, strategi peniagaan, kadar permintaan dan penawaran barangan di pasaran atau *supply and demand* dengan izin, perubahan iklim dan bencana alam serta perubahan kadar tukaran mata wang asing akan mempengaruhi perubahan harga barangan juga.

Penetapan harga barangan ini turut di pengaruhi oleh terma-terma perjanjian jangka panjang dengan pembekal di luar negara. Justeru itu, cukai merupakan hanya salah satu kos komponen harga barang dan perkhidmatan. Sehubungan itu, apabila GST di laksanakan, telah berlaku perubahan harga terhadap barang dan

perkhidmatan. Ini di sebabkan pihak industri kita masih dalam proses penyesuaian dengan sistem baru ini. Sebagai contoh, sumber dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia stok lama yang telah di kenakan SST 5% atau 10% boleh di keluarkan terlebih dahulu di bawah *special sale tax refund* dengan izin, sebelum dikenakan GST sebanyak 6%.

Biar saya terangkan dengan lebih terperinci kepada Dewan yang mulia ini. Terdapat satu kemurahan iaitu, *special sale tax refund* dengan izin yang membolehkan pengilang-pengilang dan peniaga-peniaga menuntut balik cukai jualan yang telah dibayar untuk stok lama, stok sebelum GST tetapi kebanyakan pengilang-pengilang dan peniaga-peniaga keadaan satu, ialah belum memohon kemudahan ini kerana tarikh permohonan belum tutup. Keadaan yang kedua, tidak memohon kerana kos oleh tol untuk menentukan jumlah stok menyebabkan peniaga kecil dan sederhana kurang minat atau rasa mahal. Maka, stok lama yang telah dibayar cukai jualan 5% atau 10% yang sepatutnya menuntut balik cukai jualan tidak dituntut dan terus ditambahkan dengan GST 6%. Sebab itulah kita mendapati sesetengah barangan yang sepatutnya harganya turun tetapi tidak turun. Namun begitu, usaha-usaha sedang dan telah dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengimbangi harga dan caj barang dan perkhidmatan di pasaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara langkah-langkah penguatkuasaan atau tindakan kerajaan menerusi KPDNKK adalah pertamanya, KPDNKK Johor telah menjalankan pemeriksaan di premis perniagaan dan perkhidmatan secara berterusan setiap hari termasuk cuti. Meliputi semua kawasan bandar dan luar bandar. Pemeriksaan telah di laksanakan melalui pendekatan strategi lautan biru iaitu bekerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, ADUN dan Penghulu-Penghulu mulai 1 April hingga 15 Mei 2015, sebanyak 119,332 pemeriksaan premis telah di lakukan di seluruh negeri Johor. Hasilnya, 87 kes telah diambil tindakan melibatkan nilai rampasan RM112,748.00 dan nilai kompaun sebanyak RM11,450.00 telah dikutip. Sebanyak 127 notis Seksyen 21 telah di keluarkan kepada peniaga yang di dapati tidak mematuhi akta tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, pada hari Khamis yang lepas, 1 syarikat telah di dakwa di bawah Mahkamah Seksyen 3 Johor Bahru kerana gagal mematuhi Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011.

Kedua, *data based* harga yang di kumpulkan oleh pegawai pemantau harga yang melibatkan 10,000 jenis barangan dan perkhidmatan bagi 1 Parlimen. Sebelum pelaksanaan GST, bagi mengesan trend harga barangan dan perkhidmatan, panduan harga untuk 500 jenis barangan telah pun diterbitkan menerusi buku panduan harga pengguna yang dilancarkan Januari tahun ini membantu pengguna membuat perbandingan harga barangan keperluan asas sebelum dan selepas pelaksanaan GST. Panduan harga ini, juga boleh di capai di laman sesawang e-book.kpdnkk.gov.my.

Ketiga, KPDNKK dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan telah merangka dan melaksanakan program *envorkasi* meliputi golongan masyarakat peniaga pemimpin setempat dan NGO. Sebanyak 173 program *envorkasi* telah di laksanakan dari tahun 2014 sehingga Mac 2015. KPDNKK juga melancar untuk memperluaskan program *envorkasi* ini kepada semua jabatan dan agensi kerajaan.

Keempat, kerajaan melalui KPDNKK memperkenalkan dan menyediakan aplikasi elektronik seperti sistem e-Aduan, e-Cek adu, mykira GST dan talian *hotline* termasuk

pusat gerakan anti pencatutan untuk orang awam membuat pertanyaan dan aduan.

Sebagai kerajaan yang prihatin, KPDNKK juga mengambil tindakan yang proaktif tetapi tradisional dengan menepatkan peti-peti aduan di kompleks-kompleks penghulu dan pasar-pasar awam serta pusat aduan bergerak di negeri Johor bagi membantu orang ramai menyalurkan aduan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya golongan peniaga dan pengguna kita memerlukan suatu tempoh masa menyesuaikan diri mereka terhadap pelaksanaan GST ini, seperti di negara-negara yang lain. Saya tidak menafikan sememangnya wujud sesetengah peniaga yang mengambil kesempatan pelaksanaan GST ini untuk menaikkan harga barangan mereka secara melampau dan seperti tadi saya sudah menerangkan KPDNKK akan mengambil tindakan tegas dari semasa ke semasa. Saya juga tidak menafikan bahawa beban kerja pelaksanaan GST bagi pegawai kerajaan, peniaga yang berdaftar GST serta pengguna kita ini telah meningkat perbandingan era SST sebelum ini.

Walau bagaimanapun, rakyat kita khususnya para pengguna kita telah mula belajar bagaimana untuk menjadi seorang pengguna bijak atau *smart consumer* dengan izin, melalui pelaksanaan GST ini, kerajaan telah dapat meneruskan hasil kutipan cukai ini dengan lebih efisien. Para peniaga dapat meneruskan kewangan peniagaan mereka lebih sistematik pengguna kita juga akan lebih cerdik kewangan. Kini, mereka lebih mahir ketika menjalankan urusan jual beli minta resit, semak resit, simpan resit, sebagai rujukan, lebih pandai membuat perbandingan harga lebih faham akan sistem percukaian negara dan sebagainya telah secara tidak langsung mentransformasikan golongan pengguna kita menjadi golongan yang bijak dan tidak mudah ditipu oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu bawa portfolio saya dalam sesi perbahasan mereka di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih. Kita teruskan perbahasan, sila Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Hujung tanah berbunga siantan, jadi wangian semangat warisan, junjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, memberi semangat meneruskan wawasan.

Terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan atas junjungan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi mesyuarat pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan dan juga pandangan serta teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Negeri Johor.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat nak jawab panjang lagi kan? Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan kita ke jam 9:30 pagi, 18 Mei 2015.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETUJUH	ISNIN, 18 MEI 2015	BIL. 8 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN., SSAP., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Marsan bin Kassim, DMIJ., SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Bismillahirahmanirrahim. (Berselawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, tibalah kita ke hari penghabisan pada hari ini, Persidangan kita yang telah pun dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 7 Mei 2015 yang lalu.

Sebagai Speaker saya amat berbangga, berpuas hati dan mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana sepanjang Persidangan ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menunjukkan kesungguhan sebagai Wakil Rakyat yang mewakili kawasan masing-masing, yang menghadiri Persidangan ini, pada setiap hari persidangan kita dan komitmen yang ditunjukkan semasa persidangan ini amat tinggi. Dan, ini amat membanggakan dan sebagai rakyat yang diwakili oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, tugas yang telah dilakukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ini tentulah memberikan pengertian yang besar kepada pengundi-pengundi. Kerana antara aktiviti yang terpenting sebagai Ahli Yang Berhormat ialah menghadiri Persidangan-persidangan Dewan, kerana di sinilah bukan sahaja tempat kita menggubal undang-undang, meluluskan undang-undang atau meluluskan peruntukan-peruntukan untuk perbelanjaan rakyat dan negeri. Juga di sini Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat menyuarakan pandangan-pandangan, pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh rakyat di tempat masing-masing.

Dan, kita bersyukur di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Khalid Nordin, Menteri Besar kita dan barisan EXCOnya. Mereka ialah pemimpin-pemimpin yang sentiasa ingin mendengar pandangan-pandangan, pendapat-pendapat, cadangan-cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk tindakan mereka. Dan, saya amat berbesar hati di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ini kerajaan sentiasa ingin memenuhi segala kehendak rakyat dan itu sebabnya Johor sentiasa melangkah ke depan atas kehendak rakyat yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Berhormat dan tindakan bijaksana oleh kepimpinan negeri dibantu oleh barisan EXCO, kita menjadi salah sebuah negeri yang termaju dalam negara ini. Jadi, sumbangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Persidangan ini amat besar ertinya, dalam kita menentukan kehidupan rakyat bagi negeri.

Dan, saya berharap kita akan sentiasa memandang ke depan, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ini. Bahawa negeri kita ini akan berubah ke tempat yang lebih maju dari masa ke semasa. Jadi, tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menjayakan Persidangan dan memberikan komitmen yang tinggi sebagai tugas Ahli Yang Berhormat.

Saya juga nak melahirkan rasa penghargaan dan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada ketua-ketua Jabatan baik peringkat negeri mahupun peringkat persekutuan yang sentiasa mengikuti Persidangan ini. Dan, sudah barang tentu ikutan mereka dalam Persidangan akan memberikan sebaik-baik pulangan kepada jabatan masing-masing, dalam membantu kerajaan menjayakan kehendak yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk tanggung jawab jabatan atau Kementerian masing-masing. Sebab itu kehadiran seluruh ketua-ketua jabatan baik peringkat negeri mahupun peringkat persekutuan, amat-amat

dihargai. Dan, ini adalah satu gabungan yang memungkinkan kerajaan kita dapat berjalan dengan baik dan berkesan. Jadi, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan baik peringkat negeri mahupun peringkat persekutuan, yang memberi sebesar-besar sumbangan dalam menjayakan Persidangan ini dan seterusnya membawa berbagai-bagai kebaikan kepada kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin sebagai Menteri Besar. Kerjasama ini mudah-mudahan akan dapat kita teruskan dari satu masa ke satu masa. Terima kasih.

Jurutulis : SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Semarang jemput.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan 1. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyedari tentang pentingnya institusi masjid dan surau negeri Johor ini, bukan sahaja kerana bilangannya yang banyak. Soalan saya nombor 1 sila jawab. (Dewan ketawa).

Berapa ramaikah bilangan Imam yang berdaftar dalam negeri Johor dan berapa ramaikah yang berumur di bawah 45 tahun?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalammualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih...

YB Speaker : Semangat tinggi tu Semarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tan Sri Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Semarang. Ingatkan Yang Berhormat Datuk tadi nak jawab. Sebelum soalan, soalan tambahan ya. Soalan daripada Yang Berhormat Semarang, berapa ramaikah bilangan Imam yang berdaftar dalam negeri Johor dan berapa ramaikah yang berumur di bawah 45 tahun?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker bilangan Imam yang berdaftar dan mempunyai tauliah Imam di negeri Johor ialah seramai 1,795 orang yang bertugas di 761 buah masjid. Daripada jumlah tersebut, jumlah Imam yang berumur di bawah umur 45 tahun ialah seramai 147 orang. Calon Imam dipilih atau dicadangkan oleh Ahli Jawatankuasa Masjid berkenaan seterusnya dimajukan kepada Pejabat Kadi daerah bagi tujuan penilaian di antara kriteria dan kelayakan Imam ialah hendaklah ia berwarga negara Malaysia, berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, bermahzab Al-Syafie, seterusnya mempunyai kelulusan agama, memahami hukum-hukum fikah dan boleh membaca al-Quran dengan baik.

Bagi menyelia dan memberikan maklumat-maklumat terkini, semua Imam-Imam dikehendaki menghadiri kelas-kelas Imam yang diadakan di setiap daerah di mana kelas ini juga diwujudkan bertujuan menilai dan memperbaiki mutu bacaan Imam yang telah dilantik. Jumlah Imam dan juga jumlah masjid dan juga Imam semasa dan umur di bawah 45 tahun daerah Johor Bahru, masjid kariah 94 buah, jumlah Imam semasa 167 orang, di bawah 45 tahun seramai 31 orang. Di Muar, jumlah masjid 82 buah, jumlah Imam semasa 200, Imam di bawah umur 45 tahun seramai 17 orang manakala di Batu Pahat, jumlah masjid kariah ialah 181 buah, jumlah Imam semasa 469 dan jumlah Imam di bawah 45 tahun ialah seramai 27 orang. Di Segamat jumlah masjid kariah 63 buah, jumlah Imam semasa ialah 138 manakala Imam yang di bawah 45 tahun ialah seramai 7 orang. Di daerah Kluang jumlah masjid 63 buah, jumlah Imam 150, Imam di bawah 45 tahun 18 orang. Manakala di

Pontian jumlah masjid 89 buah, jumlah Iman 204 manakala Imam di bawah 45 tahun seramai 6 orang. Kota Tinggi 73 buah masjid kariah, jumlah Imam semasa 185 manakala Imam di bawah 45 tahun seramai 16 orang. Mersing jumlah masjid kariah 33 buah, Imam semasa 73, 9 orang adalah Imam di bawah 45 tahun manakala bagi daerah Ledang jumlah masjid 59 buah, Imam semasa 140 orang dan Imam di bawah 45 tahun seramai 10 orang dan Kulaijaya ada 24 buah masjid kariah, Imam semasa seramai 69 orang dan Imam di bawah umur 45 tahun ialah seramai 6 orang. Jumlah keseluruhan dari segi peratusan jumlah Imam seramai 1,765 orang, di 761 masjid. Jumlah peratusan jumlah Imam yang di bawah umur 45 tahun 147 orang iaitu 8.189%. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Semarang jemput.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mencari tentang peri pentingnya institusi masjid dan surau dalam negeri Johor dan Malaysia keseluruhannya, bukan sahaja kerana bilangannya namun peranannya dalam masyarakat. Saya ingin mengetahui adakah kerajaan negeri Johor punya rancangan untuk melihat kepada pemberian ilmu dan menggalakkan Imam-Imam muda khususnya yang di bawah umur 45 tahun di masa yang akan datang? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih kepada Yang Berhormat Semarang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor pihak Jabatan Agama Islam Negeri Islam khususnya iaitu di bawah pengurusan masjid dan surau negeri Johor melihat keperluan tentang kewujudan Imam-Imam yang kita sedia maklum kalau kita lihat daripada segi peratusannya tadi, jumlah Imam-Imam yang berumur 45 tahun ini adalah 8.189% di mana bilangannya terlalu sedikit. Maka, kita mengambil langkah iaitu mengambil Imam-Imam yang lepasan daripada tahfiz-tahfiz yang dikelolakan oleh kerajaan dan juga mengambil Imam-Imam tahfiz yang keluaran daripada tahfiz swasta.

Di mana Imam-Imam ini kebanyakan dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan mereka ini telah ditempatkan, diambil oleh masjid-masjid yang mempunyai kewangan yang agak kukuh untuk mereka memberikan pembayaran elaun Imam kepada mereka yang diambil daripada kalangan Imam-Imam yang muda yang lepasan daripada tahfiz. Selain daripada itu juga, kita juga mewujudkan satu program yang khusus untuk melatih Imam-Imam yang dilihat mempunyai keupayaan untuk menarik jemaah yang terutamanya dari segi Imam-Imam yang hafiz al-Quran yang kita bawa dan kita tempatkan mereka ini di masjid-masjid yang kita lihat mempunyai potensi ataupun jemaah yang ramai supaya mereka dilihat kehadiran mereka, kewujudan mereka di dalam masyarakat mampu menarik ramai jemaah untuk hadir mendirikan solat jemaah atau khususnya biasanya Imam-Imam program imam terawih, kita juga banyak mengambil Imam-Imam di mana keseluruhan pembayaran Imam-Imam ini adalah dibiayai oleh pihak masjid itu sendiri dan juga daripada sumbangan daripada masyarakat setempat. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta penjelasan status pelancongan kesihatan di negeri Johor. Jika ada kelemahan apakah sebab yang menghalang lonjakan pencapaian pelancongan kesihatan di negeri Johor.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelancongan kesihatan di negeri Johor sedang mengalami perubahan positif yang sangat ketara ini, kerana lebih ramai pelawat dan pengunjung bagi pelancongan kesihatan semakin meningkat terutamanya dari negara jiran seperti Indonesia dan Singapura. Inisiatif juga telah dilaksanakan dan dibentuk untuk mempromosikan negeri Johor sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mempunyai dan membawakan perkhidmatan pelancongan kesihatan dan hospitaliti yang terbaik dengan menjemput pemilik-pemilik produk pelancongan kesihatan yang unggul di negeri Johor bersama-sama ke program pengenalan produk di dalam dan luar negeri.

Oleh kerana kedudukan negeri Johor yang berdekatan dengan Singapura, kebanyakan pengguna, kemurahan kesihatan swasta dari luar negara adalah dari Singapura. Kerajaan Singapura juga telah membenarkan pengguna Wang Simpanan Pekerja dan insurans pekerja untuk digunakan bagi khidmat kesihatan di hospital-hospital tertentu di Malaysia, termasuk di negeri Johor. Selain daripada itu, strategi lain seperti program menemukan pemilik-pemilik produk pelancongan kesihatan dengan penggiat-penggiat industri pelancongan dalam sesi yang dipanggil Penjual Bertemu Pembeli diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan pemilik produk pelancongan kesihatan mengetahui hala tuju dan strategi bersama agensi-agensi yang boleh diwujudkan. Kerjasama dan juga peluang untuk meluaskan jalinan hubungan perniagaan, pemilik-pemilik produk di dalam menarik lebih ramai pelawat yang menumpukan fokus dan perhatian kepada pelancongan kesihatan.

YB Speaker : Jemput, Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Cuma, industri pelancongan kesihatan antara cabang berpotensi untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia seperti sektor lainlah dan salah satu kejayaan kecemerlangan industri pelancongan kesihatan adalah kerana kerajaan Barisan Nasional melalui perancangan menyediakan infrastruktur yang cukup.

Soalan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan pertumbuhan pada tahun 2012 terhadap industri ini 16% dan dijangka melebihi ada setengahnya pada paras 20%, contohnya, pada tahun 2003, orang yang datang ke Malaysia ini 23 juta, 1 juta pergi kepada pelancongan kesihatan. Cuma, kita nak tahu Yang Berhormat EXCO Kesihatan, kenapa mereka datang? Kebanyakannya datang daripada Indonesia itu, sebab apa faktor? Mereka datang...

YB Speaker : EXCO Pelancongan.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : EXCO Pelancongan, minta maaf (Dewan ketawa). Daripada Indonesia, daripada Singapura, apa faktor yang mendorong mereka datang ke Johor? Itu satu soalan, tentu ada faktornya. Kedua, dalam pengetahuan EXCO Pelancongan, pelancongan kesihatan tradisional Yang Berhormat, ini juga ramai orang datang, saya pernah pergi satu tempat, dia,

rawatan jantung ini, pembedahan jantung dia tak payah pakai bedah. Orang daripada Indonesia, maknanya bukan perkara yang peliklah, beratur, saya pun beratur menunggu, dia bedah jantung tapi tak payah buka jantung.

YB Speaker : YB pun pernah jantung juga?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak, tak belum lagi, setakat ini ok lagi Yang Berhormat, jantung, *pump* dia bagus lagi.

YB Speaker : Mudah-mudahan selamat.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tapi tabib ini, ini bangsa kaum Tionghoa, sambil dia berubat itu, dia periksa kita sini, dia tahu semua sakit dan kita pernah bandingkan dengan laporan doktor, memang sama tapi yang peliknya sambil dia periksa kita, dia dengar lagu Hindustan, lagu sanggam, lagu chaltae. Jadi, saya pun hairan, apa kaitan lagu itu dengan sakit manusia.

YB Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jadi, ada tak dalam pengetahuan EXCO Kesihatan ini, Pelancongan, eh! apa pasal kesihatan eh? (Dewan ketawa). EXCO Pelancongan ini, bagaimana jumlah yang datang untuk pelancongan kesihatan tradisional? Itu soalan saya Yang Berhormat, terima kasih.

YB Speaker : Ok, jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih kepada ADUN Rengit. Memang kerajaan Barisan Nasional satu kerajaan yang bertanggungjawab membangunkan segala pertumbuhan ekonomi negara kita, khususnya kepada pelancongan kesihatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik daripada Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), negara Indonesia merupakan penyumbang utama kepada industri pelancongan kesihatan iaitu sebanyak 66.1%, diikuti dengan negara Singapura iaitu menyumbang sebanyak 7.5%. Peratusan yang tinggi dari negara Indonesia adalah disebabkan oleh faktor geografi yang berdekatan antara satu sama lain serta kemudahan perhubungan yang kerap antara Johor dengan Indonesia.

Beberapa bandar besar Indonesia mempunyai perkhidmatan penerbangan terus dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan mempunyai sebanyak 11 jeti yang menghubungkan kedua-dua wilayah dengan perhubungan air. Selain itu, faktor bahasa dan budaya yang hampir sama merupakan faktor penting untuk menarik pelancong kesihatan Indonesia ke Johor. Bahasa pengantara seperti Melayu Nusantara, budaya dan makanan Melayu yang halal, mudah didapati di Johor.

Di samping itu, kini terdapat 10 buah institusi perubatan atau hospital di Johor yang menawarkan perkhidmatan pelancongan kesihatan yang berkualiti tinggi, menjadikan Johor sebuah negeri yang cukup syarat dan berpotensi besar untuk menerokai pasaran ini. Sudah tentunya, kos kesihatan di Johor juga adalah lebih rendah berbanding dengan Singapura, maka Johor telah dijadikan pilihan utama pelancong kesihatan Indonesia tapi dari segi yang *Malaysian China*, saya tiada segala maklumat di sini tapi untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kalau jadi ahli

politik janganlah kelam kabut, janganlah sengaja buat fitnah dan marah, kena hati jiwa kan tenang dan tak akan timbul sakit jantung, terima kasih.

YB Speaker : Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, berapakah jumlah orang pelancongan kesihatan yang mendapat perkhidmatan perubatan di Johor bagi tahun 2012, 2013 dan 2014? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tenggaroh.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik daripada Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia, jumlah pelancong kesihatan ke negeri Johor meningkat secara signifikan. Pada tahun 2012, jumlah pelancongan perubatan adalah sebanyak 27,500 orang. Meningkat kepada 31,000 orang pada tahun 2013 dan seterusnya meningkat kepada 33,700 orang pada tahun 2014. Kesemua jumlah ini adalah rekod pesakit sahaja tidak termasuk penjaga atau keluarga pesakit dan pelawat luar. Maka, kem peningkatan ini menunjukkan industri pelancongan kesihatan merupakan suatu pasaran berpotensi besar di negeri Johor. Pasaran pelancongan baru ini dapat membantu melancarkan industri pelancongan kita seterusnya membawa impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Di negara luar, apabila musim panas, mereka mengadakan *summer camp* untuk anak-anak di bawah 12 tahun, adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan program yang sama bagi anak-anak mengisi musim cuti sekolah dengan pengisian rohani dan jasmani daripada menghabiskan masa di rumah dengan gajet-gajet elektronik dan aktiviti sosial yang tidak berfaedah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di negara-negara Eropah khususnya, *summer camp* ini biasanya dalam bentuk *team building,* dengan izin, tapi di kebanyakan negara di rantau Asia*, summer camp* ini, biasanya dalam bentuk program-program akademik dan juga motivasi. Pada masa ini, kerajaan negeri tidak ada program yang berbentuk *summer camp* khusus untuk anak-anak di bawah 12 tahun. Namun, Yayasan Pelajaran Johor, ada memperkenalkan program yang disebut Program Seribu Bintang hasil kerjasama antara Yayasan Pelajaran Johor, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, yang mana program ini diadakan selama 3 hari 2 malam yang dijalankan pada musim cuti sekolah. Tetapi sasaran program ini adalah untuk sekolah-sekolah yang kurang murid di semua daerah di negeri Johor.

Program ini melibatkan tiga kategori iaitu untuk pelajar-pelajar cemerlang, sederhana dan lemah yang mana pengisian ini berbentuk motivasi dan kerohanian,

teknik menjawab soalan dan pembelajaran secara berkumpulan. Sehingga tahun 2014, sasaran Yayasan Pelajaran Johor adalah seramai 1,000 orang setiap tahun dan untuk, biasanya program ini diadakan dalam bulan September sebelum peperiksaan UPSR dimulakan.

YB Speaker : Sungai Abong, jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memang soalan tadi dan jawapannya saya dah boleh agaklah, itu jawapannya. Oleh kerana Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita selalu menyebut masalah integrasi kaum, perpaduan bangsa Johor dan masalah sistem pendidikan sekolah kita yang berasingan antara pelajar berbilang kaum, tidak ada integrasi kaum antara pelajar-pelajar sesama kita. Jadi, oleh kerana saya nampak seperti di negara-negara, contoh Iraq, saya belajar dulu, bila ada cuti sekolah yang panjang, maka pelajar-pelajar ini dikumpulkan dalam satu masa yang panjang, buat kerja-kerja sosial, berintegrasi sesama mereka, jadi, menampakkan satu natijah yang baik, jadi, peluang kita ada. Selalu kita menyalahkan sistem sekolah kita, jadi, saya nampak inilah peluang, masa yang kita ada untuk kita memupuk integrasi di antara pelajar-pelajar, Melayu, India, Cina, masa cuti sekolah ini, kita kumpulkan mereka dalam satu program-program yang berbentuk *summer camp* lebih kepada untuk integrasi pelajar-pelajar ini.

Jadi, adakah kerajaan negeri Johor bercadang untuk menjalankan program seumpama ini, khusus untuk negeri Johor? Saya memang fahamlah untuk Malaysia tak ada program seperti ini, untuk negeri Johor oleh kerana *summer camp* ini satu program yang sangat popular di kalangan kitalah. Sehinggakan mak bapa kita terpaksa mengeluarkan hingga belanja dua, tiga ratus hingga RM500.00 untuk program *summer camp* yang dianjurkan oleh pihak-pihak swasta. Jadi, saya rasa inilah peluang terbaik, jadi, saya minta adakah kerajaan negeri Johor membuat satu, mengorak langkah untuk program-program seperti ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada masa ini, di peringkat Yayasan Pelajaran Johor, memang ada program *summer camp* tapi dia menjurus kepada pelajar-pelajar universiti yang dapat pinjaman daripada YPJ itu sendiri. Di peringkat bawah 12 tahun, di sekolah rendah, kita belum ada tapi dalam masa yang sama di peringkat Jabatan Pendidikan memang banyak program-program yang berbentuk integrasi ini yang diadakan itu mengikut ko-kurikulum yang diadakan di peringkat sekolah. Tetapi program khusus cuti sekolah untuk mengumpulkan ini buat masa ini belum ada tapi mungkin kita boleh timbangkan cadangan ini untuk di masa-masa akan datang untuk kita perluaskan lagi program *Summer Camp* yang kita laksanakan di peringkat pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi. Yang mana pengisiannya kepada soal-soal yang berkaitan dengan mengenali negeri Johor, motivasi pembelajaran, integrasi kaum dan juga soalan-soalan yang berkaitan dengan kepimpinan.

YB Speaker : Yang Berhormat Nusajaya.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Adakah pihak kerajaan negeri Johor memberi perhatian yang serius terhadap papan tanda rumah kedai, banting dan sebagainya yang menggunakan bahasa

Cina, Inggeris dan lain-lain bahasa secara meluas tidak mengikut spesifikasi papan tanda yang sebenar menggunakan bahasa Malaysia.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk menjawab ADUN Nusajaya ini, untuk makluman semua papan tanda rumah kedai, banting dan sebagainya perlu dirujuk kepada Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk pengesahan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Permohonan yang tidak menggunakan bahasa Malaysia akan ditolak. Pihak MPJBT menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas pemasangan papan iklan dan banting yang tidak mengikut spesifikasi dan dalam proses untuk meminta semua peniaga di premis perniagaan yang memasang papan iklan besar untuk menukar saiz kepada saiz yang dibenarkan iaitu tidak lebih daripada 20 kaki x 4 kaki selewat-lewatnya dalam sebelum 31 Disember 2015.

YB Speaker : Yang Berhormat Nusajaya.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang sewajarnya atau tindakan yang tegas yang telah diambil atau perlu diambil di masa-masa akan datang oleh Pihak Berkuasa Tempatan supaya isu papan tanda tidak ikut spesifikasi ini tidak berulang. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih soalan tambahan daripada ADUN Nusajaya. Kita telah memberi notis sehingga 31 Disember 2015, di mana papan tanda bersaiz adalah seperti saya sebut tadi 20 kaki x 4 kaki. Dan kita pun telah menghantar notis kepada semua peniaga-peniaga yang memasang papan iklan dan bagi mereka-mereka yang masih gagal lagi untuk menurunkan papan iklan ini selepas tempoh yang kita wartakan, kita akan menurunkan papan-papan iklan tersebut.

YB Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya berkenaan kes ini, kalau kita lihat Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga telah menyarankan agar diberi pantauan khusus kepada papan-papan tanda ini. Jadi kita dengar memang peraturan ini dah lama wujud. Kita tahu juga tindakan dah ada, jadi cuma Dewan yang mulia ini, saya ingin tanya, sejauh mana seriusnya masalah ini berlaku dalam negeri Johor. Jadi nak tahu serius tak serius ini kita perlukan statistik. Jadi saya perlu statistik daripada EXCO yang terbabit, berapa banyak perlanggaran syarat ini yang berlaku dalam negeri kita dan berapa ramai pula yang telah dikenakan kompaun ataupun telah diarahkan ataupun diturunkan papan tanda dek kesalahan yang telah mereka lakukan, terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih soalan daripada YB Kukup. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita memang memahami bahawa banyak perlanggaran-perlanggaran syarat dan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku memang kita menjunjung kasih di mana banyak perkara-perkara yang kita dapati telah melanggar syarat berdasarkan peraturan, daripada yang di garis panduan JPBD. Walaupun kita ada undang-akta undang kecil di bawah PBT yang selari dengan pihak JPBD. Dan ada tindakan-tindakan

yang kita telah buat, saya tidak dapat nak bagi statistik secara penuh mungkin saya akan serah secara bertulis.

YB Speaker : Yang Berhormat boleh jawab secara bertulis.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Secara bertulis kepada YB Kukup. Cuma yang kita sedia maklum bahawa tindakan akan terus kita lakukan berdasarkan untuk kita menyelaras balik seperti yang kita tetapkan berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh JPBD dan kita juga sedang menjadi, cuba Bahagian SUK Kerajaan Tempatan, kita sedang peringkat untuk menjadikan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai *One Stop Centre* untuk kita menyelaras di antara pihak permohonan Pejabat Tanah dengan JKR supaya apa pun permohonan itu dapat kita selaraskan berdasarkan mereka-mereka yang melanggar peraturan, boleh kita *blacklist.* Jadi dengan kaedah ini kita dapat mengawal kerana kita tahu ada permohonan terus kepada pihak JKR untuk bahu-bahu jalan dan mereka-mereka ini kadang-kadang memasang tanpa kebenaran kita. Akhirnya memohon rayuan, jadi ini yang bermasalah pada peringkat kita dan penyelarasan yang kita akan buat supaya PBT menjadi satu *One Stop Centre* untuk kita pastikan pelanggar syarat ini dapat kita kurangkan.

YB Speaker : Yang Berhormat boleh Semerah, jemput.

YB Tuan Haji Ismail bin Roslan (Semerah) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Terima Permintaan terhadap anak benih kelapa Mataq oleh petani amat tinggi buat masa ini, walau bagaimanapun dimaklumkan amat sukar untuk mendapatkannya. Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan dari Semerah mengenai permintaan terhadap anak benih kelapa Mataq oleh petani amat tinggi buat masa ini, walau bagaimanapun dimaklumkan amat sukar untuk mendapatkannya. Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menambahkan bilangan pengeluaran kelapa Mataq ialah :

1. Jabatan Pertanian telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) pembekalan anak benih Mataq pada tahun 2013 untuk tempoh lima (5) tahun dengan 2 Syarikat iaitu Syarikat United Plantation Berhad dan National Land Finance Cooperation Society Limited. Namun kedua-dua syarikat tidak mampu membekalkan anak benih yang diperlukan bagi tempoh 2014 hingga 2015 kerana cuaca kering yang berpanjangan pada awal tahun 2014 telah memberi kesan jangka panjang terhadap pertumbuhan induk dan anak benih Mataq itu sendiri.

2. Jabatan Pertanian telah menambah satu lagi pusat pengeluaran anak benih kelapa Mataq di Pusat Pertanian Lekir, Perak yang ditanam pada tahun 2009 dengan keluasan 20 hektar dan tahun 2012, 70 hektar. Anak benih Mataq telah mula di edar kepada pusat, projek pertanian mulai tahun 2015 dan akan mencapai pengeluaran yang optimum pada tahun 2017.

3. Kita juga telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pertanian Negeri Sabah untuk membawa masuk benih kelapa Mataq. Cadangannya sebanyak 8,000 biji untuk disemai di pusat pengeluaran benih Jabatan Pertanian Negeri Pahang pada November 2015.

4. Kita juga ada melaksanakan jualan terus kepada pelanggan yang ingin membeli tetapi jumlah yang dijual adalah sedikit dan terhad iaitu bergantung kepada pengeluaran anak benih semasa. Stok sedia ada di Jabatan Pertanian adalah untuk projek pertanian yang berdaftar di Pejabat Pertanian Daerah di seluruh Semenanjung Malaysia.

5. Kita juga telah melaksanakan kerja-kerja pendebungaan secara kontrak melalui syarikat ataupun koperasi yang mempunyai kepakaran. Bagi merancakkan lagi pengeluaran benih ini Pusat Pertanian Jorak Pagoh telah mencipta alat *buffer* bagi memudahkan dan mempercepatkan proses kerja pendebungaan tanpa perlu menggunakan tangga. Manakala antara cadangan langkah yang akan diambil untuk menambahkan bilangan pengeluaran kelapa Mataq pula ialah :

   i. Bagi menambah bilangan tenaga pakar, latihan intensif kepada Pembantu Awam iaitu H11 yang berada di pusat pengeluaran benih di Jabatan Pertanian boleh dilaksanakan.

   ii. Mengubahsuai tenaga, mengubahsuai tangga sedia ada kepada tangga yang lebih ringan, fleksibel dan mempunyai kemudahan simpanan, menyangkut peralatan dan debunga. Ini boleh menjimatkan masa pekerja dan secara tidak langsung mencepatkan proses pendebungaan. Tangga digunakan semasa mengambil mayang jika pokok induk jantan terlalu tinggi, semasa membuang bunga jantan pada pokok induk betina dan semasa pendebungaan dilakukan.

   iii. Cadangan mengadakan kemudahan simpanan debunga serta penyelidikan berkaitan dengan tenaga, dengan teknologi berkaitan dengan suhu dan bahan yang boleh mengekalkan tahap kesuburan debunga Tagnanan bagi tempoh masa yang panjang.

YB Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh pihak EXCO. Mendengar kepada jawapan ini patutlah, patutlah kelapa Mataq menjadi kegilaan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa dan boleh dikata..

YB Speaker : Apa keistimewaan kelapa Mataq ini?.

YB Tuan Haji Ismail bin Roslan (Semerah) : Ya?.

YB Speaker : Apa dia punya kelainan dengan kelapa biasa?.

YB Tuan Haji Ismail bin Roslan (Semerah) : Ha, itulah mungkin dia kelainan hasilnyalah. Jadi boleh dikatakan di kawasan saya itu, petani, ada seorang petani di Parit Siber ini, setiap kali jumpa dia mesti tanya. Yang Berhormat dah dapat tak kelapa Mataq. Boleh rekomen tak Yang Berhormat, bila dapat kelapa Mataq?. Jadi saya, soalan tambahan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada tak jenis lain kelapa ini yang *standing* hasilnya atau sama waktu dengannya yang boleh kita

perkenalkan kepada petani ini supaya dia tak tanya lagi Mataq tapi dia tanya kelapa lain. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kelapa Mataq ini memang ada keistimewaanlah antaranya airnya dan juga dia memberi hasil yang banyak. Kalau dalam setandan itu, kelapa yang biasa mungkin kita dapat lima biji, dia mungkin lebih daripada itu sepuluh biji. Dan juga mengeluarkan santan yang lebih kerana isi dia tebal. Kerana itu petani itu.

YB Speaker : Air dia itu. Apa pula bezanya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ya?.

YB Speaker : Air kelapa ni apa pula bezanya?.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Airnya lebih banyak.

YB Speaker : Ada khasiat tertentu?.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Khasiatnya lebih enak lagilah. Cumanya atas dasar dia member pengeluaran yang lebih daripada kelapa yang biasa, jadi kita melihat kelapa Mataq ini cukup mendapat permintaan. Cumanya berbeza dengan kelapa lain. Kelapa Mataq ini apabila sudah tua, gugur, dia tidak boleh jadi benih berbeza dengan pokok-pokok yang lain, jadi kita telah ambil, Jabatan Pertanian Negeri Johor telah ambil inisiatif bahawa kita melihat ada satu jenis lagi kelapa yang sesuai iaitu kelapa Tancungan daripada Sabah. Kelapa ini terutamanya hasilnya lebih kurang macam kelapa Mataq juga dan apabila, dia pun boleh jadikan benih apabila dah matang, gugur dan boleh jadikan benih dan memberi hasil yang lebih kurang sama dengan Mataq. Ini, kita dalam proses menyemai benih di Pusat Pertanian Kong Kong, Pasir Gudang. Kita dah dapatkan benih daripada Sabah dan kita telah semai. Insya-Allah ini adalah satu cara lagi untuk kita membantu petani-petani kita yang ingin mengusahakan kelapa.

YB Speaker : Yang Berhormat Johor Jaya jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Nyatakan status perkembangan bagi projek menaik taraf Lebuh raya Pasir Gudang dari 4 lorong ke 6 lorong?.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Johor Jaya bertanyakan status perkembangan bagi projek menaik taraf Lebuh raya Johor Bahru - Pasir Gudang daripada empat lorong kepada enam lorong.

Projek Naik taraf Lebuh raya Johor Bahru - Pasir Gudang, FT017 dari empat lorong kepada enam lorong adalah merupakan projek yang dalam pembinaan di mana kemajuan fizikal adalah 70% berbanding 80% mengikut jadual. Kontrak menaik taraf Lebuh raya Johor Bahru - Pasir Gudang, pemilikan tapak telah bermula pada 10 Julai 2012 dan mengikut kontrak asal ianya patut siap pada 15 Januari 2015. Pihak kontraktor telah diberi dua lanjutan masa dan pada waktu ini tarikh siap kontrak ialah pada 30 September 2015. Antara punca-punca kelewatan bagi projek menaik

taraf Lebuh raya Johor Bahru - Pasir Gudang ini adalah antaranya kelewatan di pihak kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja pengalihan utiliti seperti paip air. Bagi kerja-kerja menjalan, bagi menjalankan kerja-kerja cerucuk termasuk kerja-kerja *pile embedment,* dengan izin. Kontraktor juga menghadapi masalah dari segi menyiapkan kerja-kerja substruktur jambatan-jambatan yang terdapat di sepanjang jajaran Lebuh raya Pasir Gudang - Johor Bahru ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cabaran yang dihadapi oleh kontraktor dalam menyiapkan kerja-kerja ini adalah berhadapan dengan jumlah trafik yang terlalu tinggi yang melalui Lebuh raya Johor Bahru – Kota Tinggi, Johor Bahru – Pasir Gudang, maaf saya, di mana mengikut kajian jumlah kenderaan yang melalui jalan Pasir Gudang di kawasan pembinaan adalah lebih kurang 35,330 kenderaan selama 16 jam sehari. Jadi, ini adalah merupakan cabaran yang memerlukan pihak kontraktor hadapi dan langkah-langkah yang sewajarnya telah pun diambil untuk memastikan supaya pihak kontraktor akan dapat menyiapkan kontrak pada 30 September 2015, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Johor Jaya.

YB Cik Liow Chai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti dalam ucapan perbahasan Usul Junjung Kasih saya langkah-langkah keselamatan projek menaik taraf ini adalah amat penting dan amat merisaukan pengguna jalan. Antara masalah lubang yang terutama adalah masalah di persimpangan Jambatan Taman Daya. Inilah yang paling serius dan persimpangan ini adalah dalam projek menaik taraf ini. Walaupun pihak kerajaan telah memberi peruntukan untuk sebanyak RM11 juta sebagai penyelenggaraan pada tahun lepas tetapi masalah ini masih belum diselesaikan. Apakah perancangan pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini dan apakah dendaan kepada kontraktor pada masa kini kerana disebabkan kelewatan projek ini.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sekiranya pihak kontraktor gagal untuk menyiapkan kontrak mengikut tarikh yang ditetapkan termasuk lanjutan masa yang diberikan, pihak kontraktor akan dikenakan *liquidated and ascertain damages* (LAD) dengan jumlah sebanyak RM26,805.00 sehari. Itu sudah mencukupi untuk memastikan bahawa kerja-kerja boleh disiapkan oleh pihak ketiga sekiranya pihak kontraktor yang pertama ini gagal untuk menyiapkan kerja tersebut.

Sepertimana yang telah Yang Berhormat Johor Jaya maklumkan bahawa lubang-lubang jalan yang rosak telah menimbulkan keselamatan kepada pengguna, pihak Jabatan Kerja Raya telah pun mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dengan mendapat persetujuan daripada kontraktor utama bagi membolehkan pihak JKR melantik kontraktor pihak ketiga untuk melaksanakan kerja-kerja menampal lubang sekiranya kontraktor lewat melaksanakan kerja dan segala kos itu akan di caj kepada pihak kontraktor asal. Maka itu kerja-kerja menampal yang dilaksanakan selama ini adalah kerja-kerja sementara sahaja. Kerja-kerja pembaikan kekal akan dilaksanakan apabila lorong ketiga siap dan boleh digunakan oleh kenderaan dan setelah kerja-kerja penyambungan paip-paip yang sedia ada siap dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerja yang dilaksanakan di Lebuh raya Johor Bahru – Pasir Gudang ini adalah kerja pelebaran iaitu daripada empat lorong kepada enam lorong. Maka kerja-kerja tidak boleh dibuat di luar waktu kerja

biasa atau di luar waktu kesesakan. Kontraktor tiada pilihan untuk selain daripada melaksanakan kerja-kerja ini dalam keadaan kesesakan kenderaan atau lalu lintas yang ada. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Lebuh raya Pasir Gudang ini dah lewat agak jangka masa yang agak panjang jugalah. Dulu kita pernah bangkitkan dan kita menerima jawapan bahawa akan siap dalam tempoh tertentu tapi daripada jawapan EXCO tadi dah dua kali lanjutan masa ataupun EOT. Jadi, kalau ikut *progress* kerja yang disebut tadi bahawa ia masih lagi di belakang jadual maknanya kalau ikut *schedule* 80%, tapi kerja-kerja sebenar 70%. Jadi, memandangkan 30 September ini tinggal beberapa bulan, saya nak tahulah sama ada pihak kerajaan yakin ke tidak boleh siap 30 September ini, kerana apa kita nanti ditanya oleh penduduk, oleh masyarakat bila siap, kita cakap 30 September. Macam dulu kita jawablah. Jadi, sama ada boleh ke tidak dengan 30% lagi apa tu, kerja-kerja berbaki boleh siap ke tidak 30 September ikut jangkaannya dan adakah isu-isu besar lagi yang belum selesai dalam kes pembinaan ni supaya ianya boleh siap ikut masa yang ditetapkan.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tiram. Langkah yang perlu diambil oleh pihak Jabatan Kerja Raya ialah supaya menambah bilangan aktiviti di tapak. Mengambil langkah supaya SO, *Superintendant Officer* iaitu JKR akan menghubungi subkontraktor-subkontraktor yang dilantik oleh kontraktor utama dengan tujuan untuk memastikan bahawa jadual kerja yang telah ditetapkan untuk menyiapkan kerja ini adalah dalam pengetahuan daripada semua pihak yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan lebuh raya yang tersebut. Itu merupakan langkah yang perlu dilalui terlebih dahulu sebelum kita melihat kepada sama ada boleh atau tidak disiapkan pada 30 September pada tahun ini. Ha, yang lebih penting ialah perancangan untuk menyiapkan kerja-kerja pada 30 September. Dan, dengan ini pihak Jabatan Kerja Raya berpuas hati bahawa jaminan yang diberi oleh pihak kontraktor berdasarkan kepada jumlah aktiviti yang dijalankan di tapak lebuh raya ini boleh disiapkan insya-Allah pada 30 September 2015.

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Setakat ini apakah projek pengairan dan saliran telah dijalankan menurut kos projek dan tahap kesiapan projek berasaskan anggaran perbelanjaan pembangunan tahun 2015 sejumlah RM31.52 juta diperuntukkan untuk projek pengairan dan saliran di negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor di dalam bajet 2015 telah mendapat peruntukan perbelanjaan tahunan sebanyak RM31.52 juta. Peruntukan pembangunan ini melibatkan 14 tajuk projek atau program yang melibatkan 91 jenis projek. Prestasi sehingga 30 Mac 2015, suku tahun pertama tahun ini bagi semua projek-projek pembangunan Pengairan dan Saliran yang telah diluluskan

oleh Pegawai Kewangan Negeri Johor bagi tahun 2015 secara puratanya telah mencapai 15.9% yang melibatkan 30 projek.

YB Speaker : Jemput, Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Saya mendapati bahawa banyak *monsoon drain*, dengan izinnya, di bawah penyelenggaraan JPS tidak diperbaiki atau di dapat tahu bahawa keruntuhan perlu diperbaiki dengan segera. Ada kawasan, macam kawasan saya ada sesetengah tempat di mana keruntuhan *monsoon drain* terdapat lebih dari setahun belum dapat lagi peruntukan untuk diperbaiki. Apakah cara kaedah pemantauan yang dilakukan oleh JPS berkenaan mendapati keruntuhan khasnya *monsoon drain* di bawah penyelenggaraan JPS dan juga langkah-langkah untuk cuba memperbaiki dengan secepat mungkin. Apa cara yang digunakan oleh JPS?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan terima kasih di atas soalan tambahan daripada ADUN Skudai. Sebenarnya kita bukan sahaja mendapatkan peruntukan ini daripada kerajaan negeri dan kita juga sedang memohon peruntukan-peruntukan daripada kerajaan pusat. Dan, kita menyedari bahawa banyak bukan sahaja di kawasan Skudai tetapi di kawasan-kawasan lain juga banyak berlaku kes-kes seperti yang dibangkitkan. Masalah kita adalah berkaitan tentang kekangan kewangan dan kita akan cuba yang terbaik untuk meletakkan keutamaan bagi sesuatu projek yang melibatkan kesejahteraan rakyat.

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 8.

Surau Parit Karim 2 Air Hitam telah mendapat peruntukan projek meroboh dan membangun surau tersebut. Bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan daripada Bukit Naning ini telah pun saya jawab dalam sesi penggulungan semalam. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Kempas, jemput.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 9.

Apakah pelan tindakan kerajaan dan PBT untuk menangani isu pendatang asing yang membanjiri dan memonopoli aktiviti perniagaan di merata-rata pelosok bandar, di pasar tani, di pasar malam mahupun siang, di pasar karat dan sebagainya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab soalan Kempas ini, saya akan berikan contoh Pihak Berkuasa Tempatan untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru. Di mana Majlis Bandaraya Johor Bahru melalui Program Bandar Selamat telah mempergiatkan operasi bersama Jabatan Imigresen bagi membendung lambakan warga asing yang

masuk atau bekerja tanpa izin. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah tindakan sitaan tanpa amaran menggunakan UUK 4; Penjaja tanpa lesen, telah dilaksanakan kepada penjaja warga asing yang kebanyakannya mereka bekerja dengan warga tempatan. Barang sitaan juga tidak boleh dituntut oleh penjaja warga asing. Selain itu pihak Majlis juga telah menetapkan sasaran pencapaian KPI yang perlu dicapai oleh rondaan berkala yang perlu dilakukan pada setiap hari bagi memantau dan mengenal pasti penjaja warga asing yang berniaga di sekitar kawasan seliaan MBJB.

Pihak MBJB juga mempunyai medium aduan yang diselia oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam melalui kaunter, telefon, *whatsapp*, sms, *facebook* dan sebagainya. Pihak MBJB juga sedang dalam perlaksanaan penambahbaikan supaya di dalam undang-undang kecil dan syarat permohonan lesen mewajibkan orang yang bertanggungjawab berkaitan perniagaan adalah seorang warganegara Malaysia.

Sesuatu penjaja warga asing yang disita pada bulan Januari hingga Disember 2012 ada 133 kes, Januari hingga April 2013; 18 kes, Januari hingga Disember 2014; 55 kes, Januari hingga April 2015; 37 kes.

YB Speaker : Jemput, Kempas.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya, apakah tindakan atau denda ataupun hukuman yang lebih efektif yang boleh dikenakan terhadap pekerja-pekerja atau pendatang asing yang meniaga ini dan juga terhadap apa ni, mereka-mereka orang tempatan yang dialibabakan. Umpamanya sekarang ini banyak yang bila pergi dia kata sama ada dia bekerja dengan orang tempatan ataupun dia guna nama orang, apa, lesen itu atas nama orang tempatan. Jadi, apakah tindakan diambil terhadap orang tempatan yang memberi, yang apa ni, memberi mereka berniaga di situ atas sifat berpura-pura macam ini.

Sebab saya beritahu di sini Tan Sri Pengerusi, Tan Sri Speaker, mereka ini kadang-kadang orang pendatang ini datang dah sampai dah tahap lupa diri. Dia berlagak macam warganegara. Saya ada pengalaman, apa, secara *personal* saya ada pengalaman. Dia datang bukan nak minta ihsan PBT ataupun dia meleter pula kat saya. Minta tolong, bukan minta tolong dia menuntut saya membuat sesuatu. Tiba-tiba saya meminta cek kad pengenalan, sebab biasa saya *check* dulu mana dia mengundi, kalau dia mengundi, boleh. Tiba-tiba dia tengok, PR ataupun warganegara. Ini dia lupa diri yang dia bukan warganegara. Dia tuntut pula Wakil Rakyat untuk nak berbuat sesuatu. Jadi, ni saya nak tanya Tan Sri Speaker, apakah hukuman yang boleh, yang lebih efektif. Ni bukannya kita nak pergi datang buat apa ni *raid*, lepas tu habis gitu aje. Bayar denda, esok dia ada lagi. Apakah hukuman yang lebih ataupun tindakan yang lebih efektif yang kita boleh dapat kesudahan yang baik. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memang dalam syarat lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kita tidak akan membenarkan sebarang warga asing untuk memohon dan ada tetapi ada strategi yang pihak warga asing ini kadang-kadang dia berkahwin dengan orang tempatan, jadi isterinya orang tempatan.

Ini bermasalah bagi kita dan satu lagi kita juga bekerjasama dengan pihak Imigresen dan kita mengenakan perundangan di bawah pihak Imigresen mana-mana didapati tempat-tempat yang warga asing ini terlibat dari segi perniagaan

yang kita tahu tidak kita benarkan di kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kelulusan lesen itu ia kita lakukan dalam bentuk pengusiran. Dan, kita tahu dalam undang-undang pihak Imigresen ni, cap jari sepuluh, jadi dia akan tak boleh masuk balik, Ini yang kita lakukan. Tapi yang bermasalah sekarang ialah mereka yang menggunakan lesen orang tempatan dan maknanya dia sebagai pekerja. Tetapi berdasarkan semakan kita, kalau kita dapati ianya contohnya permit adalah perladangan, tetapi digunakan, itu ada tindakan dikenakan. Tapi ada juga yang kita lihat permit yang saya pernah buat bersama sekali dengan Pihak Berkuasa Tempatan, permitnya sebagai pekerja. Jadi kita tak dapat kenal pasti sama ada dia adalah *owner* kerana dia sebagai pekerja. Jadi tak ada bukti yang itu. Jadi, sekarang ini sebagai EXCO Kerajaan Tempatan kita menasihatkan masyarakat ni supaya kesedaran yang baik pada masyarakat. Lesen yang kita dah bagi ni janganlah sampai satu peringkat boleh menyusahkan orang lain. Akhirnya kesempatan ini digunakan oleh warga asing ini untuk berniaga sedangkan peluang yang kita berikan adalah untuk kita pastikan masyarakat tempatan itu terlibat dalam perniagaan bukan mengalibabakan perniagaan tersebut.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Kempas kerana tindakan bersepadu kita akan buat, supaya perkara ini kita elakkan bahkan kita suka kalau menerima maklum balas daripada Wakil-Wakil Rakyat untuk kita risik, sebagai Wakil Rakyat kadang-kadang kita dapat maklumat yang boleh membantu Pihak Berkuasa Tempatan untuk kita mendapat maklumat yang tepat. Sekurang-kurangnya kita tahu ada *transaction*, bil ke apa ke untuk kita menggunakan kuasa tersebut, untuk kita lakukan tindakan undang-undang.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat dikemukakan dan dijawab pada hari ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan itu disambung sekarang. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dijemput menyambung jawapan semalam.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker memberi peluang menyambung kembali penggulungan perbahasan pada pagi ini. Segak bergaya Tan Sri Speaker, sentiasa riang bila bersua, hati gembira bertambah suka, diberi peluang di hari kedua.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Penawar dan Yang Berhormat ADUN Semarang membangkitkan mengenai sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu tentang kewujudan, peranan, pengurusan dan bantuan geran.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Penawar dan Semarang, pasukan Sukarelawan Kebajikan Negeri Johor telah ditubuhkan semenjak tahun 2006, yang bermatlamat untuk menggalakkan masyarakat agar sentiasa peka dan komited terhadap kerja-kerja kebajikan masyarakat. Menggembleng seluruh tenaga ahli di semua peringkat dalam usaha menangani gejala sosial yang berlaku. Memupuk semangat kecintaan terhadap budaya tolong menolong, bantu membantu sesama ahli dalam menghadapi masalah yang dihadapi masyarakat dari masa ke semasa. Dan, mengisi masa lapang anggota masyarakat dengan aktiviti-aktiviti kebajikan masyarakat yang bermanfaat serta dapat mencegah gejala sosial yang negatif.

Pasukan sukarelawan kebajikan berperanan untuk bergerak sebagai satu mekanisme penyampaian perkhidmatan yang berkesan serta berkualiti bagi menangani pelbagai masalah sosial di peringkat akar umbi. Bertindak sebagai satu pasukan simpanan khususnya dalam kerja-kerja kebajikan yang tersusun dan digembleng bagi menangani masalah sosial di segenap peringkat. Bergerak sebagai pasukan yang berdisiplin dalam menjalani kerja-kerja sosial yang menjuruskan perkhidmatan berasaskan kumpulan sasar seperti warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya, orang miskin, anak yatim, ibu tunggal, remaja dan komuniti setempat. Dan bertindak sebagai jentera pengumpulan maklumat dan sokongan tenaga kerja dalam membantu agensi kerajaan yang relevan dalam usaha penyediaan program-program yang berteraskan kepada pencegahan, pembangunan dan pemulihan kumpulan sasar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keahlian bagi menjadi sukarelawan JKM adalah terbuka kepada semua ahli masyarakat yang berminat dengan kerja-kerja kebajikan. Sukarelawan akan diberi latihan dan kursus serta dihantar untuk mengikuti seminar sama ada di peringkat daerah, negeri dan juga kebangsaan. Khasnya kepada mereka yang telah berdaftar sebagai sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut bidang kumpulan sasar yang diminati. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memperluaskan dan menerapkan sifat kesukarelawan dalam komuniti yang lebih luas.

Peruntukan kewangan hanya disediakan kepada jenis program yang memerlukan komitmen sukarelawan secara berkala dan berterusan dan telah ditentukan oleh pihak jabatan seperti elaun atau sagu hati sukarelawan kepada mereka yang terlibat dalam Program *Home Health Service*s yakni khidmat bantu di rumah. Program khidmat bantu di rumah ini *k*husus melibatkan sukarelawan yang telah terlatih dan telah menghadiri kursus bagi mengendalikan kes-kes berkaitan dengan perkhidmatan warga emas dan OKU di rumah. Sehingga kini seramai 112 sukarelawan kebajikan telah dilantik di bawah program khidmat bantu di rumah, dengan memberi bantuan kepada 448 warga emas dan OKU yang juga dinamakan sebagai *client.* Setiap sukarelawan perlu menjaga 4 *client* dengan melakukan aktiviti sukarelawan. Sekurang-kurang 4 jam seminggu bagi memastikan mereka boleh menuntut elaun yang ditetapkan iaitu RM50.00 bagi sekali dalam masa seminggu dan tempoh 4 jam dan perlu dilakukan sebanyak 4 kali sebulan untuk mereka mendapat elaun sebulan RM200.00.

Sehingga Mac 2015, bilangan ahli sukarelawan yang telah mendaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor adalah seramai 736 orang seperti mana berikut mengikut daerah. Johor Baru, 125 orang; Batu Pahat, 176; Muar, 158; Segamat, 51; Kluang, 38; Pontian, 57; Kota Tinggi, 44; Mersing, 30; Kulaijaya, 31 dan Ledang, 26.

Jabatan Kebajikan Masyarakat menghargai bantuan yang diberikan oleh sukarelawan dengan memberi pengiktirafan kepada mereka. Dan antara

pengiktirafan yang diberikan kepada sukarelawan adalah Pengiktirafan Khas Sukarelawan JKM, Sukarelawan Terbaik, Tokoh Sukarelawan dan Ikon Sukarelawan.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk memupuk masyarakat penyayang, kerajaan negeri Johor sentiasa menggalakkan penyertaan dan penglibatan masyarakat bagi memberikan perkhidmatan kepada golongan berkeperluan dan yang kurang bernasib baik. Melalui pertubuhan sukarela kebajikan, perkhidmatan kebajikan menjadi tanggung jawab bersama di antara kerajaan dan juga masyarakat. Sehubungan itu kerajaan negeri Johor telah menyediakan dana sebanyak RM1.2 juta setiap tahun, bagi 50 pertubuhan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor yang melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan. Antara pertubuhan NGOs di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor yang menerima geran pertubuhan adalah Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor yang mana turut mempunyai 25 NGOs gabungan yang akan turut bersama-sama melaksanakan aktiviti kesukarelawan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Skudai membangkitkan mengenai perancangan pembinaan TASKA dan TADIKA di kawasan perumahan akan memudahkan kaum wanita untuk menyertai pasaran pekerjaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan amat menggalakkan peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita dalam sektor pekerjaan sama ada swasta atau kerajaan. Bagi memastikan usaha tersebut berhasil, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menawarkan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak bagi ibu bapa bekerja yang berkelayakan sebanyak RM250.00 kadar maksimum, sekiranya menepati syarat-syarat yang dinyatakan.

Mengikut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, sehingga Disember 2014, sebanyak 56 TASKA telah menerima manfaat ini yang melibatkan seramai 341 orang kanak-kanak. Terdapat kriteria-kriteria utama yang menjadi asas pertimbangan pemberian subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA. Bagi kanak-kanak ia hendaklah berumur bawah 4 tahun, mendapat asuhan dan didikan awal di TASKA institusi dan TASKA di rumah yang berdaftar dengan JKM. Dan, bagi ibu bapa atau penjaga ianya mestilah warga negara Malaysia, pendapatan per kapita ibu bapa penjaga adalah RM900.00 sebulan dan ke bawah. Dan, bagi TASKA dan pengusaha, pengusaha adalah warga negara Malaysia, TASKA berdaftar dengan JKM dan kategori TASKA institusi dan TASKA di rumah sahaja. Dan, mempunyai akaun semasa yang aktif atas nama TASKA bagi TASKA institusi dan akaun simpanan atas nama pengusaha bagi TASKA di rumah. Kadar subsidi yuran pengasuhan yang saya nyatakan sebanyak RM250.00 sebulan bagi seorang kanak-kanak dan subsidi ini diberi mengikut kadar yuran sebenar yang dibayar oleh ibu bapa atau penjaga bagi seorang kanak-kanak di TASKA. Tapi tidak melebihi nilai maksimum yang telah ditetapkan.

Pemberian subsidi yuran pengasuhan kepada kanak-kanak OKU yang berdaftar dengan JKM pula, adalah mengikut kadar subsidi yuran pengasuhan yang ditetapkan bagi kanak-kanak OKU tanpa mengira kategori ketidakupayaan. Dan, jika nilai subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak kurang daripada kadar yuran sebenar yang dikenakan, maka lebihan perbezaan yuran tersebut adalah di bawah tanggungan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan. Dan, subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak adalah dibayar secara gus ataupun *one-off* bagi tempoh pengasuhan kanak-kanak dari bulan Januari hingga Disember, 12 bulan dalam tahun semasa. Dan, kerajaan berharap dengan adanya subsidi ataupun bantuan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak ini akan menggalakkan

wanita kembali ke alam pekerjaan dan mengurangkan kadar pemberhentian wanita di sektor pekerjaan yang sedia ada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ADUN Buloh Kasap telah membangkitkan mengenai elaun yang diberikan kepada petugas dan juga penyelia di PDK yang sukar diterima akal dengan beban kerja dan keadaan ekonomi sekarang. Dan mereka juga tidak diberi pengkhususan seperti perkhidmatan di TADIKA ataupun di pra-sekolah yang diberi pendidikan khusus, pendidikan awal kanak-kanak. Dan, Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap juga meminta supaya kerajaan negeri memberikan perhatian khusus di atas perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap serta Dewan ini, sebenarnya di dalam penubuhan PDK adalah untuk kita meningkatkan kualiti hidup OKU. Kita mendekatkan perkhidmatan pemulihan dan intervensi awal untuk OKU di peringkat komuniti tempatan. Memastikan penyertaan penuh dan integrasi OKU dalam keluarga dan komuniti. Mengurangkan penempatan jangka panjang di institusi pemulihan yang menyebabkan OKU disisihkan dari keluarga dalam komuniti dan ianya berteraskan kepada *community based*. Pengendalian PDK adalah tanggung jawab jawatankuasa PDK di mana ia dilaksanakan secara *multi sectoral collaboration* yakni di antara OKU, keluarga, komuniti, agensi kerajaan dan juga swasta. Dan, ahli jawatankuasa nanti terdiri komuniti setempat ataupun masyarakat yang aktif di dalam kerja-kerja kesukarelaan. PDK di laksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga dan komuniti setempat dan hendaklah sentiasa bekerjasama dengan JKM dalam memberikan perkhidmatan pemulihan kepada OKU.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan PDK tidak akan terlaksana sekiranya tiada mempunyai tenaga penggerak iaitu Penyelia dan petugas-petugas PDK. Peranan dan tanggung jawab penyelia dan petugas adalah keutamaan di dalam merancang jadual aktiviti pemulihan, pembelajaran dan kegiatan pelatih PDK.

Selain daripada menggerakkan segala program-program di PDK. Dan, di antara tugas penyelia PDK ianya adalah bertanggung jawab kepada jawatankuasa PDK serta menjalankan tugas seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa berkaitan dengan pengurusan PDK. Membuat kerja pentadbiran, penyediaan laporan serta mengadakan perbincangan dengan petugas PDK mengenai lain-lain pentadbiran dan persediaan mengajar.

Manakala bagi petugas PDK pula antaranya mengendalikan Program Pemulihan OKU mengikut modul latihan PDK. Memastikan program ataupun aktiviti dikendalikan dengan teratur dan baik. Mengadakan lawatan ke rumah OKU dan memberi maklumat khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan dengan perkhidmatan OKU kepada ibu bapa dan juga komuniti. Selain daripada itu, penyelia dan petugas PDK juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti dan program di PDK seperti program Intervensi Awal, Program Pemulihan, Program OKU Berdikari, Pra Vokasional dan juga vokasional, Khusus Pembangunan Kapasiti Jawatankuasa PDK, Program Kesedaran Perkhidmatan Penglibatan Keluarga OKU, Latihan Ibu Bapa, Komuniti Petugas dan Penyelia dan beberapa lagi program yang lain, termasuk juga kesenian dan kebudayaan serta aktiviti-aktiviti khusus ketahanan diri dan motivasi serta kursus kemahiran kepada ibu bapa. Nisbah petugas PDK dengan pelatih. Nisbah petugas OKU di Pusat PDK. Satu orang petugas PDK bertanggungjawab kepada lima orang pelatih. Tapi bagi di negeri Johor di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, satu orang petugas diberikan seramai tiga orang pelatih kerana yang mempunyai OKU dalam *hiperaktif* dan sebagainya.

Dan, nisbah petugas OKU di rumah satu orang petugas bagi sepuluh orang pelatih. Dan, sekiranya terdapat lebih daripada sepuluh OKU yang tidak pernah hadir ke Pusat PDK, Jawatankuasa PDK boleh melantik seorang petugas PDK untuk menjalankan aktiviti pemulihan di rumah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri Johor sentiasa menghargai dan mengambil perhatian akan kebajikan semua penyelia dan petugas PDK di seluruh negeri Johor. Dan, dengan keprihatinan inilah kerajaan negeri Johor telah mengambil inisiatif menambah bayaran elaun penyelia dan petugas PDK sebanyak RM200.00 seorang yang menjadikan penyelia PDK kini menerima elaun sebanyak RM1,400.00 manakala petugas menerima RM1,000.00 setiap bulan. Dan untuk tujuan ini, kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai kerajaan yang mementingkan suara hati rakyat telah memperuntukkan sebanyak RM1,034,400.00 bagi tujuan pembayaran tambahan elaun kepada 431 orang penyelia dan petugas PDK di seluruh negeri Johor mulai tahun 2015.

Walaupun kerajaan persekutuan mensasarkan gaji minimum diberikan melebihi RM900.00 oleh semua majikan namun kerajaan negeri Johor yang amat prihatin turut memastikan bahawa elaun penyelia dan petugas PDK turut melebihi nilai tersebut. Kerajaan negeri Johor juga telah mengambil pendekatan memberi bonus atau imbuhan tahunan kepada semua penyelia dan petugas PDK sebanyak RM500.00 seorang berdasarkan pengumuman bonus atau imbuhan oleh kerajaan persekutuan dan telah melaksanakan semenjak tahun 2008 lagi. Bonus atau imbuhan ini ditampung sepenuhnya oleh kerajaan negeri Johor. Dan, pemberian ini adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada semua penyelia dan petugas PDK yang sentiasa komited mengajar pelatih PDK berdikari dan ketabahan dan kesabaran mereka yang amat dititikberatkan dalam aktiviti seharian.

Bagi memastikan penyelia dan petugas PDK yang berkemahiran dalam menguruskan pelatih-pelatih PDK, mereka turut diberikan kursus jam menghadiri bengkel-bengkel bagi menambah ilmu dan kepakaran mereka dalam melatih serta mengendalikan pelatih OKU. Dan untuk tahun ini, pada 22 hingga 29 April 2015 yang lalu, seramai 69 penyelia dan petugas PDK telah menghadiri Kursus Peningkatan Tahap Kemahiran PDK anjuran Semai Bakti Malaysia. Dan terdapat juga bengkel yang akan dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk memberikan Sijil Kemahiran Tahap 1 kepada penyelia dan petugas yang layak.

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor turut memberi pengiktirafan kepada petugas-petugas PDK di seluruh negeri Johor dengan mengadakan sambutan Hari OKU Peringkat Negeri Johor pada setiap tahun. Antara anugerah diberikan khas kepada petugas PDK adalah Anugerah Petugas PDK Cemerlang dan Anugerah PDK Cemerlang. Dan, bagi menyediakan tempat kerja yang kondusif dan selesa kerajaan negeri Johor juga telah memberikan peruntukan bagi pembinaan bangunan PDK baru sebanyak RM200,000.00 dan juga pembelian peralatan DPDK sebanyak RM50,000.00 bermula pada tahun 2007 dan sehingga tahun 2014 sebanyak 28 buah PDK telah dibina menggunakan model yang sama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker akhirnya, semasa Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor pada 7 Mei 2015 yang lalu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor telah bertitah supaya semua rakyat hendaklah bersatu padu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan negeri Johor

terus maju membangun sehingga menjadi contoh dan disegani oleh negeri-negeri lain. Dan dengan semangat satu bangsa Johor, kita mesti bersatu hati dalam membina sebuah kehidupan yang aman, sejahtera masa kini dan untuk generasi anak cucu yang akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, negeri Johor adalah negeri yang aman makmur dengan pelbagai kaum. Keadaan ini dapat dikekalkan kerana berlakunya toleransi antara kaum utama terbesar di negeri kita iaitu Melayu, Cina dan India. Persefahaman yang telah berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana ia akan menjejaskan serta merosakkan semangat persefahaman yang telah terjalin sekian lama.

Penerapan mengenai hubungan etnik dan integrasi nasional hendaklah dilakukan di peringkat awal lagi iaitu ketika di usia kanak-kanak dan remaja. Dan, ini lebih mudah dilakukan kerana pada peringkat ini mereka mudah dididik dan diasuh untuk hidup harmoni di antara satu sama lain. Dan, pada peringkat ini juga mereka masih lagi tidak didedahkan kepada cara hidup yang kompleks yang memberikan kesan sama ada positif atau negatif. Institusi kekeluargaan memainkan peranan yang penting dalam membentuk generasi yang harmoni dan bertoleransi. Institusi kekeluargaan pula perlu berkembang di dalam suasana yang harmoni dan teratur. Dalam arus pembangunan yang rancak, kerajaan negeri Johor sendiri tidak lupa menitikberatkan keharmonian sesebuah institusi kekeluargaan. Sehubungan itu, kerajaan negeri Johor sentiasa melaksanakan program berbentuk kekeluargaan yang menggabungkan penglibatan semua kaum di negeri Johor antaranya Anugerah Penyayang Johor dan Anugerah Keluarga Bahagia yang dilaksanakan setiap tahun yang memberi pengiktirafan kepada semua kaum di negeri Johor ini. Program dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dalam memastikan matlamat semua pihak berhubung kekeluargaan dan keharmonian serta perpaduan rakyat yang berbilang kaum tercapai dan tidak hanya kepada masyarakat Melayu sahaja.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim di bawah kerajaan negeri Johor juga telah memberikan pendidikan kekeluargaan kepada masyarakat yang beragama Islam melalui modul Keluarga Sakinah. Dan, bagi memastikan masyarakat bukan Islam juga turut memperolehi objektif yang sama, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim telah bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil langkah membangunkan satu Program Kekeluargaan Kasih yang lebih berfokus kepada masyarakat bukan Islam seperti keluarga Cina, India, Orang Asli dan lain-lain mulai tahun 2010 yang dinamakan juga sebagai Program pembangunan Keibubapaan Modul Kasih.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya juga mengharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan, pandangan dan teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio dan tanggungjawab saya demi kemajuan pembangunan negeri Johor. Teguh berdiri pohon cemara, kalis nan tuan gegak gempita, andai tersasar kata bicara, jemari disusun maaf dipinta. Sekian, wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Johor dan Jajahan Takluknya semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Ke-13. Saya percaya Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku penuh dengan nasihat dan suluh panduan untuk rakyat. Duli Yang maha Mulia Tuanku sebagai Raja yang memayungi sekalian rakyat sentiasa mengambil berat akan rakyatnya tanpa mengira latar belakang keturunan agama dan budaya. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga bukan sahaja mahukan negeri Johor ini terus maju dari segi pembangunannya malah aman makmur dengan rakyatnya yang bersatu padu sebagai bangsa Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya rasa belum terlambat bagi pihak kerajaan negeri ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik di seluruh negara khususnya guru-guru yang berkhidmat di negeri Johor termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang pernah jadi cikgu. (Dewan Bertepuk).

Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 16 Mei 2015 di Jitra, Kedah dan di peringkat negeri pula akan diadakan pada 21 Mei 2015 di Segamat. Kerajaan negeri sentiasa memberikan perhatian untuk melihat kecemerlangan pendidikan anak-anak Johor. Saya percaya guru-guru mampu mendukung amanah untuk mendidik anak bangsa seiring tema sambutan Hari Guru pada tahun ini, 'Membina Ilmu, Menyempurnakan Akhlak'. Selamat Hari Guru. Terima kasih cikgu. Serangkap pantun untuk para guru. Selat Melaka air melimpah, melimpah landai ke Tanjung Piai, di bumi ini kasih tertumpah, bakti disemai, budi dituai. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rundingan Membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya. Semasa bertitah Merasmikan Sidang Dewan kelmarin, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah meluahkan rasa bimbang akan suasana integrasi kaum pada hari ini. Sehinggakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menarik perhatian kita mengenai sistem pendidikan sekolah satu aliran sepertimana yang dilakukan di negara Jiran. Kebimbangan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini juga pernah disuarakan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Khoo Kay Kim, seorang tokoh sejarah dan ahli akademik yang menyarankan agar sistem persekolahan seragam diwujudkan untuk semua pelajar sebagai satu usaha mewujudkan perpaduan nasional seterusnya saranan ini telah membawa kepada cetusan idea penubuhan sekolah satu aliran. Kajian *Depress* pada tahun 1967 mendapati sekiranya setiap sekolah mengamalkan kurikulum yang berlainan maka keadaan ini akan mencetuskan segregasi antara penduduk. Gejala ini akan mengakibatkan perpecahan antara kaum kerana setiap kaum mempunyai matlamat tersendiri dan apabila tidak disatukan dalam sebuah institusi diversifikasi akan berlaku. Apa yang lebih membimbangkan adalah sistem sekolah yang berbeza dan mengasingkan murid pelbagai kaum ini akan menyuburkan lagi semangat perkauman.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekolah merupakan wahana terbaik untuk memulakan hubungan integrasi. Walau bagaimanapun amalan sistem pendidikan negara pada hari ini mempunyai pelbagai aliran telah membawa kepada

segmentasi sekolah. Sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan merujuk sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasan pengantar. Sekolah vernakular pula merujuk kepada sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Sebagaimana amalan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Secara umumnya, apa yang kita lihat pada hari ini orang Melayu lebih cenderung untuk menghantar anak ke sekolah kebangsaan. Orang Cina memilih untuk menghantar ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan orang India memilih untuk menghantar anak-anak mereka Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Keadaan ini tidak membantu ke arah integrasi dan perpaduan kaum kerana anak-anak kita telah dipisahkan sejak awal persekolahan lagi. Hal ini menyebabkan ketidakseragaman dalam menyerapkan kefahaman bahasa, identiti, budaya dan lain-lain. Keadaan ini menimbulkan dampak dalam memupuk perpaduan rakyat Malaysia.

Kerajaan pernah memperkenalkan Sekolah Wawasan yang bertujuan untuk menggalakkan interaksi yang lebih rapat di antara kaum tetapi berhadapan dengan cabarannya tersendiri. Ada sebahagian masyarakat yang membantah sekolah wawasan ini kerana mungkin mereka takut sekolah wawasan akan menyekat penggunaan bahasa ibunda mereka di sekolah. Yang Berhormat Skudai tidak begitu setuju dengan sekolah satu aliran dengan memberikan contoh-contoh sekolah-sekolah pelbagai aliran di luar negara. Yang Berhormat Machap dan Kempas pula memberikan pandangan yang berbeza dan berpegang kepada asas falsafah pendidikan negara. Isunya ialah soal perpaduan dan integrasi kaum. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, dasar memperkasa sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan sentiasa dilaksanakan dengan matlamat untuk memupuk dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan murid sebagaimana yang di aspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Pemerkasaan dan kecemerlangan ini dilaksanakan dengan meningkatkan kualiti prasarana, kemahiran guru dan juga kepimpinan sekolah. Soalnya ialah adakah kita bersedia untuk memilih sekolah arus perdana ini? Kalau ada kebimbangan tentang bahasa ibunda dan dasar pendidikan kebangsaan, ia membolehkan bahasa etnik diajar di sekolah sebagai mata pelajaran tambahan. Jika semua pihak boleh menerima atas kepentingan bangsa Malaysia, saya percaya merealisasikan sekolah yang disertai oleh semua kaum ataupun sekolah satu aliran bukanlah suatu perkara yang mustahil.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Nusajaya ada mencadangkan supaya diadakan tabung khas di peringkat jabatan pendidikan bagi pelajar-pelajar yang berpendapatan rendah. Di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri, tiada tabung khas bagi tujuan seperti ini. Walau bagaimanapun, merujuk kepada Perkara 37 Perlembagaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), sekolah boleh melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menambah dana. Melalui program-program yang mendapat kelulusan Pengarah Pendidikan Negeri selaku pendaftar sekolah dan juga sekolah institusi-institusi pendidikan. Selain daripada itu, PIBG juga boleh mendapat sumbangan dana daripada ahli-ahli persatuan, individu, organisasi, syarikat atau badan-badan yang lain-lain.

Menjawab kepada kebimbangan Yang Berhormat Nusajaya, akan perlunya kajian terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat atau konsultan di sekolah untuk mengendali program-program kecemerlangan pelajar, ia sebenarnya telah pun diambil perhatian dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri, di mana sebarang penawaran perkhidmatan ini akan dinilai dan perlulah mendapat

kelulusan dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri terlebih dahulu sebelum dibawa ke peringkat sekolah menerusi jawatankuasa khas yang dilantik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saranan Yang Berhormat Nusajaya agar lebih banyak syarikat melaksanakan konsep sekolah angkat adalah amat dialu-alukan. Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan anjakan ke-11. Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pihak jabatan amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan pihak ibu bapa, komuniti dan swasta dalam meningkatkan kecemerlangan sektor pendidikan. Satu usaha sama antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor dengan Yayasan Pintar selaku penyelaras kepada projek sekolah-sekolah angkat oleh syarikat-syarikat korporat yang bersedia menjadikan sekolah-sekolah di Johor sebagai sekolah angkat sedang giat dilaksanakan. Sehingga kini, terdapat sebanyak 50 buat sekolah di Johor yang telah diambil sebagai sekolah angkat oleh 18 buah syarikat korporat, antaranya UEM Sunrise, UEM Group, Tenaga Nasional Berhad, Kulim Berhad, PLUS, Time Engineering, Maybank, Boustead dan lain-lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Nusajaya juga ada mencadangkan agar dikaji semula penggunaan rotan bagi mengatasi masalah disiplin pelajar. Asas hukuman merotan bertujuan untuk mendidik bukan untuk mendera apatah lagi mencederakan murid. Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menjalankan kaji selidik hukuman rotan dalam sesi dialog polisi dan libat urus awam berkaitan hukuman rotan terhadap murid yang disertai oleh pelbagai lapisan dan latar belakang masyarakat pada 24 Mac yang lalu.

Hasil kaji selidik tersebut mendapati seramai 367 orang yang hadir iaitu 97.87% menyokong dan hanya 8 orang sahaja iaitu 2.13% tidak menyokong hukuman rotan. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia pula, sedang dalam usaha memurnikan peraturan-peraturan pelajaran, yakni Disiplin Murid 1959. Ianya merupakan peraturan-peraturan pendidikan yang kritikal dan kompleks untuk digubal kerana melibatkan dasar dalam mengenakan sesuatu hukuman kepada murid. Menyediakan tatacara pengurusan serta pelaksanaan disiplin sekolah yang komprehensif. Dalam hal ini, penggubalan peraturan-peraturan ini juga perlu mengambil kira peruntukan undang-undang lain, seperti Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Perubatan 1971.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Kempas ada mencadangkan agar mata pelajaran bahasa Inggeris diwajibkan dalam usaha mempertingkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Inggeris seterusnya meningkatkan kebolehpasaran para pelajar. Malah Yang Berhormat Tenggaroh juga turut mencadangkan agar diperkenalkan program bertema *English Da*y dengan izin, dalam usaha mencapai matlamat yang sama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mulai tahun 2016, mata pelajaran bahasa Inggeris akan menjadi salah satu mata pelajaran wajib lulus di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, selain daripada mata pelajaran bahasa Melayu dan juga Sejarah pada masa ini. Sebagai persediaan memastikan para pelajar mampu menguasai bahasa Inggeris, Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengambil inisiatif melaksanakan *roadshow* "Bahasa Inggeris Wajib Lulus SPM 2016", mulai Januari 2016 berfokuskan kepada pelajar-pelajar tingkatan 4 yang akan menjadi calon SPM tahun hadapan.

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah melaksanakan program-program dengan konsep program *English Day* dengan izin, sebagaimana yang dicadangkan

oleh Yang Berhormat Tenggaroh, telah juga dilaksanakan bagi mempertingkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Inggeris. Antara program yang saya laksanakan;

i. Minggu Bahasa Inggeris yang diadakan pada minggu ke-2 setiap bulan. Sepanjang pelaksanaan program ini, segala penyampaian maklumat dan perjalanan perhimpunan digalakkan menggunakan bahasa Inggeris
ii. Program *English Within 20 Minutes*, dengan izin yang diadakan seminggu sekali selama 20 minit sebelum sesi persekolahan bermula.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri menyambut baik cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat Pemanis akan usaha mendapatkan dan membangunkan bakat anak-anak Johor. Pada tahun ini, Johor Corporation, pertama kalinya memperkenalkan skim biasiswa, iaitu *Johor Education Sponsorship Program* yang melibatkan penajaan pelajar dalam empat bidang kritikal iaitu ekonomi, kejuruteraan undang-undang dan perakaunan. Skim biasiswa ini menyasarkan seramai 100 orang pelajar dengan peruntukan sebanyak RM16 juta. Selain Johor Corporation, Yayasan Pelajaran Johor turut melaksanakan program skim biasiswa yang dikenali sebagai Biasiswa Sultan Ibrahim. Biasiswa Sultan Ibrahim adalah skim yang diperkenalkan oleh Yayasan Pelajaran Johor pada tahun 2014 bagi pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran secara sepenuh masa. Objektif biasiswa ini ditubuhkan adalah bagi merangsang dan menggalakkan graduan yang berkaliber meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi dalam bidang-bidang yang penting selaras dengan agenda pembangunan negeri Johor.

Pada tahun ini, Yayasan Pelajaran Johor telah memperuntukkan sebanyak RM260,000.00 dan mensasarkan seramai 50 orang pelajar anak-anak Johor khususnya daripada pelbagai jurusan antaranya sains kesihatan bersekutu, sains sosial, sastera, sains tulen dan kejuruteraan dan tempoh tajaan Biasiswa Sultan Ibrahim ini adalah selama 1 hingga 4 tahun.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Mengkibol ada membangkitkan isu berkaitan dengan Empangan Kahang dengan menyatakan tarikh siap empangan asyik ditunda dan di tangguh. Sebenarnya Yang Berhormat Mengkibol ini dia bukannya orang Kluang, dan Yang Berhormat Mengkibol ini bukan sahaja membangkitkan isu ini di dalam Dewan tetapi kat luar Dewan pun dia bercakap.

Orang Kluang menghadapi masalah air sejak sebelum Yang Berhormat Mengkibol menjadi Wakil Rakyat lagi pun. Sudah bertahun-tahun lamanya. Sebab itu, apabila saya menjadi Wakil Rakyat pada tahun 2008, saya telah menjadikan permasalahan air di Kluang ini sebagai keutamaan. Saya dapat rasa bagaimana masyarakat Cina sengsara menghadapi Tahun Baru Cina tanpa air, saya dapat rasakan betapa susahnya hendak mengadakan majlis kahwin bila tak ada air, saya dapat rasa bagaimana sukarnya nak mandikan jenazah pun tak ada air. Tapi tindakan saya tidak berceramah atau bercakap di sana sini menyalahkan kerajaan (Dewan bertepuk).

Saya usaha dengan pelbagai cara, cari jalan, nak cari peruntukan supaya isu di Kluang ini tidak berlarutan begitu lama dan dapat diselesaikan. Akhirnya, pada tahun 2011 saya dapat yakinkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bersetuju dan mengumumkan peruntukan RM100 juta bagi merealisasikan harapan orang Kluang untuk dapat empangan baru, iaitu Empangan Kahang. Walaupun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dah umumkan peruntukan, tapi oleh kerana projek itu tidak mempunyai peruntukan yang khusus di bawah Rancangan

Malaysia Ke-10, maka Kementerian yang berkaitan dan juga Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri perlu buat kertas kerja, buat anggaran bajet untuk adakan peruntukan. Dan bila sudah ada peruntukan, Kementerian dan agensi yang berkenaan pula perlu nak buat reka bentuk, nak buat kajian alam sekitar malah nak tengok kawasan tanah yang nak ditenggelamkan. Dah tentulah proses ini mengambil masa yang lama.

Semalam Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pun telah nyatakan bahawa projek pembinaan empangan ini akan, telah dimulakan pun dan dijangka siap pada tahun 2017. Jadi saya berharaplah, supaya Yang Berhormat Mengkibol ini tak usahlah nak timbulkan isu ini lagi, nak politikkan lagi isu ini. Saya harap beliau faham dan janganlah guna isu ini untuk bercakap sana sini yang hanya akan menimbulkan kemarahan rakyat. Cukuplah, kalau nak cakap pun biar cakap ataupun terangkan perkara yang betul.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir kata saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengutarakan pandangan dan nasihat berhubung dengan soal-soal pendidikan, penerangan, pembangunan usahawan dan koperasi dan saya memohon maaf sekiranya ada yang tidak dapat saya jawab, maka saya akan cuba untuk minta jabatan-jabatan yang berkaitan membuat susulan. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya dipersilakan dengan hormatnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat penggulungan, Yang Amat Berhormat dijemput.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya bagi pihak kerajaan negeri Johor menjunjung kasih yang amat mendalam kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di atas titah Tuanku sempena Pembukaan Sidang Dewan kali ini. Insya-Allah kami akan mengambil iktibar daripada nasihat dan pandangan berguna Tuanku. Saya juga merakamkan rasa terima kasih kepada seluruh Ahli-Ahli Dewan yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh perkara-perkara yang ada hubung kait dengan tanggungjawab saya. Lebih-lebih lagi tahniah atas mutu perbahasan yang baik (Dewan bertepuk).

Saya harus menyatakan rasa senang saya kerana suasana yang teratur, Speaker pun senang hati, *civil* dengan izin, dan saling menghormati di sebalik perbezaan pandangan politik kita. Ini menunjukkan bahawa amalan demokrasi di Johor semakin matang dan dewasa. (Dewan bertepuk).

Terdapat Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti Pemanis, Bukit Naning, Nusajaya, Tenggaroh dan yang lain-lain yang menyentuh tahap pembangunan dan mengakui pencapaian kemajuan negeri. Serta banyak pula merujuk kepada rizab kewangan negeri yang terkini. Saya mengambil kesempatan sesi penggulungan ini untuk membuat beberapa rumusan penting mengenai perkara ini :

1. Johor secara keseluruhan telah menunjukkan prestasi pembangunan yang pesat, seimbang, lestari dan inklusif. Angka-angka yang kita perolehi menunjukkan Johor mencatatkan prestasi membanggakan dalam banyak segi.

2. Segala pencapaian Johor ini bukan sahaja dari segi kuantitatif, malah menjangkaui aspek kualitatif yang tidak boleh diukur dengan nilai material dan perolehan kewangan semata-mata.

Inilah keseimbangan dalam pembangunan yang kita dambakan. Pembangunan yang menjangkaui perkiraan KDNK dengan izin, *none GDP measures*, pembangunan yang mempunyai paksi rohani dan manusiawi. Bukan pembangunan yang menjurus pada angka-angka yang *superficial* dengan izin.

Dalam aspek pencapaian kuantitatif, kita telah mencatatkan pencapaian berikut. Kita telah mengurangkan kadar pengangguran secara signifikan. Kebanyakan anak muda kita kini mempunyai pekerjaan malah Johor dibanjiri begitu ramai orang luar terutama dari Sabah, Sarawak, Kelantan dan sebagainya kerana peluang pekerjaan yang banyak. Kadar pengangguran di Johor setakat 2014 adalah amat rendah iaitu 2.8%. (Dewan bertepuk). Dalam masa beberapa tahun terdekat ini, insya-Allah kemiskinan akan menjadi sejarah. Jumlah kemiskinan di Johor sangat rendah di bawah angka hanya 1 digit. Malah kadar kemiskinan Johor adalah antara yang terendah di Malaysia dengan hanya 0.9%. (Dewan bertepuk).

Johor terus menjadi destinasi pelaburan pilihan pelabur asing dan domestik. Pada tahun 2014, Johor berada pada kedudukan pertama di Malaysia dengan jumlah pelaburan tertinggi dalam sektor pembuatan sebanyak RM21.17 bilion. Dan lebih penting kita mempunyai simpanan yang besar dan menjadikan kita berada dalam kedudukan yang selesa. Pada akhir tahun 2014, kita mempunyai rizab negeri sebanyak RM2.30 bilion. Semua ini, jika kita semua terus berusaha gigih, maka insya-Allah Johor akan menjadi kuasa baru ekonomi Malaysia seperti yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Tanjung Surat, Skudai dan yang lain-lainnya. Malah tidak mustahil Johor suatu waktu nanti akan menjadi pusat pertumbuhan paling pesat dalam negara mengatasi Lembah Klang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, daripada aspek kualitatif pula, pencapaian-pencapaian berikut adalah sesuatu yang mendatangkan kepuasan kepada kita :

1. Penurunan kadar jenayah negeri Johor, sehingga Mac 2015 kadar jenayah telah menurun 13.14% iaitu sebanyak 496 kes berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Johor bukan lagi seperti dahulu dengan cerita negatif kadar jenayahnya. Pada masa yang sama pengeluaran lesen hiburan telah dihentikan sepenuhnya. (Dewan bertepuk).

2. Pembinaan rumah mampu milik. Statistik *task force* perumahan negeri Johor merekodkan sehingga Mac 2015 sebanyak 61 ribu permohonan rumah diterima. Dan dijangka sebanyak 46,931 buah rumah akan dibina di seluruh Johor rumah mampu milik di antara 2014 dan 2018.

3. Pelancaran bantuan Usahawan Belia Islam, Perbadanan Islam Johor dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia Johor telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM650 ribu kepada 400 usahawan belia. Ini kerana kita percaya bahawa perniagaan kecil dan sederhana itu penting kepada ekonomi Johor. Merekalah yang menjadikan ekonomi kita besar dan berjaya.

4. Penubuhan Sukarelawan Darul Takzim bagi meningkatkan mutu kepimpinan dan rasa tanggungjawab di kalangan belia terhadap masyarakat. Sukarelawan Darul Takzim telah dilancarkan pada 1 Mei 2015. Kini sudah ada lebih 13 ribu ahli Sukarelawan Darul Takzim yang bergerak aktif dalam pelbagai kerja amal dan aktiviti kemanusiaan dan kemasyarakatan. Kita mahu rakyat

Johor memberi sebanyak-banyaknya pada Johor, pada Malaysia dan pada dunia.

5. Meningkatkan taraf ekonomi belia dalam ikhtiar menggalakkan penyertaan usahawan belia dalam sektor ekonomi, skim inkubator usahawan Johor dan konsep kotak niaga yang diusahakan oleh PIJ Holdings dan Presint Samudra Sdn. Bhd. telah dilancarkan. Program ini melibatkan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi tempoh 2 tahun akan datang. Pada masa yang sama, Johor kini telah mempunyai 40 buah kedai Tukar dan *Johor Mart* yang melibatkan kerjasama dengan MARA dan PUJB Retail.

6. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Exco Pendidikan Skim Penajaan Pendidikan Johor Corporation, iaitu Johor Corporation *Education Sponsorship* dan JCorp *Chatered Accountancy Programme*. Berbekalkan peruntukan sebanyak RM16 juta, Johor Corporation telah melancarkan 2 skim penajaan pendidikan kepada 100 orang pelajar pra siswazah dalam bidang-bidang utama dan kritikal iaitu ekonomi, kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pencapaian baik yang telah kita capai tidak pernah melekakan kita. Malah kita menyedari masih banyak yang perlu dilakukan. Petunjuk-petunjuk positif ini juga mengundang kita untuk melihat di sebalik segala kejayaan itu pasti ada jurang yang harus kita rapatkan. Pasti ada ketidakseimbangan dan pasti ada cabarannya. Kesemua ini harus kita tangani dengan berhikmah dan berkesan. Tidak kiralah semaju mana pun sesebuah negara dan bangsa, pasti akan ada mereka yang ketinggalan. Mereka yang kita panggil dengan izin, *the least, the lost and the last* dan kita mempunyai kewajipan moral untuk menangani jurang ini kerana :

1. Ini adalah tuntutan moral kepada sesebuah kerajaan yang bertanggungjawab.

2. Kerana agenda pembangunan kita bersifat inklusif dan,

3. Kerana kita bersifat demokratik dan mengutamakan rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Batu telah mengutarakan kerisauan tentang wujudnya apa yang dikatakan jurang pembangunan di Johor. Terutamanya bila membandingkan di antara Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia dengan kawasan-kawasan lain di Johor daripada segi pendapatan dan juga geografi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bila kita membangunkan Iskandar Malaysia, kita melakukannya setelah mengambil kira dengan teliti segala faktor dan kesesuaian strategik yang boleh membuatkan sesebuah projek itu berjaya. Malah Malaysia memerlukan beberapa kawasan pertumbuhan ekonomi yang berpotensi tinggi. Kita tidak boleh menjadikan Kuala Lumpur dan Lembah Klang sebagai satu-satunya nadi ekonomi Malaysia. Kita memerlukan lebih daripada itu. Kerana itulah Iskandar Malaysia diwujudkan. Ia bukan saja strategik tetapi dibangunkan setelah melihat potensi Johor Bahru dan persekitarannya.

Johor Bahru mempunyai bakat dan pekerja mahir yang diperlukan. Ia turut mempunyai kemudahan prasarana yang baik dan moden. Kedudukannya yang berhampiran dengan Singapura juga akan memberikan nilai tambah kepada kemasukan pelaburan asing. Tetapi ini tidak sama sekali bermakna pembangunan wilayah ekonomi ini hanya akan berlaku dalam lingkungannya. Ini adalah

pandangan yang sempit dan tidak tepat. Limpahannya pasti akan memberi manfaat kepada Johor dan kepada negara secara keseluruhan. Peluang pekerjaan yang diwujudkan, peluang perniagaan yang terhasil, peluang untuk terlibat dalam penyaluran pelbagai perkhidmatan yang diperlukan. Pasti keutamaannya ialah untuk warga dan rakyat Johor. Kita mesti yakin bahawa potensi Iskandar Malaysia dan manfaatnya bukan pada kedudukan geografinya tetapi pada keupayaannya menjadi kawasan pertumbuhan paling pesat dan gerbang ekonomi di sebelah selatan tanah air. Dan bila ia bertumbuh pesat, maka secara tidak langsung Johor dan rakyatnya akan membangun dan limpahannya pasti terasa di Muar, di Segamat, di Batu Pahat dan di seluruh Johor.

Pada waktu yang sama bila kita membangunkan Iskandar Malaysia, tidak bermakna kita tidak ada pelan pembangunan untuk daerah lain. Kita semua tahu Pagoh sedang dibangunkan menjadi pusat pendidikan berkepentingan nasional. Kita tahu Batu Pahat akan terus menjadi bandar perkilangan dan pembuatan paling penting di Malaysia. Kita semua tahu bahawa Pengerang sedang dibangunkan menjadi pusat industri minyak dan gas utama negara. Manakala Desaru sebagai pusat pelancongan dan Mersing dibangunkan sebagai sebahagian dari *Eastern Corridor Economic Region*, ECER dengan izin.

Strategi kita ialah untuk membangunkan potensi setiap daerah berdasarkan kekuatan setempat. Bukan membangunkan setiap pelosok Johor secara membabi, membuta tuli hanya kerana kita ingin mewujudkan lebih banyak projek pembinaan. Dan saya suka menegaskan bahawa projek pembinaan bukanlah satu-satunya kayu ukur pembangunan yang bermakna. Ia hanya sebahagian kecil dari pembangunan. Tetapi bila semua kampung mempunyai bekalan air bersih, mempunyai kemudahan jalur lebar, mempunyai sekolah dengan guru terlatih, mempunyai sistem jalan raya yang memudahkan petani membawa hasil pertanian ke pasaran, maka inilah sebenarnya pembangunan. (Dewan bertepuk).

Begitu juga apabila Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Surat dan Jorak membangkitkan bahawa peruntukan dari kerajaan pusat adalah tidak setimpal dengan sumbangan besar negeri Johor kepada pendapatan kasar kerajaan pusat. Ini adalah sesuatu yang tidak begitu tepat lebih-lebih lagi kalau dakwaan sedemikian hanya bersandarkan jumlah peruntukan tunai semata-mata. Tahukah Ahli-Ahli Dewan bahawa Johor mempunyai antara sekolah paling banyak di Malaysia iaitu 904 sekolah rendah pelbagai jenis dan 1,178 sekolah menengah pelbagai jenis. Dan, Johor mempunyai jumlah guru yang sangat ramai, mencecah 46,690 orang. Itu belum lagi bercerita tentang peruntukan seramai 9,393 orang anggota Polis Diraja Malaysia, sehingga menyumbang kepada penurunan kadar jenayah yang saya sebutkan tadi. Dan ribuan anggota Angkatan Tentera Malaysia ditugaskan di Johor. Kesemua ini adalah peruntukan kerajaan pusat sepenuhnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat harus sedar berapa beratus juta ringgit telah dibelanjakan oleh kerajaan persekutuan untuk membangunkan Iskandar Malaysia dan Pengerang. Sekali lagi ini semua adalah peruntukan kerajaan pusat yang akan memberi manfaat secara terus kepada Johor. Lihat sahaja bagaimana Johor dihubungkan dengan lingkaran jalan raya dan lebuh raya yang besar, selesa dan berkualiti, semuanya sumbangan kerajaan pusat. Dan tidak dinafikan pintu sempadan Johor - Singapura adalah pintu masuk sempadan yang paling sibuk di Malaysia malah menjadi pintu masuk utama ke negara ini. Untuk itu, kerajaan pusat telah memperuntukkan seramai 2,690 orang kaki tangan Jabatan Imigresen di Johor menggunakan perbelanjaan kerajaan pusat sepenuhnya.

Di samping itu, kita mempunyai 44 buah pusat kesihatan yang terdiri daripada beberapa hospital, klinik dan pusat kesihatan dan beberapa hospital kita telah menjadi pusat rujukan kebangsaan bagi beberapa bidang disiplin perubatan. Dan bagi menggerakkannya, kerajaan pusat membiayai 22,378 orang kakitangan kesihatan pelbagai pangkat ke Johor. JCS kita ada 200 lebih pegawai sahaja, Tan Sri Speaker.

Kita ada beberapa universiti awam di Johor dan peruntukan tahunan UTM dan UTHM misalnya adalah dalam lingkungan RM900 juta setahun dan ini tidak termasuk beberapa politeknik dan kolej komuniti. Semua ini dibangunkan dan diuruskan menggunakan peruntukan kerajaan pusat. Jadi janganlah kita melupakan sumbangan material dan sumber tenaga besar ini dan hanya melihat daripada perspektif peruntukan geran per kapita semata-mata. Marilah kita melihat perkara ini daripada sudut pandang yang lebih luas, lebih besar, lebih bermakna dan lebih adil.

Tan Sri Speaker, selain itu, saya lihat semasa perbahasan berlangsung, banyak isu nasional yang dibangkitkan tetapi nampaknya tidak dinafikan dirasai oleh rakyat Johor. Yang paling menyerlah ialah berkaitan GST. Kerajaan negeri mengakui rasional memperkenalkan GST. Ia bukan sekadar memperkenalkan sistem percukaian baru, tetapi strategi jangka masa panjang untuk membentuk ekonomi Malaysia yang berketahanan ataupun *resilient,* dengan izin. Ini kerana kita tidak lagi boleh terlalu bergantung kepada hasil petroleum untuk menjadikan ekonomi kita berkompetatif. Kita harus mengakui bahawa ekonomi kita sangat bergantung kepada sektor perkhidmatan.

Maka oleh kerana itu, kita harus melebarkan usaha mendapatkan pulangan dari pelbagai sektor perkhidmatan ini. Kerana itulah kita percaya bahawa pungutan cukai melalui pelbagai rantaian perkhidmatan adalah jalan ke hadapan untuk mengukuhkan pendapatan negara.

Daripada 28 juta orang rakyat Malaysia, kira-kira hanya 2 juta orang sahaja yang membayar cukai kepada kerajaan, kepada kerajaan persekutuan. GST akan dapat memastikan beban cukai bukan hanya dipikul oleh segelintir pembayar cukai sahaja, kerana selama ini perbelanjaan kebanyakan rakyat Malaysia dibebankan atas bahu sejumlah kecil pembayar cukai dan keadaan ini mesti diperbetulkan.

Dan penting saya jelaskan di sini, keputusan untuk melaksanakan GST ini bukan di buat secara tergesa-gesa. Ia adalah berdasarkan kajian hampir 20 tahun dan cadangan pelaksanaannya telah ditangguhkan beberapa kali. Jika banyak pihak menyatakan bahawa rakyat Malaysia tidak bersedia, soalan kita ialah sampai bila kita akan bersedia. Berapa banyak masa lagi yang kita perlukan untuk bersedia? Malah Malaysia antara negara yang paling lewat melaksanakan GST. Terdapat 160 buah negara dari pelbagai benua yang telah melaksanakan sistem ini mendahului kita dan sehingga kini, belum ada negara yang menarik balik pelaksanaan GST selepas diperkenalkan. Bagaimana mungkin kita boleh tersilap bila 160 negara lain melaksanakan amalan cukai yang sama. Kita harus realistik. Kita mendambakan sekolah yang baik, hospital yang setaraf negara maju, universiti terkemuka, penyelidikan merentas zaman dan masa serta pelbagai kemajuan lain lagi.

Dan ini semua memerlukan kerajaan melabur dengan banyak dan dengan besar. Kita memerlukan sumber pendapatan yang lestari jika kita mahukan perkhidmatan awam yang moden dan termaju. Kerana itu, kita mesti melakukan transformasi atas

sistem percukaian kita. Namun, kerajaan negeri mengakui bahawa ada masalah dalam pelaksanaan sistem ini dan menyebabkan begitu banyak kekeliruan dan salah faham. Ini harus menjadi fokus kita memperbaiki perlaksanaannya, bukan menghapuskannya. (Dewan bertepuk). Kerajaan negeri akan mengutarakan kegelisahan, pandangan dan semua teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan kepada kerajaan pusat untuk perhatian mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk memaklumkan hasrat kerajaan negeri bagi mewujudkan satu lagi Pihak Berkuasa Tempatan iaitu di Pengerang bagi mengurus pembangunan yang pesat yang akan berlaku di sana bagi merealisasikan kawasan tersebut sebagai hab minyak dan gas. Dan ini telah mendapat kelulusan kerajaan persekutuan. Oleh itu kerajaan negeri akan mengambil tindakan lanjut bagi melaksanakan perkara ini yang di lihat selari dengan keperluan memastikan pembangunan pesat di Pengerang berjalan dengan teratur, lestari dan berkesan.

Merujuk kepada isu penyiapan projek perumahan Pengerang, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjung Surat, kerajaan sedar dan memberi perhatian serius terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk di Taman Bayu Damai ini. Pihak syarikat, pemaju ataupun pembina kini sedang berusaha dan mengambil tindakan membaiki semula semua bentuk kerosakan tersebut di bawah pemantauan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Johor Petroleum Development Corporation, serta juru runding pembinaan yang dilantik oleh kerajaan negeri.

Kerajaan negeri komited dalam memastikan semua rumah dibaiki oleh pihak pemaju mengikut kontrak reka dan bina. Bagi penduduk yang terkesan, satu proses rundingan sedang dijalankan bagi sama ada menggantikan rumah yang rosak dengan unit-unit rumah sementara yang sudah dilengkapi dengan kemudahan asas atau memindahkan mereka ke kawasan penempatan sementara yang lain menggunakan pengangkutan yang disediakan oleh pihak pemaju. Malah mereka diberikan bayaran *ex-gratia* sebanyak RM1,000 oleh pihak pemaju. Setiap peringkat kerosakan akan memerlukan masa penyelesaian yang berbeza mengikut tahap-tahap kerosakan. Walau bagaimanapun, dijangkakan proses pembaikan akan dapat disiapkan dalam suku terakhir tahun ini.

Selain daripada itu Tan Sri Speaker, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengulas dan memaklumkan kepada Ahli-Ahli Dewan mengenai usaha kerajaan negeri menebus Dana Johor peringkat ke empat dan terakhir. Writ As-Salam yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 15 Februari 2015 yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia dalam suku ke tiga tahun ini akan membolehkan Johor Corporation melalui Pelaburan Johor Berhad melakukan penebusan tersebut. Ini melibatkan pemberian unit-unit Writ As-Salam tersebut kepada seramai 24,330 orang, sebahagian besarnya adalah rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengulas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gambir berkenaan pemilihan ketua masyarakat, setakat ini kerajaan negeri sedang melantik ketua-ketua masyarakat daripada pelbagai kaum dan tidak hanya tertumpu kepada orang Melayu sahaja. Kita sedang melantik seramai 551 orang Melayu, 107 orang Cina dan 10 orang India sebagai ketua masyarakat dan kita akan mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan untuk melantik ketua masyarakat daripada kaum Tionghoa di Kampung Belemang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum mengakhiri ucapan perbahasan saya pada pagi ini, saya juga ingin mengumumkan bahawa kerajaan negeri Johor akan

melancarkan satu lagi inisiatif besar dan strategik. Dalam masa terdekat ini sebelum akhir tahun, kita akan melancarkan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor. Kita bukan lagi bercakap tentang pelan pembangunan, kita telah pergi lebih jauh. Kita ingin memastikan pertumbuhan ekonomi menjadi agenda yang menyeluruh, utama dan di demokrasikan. Dokumen ini akan menjadi peta untuk kita rujuk bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak hanya berpusat di beberapa kawasan tertentu. Bagi kita, setiap kawasan, setiap daerah mempunyai kepentingan strategik tersendiri. Cuma kita tidak pernah membongkar potensi strategik ini. Dan masanya telah tiba untuk kita membongkarnya.

Tujuannya hanya satu, tiada satu daerah, tiada satu bahagian di Johor yang tidak boleh dibangunkan ekonominya. Dan dokumen ini akan memberitahu kita bidang-bidang strategik yang boleh kita bangunkan. Bidang yang boleh kita kembangkan menjadi nadi ekonomi yang bersesuaian dengan kesediaan dan keunikan sesuatu kawasan tersebut. Uniknya strategi pertumbuhan ini ialah, jika dahulu pendekatan kita adalah mengenal pasti projek pembangunan untuk dibangunkan di beberapa kawasan tertentu, dengan harapan ia boleh membantu membangunkan kawasan tersebut. Model itu telah lapuk dan tidak lagi dapat kita gunakan. Sekarang kita melihat potensi sesuatu kawasan mengenal pasti aktiviti ekonomi yang boleh dibangunkan secara strategik dan lestari, sesuai dengan kesediaan setempat.

Saya memohon agar semua Ahli Dewan dapat memainkan peranan bagi memberi pandangan dan input yang membina sebagai sebahagian dari proses menambah baik keberhasilan dokumen itu nanti. Dan, apabila visi pertumbuhan Johor ini dilancarkan, saya menyeru kita bersama-sama menjayakannya tanpa mengira apa jua perbezaan dan pandangan politik kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai penutup, saya ingin menyatakan bahawa Johor telah menjadi semakin makmur dan mandiri. Johor telah berupaya memberikan pembangunan yang berpaksikan kesejahteraan rakyat. Johor semakin hari semakin sejahtera. Pendapatan kita semakin bertambah, hutang kita diuruskan dengan baik, defisit telah kita tangani, pertumbuhan ekonomi menunjukkan peningkatan kadar pengangguran semakin berkurangan, peluang pekerjaan semakin banyak, masyarakat semakin selamat, kadar kemiskinan adalah terendah dalam sejarah Johor moden. Johor insya-Allah sedang menuju kepada sebuah negeri yang lebih demokratik, lebih berkebajikan dan lebih adil dan saksama. Sekian penggulungan saya, Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat, demikianlah ucapan jawapan dan penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut : Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan. Terima kasih.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2015.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2015 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi perbelanjaan bekalan tahun 2015. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM28,386,000.00. Sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah enam Jawatankuasa seperti berikut :-

i. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM25,970.000.00
ii. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, RM289,000.00
iii. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM1,792,000.00
iv. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM38,000.00
v. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, RM176,000.00
vi. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM121,000.00

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput

angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Tan Sri Pengerusi : **Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

Jurutulis : JADUAL .

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,845,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan dan RM23 juta bagi Maksud B.04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM2,845,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud B.04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM23 juta diperlukan bagi menampung tuntutan bayaran balik hasil dari kutipan premium tanah dan premium hutan yang terlebih bayar dan untuk melaraskan transaksi cek-cek yang belum ditunaikan yang terlibat dalam migrasi data daripada Sistem Perakaunan Manual kepada Sistem Perakaunan Berkomputer Negeri (SPEKS) sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Audit Negara.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM121,000.00 bagi Maksud B.10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM121,000.00. Sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahunan 2014. Manakala selebihnya sebanyak RM101,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganti cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM38,000.00 bagi Maksud B.12 Kebun Bunga DiRaja Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud B.12 Kebun Bunga DiRaja Johor , diperuntukkan sebanyak RM38,000.00 bagi menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran Khas Prestasi Tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,757,000.00 bagi B.21 Jabatan Agama Islam Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud Bekalan B.21 Jabatan Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,757,000.00. Sebanyak RM570,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2014. Sebanyak RM257,000.00 pula diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM930,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM289,000.00 bagi maksud B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, diperuntukkan RM289,000.00 bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2015.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM176,000.00 bagi Maksud B.24 Jabatan Kerja Raya Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud B.24 Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM176,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM28,000.00 bagi Maksud B.29 Mahkamah Syariah, RM7,000.00 bagi Maksud B.32 Jabatan Mufti Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, Mahkamah Syariah Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM28,000.00 bagi menampung Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2014.

Di bawah Maksud Bekalan B.32 Jabatan Mufti Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM7,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM50,000.00 bagi Maksud B.51 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, RM47,000.00 bagi Maksud B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat, RM10,000.00 bagi Maksud B.57 Pejabat Tanah Kluang, RM18,000.00 bagi Maksud B.61 Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, RM50,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014. Di bawah Maksud B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM47,000.00. Sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan bagi tahun 2014 manakala selebihnya sebanyak RM37,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara. Di bawah Maksud Bekalan B.57 Pejabat Tanah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM10,000.00 bagi menampung Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014. Di bawah Maksud Bekalan B.61 Pejabat Tanah Ledang, diperuntukkan sebanyak RM18,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju.

Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dibaca dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan

supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2015 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2015.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol ingin membawa satu rundingan ke mesyuarat ini bahawa Peraturan 32(viii), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor. Rundingan yang dimaksudkan tadi adalah seperti berikut :- Bahawa Dewan Negeri Johor memutuskan dan mengehendaki Majlis Mesyuarat Negeri Johor membantah sebarang cadangan untuk menaikkan tarif air di negeri Johor selagi Syarikat Air Johor masih memperolehi keuntungan lebih daripada 6% ...

YB Speaker : Yang Berhormat...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Dan gagal mengguna, mengurangkan...

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk. Perkara Yang Berhormat nak bangkitkan itu dah tak berapa kena lagi dengan masanya. Kita dah selesai Persidangan kita ini. Jadi, saya minta teruskan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan. Sebelum ini saya jemput Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan untuk ke jamuan makan tengah hari di Dewan Jamuan. Dewan ditangguhkan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:15 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Koordinator
Encik Omar bin Yasin

Setiausaha Pejabat
Puan Norliza binti Md. Aris
Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Mohd. Norazri bin Kasim
Encik Mohd. Sapri bin Manan

Setiausaha Pejabat
Puan Zalinah binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Inson binti Abdul Wahab
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Fareza binti Musa
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Suriati binti Abd. Hajar
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan

Puan Zahiti binti Muhammad Hamdi
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan

Cik Nor Zamila binti Sapie
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Norazilawati binti Masri
Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru

Puan Hairun Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Menteri Besar

Puan Zakiah binti Abd. Wahab
Pejabat Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor

Puan Norhafizah binti Osman
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Puan Sarimah binti Said
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor

Cik Sharifah Nur Asyikin binti Syed Omar
Pejabat Pengarah ICT Negeri Johor

Puan Rahimah binti Akbar
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Puan Raihanah binti Ismail
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Cik Nur Adeliah binti Abidi
Pejabat Badan Kawal selia Air Johor

Puan Norlydialina binti Ithnain
Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor

Rakaman
Encik Abdul Rahman bin Elias
Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md. Sidi
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Juruaudio Video
Norazhan bin Mohd Salleh